# TAKHRIJ HADITH MASYHUR BERKAITAN *AL-FADA'IL*: KAJIAN KEFAHAMAN DAN PENGAMALANNYA DALAM KALANGAN GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI JOHOR

**MOHD SHUKRI BIN MOHD SENIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**
**UNIVERSITI MALAYA**
**KUALA LUMPUR**

**2019**

Universiti Malaya

# TAKHRIJ HADITH MASYHUR BERKAITAN *AL-FADA'IL*: KAJIAN KEFAHAMAN DAN PENGAMALANNYA DALAM KALANGAN GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI JOHOR

**MOHD SHUKRI BIN MOHD SENIN**

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

**2019**

Universiti Malaya

**UNIVERSITI MALAYA**
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama:Mohd Shukri Bin Mohd Senin

No. Matrik: IHA100020

Nama Ijazah: Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Tesis: Takhrij Hadith Masyhur Berkaitan *Al-Fada'il* : Kajian Kefahaman Dan Pengamalannya Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam Di Negeri Johor

Bidang Pengkajian:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1)Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2)Hasil Kerja ini adalah asli;
(3)Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4)Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5)Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6)Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan

Tandatangan Saksi Tarikh:

Nama:

Jawatan:

Universiti Malaya

**TAKHRIJ HADITH MASYHUR BERKAITAN *AL-FADA'IL* : KAJIAN KEFAHAMAN DAN PENGAMALANNYA DALAM KALANGAN GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI JOHOR**

## ABSTRAK

Penyebaran hadith palsu dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini amat membimbangkan apatah lagi dengan perkembangan teknologi dan kemunculan media sosial yang menjadi pemangkin kepada penularannya. Segelintir penceramah agama juga memetik hadith palsu di dalam ceramahnya dan sekali gus menyaksikan masyarakat terutamanya yang cetek ilmu agama akan menerimanya dan menjadikannya sebagai panduan serta amalan hidup. Namun isu ini menjadi lebih besar apabila hadith palsu itu dijadikan amalan dan kepercayaan sehingga menyesatkan akidah umat Islam yang menerimanya tanpa merujuk kepada sumber dipercayai dan bertauliah. Hadith palsu merupakan kata-kata yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sedangkan perkara tersebut tidak pernah disebut, dilakukan atau diperakukan baginda. Hadith palsu menjejaskan akidah, memesongkan kefahaman tentang alam ghaib dan merupakan fitnah akhir zaman yang berlaku dengan mengamalkan hadith yang tidak dapat dipastikan kebenarannya selain terlalu yakin dengan suatu ganjaran pahala atau hukuman yang tidak benar. Bukan sedikit golongan yang beramal dengan hadith palsu termasuklah segelintir ahli agama yang turut merujuk kepada karya-karya yang belum disemak dan dikenalpasti sumber takhrij hadithnya. Justeru, kajian yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti martabat hadith-hadith berkaitan fadilat yang dijadikan sebagai sumber utama di dalam rujukan pengamalan lantaran penyebarannya melalui penulisan di dalam buku-buku bacaan umum semakin tersebar di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Kajian ini hanya memfokuskan kepada hadith-hadith fadilat yang berjumlah 212 buah hadith yang terdapat di dalam lima buah buku berkaitan hadith yang terpilih. Kaedah penentuan martabat bagi hadith-hadith tersebut

Universiti Malaya

adalah melalui kaedah takhrij dengan mengambil kira pandangan 'ulama'-'ulama' hadith. Hasil dapatan takhrij mendapati sebanyak 86 buah hadith (41%) adalah *sahih*, 11 buah hadith (5%) adalah *sahih lighayrihi*, 6 buah hadith (3%) adalah *hasan,* 1 buah hadith (1%) adalah *hasan lighayrihi*, 36 buah hadith (17%) adalah *da'if*, 10 buah hadith (5%) adalah *da'if jiddan,* 22 buah hadith (10%) adalah *mawdu'*, 24 buah hadith (11%) adalah *la asl lah*, 6 buah hadith (3%) adalah tidak ditemui, 5 buah hadith (2%) adalah hadith *mawquf* dan 5 buah hadith (2%) pula adalah hadith *maqtu'.* Selain itu juga, objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kefahaman dan pengamalan berkaitan hadith-hadith fadilat dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam di daerah Pasir Gudang, Johor. Metodologi pengumpulan data yang digunakan ialah melalui instrumen borang soal selidik dan data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22. Seramai 291 orang guru dijadikan subjek ataupun sampel kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan ujian statistik deskriptif. Ujian perbandingan min adalah bagi melihat perbezaan min dan kewujudan perbezaan yang signifikan berkaitan tahap kefahaman dan pengamalan di kalangan sampel kajian. Hasil kajian mendapati tahap kefahaman guru-guru pendidikan Islam di daerah Pasir Gudang, Johor berkaitan hadith-hadith fadilat adalah berada di tahap sederhana tinggi dengan nilai skor min 3.89 manakala tahap pengamalan mereka pula secara keseluruhannya juga berada di tahap sederhana tinggi dengan nilai skor min 3.34.
Kata kunci : Kefahaman, Pengamalan, Hadith Fadilat, Statistik Deskriptif

Universiti Malaya

**VERIFICATION OF FAMOUS HADITH RELATED TO AL-FADA'IL: A STUDY OF UNDERSTANDING AND ITS PRACTICE AMONG ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN JOHOR.**

## ABSTRACT

The spread of fabricated hadiths among the Muslim community in this country is alarming, especially with the development of technology and the emergence of social media that is the catalyst for its spread. Some religious speakers also quoted fabricated hadiths in their lectures and thus saw the society especially those with a bit of religious background accept it and make it as a guidance and practice of life. However, the issue became more serious when the fabricated hadith was used in practice and mislead the faith of Muslims who received it without reference to reliable and credible sources. Fabricated hadiths are words that were relied upon by the Messenger of Allah (may peace be upon him) when such matters were never mentioned, performed or performed by him. Fabricated hadiths undermine belief, cause misunderstanding of the unseen matters, and constitute the slander of life that occurs by practising an undetermined status of hadith and being overly confident of a reward of merit or improper punishment. There is a group of fabricated hadiths practitioners, including a few religious people, also refer to source that have not been reviewed and identified as sources of hadith. Thus, this study is aiming to identify the dignity of the fadilat hadiths as the primary source of reference and practising and the argument because its dissemination through writing in the general books is spreading among the Muslim community in Malaysia. This study focuses only on 212 hadiths of fadilat contained in five selected books of fadilat hadiths. The method of determining the dignity of the hadiths is through the takhrij method by taking into view of hadiths 'ulama'. The result of takhrij found that 86 hadiths (41%) were *sahih*, 11 hadiths (5%) were *sahih lighayrihi*, 6 hadiths (3%) were *hasan*, 1 hadiths (1%) were *hasan lighayrihi*, (17%) are

Universiti Malaya

*da'if*, 10 hadiths (5%) are *da'if jiddan*, 22 hadiths (10%) are *mawdu'*, 24 hadiths (11%) are *la asl lah*, 6 hadiths (3 %) was not found, 5 hadiths (2%) were *hadith mawquf* and 5 hadiths (2%) were *hadith maqtu '*. In addition, the objective of this study is to find out the level of understanding and practice related to the fadilat hadiths among Islamic education teachers in the district of Pasir Gudang, Johor. The methodology used to collect data is through questionnaire and the collected data is analyzed by Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22. A total of 291 teachers are used as subjects or survey samples. The data obtained were analyzed by using descriptive statistical test. The mean comparison test was used to observe the mean difference and the significant differences in the level of understanding and practice among the sample. The findings show that the level of understanding among Islamic education teachers in the district of Pasir Gudang, Johor related fadilat hadiths are at medium high with the mean score of 3.89 while their practice level as a whole is also at medium high with the mean score of 3.34 .

Keywords : Understanding, Practice, Hadith Fadilat, Descriptive Statistics

Universiti Malaya

# PENGHARGAAN

Segala pujian hanyalah untuk Allah, Pencipta yang menguasai alam semesta, selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah SAW, utusan akhir zaman yang membawa risalah agung ilahi, ahli keluarga Baginda, para sahabat serta golongan yang mengikuti jejak langkah mereka sehingga ke Hari Kiamat.

Ilmu merupakan satu unsur yang mampu memartabatkan darjat serta kedudukan seseorang. Justeru, semua langkah yang membawa kepada penghasilan ilmu, lebih-lebih lagi ilmu yang berkaitan dengan agama Islam adalah dituntut, sehinggakan Allah akan mengganjari dengan ganjaran yang berlipat ganda. Oleh yang demikian langkah menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi adalah sebagai satu wadah dan usaha ke arah meningkatkan kecemerlangan ilmu dan kegemilangan pemikiran.

Maka, atas alasan inilah, pengkaji mengambil peluang untuk menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Doktor Falsafah di dalam bidang hadith dengan memilih tajuk kajian "Takhrij Hadith Masyhur Berkaitan *al-Fada'il*: Kajian Kefahaman Dan Pengamalannya Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam Di Negeri Johor". Setelah pengkaji diuji dengan pelbagai dugaan dan ujian, bertungkus lumus memerah fikiran dan meneruskan usaha demi usaha untuk menyiapkan laporan tesis ini, akhirnya pengkaji berjaya menyiapkan laporan tesis Phd ini sehingga ke tahap ini.

Pengkaji berasa amat bersyukur kepada Allah SWT kerana telah memberikan kelapangan masa, ketenangan hati serta kelapangan fikiran kepada pengkaji di dalam usaha menghasilkan dan menyiapkan tesis ini. Pengkaji juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah membantu pengkaji di dalam menyiapkan tesis ini, secara langsung ataupun tidak langsung. Pertamanya kepada pensyarah-pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Hadith terutamanya al-Fadil al-

Universiti Malaya

Ustaz Prof. Madya Dr. Faisal Ahmad Shah yang merupakan penyelia kepada pengkaji kerana telah membantu pengkaji di dalam setiap sudut yang berkaitan dengan tesis ini.

Keduanya adalah kepada kedua ibu bapa pengkaji iaitu Mohd Senin bin Marlan dan Manisah binti Giman yang sentiasa memberikan kata-kata semangat dan dorongan serta galakkan yang tidak putus-putus. Begitu juga kepada isteri Nurul Izzati Binti Abu Bakar yangg sentiasa menyokong, mendorong, membantu dan melakukan segala yang terdaya membantu pengkaji. Tidak lupa juga kepada kakak iaitu Norzalina dan juga adik pengkaji iaitu Nurul Jannah dan Siti Rafidah kerana telah memberikan dorongan dan juga bantuan yang tidak terhingga. Begitu juga kepada sahabat-sahabat pengkaji yang telah memberikan kerjasama serta sumbangan yang bermanfaat kepada pengkaji kerana telah memberikan kerjasama yang tidak ternilai. Begitu juga kepada sahabat-sahabat sejabatan dan juga sahabat-sahabat yang lain.

Akhir kata, pengkaji berasa amat bersyukur kepada Allah SWT kerana telah diberikan kelapangan masa, ketenangan dada dan fikiran serta sahabat-sahabat yang sudi menghulurkan pandangan-pandangan yang bernas kepada pengkaji. Harapan pengkaji ialah moga-moga tesis ini akan dapat dimanfaatkan oleh pengkaji serta umat Islam amnya.

**Disediakan Oleh**

**Mohd Shukri Bin Mohd Senin (IHA100020)**

*Jabatan Al-Qur'an Dan Al-Hadith*

*Akademi Pengajian Islam*

*Universiti Malaya (2019)*

Universiti Malaya

## ISI KANDUNGAN

Abstrak ........................................................................................................ ix

Penghargaan ................................................................................................ ixi

Isi Kandungan ............................................................................................... ix

Senarai Jadual ............................................................................................. xii

Senarai Rajah ............................................................................................... xiv

Senarai Kependekan .................................................................... .....................xv

Panduan Transliterasi .................................................................................. xvi

## BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan ..................................................................................................1

1.2 Latarbelakang masalah ..................................................................................2

1.3 Pernyataan masalah .......................................................................................4

1.4 Persoalan Kajian ............................................................................................7

1.5 Objektif ..........................................................................................................7

1.6 Kepentingan kajian .........................................................................................8

1.7 Batasan kajian ................................................................................................8

1.8 Definisi tajuk ...................................................................................................19

1.9 Kajian Literatur ...............................................................................................22

1.10 Metodologi Kajian .........................................................................................33

## BAB 2 : TAKHRIJ HADITH-HADITH FADILAT DALAM BUKU-BUKU HADITH TERPILIH

2.0 Pendahuluan ..................................................................................................44

2.1 Takhrij Dan Metod Kritikan Hadith...................................................................44

2.2 Hasil takhrij

a. Takhrij Buku Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu , Fadilat dan Rahsia ........28

Universiti Malaya

b. Takhrij Buku Keajaiban Amalan Surah-surah Pilihan ...........................166

c. Takhrij Buku Rahsia Dan Khasiat Bismillah .........................................231

d. Takhrij Buku Rahsia al-Fatihah............................................................ 266

e. Takhrij Buku Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW .............................292

**BAB 3 :ANALISIS TAKHRIJ HADITH-HADITH FADILAT DI DALAM BUKU YANG TERSEBAR DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM MALAYSIA**

3.0 Pendahuluan .........................................................................................319

3.1 Analisis Takhrij Hadith-Hadith Fadilat Berdasarkan Hukum Hadith.

a. Jumlah dan peratus keseluruhan hadith-hadith yang ditakhrij ......................319

b. Jumlah dan peratus hadith-hadith yang ditakhrij di dalam setiap buku.........320

3.2 Analisis Perbandingan Jumlah Hadith Dan Peratusannya Berdasarkan Status Hadith Bagi Setiap Buku ........................................................................ 325

3.3 Analisis Takhrij Hadith Fadilat Berdasarkan Penerimaan Dan Penolakan .........328

3.4 Analisis Takhrij Hadith Fadilat Daripada lima Buah Buku Hadith Terpilih Berdasarkan Statusnya.

a. Hadith-hadith Berstatus *Ṣaḥīḥ* Dan *Ṣaḥīḥ Lighayrihi* .................................. 330

b. Hadith-hadith Berstatus *Ḥasan* Dan *Ḥasan Lighayrihi* ................................331

**a.** Hadith-hadith Berstatus *Ḍa'īf* Dan *Ḍa'īf Jiddan*.......................................... 332

**b.** Hadith-hadith Berstatus *Mawḍū'*.................................................................334

**c.** Hadith-hadith Berstatus *Lā aṣl lah* dan "tidak ditemui"................................338

**d.** Hadith-hadith Berstatus Hadith *Mawqūf* Dan *Maqṭū'*.................................338

3.5 Bentuk-bentuk penulisan hadith yang dikenalpasti di dalam buku-buku kajian.

a. Buku Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia .........................340

b. Buku 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan ........................................341

c. Buku Rahsia Dan Khasiat Bismillah...........................................................342

d. Buku Rahsia Al-Fatihah .................................................................... 343

e. Buku Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW ................................................344

3.6 Perbandingan Bentuk-Bentuk Penulisan Hadith Bagi Buku-Buku Kajian .........345

3.7 Kesimpulan........................................................................................ 346

## BAB 4 : ANALISIS DAPATAN KAJIAN KEFAHAMAN DAN PENGAMALAN GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI JOHOR BERKAITAN HADITH-HADITH FADILAT

4.0 Pendahuluan ........................................................................................349

4.1 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

a. Kesahan Instrumen Kajian ........................................................................349

b. Kebolehpercayaan Instrumen Kajian ........................................................350

4.2 Kajian Rintis ........................................................................................352

4.3 Keputusan Analisis Borang Soal Selidik

i. Analisis Latar Belakang Guru-Guru Pendidikan Islam Negeri Johor......... 353

ii. Analisis Tahap Kefahaman Hadith Fadilat Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam Negeri Johor ................................................ 357

iii. Analisis Tahap Pengetahuan Hadith Fadilat Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam Negeri Johor .................................,........ 358

iv. Analisis Tahap Pengamalan Hadith Fadilat Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam Negeri Johor .................................................362

4.4 Analisis Hubungan Antara Tahap Pengetahuan dan Pengamalan Responden Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat ....................................................368

4.5 Analisis Kefahaman Dan Pengamalan Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat Berdasarkan Perbezaan Latar Belakang Responden ........................... 374

4.6 Kesimpulan ........................................................................... 379

Universiti Malaya

## BAB 5 : PENUTUP

5.0 Pendahuluan........................................................................................... 382

5.1 Hasil Kajian

a. Kesimpulan hasil analisis hadith-hadith fadilat ......................................... 382

b. Kesimpulan hasil analisis kefahaman dan pengamalan guru-guru pendidikan Islam berkaitan hadith-hadith di negeri Johor .........................384

5.2 Perbincangan Hasil Kajian ..................................................................389

5.3 Cadangan Dan Saranan ................................................................... 393

BIBLIOGRAFI ........................................................................................ 396

LAMPIRAN ............................................................................................ 413

Universiti Malaya

## SENARAI JADUAL


Jadual 1.1 : Jumlah Hadith Setiap Judul Buku Kajian................................................ 9

Jadual 1.2 : Jadual Penentuan Saiz Sampel Menurut Krejcie dan Morgan............. 17

Jadual 1.3 : Bilangan guru pendidikan Islam siswazah dan bukan siswazah.......... 35

Jadual 1.4 : Item-Item Soalan Borang Soal Selidik................................................ 40

Jadual 1.5 : Interpretasi Dapatan Deskriptif ........................................................ 42

Jadual 3.1 : Jumlah dan peratus keseluruhan hadith-hadith yang ditakhrij ............ 319

Jadual 3.2 : Jumlah dan peratus hadith-hadith buku Keajaiban Solat
Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia ..................................................... 320

Jadual 3.3 : Jumlah dan peratus hadith-hadith buku 13 Keajaiban Amalan
Surah-Surah Pilihan ......................................................................... 321

Jadual 3.4 : Jumlah dan peratus hadith-hadith buku Rahsia Dan
Khasiat Bismillah .............................................................................. 322

Jadual 3.5 : Jumlah dan peratus hadith-hadith buku Rahsia Al-Fatihah ................ 323

Jadual 3.6 : Jumlah dan peratus hadith-hadith buku Fadilat Membaca
Selawat Nabi SAW ............................................................................ 324

Jadual 3.7: Bentuk penulisan hadith Buku Keajaiban Solat Wajib
5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia ................................................................340

Jadual 3.8 : Bentuk Penulisan Hadith Buku 13 Keajaiban Amalan
Surah-Surah Pilihan ............................................................................ 341

Jadual 3.9 : Bentuk Penulisan Hadith Buku Rahsia Dan Khasiat
Bismillah ............................................................................................342

Jadual 3.10 : Bentuk Penulisan Hadith Buku Rahsia Al-Fatihah ........................... 343

Jadual 3.11 : Bentuk Penulisan Hadith Buku Fadilat Membaca
Selawat Nabi SAW ........................................................................... 344


Universiti Malaya

Jadual 3.12 : Perbandingan Bentuk-Bentuk Penulisan Hadith Bagi Buku-Buku Kajian .................................................................... .345

Jadual 4.1 : Panduan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan .................................. 351

Jadual 4.2 : Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian bagi Kajian Sebenar ................................................................ 352

Jadual 4.3: Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian bagi Kajian Rintis ................................................................ 353

Jadual 4.4 : Bilangan responden berdasarkan jantina ............................................. 354

Jadual 4.5 : Bilangan responden berdasarkan umur ................................................ 354

Jadual 4.6 : Bilangan responden berdasarkan peringkat pendidikan ........................354

Jadual 4.7 : Bilangan responden berdasarkan Institusi Pengajian Tinggi ..................355

Jadual 4.8 : Bilangan responden berdasarkan Pengkhususan Ijazah Pertama ................................................................................356

Jadual 4.9 : Bilangan responden berdasarkan tempoh perkhidmatan ........................356

Jadual 4.10 : Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Kefahaman Guru-Guru Pendidikan Islam Mengenai Hadith-Hadith Fadilat ............................ .357

Jadual 4.11 : Tahap Pengetahuan Responden Mengenai Hadith-Hadith Fadilat .................................................................................. .358

Jadual 4.12 : Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Pengamalan Guru-Guru Pendidikan Islam Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat ................................362

Jadual 4.13: Tahap Pengetahuan dan Pengamalan Responden Berkaitan Item DC2 ....................................................................368

Jadual 4.14: Tahap Pengetahuan dan Pengamalan Responden Berkaitan Item DC3 ....................................................................369

Jadual 4.15: Tahap Pengetahuan dan Pengamalan Responden Berkaitan Item DC4 ....................................................................370

Universiti Malaya

Jadual 4.16: Tahap Pengetahuan dan Pengamalan Responden

Berkaitan Item DE4 ............................................................................ 371

Jadual 4.17: Tahap Pengetahuan dan Pengamalan Responden

Berkaitan Item DE5 ............................................................................ 373

Jadual 4.18 : Perbezaan Kefahaman Berkaitan Hadith-Hadith

Fadilat Mengikut Jantina .................................................................... 374

Jadual 4.19 : Perbezaan Pengamalan Berkaitan Hadith-Hadith

Fadilat Mengikut Jantina .................................................................... 374

Jadual 4.20 : Perbezaan Kefahaman Berkaitan Hadith-Hadith

Fadilat Mengikut Umur ....................................................................... 375

Jadual 4.21 : Perbezaan Pengamalan Berkaitan Hadith-Hadith

Fadilat Mengikut Umur .........................................................................375

Jadual 4.22 : Perbezaan Kefahaman Berkaitan Hadith-Hadith

Fadilat Mengikut Peringkat Pendidikan ............................................ 376

Jadual 4.23 : Perbezaan Pengamalan Berkaitan Hadith-Hadith

Fadilat Mengikut Peringkat Pendidikan .................................................377

Jadual 4.24 : Perbezaan Kefahaman Berkaitan Hadith-Hadith

Fadilat Mengikut Pengkhususan Ijazah Pertama ................................ 377

Jadual 4.25 : Perbezaan Pengamalan Berkaitan Hadith-Hadith

Fadilat Mengikut Pengkhususan Ijazah Pertama .............................. 378

Universiti Malaya

## SENARAI RAJAH

Rajah 3.1 : Perbandingan Jumlah Hadith Berdasarkan Statusnya ................ 325

Rajah 3.2: Perbandingan Peratusan Hadith Berdasarkan Statusnya ............ 325

Rajah 3.3 : Perbandingan Jumlah Hadith Yang Diterima Dan Ditolak Mengikut Buku ........................................................................... 328

Universiti Malaya

## SENARAI KEPENDEKAN

| Singkatan | Maksud |
|---|---|
| SAW. | Salla Allah ‘Alayh al-Salam |
| SWT | Subhanahu Wa Ta'ala |
| cet. | Cetakan |
| Dr. | Doktor |
| M | Masihi |
| H. | Hijrah |
| terj. | Terjemahan |
| t.t. | Tanpa tarikh |
| t.t.p. | Tanpa tempat penerbit |
| t.p. | Tanpa penerbit |
| ed. | Editor |
| Et.al. | Wakil editor yang lain |
| Ibid. | Singkatan daripada ibidum, ertinya sama dengan yang diatas |
| Sdn. Bhd. | Sendirian berhad |

Universiti Malaya

## PANDUAN EJAAN DAN TRANSLITERASI

Senarai pedoman panduan ejaan dan transliterasi adalah seperti berikut:

### 1. Konsonan

| Huruf Arab | Nama dan Transkripsi |
|---|---|
| ا, ء | a, ’ (hamzah) |
| ب | b |
| ت | t |
| ث | th |
| ج | j |
| ح | h |
| خ | kh |
| د | d |
| ذ | dh |
| ر | r |
| ز | z |
| س | s |
| ش | sy |
| ص | s |

| Huruf Arab | Nama dan Transkripsi |
|---|---|
| ض | d |
| ط | t |
| ظ | z |
| ع | ‘ |
| غ | gh |
| ف | f |
| ق | q |
| ك | k |
| ل | l |
| م | m |
| ن | n |
| هـ | h |
| و | w |
| ي | y |
| ة | h |

### 2. Vokal

| Vokal Pendek | Transliterasi | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| (fatḥah)´ -- | A | قَنَتَ | Qanata |
| (kasrah)´ -- | I | سَلِمَ | Salima |
| (Ḍommah)´ -- | U | جُعِلَ | ju’ila |

Universiti Malaya

| Vokal Panjang | Transliterasi | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ا/ى | Ā | كُبْرَى / بَابٌ | bāb / kubrā |
| ى | Ī | وَكِيْلٌ | Wakīl |
| و | Ū | سُوْرَةٌ | Sūrah |

3. **Diftong**

| Diftong | Transliterasi | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ـــو | aw | قَوْلٌ | Qawl |
| ـــي | ay | خَيْرٌ | Khayr |
| ـــو | uww | قُوَّةٌ | Quwwah |
| ـــي | iy / i | عَرَبِيّ | ‘arabiy/i |

i. Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan ” ة” (Ta" *Marbutah)* dieja mengikut sebutan “ه”

ii. Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan Contoh: *Sur’ah (*سرعة*),* *sa'ah* ( ساعة), *Quwwah* (قوة).

iii. Alif Lam ditransliterasikan sebagai al (sama ada bagi *Lam Shamsiyyah* atau *Qamariyyah)* yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. ”a” dalam ”al” tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.

iv. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan bahasa Malaysia. Semua perkataan Arab/lnggeris (Bahasa asing) hendaklah *diitalickan* kecuali nama khas.

Universiti Malaya

# BAB 1: PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Agama Islam terbina di atas dua sumber wahyu iaitu al-Quran al-Karim dan Sunnah Nabi Muhammad SAW[1]. Hadith Rasulullah SAW telah diiktiraf secara ijmak bahawa ianya merupakan sumber kedua dalam perundangan Islam selepas al-Quran[2]. Pengingkaran terhadap kenyataan ini adalah umpama pengingkaran terhadap dalil-dalil yang jelas dan kukuh[3]. Mempercayai dan mengamalkannya adalah sesuatu kemestian tanpa ada keraguan walaupun sedikit[4]. Hadith tidak sepertimana al-Quran. Hadith terdedah kepada ancaman pemalsuan dan kesilapan dalam tempoh periwayatan dan pemindahannya[5]. Pemeliharaan hadith-hadith Rasulullah SAW adalah seumpama memelihara ayat-ayat al-Quran[6]. Justeru, segala usaha penyingkiran segala bentuk pendustaan terhadap Rasulullah SAW mendapat tempatyang tinggi di dalam Islam. Sebuah hadith sahih riwayat Imam Bukhari :

حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ عَمْرٍو عَنْ أَبِي وَائِلٍ عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ الرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلْمَغْنَمِ وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلذِّكْرِ وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِيُرَى مَكَانُهُ فَمَنْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ قَالَ مَنْ قَاتَلَ لِتَكُونَ كَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ[7]

---

[1]Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, "Penghujahan Rasional Gah: Satu Analisis", *HADITH: International Reviewed Academic Journal* 6, no 12 (2016), 36.

[2] Muhammad Mustafa Azami, *Kajian Metodologi Dan Penulisan Hadith,* terj. Engku Ibrahim Engku Ismail (Selangor : Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989), 9.

[3] Muḥammad Abū Zahw, *Al-Ḥādīṭḥ Wa al-Muḥaddithūn Aw 'Ināyah al-Ummah al-Islāmiyyah Bi al-Sunnah al-Nabawiyyah* (t.t.p : t.p, t.t), 20.

[4] Mohd Nor Adli bin Osman, "Riwayat-Riwayat Perawi Berdusta Dan Dituduh Berdusta Dalam Periwayatan Hadith", *Journal of Hadith Studies,* Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, no 1(2019), 1.

[5] Muhammad Arif Yahya, " Sumbangan Ahl Al-Hadith Dan Peranannya Dalam Membangun Ketamadunan Islam", *Journal of Hadith Studies,* Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, no 1 (2016), 2.

[6] Dr. Syed Abdul Majid Ghouri, "Fabrication Of The Prophet's Pbuh Tradition: A Study On History And Consolidation And A Brief Display Of The Most Important Books Authored In Fabricated Hadith", *Journal of Hadith Studies,* Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, no 12 (2016), 163.

[7]Abī 'AbdiLāh Muhammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhāri* (Qāhirah : al-Maktabah al-Salafiyyah, 1400H), 2:309 (Kitāb al-Jihād Wa al-Siyar, no. hadith 2810). Abī al-Ḥusayn Muslim Bin al-Ḥajjāj al-Qusyayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, tahqiq Muhammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī (Bayrūt : Dār Iḥyā al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991), 3:1512 (no. hadith 1904). Sulaymān Bin Dāwūd Bin al-Jārūd al-Ṭayālisī, *Musnad Abī Dāwūd al-Ṭayālisī*, tahqiq Dr. Muhammad Bin 'Abd al-Muhsin al-Turkiy (t.t.p : Dar Hijr, 1999), 1:393 (no. hadith 489).

Universiti Malaya

> Terjemahan hadith : Telah berkata kepada kami Sulayman Bin Harb telah berkata kepada kami Syu'bah daripada 'Amru daripada Abi Wa'il daripada Abi Musa r.a : Telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW lalu berkata : Seorang lelaki itu berperang demi mendapatkan harta rampasan perang, seorang lelaki itu berperang untuk diingati dan seorang lelaki itu berperang untuk dilihat kedudukannya, maka siapakah yang benar-benar berada di jalan Allah?. Berkata Rasulullah SAW : "Sesiapa yang berjuang untuk menjadikan kalimah Allah adalah yang tertinggi maka dia berada di jalan Allah"

Penulisan hadith-hadith Rasulullah SAW di dalam buku-buku agama yang merujuk kitab-kitab jawi lama tanpa pernyataan status yang jelas menyukarkan umat Islam khususnya di Malaysia untuk berpegang dan mengamalkan hadith-hadith berkaitan. Apatah lagi sekiranya hadith-hadith tersebut adalah berstatus *ḍa'īf* (lemah) atau *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah) dan lebih parah lagi sekiranya hadith-hadith tersebut adalah *mawḍū'* (palsu). Walaupun usaha-usaha takhrij kian banyak dilakukan oleh pelajar-pelajar pengajian tertinggi (lanjutan) mahupun ulama-ulama hadith, namun penyebaran hadith-hadith palsu juga kian meningkat. Justeru, usaha-usaha menangani penyebaran hadith-hadith *ḍa'īf* (lemah) dan *mawḍū'* (palsu) ini perlu diteruskan agar kesinambungan jihad ilmu khasnya pemeliharaan hadith-hadith Rasulullah SAW senantiasa mendapat pembelaan yang selayaknya di sepanjang zaman.

Universiti Malaya

**1.2 Latarbelakang masalah:**

Islam merupakan agama samawi yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW dan mesti diikuti oleh manusia demi keselamatan hidup di dunia dan akhirat. Kebenaran agama Islam ini diperakui oleh ramai cendekiawan dunia yang sentiasa berusaha mencari kebenaran.

Al-Quran dan al-Sunnah membentuk dasar kerangka pemikiran dan pandangan alam (*worldview*) yang mempengaruhi segenap aspek kehidupan merentasi akidah dan

kepercayaan, syariat, akhlak dan sebagainya[8]. Keagungan dan kegemilangan umat Islam zaman silam adalah berkait rapat dengan pengamalan dan penghayatan mereka terhadap semua ajaran yang terdapat di dalam kedua-dua sumber utama ini. Para fuqaha dari kalangan sahabat semuanya merujuk kepada hadith Rasulullah SAW apabila menerangkan makna kandungan al-Quran sesuai kedudukannya sebagai sumber kedua syariat Islam[9] . Kepentingan dan peranannya bukan sahaja terhad dalam aspek akidah, syariat dan hukum, malah turut merangkumi pelbagai aspek pengetahuan, etika dan hikmah[10]. Semua permasalahan yang tidak dijumpai jalan penyelesaiannya akan dirujuk melalui penetapan ilmuwan Islam yang amat memahami nas-nas al-Quran dan hadith Rasulullah SAW.

Peredaran masa yang berlalu merentasi ribuan tahun semakin menjauhkan umat Islam daripada kefahaman yang sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah SAW. Hanya insan yang terpilih sahaja berpeluang mendalami dan mengamalkan ilmu yang benar di sisi Allah.

Pelbagai isu dan krisis kehidupan melanda umat Islam seperti isu berkaitan akidah (tauhid) iaitu ajaran-ajaran sesat yang menyimpang daripada kebenaran, ibadah seperti pengamalan adat turun temurun yang dianggap sebagai ibadah dan sebagainya.

Kesemua isu dan krisis yang melanda umat Islam ini adalah antara bukti yang menunjukkan bahawa umat Islam kian menjauh daripada cahaya kebenaran al-Quran dan cahaya petunjuk hadith-hadith Rasulullah SAW. Hanya pengajaran dan ilmu yang dipelajari daripada ulama Islam yang memahami secara benar berkaitan ayat-ayat Allah dan hadith-hadith Rasulullah SAW yang juga mempelajari daripada ulama Islam yang benar sahaja yang mampu memandu umat Islam memahami ilmu-ilmu Islam dan

[8] Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, "Penghujahan Rasional Gah: Satu Analisis", *HADITH: International Reviewed Academic Journal* 6, no 12 (Disember 2016), 36.

[9] Faisal Ahmad Shah, "Penyebaran Hadith Palsu Dalam Media Massa Dan Media Sosial: Realiti Dan Cabaran", *HADITH: Jurnal Ilmiah Berwasit Tahun keenam* 6, no 11 (Jun 2016), 9.

[10] Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, " Peranan dan Sumbangan Mahmud Yunus (m. 1983) dalam Ilmu Mustalah al-Hadith di Alam Melayu", *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah,* Selangor: Kolej Universiti Islam Selangor, no1 (2018), 31.

seterusnya memandu mereka ke arah jalan kebenaran sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

Antara usaha-usaha yang boleh dilakukan bagi mengembalikan semula kefahaman sebenar umat Islam ialah menyuburkan kembali kefahaman mereka terhadap al-Quran dan al-Sunnah. Penyuburan kembali dengan melakukan pembersihan terhadap ajaran-ajaran dan kefahaman salah berkaitan ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah SAW adalah amat diperlukan di zaman akhir zaman ini.

Hadith sebagai sumber syariat yang kedua telah terdedah kepada ancaman musuh Islam serta usaha pemalsuan yang dilakukan keatasnya pada setiap zaman[11]. Sebagai satu usaha yang boleh menyumbang ke arah pembersihan dan penyuburan kembali kefahaman umat Islam di Malaysia khususnya berkaitan hadith-hadith Rasulullah SAW, pengkaji rasa bertanggungjawab untuk melakukan usaha takhrij dan analisis terhadap hadith-hadith berkaitan fadilat yang tersebar dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Keinginan memperolehi ganjaran berlipat kali ganda dalam amalan ibadah menjadi antara matlamat umat Islam melakukan ibadah. Namun sejauh mana kebenaran dan kesahihan sumber dalil yang menjadi paksi dalam pernyataan fadilat atau pun kelebihan dan ganjaran tersebut, itulah yang menjadi pegangan dan kepercayaan umat Islam. Semoga sumbangan kecil yang dilakukan ini memberikanmanfaat kepada umat Islam di Malaysia dan menjadi amal jariah yang dinilai oleh Allah SWT.

## 1.3 Pernyataan masalah:

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menilai hadith-hadith Rasulullah SAW berkaitan fadilat yang tersebar di kalangan masyarakat Islam di Malaysia secara komprehensif  dengan bukti-bukti kualitatif dan kuantitatif yang diterima dan sah

[11] Muhammad Arif Yahya, " Sumbangan Ahl Al-Hadith Dan Peranannya Dalam Membangun Ketamadunan Islam", *Journal of Hadith Studies,* Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, no 1 (2016), 5.

Universiti Malaya

daripada sudut keilmuan hadith serta untuk melihat sejauh manakah keterdedahan hadith-hadith Rasulullah SAW terutamanya yang berkaitan fadilat kepada masyarakat.

Banyak buku-buku keagamaan yang menggunapakai hadith-hadith di dalam penulisannya. Namun, hadith-hadith tersebut kebanyakannya tidak diketahui statusnya samada boleh diterima ataupun sebaliknya walaupun ianya dinukilkan oleh pengarang yang berlatarbelakangkan pendidikan agama. Kekeliruan dan kelemahan oleh pengarang buku dengan menukilkan hadith-hadith sedemikian akan menyemarakkan lagi penyebaran hadith-hadith yang berkemungkinan berstatus palsu dalam kalangan masyarakat Islam. Penyebarannya mengundang implikasi negatif kepada umat Islam yang boleh menjurus mereka mengamalkan amalan-amalan yang tidak bersumberkan Rasulullah SAW secara sah[12]. Ini amat berbahaya kerana dikhuatiri mereka semua akan terkena ancaman sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Barangsiapa yang telah berdusta terhadapku secara sengaja, maka hendaklah dia mempersiapkan tempat duduknya di dalam neraka". Walau pun mereka tidak berdusta dengan sengaja, namun hakikatnya mereka tetap berdosa kerana telah meriwayatkan hadith-hadith dari sumber yang mereka yakini terdapat hadith yang *ḍa'īf* (lemah) atau palsu[13].

Apakah wujud kekeliruan dalam kalangan pengarang buku tentang hadith-hadith tersebut atau adakah hadith-hadith tersebut dinukilkan secara melulu tanpa mengetahui statusnya. Kajian-kajian terkini yang dijalankan terhadap penulisan buku-buku keagamaan membuktikan sememangnya terdapat hadith-hadith yang berstatus palsu dan terlalu lemah yang dinukilkan oleh pengarang buku[14].

---

[12] Roshimah Shamsudin, "Hadith Daif: Analisis Terhadap Amalan-Amalan Kerohanian Terpilih Masyarakat Melayu", *HADITH: International Refereed Academic Journal In Islamic Studies*, Selangor: Kolej Universiti Islam Selangor, no16 (2018), 24.

[13] Dr. Muhamad Hapizi bin Sulaiman, " Hadith Palsu Dan Dhaif: Pengertian Dan Kesan", *Jurnal Penyelidikan Islam,* Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, no 27 (2015), 46.

[14] Terdapat beberapa hasil kajian takhrij hadith yang telah dijalankan oleh pelajar-pelajar ijazah tinggi Universiti Malaya khususnya berkaitan hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab-kitab hasil karya 'ulama'-'ulama' silam. Antara kajian tersebut adalah melibatkan karya-karya yang bertajuk *al-Fawa'id al-Bahiyyah Fi Ahadith al-Nabawiyyah* karangan Syaykh Nuruddin al-Raniri, *Bughyah al-Tullab* karangan Sheikh Daud al- Fatani, Kitab Hidayah al-Salikin oleh Syaykh 'Abd Al-Samad Al-Falimbani, kitab *al-*



Universiti Malaya

Implikasi penggunaan hadith fadilat yang tidak sahih atau palsu kepada masyarakat Islam antaranya ialah golongan yang beramal dengan hadith palsu sering beranggapan amalan mereka sahaja benar, lebih memburukkan keadaan mereka menjadi ekstrem sehingga tidak mahu menerima kebenaran lalu melabelkan kumpulan yang menegur pula sebagai sesat[15]. Penyebaran hadith palsu dalam masyarakat khususnya melalui penerbitan boleh membawa kepada penyelewengan akidah, menjejaskan keharmonian dan ketenteraman awam. Penyebarannya boleh meruntuhkan perpaduan, seterusnya menjejaskan keselamatan negara kerana mewujudkan fahaman berbeza mengenai sesuatu hadith[16].

Pengarang buku berunsur keagamaan terutamanya yang berlatarbelakangkan pendidikan keagamaan sepatutnya mengikut garis panduan penulisan yang menepati kehendak nilai-nilai keilmuan. Penguatkuasaan garis panduan penulisan hadith-hadith oleh pihak-pihak berautoriti perlulah dilaksanakan bagi memastikan setiap pengarang buku-buku agama menggunakan hadith-hadith yang dinyatakan statusnya dan panduan di dalam penggunaan hadith-hadith palsu.

Kajian ini juga adalah untuk mengetahui tahap kefahaman serta pengamalan masyarakat Islam di Malaysia khususnya guru-guru pendidikan Islam berkaitan hadith-hadith fadilat tersebut. Kefahaman dan pengamalan berdasarkan hadith-hadith yang diketahui statusnya dan berstatus hadith-hadith diterima adalah amat penting di dalam menjamin ilmu dan amal yang benar.

---

*Durr al-Thamin* karangan Syaykh Daud al-Fatani, kitab *Kasyf al-Ghummah* karya Syaykh Daud al-Fatani dan lain-lain.

[15] Ashriq Fahmy Ahmad, "Bahana Hadith Palsu", laman sesawang *Utusan*, diakses pada 18 Ogos 2019, https://www.utusan.com.my/rencana/utama/bahana-hadith-palsu-1.633814

[16] Pandangan ini dikemukakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Hadith (Lajnah Tahqiq Hadith), Dr Abdul Hayei Abdul Sukor dan ditulis oleh wartawan Berita Harian. Lihat Mohd Husni Mohd Noor, "Hadith palsu ancam kestabilan negara", laman sesawang *Berita Harian*, diakses pada 18 Ogos 2019, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/389035/hadith-palsu-ancam-kestabilan-negara



Universiti Malaya

## 1.4 Persoalan Kajian:

i. Apakah martabat hadith-hadith berkaitan fadilat yang terdapat di dalam lima buah buku berkaitan hadith terpilih yang tersebar dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia dan berapakah jumlahnya berdasarkan martabatnya samada *ṣaḥīḥ, ḥasan, ḍa'īf, mawḍū'* dan sebagainya.

ii. Adakah riwayat hadith-hadith yang berstatus sahih mendominasi riwayat hadith-hadith berkaitan fadilat ataupun hadith-hadith *ḍa'īf* (lemah) *dan mawḍū'* (palsu) yang mendominasi riwayat tersebut.

iii. Apakah faktor pengklasifikasian sesebuah hadith itu kepada martabat *ṣaḥīḥ, ḥasan, ḍa'īf* atau *mawḍū'.*

iv. Bagaimanakah tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan guru-guru pendidikan Islam khususnya di Negeri Johor berkaitan hadith-hadith fadilat.

v. Adakah wujud perbezaan kefahaman dan pengamalan hadith-hadith berkaitan fadilat akibat perbezaan latar belakang guru-guru pendidikan Islam di Negeri Johor.

## 1.5 Objektif:

i. Menganalisis hadith-hadith berkaitan fadilat di dalam buku-buku hadith terpilih iaitu buku Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, buku Fadilat dan Rahsia, buku 13 Keajaiban Amalan Surah-surah Pilihan, buku Rahsia Dan Khasiat Bismillah, buku Rahsia al-Fatihah dan buku Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW dari segi penentuan statusnya, martabatnya dan jumlahnya.

ii. Menganalisis faktor pengkategorian hadith-hadith fadilat sebagai *ṣaḥīḥ, ḥasan, ḍa'īf, mawḍū'* dan sebagainya.

iii. Mengenalpasti tahap kefahaman, pengetahuan serta pengamalan guru-guru pendidikan Islam berkaitan hadith-hadith fadilat.

iv. Menentukan perbezaan kefahaman dan pengamalan berkaitan hadith-hadith fadilat berdasarkan perbezaaan latar belakang atau demografi guru-guru pendidikan Islam.

**1.6 Kepentingan kajian:**

i. Kajian ini adalah sebagai satu sumbangan kepada bidang ilmu hadith terutamanya di dalam bidang takhrij hadith yang difokuskan untuk mentakhrij hadith-hadith berkaitan fadilat di dalam beberapa buah buku terpilih.

ii. Dengan hasil dapatan kajian dan analisis yang telah dilakukan, semoga ianya dapat memberi manfaat kepada masyarakat Islam khususnya di Malaysia untuk dijadikan rujukan dan sandaran hukum terhadap hadith-hadith berkaitan fadilat tertentu.

iii. Hasil dapatan kajian yang melihat sejauh manakah kefahaman dan pengamalan berkaitan fadilat oleh masyarakat Islam di Malaysia terutamanya guru-guru pendidikan Islam di Negeri Johor akan memberikan gambaran sebenar berkaitan tahap kesedaran, kefahaman dan penghayatan masyarakat Islam terhadap hadith-hadith Rasulullah SAW.

iv. Moga-moga masyarakat Islam khususnya di Malaysia celik hadith dan dapat memahami dengan baik hadith-hadith berkaitan fadilat- fadilat dan amalan-amalan tertentu yang sabit secara jelas hukumnya menerusi penilaian daripada kaca mata ilmu-ilmu yang berkaitan takhrij hadith.

**1.7 Batasan kajian:**

Batasan kajian di dalam kajian ini adalah sebagaimana berikut:

**i. Bidang kajian takhrij hadith-hadith fadilat**

a. Pengkaji hanya melakukan takhrij terhadap hadith-hadith yang terdapat di dalam lima buah buku hadith berkaitan fadilat yang tersebar dalam kalangan

Universiti Malaya

masyarakat Islam di Malaysia. Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan hadith-hadith yang dinyatakan adalah tanpa pernyataan sumber dan martabatnya.

b. Jadual berikut menerangkan judul buku dan jumlah hadith yang terdapat di dalam setiap buku kajian:-

Jadual 1.1 : Jumlah Hadith Setiap Judul Buku Kajian.

| Bil | Judul Buku | Jumlah Hadith Yang Dikaji |
|---|---|---|
| 1 | Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia Ditulis Oleh Abu Nur Muizuddin Diterbitkan Oleh Jasmin Enterprise | 87 |
| 2 | 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan Ditulis Oleh Fadzli Nuruddin Mohammad Diterbitkan Oleh Pustaka Ilmuwan | 52 |
| 3 | Rahsia Dan Khasiat Bismillah Ditulis Oleh Abdul Shukur Dan Diterbitkan Oleh Jasmin Enterprise | 27 |
| 4 | Rahsia Al-Fatihah Ditulis Oleh Ustaz Dato Hj. Ismail Kamus Diterbitkan Oleh Darul Numan | 26 |
| 5 | Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW Ditulis Oleh Said Bin Che Ros Dan Diterbitkan Oleh Pustaka Haji Wan Majid Sdn Bhd. | 20 |
| Jumlah hadith | | 212 |

Sumber : Buku-Buku Kajian

c. Pemilihan buku-buku tersebut sebagai bahan kajian pengkaji adalah disebabkan ianya ditulis oleh pengarang yang mempunyai pengaruh besar di dalam penulisan buku-buku agama kerana telah menghasilkan banyak buku dengan judul yang pelbagai. Antara judul buku yang telah dihasilkan oleh pengarang Ustaz Dato Hj. Ismail Kamus ialah Panduan puasa dan salat terawih, Konsep akhlak dalam pandangan Islam, Undang-undang nafkah dalam Islam dan perlaksanaannya di negeri Selangor, Hidup Bertaqwa, Panduan Fardu 'Ain, Indahnya hidup bersyariat : modul fardu ain diri, keluarga dan masyarakat sepanjang hayat, Soal jawab remeh-temeh tentang puasa tapi anda malu bertanya, Peribadi Nabi, Rezeki, Was-was syaitan : (Al-Khannas), Peranan masjid, Sunat-sunat Wudhu, Perihal Jin, Rindu

Universiti Malaya

Kepada Allah, Indahnya Amalan Doa, Isteri Yang Solehah, Tanda-tanda Peristiwa Akhir Zaman dan lain-lain lagi[17]. Manakala antara judul buku yang telah dihasilkan oleh pengarang Abu Nur Muizuddin pula ialah Tabiat orang yang berjaya, Kesilapan ibu bapa dalam mendidik anak, Sifat dan sikap : penghalang kejayaan seorang muslim, 40 Langkah bijak mencapai kejayaan, 367 kisah-kisah teladan untuk keluarga muslim, Imam al-ghazali : Pengertian khusyuk & rahsia batiniah dalam solat dan Kisah dan hikmah untuk wanita solehah : ciri-ciri muslimah sejati sebagai calon bidadari syurga dan Pengertian khusyuk dan rahsia batiniah dalam solat dan Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Asas Panduan Fardhu 'Ain Lengkap[18]. Antara judul buku yang telah dihasilkan oleh pengarang Abdul Shukur pula ialah Rahsia dan tanda-tanda hari kiamat, Rahsia Hidup Sebelum Mati dan Rahsia & khasiat bismillah: dilengkapi 99 nama-nama Allah Asmaul Husna.

d. Selain yang demikian, justifikasi pemilihannya juga disebabkan ianya telah diterbitkan oleh banyak syarikat penerbitan, dijual oleh banyak pusat jualan buku dan diulangcetak beberapa kali cetakan yang menyemarakkan lagi penyebaran kandungannya seperti buku Rahsia al-Fatihah yang ditulis oleh Ustaz Dato Hj. Ismail Kamus telah diterbitkan oleh penerbit Darul Nu'man dan diulangcetak sebanyak lima kali cetakan. Buku Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu Fadhilat Dan Rahsia pula telah diterbitkan oleh Berlian Publications Sdn Bhd dan Jasmin Enterprise.

e. Pengkaji menggunakan manhaj berikut di dalam menulis laporan takhrij:

Universiti Malaya

---

[17] University Of Malaya Library, diakses pada 18 Ogos 2019, http://www.pendeta.um.edu.my/client/en_AU/default/search/results?qu=Ismail+Kamus&qf=FORMAT%09Format%09BOOK%09Books&rt=false%7C%7C%7CAUTHOR%7C%7C%7CAuthor

[18] Rujuk Perpustakaan Kuala Lumpur, diakses pada 18 Ogos 2019, http://kllibrary.dbkl.gov.my/client/en_US/pkl/search/results?qu=Abu+Nur+Muizuddin&ic=true&ps=300 dan MBPJ Library, diakses pada 18 Ogos 2019, http://www.mbpjlibrary.gov.my:8081/webopac/Author/Home?author=Abu+Nur+Muizuddin%2C

1) Pengkaji menukilkan hadith-hadith yang dinyatakan oleh pengarang buku tanpa sebarang perubahan pada lafaz hadith-hadith tersebut. Hadith-hadith yang dinyatakan oleh pengarang buku kadangkala dinyatakan matan hadith, kadangkala hanya dinyatakan terjemahannya sahaja, kadangkala dinyatakan sumber dan kadangkala tidak dinyatakan sumbernya.

2) Setelah dinukilkan hadith-hadith tersebut, pengkaji menyatakan hadith-hadith yang lengkap dengan sanad dan matan yang ditemui di dalam kitab-kitab sumber utama hadith. Pengkaji hanya menukilkan hadith-hadith yang menghampiri maksudnya dengan hadith-hadith yang dinyatakan oleh pengarang buku. Selain itu, pengkaji juga menyatakan riwayat-riwayat lain yang ditemui daripada kitab-kitab sumber utama hadith yang lain.

3) Sekiranya hadith-hadith tersebut tidak ditemui di dalam kitab-kitab utama hadith, pengkaji menyatakan sumbernya yang ditemui daripada sumber kitab-kitab tafsir al-Quran.

4) Sekiranya tidak ditemui di dalam kitab-kitab utama hadith dan kitab tafsir al-Quran, pengkaji menyatakan sumbernya daripada mana-mana sumber kitab yang pengkaji temui hadith-hadith tersebut seperti :

   a) Kitab-kitab *rijāl al-ḥāḍīth* (perawi hadith) contohnya *Kitab al-Ḍu'afā'* oleh al-'Uqaylī.

   b) Kitab *tārīkh* (sejarah) contohnya *Tārīkh Madīnah Dimasyq* oleh Ibn 'Asākir dan *Tārīkh Madīnah al-Salām* oleh al-Khatīb al-Baghdādī dan sebagainya.

f. Di dalam pernyataan sumber yang ditemui daripada kitab-kitab utama hadith, pengkaji menyusun sumber-sumber tersebut mengikut keutamaan

atau autoriti. Pengkaji menyusun sumber-sumber tersebut mengikut keutamaan seperti berikut:

1) Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, himpunan Imam Bukhārī (196H - 256H)
2) Ṣaḥīḥ Muslim, himpunan Imam Muslim (204H - 261H)
3) Sunan al-Nasā'ī al-Ṣughrā[19], himpunan Imam al-Nasā'ī (215H - 303H)
4) Sunan Abū Dāwūd, himpunan Imam Abū Dāwūd (202H - 275H)
5) Sunan at-Tirmidhī, himpunan Imam al-Tirmidhī (209H - 279H)
6) Sunan Ibn Mājah, himpunan Imam Ibn Mājah (207H - 275H)
7) Musnad Aḥmad, himpunan Imam Aḥmad (164H - 241H)
8) Muwaṭṭa' Mālik, himpunan Imam Mālik (93H - 179H)
9) Musnad al-Dārimī, himpunan Imam al-Dārimī (181H - 255H)

g) Sekiranya hadith-hadith tersebut tidak dijumpai di dalam *sunan tis'ah*, pengkaji menyatakan sumber-sumber hadith yang dijumpai daripada kitab-kitab hadith yang lain. Susunan keutamaan ini tidak dimuktamadkan oleh ulama-ulama hadith. Justeru, pengkaji menyusun mengikut keutamaan yang difikirkan sesuai menurut pengkaji sebagaimana berikut:
   1) Kitab-kitab *ṣaḥīḥ* selain *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* iaitu *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* dan *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah.*
   2) Kitab hadith yang namanya dikaitkan dengan hadith-hadith *ṣaḥīḥ* iaitu *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥīḥayn* oleh al-Ḥākim.
   3) Kitab-kitab Sunan iaitu *Sunan al-Dāruquṭnī* oleh al-Dāruquṭnī[20],*al-Sunan al-Kubrā* oleh al-Bayhaqī[21], *al-Sunan al-Kubrā* oleh al-Nasā'ī.

[19] Imam al-Nasā'ī mempunyai dua karya sunan iaitu *Sunan al-Ṣughrā* dan *Sunan al-Kubrā*.
[20] Imam al-Dāruquṭnī nama sebenar beliau ialah 'Alī Bin 'Umar Bin Aḥmad Bin Mahdī Bin Mas'ūd Bin al- Nu'mān Bin Dīnār Bin 'Abdillāh al-Baghdādī. Beliau dilahirkan pada tahun 306 hijrah. Beliau meninggal di Baghdad pada tahun 385 hijrah ketika umurnya 80 tahun. Lihat Al-Dāruquṭnī, al-Ḥāfiẓ al-Kabīr 'Alī Bin 'Umar, *Sunan al-Dāruquṭnī*, tahqiq Syu'ayb al-Arnā'ūṭ (Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 2004), 5:1.
[21] Imam al-Bayhaqī nama sebenar beliau ialah Abū Bakr Aḥmad Bin al-Ḥusayn Bin 'Alī Bin Mūsā. Beliau dilahirkan pada tahun 384 hijrah dalam bulan sya'ban dan meninggal pada tahun 458 hijrah ketika

4) Kitab-kitab Musnad iaitu *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣīlī*[22], *Musnad al-Bazzār*[23] dan *Musnad Abī Dāwūd al-Ṭayālisī*[24].

5) Kitab-kitab musannaf iaitu *al-Muṣannaf* oleh Ibn Abī Syaybah dan *al-Muṣannaf* oleh al-Ṣan'āniy.

6) Kitab-kitab Mu'jam iaitu *al-Mu'jam al-Ṣaghīr* oleh al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ* oleh al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr* oleh al-Ṭabrānī.

7) Kitab-kitab hadith yang lain iaitu *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Imān* oleh al-Bayhaqī, *Ḥilyah al-Awliyā' Wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā'* oleh al-Aṣfahānī, *Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id* oleh al-Haythamī.

8) Kitab-kitab hadith yang disusun mengikut tajuk-tajuk tertentu seperti *al-Targhīb Wa al-Tarhīb Fī al-Ḥadīth al-Syarīf* oleh al-Mundhirī, *Kitab al-'Aẓmah* oleh al-Aṣbahānī, *Faḍā'il al-Qur'ān Wa Ma'ālimuh Wa Adābuh* oleh Abū 'Ubayd al-Qāsim Bin Salām, *Kitāb al-Kabā'ir* oleh al-Dhahabī, *Kitāb Ta'ẓīm Qadr al-Ṣalāt* oleh al-Marwazī dan lain-lain.

h) Selepas dinyatakan sumber hadith, pengkaji menyatakan jalan-jalan periwayatan (*sanad*) yang ditemui.

i) Kemudian, pengkaji menyatakan status hukum bagi hadith-hadith tersebut mengikut pandangan ulama hadith. Pengkaji mendahulukan pandangan ulama *mutaqaddimin* (terdahulu) dan kemudian pandangan ulama *mutaakhirin* (terkemudian). Antara ulama *mutaqaddimin* ialah Imam al-

umurnya 74 tahun. Lihat Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad Bin al-Ḥusayn, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, tahqiq Dr. 'Abd al-'Aliy 'Abd al-Ḥamīd )Riyāḍ : Maktabah al-Rusyd, 2003), 1:11.

22 Abū Ya'lā al-Mawṣilī nama sebenar beliau ialah Aḥmad Bin 'Alī Bin al-Muthnī Bin Yaḥyā Bin 'Īsā Bin Hilāl al-Tamīmī. Beliau dilahirkan pada 3 syawal tahun 210 hijrah dan beliau ini adalah 5 tahun lebih tua daripada al-Nasā'ī. Ibn Mandah menyatakan al-Musili meninggal pada tahun 307 hijrah. Lihat Al-Dhahabī, Abū 'AbdiLlāh Syams al-Dīn Muḥammad al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, tahqiq Syu'ayb al-Arnā'ūṭ (Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 1982), 14 :174.

23 Al-Bazzār nama sebenar beliau ialah Aḥmad Bin 'Amrū Bin 'Abd al-Khāliq Bin Khallād Bin 'Ubaydillāh. Beliau dilahirkan pada tahun 210 hijrah di Basrah. Beliau meninggal pada tahun 292 hijrah. Lihat Al-Bazzār, Abī Bakr Aḥmad Bin 'Amrū Bin 'Abd al-Khāliq al-'Atkiy, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, tahqiq Dr. Maḥfūẓ al-Raḥmān Zayn Allah (Madīnah : Maktabah al-'Ulūm Wa al-Ḥikam, 1994), 5: 8.

24 Abū Dāwūd al-Ṭayālisī nama sebenar beliau ialah Sulayman Bin Dawud al-Jarud. Ibn Sa'd menyatakan bahawa al-Tayalisi meninggal di Basrah pada tahun 203 hijrah ketika umurnya 72 tahun. Lihat Al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 9 :873.



Universiti Malaya

Tirmidhī (209H - 279H), Imam al-Dāruquṭnī (306H - 385H), Ibn Kathīr (701H - 774H), al-'Irāqī (725H - 806H), al-Haythamī (735H - 807H), al-Sakhāwī (831H - 902H) dan al-Suyūṭī (849H - 911H). Manakala antara ulama *mutaakhirin* ialah al-Albānī (1333H - 1420H), 'Abd al-Qādir al-Arnā'ūṭ (1347H - 1425H), Syu'ayb al-Arnā'ūṭ (1346H - 1438H), Aḥmad Muḥammad Syākir (1309H - 1377)[25], Husayn Salim Asad, Ḥamzah Aḥmad al-Zayn, 'Abduh bin 'Alī al-Daranī[26] (1373H - 1436H) dan lain-lain.

j) Seterusnya pengkaji menyatakan pula alasan dan hujah mengapa hadith-hadith tertentu dinyatakan hukumnya sedemikian. Sekiranya alasan tersebut berkaitan perawi hadith, pengkaji akan mendahulukan pandangan ulama yang berkaitan *al-ta'dil* dan kemudian *al-jarh*.

k) Pengkaji menyatakan hadith-hadith yang menjadi *syahid* atau penyokong bagi hadith-hadith tertentu sekiranya pengkaji menemuinya.

l) Seterusnya, pengkaji menyatakan pandangan pengkaji berkaitan status hukum hadith dan alasan pernyataan tersebut bagi setiap hadith yang pengkaji jalankan takhrij.

m) Pengkaji menyatakan sesuatu hadith itu sebagai *ṣaḥīḥ* sekiranya hadith tersebut terdapat di dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim.*

n) Pengkaji menyatakan sesuatu hadith itu sebagai *ṣaḥīḥ lighayrihi* sekiranya hadith tersebut adalah *ḍa'īf* dan terdapat *syahid* daripada hadith *ṣaḥīḥ*. Hadith yang berstatus *hasan* juga akan menjadi *ṣaḥīḥ lighayrihi* sekiranya terdapat *syahid* daripada hadith *hasan* yang lain.

o) Pengkaji menyatakan sesuatu hadith itu sebagai *ḥasan* sekiranya hadith tersebut dinyatakan statusnya sebagai *ḥasan* oleh ulama hadith tertentu.

---

[25] Wikipedia, diakses 8 Mei 2018, https://id.wikipedia.org/wiki/Ahmad_Syakir

[26] Raudhah al-Muhaddithin, diakses pada 8 Mei 2018, http://zulhusnimatresat.blogspot.my/2016/09/syeikh-abduh-ali-kusyak.html



Universiti Malaya

p) Pengkaji menyatakan sesuatu hadith itu sebagai *ḥasan lighayrihi* sekiranya hadith tersebut adalah *ḍa'īf* dan terdapat *syahid* daripada hadith *ḍa'īf* juga.

q) Pengkaji menyatakan sesuatu hadith itu sebagai *ḍa'īf* sekiranya hadith tersebut mempunyai *illah* (kecacatan) tertentu samada *illah* (kecacatan) tersebut terdapat pada *sanad* (rantaian perawi) hadith sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama *al-jarh* dan *al-ta'dil* dan terdapat pada *matan* (teks) hadith sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama hadith.

r) Pengkaji menyatakan sesuatu hadith itu sebagai *ḍa'īf jiddan* sekiranya hadith tersebut mempunyai *illah* (kecacatan) yang bersangatan seperti terdapat perawi yang dinyatakan *munkar* di dalam jalur sanad.

s) Pengkaji menyatakan sesuatu hadith itu sebagai *mawḍū'* sekiranya hadith tersebut mempunyai *illah* (kecacatan) pada perawi iaitu perawi tersebut dinyatakan sebagai *kadhdhāb* (pendusta), *dajjāl* dan sebagainya.

t) Pengkaji menyatakan sesuatu hadith itu sebagai *lā aṣl lah* sekiranya hadith tersebut hanya dinyatakan *matan*nya sahaja dan *sanad*nya tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith dan kitab-kitab lain.

u) Pengkaji menyatakan sesuatu hadith itu sebagai *tidak ditemui* sekiranya hadith tersebut dinyatakan sanad dan matannya tetapi sanadnya hanya dinyatakan secara ringkas dan setelah dijalankan kajian, hadith tersebut ternyata tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith dan kitab-kitab lain.

v) Pengkaji menyatakan sesuatu hadith itu sebagai hadith *mawqūf* sekiranya hadith tersebut merupakan kata-kata sahabat seperti sesuatu hadith itu sanadnya terhenti pada perawi sahabat tanpa dihubungkan secara langsung kepada Rasulullah SAW.

Universiti Malaya

w) Pengkaji menyatakan sesuatu hadith itu sebagai hadith *maqṭū'* sekiranya hadith tersebut merupakan kata-kata tabiin seperti sesuatu hadith itu sanadnya terhenti pada perawi tabiin.

**ii. Bidang kajian lapangan berkaitan kefahaman dan pengamalan hadith-hadith fadilat**

a. Kajian ini bertujuan menganalisis kefahaman dan pengamalan hadith-hadith berkaitan fadilat dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam di Negeri Johor yang dikecilkan lagi skopnya hanya kepada guru-guru pendidikan Islam di Daerah Pasir Gudang, Johor.

b. Kajian ini hanya melibatkan seramai 400 orang guru pendidikan Islam yang dipilih secara rawak daripada sejumlah 1040 orang guru pendidikan Islam yang berada di Daerah Pasir Gudang untuk diberikan instrumen soal selidik yang merupakan sumber utama di dalam kajian ini. Pemilihan sampel telah dibuat secara rawak bagi memberikan peluang yang sama kepada individu untuk terlibat sebagai sampel kajian ini dalam mewakili populasi yang dikaji. Namun, daripada 400 orang guru tersebut, hanya 309 orang sahaja yang mengembalikannya semula dan seterusnya hanya sejumlah 291 instrumen soal selidik sahaja yang boleh digunapakai untuk dijalankan analisis berkaitan kajian ini.

c. Krejcie dan Morgan (1970)[27] berpendapat bahawa saiz sampel bagi populasi berjumlah 1040 orang ialah 285 orang. Ini adalah merujuk kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel sebagaimana yang dinyatakan di dalam jadual 1.2 dibawah. Dengan itu, sejumlah 291 orang responden yang menjadi sampel bagi kajian ini adalah menepati pendapat Krejcie dan Morgan (1970) ini.

---

[27] Haris Abd Wahab & Siti Hajar Abu Bakar Ah, ed., *Kaedah Penyelidikan Kerja Sosial Pengalaman Di Lapangan* (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2016), 23.



Universiti Malaya

Jadual 1.2 : Jadual Penentuan Saiz Sampel Menurut Krejcie dan Morgan

| **N** | **S** | **N** | **S** | **N** | **S** |
|---|---|---|---|---|---|
| 10 | 10 | 220 | 140 | 1200 | 291 |
| 15 | 14 | 230 | 144 | 1300 | 297 |
| 20 | 19 | 240 | 148 | 1400 | 302 |
| 25 | 24 | 250 | 152 | 1500 | 306 |
| 30 | 28 | 260 | 155 | 1600 | 310 |
| 35 | 32 | 270 | 159 | 1700 | 313 |
| 40 | 36 | 280 | 162 | 1800 | 317 |
| 45 | 40 | 290 | 165 | 1900 | 320 |
| 50 | 44 | 300 | 169 | 2000 | 322 |
| 55 | 48 | 320 | 175 | 2200 | 327 |
| 60 | 52 | 340 | 181 | 2400 | 331 |
| 65 | 56 | 360 | 186 | 2600 | 335 |
| 70 | 59 | 380 | 191 | 2800 | 338 |
| 75 | 63 | 400 | 196 | 3000 | 341 |
| 80 | 66 | 420 | 201 | 3500 | 346 |
| 85 | 70 | 440 | 205 | 4000 | 351 |
| 90 | 73 | 460 | 210 | 4500 | 354 |
| 95 | 76 | 480 | 214 | 5000 | 357 |
| 100 | 80 | 500 | 217 | 6000 | 361 |
| 110 | 86 | 550 | 226 | 7000 | 364 |
| 120 | 92 | 600 | 234 | 8000 | 367 |
| 130 | 97 | 650 | 242 | 9000 | 368 |
| 140 | 103 | 700 | 248 | 10000 | 370 |
| 150 | 108 | 750 | 254 | 15000 | 375 |
| 160 | 113 | 800 | 260 | 20000 | 377 |
| 170 | 118 | 850 | 265 | 30000 | 379 |
| 180 | 123 | 900 | 269 | 40000 | 380 |
| 190 | 127 | 950 | 274 | 50000 | 381 |
| 200 | 132 | 1000 | 278 | 75000 | 382 |
| 210 | 136 | 1100 | 285 | 1000000 | 384 |

Nota.—N adalah saiz populasi. S adalah saiz sampel.
Sumber:
https://home.kku.ac.th/sompong/guest_speaker/KrejcieandMorgan_article.pdf

Universiti Malaya

d. Pengkaji memilih guru-guru pendidikan Islam sebagai sampel kajian kerana mereka inilah golongan masyarakat Islam yang mempunyai latarbelakang pendidikan agama yang tinggi. Jikalau mereka pun tersilap di dalam memahami dan mengamalkan hadith-hadith yang berstatus palsu, bagaimanakah pula dengan masyarakat Islam yang bukan berlatarbelakangkan pendidikan keagamaan. Semestinya lebih terdedah

dengan pengamalan hadith-hadith palsu. Mereka dipilih dari negeri Johor kerana pengkaji sendiri berasal dari negeri Johor dan cetusan idea untuk mengkaji juga bermula di negeri Johor.

e. Justifikasi perkaitan antara buku-buku hadith fadilat yang dipilih dengan kajian kefahaman dan pengamalan terhadap hadith-hadith fadilat ialah buku-buku yang dipilih, kandungan hadith-hadithnya adalah berkaitan fadilat amalan-amalan harian yang semestinya menjadi amalan masyarakat Islam iaitu berkaitan ibadah wudu', solat, selawat kepada Rasulullah SAW dan sebagainya. Justeru, hadith-hadith tersebut adalah sangat dekat dengan masyarakat Islam dan pengkaji merasakan kesesuaian untuk kajian ini dijalankan.

f. Tatacara kajian lapangan ini dijalankan ialah pertamanya pengkaji menyediakan borang soal selidik berkaitan kefahaman dan pengamalan hadith-hadith fadilat untuk diedarkan kepada guru-guru pendidikan Islam di negeri Johor. Soal selidik tersebut mengandungi butiran-butiran item yang diperlukan di dalam kajian ini. Hadith-hadith yang dipilih untuk dimuatkan di dalam soal selidik ini ialah hadith-hadith yang berstatus *ḍa'īf jiddan* (tersangat lemah) dan *mawḍū'* (palsu). Pengkaji mendapatkan nasihat pakar bagi tujuan pengesahan dan kebolehpakaian soalan-soalan yang dibina di dalam soal selidik yang kemudiannya pengkaji menjalankan ujian rintis bagi mendapatkan kesesuaian dan kebolehpercayaan item-item yang dibina.

g. Ujian rintis yang diijalankan adalah melibatkan seramai 39 orang guru pendidikan Islam. Nilai pekali kebolehpercayaan yang dianalisis daripada ujian rintis ini membolehkan set borang soal selidik ini dijalankan ke atas responden sebenar. Responden sebenar yang menjawab dengan lengkap dan memulangkan semula borang soal selidik adalah seramai 291 orang.

h. Data-data yang diperolehi daripada soal selidik ini kemudiannya dikodkan dan dimasukkan ke dalam perisian *Statistical Package for Social Science* (*SPSS*) versi 22 untuk dijalankan analisis item yang kemudiannya analisis tersebut ditulis di dalam laporan analisis item soal selidik.

## 1.8 Definisi tajuk:

Berikut dinyatakan pengertian yang dikehendaki bagi tajuk kajian "TAKHRIJ HADITH MASYHUR BERKAITAN *AL-FADA'IL*: KAJIAN KEFAHAMAN DAN PENGAMALANNYA DALAM KALANGAN GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI JOHOR"

a. Takhrij

Takhrij ialah kajian menyeluruh berkaitan sesuatu hadith iaitu seseorang *mukharrij* (pengkaji yang melakukan takhrij) itu mengkaji sesuatu hadith untuk mengetahui sumbernya, lafaz-lafaz yang berbeza yang terdapat di dalam hadith, sanad-sanadnya yang pelbagai dan pendirian ulama hadith berkaitan hadith dan perawi-perawinya di samping melakukan usaha sedaya mungkin untuk menghasilkan satu keputusan yang benar berkaitan hadith tersebut[28].

b. Hadith-hadith

Dari segi bahasa, asal perkataan hadīth adalah diambil daripada "حَدَثَ" yang membawa maksud baharu[29] iaitu lawan bagi perkataan "lama"[30] bagi

---

[28] Dr. Muhammad Abu al-Laith , *Takhrij al-Hadith Nasyatuhu Wa Manhajiyyatuhu*, cet. ke-1 (Selangor : Dar al-Syakir, t.t), 9.
[29] Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādiy,*'Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluhā Wa Mu'āṣiruhā* (Selangor: Dar al-Syakir, 2003), 21. lihat juga Ibrāhīm Muṣṭafā, Aḥmad Ḥasan al-Ziyāt, Ḥamīd 'Abd al-Qadīr dan Muḥammad Alīy al-Najjār, *Al-Mu'jam al-Wasīṭ* (Turki : Cagri Yayinlari, t.t), 1:160
[30] Khaldūn al-Ahdab, *Asbāb Ikhtilāf al-Muḥaddithīn, Dirāsah Naqdiyyah Muqāranah Ḥawl Asbāb al-Ikhtilāf Fī Qabūl al-Aḥādīth Wa Raddihā* (Riyad : al-Dar al-Sa'udiyyah, 1985M), 1:19. lihat juga Aliy al-Qāsimī *et.al.*, *Al-Mu'jam al-'Arabiy al-Asāsiy li al-Nāṭiqīn bi al-'Arabiyyah Wa Muta'allimīhā* (t.t.p : al-Munaẓẓamah al-Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1999), 295. lihat juga Muḥammad



Universiti Malaya

membezakan dengan kalam yang lama iaitu al-Qur'ān[31]. Dari segi istilahnya pula sebagaimana pengertian yang telah diberikan oleh ulama hadith ialah apa-apa yang disandarkan kepada Nabi SAW. samada kata-kata, perbuatan, taqrir (pengakuan)[32], sifat kejadian ataupun sifat akhlak[33] dan apa-apa juga yang disandarkan kepada para sahabat, tabi'in, disebabkan mereka telah menyaksikan zaman kenabian dan termasuk juga dalam kategori hadīth ini ialah segala perkhabaran tentang zaman kenabian dan kehidupan RasuluLlāh SAW sebelum dibangkitkan menjadi rasul dan segala kata-kata yang menceritakan tentang latar belakang suasana kenabian[34].

c. Masyhur

Kamus Dewan Edisi Keempat menyatakan masyhur bermaksud tersebar ke serata tempat (berita, peristiwa, dan lain-lain), ketahuan ke tempat-tempat lain seperti contoh ayat "*maka khabar yg demikian itu pun termasyhurlah ke negeri-negeri yg lain*". Masyhur juga membawa maksud terkenal atau ternama sebagai contoh ayat "*mereka gemar membaca buku-buku yg mengisahkan kehidupan*

---

Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *Qawā'id al-Taḥdīth Min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth* (Bayrūt : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1979), 61. lihat juga Mahmud Saedon A. Othman, *Al-Sunnah Kedudukan dan Peranannya di Dalam Syari'at Islam* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 17. lihat juga Drs Utang Ranuwijaya, *'Ilmu Hadith* (Jakarta : Penerbit Gaya Media Pratama, 1996), 1. lihat juga Muḥammad bin Muḥammad bin 'Aliy al-Fārisī, *Jawāhir al-'Uṣūl Fī 'Ilm Ḥadīth al-Rasūl*, tahqiq Abū al-Ma'ālī al-Qāḍī Athar al-Mubārakfūrī (India : Al-Dar al-Salafiyyah, t.t), 15.

[31] Ḥammām 'Abd al-Raḥīm Sa'īd, *Al-Tamhīd Fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, cet. ke-4 (Jordan: Dar al-Furqan, 2000), 11. Lihat juga Jalāl al-Dīn Abū al-Faḍl 'Abd al-Raḥmān al-Suyūtī, *Tadrīb al-Rāwī Fī Syarḥ Taqrīb al-Nawāwī*, tahqiq 'Urfān al-'Asysya Ḥassūnah (Bayrūt : Dar al-Fikr, 2000), 15.

[32] Taqrir ialah pengakuan RasuluLlāh s.a.w. iaitu Baginda mendiamkan diri, tidak membantah dan tidak menegur terhadap sesuatu yang dilakukan oleh sahabat. Lihat Prof. T.M. Hasbi Ash Shiddieqy, *Pengantar Hukum Islām* (Jakarta : Penerbit P.T. Bulan Bintang, 1953), 193. Contoh taqrir adalah seperti kisah dua orang sahabat yang melakukan perjalanan jauh.Tatkala keduanya hendak mendirikan solat ternyata tiada air. Mereka pun bertayamum lalu mendirikan solat. Setelah selesai solat, mereka memperoleh air ketika waktu solat masih ada. Seorang mengulangkan solat dan seorang lagi tidak. Tatkala mereka menceritakan kejadian ini kepada Rasulullah s.a.w., Rasulullah s.a.w. mempersetujui perbuatan kedua-dua sahabat ini. Lihat O.K. Rahmat, *Sumber Dan Prinsip Hukum Islām* (Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 1988), 60.

[33] Muḥammad 'Abd al-'Azīz al-Halawiyy, *Al-Nafīs Fī al-Tamyīz Bayn al-Ṣaḥīḥ Wa al-Ḍa'īf Wa Syarḥ Muṣṭalah al-Ḥadīth* (t.t.p : Maktabah al-I'tisam, t.t), 5.

[34] Ḥammām 'Abd al-Raḥīm Sa'īd, *Al-Tamhīd Fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, 11. lihat juga Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādiy, *'Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluhā Wa Mu'āṣiruhā*, 21.



Universiti Malaya

*seseorang yg termasyhur*"[35]. Apabila perkataan masyhur dikaitkan dengan hadith, ia membawa maksud yang lebih khusus sebagaimana menurut pandangan ulama hadith. Dr. Mahmud al-Tahhan menyatakan hadith masyhur ialah hadith yang diriwayatkan oleh tiga perawi atau lebih di setiap peringkat periwayatan selagi mana tidak sampai kepada tahap hadith mutawatir[36]. Namun demikian, apabila ianya dikaitkan dengan pengertian yang lebih umum, ia boleh membawa maksud yang lebih umum juga seperti hadith-hadith yang masyhur dalam kalangan kelompok masyarakat tertentu tanpa memenuhi syarat-syarat hadith masyhur yang sebenar. Tetapi di dalam konteks kajian ini, hadith masyhur yang dimaksudkan ialah hadith-hadith yang terdapat di dalam buku-buku terpilih yang tersebar di kalangan masyarakat Islam Malaysia sekalipun masyarakat Islam di Malaysia tidak pernah mendengarnya.

d. *Al-Fada'il*

*Al-Fada'il* adalah kalimah jamak bagi kalimah fadilat yang membawa erti kedudukan yang tinggi di dalam kebaikan akhlak[37]. Ibn Manzur pula menyatakan fadilat adalah sesuatu yang telah diketahui iaitu lawan kepada kekurangan dan membawa maksud kedudukan yang tinggi dari sudut kelebihan[38].

e. Kefahaman

Kamus Dewan Edisi Keempat memberikan maksud sebagai keupayaan (kemampuan) memahami, faham tidaknya (seseorang) akan sesuatu yg

Universiti Malaya

---

35 Lihat laman sesawang Dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses pada 13 Oktober 2014 http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=analisis.

36 Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*, cet. ke-9 (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1996), 24.

37 Ibrāhīm Anīs, *al-Mu'jam al-Wasīṭ* (t.t.p, t.p, t.t), 2:693.

38 Ibn Manẓūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad Bin Makram, *Lisān al-Arab* (Bayrut : Dar Sadr, t.t), 11:524.

dipelajari. Oleh itu, ujian keberkesanan pengajaran guru yg sebenarnya ialah kefahaman pelajar[39].

f. Pengamalan

Kamus Dewan Edisi Keempat memberikan maksud sebagai kesungguhan hati mengerjakan sesuatu[40].

## 1.9 Kajian Literatur

Kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis status dan martabat hadith-hadith berkaitan fadilat yang terdapat di dalam buku-buku hadith terpilih yang tersebar dalam kalangan masyarakat umat Islam di Malaysia.

Menerusi penelitian terhadap kajian-kajian lalu yang ada perkaitan dengan fokus kajian ini, pengkaji tidak menemui tajuk kajian yang sama dengan tajuk "TAKHRIJ HADITH MASYHUR BERKAITAN *AL-FADA'IL*: KAJIAN KEFAHAMAN DAN PENGAMALANNYA DALAM KALANGAN GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI JOHOR**".** Kenyataan pengkaji ini adalah berdasarkan kepada hasil dapatan sorotan perpustakaan yang telah dilakukan.

Kajian takhrij yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu adalah lebih kepada takhrij kitab-kitab jawi lama dan amat kurang takhrij terhadap buku-buku berbahasa melayu yang memuatkan hadith-hadith Rasulullah SAW. Penulisan hadith-hadith di dalam kebanyakan buku-buku tersebut adalah secara tidak cermat. Pengarang buku menulis hadith tanpa dinyatakan sumber ambilannya dan statusnya. Dengan demikian, hadith-hadith tersebut berkemungkinan terdedah kepada martabat *mawḍū'* (palsu). Sedangkan penulisan dan penyebaran hadith-hadith palsu tanpa menyatakan statusnya adalah umpama pembohongan terhadap Rasulullah SAW sebagaimana hadith

[39] Lihat laman sesawang EKamus dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses pada 23 Mac 2017 http://ekamus.dbp.gov.my/Search.aspx?spec=true&type=1&cari=kefahaman

[40] Lihat laman sesawang EKamus dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses pada 1 Mei 2018 http://ekamus.dbp.gov.my/DaftarKata.aspx?cari=pengamalan

Universiti Malaya

yang bermaksud "barangsiapa yang melakukan pembohongan ke atasku secara sengaja, maka seolah-olahnya dia telah menyediakan tempatnya sendiri di dalam neraka[41]".

Menerusi kajian terdahulu berkaitan takhrij, pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian tersebut adalah berkaitan:

**a. Takhrij hadith-hadith di dalam kitab-kitab arab klasik dan baru seperti:**

i. *al-Ḥāwī Fī Takhrīj Aḥāḍīth Majmū` al-Fatāwā Li al-Imām Shaykh al-Islām Taqiy al-Dīn Ibn Taymiyyah* oleh al-Shura, Majdi ibn Mansur ibn Sayyid. Pentakhrij melakukan takhrij terhadap semua hadith yang terdapat di dalam kitab *Majmū` al-Fatāwā* dan menyusun takhrij tersebut berdasarkan turutan huruf hijaiyyah. Pentakhrij meletakkan nombor muka surat dan jilid yang kemudiannya menyatakan takhrijnya. Pentakhrij tidak menyusun hadith-hadith yang ditakhrij mengikut tajuk yang sama tetapi mengikut susunan huruf hijaiyyah.

ii. *Natā'ij al-Afkār Fī Takhrīj Aḥāḍīth al-Adhkār* oleh Ibn Ḥajar al-`Asqalānī. Di dalam kitab ini, Ibn Hajar menghuraikan isi kandungan dan menyatakan takhrij terhadap hadith-hadith yang dinukilkan oleh Imam al-Nawawi di dalam kitabnya al-Adhkar.

iii. *Talkhīs al-ḥabīr Fī Takhrīj Aḥāḍīth al-Rāfi`i al-Kabīr* oleh Ibn Ḥajar al-`Asqalānī. Di dalam kitab ini, Ibn Ḥajar melakukan takhrij terhadap hadith-hadith yang dinukilkan oleh Abū al-Qāsim al-Rāfi'ī di dalam kitabnya Syarḥ al-Wajīz. Ibn Ḥajar menyusun hadith-hadith yang

[41] Imam Muslim telah menyatakan beberapa buah hadith di dalam Sahihnya di dalam bab *Taghlīẓ al-kadhbi 'alā RasūliLlāh SAW*. Antaranya sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Rib'i bin Hirasy bahawa beliau telah mendengar Ali r.a telah berkata : "telah bersabda Rasulullah s.a.w. : janganlah kamu melakukan pembohongan ke atasku kerana barangsiapa yang melakukan pembohongan ke atasku, dia akan masuk neraka". Sebuah lagi hadith yang telah diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a bahawa beliau telah berkata : "sesungguhnya perkara yang menghalangku daripada meriwayatkan hadith yang banyak ialah Rasulullah s.a.w. pernah bersabda : " barangsiapa yang secara sengaja melakukan pembohongan ke atasku, maka dia telah menyediakan tempatnya di dalam neraka." Sila lihat Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qusyayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Bayrut : Dar Ibn Hazm, t.t), 1:24.

ditakhrij berdasarkan tajuk-tajuk fiqh yang dimulai dengan *kitāb al-ṭahārah bāb al-mā' al-ṭāhir* (kitab bersuci bab air yang menyucikan)[42].

iv. *Al-Aḍwā' al-Samawiyah Fī Takhrīj Aḥāḍīth al-Arba`īn al-Nawawiyah* oleh Ibn Muhammad Abu `Abd al-Rahman Fawzi ibn `Abd Allah. Pentakhrij Fawzi ibn `Abd Allah melakukan takhrij terhadap hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab 40 hadith Imam al-Nawawi.

v. *Prinsip takaful dalam Al-Kutub Al-Sittah : takhrij dan analisis hukum* oleh Solahuddin Abdul Rahman (disertasi peringkat sarjana). Penulis disertasi hanya melakukan kajian dengan mengeluarkan semua hadith berkaitan takaful yang ditemui di dalam kitab kutub al-Sittah yang kemudiannya dilakukan takhrij terhadap hadith-hadith tersebut[43].

*vi.* *Takhrij Dan Analisis Hukum Hadith-Hadith Mudarabah Dalam al-Sunan al-Sittah* oleh Mohd. Faiz Hakimi Mat Idris (disertasi peringkat sarjana). Kajian ini menfokuskan kepada takhrij hadith-hadith mudarabah di dalam al-Kutub al-Sittah dan seterusnya dikeluarkan analisis hukum yang berkaitan Mudarabah. Hasil daripada kajian ini menemui 21 Hadith yang mempunyai kaitan tentang Mudarabah. Hasil kajian ini turut mendapati banyak hadith-hadith berkaitan mudarabah adalah daif[44].

vii. *Hadith-Hadith Wasiat Dan Hibah Di Dalam al-Sunan al-Sittah : Takhrij Dan Analisis Hukum* oleh Rizalman Muhammad (disertasi peringkat sarjana). Kajian ini pula menfokuskan kepada topik wasiat dan hibah. Penulisnya memulakan kajiannya dengan mengumpulkan hadith-hadith

---

[42] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Abū al-Faḍl Syihāb al-Dīn Aḥmad Bin 'Alī Ibn Muḥammad Bin Ḥajar, *Talkhīṣ al-Ḥabīr Fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'ī al-Kabīr* (Makkah : Muassasah al-Qurṭubah, 1995), 1: 8.

[43] Solahuddin Abdul Rahman, "Prinsip Takaful Dalam al-Kutub al-Sittah: Takhrij dan Analisis Hukum’", (Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009), 3.

[44] Mohd Syukri Bin Mohd Noor, " Prinsip Al-Wakalah Dalam Al-Kutub Al-Sittah Dan Aplikasinya Dalam Industri Takaful Di Malaysia", (Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2013), 7.



Universiti Malaya

wasiat dan hibah di dalam al-Sunan al-Sittah secara kualitatif. Hal ini bertujuan untuk mengenalpasti bilangan hadith wasiat dan hibah yang terdapat didalam kutub sittah dan juga darjat hadith-hadith tersebut. Kemudian pada bab yang seterusnya, penulis mengemukakan teks hadith dan seterusnya menyatakan takhrij hadith. Kemudian barulah analisis hukum hadith dilakukan[45].

viii. *Hadith-Hadith Kitab al-Iman Wa Shara'i'uh Di Dalam Sunan al-Nasa'i : Takhrij Dan Analisis* oleh Mohd Al-Hafidz Al-Bakri (latihan ilmiah peringkat ijazah sarjana muda). Kajian ini hanya melakukan takhrij terhadap hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab al-Iman Sunan al-Nasa'i.

ix. Dan lain-lain lagi kajian yang telah dilakukan diperingkat ijazah sarjana muda

**b. Takhrij hadith-hadith di dalam kitab-kitab jawi klasik seperti :**

i. Kajian terhadap kitab *Risālah Fī Bayān Ḥukm al-Bai' Wa al-Ribā'* karangan Syaykh Abdul Qadir Bin Abdul Rahim al-Fatani di Bukit Bayas Terengganu[46] yang telah dilakukan oleh Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri di dalam tesis Phdnya. Kajian yang hanya tertumpu kepada hadith-hadith berkaitan muamalat ini secara tidak langsung menggambarkan kaedah penulisan hadith dan status hadith-hadith yang telah dinukilkan di dalam kitab. Hasil dapatan kajian beliau, terdapat 91 buah hadith di dalam kitab ini. Pecahan status hukum bagi hadith-hadith ini ialah : 38 buah hadith adalah berstatus *ṣaḥīḥ* (42%), 1 buah hadith

[45] Mohd Syukri Bin Mohd Noor, " Prinsip Al-Wakalah Dalam Al-Kutub Al-Sittah Dan Aplikasinya Dalam Industri Takaful Di Malaysia", (Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2013), 7.

[46] Lihat Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri, "Hadith-hadith Muamalat Maliyyah Dalam Kitab-kitab Jawi Terpilih : Takhrij Dan Analisis", (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan al-Qur'an Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 338.

Universiti Malaya

adalah berstatus *ṣaḥīḥ mawqūf* (1%), 2 buah hadith adalah berstatus *ḥasan* (2%), 3 buah hadith adalah berstatus *ḥasan lighayrihi* (3%), 13 buah hadith adalah berstatus *ḍa'īf* (14%), 5 buah hadith adalah berstatus *ḍa'īf jiddan* (6%), 7 buah hadith adalah berstatus *mawḍū'* atau palsu (8%), 12 buah hadith tidak ditemui (13%), 4 athar sahabah (4%) dan 6 buah hadith di dalam kategori lain-lain (7%).[47]

ii. Kitab *Nahj al-Rāghibīn Wa Sabīl al-Muttaqīn* karangan Syaykh Dawud Bin AbduLlah al-Fatani yang telah dilakukan oleh Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri di dalam tesis Phdnya. Kajian yang hanya tertumpu kepada hadith-hadith berkaitan muamalat ini secara tidak langsung menggambarkan kaedah penulisan hadith dan status hadith-hadith yang telah dinukilkan di dalam kitab. Hasil dapatan kajian beliau, terdapat 48 buah hadith di dalam kitab ini yang berkaitan muamalat. Pecahan status hukum bagi hadith-hadith ini ialah : 31 buah hadith adalah berstatus *ṣaḥīḥ* (65%), 2 buah hadith adalah berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi* (4%), 3 buah hadith adalah berstatus *ḥasan* (6%), 9 buah hadith adalah berstatus *ḍa'īf* (19%), 1 buah hadith tidak ditemui (2%), 2 lafaz teks tidak difahami (4%).[48]

iii. Kitab *Fatḥ al-Mannān Turjumah Li Ṣafwah al-Zubād Li WaliyuLlah Aḥmad Bin Ruslan al-Dimashq* karangan Syaykh Dawud Bin Wan AbduLlah al-Fatani yang telah dilakukan oleh Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri di dalam tesis Phdnya. Kajian yang hanya tertumpu kepada hadith-hadith berkaitan muamalat ini secara tidak langsung menggambarkan kaedah penulisan hadith dan status hadith-hadith yang telah dinukilkan di dalam kitab. Hasil dapatan kajian beliau, terdapat 23

---

[47] *Ibid.*

[48] Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri, "Hadith-hadith Muamalat Maliyyah Dalam Kitab-kitab Jawi Terpilih : Takhrij Dan Analisis", 340.

buah hadith di dalam kitab ini yang berkaitan muamalat. Pecahan status hukum bagi hadith-hadith ini ialah : 19 buah hadith adalah berstatus *ṣaḥīḥ* (83%), 1 buah hadith adalah berstatus *ḍa'īf* (4%), 3 buah hadith tidak ditemui (13%).[49]

iv. Kitab *Sayr al-Sālikīn* karangan Syaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani yang telah dilakukan oleh Wan Aminurrashid Bin Wan Abd Hamid di dalam disertasi master beliau. Kajian yang hanya tertumpu kepada hadith-hadith berkaitan bab Solat ini secara tidak langsung menggambarkan kaedah penulisan hadith dan status hadith-hadith yang telah dinukilkan di dalam kitab. Hasil dapatan kajian beliau, terdapat 116 buah hadith di dalam kitab ini yang berkaitan bab solat. Pecahan status hukum bagi hadith-hadith ini ialah : 46 buah hadith adalah berstatus *ṣaḥīḥ* (39.7%), 8 buah hadith adalah berstatus *ḥasan* (6.9%), 23 buah hadith adalah berstatus *ḍa'īf* (19.8%), 1 buah hadith adalah berstatus *ḍa'īf jiddan* (0.9%), 31 buah hadith adalah berstatus *mawḍū'* (26.7%) dan 7 buah hadith adalah tidak dijumpai (6%).[50]

v. Kitab *Bughyah al-Ṭullāb* karangan Syaykh Wan Daud Bin Wan AbduLlah al-Fatani yang telah dilakukan oleh Abdul Azis Bin Awang Kechik di dalam disertasi master beliau. Kajian yang hanya tertumpu kepada jilid dua daripada kitab ini secara tidak langsung menggambarkan kaedah penulisan hadith dan status hadith-hadith yang telah dinukilkan di dalam kitab. Jilid dua bagi kitab *Bughyah al-Ṭullāb* ini berkisar lima tajuk utama iaitu Kitab *al-Janā'iz*, Kitab *al-Zakāh*, Kitab *al-Ṣawm*, Kitab

---

[49] *Ibid.*, 343.

[50] Wan Aminurrashid Bin Wan Abd Hamid, "Hadith-Hadith Dalam Kitab Sayr al-Salikin Karangan Syaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani : Satu Kajian Dalam Bab Solat", (Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010), 250.

Universiti Malaya

*al-I'tikāf* dan Kitab *al-Ḥajj Wa al-'Umrah*[51]. Hasil dapatan kajian beliau, terdapat 181 buah hadith di dalam kitab ini yang berkaitan lima kitab utama sebagaimana dinyatakan di atas. Pecahan status hukum bagi hadith-hadith ini ialah : 108 buah hadith adalah berstatus *ṣaḥīḥ* (61%), 6 buah hadith adalah berstatus *ḥasan* (3%), 28 buah hadith adalah berstatus *ḍa'īf* (15%), 8 buah hadith adalah berstatus *mawḍū'* atau palsu (4%) dan 31 buah hadith adalah tidak diketahui (17%).[52]

vi. Kitab *Tafsir Marah Labid* karangan Syakh Nawawi al-Bantani yang telah dilakukan oleh Badaruddin Haba di dalam disertasi master beliau. Kajian yang hanya tertumpu kepada hadith-hadith yang terdapat di dalam surah al-Baqarah ini secara tidak langsung menggambarkan kaedah penulisan hadith dan status hadith-hadith yang telah dinukilkan di dalam kitab. Hasil dapatan kajian beliau, terdapat 55 buah hadith *marfū'* di dalam surah al-Baqarah daripada Kitab Tafsir Marah Labid. Pecahan status hukum bagi hadith-hadith di dalam surah al-Baqarah ini ialah : 27 buah hadith adalah berstatus *ṣaḥīḥ* (50%), 5 buah hadith adalah berstatus *ḥasan* (9%), 9 buah hadith adalah berstatus *ḍa'īf* (16%), 3 buah hadith adalah berstatus *mawḍū'* atau palsu (5%) dan 11 buah hadith adalah tidak diketahui (20%).[53]

vii. Kitab *I'tiqad Orang Yang Percaya Akan Qur'an Dengan Turun 'Isa 'Alaih al-Salam* karangan Syakh Abd. qadir al-Mandili yang telah dilakukan oleh Mohamed Bazri Che Harun di dalam disertasi master beliau. Hasil dapatan kajian beliau, terdapat 34 buah hadith di dalamkitab

---

[51] Lihat Abdul Azis Bin Awang Kechik, "Hadith-Hadith Dalam Bughyah al-Tullab Karangan Syaykh Daud al-Fatani (Jilid Dua) : Takhrij Dan Analisis", (Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009), 59.
[52] *Ibid.*, 152.
[53] Lihat Badaruddin Haba, "Kajian Hadith Dalam Kitab Tafsir Marah Labid Karya Syaykh Nawawi al-Bantani : Tumpuan Kepada Surah al-Baqarah", (Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012), 152.



Universiti Malaya

ini. Pecahan status hukum bagi hadith-hadith di dalam kitab ini ialah : 16 buah hadith adalah berstatus *ṣaḥīḥ* (47%), 3 buah hadith adalah berstatus *ḥasan* (9%), 10 buah hadith adalah berstatus *ḍa'īf* (29%), 1 buah hadith adalah berstatus *mawḍū'* atau palsu (3%) dan 4 buah hadith adalah tidak diketahui (12%).[54]

viii. Kitab *Menakutkan Dan Meliarkan Daripada Kemasukan Orang-Orang Islam Akan Anak-Anak Mereka Itu Ke Dalam Sekolah Orang Kafir* karangan Syakh 'Abd. Qadir al-Mandili yang telah dilakukan oleh Mohamed Bazri Che Harun di dalam disertasi master beliau. Hasil dapatan kajian beliau, terdapat 11 buah hadith di dalam kitab ini. Pecahan status hukum bagi hadith-hadith di dalam kitab ini ialah : 4 buah hadith adalah berstatus *ṣaḥīḥ* (37%), 4 buah hadith adalah berstatus *ḥasan* (36%), 2 buah hadith adalah berstatus *ḍa'īf* (18%) dan 1 buah hadith adalah tidak diketahui (9%).[55]

ix. Kitab *Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca al-Quran Dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati* karangan Syakh 'Abd. qadir al-Mandili yang telah dilakukan oleh Mohamed Bazri Che Harun di dalam disertasi master beliau. Hasil dapatan kajian beliau, terdapat 35 buah hadith di dalam kitab ini. Pecahan status hukum bagi hadith-hadith di dalam kitab ini ialah : 14 buah hadith adalah berstatus *ṣaḥīḥ* (40%), 1 buah hadith adalah berstatus *ḥasan* (3%), 8 buah hadith adalah berstatus *ḍa'īf* (23%), 5 buah hadith adalah berstatus *mawḍū'* atau palsu (14%) dan 7 buah hadith adalah tidak diketahui (20%).[56]

[54] Lihat Mohamed Bazri Che Harun, "Hadith-Hadith Dalam Karya Syeikh 'Abd. Qadir al-Mandili : Takhrij Dan Analisis", (Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012), 163,165.
[55] Lihat Mohamed Bazri Che Harun, "Hadith-Hadith Dalam Karya Syeikh 'Abd. Qadir al-Mandili : Takhrij Dan Analisis", (Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012), 167, 169.
[56] *Ibid.*, 170, 172.



Universiti Malaya

x. Kitab *Penawar Bagi Hati* karangan Syakh 'Abd. Qadir al-Mandili yang telah dilakukan oleh Mohamed Bazri Che Harun di dalam disertasi master beliau. Hasil dapatan kajian beliau, terdapat 104 buah hadith di dalam kitab ini. Pecahan status hukum bagi hadith-hadith di dalam kitab ini ialah : 50 buah hadith adalah berstatus *ṣaḥīḥ* (48%), 20 buah hadith adalah berstatus *ḥasan* (19%), 24 buah hadith adalah berstatus *ḍa'īf* (23%), 3 buah hadith adalah berstatus tidak diketahui asalnya atau *lā aṣla lah* (3%) dan 7 buah hadith adalah tidak diketahui (7%).[57]

xi. *Sumbangan Syeikh 'Abd Al-Samad al-Falimbani Dalam Bidang Hadith : Analisis Metodologi Penyusunan Dan Takhrij Hadith Dalam Kitab Hidayah al-Salikin* oleh Khadher Ahmad (disertasi peringkat sarjana).

i. *Hadith-Hadith Dalam Kasyf al-Ghummah Juzuk Pertama Karya Syeikh Daud al-Fatani : Takhrij Dan Ulasan* oleh Rosni Wazir (disertasi peringkat sarjana).

ii. *Hadith Dalam Kitab al-Durr al-Thamīn Karangan Syeikh Daud al-Fatani : Takhrij Dan Analisis* oleh Mazlan Sidek (disertasi peringkat sarjana).

iii. *Sumbangan Syeikh Samad Falimbani Terhadap Pengajian Tasawuf : Takhrij Dan Ulasan Hadith-Hadith Dalam Bab 4 Kitab Hidayah al-Salikin* oleh Ahmad Hilmi Ahmad Zohdi (latihan ilmiah peringkat ijazah sarjana muda).

iv. Walaupun demikian, terdapat juga usaha-usaha yang telah dilakukan oleh ulama-ulama dan ilmuwan hadith untuk mendedahkan status hadith-hadith yang tidak dinyatakan secara jelas di dalam karya-karya penulisan melalui kajian dan pengkajian. Mereka juga menulis dan menyatakan

[57] *Ibid.*, 175, 176.



Universiti Malaya

pelbagai topik berkaitan hadith-hadith Rasulullah SAW di dalam buku-buku, majalah-majalah, artikel dan sebagainya bagi memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada umat Islam agar mereka senantiasa berwaspada dan tidak mengambil hadith-hadith Rasulullah SAW secara sambil lewa dan membabi-buta.

v. Antara penulis atau ilmuwan hadith yang menyumbang ke arah ini ialah Drs Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris yang telah menyumbang hasil-hasil tulisan beliau di dalam pelbagai tajuk. Beliau juga menulis di dalam majalah Pengasuh berkaitan hadith-hadith *ḍa'īf* dan *mawḍū'* yang menyentuh tentang pengertiannya, motif dan objektif penciptaannya, kumpulan yang terlibat dan sebagainya. Antara tajuk-tajuk yang beliau pernah tulis di dalam majalah Pengasuh tersebut ialah "Hadith-Hadith *Mawḍū'* Dan Hadith Terlalu *Ḍa'īf*" dan "Membersihkan Khutbah Dari Pembohongan, Kebatilan Dan Kesesatan"[58].

**c. Takhrij hadith-hadith dalam majalah-majalah seperti :**

i. *Hadith-Hadith Dalam Majalah Anis Dari Tahun 2004 Hingga 2006 : Takhrij Dan Ulasan* oleh Hamizah Hasbullah (latihan ilmiah peringkat ijazah sarjana muda).

ii. *Takhrij Dan Ulasan Hadith-Hadith Dalam Majalah Nur Sepanjang Januari Hingga Disember 2006* oleh Noor Mazira Ab Malek (latihan ilmiah peringkat ijazah sarjana muda).

iii. *Analisis Dan Takhrij Hadith Dalam Artikel Astora Jabat Dalam Majalah al-Islam Tahun 2003 Hingga Tahun 2004* oleh Rabiul Hayatun Abd Hamid (latihan ilmiah peringkat ijazah sarjana muda).

[58] Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid, "Drs. Abdul Ghani Azmi Bin Idris : Tinjauan Terhadap Sumbangan Dan Penulisan Beliau Dalam Majalah Pengasuh Mengenai Ilmu Hadith", 71.



Universiti Malaya

iv. *Hadith-Hadith Dalam Majalah Lanun Keluaran Jun Hingga Disember 1998 : Takhrij Dan Ulasan* oleh Imanniah Ishak (latihan ilmiah peringkat ijazah sarjana muda).

**d. Takhrij hadith-hadith dalam khutbah jumaat seperti :**

i. *Takhrij Dan Ulasan Hadith-Hadith Dalam Khutbah Jumaat Di Negeri Kelantan : Tumpuan Dari Bulan Januari Hingga Disember 2008* oleh Salmah Che Ibrahim (latihan ilmiah peringkat ijazah sarjana muda).

**e. Takhrij hadith-hadith di dalam laman web seperti :**

i. *Takhrij Dan Analisis Hadith-Hadith Dalam Laman Web E-Hadith Jakim (Himpunan Hadith Harian) : Tumpuan Terhadap Bulan Ogos Tahun 2007* oleh Noraini Mohd Bandong (latihan ilmiah peringkat ijazah sarjana muda).

ii. *Takhrij Al-Hadith Di Era ICT : Tinjauan Terhadap Web Al-Durar Al-Saniyyah* oleh Adnan Mohamed Yusoff.

**f. Kajian-kajian lain yang berkaitan ilmu takhrij**

i. *Takhrij Hadith Dalam Penulisan Tesis Phd Di Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya* oleh Abdul Karim Ali di dalam Seminar Takhrij Hadith Nusantara (30-31 Dis 2009).

ii. *Takhrij Hadith : Teknik Pencarian Hadith Yang Tepat Dan Berkesan* oleh Faisal Ahmad Shah, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

iii. Dan lain-lain lagi kajian yang tidak menumpukan secara khusus berkaitan takhrij hadith-hadith.

Kajian-kajian yang dinyatakan hanyalah sebahagian daripada kajian berkaitan hadith khususnya takhrij yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji. Kesimpulan yang boleh dinyatakan oleh pengkaji ialah tajuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebagaimana

Universiti Malaya

yang telah dinyatakan di atas masih lagi belum dilakukan lagi dan mempunyai kepentingan dan justifikasi ilmiah untuk dikaji demi kemaslahatan masyarakat Islam di Malaysia khususnya.

## 1.10 Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk gabungan antara kajian perpustakaan (*library research)* dan juga kajian lapangan (*field research*) yang memerlukan kepada metodologi khusus bagi mendapatkan hasil dapatan kajian yang diperakui kebenarannya. Kajian lapangan lebih berbentuk pengkajian deskriptif iaitu pengkajian untuk memperihalkan tentang sesuatu perkara yang berlaku[59] dengan menggunakan pendekatan pengkajian kuantitatif[60]. Kajian ini menggunakan 3 jenis metodologi di dalam penghasilan laporan akhir kajian iaitu metodologi penentuan subjek, metodologi pengumpulan data dan metodologi penganalisisan data.

### a. Metodologi Penentuan Subjek

i. Penentuan Subjek Hadith-Hadith Yang Ditakhrij

Di dalam kajian ini, pengkaji hanya mengkaji hadith-hadith Rasulullah SAW yang terdapat di dalam lima buah buku berkaitan hadith yang terpilih sahaja. Jumlah hadith yang terdapat di dalam 5 buah buku tersebut adalah sebanyak 212 buah hadith yang berkaitan dengan kelebihan solat, kelebihan berselawat ke atas Rasulullah SAW, kelebihan membaca ayat-ayat al-Quran, kelebihan membaca surah al-Fatihah dan kelebihan berkaitan basmalah. Pelbagai gaya penulisan dan

---

[59] Lihat Mokhtar Ismail, *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2011), 57.

[60] Pendekatan kuantitatif ialah penyelidikan yang menekankan kepada fenomena-fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data. Suatu penyelidikan yang melibatkan pengukuran pemboleh ubah kajian dengan menggunakan alatan saintifik dan eksperimen. Penggunaan ujian statistik terhadap sesuatu kajian adalah sebagai usaha untuk menerangkan, menjelaskan atau mencari perhubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam suatu penyelidikan. Lihat Perbezaan Antara Kajian Kuantitatif Dan Kualitatif, laman sesawang Made In UITM, diakses pada 15 Julai 2018, https://madeinuitm.com/perbezaan-antara-kajian-kuantitatif-dan-kualitatif/

Universiti Malaya

hukum hadith dapat diketahui berdasarkan pandangan, kritikan, ulasan dan kajian para ulama yang mahir di dalam bidang hadith.

ii. Penentuan Subjek Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi ialah kumpulan sasaran pengkaji supaya sesuatu dapatan kajian dapat diaplikasikan. Populasi menentukan sejauh mana dan sebanyak mana data dan maklumat perlu dikumpulkan dan dianalisis[61]. Individu ataupun sampel kajian yang dicerap mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama antara satu dengan yang lain di dalam populasi[62]. Mokhtar Ismail[63] menyatakan bahawa dari segi konsep, terdapat dua jenis populasi iaitu populasi sasaran dan populasi boleh capai. Populasi sasaran ialah populasi yang dihajati oleh pengkaji untuk membuat generalisasi dapatan kajiannya seperti tajuk kajian "Semua guru pendidikan Islam di Negeri Johor" . Manakala populasi boleh capai pula ialah populasi relatif kecil yang mampu dijalankan kajiannya oleh pengkaji seperti tajuk kajian "Semua guru pendidikan Islam di Daerah Pasir Gudang, negeri Johor".

Semasa menjalankan pengkajian, pengkaji mengasaskan proses persampelannya kepada populasi boleh capai walaupun pengkaji secara muktamad ingin menggeneralisasikan dapatannya ke atas populasi sasaran. Oleh itu itu, terdapat dua jenis lonjakan yang berlaku iaitu lonjakan daripada sampel kepada populasi boleh capai dan lonjakan daripada populasi boleh capai kepada populasi sasaran[64]. Lonjakan pertama boleh diselesaikan dengan persampelan rawak manakala lonjakan kedua boleh dilakukan dengan mencari persamaan antara dua populasi berkenaan. Jika wujud persamaan maka disebut wujudnya kesahan

61 Mokhtar Ismail, *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2011), 98.
62 *Ibid.*
63 *Ibid.,* 99.
64 *Ibid.*

populasi dan boleh digeneralisasikan keputusan daripada populasi boleh capai kepada populasi sasaran[65].

Di dalam kajian ini, populasi sasaran pengkaji adalah terdiri daripada guru-guru pendidikan Islam di Negeri Johor manakala populasi boleh capai pengkaji adalah guru-guru pendidkan Islam di daerah Pasir Gudang, Johor. Data yang diperolehi daripada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Johor menunjukkan sejumlah 1040 orang guru pendidikan Islam di seluruh Daerah Pasir Gudang yang mengajar di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Jadual 1.3 menunjukkan bilangan guru pendidikan Islam yang berada di Daerah Pasir Gudang, Johor berdasarkan tahap pendidikan peringkat siswazah dan bukan siswazah.

Jadual 1.3 : Bilangan guru pendidikan Islam siswazah dan bukan siswazah.

| **Bil** | **Bahagian Sekolah** | **Pengisian Guru** | | |
|---|---|---|---|---|
| | | **Siswazah** | **Bukan Siswazah** | **Jumlah** |
| 1 | Sekolah Rendah (Harian) | 767 | 56 | 823 |
| 2 | Sekolah Menengah (Harian) | 216 | 1 | 217 |
| | **Jumlah** | **983** | **57** | **1040** |

Sumber : Data Jabatan Pelajaran Negeri Johor (2017)

iii. Penentuan Subjek Kajian Kefahaman Dan Pengamalan

Pengkaji memilih topik kajian sedemikian adalah disebabkan pengkaji ingin mendapatkan jawapan ilmiah terhadap persoalan yang muncul di dalam fikiran pengkaji lantaran terdengar ceramah pendakwah agama yang menyebutkan hadith-hadith fadilat yang menimbulkan tanda tanya berkaitan statusnya adakah ianya sahih ataupun palsu. Penggunaan hadith-hadith yang meragukan kesahihannya di dalam ceramah agama yang melibatkan masyarakat Islam mengundang penyebaran hadith palsu yang menjejaskan kemuliaan Rasulullah SAW. Maka, pengkaji

[65] *Ibid.*



Universiti Malaya

menguatkan iltizam dengan meneruskan kesungguhan menyiapkan kajian ini. Moga-moga memberi manfaat kepada masyarakat Islam.

**b. Metodologi Pengumpulan Data**

i. Kajian Perpustakaan

Kajian Perpustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Langkah ini membolehkan pengumpulan data yang bersifat sekunder dapat dilakukan bagi menyokong dapatan kajian. Fungsinya adalah bagi memberikan gambaran permulaan dan hala tuju kajian pengkaji[66]. Kajian ini memerlukan rujukan dari pelbagai sumber berkaitan hadith. Antara sumber tersebut ialah kitab-kitab berkaitan matan hadith seperti kitab-kitab sunan tis'ah iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan al-Nasā'ī, Sunan Abū Dāwūd, Sunan at-Tirmidhī, Sunan Ibn Mājah, Musnad Aḥmad, Muwaṭṭā' Mālik* dan *Musnad al-Dārimī.*Pengkaji juga perlu merujuk kitab-kitab matan hadith yang lain seperti kitab-kitab *ṣaḥīḥ*, kitab-kitab *sunan*, kitab-kitab *muṣannaf*, kitab-kitab *mu'jam*, kitab-kitab *musnad* dan sebagainya.

Pengkaji juga merujuk kitab-kitab berkaitan syarah matan hadith, kitab-kitab berkaitan penilaian perawi-perawi hadith seperti kitab *Lisān al-Mīzān, Mīzān al-I'tidāl, Tahdhīb al-Kamāl, Tahdhīb al-Tahdhīb* dan sebagainya. Pengkaji juga merujuk pelbagai lagi kitab-kitab lain. Kitab-kitab tersebut mesti dirujuk kerana kajian bermotifkan takhrij hadith seperti ini memerlukan pandangan dan kritikan ulama-ulama hadith dalam menatijahkan penentuan status atau martabat sesuatu hadith samada ianya diterima atau ditolak.

[66] Nirwana Sudirman, " Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu", *Jurnal Melayu*, Selangor: Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia, no 15( 2016), 147.



Universiti Malaya

Selain itu, pengkaji juga meninjau kajian-kajian lepas yang kebanyakannya berkaitan takhrij hadith dan kajian lapangan bagi menyokong tajuk kajian dan menjadikannya sebagai sumber rujukan selain membuktikan bahawa kajian ini tidak menyamai kajian-kajian lepas. Antara sumber kajian-kajian lepas adalah menerusi kajian-kajian peringkat ijazah kedoktoran, ijazah sarjana dan juga hasil-hasil kajian yang dimuatkan di dalam jurnal-jurnal seperti Jurnal Usuluddin Universiti Malaya, Jurnal Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia dan sebagainya.

Pusat pengumpulan data yang dikunjungi oleh pengkaji bagi mendapatkan data-data yang diperlukan adalah seperti perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perputakaan Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) dan sebagainya. Selain itu, data-data juga diperolehi daripada perisian tertentu seperti perisian Maktabah Syamilah dan perisian Ensiklopedia Hadith, melalui internet khususnya melalui laman-laman sesawang yang berkaitan hadith-hadith Rasulullah SAW dan lain-lain.

ii. Dokumentasi

Metod dokumentasi dapat difahami sebagai suatu cara pengumpulan data yang diperolehi daripada dokumen-dokumen atau catatan-catatan seumpama transkrip, buku, surat kabar dan sebagainya. Justeru, sumber dokumentasi utama bagi kajian ini ialah lima buah buku berkaitan hadith-hadith fadilat yang terpilih, kitab-kitab sumber hadith sebagaimana yang telah dinyatakan di bahagian Metod Perpustakaan di atas, hasil-hasil kajian pengkaji terdahulu yang dimuatkan di dalam tesis kajian peringkat kedoktoran,sarjana atau pun jurnal, borang soal selidik yang diagihkan kepada responden terpilih dan buku-buku berkaitan kajian lapangan dan sebagainya.

Universiti Malaya

Pengkaji menulis semula hadith-hadith yang terdapat di dalam buku-buku hadith kajian dan kemudiannya pengkaji akan menjalankan usaha takhrij. Pengkaji akan mencari hadith-hadith tersebut daripada sumber kitab-kitab hadith yang telah dinyatakan seperti *sunan tis'ah* dan seterusnya pengkaji menganalisis data-data yang diperolehi bagi menentukan status dan martabatnya. Pengkaji menentukannya berdasarkan pandangan ulama hadith yang ditemui.

iii. Historis

Metodologi Historis adalah bentuk pengkajian sejarah. Pengkajian sejarah merupakan proses mencari data secara bersistem untuk menjawab soalan-soalan tentang satu fenomena masa lalu untuk tujuan pemahaman yang lebih baik ke atas institusi, amalan, aliran (*trend*) dan isu-isu pendidikan masa kini[67]. Justeru, kajian yang dilakukan ini adalah sangat memerlukan kepada penelitian terhadap data-data yang bersifat sejarah terutamanya data-data yang berkaitan dengan pandangan-pandangan ulama hadith tentang penilaian perihal perawi-perawi hadith di dalam kitab *rijal*, hasil-hasil dapatan kajian pengkaji yang terdahulu, data-data daripada responden terpilih berkaitan sejarah pendidikan mereka dan sebagainya.

iv. Soal Selidik

Soal selidik merupakan satu kaedah di mana satu susunan soalan yang tersusun digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Responden dikehendaki menjawab semua soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Menurut Tuckman, instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Manakala Cates pula berpendapat, pengunaan instrumen berbentuk soal selidik adalah amat berkesan jika ia disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Dalam keadaan masa dan kos yang terhad, ia

[67] Mokhtar Ismail, *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif Dalam Pendidikan*, 55.



Universiti Malaya

merupakan cara yang paling sesuai digunakan. Dengan menggunakan soal selidik juga, responden tidak perlu menulis nama dan ini memungkinkan mereka menjawab dengan jujur.

Item-item soalan yang dikemukakan di dalam borang soal selidik adalah terdiri daripada soalan-soalan yang diletakkan di bawah 4 bahagian utama iaitu Bahagian A berkenaan latar belakang responden yang mempunyai 6 item. Bahagian B adalah berkaitan kefahaman hadith-hadith fadilat yang mempunyai 7 item. Bahagian C adalah berkaitan tahap pengetahuan responden tentang hadith-hadith fadilat yang dinyatakan yang mempunyai 14 item. Bahagian D pula adalah berkaitan pengamalan responden tentang amalan-amalan yang dinyatakan samada berdasarkan hadith-hadith fadilat yang diketahui atau pun tidak yang mempunyai 20 item. Kesemua hadith-hadith yang dikemukakan di dalam borang soal selidik ini adalah terdiri daripada hadith-hadith yang terlalu *da'if* (lemah), *mawḍū'* (palsu) dan *lā aṣl lah* (tiada asal baginya) yang diambil daripada hadith-hadith yang menjadi bahan pengkajian pengkaji. Pengkaji telah mengenalpasti status hadith-hadith tersebut melalui hasil takhrij yang telah dijalankan. Pengkaji tidak memasukkan hadith-hadith berstatus *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* di dalam soal selidik ini kerana pengkaji hanya memfokuskan hadith-hadith yang berstatus yang terlalu *da'if* (lemah), *mawḍū'* (palsu) dan *lā aṣl lah* (tiada asal baginya) sahaja. Hadith-hadith berstatus *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* adalah sangat digalakkan untuk berpegang padanya lantaran jaminan kebolehpercayaan dan kesahan hadith-hadith tersebut bersambung kepada Rasulullah SAW adalah sangat tinggi dan diterima. Manakala hadith-hadith yang terlalu *da'if* (lemah), *mawḍū'* (palsu) dan *lā aṣl lah* (tiada asal baginya) pula mempunyai kebarangkalian yang sangat tinggi ianya tidak bersambung kepada Rasulullah SAW malahan hanya sekadar rekaan atau palsu yang bukan

Universiti Malaya

bersumberkan Rasulullah SAW. Jadual di bawah adalah ringkasan berkaitan item-item yang yang terdapat di dalam borang soal selidik.

Jadual 1.4 : Item-Item Soalan Borang Soal Selidik

| Bahagian | Perkara | Jumlah Item |
|---|---|---|
| Bahagian A | Maklumat Latar Belakang Responden | 6 Item |
| Bahagian B | Kefahaman Responden Berkaitan hadith-Hadith Fadilat | 7 Item |
| Bahagian C | Pengetahuan Responden Terhadap Hadith-Hadith fadilat Yang Dinyatakan | 14 Item |
| Bahagian D | Pengamalan Responden Terhadap Hadith-Hadith fadilat Yang Dinyatakan | 20 Item |
| Jumlah | | 47 Item |

Sumber : Borang Soal Selidik

Skala pengukuran yang digunakan di dalam soal selidik ini adalah berbentuk skala likert berdasarkan pilihan jawapan Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Skala likert ini digunakan sebagai pilihan jawapan responden bagi item-item soalan bahagian B dan D. Manakala item-item soalan bahagian B pula menggunakan skala guttman berdasarkan pilihan jawapan Pernah Mengetahui (PM) atau pun Tidak Pernah Mengetahui (TPM).

**c. Metodologi Penganalisisan Data**

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kajian kualitatif dan kuantitatif. Kualitatif adalah berdasarkan kualiti atau berkaitan dgn kualiti dan mutu[68]. Kuantitatif pula adalah berdasarkan kuantiti atau berkaitan dgn kuantiti[69]. Justeru, kajian ini adalah kajian yang menjalankan pengkajian dan penelitian

---

[68] Lihat laman sesawang EKamus dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses 23 Mac 2017, http://ekamus.dbp.gov.my/Search.aspx?spec=true&type=1&cari=kualitatif

[69] Lihat laman sesawang EKamus dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses 23 Mac 2017, http://ekamus.dbp.gov.my/Search.aspx?spec=true&type=1&cari=kuantitatif

Universiti Malaya

terhadap data-data untuk menilai kualiti tertentu atau sesuatu yang berkaitan kualiti dan menggunakan kuantiti tertentu atau sesuatu yang berkaitan kuantiti.

Kajian kualitatif di dalam kajian ini ialah penilaian bagi mengetahui tahap kualiti hadith-hadith Rasulullah SAW melalui data-data yang ditemui daripada pelbagai sumber untuk menatijahkan satu keputusan samada hadith tersebut berstatus *ṣaḥīḥ, ḥasan, ḍa'īf* ataupun *mawḍū'*.

Manakala kajian kuantitatif di dalam kajian ini ialah pengkaji perlu mengetahui kuantiti atau angka tertentu yang terhasil daripada penelitian terhadap kualiti hadith yang telah dijalankan seperti jumlah hadith sahih di dalam buku bertajuk "Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia" adalah sebanyak 50 buah hadith (58%) daripada kesemua hadith-hadith yang telah dinukilkan oleh pengarang. Begitu juga penelitian dan analisis terhadap hasil dapatan data-data daripada borang soal selidik responden.

Semua data yang dikumpul, dikodkan dan seterusnya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (*SPSS*) versi 22. Sebelum analisis dijalankan, data disaring terlebih dahulu bagi melihat ciri-ciri sebenar yang wujud sebelum analisis dapat dijalankan. Penyaringan data amat penting dalam memastikan data yang dianalisis adalah tepat dan bagi mengenal pasti wujudnya *missing value* yang timbul akibat kegagalan responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan dan seterusnya boleh menjejaskan analisis data.

Proses penganalisisan data hanya melibatkan kaedah analisis deskriptif. Bagi tujuan interpretasi tahap data deskriptif kajian secara keseluruhan, dapatan kajian berkaitan kefahaman hadith-hadith fadilat dianalisis berpandukan jadual interpretasi dapatan deskriptif yang telah diadaptasi daripada interpretasi skor min tingkah laku efektif yang dirumuskan oleh Nunally (1978), seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.5:



Universiti Malaya

Jadual 1.5 : Interpretasi Dapatan Deskriptif

| Bil | Skor Min | Interpretasi |
|---|---|---|
| 1 | 1.00 hingga 2.00 | Rendah |
| 2 | 2.00 hingga 3.00 | Sederhana Rendah |
| 3 | 3.00 hingga 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4 | 4.00 hingga 5.00 | Tinggi |

Sumber: Nunally, 1978

Statistik deskriptif digunakan bagi menerangkan ciri-ciri sampel atau kombinasi pemboleh ubah. Statistik deskriptif digunakan untuk memberikan gambaran tentang latar belakang responden dari umur, jantina, aspek kefahaman dan pengetahuan berkaitan hadith-hadith, pengamalan atau tingkahlaku terhadap hadith-hadith fadilat dan sebagainya. Analisis adalah berbentuk kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai.

Data-data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan metode berikut :

i. Metode Induktif

Induktif didefinisikan oleh Kamus Dewan edisi keempat sebagai perihal yang berkaitan dengan induksi atau pun menggunakan induksi.[70] Manakala induksi pula didefinisikan sebagai proses penghuraian yg membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum daripada fakta atau maklumat yg bersifat khusus[71]. Justeru, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa metode induktif adalah kaedah penelitian terhadap data-data yang bersifat khusus yang menghasilkan satu kesimpulan hukum secara umum.

ii. Metode Deduktif

Deduktif didefinisikan oleh Kamus Dewan edisi keempat sebagai perihal yang bukan kesimpulan (rumusan) yang dibuat berdasarkan deduksi.[72] Manakala deduksi pula didefinisikan sebagai proses membuat kesimpulan (penemuan dan lain-lain)

[70] Lihat laman sesawang EKamus dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses 23 Mac 2017, http://ekamus.dbp.gov.my/Search.aspx?spec=true&type=1&cari=induktif

[71] Lihat laman sesawang EKamus dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses 23 Mac 2017, http://ekamus.dbp.gov.my/Search.aspx?spec=true&type=1&cari=induksi

[72] Lihat laman sesawang EKamus dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses 23 Mac 2017, http://ekamus.dbp.gov.my/Search.aspx?spec=true&type=1&cari=deduktif

Universiti Malaya

daripada keadaan yg umum kepada yang khusus[73]. Justeru, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa metode deduktif adalah kaedah penelitian terhadap data-data yang bersifat umum untuk menghasilkan satu kesimpulan yang khusus.

iii. Metode Komparatif

Komparatif pula didefinisikan oleh Kamus Dewan edisi keempat sebagai perihal yang bukan atau berdasarkan perbandingan (seperti linguistik terapan)[74]. Justeru, metode Komparatif ini adalah metode untuk menilai perbezaan atau perbandingan yang wujud hasil daripada penelitian data-data yang dikumpul. Berikut adalah contoh persoalan-persoalan kajian yang melibatkan metode ini :

a) Adakah wujud perbezaan martabat atau status hadith-hadith berkaitan fadilat yang dikaji daripada buku-buku terpilih.

b) Adakah riwayat hadith-hadith yang berstatus sahih mendominasi riwayat hadith-hadith berkaitan fadilat ataupun hadith-hadith *ḍa'īf* (lemah) *dan mawḍū'* (palsu) yang mendominasi riwayat tersebut.

c) Adakah wujud perbezaan dari segi kefahaman dan pengamalan responden terhadap soalan-soalan yang dikemukan di dalam borang soal selidik walaupun mereka mempunyai latar belakang pendidikan agama yang sama.

Universiti Malaya

---

[73]Lihat laman sesawang EKamus dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses 23 Mac 2017, http://ekamus.dbp.gov.my/Search.aspx?spec=true&type=1&cari=deduksi

[74]Lihat laman sesawang EKamus dewan Bahasa Dan Pustaka, diakses 23 Mac 2017, http://ekamus.dbp.gov.my/Search.aspx?spec=true&type=1&cari=komparatif

# BAB 2 : TAKHRIJ HADITH-HADITH FADILAT DALAM BUKU-BUKU HADITH TERPILIH

## 2.0 Pendahuluan

Bab ini membahaskan perihal takhrij secara ringkas dan juga memuatkan hasil takhrij terhadap 5 buah buku berkaitan fadilat yang tersebar dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

## 2.1 Takhrij Dan Metod Kritikan Hadith (Sanad Dan Matan)

Takhrij merupakan kajian komprehensif terhadap kewujudan sesuatu hadith dalam pelbagai rujukan, memahami perkataan-perkataan yang berbeza bahkan perkataan yang bercanggah[75]. Seorang *mukharrij* (pengkaji yang melakukan usaha takhrij) itu mengkaji tentang sesebuah hadith untuk mengetahui sumbernya, lafaz-lafaz yang berbeza yang terdapat di dalam hadith, sanad-sanadnya yang pelbagai dan pendirian ulama hadith berkaitan hadith dan perawi-perawinya di samping melakukan usaha sedaya mungkin untuk menghasilkan satu keputusan yang benar berkaitan hadith tersebut[76]. Dalam kata yang lain takhrij hadith ini ialah mengembalikan hadith-hadith kepada sumbernya yang asal iaitu kitab-kitab sunnah dan mengkaji jalan-jalan periwayatannya, menjelaskan keadaan perawinya dan statusnya samada *ṣaḥīḥ*, *ḍa'īf* atau *ḥasan*. Seseorang yang ingin mendalami ilmu takhrij ini perlulah mengetahui ilmu periwayatan hadith yang bersumberkan daripada kitab-kitab periwayatan, mengetahui usul hadith sebagaimana perlulah juga mengetahui *dirāyah al-ḥadīth*, kaedah periwayatan hadith, *sanad* hadith, ilmu berkaitan perawi hadith dan *'ilal al-ḥadīth*[77].

---

[75] Mohammad Fattah, "Memahami Sunnah Rasulullah S.A.W. Menerusi Gabungan Metodologi Takhrij Hadith & Mukhtalif Hadith", *Jurnal Hadhari*, Selangor: Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia, no 1( 2013), 189.
[76] Dr. Muhammad Abu al-Laith , *Takhrij al-Hadith Nasyatuhu Wa Manhajiyyatuhu*, cet. ke-1 (Selangor : Dar al-Syakir, t.t), 9.
[77] Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān Bin Abī Bakr, *Takhrīj al-Ḥadīth Syarḥ al-Mawāqif Fī 'Ilm al-Kalām*, tahqiq Dr. Yusuf 'Abd al-Rahman al-Mar'asyili, cet. ke-1 (Bayrūt : Dār al-Ma'rifah, 1986), 96.



Universiti Malaya

Ilmu Takhrij merupakan ilmu yang sangat penting di dalam agama Islam kerana ianya sangat berkait rapat dengan sumber kedua syariat Islam iaitu hadith-hadith Rasulullah SAW yang merupakan penjelas kepada ayat-ayat al-Quran. Hadith-hadith Rasulullah SAW berperanan mentafsirkan ayat-ayat al-Quran al-Karim, menjelaskan kehendak disebalik ayat-ayat al-Quran, menjadi hujah terhadap semua perkara yang sangat penting di dalam kehidupan umat Islam seperti akidah kepercayaan, ibadah, muamalah, adab dan akhlak dan juga sumber ilmu pengetahuan[78].

Menjadi prasyarat penting bagi golongan pengkaji dan pelajar ilmu-ilmu Islam seperti ahli hadith, ahli fiqh, ahli usul, para pendakwah, sejarahwan dan pendokong-pendokong agama Islam untuk mengetahui dan memahami dengan jelas serta mempraktikkan ilmu takhrij ini kerana ia akan menunjukkan kepada mereka sumber ambilan utama dan primer berkaitan hadith-hadith Rasulullah SAW[79].

Ilmu takhrij ini menjelaskan kepada mereka tentang status sesuatu hadith samada hadith tersebut boleh diterima dengan berstatus *ṣaḥīḥ* atau *ḥasan* ataupun ditolak disebabkan ianya *ḍa'īf* atau *mawḍū'*. Mereka juga boleh mengetahui samada terdapat jalan-jalan periwayatan lain yang menyokong sesuatu hadith sehingga mengubah statusnya yang *ḍa'īf* kepada *ḥasan* dan sebagainya. Ilmu ini juga mampu menyingkap perihal sesebuah hadith itu samada *sanad*nya bersambung, terputus atau sebagainya. Perihal berkaitan sebab munculnya sesuatu hadith serta unsur jarak dari segi tempat dan masa juga dapat diketahui dengan ilmu takhrij ini[80]. Maka, di atas alasan-alasan yang tersebut, ilmu takhrij ini menjadi satu disiplin ilmu yang sangat penting dan dituntut untuk diketahui oleh para pengkaji ilmu-ilmu Islam.

Al-Khatib al-Baghdadi (w.463 H) menceritakan tentang pandangan sebahagian guru-gurunya dengan berkata: "Sesiapa yang mahukan faedah/kelebihan, maka hendaklah dia membuang pena untuk menyalin/menulis dan ambillah pena untuk

---

[78] Dr. Muhammad Abu al-Laith , *Takhrij al-Hadith Nasyatuhu Wa Manhajiyyatuhu*, 19.
[79] *Ibid.*
[80] *Ibid.*

Universiti Malaya

takhrij[81]". Al-Khatib al-Baghdadi sendiri mengulas tentang ilmu takhrij ini dengan berkata: "Apabila memiliki kemahiran di dalam ilmu hadith, tersingkaplah segala kekeliruan, terzahirlah kelebihan-kelebihan, terhimpunlah sesuatu yang terpisah-terpisah, tersusunlah satu bahagian dengan bahagian-bahagian yang lain. Maka aku disibukkan untuk menyusun bab demi bab dan menghasilkan kitab-kitab. Sesungguhnya kesemua itu mampu memperkuatkan jiwa, mengukuhkan ingatan, melancarkan tutur kata, memperelokkan penerangan, menyingkap persamaan, memperjelaskan kekeliruan, menghasilkan kecantikan sebutan dan mengekalkannya sehingga akhir zaman[82]".

## 2.2 Hasil takhrij yang telah dilakukan oleh pengkaji:-

**a. Takhrij Buku <u>Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu , Fadilat dan Rahsia</u> yang ditulis oleh Abu Nur Muizuddin dan diterbitkan oleh Jasmin Enterprise**

**<u>Hadith 1</u>**

> "Diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a. Rasulullah SAW mengatakan bahawa Jibril memberi amanat kepadaku di dekat Baitullah, maka aku menjalankan solat zohor ketika matahari tergelincir, dan itu boleh diketahui dengan kadar kesedapan kemudian aku mendirikan solat Asar ketika bayang-bayang segala sesuatu sepadan dengan wujudnya, kemudian aku mendirikan solat Maghrib ketika orang-orang yang berpuasa berbuka, kemudian aku mendirikan solat Isya' ketika merah-merah telah lenyap, kemudian aku mendirikan solat Subuh ketika orang-orang yang berpuasa mulai diharamkan lagi makan dan minum. Dengan begitu maka solat Zohor akan aku lakukan batasnya sampai ketika bayang-bayang telah sama dengan sesuatu yang ada, dan aku lakukan solat Asar batasnya ketika sampai telah berlipat dua pada bayang-bayang dan aku lakukan solat Isya' batasnya sampai sepertiga malam bahagian awal dan aku lakukan solat Subuh batasnya ketika mega-mega telah menguning. Kemudian Jibril berpaling kepadaku dan berkata :"Wahai Muhammad, inilah waktu para Nabi sebelum engkau, dan waktu yang ada di antara kedua waktu ini"[83].

[81] *Ibid.*
[82] *Ibid.*
[83] Penulis buku hanya menyatakan maksud matan hadith tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْحَارِثِ حَدَّثَنِي حَكِيمُ بْنُ حَكِيمٍ
عَنْ نَافِعِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَّنِي جِبْرِيلُ
عِنْدَ الْبَيْتِ فَصَلَّى بِي الظُّهْرَ حِينَ زَالَتْ الشَّمْسُ فَكَانَتْ بِقَدْرِ الشِّرَاكِ ثُمَّ صَلَّى بِي
الْعَصْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّ كُلِّ شَيْءٍ مِثْلَيْهِ ثُمَّ صَلَّى بِي الْمَغْرِبَ حِينَ أَفْطَرَ الصَّائِمُ ثُمَّ صَلَّى
بِي الْعِشَاءَ حِينَ غَابَ الشَّفَقُ ثُمَّ صَلَّى بِي الْفَجْرَ حِينَ حَرُمَ الطَّعَامُ وَالشَّرَابُ عَلَى
الصَّائِمِ ثُمَّ صَلَّى الْغَدَ الظُّهْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّ كُلِّ شَيْءٍ مِثْلَهُ ثُمَّ صَلَّى بِي الْعَصْرَ حِينَ
صَارَ ظِلُّ كُلِّ شَيْءٍ مِثْلَيْهِ ثُمَّ صَلَّى بِي الْمَغْرِبَ حِينَ أَفْطَرَ الصَّائِمُ ثُمَّ صَلَّى بِي الْعِشَاءَ
إِلَى ثُلُثِ اللَّيْلِ الْأَوَّلِ ثُمَّ صَلَّى بِي الْفَجْرَ فَأَسْفَرَ ثُمَّ الْتَفَتَ إِلَيَّ فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ هَذَا وَقْتُ
الْأَنْبِيَاءِ مِنْ قَبْلِكَ الْوَقْتُ فِيمَا بَيْنَ هَذَيْنِ الْوَقْتَيْنِ[84]

Hadith riwayat Ibn 'Abbās r.a. ini direkodkan oleh Abū Dāwūd[85], al-Tirmidhī[86], Aḥmad[87], Ibn Khuzaymah[88], al-Dāruquṭnī[89], al-Bayhaqī[90], Ibn Abī Syaybah[91] dan al-Hindī[92]. Kesemua jalur sanad ini adalah menerusi jalur 'Abd al-Raḥman Bin al-Ḥarith Bin 'Iyash Bin Abī Rabī'ah daripada Ḥākim Bin Ḥākim daripada Nāfi' Bin Jubayr daripada Ibn 'Abbās r.a.

Al-Tirmidhī menyatakan status hadith ini adalah *ḥasan ṣaḥīḥ* dan Ibn Khuzaymah pula berpandangan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* lalu meletakkan hadith ini di dalam kitab *ṣaḥīḥ*nya. Ḥamzah Aḥmad al-Zayn menyatakan sanad hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* manakala Muḥammad Muṣṭafā al-A'ẓamiy menyatakan sanadnya adalah *ḥasan.*

---

84 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya.
85 Lihat Abū Dāwūd, Sulaymān al-Asy'ath al-Sajastānī, *Sunan Abī Dāwūd*, ta'liq Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 75 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 393).
86 Lihat al-Tirmidhī, al-Ḥāfiẓ Muḥammad Bin 'Īsā Bin Sawrah, *Sunan al-Tirmidhī,* tahqiq Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, t.t), 47 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 149).
87 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, tahqiq Ḥamzah Aḥmad al-Zayn (Qāhirah : Dār al-Ḥadīth, 1995), 3: 412 (no. hadith 3322).
88 Lihat Ibn Khuzaymah, al-Imām Abū Bakr Muḥammad Bin Isḥāq Bin Khuzaymah al-Salmiy al-Naysābūriy, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, tahqiq Dr. Muhammad Mustafa al-A'zamiy (Bayrūt : al-Maktab al-Islāmiy, 1980), 1: 168 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 325).
89 Lihat al-Dāruquṭnī, al-Ḥāfiẓ al-Kabīr 'Alī Bin 'Umar, *Sunan al-Dāruquṭnī*, tahqiq Syu'ayb al-Arna'ut (Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 2004), 1: 485 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1014).
90 Lihat al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad Bin al-Ḥusayn Bin 'Alī, *al-Sunan al-Kubrā*, tahqiq Muḥammad 'Abd al-Qadīr 'Aṭā (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 1: 537 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1710).
91 Lihat Ibn Abī Syaybah, Abū Bakr 'Abdullāh Bin Muḥammad Bin Ibrāhīm, *al-Musannaf*, tahqiq Ḥamad Bin 'Abdullāh dan Muḥammad Bin Ibrāhīm (Riyāḍ : Maktabah al-Rusyd, 2004), 2: 206 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 3236).
92 Lihat juga 'Alā' al-Dīn 'Alī al-Muttaqī Bin Ḥisām al-Dīn al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl* (Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 1985), 7: 357 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 19255).

Universiti Malaya

Perbezaan status hukum hadith ini (*hasan* atau *ṣaḥīḥ*) adalah disebabkan oleh perawi yang terdapat di dalam jalur sanad. Di dalam sanad hadith ini terdapat 'Abd al-Raḥman Bin al-Ḥarith Bin 'Iyash yang mendapat beberapa kritikan. Beliau dinyatakan *saduq* oleh ulama lain[93]. Muhammad Bin Sa'd menyatakan *thiqah*[94], Abū al-Ḥātim menyatakan *syaykh*[95], Yahya Bin Ma'in menyatakan *Salih*[96], al-Nasā'ī menyatakan *laysa bi al-qawiyy* (tidak kuat)[97] dan Imam Aḥmad *matrūk al-ḥāḍīṭḥ* (ditinggalkan hadithnya)[98].

Justeru, pandangan al-Tirmidhī yang menyatakan hadith ini adalah *ḥasan ṣaḥīḥ* adalah disebabkan hadith ini dinyatakan *ḥasan* oleh ulama tertentu dan dinyatakan *ṣaḥīḥ* pula oleh ulama tertentu lalu Imam al-Tirmidhī menggabungkan kedua-dua pandangan tersebut. Pandangan Ibn Khuzaymah dan Ḥamzah Aḥmad al-Zayn yang menyatakan sanad hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* berkemungkinan beliau mengambil pandangan Muhammad Bin Sa'd yang menyatakan perawi 'Abd al-Raḥman Bin al-Ḥarith adalah *thiqah* lalu sanad ini keseluruhannya menjadi *ṣaḥīḥ*. Manakala Muḥammad Muṣṭafā al-A'ẓamiy menyatakan sanadnya adalah *ḥasan* berkemungkinan beliau mengambil pandangan Yaḥyā Bin Ma'īn dan al-Nasā'ī yang menyatakan perawi 'Abd al-Raḥman Bin al-Ḥarith adalah *Salih* dan *laysa bi al-qawiyy* dan status ini telah mengurangkan tahap kekuatan sanad ini lalu jadilah statusnya *ḥasan*.

Al-Albānī di dalam *al-Irwā'* mengatakan 'Abd al-Raḥman ini terdapat *mukhtalaf* padanya. Akan tetapi terdapat jalur sanad yang menjadi mutaba'ah baginya iaitu jalur sanad yang direkodkan oleh 'Abd al-Razzāq daripada al-'Umari daripada 'Umar Bin Nāfi' Bin Jubayr Bin Muṭ'im daripada bapanya daripada Ibn 'Abbās r.a. Ibn al-Daqīq

---

93 Lihat al-Dhahabī, Syams al-Dīn Bin Aḥmad Bin Muḥammad, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* tahqiq al-Syaykh 'Alī Muḥammad Mu'awwad , al-Syaykh 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd dan al-Ustādh al-Duqtūr 'Abd al-Fattāh Abū Sunnah (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 4: 269 (no. 4845).

94 Lihat Al-Mizzī, al-Ḥāfiẓ al-Mutqin Jamāl al-Dīn Abī al-Ḥujjāj Yūsuf, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, tahqiq Basysyār 'Awwād Ma'rūf (Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 1983), 17: 38.

95 Lihat al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, 4: 269 (no. 4845).

96 Lihat Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 17: 38.

97 Lihat al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 4: 269 (no. 4845).

98 *Ibid.*

Universiti Malaya

menyatakan bahawa ini adalah *mutāba'ah ḥasanah* dan di*ṣaḥīḥ*kan oleh Abū Bakr Bin al-'Arabiy dan Ibn 'Abd al-Barr. Dengan ini, al-Albānī menyatakan bahawa sanad hadith ini adalah *ḥasan* dan hadith ini menjadi *ṣaḥīḥ* disebabkan adanya *mutāba'ah* yang menjadi *syāhid.*[99]

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*. Alasan pengkaji ialah perawi 'Abd al-Raḥman Bin al-Ḥarith mendapat kritikan yang baik iaitu seorang yang *thiqah, ṣadūq, ṣāliḥ, syaykh* dan *laysa bi al-qawiy* walaupun beliau juga dinyatakan sebagai *matrūk al-ḥāḍīṭḥ* oleh Imam Ahmad. Kritikan yang baik ini juga telah menyebabkan Ibn Khuzaymah dan Ḥamzah Aḥmad al-Zayn meletakkan status sanad ini sebagai *ṣaḥīḥ*. Muḥammad Muṣṭafā al-A'ẓamiy dan al-Albānī pula berpandangan sanad ini adalah *ḥasan* yang berkemungkinan sebab utamanya adalah mereka tidak memilih pandangan yang menyatakan perawi yang *mukhtalaf* ini adalah *thiqah*. Maka, disebabkan pandangan mereka terhadap tahap kekuatan perawi yang kurang inilah hadith ini diletakkan statusnya sebagai *ḥasan* iaitu tidak mencapai tahap sanad yang *ṣaḥīḥ*. Sekalipun statusnya *ḥasan*, menurut al-Albani hadith ini terdapat mutaba'ah yang *ṣaḥīḥ* lalu hadith ini pun menjadi *ṣaḥīḥ*.

---

**<u>Hadith 2</u>**

> "Diriwayatkan ada orang dari golongan Ansar bertanya kepada Nabi Muhammad SAW tentang solat Subu:'' Siapa yang melakukan pertama kali? Nabi menjelaskan bahawa pertama kali orang mendirikan solat Subuh ialah Adam a.s. Solat Zohor pertama kali didirikan oleh Nabi Ibrahim a.s. tepatnya ketika beliau diselamatkan oleh Allah dari api Namruz. Solat Asar pertama kali didirikan oleh Nabi Yaakub a.s., tepatnya ketika beliau menerima berita tentang Yusuf a.s. Solat Maghrib pertama kali didirikan oleh Nabi Dawud a.s. iaitu ketika beliau bertaubat kepada Allah dan solat al-Itamah (sepertiga dari waktu malam) pertama kali didirikan oleh Nabi Yunus bin Mattaa a.s. ketika beliau dikeluarkan oleh Allah dari perut ikan yang keadaannya laksana anak burung (yang baru menetas) tanpa

[99] Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Irwā' al-Ghalīl Fī Takhrīj Aḥādīth Manār al-Sabīl* (Bayrūt : al-Maktab al-Islamiy, 1979), 1: 268 (Kitāb al-Ṭahārah, hadith 249).



Universiti Malaya

bulu. Ketika Jibril datang, katanya :"Allah menyampaikan salam untukmu dan Allah berkata kepadamu, sesungguhnya engkau di dunia, apakah engkau merelakan tindakan – Ku? Kemudian Nabi Yunus a.s. berdiri dan mendirikan solat empat rakaat dan berkata :"Sesungguhnya aku rela kepada Tuhanku, sungguh aku rela kepada Tuhanku". [100]

### *Takhrij* Hadith

Pengkaji tidak dapat menemui riwayat ini daripada kitab-kitab hadith. Riwayat ini juga tidak ditemui di dalam kitab-kitab tafsir. Pengkaji menemui riwayat hadith yang hampir dengan riwayat yang dinyatakan pengarang ini.

مَا حَدَّثَنِي الْقَاسِمُ بْنُ جَعْفَرَ , قَالَ: سَمِعْتُ بَحْرَ بْنَ الْحَكَمِ الْكَيْسَانِيَّ يَقُولُ: سَمِعْتُ أَبَا عَبْدِ الرَّحْمَنِ عُبَيْدَ اللهِ بْنَ مُحَمَّدٍ ابْنَ عَائِشَةَ يَقُولُ: " إِنَّ آدَمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ , لَمَا تِيبَ عَلَيْهِ عِنْدَ الْفَجْرِ , صَلَّى رَكْعَتَيْنِ فَصَارَتِ الصُّبْحَ , وَفُدِيَ إِسْحَاقُ عِنْدَ الظُّهْرِ فَصَلَّى إِبْرَاهِيمُ عَلَيْهِ السَّلَامُ أَرْبَعًا , فَصَارَتِ الظُّهْرَ , وَبُعِثَ عُزَيْرٌ فَقِيلَ لَهُ كَمْ لَبِثْتَ ؟ فَقَالَ: يَوْمًا , فَرَأَى الشَّمْسَ فَقَالَ: أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ , فَصَلَّى أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ فَصَارَتِ الْعَصْرَ " وَقَدْ قِيلَ غُفِرَ لِعُزَيْرٍ عَلَيْهِ السَّلَامُ , وَغُفِرَ لِدَاوُدَ عَلَيْهِ السَّلَامُ , عِنْدَ الْمَغْرِبِ , فَقَامَ فَصَلَّى أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ , فَجُهِدَ فَجَلَسَ فِي الثَّالِثَةِ , فَصَارَتِ الْمَغْرِبُ ثَلَاثًا . وَأَوَّلُ مَنْ صَلَّى الْعِشَاءَ الْآخِرَةَ , نَبِيُّنَا مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ , فَلِذَلِكَ قَالُوا الصَّلَاةُ الْوُسْطَى هِيَ صَلَاةُ الْعَصْرِ . فَهَذِهِ عِنْدَنَا مَعْنًى صَحِيحٌ , لِأَنَّ أَوَّلَ الصَّلَوَاتِ إِنْ كَانَتِ الصُّبْحُ , وَآخِرَهَا الْعِشَاءُ الْآخِرَةُ , فَالْوُسْطَى فِيمَا بَيْنَ الْأُولَى وَالْآخِرَةِ هِيَ الْعَصْرُ , فَلِذَلِكَ قُلْنَا: إِنَّ الصَّلَاةَ الْوُسْطَى , صَلَاةُ الْعَصْرِ , وَهَذَا قَوْلُ أَبِي حَنِيفَةَ , وَأَبِي يُوسُفَ وَمُحَمَّدٍ , رَحِمَهُمُ اللهُ تَعَالَى [101]

Riwayat Abū 'Abd al-Raḥman ini direkodkan oleh al-Ṭaḥāwī di dalam *Syarḥ Ma'ānī al-Āthār*[102] dan al-Suyūṭī di dalam *al-Durr al-Manthūr*[103]. Al-Ṭaḥāwī berpandangan makna riwayat ini adalah *ṣaḥīḥ*.

---

[100] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[101] Lafaz ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Ṭaḥāwī di dalam kitabnya *Syarḥ Ma'ānī al-Āthār*.

[102] Lihat al-Ṭaḥāwī, Abī Ja'far Aḥmad Bin Muḥammad Bin Salamah Bin 'Abd al-Mālik Ibn Salamah al-Azdī, *Syarḥ Ma'ānī al-Āthār*, tahqiq Muḥammad Zuhrī al-Najjār dan Muḥammad Sayyid Jād al-Ḥaq (Bayrūt : 'Alam al-Kutub, 1994), 1: 175 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1046).



Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Hadith ini tidak ditemui daripada kitab-kitab hadith. Pengkaji hanya menemui riwayat yang hampir sama tetapi dengan susunan lafaz yang berlainan dan terdapat perbezaan pada sebahagian matan iaitu pada solat asar dan isyak sebagaimana yang direkodkan oleh al-Ṭaḥāwī. Justeru pengkaji tidak dapat menyatakan hukum bagi hadith ini lantaran pengkaji tidak menemui riwayat ini.

---

## <u>Hadith 3</u>

> "Hadith riwayat Abū Salmah dari Abū Hurairah r.a menyebutkan bahawa Rasulullah SAW mengatakan : “Bagaimana pendapatmu seandainya ada sebuah sungai mengalir di depan pintu rumahmu yang engkau gunakan mandi lima kali dalam setiap hari, apakah masih terdapat kotoran yang melekat pada tubuh? Para sahabat menjawab : “ Tidak”. Nabi berkata seperti itulah perumpamaan mendirikan solat lima waktu, kerana dengan mendirikan solat itu Allah menghapus dosa-dosa yang ada.” [104]

### *Takhrij* Hadith

وحَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا لَيْثٌ ح وَقَالَ قُتَيْبَةُ حَدَّثَنَا بَكْرٌ يَعْنِي ابْنَ مُضَرَ كِلَاهُمَا عَنْ ابْنِ الْهَادِ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَفِي حَدِيثِ بَكْرٍ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ أَرَأَيْتُمْ لَوْ أَنَّ نَهْرًا بِبَابِ أَحَدِكُمْ يَغْتَسِلُ مِنْهُ كُلَّ يَوْمٍ خَمْسَ مَرَّاتٍ هَلْ يَبْقَى مِنْ دَرَنِهِ شَيْءٌ قَالُوا لَا يَبْقَى مِنْ دَرَنِهِ شَيْءٌ قَالَ فَذَلِكَ مَثَلُ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ يَمْحُو اللَّهُ بِهِنَّ الْخَطَايَا[105]

Hadith riwayat Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[106], Muslim[107], al-Nasā'ī[108], al-Tirmidhī[109], Aḥmad[110], al-Dārimī[111] dan al-Bayhaqī[112]. Kesemua jalur

---

[103] Lihat al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, tahqiq Dr. 'Abdullah Bin 'Abd al-Muhsin al-Turki (Qāhirah : Markaz Hijr Li al-Buḥūth Wa al-Dirāsāt al-'Arabiyyah Wa al-Islāmiyah, 2003), 3: 92.

[104] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[105] Lafaz hadith ini adalah melalui riwayat Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.

[106] Al-Bukhārī, Abī ‘Abdillāh Muhammad bin Ismā’īl (1400H), *Sahih al-Bukhārī* (Qāhirah : al-Maktabah al-Salafiyyah, 1400H), 1: 184 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 528).

[107] Lihat Muslim, Abī al-Ḥusayn Muslim Bin al-Ḥajjāj al-Qusyayriy al-Naysābūriy, *Sahih Muslim*, tahqiq Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (Bayrūt : Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991), 1: 462 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 667).

Universiti Malaya

sanad hadith yang direkodkan selain daripada al-Dārimī adalah melalui jalur sanad Ibn al-Had daripada Muḥammad Bin Ibrāhīm daripada Abī Salamah Bin 'Abd al-Raḥman daripada Abī hurayrah r.a.

Hadith ini dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Bukhārī dan Muslim kerana mereka telah meletakkan hadith ini di dalam kitab *ṣaḥīḥ* mereka. Hadith riwayat al-Dārimī adalah berstatus *ḍa'īf* (lemah) kerana didalam jalur sanadnya terdapat Abdullah Bin Ṣālih yang dinyatakan oleh Husayn Salīm Asad al-Dārānī sebagai *ḍa'īf* (lemah) [113]. Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* di dalam tahqiqnya terhadap hadith riwayat al-Tirmidhī.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana hadith ini dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Bukhārī dan Muslim dan ditulis di dalam kitab mereka..

---

**Hadith 4**

> Abū Tsa'labah al-Qardhi mengatakan, aku mendengar Umar bin Khatab berkata Rasulullah pernah berkata : "Mereka membakar (dosa-dosanya) ketika mendirikan solat subuh dengan menggunakan wudhu waktu solat sebelumnya, kemudian mereka membakar (dosa-dosanya) ketika mendirikan solat zohor dengan menggunakan wudhu waktu solat sebelumnya, kemudian mereka membakar )dosa-dosanya) ketika mendirikan solat Asar menggunakan wudhu waktu solat sebelumnya, sampai Rasulullah menjelaskan solat lima waktu seperti itu. [114]

***Takhrij* Hadith**

Pengkaji tidak menemui matan hadith asal secara keseluruhannya yang menepati terjemahan yang dinyatakan oleh pengarang. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa

---

[108] Al-Nasā'ī, Abī 'Abd al-Raḥmān Aḥmad Bin Syu'ayb Bin 'Alī, *Sunan al-Nasā'ī*, tahqiq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, t.t.), 80 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 462).
[109] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 641 (Kitāb al-Amthāl, no. hadith 2868).
[110] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 9: 47 (no. hadith 8908).
[111] Al-Dārimī, Abū Muḥammad 'Abdullāh Bin 'Abd al-Raḥmān Bin al-Faḍl Bin Bahram, *Musnad al-Dārimī*, tahqiq Husayn Salim Asad al-Darani (Riyāḍ : Dār al-Mughniy, 2000), 2: 755 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1221).
[112] Lihat al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 1: 531 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1693).
[113] Lihat ta'liq al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 2: 756 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1221).
[114] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

hadith yang mempunyai maksud yang hampir sama sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh 'Uthmān Bin 'Affān r.a dan Abū Umāmah al-Bāhilī.

Riwayat melalui jalur 'Uthmān Bin 'Affān r.a direkodkan oleh Muslim[115], Aḥmad[116], Ibn Ḥibbān[117], al-Bayhaqī [118], al-Bazzār[119] dan al-Suyūṭī[120]. Manakala riawayat melalui Abū Umāmah direkodkan oleh Aḥmad[121]. Riwayat Ibn Hibban adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ* mengikut syarat al-Bukhārī dan Muslim sebagaimana yang dinyatakan oleh Syu'ayb al-Arna'ūṭ dan riwayat Aḥmad melalui jalur 'Uthmān Bin 'Affān r.a juga dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh Ḥamzah Aḥmad al-Zayn. Riwayat Ahmad melalui jalur Abū Umāmah dinyatakan *ḍa'īf* (lemah) oleh kerana di dalam jalur Abū Umāmah ini terdapat perawi yang tidak dikenali iaitu Abū al-Raṣāfah. Al-Haythamī menyatakan beliau tidak menemui nama ini di dalam *Jarḥ* dan *Ta'dīl*. Hadith dibawah ini adalah melalui riwayat Muslim.

حَدَّثَنَا عَبْدُ بْنُ حُمَيْدٍ وَحَجَّاجُ بْنُ الشَّاعِرِ كِلَاهُمَا عَنْ أَبِي الْوَلِيدِ قَالَ عَبْدٌ حَدَّثَنِي أَبُو الْوَلِيدِ حَدَّثَنَا إِسْحَقُ بْنُ سَعِيدِ بْنِ عَمْرِو بْنِ سَعِيدِ بْنِ الْعَاصِ حَدَّثَنِي أَبِي عَنْ أَبِيهِ قَالَ كُنْتُ عِنْدَ عُثْمَانَ فَدَعَا بِطَهُورٍ فَقَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَا مِنْ امْرِئٍ مُسْلِمٍ تَحْضُرُهُ صَلَاةٌ مَكْتُوبَةٌ فَيُحْسِنُ وُضُوءَهَا وَخُشُوعَهَا وَرُكُوعَهَا إِلَّا كَانَتْ كَفَّارَةً لِمَا قَبْلَهَا مِنْ الذُّنُوبِ مَا لَمْ يُؤْتِ كَبِيرَةً وَذَلِكَ الدَّهْرَ كُلَّهُ[122]

## Hukum Hadith

Pengkaji tidak menemui hadith yang dinukilkan oleh pengarang buku iaitu hadith yang diriwayatkan melalui jalur sanad 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. Pengkaji hanya menemui hadith seumpama ini diriwayatkan melalui jalur sanad 'Uthmān Bin 'Affān r.a

[115] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 206 (Kitāb al-Ṭaharah, no. hadith 228).
[116] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 1: 336 (no. hadith 406). Lihat juga Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 16: 245 (no. hadith 22138).
[117] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, tahqiq Syu'ayb al-Arnā'ūṭ (Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 1993), 3: 319 (Kitāb al-Ṭahārah, no. hadith 1044).
[118] Lihat al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 2: 412 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 3582).
[119] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 2: 68 (no. hadith 411).
[120] Al-Suyūṭī, al-Imām Jalāl al-Dīn, *Jam' al-Jawāmi' al-Ma'rūf Bi al-Jāmi' al-Kabīr*, (Miṣr : Dār al-Sa'ādah, 2005), 7: 762 (no. hadith 19235).
[121] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 1: 336 (no. hadith 406). Lihat juga 16: 245 (no. hadith 22138).
[122] Lafaz hadith ini adalah sebagaimana riwayat yang direkodkan oleh Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.

Universiti Malaya

dan Abū Umāmah r.a. tetapi dengan susunan lafaz matan yang berlainan. Pengkaji beranggapan pengarang buku ini tersilap meletakkan nama perawi sahabat di dalam riwayat hadith ini. Hadith riwayat 'Uthmān Bin 'Affān r.a adalah *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh Muslim di dalam kitab *ṣaḥīḥ*nya dan Al-Albānī pun menyatakan sedemikian[123]. Justeru, pengkaji tidak dapat menyatakan hukum hadith ini lantaran pengkaji tidak menemui hadith dengan maksud yang dinyatakan. Namun begitu, maksud hadith yang dinyatakan pengarang buku ini adalah *ṣaḥīḥ*.

---

**<u>Hadith 5</u>**

> Dari Jaafar bin Muḥammad dari ayahnya dari datuknya r.a. mengatakan : "Rasulullah SAW pernah berkata : "Solat adalah kerelaan Allah dan para Malaikat, juga sunah para Nabi, ia nur makrifat dan pangkal iman." [124]

***Takhrij* Hadith**

قَالَ : حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ دَاوُدَ ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَحْمَدَ الْخَطِيبُ النَّيْسَابُورِيُّ ، حَدَّثَنَا أَبُو عَمْرٍو أَحْمَدُ بْنُ خَالِدٍ الْحَرَّانِيُّ ، عَنْ يَعْقُوبَ بْنِ يُوسُفَ ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ مَعْنٍ ، عَنْ جَعْفَرَ بْنِ مُحَمَّدٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، عَنْ جَدِّهِ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ , قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : **الصَّلَاةُ مَرْضَاةٌ لِلرَّبِّ تَبَارَكَ وَتَعَالَى ، وَحُبُّ الْمَلَائِكَةِ ، وَسُنَّةُ الْأَنْبِيَاءِ ، وَنُورُ الْمَعْرِفَةِ ، وَأَصْلُ الْإِيمَانِ** ، وَإِجَابَةُ الدُّعَاءِ ، وَقَبُولُ الْأَعْمَالِ ، وَبَرَكَةٌ فِي الرِّزْقِ ، وَرَاحَةٌ لِلْأَبْدَانِ ، وَسِلَاحٌ عَلَى الْأَعْدَاءِ ، وَكَرَاهِيَةٌ لِلشَّيْطَانِ , وَشَفِيعٌ بَيْنَ صَاحِبِهَا وَبَيْنَ مَلَكِ الْمَوْتِ ، وَسِرَاجٌ فِي قَبْرِهِ ، وَفِرَاشٌ تَحْتَ جَنْبِهِ ، وَجَوَابٌ مَعَ مُنْكَرٍ وَنَكِيرٍ ، وَمُؤْنِسٌ فِي قَبْرِهِ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ ، فَإِذَا كَانَتِ الْقِيَامَةُ ، صَارَتِ الصَّلَاةُ ظِلًّا فَوْقَهُ وَتَاجًا عَلَى رَأْسِهِ ، وَلِبَاسًا عَلَى بَدَنِهِ ، وَنُورًا يَسْعَى بَيْنَ يَدَيْهِ ، وَسِتْرًا بَيْنَهُ وَبَيْنَ النَّارِ ، وَحُجَّةً لِلْمُؤْمِنِينَ بَيْنَ يَدَيِ الرَّبِّ تَبَارَكَ وَتَعَالَى وَثِقَلًا فِي الْمَوَازِينِ ، وَجَوَازًا عَلَى الصِّرَاطِ ، وَمِفْتَاحًا لِلْجَنَّةِ ، لِأَنَّ الصَّلَاةَ تَسْبِيحٌ وَتَحْمِيدٌ ، وَتَقْدِيسٌ وَتَعْظِيمٌ وَقِرَاءَةٌ ، وَدُعَاءٌ وَإِنَّ أَفْضَلَ الْأَعْمَالِ كُلِّهَا الصَّلَاةُ لِوَقْتِهَا[125] . "

---

[123] Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu* (Bayrūt : al-Maktab al-Islamiy, 1988), 992 (no. hadith 5686).

[124] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[125] Lafaz riwayat ini adalah sebagaimana yang direkodkan oleh al-Samarqandī di dalam kitabnya *Tanbīh al-Ghāfilīn*.

Universiti Malaya

Pengkaji hanya menemui hadith ini direkodkan oleh al-Samarqandī di dalam kitabnya *Tanbih al-Ghāfilīn*[126]. Hadith ini adalah melalui jalur sanad Ja'far Bin Muhammad daripada bapanya daripada datuknya. Al-Sayyid al-'Arabiy (pentahqiq) menyatakan sanad hadith ini adalah *ḍa'īf* (lemah) disebabkan *inqiṭā'* (terputus sanad)[127]. Pengkaji meneliti jalur sanad hadith melalui riwayat ini dan ternyata berlakunya *inqiṭā'* (terputus sanad). Nama penuh Ja'far ialah Ja'far Bin Muhammad Bin 'Ali Bin al-Husayn Bin 'Ali Bin Abi Talib[128]. Riwayat ini terus menghubungkan perawi 'Ali Bin al-Husayn dengan Rasulullah SAW sedangkan 'Ali ini bukanlah 'Ali Bin Abi Talib yang sempat menemui Rasulullah SAW bahkan 'Ali Bin al-Husayn adalah cucu kepada 'Ali Bin Abi Talib r.a. Maka sanad hadith ini adalah terputus antara 'Ali Bin al-Husayn dan Rasulullah SAW. Justeru, sanad hadith ini adalah *ḍa'īf* (lemah).

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ḍa'īf* (lemah) kerana berlakunya *inqiṭā'* (terputus sanad).

---

**<u>Hadith 6</u>**

> Ibnu Umar mengatakan aku mendengar Rasulullah SAW berkata: “Bahawa solat lima waktu adalah tiang agama. Allah tidak akan menerima iman seseorang tanpa disertai solat.” [129]

***Takhrij* Hadith**

Hadith 1

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ الشَّعِيرِيُّ الشِّيرَازِيُّ , قَالَ : نا الْحُسَيْنُ بْنُ الْحَكَمِ الْحِبَرِيُّ الْكُوفِيُّ , قَالَ : نا حَسَنُ بْنُ حُسَيْنٍ الأَنْصَارِيُّ , قَالَ : نا مِنْدَلُ بْنُ عَلِيٍّ ، عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ ، عَنْ نَافِعٍ ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ , قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " لا إِيمَانَ لِمَنْ لا أَمَانَةَ لَهُ ، وَلا صَلاةَ لِمَنْ لا طُهُورَ لَهُ ، **وَلا دِينَ لِمَنْ لا صَلاةَ**

---

126 Al-Samarqandī, Abū al-Layth Naṣr Bin Muḥammad al-Ḥanāfī, *Tanbīh al-Ghāfilīn*, tahqiq al-Sayyid al-'Arabiy (Manṣurah : Maktabah al-'Īmān, 1994), 211 (no. hadith 377).

127 Lihat nota kaki yang dinyatakan oleh al-Sayyid al-'Arabiy. *Ibid.*

128 Lihat Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 5: 74. Lihat juga al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 2: 548 (no. 5125).

129 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Universiti Malaya

**لَهُ ، إِنَّمَا مَوْضِعُ الصَّلاةِ مِنَ الدِّينِ كَمَوْضِعِ الرَّأْسِ مِنَ الْجَسَدِ** " ، لَمْ يَرْوِ هَذَا الْحَدِيثَ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ إِلا مِنْدَلٌ ، وَلا عَنْ مَنْدَلٍ إِلا حَسَنٌ ، تَفَرَّدَ بِهِ : الْحُسَيْنُ بْنُ الْحَكَمِ[130] .

Hadith 2

أَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللهِ الْحَافِظُ، أَخْبَرَنا أَبُو حَامِدٍ أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ شُعَيْبِ بْنِ هَارُونَ بْنِ مُوسَى الْفَقِيهُ، حدثنا زَكَرِيَّا بْنُ يَحْيَى بْنِ مُوسَى بْنِ إِبْرَاهِيمَ النَّيْسَابُورِيُّ، أَخْبَرَنا وَهْبُ بْنُ جَرِيرٍ، حدثنا شُعْبَةُ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ عِكْرِمَةَ، عَنْ عُمَرَ، قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ أَيُّ شَيْءٍ أَحَبُّ عِنْدَ اللهِ فِي الْإِسْلَامِ ؟ قَالَ: " الصَّلَاةُ لِوَقْتِهَا، **وَمَنْ تَرَكَ الصَّلَاةَ فَلَا دِينَ لَهُ، وَالصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ** " قَالَ أَبُو عَبْدِ اللهِ: " عِكْرِمَةُ لَمْ يَسْمَعْ مِنْ عُمَرَ وَأَظُنُّهُ أَرَادَ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ"[131] .

Pengkaji tidak menemui hadith riwayat Ibn 'Umar r.a. yang dinukilkan oleh pengarang buku ini secara tepat mengikut susunan matan yang dinyatakan. Namun demikian, pengkaji dapat menemui riwayat hadith yang hampir sama dengan terjemahan pengarang iaitu melalui riwayat Ibn 'Umar r.a. (hadith 1) dan 'Umar r.a. (hadith 2)[132]. Riwayat Ibn 'Umar r.a. (hadith 1) direkodkan al-Ṭabrānī di dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Awṣaṭ*[133] dan riwayat 'Umar r.a. (hadith 2) pula direkodkan oleh al-Bayhaqī di dalam *al-Syu'ab*[134]. Riwayat Ibn 'Umar r.a. sebagaimana yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī āḍālah melalui jalur al-Husayn Bin al-Hakam daripada Hasan daripada Mindal Bin 'Ali dariapada 'UbaydiLlah Bin 'Umar. Setiap peringkat sanad ini adalah diriwayatkan secara berseorangan. Manakala riwayat 'Umar r.a pula adalah melalui jalur Zakariya Bin Yahya daripada Wahb Bin Jarir daripada Syu'bah daripada Qatadah daripada 'Ikrimah daripada 'Umar r.a. Riwayat Ibn 'Umar r.a ini dinyatakan *ḍa'īf* (lemah)

---

130 Lafaz hadith ini adalah sebagaimana yang direkodkan oleh al-Ṭabranī di dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Awsaṭ*.

131 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Bayhaqī di dalam kitabnya *al-Syu'ab*.

132 Menurut Abū 'Abdillah, perawi 'Ikrimah tidak mendengar daripada 'Umar dan beliau beranggapan yang dimaksudkan 'Umar di dalam jalur sanad ini ialah Ibn 'Umar r.a.

133 Lihat al-Ṭabranī, Abū al-Qāsim Sulaymān Bin Aḥmad, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, tahqiq Abu Mu'adh Tariq 'Awd Allah dan Abu al-Fadl 'Abd al-Muhsin Bin Ibrahim (Miṣr : Dār al-Ḥaramayn, 1995), 2: 838 (no. hadith 2292).

134 Lihat al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad Bin al-Ḥusayn, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, tahqiq Dr. 'Abd al-'Aliy 'Abd al-Hamid (Riyāḍ : Maktabah al-Rusyd, 2003), 4: 300 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2550).

oleh al-Albānī[135]. Begitu juga riwayat 'Umar r.a. dinyatakan juga *ḍa'īf* oleh al-Albānī[136]. Di dalam riwayat Ibn 'Umar r.a terdapat perawi yang mendapat beberapa kritikan. Perawi Mindal Bin 'Alī ini dinyatakan sebagai *syaykh* oleh Abu Hatim[137], *layyin* oleh Abu Zur'ah[138], *ḍa'īf* oleh Aḥmad[139] dan al-Nasā'ī[140]. Di dalam riwayat 'Umar r.a. pula terdapat perawi yang tidak dikenali iaitu Zakariyā Bin Yaḥyā[141] dan terputus sanadnya sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd.

**Hukum Hadith**

Pengkaji tidak menemui riwayat hadith yang bertepatan dengan hadith yang dinukilkan oleh pengarang buku. Pengkaji hanya menjumpai dua riwayat hadith yang hampir sama sahaja tetapi dengan susunan lafaz matan yang berlainan iaitu sebagaimana yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī dan al-Bayhaqī. Kedua-dua riwayat ini adalah *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang *ḍa'īf*. Pengkaji berpandangan pengarang buku tersilap di dalam menyatakan maksud bagi hadith ini. Daripada dua riwayat yang ditemui, riwayat 'Umar r.a.yang direkodkan oleh al-Bayhaqī  adalah hampir kepada maksud hadith yang dinukilkan oleh pengarang. Cumanya hadith riwayat 'Umar r.a. ini bermaksud " *Barangsiapa yang meninggalkan solat maka tidaklah sempurna agamanya dan solat itu adalah tiang agama*". Perbezaannya adalah pada lafaz "agama" dan "iman". Pengarang buku menyatakan maksud " *Allah tidak akan menerima iman seseorang tanpa disertai solat*". Jikalau pengarang menggunakan perkataan "agama" menggantikan "iman", maka riwayat 'Umar r.a. ini adalah sesuai dengan terjemahan matan yang dinukilkan oleh pengarang buku walaupun terjemahan pengarang buku

---

[135] Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu* (Bayrūt : al-Maktab al-Islamiy, t.t.), 892 (no. hadith 6178).
[136] *Ibid.*, 26 (no. hadith 170).
[137] Lihat al-Dhahabī, Syams al-Dīn Bin Aḥmad Bin Muḥammad, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl* (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 6: 158.
[138] *Ibid.*
[139] *Ibid.*
[140] Lihat Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 28: 497.
[141] Pengkaji juga telah mencari nama ini di dalam kitab *rijāl al-ḥadīth* seperti *Mizān al-i'tidāl* dan *Tahdhīb al-Kamāl* dan pengkaji tidak menemui nama ini. Justeru, nama ini adalah tidak dikenali kerana tidak dijumpai.



Universiti Malaya

adalah tidak mengikut susunan lafaz matan di dalam hadith riwayat 'Umar r.a. ini. Justeru, jikalau benar sangkaan pengkaji terhadap kesilapan terjemahan pengarang buku, maka hadith yang dinukilkan oleh pengarang buku adalah berstatus *ḍa'īf* (lemah).

---

**<u>Hadith 7</u>**

> Anas bin Malik mengatakan : "Ada orang bertanya kepada Rasulullah SAW : "Wahai Rasul, berapa kali solat yang diwajibkan Allah kepada hamba-Nya? Jawab Rasulullah: ' Ada lima kali solat. Ia bertanya lagi : "Apakah sebelum atau sesudah kewajipan itu ada lagi sesuatu kewajipan? Rasulullah menjawab : "Allah telah mewajibkan kepada hamba-hambaNya mendirikan solat lima kali dengan tanpa membatasi adanya sesuatu sebelum atau sesudahnya." Kemudian orang itu bersumpah dengan nama Allah, bahawa dirinya tidak akan menambahi atau mengurangi kewajipan itu. Rasulullah berkata : " Jika benar nescaya ia masuk syurga." [142]

### ***Takhrij*** **Hadith**

أَخْبَرَنَا عَلِيُّ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ عِمْرَانَ الْجُرْجَانِيُّ ، بِحَلَبَ ، قَالَ : حَدَّثَنَا نَصْرُ بْنُ عَلِيِّ بْنِ نَصْرٍ ، قَالَ : حَدَّثَنَا نُوحُ بْنُ قَيْسٍ ، قَالَ : حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ قَيْسٍ ، عَنْ قَتَادَةَ ، عَنْ أَنَسٍ ، أَنَّ رَجُلا قَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، كَمِ افْتَرَضَ اللَّهُ عَلَى عِبَادِهِ مِنَ الصَّلاةِ ؟ قَالَ : " خَمْسُ صَلَوَاتٍ " ، قَالَ : هَلْ قَبْلَهُنَّ أَوْ بَعْدَهُنَّ شَيْءٌ ؟ قَالَ " : افْتَرَضَ اللَّهُ عَلَى عِبَادِهِ خَمْسَ صَلَوَاتٍ " فَقَالَ : هَلْ قَبْلَهُنَّ أَوْ بَعْدَهُنَّ شَيْءٌ ؟ قَالَ : " افْتَرَضَ اللَّهُ عَلَى عِبَادِهِ خَمْسَ صَلَوَاتٍ " ، قَالَ : فَحَلَفَ الرَّجُلُ بِاللَّهِ لا يَزِيدُ عَلَيْهِنَّ ، وَلا يَنْقُصُ مِنْهُنَّ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِنْ صَدَقَ دَخَلَ الْجَنَّةَ . " قَالَ أَبُو حَاتِمٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : سَمِعَ هَذَا الْخَبَرَ أَنَسٌ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَسَمِعَ الْقِصَّةَ بِطُولِهَا عَنْ مَالِكِ بْنِ صَعْصَعَةَ ، وَسَمِعَ بَعْضَ الْقِصَّةِ عَنْ أَبِي ذَرٍّ ، فَالطُّرُقُ الثَّلاثُ كُلُّهَا صِحَاحٌ [143] .

Hadith riwayat Anas Bin Mālik r.a. ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[144], Aḥmad Bin Ḥanbal[145], Ibn Ḥibbān[146], al-Ḥākim[147], al-Dāruquṭnī[148], Abī Ya'la al-Mawṣilī[149] dan al-

---

[142] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[143] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Ḥibbān di dalam *Sahih*nya.
[144] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 79 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 459).
[145] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 11: 280 (no. hadith 13749).

Universiti Malaya

Ṭabrānī[150].Riwayat hadith ini adalah melalui jalur sanad Nūḥ Bin Qays daripada Khālid Bin Qays daripada Qatādah daripada Anas Bin Mālik r.a. Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* dan Syu'ayb al-Arna'ūṭ pula menyatakan sanad hadith ini *ṣaḥīḥ*. Perawi Nūḥ Bin Qays adalah *thiqah* menurut Aḥmad dan Ibn Ma'īn[151]. Khālid Bin Qays juga adalah *thiqah* menurut Yaḥyā Bin Ma'īn dan Ibn Ḥibbān[152]. Qatādah pula adalah seorang yang ḥāfiẓ *thiqah thabt*[153].

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana sanadnya adalah *ṣaḥīḥ* sebagaimana diakui oleh Syu'ayb al-Arna'ūṭ. Al-Albānī juga menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* di dalam tahqiqnya terhadap riwayat al-Nasā'ī.

---

**Hadith 8**

> Tamim Ad Dari mengatakan : "Rasulullah SAW pernah berkata : "Pertama kali sesuatu yang dihisab (diperhitungkan) dari seseorang pada hari kiamat ialah tentang amaliah solatnya. Jika solatnya sempurna, maka baginya ditulis sempurna seluruh amalnya, dan jika amal solatnya tidak sempurna, maka Allah berkata kepada malaikat pemeriksa : "Teliti olehmu, apakah engkau menemukan amal sunah pada hamba-Ku (jika engkau dapati) maka sempurnakanlah dengan amalan sunah itu atas solat yang ditelantarakan."[154]

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا عَلِيُّ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدَانَ، حَدَّثَنَا أَبُو الْقَاسِمِ الطَّبَرَانِيُّ، حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ، حَدَّثَنَا حَجَّاجُ بْنُ الْمِنْهَالِ، حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ سَلَمَةَ، ح وَأَخْبَرَنَا أَبُو الْحُسَيْنِ بْنُ بِشْرَانَ، حَدَّثَنَا أَبُو الْحَسَنِ أَحْمَدُ بْنُ إِسْحَاقَ الطَّيِّبِيُّ، حَدَّثَنَا أَبُو عَبْدِ اللهِ مُحَمَّدُ بْنُ

---

146 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 1: 295 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1447).

147 Al-Ḥākim al-Naysābūrī, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn* (Qāhirah : Dār al-Ḥaramayn, 1987), 1: 304 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 723).

148 Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 1: 428 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 885).

149 Aḥmad Bin 'Alī al-Muthnī al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, tahqiq Ḥusayn Sālim Asad (Bayrūt : Dār al-Ma'mūn, 1986), 5: 316 (no. hadith 2939).

150 Al-Ṭabranī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 5: 199 (no. hadith 5071).

151 Lihat juga al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 7: 55.

152 Lihat Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 8: 153.

153 Lihat juga al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 5: 466.

154 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

أَيُّوب، حَدَّثَنَا مُوسَى، وَعَلِيُّ بْنُ عُثْمَانَ، قَالَا: حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ سَلَمَةَ، عَنْ دَاوُدَ بْنِ
أَبِي هِنْدَ، عَنْ زُرَارَةَ بْنِ أَوْفَى، عَنْ تَمِيمٍ الدَّارِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
قَالَ: " أَوَّلُ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ صَلَاتُهُ، فَإِنْ هُوَ أَكْمَلَهَا كُتِبَتْ لَهُ كَامِلَةً،
وَإِنْ لَمْ يَكُنْ أَكْمَلَهَا قَالَ اللهُ لِمَلَائِكَتِهِ: انْظُرُوا هَلْ تَجِدُونَ لِعَبْدِي مِنْ تَطَوُّعٍ فَأَكْمِلُوا
لَهُ مَا ضَيَّعَ مِنْ ذَلِكَ[155]

Hadith riwayat Tamīm al-Dārī r.a ini direkodkan oleh al-Tirmidhī[156], Ibn Mājah[157], Aḥmad Bin Ḥanbal[158], al-Dārimī[159], al-Ḥākim[160] dan al-Bayhaqī [161]. Hadith ini diriwayatkan melalui jalur Ḥammād Bin Salamah daripada Dāwūd Bin Abī Hind daripada Zurārah Bin Awfā daripada Tamīm al-Dārī. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ* di dalam tahqiqnya terhadap riwayat al-Tirmidhī dan Ibn Mājah. Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd menyatakan kesemua perawi di dalam jalur sanad ini adalah *thiqah* (dipercayai). Perawi Ḥammād Bin Salamah adalah *thiqah* menurut al-'Ijlī dan Ya'qūb Bin Sufyān[162]. Perawi Dāwūd Bin Abī Hind juga adalah *thiqah* menurut Aḥmad Bin Hanbal, Yaḥyā Bin Ma'īn dan al-'Ijlī[163]. Perawi Zurārah Bin Awfā juga adalah *thiqah*[164].

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana sanadnya adalah *ṣaḥīḥ* disebabkan kesemua perawinya adalah *thiqah* sebagaimana diakui oleh Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd. Al-Albānī juga menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* di dalam tahqiqnya terhadap riwayat al-Tirmidhī dan Ibn Mājah.

155 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Mājah di dalam *Sunan*nya.
156 Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 112 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 413).
157 Lihat Ibn Mājah, Abī 'Abdillāh Muḥammad Bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, tahqiq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, t.t.), 254 (Kitāb Iqāmah al-Ṣalawāt Wa al-Sunnah Fīhā, no. hadith 1426).
158 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 16: 553 (no. hadith 23096).
159 Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 2: 854 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1395).
160 Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 384 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 969).
161 Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 556 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 3012).
162 Al-Sayyid Abū al-Ma'āṭī al-Nūrī, *Al-Jāmi' Fī al-Jarḥ Wa al-Ta'dīl* )Bayrūt : 'Alam al-Kutub, 1992), 1: 194.
163 Lihat Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 8: 465.
164 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, tahqiq Ahmad Syāghif al-Bākistānī (t.t.p : Dār al-'Āṣimah, t.t.), 336.

Universiti Malaya

## Hadith 9

> Anas bin Hakim adh Dhabi mengatakan : “Abū Hurairah r.a. pernah mengatakan: “Jika engkau mendatangi keluargamu, maka sampaikanlah kepada mereka bahawa aku mendengar Rasulullah SAW berkata : “pertama kali sesuatu yang dihisab dari seseorang pada hari kiamat ialah tentang solat wajibnya. Jika sempurna bebaslah dia, tetapi jika tidak maka akan diselidiki. [165]

### *Takhrij* Hadith

Pengarang buku ini hanya menyatakan sebahagian maksud daripada hadith yang sempurna. Hadith tersebut adalah sebagaimana berikut.

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَمُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ قَالَا حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ عَنْ سُفْيَانَ بْنِ حُسَيْنٍ عَنْ عَلِيِّ بْنِ زَيْدٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ حَكِيمٍ الضَّبِّيِّ قَالَ قَالَ لِي أَبُو هُرَيْرَةَ إِذَا أَتَيْتَ أَهْلَ مِصْرِكَ فَأَخْبِرْهُمْ أَنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ الْمُسْلِمُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلَاةُ الْمَكْتُوبَةُ فَإِنْ أَتَمَّهَا وَإِلَّا قِيلَ انْظُرُوا هَلْ لَهُ مِنْ تَطَوُّعٍ فَإِنْ كَانَ لَهُ تَطَوُّعٌ أُكْمِلَتْ الْفَرِيضَةُ مِنْ تَطَوُّعِهِ ثُمَّ يُفْعَلُ بِسَائِرِ الْأَعْمَالِ الْمَفْرُوضَةِ مِثْلُ ذَلِكَ[166]

Hadith riwayat Anas Bin Ḥākim al-Ḍabbiy daripada Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[167], al-Tirmidhī[168], Ibn Mājah[169], Aḥmad Bin Ḥanbal[170], al-Ḥākim[171] dan Abū Ya'lā al-Mawṣilī[172]. Riwayat hadith ini adalah melalui jalur sanad Yazīd Bin Hārūn daripada Sufyān Bin Ḥusayn daripada 'Alī Bin Zayd daripada Anas Bin Ḥakīm al-Ḍabbiy. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ṣahīḥ* di dalam *tahqiq*nya terhadap riwayat al-Nasā'ī, al-Tirmidhī dan Ibn Mājah. Riwayat Abū Ya'lā al-Mawṣilī pula adalah *da'if* disebabkan terputus sanad iaitu perawi bernama al-Ḥasan tidak

Universiti Malaya

---

[165] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[166] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Mājah di dalam *Sunan*nya.
[167] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 80 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 466).
[168] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 112 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 413).
[169] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 254 (Kitāb Iqāmah al-Ṣalawāt Wa al-Sunnah Fīhā, no. hadith 1425).
[170] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 9: 226 (no. hadith 9462).
[171] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 383 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 968).
[172] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 11: 96 (no. hadith 6225). Riwayat Abū Ya'lā ini dinyatakan oleh Husayn Salim Asad sebagai *da'if* (lemah) disebabkan terputus sanad iaitu perawi bernama al-Hasan tidak mendengar daripada Abu Hurayrah r.a. *Ibid.*

mendengar daripada Abū Hurayrah r.a. sebagaimana yang dinyatakan oleh Husayn Salīm Asad. Riwayat Aḥmad pula dinyatakan *ḥasan* oleh Ḥamzah Aḥmad Zayn tetapi melalui jalur sanad al-Ḥasan al-Baṣariy daripada Anas Bin Ḥakīm al-Ḍabbiy.

Pengkaji cuba meneliti jalur sanad riwayat Ibn Majah. Anas Bin Ḥakīm al-Ḍabbiy dinyatakan oleh Hamzah Ahmad Zayn bahawa beliau diterima di atas kelemahannya disebabkan beliau ini dinyatakan oleh al-Mizzi sebagai salah seorang yang *majhūl* (tidak dikenali)[173]. Perawi 'Alī Bin Zayd dinyatakan *ṣadūq* oleh al-Tirmidhī[174], *ḍa'īf* oleh Ahmad[175], *laysa bi al-qawiyy* oleh al-'Ijlī[176], *la yuḥtajju bih* (tidak boleh dijadikan hujah) oleh al-Bukhārī dan Abū Ḥātim[177] dan al-Dāruquṭnī pula menyatakan beliau ini sentiasa *layyin*[178]. Perawi Sufyān Bin al-Ḥusayn juga mendapat beberapa kritikan. Beliau ini dinyatakan *thiqah* oleh al-'Ijlī[179], *ṣāliḥ al-ḥāḍīṭḥ* oleh Abū Ḥātim[180], *laysa bihi ba's* dan di dalam hadithnya terdapat *ḍa'f* (kelemahan) oleh Yaḥyā[181] dan *lam yakun bi al-qawiyy* (tidak kuat) oleh Ibn Ma'īn[182]. Perawi Yazīd Bin Hārūn pula adalah seorang *ḥāfiẓ mutqin* menurut Aḥmad[183], *thiqah* menurut Yaḥyā Bin Ma'īn dan Abū Ḥātim[184].

Pengkaji juga meneliti pandangan ulama terhadap jalur sanad melalui riwayat al-Nasā'ī. Riwayat al-Nasā'ī adalah melalui jalur Abū al-'Awwām daripada Qatādah daripada al-Ḥasan Bin Ziyād daripada Abī Rāfi' daripada Abū Hurayrah r.a. Abū al-'Awwām 'Imrān Bin Dāwar al-'Ammiy[185] al-Qaṭṭān dinyatakan oleh Yaḥyā Bin Ma'īn

---

173 Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 3: 346.
174 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 5: 157.
175 *Ibid.,* 5: 156.
176 *Ibid.*
177 *Ibid.*
178 *Ibid.,* 5: 157.
179 *Ibid.,* 3: 241.
180 *Ibid.,* 3: 241.
181 *Ibid.,* 3: 240.
182 *Ibid.,* 3: 241.
183 Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*,32: 266.
184 *Ibid.*, 32: 267.
185 *Ibid.,* 22: 328



Universiti Malaya

sebagai *laysa bi al-qawiyy* dan al-Nasā'ī sebagai *ḍa'īf*[186]. Qatādah pula adalah *thiqah* menurut Yaḥyā Bin Ma'īn [187]. Abū Rāfi' pula adalah tabi'in *thiqah*[188]. Perawi al-Ḥasan Bin Ziyād ini pengkaji tidak temui di dalam kitab *al-rijāl* selain al-Ḥasan Bin Ziyād al-Lu'lu'ī al-Kūfī. Al-Ḥasan Bin Ziyād ini dinyatakan *kadhdhāb* oleh Yaḥyā Bin Ma'īn, *kadhdhāb ghayr thiqah* oleh Abū Dāwūd dan *ḍa'īf matrūk* oleh al-Dāruquṭnī[189]. Perawi ini juga disenaraikan oleh al-'Uqaylī di dalam kitabnya *al-Ḍu'afā' Wa al-Matrūkīn*[190].

Jikalau melihat kepada penelitian terhadap riwayat al-Nasā'ī dan Ibn Mājah, pengkaji berpandangan kedua-dua riwayat ini tidak mencapai tahap *ṣaḥīḥ* sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Albānī lantaran beberapa orang perawinya yang mendapat beberapa kritikan sebagaimana yang telah dinyatakan di atas.

Namun terdapat riwayat daripada Ahmad iaitu melalui jalur Ismā'īl daripada Yūnus Ibn 'Ubayd daripada al-Ḥasan daripada Anas Bin Ḥakīm al-Ḍabbiy. Jalur ini dinyatakan sebagai *ḥasan* oleh Ḥamzah Aḥmad Zayn. Perawi Ismā'īl Bin 'Ulayyah adalah seorang *thiqah ḥāfiẓ*[191]. Perawi Yūnus Ibn 'Ubayd adalah seorang *thiqah* sebagaimana yang diakui oleh Muhammad Bin Sa'd dan Abū Ḥātim[192]. Al-Ḥasan juga merupakan seorang *thiqah*[193]. Anas Bin Hakim al-Dabbiy pula dinyatakan oleh Hamzah Ahmad Zayn bahawa beliau diterima di atas kelemahannya disebabkan beliau ini dinyatakan oleh al-Mizzī sebagai salah seorang yang *majhūl* (tidak dikenali)[194].

Hadith daripada riwayat al-Tirmidhī pula adalah tidak melalui jalur Anas Bin Ḥakīm al-Ḍabbiy. Riwayat al-Tirmidhī adalah melalui jalur Sahl Bin Ḥammād daripada Hammam daripada Qatādah daripada al-Ḥasan daripada Ḥurayth Bin Qabīṣah daripada

---

[186] *Ibid.,* 22: 330
[187] *Ibid.,* 23: 515
[188] *Ibid.,* 10: 258
[189] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 2: 239.
[190] Lihat al-'Uqaylī, Abī Ja'far Muḥammad Bin 'Amrū Bin Mūsā Bin Ḥammād, *Kitāb al-Ḍu'āfā'*, tahqiq Dr. Māzin Bin Muḥammad al-Sirsāwiy (t.t.p. : Maktabah Dār Ibn 'Abbās, t.t.), 1: 344 (no. hadith 583).
[191] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 136.
[192] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 32: 520.
[193] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 2: 281.
[194] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 3: 346.

Abū Hurayrah r.a. Perawi Sahl Bin Ḥammād adalah *ṣadūq*[195]. Qatādah pula adalah seorang yang ḥāfiẓ *thiqah thabt*[196]. Al-Ḥasan juga merupakan seorang *thiqah*[197]. Perawi Ḥurayth Bin Qabīṣah juga disebut dengan Qabīṣah Bin Ḥurayth adalah *ṣadūq*[198].

Justeru, pengkaji berpandangan riwayat Ibn Mājah sanadnya adalah *ḥasan* disebabkan perawinya tidak mencapai tahap untuk menjadi *ṣaḥīḥ*. Walaupun demikian, terdapat riwayat daripada al-Tirmidhī yang pada pandangan pengkaji sanadnya juga adalah hasan kerana terdapat perawi yang tidak mencapai tahap thiqah dan juga riwayat daripada Ahmad yang sanadnya juga *ḥasan* kerana terdapat seorang perawi yang *majhūl* (tidak dikenali). Apabila hadith bertaraf hasan mempunyai *syahid* (penyokong) yang juga bertaraf *ḥasan* maka statusnya menjadi *ṣaḥīḥ lighayrihi.*

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi*. kerana hadith ini terdapat sokongan daripada hadith lain yang bertaraf *ḥasan.*

---

**<u>Hadith 10</u>**

> Anas bin Malik mengatakan : "Rasulullah SAW berkata : "Pertama kali sesuatu yang menjadi milik seseorang akan dihisab ialah pelaksanaan solat dan pertama kali sesuatu diwajibkan oleh Allah atas umat-Nya ialah solat. [199]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا حَدَّثَنَا أَبُو الرَّبِيعِ الزَّهْرَانِيُّ ، حَدَّثَنَا حَمَّادٌ ، حَدَّثَنَا يَزِيدُ الرَّقَاشِيُّ ، عَنْ أَنَسٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : **إِنَّ أَوَّلَ مَا افْتَرَضَ اللَّهُ عَلَى النَّاسِ مِنْ دِينِهِمُ الصَّلاةُ** ، وَآخَرَ مَا يَبْقَى الصَّلاةُ ، **وَأَوَّلَ مَا يُحَاسَبُونَ بِهِ الصَّلاةُ** ، يَقُولُ اللَّهُ : انْظُرُوا فِي صَلاةِ عَبْدِي ، فَإِنْ كَانَتْ تَامَّةً كُتِبَتْ تَامَّةً ، وَإِنْ وُجِدَتْ نَاقِصَةً ، قَالَ : انْظُرُوا ، هَلْ لَهُ مِنْ تَطَوُّعٍ ؟ فَإِنْ وُجِدَ لَهُ تَطَوُّعٌ تَمَّتِ الْفَرِيضَةُ مِنَ التَّطَوُّعِ ، ثُمَّ

---

195 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 419.
196 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 5: 466.
197 *Ibid.,* 2: 281.
198 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 797.
199 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

قَالَ : انْظُرُوا هَلْ زَكَاتُهُ تَامَّةٌ ؟ فَإِنْ وُجِدَتْ زَكَاتُهُ تَامَّةً كُتِبَتْ تَامَّةً ، وَإِنْ كَانَتْ نَاقِصَةً

، قَالَ : انْظُرُوا ، هَلْ لَهُ صَدَقَةٌ ؟ فَإِنْ كَانَتْ لَهُ صَدَقَةٌ تَمَّتْ لَهُ زَكَاتُهُ مِنَ الصَّدَقَة[200] .

Pengkaji mendapati pengarang buku ini menterjemahkan hadith ini tanpa mengikut susunan matan hadith dan hanya mengambil sebahagian matan sahaja. Hadith riwayat Anas bin Mālik r.a. ini direkodkan oleh Abū Ya'lā al-Mawṣilī[201] dan al-Haythamī[202]. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ḍa'īf* [203]. Al-Haythamī menyatakan bahawa di dalam jalur sanad ini terdapat perawi Yazīd al-Raqāsyī[204] yang telah di*ḍa'īf*kan oleh Syu'bah dan lain-lain[205]. Al-Raqāsyī ini dinyatakan oleh al-Nasā'ī sebagai *matrūk* (ditinggalkan)[206], dinyatakan oleh Aḥmad sebagai *munkar al-ḥāḍīth*[207], dinyatakan oleh al-Dāruquṭnī sebagai *ḍa'īf*[208]. Ibn 'Adī pula menyatakan bahawa beliau berharap bahawa al-Raqāsyī ini *la ba's bih*[209].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang *ḍa'īf* di dalam jalur sanad ini .

---

**<u>Hadith 11</u>**

> Dari Ibnu Umar , Nafi mengatakan Rasulullah SAW berkata : "sesuatu yang ada di antara solat berjemaah dengan melaksanakan solat sendirian ialah terdapat dua puluh tujuh darjat ." [210]

---

[200] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Abū Ya'lā al-Mawṣilī di dalam kitabnya.
[201] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 7: 153 (no. hadith 4124).
[202] Lihat al-Haythamī, Nūr al-Dīn 'Alī Bin Abū Bakr al-Ḥāfīẓ, *Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, tahqiq Hisām al-Dīn al-Qudsiy (Bayrūt : Dār al-Kitāb al-'Arabiy, t.t.), 1: 288.
[203] Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ḍa'īf al-Targhīb Wa al-Tarhīb* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 2000), 1: 118 (no. hadith 211).
[204] Yazīd al-Riqāsyī ini nama sebenar beliau ialah Yazīd Bin Abān al-Riqāshī. Lihat Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 35: 11.
[205] Al-Haythamī, *Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 1: 288.
[206] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 7: 233.
[207] *Ibid.*
[208] *Ibid.*
[209] *Ibid.*
[210] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ حَدَّثَنَا مَالِكٌ عَنْ نَافِعٍ عَنِ ابْنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ عَنْ صَلَاةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً[211]

Pengarang buku ini menukilkan riwayat hadith tanpa berhati-hati dengan meletakkan perawi hadith ini secara tidak tersusun. Hadith ini sebenarnya adalah riwayat Nāfi' daripada Ibn 'Umar. Hadith ini direkodkan oleh Muslim[212], al-Nasā'ī[213], al-Tirmidhī[214], Ibn Mājah[215], Aḥmad[216] dan Ibn Ḥibbān[217]. Al-Albānī menyatakan status hadith riwayat al-Nasā'ī dan Ibn Mājah adalah *ṣaḥīḥ*. Riwayat Imam Aḥmad juga sanadnya adalah *ṣaḥīḥ* menurut Ḥamzah Aḥmad al-Zayn.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh Imam Muslim di dalam kitab *Ṣaḥīḥ*nya .

---

**Hadith 12**

> Abu Hurairah r.a. mengatakan, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : "Apabila seseorang berwudhuk kemudian pergi ke masjid, maka Allah menulis baginya setiap satu langkah satu kebaikan dan dihapus pula satu keburukan, ditinggikan darjatnya dan Allah memberi kegembiraan baginya seperti kegembiraan orang yang berpergian dalam waktu lama lalu kembali kepada keluarganya." [218]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا صَالِحُ بْنُ مَالِكٍ ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الأَعْلَى بْنُ أَبِي الْمُسَاوِرِ ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَمْرِو بْنِ عَطَاءٍ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَا

---

211 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya.
212 Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 450 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 650).
213 Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 139 (Kitāb al-Imāmah, no. hadith 837).
214 Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 63 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 215).
215 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 149 (Kitāb al-Masājid Wa al-Jamā'ah, no. hadith 789).
216 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 5: 303 (no. hadith 5921).
217 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 401 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2052).
218 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

مِنْ مُسْلِمٍ يَتَوَضَّأُ فَيُحْسِنُ الْوُضُوءَ ، ثُمَّ يَمْشِي إِلَى بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يُصَلِّي فِيهِ صَلاةً مَكْتُوبَةً ، إِلا كُتِبَ لَهُ بِكُلِّ خُطْوَةٍ حَسَنَةٌ ، وَتُمْحَى عَنْهُ بِالأُخْرَى سَيِّئَةٌ ، وَتُرْفَعُ لَهُ بِالأُخْرَى دَرَجَةٌ. " [219]

Pengkaji tidak menemui hadith yang menyamai sepenuhnya sebagaimana nukilan pengarang buku ini, namun pengkaji dapat menemui sebuah hadith yang hampir sama maksudnya melalui jalur sanad yang sama iaitu Abū Hurayrah r.a. Hadith Abū Hurayrah ini direkodkan oleh Abū Ya'lā[220]. Abdullah Muḥammad al-Darwīsyh menyatakan di dalam jalur sanad hadith ini terdapat perawi bernama 'Abd al-A'lā Bin Abī al-Musāwir yang merupakan seorang yang *ḍa'īf* (lemah). Al-Haythamī menyatakan 'Abd al-A'lā Bin Abī al-Musāwir ini adalah seorang *matrūk kadhdhāb* (ditinggalkan dan pendusta)[221]. Husayn Salīm Asad al-Dārānī menyatakan sanad hadith ini adalah *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah).

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ḍa'īf jiddan* kerana di dalam jalur sanadnya terdapat perawi yang dinyatakan *matrūk kadhdhāb* (ditinggalkan dan pendusta).

---

**<u>Hadith 13</u>**

> Abū Utsman an Nahdi dari Salman r.a. mengatakan, Rasulullah SAW pernah berkata, sungguh Allah mengatakan :"Barangsiapa yang berwudhuk di rumahnya dengan menyempurnakan wudhuknya kemudian mengunjungi Aku di rumah dari rumah-rumahKu yang ada lalu dia benar-benar menziarahi Aku, maka kewajipan bagi yang diziarahi ialah memuliakan orang yang menziarahinya." [222]

---

[219] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Abu Yu'la di dalam *Musnad*nya.
[220] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 11: 513 (no. hadith 5637).
[221] Lihat al-Haythamī, Nūr al-Dīn 'Alī Bin Abū Bakr al-Ḥāfīẓ, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, tahqiq 'Abdullāh Muḥammad al-Darwisyh (Bayrūt : Dār al-Fikr, 1994), 1: 246.
[222] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ إِسْحَاقَ التُّسْتَرِيُّ ، ثنا عَامِرُ بْنُ سَيَّارٍ ، ثنا سَعِيدُ بْنُ زَرْبِيٍّ ، عَنْ ثَابِتٍ ، عَنْ أَبِي عُثْمَانَ ، عَنْ سَلْمَانَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ " : مَنْ تَوَضَّأَ فِي بَيْتِهِ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ ، ثُمَّ أَتَى الْمَسْجِدَ ، فَهُوَ زَائِرُ اللَّهِ ، وَحَقٌّ عَلَى الْمَزُورِ أَنْ يُكْرِمَ الزَّائِرَ . "[223]

Hadith yang diriwayatkan melalui jalur sanad Abū 'Uthmān daripada Salmān ini direkodkan oleh al-Ṭabrānī di dalam *al-Mu'jam al-Kabīr*[224], Ibn Abī Syaybah di dalam kitabnya *al-Muṣannaf*[225], Ibn Basyran di dalam kitabnya *al-Amālī*[226].Di dalam jalur sanad ini terdapat perawi bernama Sa'īd Bin Zarbiy yang dinyatakan *laysa bi syay'* (bukanlah sesuatu) oleh Ibn Ma'īn, *'indahu 'ajā'ib* (padanya ada kepelikan) oleh al-Bukhārī, *laysa bi thiqah* (tidak dipercayai) oleh al-Nasā'ī, *ḍa'īf* (lemah) oleh al-Dāruquṭnī[227]. Al-Ṭabrānī juga ada merekodkan hadith ini melalui jalur sanad lain tanpa perawi Sa'īd Bin Zarbiy[228] dan jalur sanad ini dinyatakan *jayyid* (baik) oleh al-Albānī. Riwayat tersebut adalah melalui jalur sanad Muḥammad Bin Ḥusayn Bin Mukrim al-Baghdādiy daripada Sa'īd Bin Yaḥyā Bin Syu'bah al-Umawiy daripada pakciknya daripada Dāwūd Bin Abī Hind daripada Abī 'Uthmān daripada Salmān r.a. Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah berstatus *ḥasan*[229].

Universiti Malaya

---

[223] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī di dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Kabīr.*

[224] Lihat al-Ṭabrānī, Abū al-Qāsim Sulaymān Bin Aḥmad, *al-Mu'jam al-Kabīr*, tahqiq Ḥamdī Bin 'Abd al-Ḥamīd al-Salafī (Qāhirah : Maktabah Ibn Taymiyyah, 1995), 6: 253 (no. hadith 6139).

[225] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 12: 228 (Kitāb al-Zuhd, no. hadith 35621).

[226] Ibn Basyrān, 'Abd al-Mālik Bin Muḥammad Bin 'Abdullāh, *al-Amālī*, tahqiq Ahmad Bin Sulayman (Riyāḍ : Dār al-Waṭan, 1997), 2: 124 (no. hadith 1188). Al-Albānī menyatakan riwayat Ibn Basyrān ini terdapat perawi bernama Sa'id yang merupakan *munkar al-ḥadīth*. Ahmad Bin Sulayman pula menyatakan perawi Sa'id ini dinyatakan *ḍa'īf* bukan oleh seorang pengkritik (bermaksud ramai yang mengkritik Sa'id ini adalah *ḍa'īf*). Lihat nota kaki. *Ibid.*

[227] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 3: 199 (no. 3180).

[228] Lafaz hadithnya adalah seperti berikut :

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حُسَيْنِ بْنِ مُكْرَمٍ الْبَغْدَادِيُّ ، ثنا سَعِيدُ بْنُ يَحْيَى بْنِ شُعْبَةَ الأُمَوِيُّ ، حَدَّثَنَا عَمِّي ، عَنْ دَاوُدَ بْنِ أَبِي هِنْدٍ ، عَنْ أَبِي عُثْمَانَ ، عَنْ سَلْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَتَوَضَّأُ فَيُحْسِنُ وُضُوءَهُ ، إِلا كَانَ زَائِرَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ ، وَحَقٌّ عَلَى الْمَزُورِ أَنْ يُكْرِمَ زَائِرَهُ. "

[229] Al-Albānī menyatakan hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī dengan dua jalur sanad dan salah satu sanadnya adalah *jayyid* (baik). Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 2000), 1: 248 (no. hadith 322).

**Hukum Hadith**

Riwayat hadith ini adalah *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi Sa'īd Bin Zarbiy yang bermasalah. Namun terdapat riwayat lain tanpa perawi Sa'īd Bin Zarbiy dan riwayat tersebut dinyatakan *jayyid* (baik) oleh al-Albānī lalu beliau meletakkan status hadith ini sebagai *ḥasan*. Pengkaji mengambil pandangan al-Albānī iaitu hadith ini adalah berstatus *ḥasan* kerana terdapat syahid (penyokong) yang membantu meningkatkan taraf hadith ini menjadi *ḥasan*.

---

**<u>Hadith 14</u>**

> Salman bin Abdullah dari ayahnya dari Umar bin Khattab r.a. mengatakan :"Jibril datang kepada Nabi SAW ia berkata : sampaikanlah berita gembira bagi orang-orang yang berjalan kaki di tengah malam gelita menuju masjid akan memperoleh cahaya yang sempurna di hari kiamat."[230]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَبِي ، نا الْعَبَّاسُ بْنُ مُحَمَّدٍ ، نا سَعْدُ بْنُ عَبْدِ الْحَمِيدِ بْنِ جَعْفَرٍ ، نا عَلِيُّ بْنُ ثَابِتٍ ، عَنِ الْوَازِعِ بْنِ نَافِعٍ الْعُقَيْلِيِّ ، عَنْ سَالِمِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ ، عَنْ أَبِيهِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ ، عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ ، قَالَ : جَاءَ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلامُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ " : بَشِّرِ الْمَشَّائِينَ فِي الظُّلَمِ إِلَى الْمَسَاجِدِ بِنُورٍ تَامٍّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ. "
[231]

Pengkaji mendapati pengarang buku ini menyatakan perawi secara silap iaitu berlaku kesilapan pada nama perawi Sālim daripada bapanya daripada 'Umar. Hadith riwayat 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. ini direkodkan oleh Ibn Syāhīn di dalam kitabnya *al-Targhīb Fī Faḍā'il al-A'māl*[232], Ibn al-Jawzī di dalam kitabnya *al-'Ilal al-*

---

[230] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[231] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Ibn al-Jawzī di dalam kitabnya al-'Ilal al-Mutanāhiyah.
[232] Lihat Ibn Syāhīn, Abī Ḥafs 'Umar Bin Aḥmad Bin 'Uthmān, *al-Targhīb Fī Faḍā'il al-A'māl Wa Thawāb Dhālik*, tahqiq Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma'il (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004), 36 (no. hadith 90).



Universiti Malaya

*Mutanāhiyah*[233]. Ibn al-Jawzī menyatakan bahawa hadith ini tidak thabit. Abū al-Fatḥ al-Azdiyy menyatakan perawi 'Alī Bin Thābit adalah seorang *ḍa'īf* (lemah)[234]. Abū Ḥātim al-Rāzī pula menyatakan sebagai *dhāhib al-Ḥāḍīth*. Walaupun demikian, 'Alī Bin Thābit juga dinyatakan *thiqah* oleh Ibn Ma'in dan dinyatakan *thiqah ṣadūq* oleh Aḥmad.[235] Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā'īl (pentahqiq kitab Ibn Syāhīn) pula menyatakan di dalam jalur sanad ini terdapat perawi al-Wāzi' Bin Nāfi' yang merupakan *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah)[236]. Al-Wāzi' Bin Nāfi' juga dinyatakan *laysa bi thiqah* oleh Ibn Ma'īn dan Aḥmad, *munkar al-ḥāḍīth* oleh al-Bukhārī dan *matrūk* oleh al-Nasā'ī[237]. Justeru, sanad hadith riwayat 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. ini adalah *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah) kerana terdapat perawi yang bermasalah sebagaimana yang telah dinyatakan.

Walaupun demikian, terdapat beberapa hadith riwayat lain yang menyokong hadith ini. Antaranya ialah riwayat Abū Sa'īd al-Khudriy sebagaimana yang direkodkan oleh Abu Ya'la al-Mawsili[238], al-Haythamī dan al-Bazzār[239], riwayat Buraydah al-Aslamiy sebagaimana direkodkan oleh al-Tirmidhī[240], Abū Dāwūd[241] dan al-Bazzār[242], riwayat Anas Bin Mālik r.a.sebagaimana direkodkan oleh Ibn Mājah[243], al-Ṭabrānī[244], riwayat Sahl Bin Sa'd al-Sā'idiy r.a. sebagaimana direkodkan oleh Ibn Mājah[245], al-Ḥākim[246] dan al-Ṭabrānī[247]. Al-Ḥākim menyatakan hadith riwayatnya adalah *ṣaḥīḥ*

---

[233] Lihat Ibn al-Jawzī, Abī al-Farj 'Abd al-Raḥmān Bin 'Alī Ibn al-Jawzī al-Taymiy al-Qurasyiy, *al-'Ilal al-Mutanāhiyah Fī al-Aḥādīth al-Wāhiyah*, taqdim al-Syaykh Khalil al-Mays (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983), 1: 405 (no. hadith 683).
[234] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 5: 143. j.5.
[235] *Ibid.*
[236] Lihat nota kaki Ibn Syāhīn, *al-Targhīb Fī Faḍā'il al-A'māl Wa Thawāb Dhālik*, 36 (no. hadith 90).
[237] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān* (Bayrūt : Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyah, 2002), 8: 367 (no. 8323).
[238] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 2: 361 (no. hadith 1113).
[239] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 8: 77 (no. hadith 3074).
[240] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 65 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 223).
[241] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 104 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 561).
[242] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 10: 322 (no. hadith 4448).
[243] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 148 (Kitāb al-Masājid Wa al-Jamā'ah, no. hadith 780 dan 781).
[244] Al-Ṭabranī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 6: 111 (no. hadith 5956).
[245] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 148 (Kitāb al-Masājid Wa al-Jamā'ah, no. hadith 780 dan 781).
[246] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 319 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 771).



Universiti Malaya

menurut syarat al-Bukhārī dan Muslim. Al-Albānī menyatakan kesemua riwayat yang direkodkan oleh al-Tirmidhī, Abū Dāwūd dan Ibn Mājah adalah *ṣaḥīḥ*. Namun, pengkaji juga mendapati al-Albānī juga menyatakan bahawa riwayat al-Tirmidhi dan Abū Dāwūd adalah berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi* di dalam *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*[248]. Iṣām Mūsā Hādī pula menyatakan riwayat Abu Dawud adalah *ṣaḥīḥ lighayrihi*[249]. Riwayat Abu Ya'la al-Mawsili pula adalah da'if disebabkan terdapat perawi 'Abd al-Hakam Bin 'Abdillah yang merupakan *munkar al-ḥāḍīṭḥ* dan *ḍa'īf al-ḥāḍīṭḥ* menurut Ibn Abī Hātim dan al-Bukhārī[250].

**Hukum Hadith**

Al-hafiz 'Abd al-'Azim menyatakan perawi-perawi di dalam jalur sanad riwayat Buraydah adalah thiqah[251]. Pengkaji cuba menjalankan kajian sanad terhadap jalur sanad riwayat al-Tirmidhi ini bagi mendapatkan pandangan ulama-ulama terhadap perawi-perawi tersebut. Perawi 'Abdullah Bin Auws dinyatakan oleh Ibn al-Qaṭṭān sebagai *majhul* namun al-Dhahabi berpandangan 'Abdullah Bin Auws ini adalah *saduq*[252]. Perawi Isma'il Bin Sulayman al-Kahhal pula dinyatakan oleh Abu Hatim sebagai *Ṣāliḥ al-ḥadīth*[253]. Perawi Yahya Bin Kathir pula dinyatakan oleh Abu Hatim sebagai *Ṣāliḥ al-ḥadīth* dan dinyatakan oleh al-Nasa'i sebagai *laysa bih ba's*[254]. Perawi 'Abbas al-'Anbari pula dinyatakan oleh Abu Hatim sebagai *Saduq* dan al-Nasa'i sebagai *thiqah ma'mun*[255]. Menerusi dapatan ini, pengkaji mendapati tiada seorang perawi pun yang dinyatakan *da'i*. Namun, terdapat perawi yang tahap kekuatan hafazannya tidak

Universiti Malaya

---

[247] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 6: 147 (no. hadith 5800).
[248] Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 1: 246 (no. hadith 315).
[249] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, (Al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah : Dār al-Ṣiddīq, 1434H), 176 (no. hadith 561).
[250] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 16: 403.
[251] Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 1: 246 (no. hadith 315).
[252] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 4: 63.
[253] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 3: 107.
[254] *Ibid.*, 31: 500.
[255] *Ibid.*, 14: 224.

menyokong ke'adilannya iaitu tidak mencapai tahap thiqah. Justeru pengkaji berpandangan jalur sanad ini adalah berstatus *ḥasan.*

Pengkaji juga cuba meneliti sanad riwayat Abu Dawud dan pengkaji mendapati riwayat Abu Dawud ini jalur sanadnya hampir menyamai jalur al-Tirmidhi. Kelainannya ialah pada perawi yang mengambil riwayat daripada Isma'il Bin Sulayman al-Kahhal. Di dalam riwayat Abu Dawud, perawi yang mengambil riwayat daripada Isma'il Bin Sulayman al-Kahhal ialah Abu 'Ubaydah al-Haddad dan perawi yang mengambil riwayat daripada Abu 'Ubaydah ialah Yahya Bin Ma'in. Perawi Abu 'Ubaydah al-Haddad ('Abd al-Wahid Bin Wasil) ini dinyatakan thiqah oleh Ibn Ma'in dan ulama lain[256]. Perawi Yahya Bin Ma'in pula dinyatakan sebagai Imam rabbani 'Alim Hafiz Thabt Mutqin oleh Abu Bakr al-Khatib[257]. Justeru, menerusi dapatan ini, pengkaji mendapati tiada seorang perawi pun yang dinyatakan *da'if*. Namun, terdapat perawi yang tahap kekuatan hafazannya tidak menyokong ke'adilannya iaitu tidak mencapai tahap thiqah. Justeru pengkaji berpandangan jalur sanad ini juga adalah berstatus *ḥasan.*

Maka, pengkaji berpandangan bahawa tepatlah pandangan yang dikemukakan oleh Iṣām Mūsā Hādī yang menyatakan riwayat Abu Dawud adalah berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi* kerana apabila hadith yang berstatus hasan disokong oleh riwayat lain (riwayat al-Tirmidhi) yang juga berstatus hasan, maka statusnya meningkat menjadi *ṣaḥīḥ lighayrihi.*

Walaupun demikian, hadith melalui riwayat 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. yang dinyatakan oleh pengarang buku adalah kekal statusnya *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah) kerana di dalam jalur sanadnya terdapat perawi al-Wāzi' Bin Nāfi' yang merupakan *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah)[258] dan dinyatakan *laysa bi thiqah* oleh Ibn Ma'īn dan Aḥmad, *munkar al-ḥāḍīth* oleh al-Bukhārī dan *matrūk* oleh al-Nasā'ī[259].

---

[256] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 4: 430.
[257] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 31: 544.
[258] Lihat nota kaki Ibn Syāhīn, *al-Targhīb Fī Faḍā'il al-A'māl Wa Thawāb Dhālik*, 36 (no. hadith 90).
[259] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 8: 367 (no. 8323).



Universiti Malaya

Status *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah) ini tidak boleh meningkat menjadi *ḥasan lighayrihi* atau *ṣaḥīḥ lighayrihi* kerana status ini tidak boleh dijadikan hujah dan tidak boleh diambil iktibar daripadanya.

---

**Hadith 15**

> Abū Darda r.a. dari Nabi Muhammad SAW mengatakan :"Barangsiapa berjalan di tengah-tengah kegelapan malam menuju masjid, nescaya Allah memberinya cahaya di hari Kiamat nanti."[260]

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ أَبِي مَعْشَرٍ أَبُو عَرُوبَةَ ، بِحَرَّانَ ، حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ زَيْدٍ الْخَطَّابِيُّ ، وَأَيُّوبُ بْنُ مُحَمَّدٍ الْوَزَّانُ ، قَالا : حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ جَعْفَرٍ ، حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرٍو ، عَنْ زَيْدِ بْنِ أَبِي أُنَيْسَةَ ، عَنْ جُنَادَةَ بْنِ أَبِي أُمَيَّةَ ، عَنْ مَكْحُولٍ ، عَنْ أَبِي إِدْرِيسَ الْخَوْلانِيِّ ، عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: " **مَنْ مَشَى فِي ظُلْمَةِ اللَّيْلِ إِلَى الْمَسَاجِدِ ، آتَاهُ اللَّهُ نُورًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ** . " قَالَ أَبُو حَاتِمٍ : هَكَذَا حَدَّثَنَا أَبُو عَرُوبَةَ ، فَقَالَ : جُنَادَةُ بْنُ أَبِي أُمَيَّةَ ، وَإِنَّمَا هُوَ جُنَادَةُ بْنُ أَبِي خَالِدٍ ، وَجُنَادَةُ بْنُ أَبِي أُمَيَّةَ مِنَ التَّابِعِينَ أَقْدَمُ مِنْ مَكْحُولٍ ، وَجُنَادَةُ بْنُ أَبِي خَالِدٍ مِنْ أَتْبَاعِ التَّابِعِينَ وَهُمَا شَامِيَّانَ ثِقَتَانِ.[261]

Hadith riwayat Abū al-Dardā' r.a. ini direkodkan oleh Ibn Ḥibbān[262], al-Dārimī[263], Ibn Abī Syaybah [264], al-Ṭabrānī [265], al-Haythamī[266] dan Ibn al-Jawzī[267].Al-Haythamī menyatakan di dalam sanad hadith ini terdapat Junādah Bin Abī Khālid yang tidak ditemui pengenalan dirinya manakala perawi yang lain adalah *thiqah* (dipercayai). Ibn al-Jawzī pula membawa pandangan Aḥmad yang mengatakan bahawa perawi Zayd

---

[260] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[261] Lafaz hadith ini adalah menurut Ibn Hibban di dalam *Sahih*nya.
[262] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 894 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2046).
[263] Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 2: 891 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1462).
[264] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 3: 166 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 6496).
[265] Al-Ṭabranī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 5: 69 (no. hadith 4697).
[266] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 2: 148 (no. hadith 2084).
[267] Ibn al-Jawzī, *al-'Ilal al-Mutanāhiyah Fī al-Aḥādīth al-Wāhiyah*, 1: 408 (no. hadith 688).



Universiti Malaya

Bin Abī Anīsah ini sebahagian hadith periwayatannya adalah *munkar*[268]. Syu'ayb al-Arna'ūṭ pula menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* disebabkan banyak *syāhid* yang menyokong. Al-Albānī pula menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ lighayrihi*[269]. Antara riwayat hadith yang menjadi *syāhid* bagi hadith ini adalah riwayat-riwayat hadith yang telah dinyatakan di dalam ulasan hadith yang ke 14 kerana maksud hadith tersebut adalah hampir sama dengan maksud hadith ini.

**Hukum Hadith**

Riwayat Abū al-Dardā' ini adalah berstatus *ḥāḍīṭḥ munkar* disebabkan terdapat perawi Junādah Bin Abī Khālid yang tidak dikenali dan perawi Zayd Bin Abī Anīsah yang sebahagian hadith periwayatannya adalah *munkar*. Namun terdapat banyak jalan periwayatan yang menyokong riwayat Abū al-Dardā' ini. Antaranya ialah riwayat Abū Sa'īd al-Khudriy r.a., Buraydah al-Aslamiy r.a., Anas Bin Mālik r.a. dan Sahl Bin Sa'd al-Sā'idiy r.a. sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam ulasan hadith ke 14 (maksud hadith ini juga hampir sama). Justeru, pengkaji mengambil pandangan al-Albānī yang meletakkan status hadith ini sebagai *ṣaḥīḥ lighayrihi* disebabkan terdapat banyak riwayat hadith yang menyokong dan maksud hadith ini juga hampir sama dengan maksud hadith yang 14 di atas yang juga statusnya *ṣaḥīḥ lighayrihi*.

---

**Hadith 16**

> Abū Said al-Khudzri pernah mendengar Rasulullah SAW mengatakan :"Bahawa mendirikan solat berjemaah itu bandingannya dengan solat sendirian ialah dua puluh tujuh darjat." [270]

***Takhrij* Hadith**

Pengkaji tidak menemui riwayat Abū Sa'īd al-Khudriy r.a. berkaitan kelebihan solat berjemaah dengan dua puluh tujuh darjat melainkan riwayatnya berkaitan

[268] *Ibid.*
[269] Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 1: 299 (no. hadith 424).
[270] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

kelebihan dua puluh lima darjat. Berkemungkinan pengarang buku ini tersilap nukil. Berikut di bawah ini adalah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Sa'īd al-Khudriy r.a. berkaitan dua puluh lima darjat.

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ أَخْبَرَنَا اللَّيْثُ حَدَّثَنِي ابْنُ الْهَادِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ خَبَّابٍ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةَ الْفَذِّ بِخَمْسٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً[271]

Riwayat Abū Sa'īd al-Khudriy ini direkodkan oleh al-Bukhārī[272], Aḥmad[273] dan al-Bayhaqī[274]. Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd menyatakan sanad riwayat Abū Sa'īd yang direkodkan oleh al-Bayhaqī adalah *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith riwayat Abū Sa'īd al-Khudriy r.a. berkaitan kelebihan solat berjemaah dengan dua puluh lima darjat adalah *ṣaḥīḥ* kerana terdapat di dalam riwayat al-Bukhārī. Manakala riwayat hadith yang dinukilkan oleh pengarang buku dengan maksud matan " Bahawa mendirikan solat berjemaah itu bandingannya dengan solat sendirian ialah dua puluh tujuh darjat" yang dinisbahkan periwayatannya kepada Abū Sa'īd al-Khudriy r.a. adalah tidak ditemui. Justeru, hadith yang ke 16 ini riwayatnya adalah ditemui dan tidak dapat dinyatakan hukumnya.

---

**Hadith 17**

> Anas bin Malik mengatakan Rasulullah SAW berkata :"Wahai Utsman (bin Madh'un) barangsiapa yang mendirikan solat Subuh dalam berjemaah, maka baginya mendapat pahala seperti pahala orang yang beribadah haji dan umrah yang diterima. Wahai Utsman, barangsiapa mendirikan solat Zohor dengan berjemaah, semuanya seperti itu dan di tambah lagi mendapat tujuh darjat di syurga Firdaus. Wahai Utsman, barangsiapa mendirikan solat Asar dengan berjemaah kemudian dilanjutkan berzikir kepada Allah sampai matahari terbenam, maka seakan-akan telah memerdekakan sahaya dari

271 Lafaz hadith sebagaimana yang direkodkan oleh Imam al-Bukhārī.
272 Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 216 (Kitāb al-Adhān, no. hadith 646).
273 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 10: 171 (no. hadith 11459).
274 Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 318 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2571).

Universiti Malaya

keturunan Ismail a,s beserta setiap orang dari mereka 12,000 orang. Wahai Utsman, barangsiapa mendirikan solat Maghrib dengan berjemaah maka baginya telah melaksanakan dua puluh lima kali solat seperti itu dan ditambah memperoleh tujuh darjat di Syurga Adn. Wahai Utsman, barangsiapa mendirikan solat Isyak dengan berjemaah maka seakan-akan telah beribadah di malam Lailatul Qadar.”[275]

### *Takhrij* Hadith

وَأَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللهِ الْحَافِظُ , فِي التَّارِيخِ أَنَا أَبُو الطَّيِّبِ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللهِ بْنِ الْمُبَارَكِ
, نَا عَمْرُو بْنُ هِشَامٍ , نَا عَبْدُ اللهِ بْنُ الْجَرَّاحِ الْقُهُسْتَانِيُّ , نَا عَبْدُ الْخَالِقِ بْنُ إِبْرَاهِيمَ بْنِ
طَهْمَانَ , عَنْ أَبِيهِ , عَنْ بَكْرِ بْنِ خُنَيْسٍ , عَنْ ضِرَارِ بْنِ عَمْرٍو , عَنْ ثَابِتٍ الْبُنَانِيِّ ,
عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ , قَالَ: تُوُفِّيَ ابْنٌ لِعُثْمَانَ بْنِ مَظْعُونٍ فَحَزِنَ عَلَيْهِ حُزْنًا شَدِيدًا ,
وَاتَّخَذَ فِي دَارِهِ مُصَلًّى يَتَعَبَّدُ فِيهِ , وَغَابَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَمْسَ عَشْرَةَ
لَيْلَةً , فَسَأَلَ عَنْهُ النَّبِيُّ فَأَخْبَرُوهُ أَنَّهُ مَاتَ لَهُ ابْنٌ , وَأَنَّهُ حَزِنَ عَلَيْهِ حُزْنًا شَدِيدًا , وَأَنَّهُ
اتَّخَذَ فِي دَارِهِ مُصَلًّى يَتَعَبَّدُ فِيهِ , فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " ادْعُهُ لِي ,
وَبَشِّرْهُ بِالْجَنَّةِ " فَلَمَّا أَتَاهُ قَالَ لَهُ: يَا عُثْمَانُ بْنَ مَظْعُونٍ , أَمَا تَرْضَى أَنَّ لِلْجَنَّةِ ثَمَانِيَةَ
أَبْوَابٍ , وَلِلنَّارِ سَبْعَةُ أَبْوَابٍ , لَا تَنْتَهِي إِلَى بَابٍ مِنْ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ , إِلَّا وَجَدْتَ ابْنَكَ
قَائِمًا عِنْدَهُ آخِذًا بِحُجْزَتِكَ يَشْفَعُ لَكَ عِنْدَ رَبِّكَ ؟ " قَالَ: بَلَى يَا رَسُولَ اللهِ . قَالَ
أَصْحَابُ مُحَمَّدٍ: وَلَنَا فِي أَبْنَائِنَا مِثْلُ ذَلِكَ ؟ قَالَ: " نَعَمْ , وَلِكُلِّ مَنِ احْتَسَبَ مِنْ أُمَّتِي
" ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " يَا عُثْمَانُ , هَلْ تَدْرِي مَا رَهْبَانِيَّةُ الْإِسْلَامِ
؟ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللهِ "" **يَا عُثْمَانُ مَنْ صَلَّى الْغَدَاةَ فِي الْجَمَاعَةِ , ثُمَّ ذَكَرَ اللهَ حَتَّى
تَطْلُعَ الشَّمْسُ كَانَتْ لَهُ كَحَجَّةٍ مَبْرُورَةٍ , وَعُمْرَةٍ مُتَقَبَّلَةٍ , وَمَنْ صَلَّى صَلَاةَ الظُّهْرِ
فِي جَمَاعَةٍ كَانَتْ لَهُ بِخَمْسٍ وَعِشْرِينَ صَلَاةً كُلُّهَا مِثْلُهَا وَسَبْعِينَ دَرَجَةً فِي الْفِرْدَوْسِ ,
وَمَنْ صَلَّى صَلَاةَ الْعَصْرِ فِي جَمَاعَةٍ , ثُمَّ ذَكَرَ اللهَ حَتَّى تَغْرُبَ الشَّمْسُ كَانَتْ لَهُ
كَعِتْقِ ثَمَانِيَةٍ مِنْ وَلَدِ إِسْمَاعِيلَ دِيَةُ كُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمُ اثْنَا عَشَرَ أَلْفًا , وَمَنْ صَلَّى
صَلَاةَ الْمَغْرِبِ فِي جَمَاعَةٍ كَانَتْ لَهُ خَمْسٌ وَعِشْرُونَ صَلَاةً كُلُّهَا مِثْلُهَا وَسَبْعِينَ دَرَجَةً
فِي جَنَّةِ عَدْنٍ , وَمَنْ صَلَّى صَلَاةَ الْعِشَاءِ فِي جَمَاعَةٍ كَانَتْ لَهُ كَأَجْرِ لَيْلَةِ الْقَدْرِ** "[276]

Pengkaji mendapati riwayat hadith ini adalah panjang dan pengarang hanya mengambil maksud sebahagian matan sahaja. Hadith riwayat Anas Bin Mālik r.a. ini

[275] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[276] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Bayhaqi di dalam kitabnya *al-Jami'*.

Universiti Malaya

direkodkan oleh al-Bayhaqī[277] dan Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd menyatakan sanad hadith ini adalah *ḍa'īf* dan beliau tidak menemui riwayat seumpama ini di dalam sumber-sumber lain. Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat perawi Ḍirār Bin 'Amrū yang merupakan *munkar al-hadith* menurut Ibn 'Adiy[278] dan perawi Bakr Bin Khunays yang dinyatakan *matruk* oleh al-Daruqutni dan *da'if* oleh al-Nasa'i dan lain-lain[279]. Pengkaji juga dapat menemui matan seumpama hadith ini melalui riwayat-riwayat matan yang berlainan. Berikut adalah riwayat-riwayat tersebut :-

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بن النَّضْرِ الْعَسْكَرِيُّ، حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بن سَلَمَةَ، حَدَّثَنَا بَقِيَّةُ، عَنْ مَسْلَمَةَ
بن عُلَيٍّ، عَنْ يَحْيَى بن الْحَارِثِ، عَنِ الْقَاسِمِ، عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ، قَالَ:
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:"مَنْ صَلَّى الْعِشَاءَ فِي جَمَاعَةٍ، فَقَدْ أَخَذَ مِنْ حَظِّهِ
مِنْ لَيْلَةِ الْقَدْرِ"[280]

Riwayat hadith ini direkodkan oleh al-Ṭabrānī[281] dan Ḥamdī 'Abd al-Majīd al-Salafiy menyatakan perawi Maslamah adalah *ḍa'īf*. Namun, pengkaji mendapati perawi Maslamah ini adalah dinyatakan *munkar al-hadith* oleh al-Bukhārī dan *matrūk* oleh al-Nasā'ī[282]. Di dalam jalur sanad ini juga terdapat perawi Sulaymān Bin Salamah yang dinyatakan oleh Abū Ḥātim sebagai *matrūk* dan dinyatakan oleh Ibn al-Junayd sebagai *yakdhib* (berbohong)[283]. Al-Albānī pula dalam kitabnya *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr*[284] menyatakan hadith ini adalah berstatus *mawḍū'* (palsu) dan beliau tidak menyatakan alasan beliau di dalam pernyataan hukum *mawḍū'* (palsu) tersebut.

عن أنس رفعه : (مَنْ صَلَّى الظُّهْرَ فِي جَمَاعَةٍ كَانَ لَهُ خَمْسٌ وَعِشْرُونَ صَلَاةً كُلَّهَا مِثْلَهَا
وَسَبْعُ دَرَجَاتٍ فِي جَنَّاتِ الْفِرْدَوْسِ).

Universiti Malaya

---

[277] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 12: 220-221 (Kitāb al-Ṣabr 'Alā al-Maṣā'ib, no. hadith 9304, 9305).
[278] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 4: 341 (no. 8967).
[279] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 2: 60.
[280] Lafaz ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī di dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Kabīr*.
[281] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 8: 210 (no. hadith 7745).
[282] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 6: 423.
[283] *Ibid.,* 3: 296.
[284] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 816 (no. hadith 5659).

Hadith ini direkodkan oleh al-Suyūṭī di dalam kitabnya *al-Ziyādāt 'Alā al-Mawḍū'āt*[285] dan al-Kinānī juga ada merekodkan hadith ini di dalam kitabnya *Tanzīh al-Syarī'ah*[286]. Pentahqiq *al-Ziyādāt* (Rāmiz Khālid Ḥāj Ḥasan) menyatakan di dalam jalur sanad ini terdapat perawi Salām Bin Sulaymān al-Thaqafi yang merupakan *ḍa'īf* (lemah) dan meriwayatkan hadith-hadith munkar. Pengkaji meneliti nama perawi Salām Bin Sulaymān al-Thaqafi ini dan beliau ini dinyatakan *laysa bi al-qawiy* oleh Abu Hatim, *munkar al-hadith* oleh Ibn 'Adiy dan di dalam hadithnya terdapat munkar oleh al-'Uqayli.

**Hukum Hadith**

Kesemua riwayat hadith (mempunyai maksud matan yang hampir sama) yang ditemui mempunyai jalur sanad yang bermasalah iaitu terdapat perawi-perawi yang dinyatakan *munkar al-ḥāḍīth, matrūk, yakdhib dan ḍa'īf*. Hadith ini dinyatakan oleh al-Albani sebagai *mawḍū'* (palsu), namun pengkaji tidak menemui pandangan ulama yang menyatakan perawi itu berbohong kecuali satu iaitu pandangan Ibn al-Junayd berkaitan perawi bernama Maslamah di dalam riwayat al-Ṭabrānī yang dinyatakan berbohong. Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan riwayat hadith yang dinukilkan oleh pengarang buku adalah berstatus *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah) disebabkan terdapat perawi yang dinyatakan sebagai *munkar al-ḥāḍīth*. Menurut Dr. Maḥmūd Ṭaḥḥān, hadith munkar ini adalah termasuk dalam kategori hadith *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah)[287]. Begitu juga riwayat hadith yang direkodkan oleh al-Suyūṭī. Manakala hadith riwayat al-Ṭabrānī pula pengkaji berpandangan ianya berstatus *mawḍū'* (palsu) kerana di dalam jalur sanadnya terdapat perawi Ibn al-Junayd yang dinyatakan sebagai *yakdhib* (berbohong).

---

[285] Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *al-Ziyādāt 'Alā al-Mawḍū'āt Wa Yusammā Dhayl al-La'ālī' al-Maṣnū'ah*, tahqiq Rāmiz Khālid Ḥāj Ḥasan (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 2010), 1: 413.

[286] Al-Kinānī, Abū al-Ḥasan 'Alī Bin Muḥammad Bin 'Irāq, *Tanzīh al-Syarī'ah al-Marfū'ah 'An al-Aḥādīth al-Syanī'ah al-Mawḍū'ah*, tahqiq 'Abd al-Wahhab 'Abd al-Laṭīf dan 'Abdullāh Muḥammad al-Ṣiddīq (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1981), 2: 120 (no. hadith 122).

[287] Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1996), 97.

## Hadith 18

> Tersebut dalam hadith Rasulullah SAW mengatakan :”Apabila seseorang di antaramu datang ke masjid sedangkan di sana telah didirikan solat berjemaah, maka hendaklah berlari kecil kemudian dirikanlah solat sesuai yang dijumpai dan selisihnya sempurnakan sendiri.” [288]

### *Takhrij* Hadith

حَدَّثَنَا آدَمُ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي ذِئْبٍ قَالَ الزُّهْرِيُّ عَنْ سَعِيدٍ وَأَبِي سَلَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ح و حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِذَا أُقِيمَتْ الصَّلَاةُ فَلَا تَأْتُوهَا تَسْعَوْنَ وَأْتُوهَا تَمْشُونَ عَلَيْكُمْ السَّكِينَةُ فَمَا أَدْرَكْتُمْ فَصَلُّوا وَمَا فَاتَكُمْ فَأَتِمُّوا[289]

Hadith riwayat Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[290], Muslim[291], Abū Dāwūd[292], Ibn Mājah[293], al-Tirmidhī[294], Ibn Abī Syaybah[295], Ibn Khuzaymah[296].

### Hukum Hadith

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana tredapat di dalam riwayat oleh Imam al-Bukhārī dan Muslim.

## Hadith 19

> Nabi Muhammad SAW mengatakan yang bermaksud :”Sembahlah Allah seakan engkau melihat-NYA, jika engkau tidak melihat Allah sesungguhnya Dia melihatmu.” [297]

Universiti Malaya

[288] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[289] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam al-Bukhārī di dalam *Sahih*nya.
[290] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 288 (Kitāb al-Jumu'ah, no. hadith 908).
[291] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 420 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 602).
[292] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 106 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 572).
[293] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 147 (Kitāb al-Masājid Wa al-Jamā'ah, no. hadith 774).
[294] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 91 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 327).
[295] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 3: 338 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 7470).
[296] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 3: 3 (Kitāb al-Imāmah Fī al-Ṣalāh, no. hadith 1505).
[297] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

***Takhrij* Hadith**

Pengarang buku ini hanya menyatakan sebahagian matan daripada hadith yang panjang berkaitan Islam, Iman, Hari Kiamat dan Ihsan. Hadith yang penuh berkaitan maksud matan yang dinyatakan oleh pengarang ialah :-

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ أَخْبَرَنَا أَبُو حَيَّانَ التَّيْمِيُّ عَنْ أَبِي زُرْعَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَارِزًا يَوْمًا لِلنَّاسِ فَأَتَاهُ جِبْرِيلُ فَقَالَ مَا الْإِيمَانُ قَالَ الْإِيمَانُ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَبِلِقَائِهِ وَرُسُلِهِ وَتُؤْمِنَ بِالْبَعْثِ قَالَ مَا الْإِسْلَامُ قَالَ الْإِسْلَامُ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا تُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤَدِّيَ الزَّكَاةَ الْمَفْرُوضَةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ قَالَ مَا الْإِحْسَانُ **قَالَ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ** قَالَ مَتَى السَّاعَةُ قَالَ مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنْ السَّائِلِ وَسَأُخْبِرُكَ عَنْ أَشْرَاطِهَا إِذَا وَلَدَتْ الْأَمَةُ رَبَّهَا وَإِذَا تَطَاوَلَ رُعَاةُ الْإِبِلِ الْبُهْمُ فِي الْبُنْيَانِ فِي خَمْسٍ لَا يَعْلَمُهُنَّ إِلَّا اللَّهُ ثُمَّ تَلَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ } الْآيَةَ ثُمَّ أَدْبَرَ فَقَالَ رُدُّوهُ فَلَمْ يَرَوْا شَيْئًا فَقَالَ هَذَا جِبْرِيلُ جَاءَ يُعَلِّمُ النَّاسَ دِينَهُمْ قَالَ أَبُو عَبْد اللَّهِ جَعَلَ ذَلِك كُلَّهُ مِنْ الْإِيمَانِ[298]

Hadith ini diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat. Antaranya ialah Abū Hurayrah r.a dan 'Umar al-Khaṭṭāb r.a.. Riwayat Abū Hurayrah r.a direkodkan oleh al-Bukhārī[299] dan Muslim[300]. Manakala riwayat 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. pula direkodkan oleh Muslim[301], Abū Dāwūd[302], Ibn Mājah[303], Aḥmad[304]. Riwayat Aḥmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ* sebagaimana diakui oleh Aḥmad Muḥammad Syākir. Al-Albānī pula menyatakan riwayat Ibn Mājah adalah *ṣaḥīḥ.*

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

[298] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat al-Bukhārī.
[299] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 33 (Kitāb al-Īmān, no. hadith 50).
[300] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 39 (Kitāb al-Īmān, no. hadith 9).
[301] *Ibid.,* 1: 36 (Kitāb al-Īmān, no. hadith 8).
[302] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 848 (Kitāb al-Sunnah, no. hadith 4695).
[303] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 25 (Muqaddimah, no. hadith 63).
[304] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 1: 242 (no. hadith 184).



Universiti Malaya

## Hadith 20

> Tersebut dalam suatu hadith bahawa Allah mewahyukan kepada Isa bin Maryam a.s. Jika engkau sedang berdiri di hadapan Aku hendaklah seperti keadaan orang yang takut gementar serta rendah diri dan menghinakan diri sendiri. Kerana hal itu lebih mulia, dan jika engkau berdoa kepada Aku maka berdoalah seraya seluruh anggota tubuhmu seakan lemas. Riwayat serupa juga pernah disampaikan Allah kepada Nabi Musa a.s. [305]

### *Takhrij* Hadith

" إِنَّ اللهَ أَوْحَى إِلَى عِيسَى بْنِ مَرْيَمَ إِذَا قُمْتَ بَيْنَ يَدَيَّ فَقُمْ مَقَامَ الْحَقِيرِ الذَّلِيلِ الذَّامِ لِنَفْسِهِ فَإِنَّهَا أَوْلَى بِالذَّمِّ فَإِذَا دَعَوْتَنِي فَادْعُنِي وَأَعْضَاؤُكَ تَنْتَفِضُ "[306]

Pengkaji tidak dapat menemui hadith ini di dalam kitab-kitab hadith yang mu'tabar. Pengkaji hanya dapat menemui hadith ini direkodkan di dalam kitab *Ṭabaqāt al-Ḥanābilah*[307] tanpa pernyataan sanad.

### Hukum Hadith

Hadith ini ditemui tanpa pernyataan sanad oleh pengarang kitab *Ṭabaqāt al-Ḥanābilah* dan tiada di dalam riwayat hadith yang direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Justeru, disebabkan ketiadaan sanad yang menghubungkan riwayat ini kepada Rasulullah SAW untuk dijalakan kajian sanad, maka pengkaji berpandangan hadith ini adalah lebih menghampiri kepada لا أصل له (tiada asal baginya). Allah a'lam.

---

## Hadith 21

> Diriwayatkan dari Nabi Muhammad SAW bahawa beliau pernah mendirikan solat di atas selimut berwarna hitam yang bersulamkan

[305] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[306] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat tanpa sanad yang direkodkan di dalam Kitab *Ṭabaqāt al-Ḥanābilah.*
[307] Lihat Abū Ya'lā, al-Qāḍī Abī al-Ḥusayn Muḥammad Bin Abī Yu'lā, *Ṭabaqāt al-Ḥanābilah*, tahqiq Dr. 'Abd al-Raḥmān Bin Sulaymān al-'Uthaymin (al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah, 1999), 2: 463.



Universiti Malaya

warna merah di tengah-tengahnya. Setelah salam beliau mengatakan, sungguh sulaman ini dapat membuatkan terlalaikan sewaktu solat.[308]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَعِيلَ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعْدٍ حَدَّثَنَا ابْنُ شِهَابٍ الزُّهْرِيُّ عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الزُّبَيْرِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى فِي خَمِيصَةٍ لَهَا أَعْلَامٌ فَنَظَرَ إِلَى أَعْلَامِهَا فَلَمَّا سَلَّمَ قَالَ اذْهَبُوا بِخَمِيصَتِي هَذِهِ إِلَى أَبِي جَهْمٍ فَإِنَّهَا أَلْهَتْنِي آنِفًا فِي صَلَاتِي وَأْتُونِي بِأَنْبِجَانِيَّتِهِ قَالَ أَبُو دَاوُد أَبُو جَهْمٍ بْنُ حُذَيْفَةَ مِنْ بَنِي عَدِيِّ بْنِ كَعْبِ بْنِ غَانِمٍ حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ فِي آخَرِينَ قَالُوا حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ الزُّهْرِيِّ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ نَحْوَهُ وَالْأَوَّلُ أَشْبَعُ[309]

Pengkaji tidak menemui riwayat hadith yang bersamaan dengan maksud matan yang dinyatakan pengarang kecuali riwayat yang hampir sama maksudnya dengan maksud matan yang dinyatakan pengarang. Hadith riwayat 'Ā'isyah r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[310], Muslim[311], al-Nasā'ī[312], Abū Dāwūd[313], Aḥmad Bin Ḥanbal[314], Abū Ya'la al-Mawṣilī[315] dan 'Abd al-Razzāq[316]. Hamzah Ahmad Zayn menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ.* Al-Albānī[317] pula menyatakan bahawa riwayat Abū Dāwūd adalah *ṣaḥīḥ.*

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

---

[308] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[309] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Abū Dāwūd di dalam *Sunan*nya.
[310] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 245 (Kitāb al-Adhān, no. hadith 752).
[311] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 391 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 556).
[312] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 128 (Kitāb al-Qiblah, no. hadith 771).
[313]Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 159 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 914).
[314] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 18: 18 (no. hadith 25511).
[315] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 7: 386 (no. hadith 4414).
[316] Al-Ṣan'āniy, Abī Bakr 'Abd al-Razzāq Bin Hammām, *al-Muṣannaf,* tahqiq al-Syaykh al-Muhaddith Habib al-Rahman al-A'zamiy (t.t.p : t.p, t.t), 1: 357 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1389).
[317]Lihat al-Albānī, *Irwā' al-Ghalīl Fī Takhrīj Aḥādīth Manār al-Sabīl*, 2: 97 (hadith 376).

## Hadith 22

> Diriwayatkan Anas dari Syaqiq bin Salmah dari Ibnu Mas'ūd r.a. mengatakan, Rasulullah SAW berkata :"Bilamana seseorang mendirikan solat di permulaan waktunya, maka naiklah ke langit dan solat itu bercahaya menjulang sampai ke arasy, disana solat memohonkan ampun bagi pelakunya sampai hari kiamat. Solat mengatakan :"Semoga Allah memellihara engkau seperti engkau memelihara aku. Dan manakala seseorang mendirikan solat di luar waktunya, solat naik ke langit tanpa bercahaya. Begitu sampai ke langit solat dilipat laksana melipat kain gompal atau dicabik-cabik kemudian ditamparkan kemukanya. Solat mengatakan :"Semoga Allah menyia-nyiakan engkau seperti engkau menyia-nyiakan aku."[318]

## *Takhrij* Hadith

> إِذَا صَلَّى الْعَبْدُ فِي أَوَّلِ الْوَقْتِ صَعُدَتْ إِلَى السَّمَاءِ حَتَّى تَنْتَهِيَ إِلَى الْعَرْشِ فَتَسْتَغْفِرَ لِصَاحِبِهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَقُوْلُ حَفَظَكَ اللهُ كَمَا حَفَظْتَنِي وَإِذَا صَلَّى فِي غَيْرِ وَقْتِهَا صَعُدَتْ لَا نُوْرَ لَهَا فَتَنْتَهِي إِلَى السَّمَاءِ فَتُلَفُّ كَمَا تُلَفُّ الْخِرْقَةُ الْمَبْلُوْلَةُ فَيُضْرَبُ بِهَا وَجْهُ صَاحِبِهَا وَتَقُوْلُ ضَيَّعَكَ اللهُ كَمَا ضَيَّعْتَنِي.[319]

Pengkaji tidak menemui hadith ini diriwayatkan daripada jalur Anas dari Syaqiq bin Salmah dari Ibnu Mas'ūd r.a. Pengkaji menemui hadith ini diriwayatkan oleh Ibn al-Najār daripada Ibn Mas'ūd r.a. sebagaimana yang direkodkan oleh al-Dhahabī di dalam *al-Kabā'ir*[320], al-Suyūṭī di dalam *Jāmi' al-Aḥāḍīth*[321] dan al-Hindī di dalam *Kanz al-'Ummāl* [322]. Hadith seumpama ini juga direkodkan melalui jalur sanad yang lain iaitu melalui riwayat 'Ubādah Bin al-Ṣāmit r.a. sebagaimana yang direkodkan oleh al-Hindī[323] dan al-Bayhaqī[324] dengan sanad yang *ḍa'īf* sebagaimana dikatakan oleh Dr.

---

318 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

319 Lafaz riwayat ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Dhahabī di dalam kitabnya *al-Kabā'ir* tanpa sanad yang lengkap.

320 Al-Dhahabī, Syams al-Dīn Muḥammad Bin Aḥmad Bin 'Uthmān, *Kitab al-Kabā'ir* (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 59.

321 Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *Jāmi' al-Aḥādīth al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Zawā'iduhu Wa al-Jāmi' al-Kabīr* (Bayrūt : Maktabah al-Fikr, 1994), 1: 340 (no. hadith 2332).

322 Al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 7: 361 (no. hadith 19267).

323 *Ibid.*, 7: 317 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 19053).

324 Hadith riwayat al-Bayhaqī adalah seperti berikut :

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ فُورَكٍ ، أنا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ جَعْفَرٍ ، ثنا يُونُسُ بْنُ حَبِيبٍ ، ثنا أَبُو دَاوُدَ ، ثنا مُحَمَّدُ بْنُ مُسْلِمِ بْنِ أَبِي الْوَضَّاحِ ، عَنِ الأَحْوَصِ بْنِ حَكِيمٍ . ح وَأَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ الْحَافِظُ ، أَنْبَا أَبُو إِسْحَاقَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ عِصْمَةَ بْنِ إِبْرَاهِيمَ ، ثنا الْمُسَيَّبُ بْنُ زُهَيْرٍ ، ثنا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ سَعْدٍ الدَّشْتَكِيُّ ، ثنا زُهَيْرُ بْنُ مُعَاوِيَةَ أَبُو خَيْثَمَةَ ،

'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd, Ibn Syāhīn di dalam kitabnya *al-Targhīb Fī Faḍā'il al-A'māl* [325] dan dinyatakan sanadnya *ḍa'īf* oleh Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā'īl. Al-Haythamī juga ada merekodkan di dalam *Bughyah al-Rā'id*[326]. Hadith seumpama ini juga ada diriwayatkan melalui jalur sanad Anas Bin Mālik r.a sebagaimana yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī di dalam *al-Mu'jam al-Awṣaṭ* [327] tetapi dengan sanad yang *ḍa'īf* kerana perawi 'Ubbād Bin Kathīr adalah seorang yang *ḍa'īf*.

**Hukum Hadith**

Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat perawi al-Aḥwaṣ Bin Ḥākim yang *ḍa'īf*. Al-Mizzī di dalam *Tahdhīb al-Kamāl* ada merekodkan beberapa pandangan berkaitan al-Aḥwaṣ. Antaranya ialah al-Juzjānī yang menyatakan al-Aḥwaṣ tidaklah kuat di dalam hadith, al-Nasā'ī yang menyatakan al-Aḥwaṣ ini *ḍa'īf*[328] dan tidak *thiqah* (dipercayai), 'Abd al-Raḥman Bin Abī Ḥātim pula menyatakan beliau mendengar bapanya Abī Ḥātim berkata bahawa al-Aḥwaṣ ini tidak kuat di dalam hadith dan *munkar al-ḥāḍīth*. Kenyataan yang dikatakan oleh Ibn 'Uyaynah bahawa al-Aḥwaṣ ini adalah diutamakan berbanding Thawr adalah silap kerana Thawr adalah *ṣadūq* sedangkan al-Aḥwaṣ adalah *munkar al-ḥāḍīth* [329]. Walaupun al-Aḥwaṣ ini mendapat kritikan *ḍa'īf*, beliau juga mendapat pujian dan dikatakan *thiqah* oleh beberapa ulama hadith seperti al-'Ijliy dan Ibn al-Madīniy. Namun begitu, kritikan *ḍa'īf* adalah lebih banyak berbanding kritikan pujian terhadap al-Aḥwaṣ. Perawi yang lain di dalam jalur sanad hadith ini adalah

---

ثنا الأَحْوَصُ بْنُ حَكِيمٍ ، قَالَ : حَدَّثَنِي خَالِدُ بْنُ مَعْدَانَ ، عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ ، قال : قال رسول اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : مَنْ تَوَضَّأَ فَأَبْلَغَ الْوُضُوءَ ثُمَّ قَامَ إِلَى الصَّلاةِ فَأَتَمَّ رُكُوعَهَا ، وَسُجُودَهَا وَالْقِرَاءَةَ فِيهَا ، قَالَتْ : حَفِظَكَ اللَّهُ كَمَا حَفِظْتَنِي ، ثُمَّ أُصْعِدَ بِهَا إِلَى السَّمَاءِ وَلَهَا ضَوْءٌ وَنُورٌ فَفُتِحَتْ لَهَا أَبْوَابُ السَّمَاءِ حَتَّى تَنْتَهِيَ بِهَا إِلَى اللَّهِ فَتَشْفَعُ لِصَاحِبِهَا ، وَإِذَا لَمْ يُتِمَّ رُكُوعَهَا ، وَلا سُجُودَهَا ، وَلا الْقِرَاءَةَ فِيهَا ، قَالَتْ : ضَيَّعَكَ اللَّهُ كَمَا ضَيَّعْتَنِي ، ثُمَّ أُصْعِدَ بِهَا إِلَى السَّمَاءِ وَعَلَيْهَا ظُلْمَةٌ فَغُلِّقَتْ دُونَهَا أَبْوَابُ السَّمَاءِ ثُمَّ تُلَفُّ كَمَا يُلَفُّ الثَّوْبُ الْخَلَقُ فَيُضْرَبُ بِهَا وَجْهُ صَاحِبِهَا " لَفْظُ حَدِيثِ زُهَيْرٍ ، وَفِي رِوَايَةِ ابْنِ أَبِي الْوَضَّاحِ اخْتِصَارٌ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا أَحْسَنَ الرَّجُلُ الصَّلاةَ فَأَتَمَّ رُكُوعَهَا وَسُجُودَهَا ، قَالَتِ الصَّلاةُ : حَفِظَكَ اللَّهُ كَمَا حَفِظْتَنِي ، وَإِذَا أَسَاءَ الصَّلاةَ فَلَمْ يَتِمَّ رُكُوعَهَا ، وَلا سُجُودَهَا قَالَتِ الصَّلاةُ : ضَيَّعَكَ اللَّهُ كَمَا ضَيَّعْتَنِي فَتُلَفُّ كَمَا يُلَفُّ الثَّوْبُ الْخَلَقُ فَيُضْرَبُ بِهَا وَجْهُهُ . "

Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 501 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2871).

[325] Ibn Syāhīn, *al-Targhīb Fī Faḍā'il al-A'māl Wa Thawāb Dhālik*, 20 (no. hadith 42).

[326] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 2: 304 (no. hadith 2734).

[327] Al-Ṭabranī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 3: 263 (no. hadith 3095).

[328] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 2: 292.

[329] *Ibid.*, 2: 293.

*thiqah*[330]. Al-Haythamī juga menyatakan al-Aḥwaṣ ini dinyatakan *thiqah* oleh Ibn al-Madini dan al-'Ijliy tetapi dinyatakan *ḍa'īf* oleh ramai ulama sedangkan perawi yang lainnya adalah *thiqah* [331]. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ḍa'īf* [332]. Justeru, pengkaji berpandangan hadith ini *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang *ḍa'īf* di dalam jalur sanad.

---

**Hadith 23**

> Ubadah bin Shamit mengatakan bahawa Nabi Muhammad SAW berkata :"Barangsiapa berwudhuk dengan menyempurnakan wudhuknya kemudian mendirikan solat, disertai penyempurnaan rukuk, sujud dan bacaan-bacaan kalimat di dalam solat, maka solat mengatakan: "Semoga Allah memelihara engkau seperti engkau memelihara aku. Kemudian solat itu dibawa naik ke langit dengan memancarkan cahaya dan sinar. Sampai di sana pintu-pintu langit dibuka sehingga solat itu tiba di hadapan Allah, maka solat itu pun memberi pertolongan bagi pelakunya. Tetapi jika rukuk, sujud dan bacaan-bacaan kalimat dalam solat tidak terpelihara baik, maka solat mengatakan :" semoga Allah menyia-nyiakan engkau seperti engkau menyia-nyiakan aku." Kemudian solat dibawa naik tanpa cahaya dan bahkan nampak pekat, sampai naik ke langit tetapi pintu-pintu langit tertutup untuknya, lalu ia dilipat laksana melipat gombal dan ditamparkan ke muka pelakunya. [333]

***Takhrij*** **Hadith**

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ فُورَكٍ، حَدَّثَنَا عَبْدُ اللهِ بْنُ جَعْفَرٍ، حَدَّثَنَا يُونُسُ بْنُ حَبِيبٍ، حَدَّثَنَا أَبُو دَاوُدَ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مُسْلِمِ بْنِ أَبِي الْوَضَّاحِ، عَنِ الْأَحْوَصِ بْنِ حَكِيمٍ، وَأَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللهِ الْحَافِظُ، حَدَّثَنَا أَبُو إِسْحَاقَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ عِصْمَةَ بْنِ إِبْرَاهِيمَ، حَدَّثَنَا الْمُسَيَّبُ بْنُ زُهَيْرٍ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَبْدِ اللهِ بْنِ سَعْدٍ الدَّشْتَكِيُّ، حَدَّثَنَا زُهَيْرُ بْنُ مُعَاوِيَةَ أَبُو خَيْثَمَةَ، حَدَّثَنَا الْأَحْوَصُ بْنُ حَكِيمٍ، قَالَ: حَدَّثَنِي خَالِدُ بْنُ مَعْدَانَ، عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " مَنْ تَوَضَّأَ فَأَبْلَغَ الْوُضُوءَ ثُمَّ قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ فَأَتَمَّ رُكُوعَهَا، وَسُجُودَهَا وَالْقِرَاءَةَ فِيهَا، قَالَتِ الصَّلَاةُ: حَفِظَكَ اللهُ كَمَا حَفِظْتَنِي، ثُمَّ صُعِدَ بِهَا إِلَى السَّمَاءِ وَلَهَا ضَوْءٌ وَنُورٌ فَفُتِحَتْ لَهَا أَبْوَابُ

---

330 Lihat tahqiq yang dilakukan oleh Dr. 'Abd al-'Aliy 'Abd al-Hamid di dalam *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 501 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2871).

331 Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 2: 305 (no. hadith 2734).

332 Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 44 (no. hadith 301).

333 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

السَّمَاءِ حَتَّى تَنْتَهِيَ بِهَا إِلَى اللهِ فَتَشْفَعُ لِصَاحِبِهَا، وَإِذَا لَمْ يُتِمَّ رُكُوعَهَا، وَلَا سُجُودَهَا، وَلَا الْقِرَاءَةَ فِيهَا قَالَتْ: ضَيَّعَكَ اللهُ كَمَا ضَيَّعْتَنِي، ثُمَّ صُعِدَ بِهَا إِلَى السَّمَاءِ وَعَلَيْهَا ظُلْمَةٌ فَغُلِّقَتْ دُونَهَا أَبْوَابُ السَّمَاءِ ثُمَّ تُلَفُّ كَمَا يُلَفُّ الثَّوْبُ الْخَلَقُ فَضُرِبَ بِهَا وَجْهُ صَاحِبِهَا " لَفْظُ حَدِيثِ زُهَيْرٍ، وَفِي رِوَايَةِ ابْنِ أَبِي الْوَضَّاحِ اخْتِصَارٌ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " إِذَا أَحْسَنَ الرَّجُلُ الصَّلَاةَ فَأَتَمَّ رُكُوعَهَا وَسُجُودَهَا قَالَتِ الصَّلَاةُ: حَفِظَكَ اللهُ كَمَا حَفِظْتَنِي، وَإِذَا أَسَاءَ الصَّلَاةَ فَلَمْ يَتِمَّ رُكُوعَهَا، وَلَا سُجُودَهَا قَالَتِ الصَّلَاةُ: ضَيَّعَكَ اللهُ كَمَا ضَيَّعْتَنِي فَتُلَفُّ كَمَا يُلَفُّ الثَّوْبُ الْخَلِقُ فَيُضْرَبُ بِهَا وَجْهُهُ "[334]

Hadith riwayat 'Ubādah Bin al-Ṣāmit r.a. ini direkodkan oleh al-Bayhaqī[335], al-Hindī[336], al-Haythamī[337] dan Ibn Syāhīn[338]. Hadith seumpama ini juga ada diriwayatkan melalui jalur sanad Anas Bin Mālik r.a yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī[339]. Hadith seumpama ini juga diriwayatkan oleh Ibn al-Najār daripada Ibn Mas'ūd r.a. sebagaimana yang direkodkan oleh al-Suyūṭī[340], al-Dhahabī[341] dan al-Hindī[342]. Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd menyatakan riwayat 'Ubādah Bin al-Ṣāmit r.a. menerusi jalur sanad yang direkodkan oleh al-Bayhaqī adalah dengan sanad yang *ḍa'īf*. Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Isma'il juga menyatakan sanad hadith seumpama ini adalah *ḍa'īf* iaitu menerusi jalur sanad yang direkodkan oleh Ibn Syāhīn. Riwayat melalui jalur sanad Anas Bin Mālik r.a juga adalah *ḍa'īf* kerana perawi 'Ubbād Bin Kathīr adalah seorang yang *ḍa'īf* .

Universiti Malaya

---

334 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Bayhaqī di dalam kitabnya *al-Jāmi'*.
335 Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 501 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2871).
336 Lihat al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 7: 317 (no. hadith 19053).
337 Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 2: 304 (no. hadith 2734).
338 Ibn Syāhīn, *al-Targhīb Fī Faḍā'il al-A'māl Wa Thawāb Dhālik*, 20 (no. hadith 42).
339 Al-Ṭabranī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 3: 268 (no. hadith 3095).
340 Lihat al-Suyūṭī, *Jāmi' al-Aḥādīth al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Zawā'iduhu Wa al-Jāmi' al-Kabīr,* 1: 340 (no. hadith 2332).
341 Al-Dhahabī, *Kitāb al-Kabā'ir,* 59.
342 Lihat al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 7: 361 (no. hadith 19267).

**Hukum Hadith**

Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat perawi al-Aḥwaṣ Bin Hakim yang *ḍa'īf* . Ulasan berkenaan perawi ini telah pun dijelaskan oleh pengkaji di dalam hadith yang ke 22. Al-Albānī berpandangan hadith ini *ḍa'īf*[343]. Justeru, Pengkaji berpandangan hadith ini *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang lemah di dalam jalur sanad.

---

**<u>Hadith 24</u>**

> Ibnu Mas'ud mengatakan , aku bertanya kepada Rasulullah SAW :"Amal apakah yang paling mulia." Rasulullah SAW menjawab :"Solat pada waktunya, berbakti kepada orang tua dan berjihad di jalan Allah." [344]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْمُبَارَكِ عَنْ الْمَسْعُودِيِّ عَنْ الْوَلِيدِ بْنِ الْعَيْزَارِ
عَنْ أَبِي عَمْرٍو الشَّيْبَانِيِّ عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ قَالَ سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ قَالَ الصَّلَاةُ لِمِيقَاتِهَا قُلْتُ ثُمَّ مَاذَا يَا رَسُولَ اللَّهِ
قَالَ بِرُّ الْوَالِدَيْنِ قُلْتُ ثُمَّ مَاذَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ سَكَتَ عَنِّي
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَوْ اسْتَزَدْتُهُ لَزَادَنِي[345]

Hadith riwayat Ibn Mas'ūd r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[346], Muslim[347], al-Nasā'ī[348], al-Tirmidhī[349], Aḥmad[350], Ibn Ḥibbān[351], Abū Ya'la al-Mawṣilī[352] dan al-Bazzār[353].Al-Albānī berpandangan riwayat al-Nasā'ī dan al-Tirmidhī adalah *ṣaḥīḥ.*

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

---

343 Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 44 (no. hadith 301).
344 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
345 Lafaz hadith adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tirmidhī.
346 Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 184 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 527).
347 Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 89 (Kitāb al-Īmān, no. hadith 137).
348 Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 102 (Kitāb al-Mawāqīt, no. hadith 610).
349 Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 52 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 173).
350 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 10: 23 (no. hadith 9804).
351 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 4: 340 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1476).
352 Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 9: 226 (no. hadith 5329).
353 Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 5: 192 (no. hadith 1791).



Universiti Malaya

**Hadith 25**

> Ibrahim bin Makhzurah dari ayahnya mengatakan Rasulullah SAW berkata :"Permulaan waktu solat terletak keredhaan Allah, waktu pertengahan terletak rahmat-Nya dan waktu akhirnya memuat ampunan Allah." [354]

***Takhrij* Hadith**

> حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ السَّمَّاكِ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ سُلَيْمَانَ بْنِ عِيسَى الْفَامِىُّ قَالاَ حَدَّثَنَا عَلِىُّ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الْوَاسِطِىُّ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ زَكَرِيَّا مِنْ أَهْلِ عَبْدَسِىّ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ – يَعْنِى ابْنَ عَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ أَبِى مَحْذُورَةَ مِنْ أَهْلِ مَكَّةَ – قَالَ حَدَّثَنِى أَبِى عَنْ جَدِّى قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ –صلى الله عليه وسلم– « أَوَّلُ الْوَقْتِ رِضْوَانُ اللَّهِ وَوَسَطُ الْوَقْتِ رَحْمَةُ اللَّهِ وَآخِرُ الْوَقْتِ عَفْوُ اللَّهِ ».[355]

Pengkaji mendapati pengarang buku ini menukilkan hadith tanpa cermat. Kesilapan meletakkan perawi hadith adalah antara ketidakcermatan pengarang. Hadith ini diriwayatkan oleh Ibrāhīm Bin Abī Maḥdhurah daripada bapanya daripada datuknya. Hadith ini direkodkan oleh al-Dāruquṭnī di dalam *Sunan*nya[356]. Beliau menyatakan bahawa perawi Ibrāhīm Bin Zakariyā ini dinyatakan oleh Abū Ḥātim sebagai membawa hadith munkar dan dinyatakan oleh Ibn 'Adiy sebagai membawa hadith-hadith yang batil[357]. Ibn Hibban pula menyatakan bahawa Ibrāhīm Bin Zakariyā ini membawa riwayat daripada Malik dengan hadith-hadith yang *mawḍū'* [358]. Al-Dāruquṭnī juga ada merekodkan matan hadith seumpama ini tetapi tanpa matan "*pertengahan waktu adalah rahmat Allah*" melalui jalur sanad Jarīr Bin Abdullah[359] r.a dan Ibn 'Umar[360] r.a. Kedua-dua jalur sanad ini bermasalah kerana di dalam jalur sanad Ibn 'Umar r.a terdapat perawi Ya'qūb Bin al-Walīd al-Madaniy yang dinyatakan oleh Abū Dāwūd sebagai tidak *thiqah*

---

354 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
355 Lafaz hadith ini adalah menurut al-Daruqutni di dalam kitabnya al-*Sunan*.
356 Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 1: 468 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 985).
357 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 1: 150.
358 *Ibid.,* 1: 151.
359 *Ibid,* hadith 984.
360 *Ibid,* hadith 983.

dan dinyatakan al-Dārquṭnī sebagai *ḍa'īf*[361]. Manakala di dalam jalur sanad Jarir Bin Abdullah r.a pula terdapat perawi al-Husayn Bin Ḥumayd Bin al-Rabī' yang dinyatakan oleh Ibn 'Adiy sebagai *kadhdhāb* (pendusta).

Al-Tirmidhī[362] juga ada merekodkan hadith ini melalui jalur sanad Ibn 'Umar r.a. Tetapi di dalam jalur sanad ini terdapat perawi Ya'qūb bin al-Walīd yang dikatakan mencipta hadith menggunakan nama perawi yang *thiqah*. Yaḥyā berkata Ya'qūb ini *laysa bi syay'* dan Aḥmad pula menyatakan Ya'qūb ini termasuk di kalangan pembohong besar (*al-kadhdhābīn al-kibār*) yang mencipta hadith[363]. Al-Albānī meletakkan dua status hukum hadith bagi riwayat Abī Maḥdhurah ini iaitu *ḍa'īf* [364] dan juga *mawḍū'* [365].

**Hukum Hadith**

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn al-Jawzī di dalam kitabnya *al-'Ilal al-Mutanāhiyah* [366], hadith ini (tanpa matan "*pertengahan waktu adalah rahmat Allah*") direkodkan melalui dua riwayat iaitu jalur sanad Anas Bin Mālik r.a. dan Ibn 'Umar r.a. Tetapi al-Dāruquṭnī pula merekodkan hadith ini melalui tiga jalur sanad iaitu Abī Maḥdhurah r.a. (dengan matan "*pertengahan waktu adalah rahmat Allah*") dan Ibn 'Umar r.a. serta Jarīr r.a. (tanpa matan "*pertengahan waktu adalah rahmat Allah*"). Ibn al-Jawzī menyatakan riwayat Ibn 'umar r.a. dan Anas r.a. adalah tidak *ṣaḥīḥ*. Melalui riwayat Anas r.a., Ibn 'Adiy menyatakan hadith ini adalah termasuk di antara hadith-hadith yang diriwayatkan oleh perawi-perawi yang tidak diketahui kerana di dalamnya terdapat dua orang perawi yang tidak dikenali iaitu Abdullah Mawlā 'Uthmān dan 'Abd al-'Azīz.

---

[361] *Ibid*. Lihat tahqiq yang dinyatakan oleh Syu'ayb al-Arna'ut di dalam nota kaki ketika melakukan tahqiq terhadap hadith ini.
[362] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 52 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 172).
[363] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 7: 282.
[364] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 312 (no. hadith 2132).
[365] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Targhīb Wa al-Tarhīb*, 1: 121 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 218).
[366] Ibn al-Jawzī, *al-'Ilal al-Mutanāhiyah Fī al-Aḥādīth al-Wāhiyah*, 1: 388 (no. hadith 651 dan 652).



Universiti Malaya

Manakala melalui riwayat Ibn 'Umar pula terdapat perawi Ya'qūb yang mencipta hadith menggunakan nama perawi yang *thiqah* (dipercayai). Yaḥyā berkata Ya'qūb ini *laysa bi syay'* dan Aḥmad pula menyatakan Ya'qūb ini termasuk di kalangan pembohong besar (*al-kadhdhābīn al-kibār*). Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *mawḍū'* kerana di dalam jalur sanad Ibrāhīm Bin Abī Maḥdhurah, Ibn Umar r.a. dan Jarir r.a. terdapat perawi yang dinyatakan sebagai pembohong atau pendusta.

---

**<u>Hadith 26</u>**

> Said r.a mengatakan :"Aku pernah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang erti firman Allah iaitu "orang-orang yang melupakan solatnya"., maka Rasulullah SAW menjawab :"Mereka adalah orang-orang yang mengakhirkan waktu solat sampai keluar dari waktunya."[367]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا شَيْبَانُ بْنُ فَرُّوخَ ، حَدَّثَنَا عِكْرِمَةُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الأَزْدِيُّ ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الْمَلَكِ بْنُ عُمَيْرٍ ، عَنْ مُصْعَبِ بْنِ سَعْدٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، أَنَّهُ سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، عَنِ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلاتِهِمْ سَاهُونَ سورة الماعون آية 5 ، قَالَ : " هُمُ الَّذِينَ يُؤَخِّرُونَ الصَّلاةَ عَنْ وَقْتِهَا[368] . "

Pengkaji mendapati pengarang buku ini menukilkan hadith tanpa cermat sehingga berlaku kesilapan meletakkan perawi hadith. Hadith ini diriwayatkan oleh Sa'd daripada bapanya. Hadith *marfu'* Sa'd Bin Abī Waqqās ini direkodkan oleh al-Bayhaqī[369], al-Ṭabrānī[370], al-Bazzār[371], al-Marwazī[372] dan Abī Ya'lā al-Mawṣilī[373]. Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat 'Ikrimah Bin Ibrāhīm yang merupakan *ḍa'īf*. Al-Bayhaqī mengatakan 'Ikrimah Bin Ibrāhīm ini sesungguhnya telah dinyatakan *ḍa'īf* oleh

[367] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[368] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Abū Ya'lā al-Mawṣilī di dalam kitab *Musnad*nya.
[369] Lihat al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 2: 304 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 3163).
[370] Al-Ṭabranī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 2: 877 (no. hadith 2276).
[371] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 3: 344 (no. hadith 1145).
[372] Al-Marwazī, al-Imām Muḥammad Bin Naṣr, *Kitāb Ta'ẓīm Qadr al-Ṣalāh*, tahqiq Dr. 'Abd al-Rahman Bin 'Abd al-Jabbar (t.t.p : t.p, 1406H), 1: 124 (no. hadith 42).
[373] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 2: 140 (no. hadith 822).



Universiti Malaya

Yaḥyā Bin Ma'īn dan imam-imam hadith yang lain. Al-Haythamī juga menyatakan bahawa 'Ikrimah ini telah di*ḍa'īf*kan juga oleh Ibn Ḥibbān [374]. Ibn Ḥibbān juga menyatakan bahawa 'Ikrimah Bin Ibrāhīm ini adalah antara orang yang menterbalikkan hadith dan memarfu'kan hadith yang mursal[375] dan tidak boleh menguatkan hujah dengannya. Abū Ya'lā al-Mawṣilī juga ada meriwayatkan riwayat Sa'd ini melalui jalur sanad lain yang *ḥasan* (baik)[376] tetapi secara *mawqūf* dan diakui oleh al-Bayhaqī.

Al-Albānī berpandangan hadith ini adalah *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah)[377] dan beliau tidak menyatakan alasan dan hujah beliau di dalam pernyataan hukum yang dinyatakannya ini.

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ḍa'īf*kerana terdapat perawi yang *ḍa'īf* di dalam jalur sanad iaitu 'Ikrimah Bin Ibrāhīm. Kewujudan hadith *mawqūf* dengan jalur sanad yang baik tidak dapat menyokong hadith *marfū'*.

---

**<u>Hadith 27</u>**

> Riwayat dari Abdullah bin Amru bin Asy dari Rasulullah SAW :”Bahawa suatu hari beliau pernah menjelaskan tentang masalah solat, barangsiapa memeliharanya nescaya memperoleh cahaya, tanda dan jaminan keselamatan di hari kiamat, tetapi barangsiapa yang tidak memeliharanya tidak akan memperoleh cahaya, tanda dan tidak pula memperoleh jaminan keselamatan dari api neraka. Bahkan di hari kiamat ia dikumpulkan bersama Qarun, Firaun, Haman dan Ubai bin Khalaf. [378]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَبُو عَبْدِ الرَّحْمَنِ حَدَّثَنَا سَعِيدٌ حَدَّثَنِي كَعْبُ بْنُ عَلْقَمَةَ عَنْ عِيسَى بْنِ هِلَالٍ
الصَّدَفِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ ذَكَرَ الصَّلَاةَ يَوْمًا

---

[374] Lihat tahqiq yang dilakukan oleh Husayn Salim Asad ketika melakukan tahqiq berkaitan hadith ini. Lihat al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 2: 63 (no. hadith 704).
[375] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 5: 112.
[376] Jalur sanad ini ialah Haddathana Abu al-Rabi' Haddathana Hammad daripada 'Asim daripada Mus'ab Bin Sa'd
[377] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Targhīb Wa al-Tarhīb*, 1: 164 (no. hadith 313).
[378] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

فَقَالَ مَنْ حَافَظَ عَلَيْهَا كَانَتْ لَهُ نُورًا وَبُرْهَانًا وَنَجَاةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَنْ لَمْ يُحَافِظْ عَلَيْهَا لَمْ يَكُنْ لَهُ نُورٌ وَلَا بُرْهَانٌ وَلَا نَجَاةٌ وَكَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ قَارُونَ وَفِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَأُبَيِّ بْنِ خَلَفٍ[379]

Hadith riwayat Abdullah Bin 'Amrū al-'Āṣ ini direkodkan oleh Aḥmad[380], Ibn Ḥibbān[381], al-Dārimī[382], al-Ṭabrānī[383], al-Bayhaqī[384], al-Marwazī[385], al-Mundhirī[386], al-Tibrīzī[387] dan al-Haythamī[388]. Ibn Ḥibbān menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*. Al-Haythamī[389] menyatakan kesemua perawi di dalam riwayat Aḥmad adalah *thiqah*. Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd juga menyatakan perawi-perawi di dalam jalur sanad al-Bayhaqī ini adalah dipercayai.

**Hukum Hadith**

Al-Albānī di dalam tahqiqnya terhadap kitab *al-Misykāt* berkaitan hadith ini menyatakan bahawa di dalam jalur sanad hadith ini terdapat perawi 'Īsā Bin Hilāl al-Ṣadafī yang merupakan seorang tabi'in dan hanya dua orang perawi sahaja yang mengambil riwayat daripadanya. 'Īsā Bin Hilāl ini tidak dinyatakan *thiqah* melainkan oleh Ibn Ḥibbān di dalam kitabnya *al-Thiqāt*[390] dan al-Mundhirī [391] menyatakan sanad hadith ini adalah *jayyid* (baik)[392]. Kesemua perawi di dalam jalur sanad hadith ini dinyatakan *thiqah* oleh al-Haythamī di dalam kitabnya *Majma' al-Zawā'id Wa Manba'*

Universiti Malaya

---

379 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya.
380 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 6: 150 (no. hadith 6576).
381 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 4: 192 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1467).
382 Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 3: 1789 (Kitāb al-Riqāq, no. hadith 2763).
383 Di dalam riwayat al-Tabrani ini adalah tanpa lafaz matan " وَمَنْ لَمْ يُحَافِظْ عَلَيْهَا لَمْ يَكُنْ لَهُ نُورٌ وَلَا بُرْهَانٌ وَلَا نَجَاةٌ وَكَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ قَارُونَ وَفِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَأُبَيِّ بْنِ خَلَفٍ ". Lihat al-Ṭabranī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 2: 213 (no. hadith 1767).
384 Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 312 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2565).
385 Al-Marwazī, *Kitāb Ta'ẓīm Qadr al-Ṣalāh*, 1: 133 (no. hadith 58).
386 Al-Mundhirī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Zakiy al-Dīn 'Abd al-'Aẓīm Bin 'Abd al-Qawiy, *al-Targhīb Wa al-Tarhīb Fī al-Ḥadīth al-Syarīf*, tahqiq Muṣṭafā Muḥammad 'Ammarah (Bayrūt : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiy, 1968), 1: 386 (no. hadith 26).
387 Al-Tibrizī, Muḥammad Bin 'Abdullāh al-Khaṭīb, *Misykāt al-Maṣābīḥ*, tahqiq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Bayrūt : al-Maktab al-Islamiy, 1979), 1: 183 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 578).
388 Al-Haythamī, *Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 1: 292.
389 *Ibid.*
390 Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 23: 54.
391 Al-Mundhirī, *al-Targhīb Wa al-Tarhīb Fī al-Ḥadīth al-Syarīf*, 1: 386 (no. hadith 26).
392 Lihat nota kaki tahqiq al-Albānī, Al-Tibrizī, *Misykāt al-Maṣābīḥ*, 1: 183 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 578).

*al-Fawā'id*, Ibn Ḥibbān dan Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd. Pengkaji mengambil pandangan bahawa hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ*.

---

**<u>Hadith 28</u>**

> Harith dari Amirul Mukminin Ali bin Abū Talib r.a. dari Nabi Muhammad SAW mengatakan :" Barangsiapa mempermainkan solatnya sesungguhnya Allah akan memberikan lima belas macam seksa. Enam seksaan di antaranya diberikan sebelum mati, tiga seksaan di antaranya saat menjelang kematian, tiga seksaan ketika berada dalam kubur, tiga seksaan setelah keluar dari kubur.[393]

***Takhrij*** **Hadith**

ثنا عُمَرُ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ عُثْمَانَ الْوَاعِظُ ، رَحِمَهُ اللَّهُ ثنا أَبُو الْفَضْلِ جَعْفَرُ بْنُ مُحَمَّدٍ الصَّنْدَلِيُّ ، ثنا أَبُو بَكْرِ بْنُ زَنْجُوَيْهِ ، ثنا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ الْفِرْيَابِيُّ ، عَنْ سُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ ، عَنْ زَبِيدِ بْنِ الْحَارِثِ الأَيَامِيِّ ، عَنْ عَامِرٍ الشَّعْبِيِّ ، قَالَ : أَخْبَرَنِي أَبُو جُحَيْفَةَ وَاسْمُهُ وَهْبُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ ، عَنْ عَلِيٍّ عَلَيْهِ السَّلامُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، أَنَّهُ قَالَ " : مَنْ تَهَاوَنَ بِصَلاتِهِ ، فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُعَاقِبْهُ بِخَمْسَ عَشْرَةَ خَصْلَةً : سِتٌّ مِنْهَا فِي الدُّنْيَا ، وَثَلاثٌ عِنْدَ الْمَوْتِ ، وَثَلاثٌ فِي الْقَبْرِ وَثَلاثٌ عِنْدَ خُرُوجِهِ مِنَ الْقَبْرِ ، فَأَمَّا السِّتَّةُ الَّتِي فِي الدُّنْيَا : فَيَرْفَعُ عَنْهُ اسْمَ الصَّالِحِينَ ، وَالثَّانِيَةُ : يَرْفَعُ عَنْهُ بَرَكَةَ الْحَيَاءِ ، وَالثَّالِثَةُ : يَرْفَعُ عَنْهُ بَرَكَةَ الرِّزْقِ ، وَالرَّابِعَةُ : لا يُقْبَلُ مِنْهُ شَيْءٌ مِنْ أَعْمَالِ الْخَيْرِ ، وَالْخَامِسَةُ : لا يُسْتَجَابُ دُعَاؤُهُ ، وَالسَّادِسَةُ : لا يُجْعَلُ لَهُ فِي دُعَاءِ الصَّالِحِينَ نَصِيبٌ . وَالثَّلاثُ الَّتِي عِنْدَ الْمَوْتِ : فَإِنَّهُ يَمُوتُ عَطْشَانًا فَلَوْ صُبَّ فِي حَلْقِهِ مَاءُ سَبْعَةِ أَبْحُرٍ مَا رُوِيَ ، وَالثَّانِيَةُ : يَمُوتُ بَغْتَةً ، وَالثَّالِثَةُ : كَأَنَّهُ ثُقِّلَ بِحَدِيدِ الدُّنْيَا . وَالثَّلاثُ الَّتِي فِي الْقَبْرِ فَأَوَّلُهَا : يُظْلِمُ عَلَيْهِ الْقَبْرُ ، وَالثَّانِيَةُ : يَضِيقُ عَلَيْهِ قَبْرُهُ ، وَالثَّالِثَةُ : تَسِيلُ عَيْنَاهُ بِمَاءٍ كِرَاءٍ . وَالثَّلاثُ الَّتِي عِنْدَ خُرُوجِهِ مِنَ الْقَبْرِ فَأَوَّلُهَا : يَلْقَى اللَّهَ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضْبَانُ ، وَالثَّانِيَةُ : تَكُونُ مُحَاسَبَتُهُ شَدِيدَةٌ عَظِيمَةٌ ، وَالثَّالِثَةُ : رُجُوعُهُ مِنْ بَيْنِ يَدَيِ اللَّهِ إِلَى النَّارِ إِلا أَنْ يَعْفُوَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَنْهُ."[394]

Hadith yang dikatakan diriwayatkan oleh Abū Hurayrah r.a. dan 'Alī Bin Abī Talib r.a. ini tidak terdapat di dalam kitab-kitab hadith yang mu'tabar. Hadith ini melalui riwayat

---

393 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

394 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Khillal di dalam kitabnya *al-Majalis al-'Asyarah*.

Universiti Malaya

'Alī Bin Abī Talib r.a. ditemui direkodkan oleh al-Khallāl di dalam kitabnya *al-Majālis al-'Asyarah* (*al-Amālī*)[395] dan Majdī Fathī al-Sayyid (pentahqiq) menyatakan hadith ini adalah batil. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī ada merekodkan hadith seumpama ini melalui riwayat Abū Hurayrah r.a. di dalam kitabnya *Lisān al-Mīzān*[396] ketika menjelaskan berkaitan seorang perawi yang terdapat di dalam jalur sanad hadith ini iaitu Muḥammad Bin 'Alī Bin al-'Abbās al-Baghdādiy al-'Aṭṭār. Muḥammad Bin 'Alī ini mengambil hadith yang batil berkaitan orang yang meninggalkan solat daripada Abī Bakr Bin Ziyād al-Naysābūriy[397]. Ibn Ḥajar menyatakan hadith ini adalah nyata kebatilannya dan merupakan sebahagian daripada hadith-hadith golongan yang memilih jalan kesufian[398]. Al-Kinānī juga ada merekodkan hadith ini di dalam kitabnya *Tanzīh al-Syarī'ah* [399] dan al-Suyūṭī di dalam kitabnya *al-Ziyādāt 'Alā al-Mawḍū'āt*[400].

Pengkaji cuba menjalankan kajian sanad terhadap riwayat yang sanadnya ditemui ini. Perawi Wahb Bin 'AbdiLlah merupakan sahabat kecil dan riwayat hadith daripada beliau diambil oleh ramai periwayat hadith[401]. Perawi 'Amir al-Sya'biy pula dinyatakan thiqah oleh Yahya Bin Ma'in , Abu Zur'ah dan ramai lagi[402]. Perawi Zubayd Bin al-Harith al-Iyami juga dinyatakan thiqah oleh Yahya Bin Ma'in, Abu Hatim dan al-Nasa'i[403]. Perawi Sufyan al-Thawri pula dinyatakan oleh Syu'bah, Sufyan 'Uyaynah, Abu 'Asim al-Nabil, Yahya Bin Ma'in dan ramai lagi ulama sebagai *amir al-mu'minin* di dalam bidang hadith[404]. Perawi Muhammad Bin Yusuf al-Firyabi juga dinyatakan

---

395 Al-Khillāl, al-Ḥasan Bin Muḥammad, *al-Majālis al-'Asyarah : al-Amālī*, tahqiq Majdi al-Fathi al-Sayyid (t.t.p : Dār al-Ṣaḥābah Li al-Turāth Bi Ṭanṭā, 1990), 71 (no. hadith 77).
396 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 7: 366 (no. 7596).
397 Lihat juga Burhān al-Dīn al-Halabī, *al-Kasyf al-Ḥathīth 'An Man Rumiya Bi Waḍ' al-Ḥadīth*, tahqiq Ṣubḥi al-Samirra'i (Bayrūt : Maktabah al-Nahḍah al-'Arabiyyah, 1987), 240. Lihat juga Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 7: 264.
398 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 7: 366 (no. 7196).
399 Al-Kinānī, *Tanzīh al-Syarī'ah al-Marfū'ah 'An al-Aḥādīth al-Syanī'ah al-Mawḍū'ah*, , 2: 113 (no. hadith 94).
400 Lihat al-Suyūṭī, *al-Ziyādāt 'Alā al-Mawḍū'āt Wa Yusammā Dhayl al-La'ālī' al-Maṣnū'ah*, 1: 391.
401 Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 31: 131.
402 Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 14: 35.
403 *Ibid.*, 9: 291.
404 *Ibid.*, 11: 164.

*thiqah* oleh al-'Ijli dan al-Nasa'i[405]. Perawi Abu Bakr Bin Zanjuwayh (Muhammad Bin 'Abd al-Malik Bin Zanjuwayh) pula dinyatakan oleh dinyatakan *thiqah* oleh al-Nasa'i dan disebut oleh Ibn Hibban di dalam kitabnya al-Thiqat[406]. Perawi Ja'far Bin Muhammad al-Sandaliy pula nama beliau ini tidak dijumpai oleh pengkaji di dalam senarai nama perawi yang mengambil hadith daripada perawi Abu Bakr Bin Zanjuwayh yang meninggal pada tahun 258 hijrah. Pengkaji menemui nama beliau ini disebut oleh al-Dhahabi di dalam kitabnya al-Siyar sebagai al-Zahid (orang yang zuhud) dan beliau mengambil hadith daripada al-Za'farani dan 'Ali Ibn Harb[407]. Nama beliau ini juga direkodkan di dalam Tarikh Baghdad dan dinyatakan sebagai thiqah dan salih[408]. Akan Tetapi beliau ini dinyatakan telah meninggal pada tahun 318 hijrah dan pengkaji tidak mendapati nama perawi Muhammad Bin 'Abd al-Malik Bin Zanjuwayh disebut sebagai guru beliau oleh al-Khatib al-Baghdadi. Justeru, pengkaji berpandangan bahawa perawi Ja'far Bin Muhammad al-Sandaliy ini tidak menemui perawi Abu Bakr Bin Zanjuwayh lantaran perbezaan tarikh meninggal di antara keduanya yang agak jauh disamping nama perawi Abu Bakr Bin Zanjuwayh tidak disebut oleh al-Khatib al-Baghdadi sebagai guru Ja'far Bin Muhammad al-Sandaliy ini. Perawi 'Umar Bin Ahmad Bin 'Uthman pula dinyatakan sebagai thiqah ma'mun oleh Ibn Abi al-Fawaris dan thiqah oleh al-Azhariy[409] dan meninggal pada tahun 385 hijrah.

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan sanad riwayat hadith ini dibarisi dengan perawi-perawi yang thiqah kecuali perawi Ja'far Bin Muhammad al-sandaliy yang dipertikaikan oleh pengkaji. Pengkaji berpandangan beliau ini tidak berjumpa dan tidak mengambil riwayat hadith daripada perawi Abu Bakr Bin Zanjuwayh kerana pengkaji tidak

---

405 *Ibid.*, 27: 57.
406 *Ibid.*, 26: 18.
407 Al-Dhahabī, *Siyar A'lam al-Nubala'*, 14: 110.
408 Lihat al-Khaṭīb al-Baghdādī, al-Ḥāfiẓ Abū Bakr Aḥmad Bin 'Alī Bin Thābit, *Tārīkh Madīnah al-Salām*, tahqiq Dr. Basysyār 'Awwād Ma'rūf (Bayrūt : Dār al-Gharb al-Islāmiy, 2001), 8: 121.
409 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 6: 68.



Universiti Malaya

menemui nama beliau ini disebut oleh al-Mizzi di dalam senarai perawi yang mengambil hadith daripada perawi Abu Bakr Bin Zanjuwayh. Selain itu, pengkaji juga tidak menemui nama perawi Abu Bakr Bin Zanjuwayh dinyatakan sebagai guru kepada Ja'far Bin Muhammad al-sandaliy di dalam kitab Tarikh Baghdad. Tempoh masa 60 tahun jarak kedua-duanya meninggal juga menimbulkan keraguan samada mereka pernah bertemu atau tidak. Dengan alasan pengkaji ini, pengkaji berpandangan riwayat ini adalah terputus sanadnya.

Melihat kepada maksud matan hadith ini pula, pengkaji berpandangan padanya terdapat ciri-ciri hadith mawdu' (palsu) lantaran kandungan matan dengan huraiannya yang lengkap dan seolah-olahnya bentuk susunan lafaz matan ini bukan mengikut bentuk lafaz matan yang kebiasaannya disabdakan oleh Rasulullah SAW. Pengkaji berpandangan sanad riwayat ini adalah dicipta oleh pencipta hadith palsu kerana kesemua nama-nama perawi yang dinyatakan adalah perawi-perawi yang thiqah termasuklah Ja'far Bin Muhammad al-Sandaliy. Namun, bentuk susunan lafaz matan dan maksud matan tersebut menimbulkan keraguan kerana seolah-olah bentuk lafaz dan maksud matan tersebut bukan daripada lafaz Rasulullah SAW. Pengkaji berpandangan ada kebenarannya pandangan yang dinyatakan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani bahawa hadith ini adalah nyata kebatilannya dan merupakan sebahagian daripada hadith-hadith golongan yang memilih jalan kesufian[410]. Maka, dengan alasan-alasan yang telah dinyatakan oleh pengkaji, pengkaji berpandangan hadith ini adalah lebih menghampiri kepada *hadith mawḍū'* (palsu).

---

**<u>Hadith 29</u>**

> Rasulullah SAW mengatakan ;"Tidak ada sesuatu yang ada di antara orang kafir dan orang syirik kecuali meninggalkan solat.' [411]

[410] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 7: 366 (no. 7196).

[411] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى التَّمِيمِيُّ وَعُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ كِلَاهُمَا عَنْ جَرِيرٍ قَالَ يَحْيَى أَخْبَرَنَا جَرِيرٌ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ أَبِي سُفْيَانَ قَالَ سَمِعْتُ جَابِرًا يَقُولُ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْكِ وَالْكُفْرِ تَرْكَ الصَّلَاةِ[412]

Pengkaji tidak mendapati hadith yang menepati susunan matan hadith sebagaimana yang dinyatakan pengarang. Pengarang mendahulukan orang kafir ke atas orang syirik, sedangkan dapatan pengkaji ialah hadith yang mendahulukan syirik ke atas kufur. Justeru, pengkaji mendapati pengarang menukilkan maksud matan hadith tanpa cermat. Hadith riwayat Jabir r.a. ini direkodkan oleh Muslim[413], Aḥmad[414] dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*, al-Bayhaqī[415] dengan perawi yang kesemuanya *thiqah*. Manakala di dalam riwayat Ibn Mājah [416] dan al-Tirmidhī[417] pula adalah tanpa lafaz "بَيْنَ الشِّرْكِ " dan dinyatakan ṣaḥīḥ oleh al-Albānī.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh Muslim.

---

**Hadith 30**

> Diriwayatkan Abdullah bin Zaid dari ayahnya mengatakan , Rasulullah SAW bersabda :" Di antara kita dan mereka (golongan kafir dan syirik) ialah meninggalkan solat, barangsiapa meninggalkan solat maka sungguh kafirlah ia." [418]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَبُو عَمَّارٍ الْحُسَيْنُ بْنُ حُرَيْثٍ وَيُوسُفُ بْنُ عِيسَى قَالَا حَدَّثَنَا الْفَضْلُ بْنُ مُوسَى عَنْ الْحُسَيْنِ بْنِ وَاقِدٍ قَالَ ح و حَدَّثَنَا أَبُو عَمَّارٍ الْحُسَيْنُ بْنُ حُرَيْثٍ وَمَحْمُودُ بْنُ غَيْلَانَ

---

[412] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.

[413] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 88 (Kitāb al-Īmān, no. hadith 82).

[414] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 12: 92 (no. hadith 15121).

[415] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 289 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2536).

[416] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 193 (Kitāb Iqāmah al-Ṣalawāt Wa al-Sunnah Fīhā, no. hadith 1078).

[417] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 591 (Kitāb al-Īmān, no. hadith 2620).

[418] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Universiti Malaya

قَالَا حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْحُسَيْنِ بْنِ وَاقِدٍ عَنْ أَبِيهِ قَالَ ح و حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَلِيِّ بْنِ الْحَسَنِ الشَّقِيقِيُّ وَمَحْمُودُ بْنُ غَيْلَانَ قَالَا حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْحَسَنِ بْنِ شَقِيقٍ عَنْ الْحُسَيْنِ بْنِ وَاقِدٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعَهْدُ الَّذِي بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ وَفِي الْبَاب عَنْ أَنَسٍ وَابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ[419]

Hadith riwayat Buraydah r.a. ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[420], al-Tirmidhī[421] dan Ibn Mājah[422]. Al-Tirmidhī menyatakan hadith riwayatnya adalah bertaraf *ḥasan ṣaḥīḥ*. Kesemua riwayat ini dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. 'Abd al-Qādir al-Arnā'ūṭ juga menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ* dengan membawa pandangan al-Dhahabī ketika mentahqiq hadith ini di dalam *Jāmi' al-Uṣūl Fī Aḥāḍīṭh al-Rasūl* (Ibn al-Athīr al-Jazariy)[423]

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ*.

---

**<u>Hadith 31</u>**

> Jaafar bin Muhammad meriwayatkan dari ayahnya mengatakan :" Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah melihat orang yang meliuk-liuk di dalam solatnya seperti burung gagak, mematuk-matuk paruhnya, sontak maka Nabi mengatakan jika orang ini mati, bukan menepati agama Muhammad. [424]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ إِسْحَاقَ ، حَدَّثَنَا صَفْوَانُ بْنُ صَالِحٍ ، حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ ، حَدَّثَنَا شَيْبَةُ بْنُ الأَحْنَفِ الأَوْزَاعِيُّ ، حَدَّثَنَا أَبُو سَلاَمٍ الأَسْوَدُ ، حَدَّثَنَا أَبُو صَالِحٍ الأَشْعَرِيُّ ، عَنْ أَبِي عَبْدِ اللهِ الأَشْعَرِيِّ ، قَالَ : صَلَّى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِأَصْحَابِهِ ، ثُمَّ جَلَسَ فِي طَائِفَةٍ مِنْهُمْ ، فَدَخَلَ رَجُلٌ ، فَقَامَ يُصَلِّي ، فَجَعَلَ يَرْكَعُ

Universiti Malaya

---

419 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tirmidhī di dalam *Sunan*nya.
420 Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 80 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 463).
421 Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 591 (Kitāb al-Īmān, no. hadith 2621).
422 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 193 (Kitāb Iqāmah al-Ṣalawāt Wa al-Sunnah Fīhā, no. hadith 1079).
423 Ibn al-Athīr al-Jazarī, al-Imām Maj al-Dīn Abī al-Sa'ādāt al-Mubārak Bin Muḥammad, *Jāmi' al-Uṣūl Fī Aḥādīth al-Rasūl*, tahqiq 'Abd al-Qadir al-Arna'ut (t.t.p : t.p, 1971), 5: 203 (no. hadith 3264).
424 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

وَيَنْقُرُ فِي سُجُودِهِ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَتَرَوْنَ هَذَا ، مَنْ مَاتَ عَلَى هَذَا مَاتَ عَلَى غَيْرِ مِلَّةِ مُحَمَّدٍ ، يَنْقُرُ صَلاَتَهُ كَمَا يَنْقُرُ الْغُرَابُ الدَّمَ ، إِنَّمَا مَثَلُ الَّذِي يَرْكَعُ وَيَنْقُرُ فِي سُجُودِهِ كَالْجَائِعِ لاَ يَأْكُلُ إِلاَّ التَّمْرَةَ وَالتَّمْرَتَيْنِ ، فَمَاذَا تُغْنِيَانِ عَنْهُ ، فَأَسْبِغُوا الْوُضُوءَ ، وَيْلٌ لِلأَعْقَابِ مِنَ النَّارِ ، أَتِمُّوا الرُّكُوعَ وَالسُّجُودَ ، قَالَ : أَبُو صَالِحٍ : فَقُلْتُ لأَبِي عَبْدِ اللهِ الأَشْعَرِيِّ : مَنْ حَدَّثَكَ بِهَذَا الْحَدِيثِ ؟ فَقَالَ : أُمَرَاءُ الأَجْنَادِ : عَمْرُو بْنُ الْعَاصِ ، وَخَالِدُ بْنُ الْوَلِيدِ ، وَيَزِيدُ بْنُ أَبِي سُفْيَانَ ، وَشُرَحْبِيلُ بْنُ حَسَنَةَ ، كُلُّ هَؤُلاَءِ سَمِعُوهُ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ[425]

Hadith riwayat 'AbdiLlah al-Asy'ariy r.a. ini direkodkan oleh Ibn Khuzaymah[426], al-Bayhaqī[427], al-Suyūṭī[428], al-Haythamī [429], Abī Ya'lā al-Mawṣilī[430] dan al-Ṭabrānī [431]. Al-Haythamī menyatakan sanad hadith ini adalah *ḥasan.* Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-A'ẓamiy menyatakan sanad riwayat Ibn Khuzaymah adalah *ḥasan*. Husayn Salīm Asad al-Dārānī menyatakan sanad riwayat Abī Ya'lā al-Mawṣilī adalah *ḥasan*. Hamdi Bin 'Abd al-Ḥamīd al-Salafi menyatakan sanad riwayat al-Ṭabrānī juga adalah *ḥasan*.

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah berstatus *ḥasan* sebagaimana pandangan yang dikemukankan oleh al-Haythami, Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-A'ẓamiy, Husayn Salīm Asad dan Hamdi Bin 'Abd al-Ḥamīd al-Salafi.

---

## <u>Hadith 32</u>

> Athiyah al-Aufi meriwayatkan dari Abī Said al-Khudzri mengatakan Rasulullah SAW berkata apabila seseorang meninggalkan solat kerana sengaja maka namanya akan ditulis dipintu neraka termasuk orang yang memasukinya. [432]

---

[425] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Khuzaymah di dalam *Sahih*nya.
[426] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 332 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 665).
[427] Lihat al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 2: 126 (no. hadith 2573).
[428] Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *Jam' al-Jawāmi' al-Ma'rūf Bi al-Jāmi' al-Kabīr* (Miṣr : Dār al-Sa'ādah, 2005), 7: 139 (no. hadith 17980).
[429] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 2: 303 (no. hadith 2728).
[430] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 13: 139 (no. hadith 7184).
[431] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 4: 115 (no. hadith 3840).
[432] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ يَحْيَى الْمُزَكِّي النَّيْسَابُورِيُّ ، فِي جَمَاعَةٍ ، قَالُوا : ثنا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْحَاقَ الثَّقَفِيُّ ، ثنا أَبُو مَعْمَرٍ صَالِحُ بْنُ حَرْبٍ , ثنا إِسْمَاعِيلُ بْنُ يَحْيَى ، عَنْ مِسْعَرٍ ، عَنْ عَطِيَّةَ ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ تَرَكَ صَلاةً مُتَعَمِّدًا كُتِبَ اسْمُهُ عَلَى بَابِ النَّارِ فِيمَنْ يَدْخُلُهَا " ، تَفَرَّدَ بِهِ صَالِحٌ , عَنْ إِسْمَاعِيلَ ، عَنْهُ.[433]

Hadith riwayat Abū Sa'īd ini direkodkan oleh Abū Nu'aym al-Aṣfahānī di dalam kitabnya *Ḥilyah al-Awliyā*[434], al-Hindī[435] dan al-Suyūṭī[436].

**Hukum Hadith**

Hadith ini diriwayatkan secara tunggal oleh Ṣālih daripada Ismā'īl. Pengkaji tidak menemui hadith ini diriwayatkan oleh perawi yang lain melainkan daripada Abū Sa'īd dan tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Ulama hadith juga tidak memberikan sebarang komentar berkaitan status hadith ini.

Justeru, pengkaji mengambil usaha untuk meneliti pandangan ulama terhadap perawi yang terdapat di dalam jalur sanad ini. Perawi Mis'ar Bin Kidām adalah dikalangan madhhab Murji'ah. Al-Dhahabī di dalam kitabnya *Mīzān al-I'tidāl* berpandangan tidak boleh mengambil kata-kata daripadanya[437]. Perawi 'Aṭiyyah Bin Sa'd pula adalah dikalangan tabi'in yang terkenal dengan *ḍa'īf*[438]. Aḥmad, al-Nasā'ī dan ramai ulama menyatakan 'Atīyyah ini adalah *ḍa'īf*[439]. Perawi Ismā'īl Bin Yaḥyā pula mengambil hadith-hadith yang batil daripada Mis'ar[440]. Ṣālih Bin Muḥammad al-Jazarah menyatakan beliau ini mencipta hadith, al-Azdiy menyatakan beliau ini pendusta dan

433 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Abū Nu'aym di dalam *al-Ḥilyah*.
434 Al-Aṣfahānī, al-Ḥāfiẓ Abū Nu'aym Aḥmad Bin 'Abdullāh, *Ḥilyah al-Awliyā' Wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā'* (Bayrūt : Dār al-Fikr, 1996), 7: 254.
435 Lihat al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 7: 325 (no. hadith 19090).
436 Al-Suyūṭī, *Jam' al-Jawāmi' al-Ma'rūf Bi al-Jāmi' al-Kabīr,* 8: 798 (no. hadith 21076).
437 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 6: 409.
438 *Ibid.,* 5: 100.
439 *Ibid.,* 5: 101.
440 *Ibid.*, 1: 415.



Universiti Malaya

tidak boleh mengambil riwayat daripadanya[441]. Abū 'Alī al-Naysābūriy, al-Dāruquṭnī dan al-Ḥākim menyatakan beliau ini adalah pendusta[442]. Setelah menilai perawi-perawi di dalam jalur sanad ini ada yang dinyatakan sebagai pendusta, mencipta hadith, mengambil hadith yang batil, bermadhhab murji'ah dan *ḍa'īf*, maka pengkaji berpandangan hadith ini adalah berstatus *mawḍū'* (palsu).

---

**<u>Hadith 33</u>**

> Anas bin Mālik mengatakan Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, ingatlah barangsiapa yang tertidur dari mendirikan solat 'itmah (solat di pertengahan waktu malam) dan ia tidak mendirikan solat untuknya, maka malaikat berkata, janganlah engkau tutupkan mata dan bola matamu, semoga Allah menahan engkau di antara syurga dan neraka seperti engkau menahan aku. [443]

***Takhrij* Hadith**

Pengkaji tidak dapat menemui riwayat ini daripada kitab-kitab hadith yang mu'tabar. Riwayat ini juga tidak ditemui di dalam kitab-kitab tafsir. Pengkaji dapat menemui riwayat hadith yang seumpama ini melalui jalur sanad Abū Hurayrah r.a., bukannya Anas Bin Mālik sebagaimana yang dinyatakan pengarang. Tetapi riwayat ini adalah tanpa maksud " *semoga Allah menahan engkau di antara syurga dan neraka seperti engkau menahan aku*".

حَدَّثَنِي يَعْقُوبُ بْنِ الْوَلِيدُ الْمَدِيْنِي عَنِ ابْنِ أَبِي زَيْبٍ عَنْ سَعِيدٍ بْنِ سَمْعَانِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " إِذَا رَقَدَ الْمَرْءُ قَبْلَ أَنْ يُصَلِّيَ الْعَتَمَةَ وَقَفَ عَلَيْهِ مَلَكَانِ يُوَقِّظَانِهِ يَقُولَانِ ثُمَّ يُوَلِّيَانِ عَنْهُ وَيَقُولَانِ: رَقَدَ الْخَاسِرُ وَأَبَى "[444].

Hadith riwayat Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh Ibn al-Jawzī[445], Al-Syawkānī[446], al-Suyūṭī[447] ḍān 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī[448].

---

[441] *Ibid.*
[442] *Ibid.* 1: 416
[443] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[444] Lafaz ini adalah menurut riwayat yang drekodkan oleh Ibn al-Jawzī di dalam kitabnya *al-Mawḍū'āt*.



Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *mawḍū'* kerana Ibn al-Jawzī menyatakan hadith ini adalah *mawḍū'* iaitu Ya'qūb dituduh sebagai pembuat hadith *mawḍū'*. Aḥmad berkata Ya'qūb adalah salah seorang pendusta besar yang mencipta hadith. Yaḥyā pula menyatakan beliau ini pendusta. Begitu juga al-Syawkānī dan al-Suyūṭī menyatakan hadith ini adalah *mawḍū'* (palsu).

---

**<u>Hadith 34</u>**

> Aisyah mengatakan aku bertanya kepada Rasulullah SAW tentang orang yang menoleh-noleh sewaktu solat. Maka Rasulullah mengatakan sebenarnya perbuatan itu adalah usaha pencurian yang dilakukan syaitan tehadap solat seseorang. [449]

***Takhrij*** **Hadith**

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو الْأَحْوَصِ قَالَ حَدَّثَنَا أَشْعَثُ بْنُ سُلَيْمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ مَسْرُوقٍ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ الِالْتِفَاتِ فِي الصَّلَاةِ فَقَالَ هُوَ اخْتِلَاسٌ يَخْتَلِسُهُ الشَّيْطَانُ مِنْ صَلَاةِ الْعَبْدِ[450]

Hadith riwayat 'Ā'isyah r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[451], Imam Abū Dāwūd[452], Imam al-Tirmidhī[453] dan Ibn Khuzaymah[454].Al-Albānī menyatakan hadith riwayat Abū Dāwūd dan al-Tirmidhī adalah *ṣaḥīḥ*.

---

[445] Lihat Ibn al-Jawzī, *al-Mawḍū'āt*, tahqiq 'Abd al-Rahman Muhammad 'Uthman (Madīnah : al-Maktabah al-Salafiyyah, 1966), 2: 101 (Kitāb al-Ṣalāh).
[446] Al-Syawkānī, Syaykh al-Islām al-Imām Muḥammad Bin 'Alī, *al-Fawā'id al-Majmū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, tahqiq 'Abd al-Raḥmān Bin Yaḥyā al-Mu'allimi al-Yamānī (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 16 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 5).
[447] Lihat al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *Al-La'ālī' al-Maṣnū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah* (Bayrūt : Dār al-Ma'rifah, t.t.), 2: 22.
[448] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1999), 1: 489 (no. hadith 1531).
[449] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[450] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam al-Bukhari.
[451] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 244 (Kitāb al-Adhān, no. hadith 751).
[452] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 151 (Kitāb al-Jumu'ah, no. hadith 590).
[453] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 64 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 221).
[454] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 244 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 484).

Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh al-Bukhārī.

---

**Hadith 35**

> Berdasarkan suatu hadith dijelaskan Rasulullah SAW mengatakan :'Sesungguhnya Allah tidak suka memperhatikan seseorang yang hatinya tidak hadir di dalam solat beserta anggota badannya.[455]

***Takhrij* Hadith**

" لَا يَنظُرُ اللهُ إِلَى صَلَاةٍ لَا يُحضِرُ الرَّجُلُ فِيهَا قَلبَهُ مَعَ بَدَنِهِ "

Pengkaji tidak menemui hadith dengan lafaz sebagaimana yang dinyatakan pengarang di dalam kitab-kitab hadith yang mu'tabar. Pengkaji hanya menemui lafaz hadith seumpama ini melalui riwayat ini direkodkan oleh al-Ghazālī di dalam kitabnya *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*[456] tanpa sanad dan al-'Irāqī menyatakan bahawa beliau tidak menemui hadith Rasulullah SAW dengan lafaz sebegini kecuali riwayat hadith yang direkodkan oleh Muḥammad Bin Naṣr di dalam kitabnya "al-Solat" daripada jalur sanad 'Uthmān Bin Abī Dahrasy secara mursal dengan lafaz " لَا يَقْبَلُ اللهُ مِنْ عَبْدٍ عَمَلًا حَتَّى يَشْهَدَ قَلْبُهُ مَعَ بَدَنِهِ" dan riwayat hadith yang direkodkan oleh Abū Manṣūr al-Daylamī di dalam kitabnya *Musnad al-Firdaus* daripada jalur sanad Ubay Bin Ka'ab dengan sanad yang *ḍa'īf*[457].

---

455 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

456 Al-Ghazālī, al-Imām Abū Ḥāmid Muḥammad Bin Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn Wa Ma'ahu al-Mughnī 'An Ḥaml al-Asfār Fī al-Asfār Fī Takhrīj Mā Fī al-Iḥyā' Min al-Akhbār* )Bayrūt : Dār Ibn Ḥazm, 2005), 178.

457 Al-'Irāqī, al-Ḥāfiẓ Abī al-Faḍl Zayn al-Dīn 'Abd al-Raḥīm Bin al-Ḥusayn al-'Irāqī, al-*Mughnī 'An Ḥaml al-Asfār Fī al-Asfār Fī Takhrīj Mā Fī al-Iḥyā' Min al-Akhbār* (Riyāḍ : Maktabah Ṭabariyyah, 1995), 1: 105 (no. hadith 400).



Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Hadith ini tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar dan tiada penilaian serta kritikan daripada ulama-ulama hadith kecuali al-'Irāqī yang menyatakan bahawa beliau tidak menemui hadith Rasulullah SAW dengan lafaz sebegini. Hadith ini ditemui di dalam kitab *al-Iḥyā'* tanpa sanad. Justeru,pengkaji tidak dapat menyatakan status hukum bagi hadith ini lantaran pengkaji tidak menemui hadith ini di dalam kitab-kitab hadith.

---

<u>**Hadith 36**</u>

> Dan ketika Rasulullah SAW melihat orang yang mendirikan solat sambil mempermainkan janggutnya baginda bersabda yang bermaksud : "Seandainya hati orang itu khusyuk tentu khusyuk pula anggota tubuhnya." [458]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا صَالِحُ بْنِ مُحَمَّد ثَنَا سُلَيْمَان بن عَمْرُو عَنْ مُحَمَّد بْنِ عِجْلَان عَنِ الْمَقْبَرِي عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى رَجُلًا يَعْبَثُ بِلِحْيَتِهِ فِي الصَّلَاةِ فَقَالَ : "لَوْ خَشَعَ قَلْبُهُ لَخَشَعَتْ جَوَارِحُهُ." [459]

Pengkaji menemui hadith Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Ḥākim al-Tarmidhī[460], al-Baghawī[461], al-Qurṭubī[462], al-Bayḍāwī[463] dan al-Naysābūrī[464] Al-'Irāqī[465] menyatakan hadith riwayat al-Ḥākim al-Tarmidhī ini adalah dengan sanad yang *ḍa'īf.*

---

[458] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[459] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat al-Ḥākim al-Tirmidhī di dalam kitabnya *Nawādir al-'Uṣūl*.

[460] Al-Ḥākim al-Tirmidhī, Abī 'Abdillāh Muḥammad Bin 'Alī Bin al-Ḥasan Bin Bisyr, *Nawādir al-'Uṣūl Fī Ma'rifah Aḥādīth al-Rasūl* ( Qāhirah : Maktabah al-Imām al-Bukhārī, 2008), 2: 1007 (no. hadith 1310).

[461] Al-Baghawī, al-Imām Muḥy al-Sunnah Abī Muḥammad al-Ḥusayn Bin Mas'ūd, *Tafsīr al-Baghawī : Ma'ālim al-Tanzīl*, tahqiq Muḥammad 'Abdullāh al-Namīr, 'Uthmān Jumu'ah Khamīriyyah dan Sulaymān Muslim al-Ḥarsy (Riyāḍ : Dār Ṭayyibah, 1412H), 5: 409.

[462] Al-Qurṭubī, Abī 'Abdillāh Muḥammad Bin Aḥmad Bin Abū Bakr, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, tahqiq Dr. 'Abdullāh Bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī (Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 2006), 15: 3.

[463] Al-Bayḍāwī, Nāṣir al-Dīn Abī al-Khayr 'Abdullāh Bin 'Umar Bin Muḥammad al-Syīrāzī al-Syāfi'ī, *Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta'wīl al-Ma'rūf Bi al-Tafsīr al-Bayḍāwī* (Bayrūt : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiy, t.t.), 4: 82.

[464] Al-Naysābūrī, Niẓām al-Dīn al-Ḥasan Bin Muḥammad Bin Ḥusayn al-Qummī, *Tafsīr Gharā'ib al-Qur'ān Wa Raghā'ib al-Furqān*, tahqiq al-Syaykh Zakariyā 'Umayrāt (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996), 5: 109.

[465] Al-'Irāqī, al-*Mughnī 'An Ḥaml al-Asfār Fī al-Asfār Fī Takhrīj Mā Fī al-Iḥyā' Min al-Akhbār*, 1: 105 (Kitāb Asrār al-Ṣalāh Wa Muhimmātihā, no. hadith 401).



Universiti Malaya

Al-Munāwī di dalam kitabnya *al-Fatḥ al-Samāwī* menyatakan bahawa sanad hadith ini adalah *ḍa'īf* kerana Sulaymān Bin 'Amrū iaitu Abū Dāwūd al-Nakha'ī dituduh mencipta hadith palsu[466]. Pengkaji juga mendapati matan hadith ini diriwayatkan menerusi dua jalur sanad yang lain iaitu riwayat Sa'īd Bin al-Musayyab r.a. dan riwayat 'Alī r.a. Riwayat Sa'īd Bin al-Musayyab r.a. ini direkodkan oleh al-Ṣan'āniy[467]. Riwayat 'Alī r.a.pula direkodkan oleh al-Hindī[468], Ibn Abī Syaybah[469], Imam al-Suyūṭī[470]. Al-Hindī menyatakan bahawa hadith riwayat 'Alī r.a. ini diriwayatkan oleh al-'Askariy di dalam *al-Mawā'iẓ* dan di dalam jalur sanadnya terdapat perawi Ziyād Bin al-Mundhir yang *matrūk* (ditinggalkan). Di dalam riwayat yang direkodkan oleh Ibn Abī Syaybah pula terdapat perawi tanpa nama (iaitu hanya disebut "lelaki" sahaja). Al-'Irāqī menyatakan matan hadith in adalah kata-kata Sa'īd al-Musayyab[471]. Hadith ini adalah tidak *ṣaḥīḥ* samada melalui periwayatannya secara *marfu'* (melalui jalur Abū Hurayrah r.a.) atau *mawqūf* (melalui sanad Sa'īd Bin al-Musayyab yang direkodkan di dalam *Muṣannaf* 'Abd al-Razzaq)[472]. Al-Albānī menyatakan hadith riwayat Abū Hurayrah r.a. ini adalah *mawḍū'* (palsu)[473].

**Hukum Hadith**

Di dalam riwayat Abū Hurayrah r.a., al-Albānī menukilkan bahawa Sulaymān Bin 'Amrū yang telah disepakati kelemahannya. Al-Albānī juga membawakan pandangan al-Zayla'ī yang menukilkan pandangan Ibn 'Adiy bahawa kebanyakan ulama hadith bersepakat Sulaymān ini mencipta hadith. Aḥmad menyatakan beliau ini

---

[466] Al-Munāwī, Zayn al-Dīn Bin 'Abd al-Ra'ūf, *al-Fatḥ al-Samāwī Bi Takhrīj Aḥādīth Tafsīr al-Qāḍī al-Bayḍāwī*, tahqiq Aḥmad Mujtabā Nadhīr Bin 'Ālim al-Salafī (Riyāḍ : Dār al-'Āṣimah, 1409H), 854 (no. hadith 732).
[467] Al-Ṣan'āniy, *al-Muṣannaf*, 2: 266 (no hadith 3308).
[468] Lihat al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 8: 197 (no. hadith 22530).
[469] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 3: 225 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 6848).
[470] Al-Suyūṭī, *Jam' al-Jawāmi' al-Ma'rūf Bi al-Jāmi' al-Kabīr,* 17: 89 (no. hadith 17873).
[471] Al-'Irāqī, al-*Mughnī 'An Ḥaml al-Asfār Fī al-Asfār Fī Takhrīj Mā Fī al-Iḥyā' Min al-Akhbār*, 1: 105 (no. hadith 401).
[472] Lihat al-Albānī, *Irwā' al-Ghalīl Fī Takhrīj Aḥādīth Manār al-Sabīl*, 2: 93 (Kitab al-Ṣalāh, no. hadith 373).
[473] Al-Albānī, Muḥammad Naṣīr al-Dīn, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1996), 1: 227 (no. hadith 110).

mencipta hadith. Yaḥyā pula menyatakan beliau ini dikenali dengan mencipta hadith. al-Bukhārī pula menyatakan *matrūk* (ditinggalkan) dan dinyatakan oleh Qutaybah dan Isḥāq sebagai Sulaymān ini berbohong[474]. Hadith ini adalah berstatus *mawḍū'* (palsu) disebabkan terdapat perawi yang dikenali mencipta hadith dan berbohong. Allah

---

**Hadith 37**

> Sungguh benar hadith Nabi : "Bagi orang yang mendirikan solat baginya ada yang mendapat perhitungan 400 kali mendirikan solat, ada juga yang mendirikan solat diperhitungkan 200 kali solat, ada pula bagi orang yang solat diperhitungkan 150 kali solat. Ada lagi satu kali solat diperhitungkan 27 kali solat, ada lagi satu pelaksanaan solat diperhitungkan 10 kali solat, dan bahkan ada lagi yang mendirikan solat sekali hanya diperhitungkan sekali itu sahaja. Bagi yang ditulis dengan perhitungan 400 kali solat ditujukan kepada orang mendirikan solat di Baitul Haram serta berjemaah tetapi dalam berjemaah ia tidak tertinggal takbiratul ihram (takbir awal). Bagi yang diperhitungkan 200 kai solat ditujukan bagi orang yang menjadi imam setelah ia mengerti hukum-hukum solat. Bagi yang ditulis 150 kali solat ditujukan bagi muazin. Bagi yang diperhitungkan 70 kali solat, ditujukan kepada orang mendirikan solat disertai bersiwak dan menyempurnakan wudhuknya kemudian berjemaah. Bagi yang diperhitungkan 50 kali solat ditujukan kepada solat orang yang berjemaah, sedangkan ia telah terlambat dari takbiratul ihram. Bagi yang diperhitungkan 27 kali solat ditujukan kepada orang yang menyempurnakan wudhuk dan solat ke masjid dalam berjemaah tanpa kehilangan takbiratul ihram (tidak terlambat). Bagi yang ditulis 10 kali solat ditujukan kepada orang yang berjemaah tetapi tidak mengikuti takbiratul ihram. Dan bagi yang diperhitungkan hanya sekali solat ditujukan kepada orang yang tidak berjemaah. Adapun bagi orang yang mendirikan solat tetapi tidak diperhitungkan solat ditujukan kepada orang yang melakukan solat tetapi pelaksanaannya seperti ayam yang sedang mematuk padi dan tidak sempurna pula rukuk dan sujudnya. Itulah solat orang yang dilipat laksana melipat gombal lalu ditamparkan ke muka orang yang mendirikannya, ketika itu solat mengatakannya :" Allah tidak akan memelihara kamu seperti kamu tidak memelihara solatmu."[475]

***Takhrij* Hadith**

Pengkaji tidak menemui hadith ini di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar dan tiada juga di dalam kitab-kitab tafsir al-Quran. Menerusi bentuk dan gaya penyusunan matan

---

[474] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 3: 305.
[475] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

hadith ini yang terlalu terperinci adalah menunjukkan ianya adalah ciri hadith *mawḍū'* (palsu).

**Hukum Hadith**

Disebabkan riwayat ini tidak terdapat di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar dan mempunyai ciri hadith *mawḍū'* (palsu), pengkaji berpandangan riwayat ini adalah lebih menghampiri kepada hadith *mawḍū'* (palsu). Namun, pengkaji tidak dapat menyatakannya sebagai *mawḍū'* (palsu) lantaran pengkaji tidak menemui riwayat hadith ini beserta sanadnya untuk dijalankan kajian sanad.

---

**Hadith 38**

> Dijelaskan dalam suatu hadith yang bermaksud :"Sembahlah Allah seakan- akan kamu melihat-Nya, maka jika kamu tidak melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihatmu."[476]

***Takhrij* Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 19.

**Hukum Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 19.

---

**Hadith 39**

> Tersebut di dalam hadith bahawa bila mana Nabi melakukan rukuk seandainya di atas punggungnya diletakkan segelas air nescaya tidak bergerak-gerak dari tempatnya.[477]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ يُوسُفَ الْفِرْيَابِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُثْمَانَ بْنِ عَطَاءٍ
حَدَّثَنَا طَلْحَةُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ رَاشِدٍ قَالَ سَمِعْتُ وَابِصَةَ بْنَ مَعْبَدٍ يَقُولُ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ

[476] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[477] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي فَكَانَ إِذَا رَكَعَ سَوَّى ظَهْرَهُ حَتَّى لَوْ صُبَّ عَلَيْهِ الْمَاءُ لَاسْتَقَرَّ[478]

عَن أَنَس بنِ مَالِك أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا رَكَعَ لَوْ جُعِلَ عَلَيهِ قَدَحُ مَاءٍ لَاسْتَقَرَّ[479]

Pengkaji mendapati pengarang hanya menyatakan maksud atau kefahaman daripada hadith berkaitan cara Rasulullah SAW melakukan ruku' di dalam solat tanpa menyatakan matan hadith. Hadith ini diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat. Antaranya ialah riwayat Wābiṣah Bin Ma'bad r.a. yang direkodkan oleh Ibn Mājah[480], riwayat Ibn 'Abbas r.a.yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī[481], riwayat Ibn 'Abbās[482] r.a., Abī Barzah al-Aslamiy[483] r.a., 'Alī Bin Abī Talib[484] r.a. dan Anas Bin Mālik[485] r.a. yang direkodkan oleh al-Haythamī.

**Hukum Hadith**

Di dalam riwayat al-Haythamī, beliau menyatakan kesemua perawi di dalam jalur sanad Ibn 'Abbās r.a. dan Abī Barzah al-Aslamiy r.a. adalah *muwaththaqūn* (dipercayai atau *thiqah*). Di dalam riwayat 'Alī bin Abī Talib r.a. terdapat perawi yang tidak dinamakan dan ketidakpastian manakala di dalam riwayat Anas Bin Mālik r.a. pula terdapat perawi Muḥammad Bin Thābit yang *ḍa'īf*. Dengan demikian, riwayat Anas bin Mālik r.a. adalah *ḍa'īf* disebabkan kelemahan perawi. Al-Albānī berpandangan riwayat Wābiṣah Bin Ma'bad r.a. yang direkodkan oleh Ibn Mājah adalah *ṣaḥīḥ*. Justeru,

---

478 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Ibn Mājah di dalam *Sunan*nya.
479 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Anas Bin Mālik yang direkodkan oleh al-Haythamī di dalam kitabnya *al-Majma'*.
480 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 161 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 872). Lihat juga al-Albānī, Muḥammad Naṣīr al-Dīn, *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1997), 263 (Kitāb Iqāmah al-Ṣalāh Wa al-Sunnah Fīhā, no. hadith 719).
481 Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 12: 167 (no. hadith 12781).
482 Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 2: 305 (no. hadith 2737).
483 *Ibid.,* 2: 306 (hadith 2738).
484 *Ibid.* hadith 2739.
485 *Ibid.* hadith 2740.

pengkaji mengambil pandangan al-Albānī bahawa hadith ini *ṣaḥīḥ* dan pengkaji meletakkan riwayat hadith yang dinyatakan pengarang adalah *ṣaḥīḥ lighayrihi* (asalnya *ḍa'īf*) kerana beliau mengambil matan hadith melalui riwayat Anas Bin Mālik r.a. dan mempunyai penyokong yang *ṣaḥīḥ* ṣebagaimana yang telah dijelaskan.

---

## Hadith 40

> Tersebut dalam hadith :"Nabi mengatakan kami diperintahkan melakukan sujud di atas tujuh bahagian tulang." [486]

### *Takhrij* Hadith

> حَدَّثَنَا مُعَلَّى بْنُ أَسَدٍ قَالَ حَدَّثَنَا وُهَيْبٌ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ طَاوُسٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **أُمِرْتُ أَنْ أَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ أَعْظُمٍ** عَلَى الْجَبْهَةِ وَأَشَارَ بِيَدِهِ عَلَى أَنْفِهِ وَالْيَدَيْنِ وَالرُّكْبَتَيْنِ وَأَطْرَافِ الْقَدَمَيْنِ وَلَا نَكْفِتَ الثِّيَابَ وَالشَّعَرَ [487]

Hadith riwayat Ibn 'Abbās r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[488], Muslim[489], Abū Dāwūd[490], al-Tirmidhī[491], Ibn Mājah[492], Ibn Khuzaymah[493], Aḥmad[494]. Al-Albānī menyatakan riwayat Abū Dāwūd, al-Tirmidhī dan Ibn Mājah adalah *ṣaḥīḥ*. Riwayat Ahmad juga adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

### Hukum Hadith

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

---

[486] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[487] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Sahih*nya.
[488] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 263 (Kitāb al-Adhān, no. hadith 812).
[489] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 354 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 490).
[490] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 156 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 891).
[491] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 77 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 273).
[492] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 163 (Kitāb Iqāmah al-Ṣalawāt Wa al-Sunnah Fīhā, no. hadith 883).
[493] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 321,322 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 632, 633).
[494] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 3: 53 (no. hadith 2300).



Universiti Malaya

## Hadith 41

> Hadith lain menyebutkan: ”Sesungguhnya seseorang kalau sedang melakukan sujud bersendikan pada tujuh anggota tubuh, maka persendian mana yang tidak diikut sertakan, tidak henti-hentinya dilaknat.”[495]

### *Takhrij* Hadith

> حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ حَيَّانَ ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي الْوَزِيرِ أَبُو الْمُطَرِّفِ ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ جَعْفَرٍ ، عَنْ إِسْمَاعِيلَ بْنِ مُحَمَّدٍ ، عَنْ عَامِرِ بْنِ سَعْدٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ " : أُمِرَ الْعَبْدُ أَنْ يَسْجُدَ ، عَلَى سَبْعَةِ آرَابٍ مِنْهُ : وَجْهِهِ ، وَكَفَّيْهِ ، وَرُكْبَتَيْهِ ، وَقَدَمَيْهِ ، أَيُّهَا لَمْ يَضَعْ فَقَدِ انْتَقَصَ. "[496]

Hadith *mawqūf* riwayat ini direkodkan oleh Abī Ya'la al-Mawṣilī[497]. Al-Haythami[498] menyatakan di dalam sanad hadith ini, perawi Mūsā Bin Muḥammad Bin Hayyan adalah di*ḍa'īf*kan oleh Abū Zur'ah[499]. Hadith berkaitan perintah sujud di atas tujuh anggota (tanpa lafaz أَيُّهَا لَمْ يَضَعْ فَقَدِ انْتَقَصَ) diriwayatkan oleh al-Bukhari[500], Muslim[501], Abū Dāwūd[502], al-Tirmidhi[503], Ibn Mājah[504], Ibn Khuzaymah[505], Aḥmad[506] tetapi riwayat-riwayat ini adalah tanpa "أَيُّهَا لَمْ يَضَعْ فَقَدِ انْتَقَصَ". Hanya riwayat Abū Ya'la al-Mawṣilī di dalam kitabnya sahaja yang terdapat lafaz "أَيُّهَا لَمْ يَضَعْ فَقَدِ انْتَقَصَ".

---

495 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
496 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Abu Yu'la al-Mawsiliy di dalam kitab *Musnad*nya.
497 Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 2: 60 (no. hadith 702).
498 Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 2: 308 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2748).
499 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 6: 561.
500 Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 263 (Kitāb al-Adhān, no. hadith 812).
501 Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 354 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 490).
502 Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 156 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 891).
503 Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 77 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 273).
504 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 163 (Kitāb Iqāmah al-Ṣalawāt Wa al-Sunnah Fīhā, no. hadith 883).
505 Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 321, 322 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 632, 633).
506 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 3: 53 (no. hadith 2300).

Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Hadith perintah sujud di atas tujuh anggota (tanpa lafaz أَيُّهَا لَمْ يَضَعْ فَقَدِ انْتَقَصَ) adalah *ṣaḥīḥ* sebagaimana yang telah dinyatakan pada hadith yang ke 40. Tetapi riwayat hadith yang direkodkan oleh Abū Ya'la al-Mawṣilī ini sanadnya adalah terhenti pada Sa'd r.a. tanpa *marfu'* kepada Rasulullah SAW Justeru, riwayat Sa'd r.a. ini adalah berstatus hadith *mawquf*. Walaupun demikian, pengkaji berpandangan hadith ini *mawquf* secara lafaznya tetapi *marfu'* secara hukumnya kerana terdapat *qarinah* yang menunjukkan tidak mungkin seorang sahabat dapat menyatakan sesuatu berkaitan ibadah melainkan melalui Rasulullah SAW. Namun begitu, di dalam jalur sanad hadith ini terdapat perawi yang *ḍa'īf* iaitu Musa Bin Muḥammad Bin Hayyan. Justeru, hadith ini adalah berstatus hadith *mawqūf lafẓī* (*mawquf* secara lafaz) dan *marfū' ḥukmī* (*marfu'* secara hukum) *ḍa'īf* .

---

**<u>Hadith 42</u>**

> Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :'' Jika kamu mendirikan solat kemudian duduk (melakukan tahiyat) maka jangalah bermain-main dengan sesuatu , kerana sesungguhnya ketika itu ia sedang bermunajah kepada Tuhan." [507]

***Takhrij* Hadith**

Pengkaji tidak dapat menemui riwayat yang sama sebagaimana dinyatakan pengarang ini direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Pengkaji hanya menemui riwayat yang hampir sama tetapi tanpa maksud matan " *kemudian duduk (melakukan tahiyat) maka jangalah bermain-main dengan sesuatu*" dan terdapat lafaz matan yang lain. Riwayat tersebut adalah sebagaimana dinyatakan di bawah ini :

Universiti Malaya

[507] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

حَدَّثَنَا آدَمُ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا قَتَادَةُ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **إِنَّ الْمُؤْمِنَ إِذَا كَانَ فِي الصَّلَاةِ فَإِنَّمَا يُنَاجِي رَبَّهُ** فَلَا يَبْزُقَنَّ بَيْنَ يَدَيْهِ وَلَا عَنْ يَمِينِهِ وَلَكِنْ عَنْ يَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمِهِ [508]

Hadith riwayat Anas Bin Mālik r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[509], Aḥmad[510], Abī Ya'la al-Mawṣilī[511] dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Ḥamzah Aḥmad Zayn (pentahqiq) menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Pada pandangan pengkaji, matan hadith yang bermaksud *"Jika kamu mendirikan solat sesungguhnya ketika itu ia sedang bermunajah kepada Tuhan*" adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana terdapat di dalam matan hadith yang *ṣaḥīḥ*. Justeru, hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kecuali lafaz matan yang bermaksud "*kemudian duduk (melakukan tahiyat) maka jangalah bermain-main dengan sesuatu*".

---

**Hadith 43**

> Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Solat berjemaah lebih utama daripada solat sendirian dengan dua puluh tujuh darjat." [512]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ حَدَّثَنَا مَالِكٌ عَنْ نَافِعٍ عَنِ ابْنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ عَنْ صَلَاةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً[513]

Hadith riwayat Nāfi' daripada Ibn 'Umar ini direkodkan oleh Muslim[514], al-Nasā'ī[515], al-Tirmidhī[516], Ibn Mājah[517], Aḥmad[518] dan Ibn Ḥibbān[519]. Al-Albānī

---

508 Lafaz riwayat ini adalah sebagaimana yang direkodkan oleh Imam al-Bukhārī di dalam *Sahih*nya.
509 Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 150 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 458).
510 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 11: 351 (no. hadith 14031).
511 Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 6: 7 (no. hadith 3221).
512 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
513 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya.
514 Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 450 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 650).



Universiti Malaya

menyatakan riwayat al-Nasā'ī, al-Tirmidhī dan Ibn Mājah adalah *ṣaḥīḥ*. Ḥamzah Aḥmad al-Zayn pula menyatakan riwayat Ahmad juga adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh Muslim.

---

**<u>Hadith 44</u>**

> Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :"Solat seorang lelaki dengan berjemaah dilipat gandakan dua puluh lima kali daripada dia melakukan solat di rumah atau di pasar. Hal itu bila dia berwudhuk dengan baik lalu keluar ke masjid. Sementara dia tidak mempunyai tujuan lain kecuali untuk melakukan solat. Maka setiap langkahnya akan mengangkat darjat dan menghapus dosa. Bila dia melakukan solat maka malaikat tak hentinya mendoakan selama dia di tempat solatnya. Malaikat berkata :"Ya Allah berilah rahmat padanya. Ya Allah ampunilah dia, Ya Allah belas kasihanilah dia. Tak hentinya dia diberi pahala solat selama menanti solat berjemaah." (Muttafaqun Alaih) [520]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ ، وَأَبُو كُرَيْبٍ جَمِيعًا ، عَنْ أَبِي مُعَاوِيَةَ ، قَالَ أَبُو كُرَيْبٍ : حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ ، عَنِ الأَعْمَشِ ، عَنْ أَبِي صَالِحٍ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : صَلَاةُ الرَّجُلِ فِي جَمَاعَةٍ ، تَزِيدُ عَلَى صَلَاتِهِ فِي بَيْتِهِ ، وَصَلَاتِهِ فِي سُوقِهِ ، بِضْعًا وَعِشْرِينَ دَرَجَةً ، وَذَلِكَ أَنَّ أَحَدَهُمْ إِذَا تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ ، ثُمَّ أَتَى الْمَسْجِدَ ، لَا يَنْهَزُهُ إِلَّا الصَّلَاةُ ، لَا يُرِيدُ إِلَّا الصَّلَاةَ ، فَلَمْ يَخْطُ خَطْوَةً ، إِلَّا رُفِعَ لَهُ بِهَا دَرَجَةٌ ، وَحُطَّ عَنْهُ بِهَا خَطِيئَةٌ ، حَتَّى يَدْخُلَ الْمَسْجِدَ ، فَإِذَا دَخَلَ الْمَسْجِدَ ، كَانَ فِي الصَّلَاةِ ، مَا كَانَتِ الصَّلَاةُ هِيَ تَحْبِسُهُ ، وَالْمَلَائِكَةُ يُصَلُّونَ عَلَى أَحَدِكُمْ ، مَا دَامَ فِي مَجْلِسِهِ الَّذِي صَلَّى فِيهِ ، يَقُولُونَ : اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ ، اللَّهُمَّ تُبْ عَلَيْهِ ، مَا لَمْ يُؤْذِ فِيهِ ، مَا لَمْ يُحْدِثْ فِيهِ . " حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ عَمْرٍو الأَشْعَثِيُّ ، أَخْبَرَنَا عَبْثَرٌ . ح ، وحَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ بَكَّارِ بْنِ الرَّيَّانِ ، قَالَ :

---

[515] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 139 (Kitāb al-Imāmah, no. hadith 837).
[516] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 63 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 215).
[517] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 149 (Kitāb al-Masājid Wa al-Jamā'ah, no. hadith 789).
[518] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 5: 303 (no. hadith 5921).
[519] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 401 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2052).
[520] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيل بْنُ زَكَرِيَّاءَ . ح ، وحَدَّثَنَا ابْنُ الْمُثَنَّى ، قَالَ : حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عَدِيٍّ ،
عَنْ شُعْبَةَ كُلُّهُمْ ، عَنِ الأَعْمَشِ ، فِي هَذَا الإِسْنَادِ بِمِثْلِ مَعْنَاهُ.[521]

Hadith riwayat Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[522], Muslim[523] dan Abū Dāwūd[524]. Riwayat Abū Dāwūd dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

---

## Hadith 45

> Abdullah bin Mas'ūd r.a. berkata :"Barangsiapa yang ingin berjumpa dengan Allah dalam keadaan selamat kelak di Hari Kiamat, maka hendaklah memelihara solat lima waktu dengan berjemaah di tempat di mana azan dikumandangkan. Sebab sesungguhnya Allah telah memberikan syariat petunjuk untuk Nabimu. Dan sesungguhnya solat lima waktu dengan berjemaah adalah sebahagian darinya. Seandainya kamu melakukan solat sendirian dirumahmu sebagaimana orang yang ketinggalan melakukannya dirumah, ,maka kamu meninggalkan sunnah nabimu, nescaya kamu sesat. Sungguh aku melihat para sahabat tidak ada ketinggalan berjemaah kecuali orang munafik yang diketahui kemunafikannya atau orang yang sakit. Sungguh seorang lelaki didatangkan, lalu berjalan di antara dua orang yang memegangnya (kerana sakit dan lainnya), lalu dia didirikan di barisan solat." (HR :Muslim) [525]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا الْفَضْلُ بْنُ دُكَيْنٍ عَنْ أَبِي الْعُمَيْسِ عَنْ عَلِيِّ بْنِ الْأَقْمَرِ عَنْ أَبِي الْأَحْوَصِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ مَنْ سَرَّهُ أَنْ يَلْقَى اللَّهَ غَدًا مُسْلِمًا فَلْيُحَافِظْ عَلَى هَؤُلَاءِ الصَّلَوَاتِ حَيْثُ يُنَادَى بِهِنَّ فَإِنَّ اللَّهَ شَرَعَ لِنَبِيِّكُمْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُنَنَ الْهُدَى وَإِنَّهُنَّ مِنْ سُنَنِ الْهُدَى وَلَوْ أَنَّكُمْ صَلَّيْتُمْ فِي بُيُوتِكُمْ كَمَا يُصَلِّي هَذَا الْمُتَخَلِّفُ فِي بَيْتِهِ لَتَرَكْتُمْ سُنَّةَ نَبِيِّكُمْ وَلَوْ تَرَكْتُمْ سُنَّةَ نَبِيِّكُمْ لَضَلَلْتُمْ وَمَا مِنْ رَجُلٍ يَتَطَهَّرُ فَيُحْسِنُ الطُّهُورَ ثُمَّ يَعْمِدُ إِلَى مَسْجِدٍ مِنْ هَذِهِ الْمَسَاجِدِ إِلَّا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ بِكُلِّ خَطْوَةٍ يَخْطُوهَا حَسَنَةً وَيَرْفَعُهُ بِهَا دَرَجَةً وَيَحُطُّ عَنْهُ بِهَا سَيِّئَةً وَلَقَدْ رَأَيْتُنَا وَمَا يَتَخَلَّفُ

---

[521] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.
[522] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 170 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 477).
[523] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 459 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 649).
[524] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 104 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 559).
[525] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

عَنْهَا إِلَّا مُنَافِقٌ مَعْلُومُ النِّفَاقِ وَلَقَدْ كَانَ الرَّجُلُ يُؤْتَى بِهِ يُهَادَى بَيْنَ الرَّجُلَيْنِ حَتَّى يُقَامَ فِي الصَّفِّ[526]

Hadith riwayat 'Abdillah r.a. ini direkodkan oleh Muslim[527], Ibn Mājah[528] (dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī) dan Aḥmad[529] (dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*). Al-Albānī menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ*[530].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh Muslim.

---

## Hadith 46

> Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :"Barangsiapa yang melakukan solat Isyak dengan berjemaah , maka seolah-olahnya ia melakukan solat setengah malam. Barangsiapa yang melakukan solat berjemah Isyak dan Subuh maka seolah-olahnya dia melakukan solat seluruh malam." (HR : Muslim)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا إِسْحَقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ أَخْبَرَنَا الْمُغِيرَةُ بْنُ سَلَمَةَ الْمَخْزُومِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ وَهُوَ ابْنُ زِيَادٍ حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ حَكِيمٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَبِي عَمْرَةَ قَالَ دَخَلَ عُثْمَانُ بْنُ عَفَّانَ الْمَسْجِدَ بَعْدَ صَلَاةِ الْمَغْرِبِ فَقَعَدَ وَحْدَهُ فَقَعَدْتُ إِلَيْهِ فَقَالَ يَا ابْنَ أَخِي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَنْ صَلَّى الْعِشَاءَ فِي جَمَاعَةٍ فَكَأَنَّمَا قَامَ نِصْفَ اللَّيْلِ وَمَنْ صَلَّى الصُّبْحَ فِي جَمَاعَةٍ فَكَأَنَّمَا صَلَّى اللَّيْلَ كُلَّهُ و حَدَّثَنِيهِ زُهَيْرُ بْنُ حَرْبٍ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَسَدِيُّ ح و حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ رَافِعٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ جَمِيعًا عَنْ سُفْيَانَ عَنْ أَبِي سَهْلٍ عُثْمَانَ بْنِ حَكِيمٍ بِهَذَا الْإِسْنَادِ مِثْلَهُ[531]

Hadith riwayat 'Uthmān Bin 'Affān r.a ini direkodkan oleh Muslim[532], Abū Dāwūd[533], al-Tirmidhī[534], Ibn Ḥibbān[535], Ibn Khuzaymah[536] dan Aḥmad[537]. Al-Albānī

---

526 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.
527 Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 453 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 654).
528 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 147 (Kitāb al-Masājid Wa al-Jamā'ah, no. hadith 777).
529 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 4: 91 (no. hadith 3936).
530 Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 1: 288 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 404).
531 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.
532 Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 454 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 656).



Universiti Malaya

menyatakan riwayat Abū Dāwūd adalah *ḥasan* manakala riwayat al-Tirmidhī adalah *ṣaḥīḥ*. Riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ḍa'īf* kerana perawi Muḥammad Bin Ibrāhīm al-Taymiy tidak sempat berjumpa 'Uthmān Bin 'Affān r.a Justeru riwayatnya adalah secara terputus.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh Muslim.

---

**<u>Hadith 47</u>**

> Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: ”Barangsiapa yang mendengar azan, lantas tidak mengikuti jemaah tanpa uzur maka solatnya tidak diterima. Ada orang bertanya : “ apakah uzurnya ? Rasul menjawab: “ Takut atau sakit.” (HR : Abu Dawud dan Ibnu Hibban dalam kitab sahihnya)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ أَبِي جَنَابٍ عَنْ مَغْرَاءَ الْعَبْدِيِّ عَنْ عَدِيِّ بْنِ ثَابِتٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ اتِّبَاعِهِ عُذْرٌ قَالُوا وَمَا الْعُذْرُ قَالَ خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ لَمْ تُقْبَلْ مِنْهُ الصَّلَاةُ الَّتِي صَلَّى قَالَ أَبُو دَاوُد رَوَى عَنْ مَغْرَاءَ أَبُو إِسْحَقَ[538]

Hadith riwayat Ibn 'Abbās r.a. ini direkodkan oleh Abū Dāwūd[539], Ibn Mājah[540], al-Dāruquṭnī[541], Ibn Ḥibbān[542] dan Ibn Abī Syaybah [543]. Di dalam riwayat Abū Dāwūd, terdapat Abū Janab daripada Maghra' al-'Abdiyy yang dinyatakan sebagai *ḍa'īf* dan

---

[533] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 103 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 555).
[534] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 64 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 221).
[535] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 408 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2060).
[536] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 2: 365 (Kitāb al-Imāmah Fī al-Ṣalāh, no. hadith 1473).
[537] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 1: 338 (no. hadith 409).
[538] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Abu Dawud di dalam *Sunan*nya.
[539] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 102 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 547).
[540] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 150 (Kitāb al-Masājid Wa al-Jamā'ah, no. hadith 793).
[541] Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 2: 293 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1557).
[542] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 412 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2063).
[543] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 2: 254 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 3480).

*mudallis*[544]. Ibn Ḥajar[545] ada merekodkan hadith ini dan menyatakan Abū Janab ini telah di*ḍa'īf*kan disebabkan *tadlis*nya. Ibn Abī Syaybah meriwayatkan hadith ini melalui jalur sanad Abū Mūsā r.a.[546].

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* sebagaimana Syu'ayb al-Arnā'ūṭ menyatakan jalur sanad 'Abd al-Ḥamīd Bin Bayan daripada Husyaym daripada Syu'bah yang direkodkan oleh Ibn Mājah dan Ibn Ḥibbān adalah *ṣaḥīḥ*..

---

**<u>Hadith 48</u>**

> Dari Ibnu Abbas berkata : " Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "Orang yang berperangai amat keras, kufur dan munafik adalah orang yang mendengar orang mengumandangkan azan untuk mengajak solat, lalu dia tidak mengabulkannya (tidak pergi ke masjid atau mushalla yang mengeraskan suara azan)"

***Takhrij*** **Hadith**

حَدَّثَنَا حَسَنٌ حَدَّثَنَا ابْنُ لَهِيعَةَ حَدَّثَنَا زَبَّانُ حَدَّثَنَا سَهْلٌ عَنْ أَبِيهِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ الْجَفَاءُ كُلُّ الْجَفَاءِ وَالْكُفْرُ وَالنِّفَاقُ مَنْ سَمِعَ مُنَادِيَ اللَّهِ يُنَادِي بِالصَّلَاةِ يَدْعُو إِلَى الْفَلَاحِ وَلَا يُجِيبُهُ[547]

Pengkaji tidak menemui hadith seumpama ini diriwayatkan melalui jalur sanad Ibn 'Abbās r.a. Tetapi pengkaji dapat menemui hadith ini melalui riwayat Mu'ādh Bin Anas r.a. (bapa Sahl). Justeru, kebarangkalian kecuaian atau kesilapan pengarang berlaku ketika menukilkan hadith ini. Hadith Mu'ādh Bin Anas r.a. ini direkodkan oleh Aḥmad[548], al-Ṭabrānī [549], al-Haythamī [550] dan al-Suyūṭī[551] Ḥamzah Aḥmad Zayn

---

[544] Lihat tahqiq Syu'ayb al-Arna'ut di dalam *Sunan al-Daruqutni*, 2: 293 (no. hadith 1557).
[545] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Abū al-Faḍl Syihāb al-Dīn Aḥmad Bin 'Alī Ibn Muḥammad Bin Ḥajar, *Talkhīṣ al-Ḥabīr Fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'ī al-Kabīr* (Makkah : Muassasah al-Qurṭubah, 1995), 2: 56.
[546] *Ibid.*
[547] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya.
[548] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 12: 252 (no. hadith 15564).
[549] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 20: 183 (no. hadith 394).
[550] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 2: 167 (no. hadith 2159).



Universiti Malaya

menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ḥasan*. Al-Haythamī di dalam kitabnya *Bughyah al-Rā'id* menyatakan di dalam jalur sanad hadith ini terdapat Zabbān Bin Fā'id yang dinyatakan *ḍa'īf* oleh Ibn Ma'īn tetapi dinyatakan *ṣālih* oleh Abū Ḥātim[552]. Aḥmad pula menyatakan hadith-hadith Zabbān ini adalah *munkar*[553]. Abdullah Muḥammad al-Darwīsyh pula menyatakan Ibn Lahī'ah yang merupakan perawi hadith ini juga adalah seorang *ḍa'īf*. Al-Albānī berpandangan hadith ini *ḍa'īf*[554].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ḍa'īf* kerana terdapat dua orang perawi yang *ḍa'īf* iaitu Zabbān Bin Fā'id dan Ibn Lahī'ah.

---

**<u>Hadith 49</u>**

> Menurut sebahagian riwayat hadith, Rasul bersabda ; “Sudah cukup celaka dan kesialan seorang mukmin bila mendengar muazzin membaca Asalatu Khairun Minan Naum, lalu tidak mengabulkannya (tidak datang ke masjid) .” (HR : Ahmad dan Tabrani)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا بَكْرُ بن سَهْلٍ، حَدَّثنَا مُحَمَّدُ بن أَبِي السَّرِيِّ، حَدَّثنَا رِشْدِينُ، عَنْ زَبَّانَ بن فَائِدٍ، عَنْ سَهْلِ بن مُعَاذِ بن أَنَسٍ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:"حَسْبُ الْمُؤْمِنِ مِنَ الشَّقَاءِ وَالْخَيْبَةِ أَنْ يَسْمَعَ الْمُؤَذِّنَ يُثَوِّبُ بِالصَّلاةِ فَلا يُجِيبَهُ". [555]

Pengkaji tidak menemui riwayat hadith yang terdapat matan " Asalatu Khairun Minan Naum" sebagaimana yang dinyatakan pengarang. Justeru, kemungkinan ini adalah kefahaman pengarang sendiri dan diletakkan kefahaman tersebut di dalam terjemahan matan hadith ini. Hadith Mu'ādh Bin Anas r.a. ini direkodkan oleh al-

---

[551] Lihat al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *Al-La'ālī al-Maṣnū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah,* (Bayrūt : Dār al-Ma'rifah, t.t.), 2: 21 (Kitāb al-Ṣalāh).
[552] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 3: 96.
[553] *Ibid*.
[554] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Targhīb Wa al-Tarhīb*, 1: 127 (no. hadith 233).
[555] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat al-Ṭabrānī di dalam kitabnya *al-Mujam al-Kabīr*.



Universiti Malaya

Ṭabrānī [556] dan al-Haythamī[557].Al-Haythamī[558] menyatakan di dalam jalur sanad hadith ini terdapat Zabbān Bin Fā'id yang dinyatakan *ḍa'īf*. Di dalam jalur sanad ini juga terdapat perawi Risydīn Bin Sa'd yang juga *ḍa'īf* sebagaimana yang dinyatakan Abdullah Muḥammad al-Darwīsyh dan Ḥamdi Bin 'Abd al-Ḥamīd al-Salafi. Al-Albānī berpandangan hadith ini adalah *ḍa'īf* [559].

**Hukum Hadith**

Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat dua orang perawi yang *ḍa'īf* iaitu Risydīn dan Zabbān. Justeru, disebabkan terdapat kecacatan di dalam jalur sanad hadith ini iaitu kelemahan perawi maka pengkaji berpandangan hadith ini adalah berstatus *ḍa'īf*

---

**<u>Hadith 50</u>**

> Rasulullah SAW seperti sabdanya yang bermaksud :" Lakukan solat sebagaimana kamu melihatku menjalankan solat." ( Muttafaq Alaih)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَهَّابِ قَالَ حَدَّثَنَا أَيُّوبُ عَنْ أَبِي قِلَابَةَ قَالَ حَدَّثَنَا مَالِكٌ أَتَيْنَا إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ شَبَبَةٌ مُتَقَارِبُونَ فَأَقَمْنَا عِنْدَهُ عِشْرِينَ يَوْمًا وَلَيْلَةً وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَحِيمًا رَفِيقًا فَلَمَّا ظَنَّ أَنَّا قَدْ اشْتَهَيْنَا أَهْلَنَا أَوْ قَدْ اشْتَقْنَا سَأَلَنَا عَمَّنْ تَرَكْنَا بَعْدَنَا فَأَخْبَرْنَاهُ قَالَ ارْجِعُوا إِلَى أَهْلِيكُمْ فَأَقِيمُوا فِيهِمْ وَعَلِّمُوهُمْ وَمُرُوهُمْ وَذَكَرَ أَشْيَاءَ أَحْفَظُهَا أَوْ لَا أَحْفَظُهَا **<u>وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي</u>** فَإِذَا حَضَرَتْ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَذِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ وَلْيَؤُمَّكُمْ أَكْبَرُكُمْ[560]

Hadith riwayat Mālik Bin al-Huwayrith r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[561], Ibn Khuzaymah[562], Ibn Ḥibbān[563], al-Dāruquṭnī[564] dan al-Dārimī[565]. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ menyatakan sanad hadith riwayat Ibn Ḥibbān *ṣaḥīḥ* menurut syarat al-Bukhārī.

---

[556] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 20: 183 (no. hadith 396).
[557] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 2: 168 (no. hadith 2160).
[558] *Ibid.*
[559] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Targhīb Wa al-Tarhīb*, 1: 128 (no. hadith 233).
[560] Lafaz ini adalah menurut riwayat Imam al-Bukhārī di dalam Kitab *Sahih*nya.
[561] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 212 (Kitāb al-Adhān, no. hadith 631).
[562] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 206 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 397).



Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh al-Bukhārī.

---

**Hadith 51**

> Nabi SAW bersabda dalam hadith Qudsi yang bermaksud : " Allah Yang Maha Tinggi berfirman : "Wahai Ibnu Adam! Seandainya dosamu telah mencapai awan di langit (kerana banyaknya keburukan yang kamu lakukan), kemudian engkau minta ampun kepada-Ku, maka Aku mengampuni (dosamu)." (HR : Tarmizi dan dia berkata ; Hadith tersebut adalah Hasan Sahih)

***Takhrij*** **Hadith**

> أَخْبَرَنَا عَلِيُّ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدَانَ، أَخْبَرَنَا أَحْمَدُ بْنُ عُبَيْدٍ الصَّفَّارُ، حَدَّثَنَا مُعَاذُ بْنُ الْمُثَنَّى، حَدَّثَنَا عَبْدُ اللهِ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ أَسْمَاءَ، حَدَّثَنَا مَهْدِيُّ بْنُ مَيْمُونٍ، حَدَّثَنَا غَيْلَانُ بْنُ جَرِيرٍ، حَدَّثَنَا شَهْرُ بْنُ حَوْشَبٍ، عَنْ مَعْدِي كَرِبَ، عَنْ أَبِي ذَرٍّ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَرْوِيهِ عَنْ رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ، قَالَ: " يَا ابْنَ آدَمَ مَا دَعَوْتَنِي وَرَجَوْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ عَلَى مَا كَانَ فِيكَ، يَا ابْنَ آدَمَ، إِنَّكَ إِنْ لَقِيتَنِي بِقُرَابِ الْأَرْضِ خَطَايَا بَعْدَ أَنْ لَا تُشْرِكَ بِي شَيْئًا أَلْقَاكَ بِقُرَابِهَا مَغْفِرَةً ؛ **يَا ابْنَ آدَمَ إِنَّكَ إِنْ تُذْنِبْ حَتَّى تَبْلُغَ ذُنُوبُكَ عِنَانَ السَّمَاءِ ثُمَّ تَسْتَغْفِرُنِي غَفَرْتُ لَكَ** وَلَا أُبَالِي "[566]

Pengkaji mendapati pengarang hanya menukilkan sebahagian daripada matan hadith yang lengkap. Hadith seumpama ini diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat r.a. Antaranya ialah Anas Bin Mālik r.a. sebagaimana yang direkodkan oleh al-Tirmidhī[567] dan al-Ṭabrānī[568]. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Ibn 'Abbās sebagaimana yang direkodkan al-Ṭabrānī[569].Hadith ini juga diriwayatkan oleh Abū Dhar

---

[563] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 503 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2131).

[564] Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 2: 9 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1068).

[565] Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 3: 796 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1288).

[566] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Abū Dhar yang direkodkan oleh al-Bayhaqī di dalam kitabnya *al-Jāmi'*.

[567] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 804 (Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 3540).

[568] Al-Ṭabranī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 4: 315 (no. hadith 4305).

[569] Al-Ṭabranī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 5: 337 (no. hadith 5483).

r.a. dan direkodkan oleh al-Bayhaqī[570], al-Dārimī[571] dan Aḥmad[572] ( sanad *ḥasan*). Al-Ṭabrānī menyatakan hadith ini melalui riwayat Anas Bin Mālik r.a. tidak diriwayatkan daripada Abdullah al-Muzaniy selain Sa'īd Bin 'Ābid dan tidak diriwayatkan daripada Sa'īd selain Kathīr Bin Fā'id dan diriwayatkan pula secara tunggal oleh Abū 'Āṣim. Imam al-Tirmidhi pula berpandangan bahawa riwayatnya melalui jalur Anas Bin Mālik r.a. adalah *hasan gharib* dan beliau tidak menemui jalur sanad lain selain sanad yang diriwayatkan oleh beliau. Al-Albānī pula berpandangan riwayat al-Tirmidhī ini *ṣaḥīḥ*. Al-Ṭabrānī menyatakan hadith ini melalui riwayat Ibn 'Abbās r.a tidak diriwayatkan daripada Ḥabīb Bin Abī Thābit selain Qays Bin al-Rabī' dan diriwayatkan pula secara tunggal oleh Ibrāhīm Bin Isḥāq al-Sini.

**Hukum Hadith**

Al-Tirmidhi sendiri menyatakan hadith riwayat beliau adalah *hasan*. Jalur sanad hadith yang direkodkan oleh al-Bayhaqī dinyatakan *ṣaḥīḥ* (semua perawinya thiqah) oleh Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd manakala jalur sanad hadith yang direkodkan oleh al-Dārimī pula dinyatakan *ḥasan* oleh Husayn Salīm Asad al-Dārānī. Jalur sanad hadith yang direkodkan oleh Aḥmad pula dinyatakan *ḥasan* oleh Ḥamzah Aḥmad Zayn. Manakala al-Albānī pula menyatakan hadith yang direkodkan oleh al-Tirmidhī adalah *ṣaḥīḥ*. Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ lighayrihi*. Ini adalah disebabkan hadith riwayat al-Tirmidhi yang hukum asalnya adalah *ḥasan* telah disokong oleh dua riwayat lain yang juga berstatus *ḥasan* iaitu riwayat al-Dārimī dan riwayat Aḥmad. Apabila sesuatu riwayat hadith bertaraf *ḥasan* disokong oleh riwayat hadith lain yang juga bertaraf *ḥasan*, maka statusnya akan berubah kepada *ṣaḥīḥ lighayrihi.*

---

**<u>Hadith 52</u>**

[570] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 2: 336 (Kitāb al-Rajā' Min Allah Ta'ālā, no. hadith 1011).
[571] Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 3: 1835 (Kitāb al-Riqāq, no. hadith 2830).
[572] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 15: 550 (no. hadith 21397).



Universiti Malaya

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :” Setiap wanita yang berminyak dengan kayu gaharu yang dibakar (atau lainnya) maka jangan mengikuti solat Isyak bersama kami.” (HR : Muslim)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى وَإِسْحَقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ قَالَ يَحْيَى أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي فَرْوَةَ عَنْ يَزِيدَ بْنِ خُصَيْفَةَ عَنْ بُسْرِ بْنِ سَعِيدٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّمَا امْرَأَةٍ أَصَابَتْ بَخُورًا فَلَا تَشْهَدْ مَعَنَا الْعِشَاءَ الْآخِرَةَ[573]

Hadith riwayat Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh Muslim[574], al-Nasā'ī[575], Abū Dāwūd [576] dan Aḥmad[577] (dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*). Al-Albānī menyatakan riwayat al-Nasā'ī dan Abū Dāwūd adalah *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh Muslim.

---

**<u>Hadith 53</u>**

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : “Setiap wanita yang berminyak lalu lewat kepada seorang kaum (lelaki) agar mereka mencium bau harumnya, maka dia telah berzina (berdosa sebab memberi mereka melihat kepadanya setelah mencium bau harumnya(.” (HR : Nasai, Ibnu Huzaimah, Ibnu Hibban dalam kitab Sahih mereka dan diriwayatkan pula oleh Hakim. Dia berkata hadith tersebut adalah sahih sanadnya)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مَرْوَانُ بْنُ مُعَاوِيَةَ قَالَ ثَنَا ثَابِتُ بْنُ عُمَارَةَ عَنْ غُنَيْمِ بْنِ قَيْسٍ عَنِ الْأَشْعَرِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّمَا امْرَأَةٍ اسْتَعْطَرَتْ فَمَرَّتْ بِقَوْمٍ لِيَجِدُوا رِيحَهَا فَهِيَ زَانِيَةٌ[578]

[573] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.
[574] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 328 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 444).
[575] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 776 (Kitāb al-Zīnah, no. hadith 5128).
[576] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 746 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 4175).
[577] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 8: 134 (no. hadith 8022).
[578] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam Ahmad di dalam kitabnya *al-Musnad.*



Universiti Malaya

Hadith riwayat Abū Mūsā al-Asy'ariy r.a. ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[579], al-Tirmidhī[580], Abū Dāwūd[581], Aḥmad[582], al-Dārimī[583], Ibn Khuzaymah[584] dan al-Bayhaqī[585] .Riwayat Ahmad sanadnya *ṣaḥīḥ* menurut Hamzah Ahmad Zayn. Riwayat Ibn Khuzaymah pula sanadnya dinyatakan *ḥasan* oleh Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-A'ẓamiy. Riwayat al-Bayhaqī juga sanadnya dinyatakan *ḥasan* oleh Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd. Riwayat Abū Dāwūd pula adalah dengan lafaz matan " كَذَا وَكَذَا" bukannya " زَانِيَةٌ " dan al-Albānī menyatakan statusnya adalah *ḥasan*. Riwayat al-Tirmidhī juga statusnya dinyatakan *ḥasan* oleh al-Albānī.

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi*. Ini adalah disebabkan hadith riwayat al-Tirmidhi yang hukum asalnya adalah *ḥasan* telah disokong oleh tiga riwayat lain yang juga berstatus *ḥasan* iaitu riwayat Abū Dāwūd, al-Bayhaqī dan riwayat Ibn Khuzaymah. Apabila sesuatu riwayat hadith bertaraf *ḥasan* disokong oleh riwayat hadith lain yang juga bertaraf *ḥasan*, maka statusnya akan berubah kepada *ṣaḥīḥ lighayrihi.*

---

**Hadith 54**

> Usman bin Affan r.a. bahawa ia mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : “Barangsiapa yang melakukan solat Isyak dengan berjemaah, maka seolah-olah melakukan solat sunat separuh malam. Dan barangsiapa yang melakukan solat Subuh dengan berjemaah maka seolah-olah melakukan solat sunat malam suntuk.” (HR : Malik dan Muslim, lafaz hadith menurut riwayat Muslim)

Universiti Malaya

---

[579] Lihat al-Nasā'ī, Abī 'Abd al-Raḥmān Aḥmad Bin Syu'ayb Bin 'Alī, *al-Sunan al-Kubrā*, tahqiq Hasan 'Abd al-Mun'im al-Syalibi (Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 2001), 8: 349 (Kitāb al-Zīnah, no. hadith 9362).
[580] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 625 (Kitāb al-Adāb, no. hadith 2786).
[581] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 745 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 4173).
[582] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 15: 11 (no. hadith 19599).
[583] Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 3: 1730 (Kitāb al-Isti'dhān, no. hadith 2688).
[584] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 3: 91 (Kitāb al-Imāmah Fī al-Ṣalāh, no. hadith 1681).
[585] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 10: 235 (Kitab al-Ḥayā', no. hadith 7430).

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا إِسْحَقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ أَخْبَرَنَا الْمُغِيرَةُ بْنُ سَلَمَةَ الْمَخْزُومِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ وَهُوَ ابْنُ زِيَادٍ حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ حَكِيمٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَبِي عَمْرَةَ قَالَ دَخَلَ عُثْمَانُ بْنُ عَفَّانَ الْمَسْجِدَ بَعْدَ صَلَاةِ الْمَغْرِبِ فَقَعَدَ وَحْدَهُ فَقَعَدْتُ إِلَيْهِ فَقَالَ يَا ابْنَ أَخِي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ **مَنْ صَلَّى الْعِشَاءَ فِي جَمَاعَةٍ فَكَأَنَّمَا قَامَ نِصْفَ اللَّيْلِ وَمَنْ صَلَّى الصُّبْحَ فِي جَمَاعَةٍ فَكَأَنَّمَا صَلَّى اللَّيْلَ كُلَّهُ** و حَدَّثَنِيهِ زُهَيْرُ بْنُ حَرْبٍ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَسَدِيُّ ح و حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ رَافِعٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ جَمِيعًا عَنْ سُفْيَانَ عَنْ أَبِي سَهْلٍ عُثْمَانَ بْنِ حَكِيمٍ بِهَذَا الْإِسْنَادِ مِثْلَهُ[586]

Hadith riwayat 'Uthmān Bin 'Affān r.a ini direkodkan oleh Muslim[587], Abū Dāwūd[588], al-Tirmidhī[589], Aḥmad[590], Ibn Ḥibbān[591] dan Ibn Khuzaymah[592]. Riwayat Abū Dāwūd dinyatakan *ḥasan* oleh al-Albānī manakala riwayat al-Tirmidhī pula dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh beliau. Riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ḍa'īf* iaitu Muḥammad Bin Ibrāhīm al-Taymiy tidak sempat berjumpa 'Uthmān Bin 'Affān r.a. Justeru riwayatnya adalah terputus.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh Muslim.

---

**<u>Hadith 55</u>**

> Ibnu Mas'ūd meriwayatkan hadith sebagai berikut : "Diceritakan bahawa disisi Nabi SAW ada seorang lelaki yang tidur semalam sehingga pagi. Rasul bersabda bermaksud :"Itulah lelaki yang telinganya dikencingi syaitan atau Rasul bersabda :……. Di kedua telinganya" (HR : Bukhari dan Muslim)

586 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.
587 Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 454 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 656).
588 Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 103 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 555).
589 Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 64 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 221).
590 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 1: 338 (no. hadith 409).
591 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 408 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2060).
592 Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 2: 365 (Kitāb al-Imāmah Fī al-Ṣalāh, no. hadith 1473).



Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ أَبِي وَائِلٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ ذُكِرَ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ نَامَ لَيْلَهُ حَتَّى أَصْبَحَ قَالَ ذَاكَ رَجُلٌ بَالَ الشَّيْطَانُ فِي أُذُنَيْهِ أَوْ قَالَ فِي أُذُنِهِ[593]

Hadith riwayat Abdullah Ibn Mas'ūd r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[594], Muslim[595], al-Nasā'ī[596] (dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī) dan Ibn Mājah[597] (dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī).

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

---

**Hadith 56**

> Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :" Bila seseorang antaramu tidur, maka syaitan mengikat tiga ikatan di belakang kepala orang tersebut. Setiap ikatan itu berbunyi :"Kamu mempunyai waktu malam yang masih panjang, maka tidurlah." Bila dia terbangun lalu berzikir kepada Allah , maka satu ikatan akan lepas. Bila dia berwudhuk maka satu lagi ikatan akan lepas. Bila dia melakukan solat, maka seluruh ikatan akan lepas. " Sehingga di waktu pagi dia giat dan hatinya gembira. Bila dia demikian, maka di waktu pagi hatinya kacau/jahat dan malas." (HR : Malik, Bukhari, Muslim dan Abu Dawud)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ أَبِي الزِّنَادِ عَنْ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَعْقِدُ الشَّيْطَانُ عَلَى قَافِيَةِ رَأْسِ أَحَدِكُمْ إِذَا هُوَ نَامَ ثَلَاثَ عُقَدٍ يَضْرِبُ كُلَّ عُقْدَةٍ عَلَيْكَ لَيْلٌ طَوِيلٌ فَارْقُدْ فَإِنْ اسْتَيْقَظَ فَذَكَرَ اللَّهَ انْحَلَّتْ عُقْدَةٌ فَإِنْ تَوَضَّأَ انْحَلَّتْ عُقْدَةٌ فَإِنْ صَلَّى انْحَلَّتْ عُقْدَةٌ فَأَصْبَحَ نَشِيطًا طَيِّبَ النَّفْسِ وَإِلَّا أَصْبَحَ خَبِيثَ النَّفْسِ كَسْلَانَ[598]

---

[593] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Sahih*nya.
[594] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 355 (Kitāb al-Tahajjud, no. hadith 1144).
[595] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 537 (Kitāb Ṣalāh al-Musāfirīn Wa Qasriha, no. hadith 774).
[596] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 265 (Kitāb Qiyām al-Layl Wa Taṭawwu' al-Nahār, no. hadith 1608).
[597] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 236 (Kitāb Iqāmah al-Ṣalawāt Wa al-Sunnah Fīhā, no. hadith 1330).
[598] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Sahih*nya.

Hadith riwayat Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[599], Muslim[600], al-Nasā'ī[601], Abū Dāwūd[602], Ibn Mājah[603], Aḥmad[604], Ibn Ḥibbān[605] dan al-Suyūṭī[606]. Al-Albānī menyatakan riwayat al-Nasā'ī dan Ibn Mājah adalah *ṣaḥīḥ* manakala riwayat Abū Dāwūd pula adalah *ḥasan*. Ahmad Muhammad Syakir pula menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

---

## Hadith 57

Imam Tarmizi meriwayatkan hadith dari Syeikh Ghamidi bahawa Nabi SAW bersabda " اللهم بارك لأمتي في بكورها " " Ya Allah berkahilah kepada umatku di waktu paginya."

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الدَّوْرَقِيُّ ، حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ ، حَدَّثَنَا يَعْلَى بْنُ عَطَاءٍ ، عَنْ عُمَارَةَ بْنِ حَدِيدٍ ، عَنْ صَخْرٍ الْغَامِدِيِّ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : **اللَّهُمَّ بَارِكْ لِأُمَّتِي فِي بُكُورِهَا** " ، قَالَ : وَكَانَ إِذَا بَعَثَ سَرِيَّةً ، أَوْ جَيْشًا بَعَثَهُمْ أَوَّلَ النَّهَارِ ، وَكَانَ صَخْرٌ رَجُلًا تَاجِرًا ، وَكَانَ إِذَا بَعَثَ تِجَارَةً بَعَثَهُمْ أَوَّلَ النَّهَارِ ، فَأَثْرَى ، وَكَثُرَ مَالُهُ . قَالَ : وَفِي الْبَاب ، عَنْ عَلِيٍّ ، وَابْنِ مَسْعُودٍ ، وَبُرَيْدَةَ ، وَأَنَسٍ ، وَابْنِ عُمَرَ ، وَابْنِ عَبَّاسٍ ، وَجَابِرٍ . قَالَ أَبُو عِيسَى : حَدِيثُ صَخْرٍ الْغَامِدِيِّ حَدِيثٌ حَسَنٌ ، وَلَا نَعْرِفُ لِصَخْرٍ الْغَامِدِيِّ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَيْرَ هَذَا الْحَدِيثِ ، وَقَدْ رَوَى سُفْيَانُ الثَّوْرِيُّ ، عَنْ شُعْبَةَ ، عَنْ يَعْلَى بْنِ عَطَاءٍ هَذَا الْحَدِيثَ[607] .

---

[599] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 355 (Kitāb al-Tahajjud, no. hadith 1142).
[600] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 538 (Kitāb Ṣalāh al-Musāfirīn Wa Qaṣrihā, no. hadith 776).
[601] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 265 (Kitāb Qiyām al-Layl Wa Taṭawwu' al-Nahār, no. hadith 1607).
[602] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 225 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 1306).
[603] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 235 (Kitāb Iqāmah al-Ṣalawāt Wa al-Sunnah Fīhā, no. hadith 1329).
[604] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 7: 132 (no. hadith 7306).
[605] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 6: 293 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2553).
[606] Al-Suyūṭī, *Jam' al-Jawāmi' al-Ma'rūf Bi al-Jāmi' al-Kabīr,* 13: 237 (no. hadith 28046).
[607] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam al-Tirmidhī di dalam *Sunan*nya.

Hadith riwayat Ṣakhr al-Ghāmidiy r.a. ini direkodkan oleh Abū Dāwūd[608], al-Tirmidhī[609], Ibn Mājah[610], Aḥmad[611], al-Dārimī[612], Ibn Abī Syaybah[613] dan al-Ṭabrānī[614]. Al-Albānī berpandangan riwayat Abū Dāwūd, al-Tirmidhī dan Ibn Mājah adalah *ṣaḥīḥ*. Hamzah Ahmad Zayn menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ḥasan*. Ḥusayn Sālim Asad al-Dāranī menyatakan riwayat al-Dārimī adalah dengan sanad yang *ḥasan* Hadith seumpama ini juga ada diriwayatkan melalui beberapa jalur periwayatan lain. Ibn Mājah merekodkan melalui jalur Ibn 'Umar[615] r.a. Aḥmad merekodkan melalui jalur 'Alī[616] r.a. dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*, Ibn Abī Syaybah merekodkan melalui jalur sanad Sa'īd Bin al-Musayyab[617] r.a. dan 'Alī [618] r.a. al-Ṭabrānī merekodkan melalui jalur Ibn 'Umar[619] r.a., jalur Ibn Mas'ūd [620] r.a., jalur Ibn 'Abbās [621] r.a., Ka'ab Bin Mālik [622] r.a. Al-Bayhaqī[623] merekodkan hadith ini melalui jalur Ibn 'Abbās r.a.

**Hukum Hadith**

pengkaji dapat menyatakan beberapa kesimpulan iaitu melalui riwayat al-Tirmidhī, Ibn Mājah dan Abū Dāwūd, al-Albānī menyatakan bahawa riwayat Ṣakhr al-Ghāmidiy ini adalah *ṣaḥīḥ* kecuali petikan matan " قَالَ وَكَانَ إِذَا بَعَثَ سَرِيَّةً أَوْ جَيْشًا بَعَثَهُمْ فِي أَوَّلِ النَّهَارِ قَالَ وَكَانَ صَخْرٌ رَجُلًا تَاجِرًا فَكَانَ يَبْعَثُ تِجَارَتَهُ فِي أَوَّلِ النَّهَارِ فَأَثْرَى وَكَثُرَ مَالُهُ"adalah *ḍa'īf*.

[608] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 457 (Kitāb al-Jihād, no. hadith 2606).
[609] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 289 (Kitāb al-Buyū', no. hadith 1212).
[610] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 384 (Kitāb al-Tijārāt, no. hadith 2286).
[611] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 12: 177 (no. hadith 15376).
[612] Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 3: 1581 (Kitāb al-Siyar, no. hadith 2479).
[613] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 11: 484 (Kitāb al-Siyar, no. hadith 34181).
[614] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 8: 28 (no. hadith 7275).
[615] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 384 (Kitāb al-Tijārāt, no. hadith 2286).
[616] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 14: 473 (no. hadith 19323).
[617] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 11: 484 (Kitāb al-Siyar, no. hadith 34181).
[618] *Ibid*.
[619] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 12: 375 (no. hadith 13390).
[620] *Ibid*., 10: 257 (no. hadith 10490).
[621] *Ibid*., 12: 229 (no. hadith 12966).
[622] *Ibid*., 19: 78 (no. hadith 516).
[623] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 10: 183 (Kitab al-Ḥayā', no. hadith 7357).

Universiti Malaya

Manakala riwayat Ibn Mājah daripada Ibn 'Umar r.a. pula adalah *ṣaḥīḥ*. Melalui riwayat al-Ṭabrānī pula, riwayat melalui jalur Ibn Mas'ūd r.a adalah *ḍa'īf* kerana perawi 'Alī Bin 'Ābis adalah seorang *ḍa'īf*. Riwayat Ibn 'Abbās r.a. juga adalah *ḍa'īf* kerana perawi 'Umar Bin Musāwir adalah *ḍa'īf*. Melalui riwayat Ka'ab Bin Mālik r.a. juga adalah *ḍa'īf* kerana perawi 'Ammār Bin Hārūn adalah *matrūk* (ditinggalkan). Melalui riwayat Ibn 'Abbās r.a. yang direkodkan oleh al-Bayhaqī juga adalah *ḍa'īf* disebabkan perawi 'Umar Bin Musāwir yang terdapat di dalam jalur sanadnya adalah *ḍa'īf* . Walaupun beberapa jalur sanad yang dinyatakan ini adalah *ḍa'īf*, Aḥmad pula ada merekodkan jalur sanad yang *ṣaḥīḥ* iaitu melalui jalur 'Alī r.a. dan jalur sanad yang *ḥasan* melalui riwayat Ṣakhr al-Ghāmidiy r.a. ini. Al-Dārimī juga ada merekodkan melalui jalur sanad yang bertaraf *ḥasan*. Justeru, walaupun ada sanad tertentu yang *ḍa'īf* disebabkan perawinya yang *ḍa'īf*, tetapi terdapat juga sanad tertentu yang perawinya keseluruhannya *ṣaḥīḥ*. Maka, pengkaji berpandangan bahawa hadith riwayat Ṣakhr al-Ghāmidiy r.a. ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana riwayat ini telah disokong oleh banyak jalan periwayatan yang lain termasuklah riwayat dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

---

**<u>Hadith 58</u>**

> Rasulullah SAW bersabda dalam hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim sebagai berikut yang bermaksud : " Sesungguhnya solat yang terdekat bagi orang-orang munafik adalah solat Isyak dan Subuh. Seandainya mereka mengetahui apa yang ada di dalamnya nescaya mereka mendatanginya sekalipun dengan merangkak."

***Takhrij*** **Hadith**

حَدَّثَنَا ابْنُ نُمَيْرٍ حَدَّثَنَا أَبِي حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ ح و حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَأَبُو كُرَيْبٍ وَاللَّفْظُ لَهُمَا قَالَا حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ <u>**إِنَّ أَثْقَلَ صَلَاةٍ عَلَى الْمُنَافِقِينَ صَلَاةُ الْعِشَاءِ وَصَلَاةُ الْفَجْرِ وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِيهِمَا لَأَتَوْهُمَا وَلَوْ حَبْوًا**</u> وَلَقَدْ هَمَمْتُ أَنْ آمُرَ

بِالصَّلَاةِ فَتُقَامَ ثُمَّ آمُرَ رَجُلًا فَيُصَلِّيَ بِالنَّاسِ ثُمَّ أَنْطَلِقَ مَعِي بِرِجَالٍ مَعَهُمْ حُزَمٌ مِنْ حَطَبٍ إِلَى قَوْمٍ لَا يَشْهَدُونَ الصَّلَاةَ فَأُحَرِّقَ عَلَيْهِمْ بُيُوتَهُمْ بِالنَّارِ[624]

Riwayat Ubay Bin Ka'ab r.a. ini direkodkan oleh Muslim[625], Abū Dāwūd[626], Ibn Mājah[627], Aḥmad[628], Ibn Khuzaymah[629], Ibn Ḥibbān[630] dan Ibn Abī Syaybah[631]. Riwayat Abū Dāwūd dinyatakan *ḥasan* oleh al-Albānī manakala riwayat Ibn Mājah pula beliau nyatakan *ṣaḥīḥ*. Ahmad Muhammad Syakir pula menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan Muslim.

---

**Hadith 59**

Abdullah bin Mas'ud sebagai sahabat besar bersumpah seraya berkata :" Sungguh aku tidak melihat dikalangan kami (para sahabat) bahawa tidak ada yang ketinggalan jemaah kecuali orang munafik yang sudah diketahui kemunafikannya ." (HR : Muslim, Abu Dawud, Nasai dan Ibnu Majah)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بِشْرٍ الْعَبْدِيُّ حَدَّثَنَا زَكَرِيَّاءُ بْنُ أَبِي زَائِدَةَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ عُمَيْرٍ عَنْ أَبِي الْأَحْوَصِ قَالَ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ **لَقَدْ رَأَيْتُنَا وَمَا يَتَخَلَّفُ عَنْ الصَّلَاةِ إِلَّا مُنَافِقٌ قَدْ عُلِمَ نِفَاقُهُ** أَوْ مَرِيضٌ إِنْ كَانَ الْمَرِيضُ لَيَمْشِي بَيْنَ رَجُلَيْنِ حَتَّى يَأْتِيَ الصَّلَاةَ وَقَالَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَّمَنَا سُنَنَ الْهُدَى وَإِنَّ مِنْ سُنَنِ الْهُدَى الصَّلَاةَ فِي الْمَسْجِدِ الَّذِي يُؤَذَّنُ فِيهِ[632]

---

[624] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.
[625] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 451 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 651).
[626] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 103 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 554).
[627] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 150 (Kitāb al-Masājid Wa al-Jamā'ah, no. hadith 797).
[628] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 9: 392 (no. hadith 10056).
[629] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 2: 366 (Kitāb al-Imāmah Fī al-Ṣalāh, no. hadith 1476).
[630] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 455 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2098).
[631] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 2: 232 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 3367).
[632] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.



University Malaya

Pengkaji mendapati maksud matan yang dinyatakan oleh pengarang buku adalah kata-kata Abdullah Ibn Mas'ud r.a. Kata-kata Abdullah Ibn Mas'ud r.a. ini direkodkan oleh Muslim[633], Abū Dāwūd[634], Ibn Mājah[635], Ibn Ḥibbān[636] dengan sanad yang *ṣaḥīḥ* menurut syarat Muslim, Ibn Khuzaymah[637], al-Ṭabrānī[638]. Al-Albānī menyatakan riwayat Abū Dāwūd dan Ibn Mājah adalah *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Kata-kata Abdullah Ibn Mas'ud r.a. ini yang merupakan *qawl al-ṣaḥābī* (kata-kata sahabat) adalah melalui jalur sanad yang sahih sebagaimana yang terdapat di dalam *Ṣaḥīḥ* Muslim dan *Ṣaḥīḥ* Ibn Ḥibbān. *Qawl al-ṣaḥābī* (kata-kata sahabat) lebih dikenali sebagai hadith *mawqūf*. Pengkaji berpandangan bahawa hadith ini secara lafaznya adalah *mawqūf* tetapi secara hukumnya adalah *marfū'* disebabkan terdapat *qarinah* yang menghubungkan kata-kata Abdullah Ibn Mas'ud ini dengan zaman Rasulullah SAW Justeru, hadith *mawqūf* ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ*.

---

**<u>Hadith 60</u>**

> Dari Ibnu Umar r.a. berkata : “Bila seorang lelaki di antara kami tidak mengikuti solat Isyak dan Subuh, maka kami berburuk sangka kepadanya.” ?(HR : Al-Bazzar, Thabrani dan Ibnu Hibban dalam kitab sahihnya )

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا أَبُو عَرُوبَةَ ، قَالَ : حَدَّثَنَا عَبْدُ الْجَبَّارِ بْنِ الْعَلَاءِ ، قَالَ : حَدَّثَنَا مَرْوَانُ بْنِ مُعَاوِيَّةَ ، قَالَ : حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنِ سَعِيد ، قَالَ : حَدَّثَنِي نَافِعٌ ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ ، قَالَ : « كُنَّا إِذَا فَقَدْنَا الْإِنْسَانَ فِي صَلَاةِ الصُّبْحِ وَالْعِشَاءِ أَسَأْنَا بِهِ الظَّنَّ »[639]

---

[633] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 453 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 654).
[634] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 102 (Kitāb al-Ṣalāḥ, no. hadith 550).
[635] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 147 (Kitāb al-Masājid Wa al-Jamā'ah, no. hadith 777).
[636] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 456 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2100).
[637] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 369 (Kitāb al-Imāmah Fī al-Ṣalāh, no. hadith 1483).
[638] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 9: 523 (no. hadith 3669).
[639] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Ibn Hibban di dalam *Sahih*nya.

Universiti Malaya

Pengkaji mendapati bahawa riwayat ini adalah *qawl al-ṣaḥābī* (kata-kata sahabat) iaitu kata-kata Ibn 'Umar r.a. Kata-kata Ibn 'Umar r.a. ini direkodkan oleh Ibn Ḥibbān[640] dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*, Ibn Khuzaymah[641], Ibn Abī Syaybah[642], al-Haythamī[643] (dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*) dan al-Ṭabrānī[644] dengan kesemua perawinya adalah dipercayai sebagaimana yang dinyatakan oleh Ḥamdī Bin 'Abd al-Ḥamīd al-Salafi.

**Hukum Hadith**

Kata-kata Abdullah Ibn 'Umar r.a. ini yang merupakan *qawl al-ṣaḥābī* (kata-kata sahabat) adalah melalui jalur sanad yang sahih sebagaimana yang terdapat di dalam *Ṣaḥīḥ* Ibn Ḥibbān dan *Ṣaḥīḥ* Ibn Khuzaymah. Justeru, *qawl al-ṣaḥābī* (kata-kata sahabat) adalah dikenali sebagai hadith *mawqūf*. Maka, pengkaji berpandangan hadith *mawqūf* ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ*.

---

**Hadith 61**

Riwayat hadith Muslim sebagai berikut yang bermaksud: "Barangsiapa yang melakukan solat Subuh maka ia di dalam pertanggungan Allah."

***Takhrij* Hadith**

و حَدَّثَنِي نَصْرُ بْنُ عَلِيٍّ الْجَهْضَمِيُّ حَدَّثَنَا بِشْرٌ يَعْنِي ابْنَ مُفَضَّلٍ عَنْ خَالِدٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ سِيرِينَ قَالَ سَمِعْتُ جُنْدَبَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **مَنْ صَلَّى الصُّبْحَ فَهُوَ فِي ذِمَّةِ اللَّهِ** فَلَا يَطْلُبَنَّكُمْ اللَّهُ مِنْ ذِمَّتِهِ بِشَيْءٍ فَيُدْرِكَهُ فَيَكُبَّهُ فِي نَارِ جَهَنَّمَ[645]

---

[640] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 455 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2099).

[641] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 2: 370 (Kitāb al-Imāmah Fī al-Ṣalāh, no. hadith 1485).

[642] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 2: 232 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 3369).

[643] Lihat al-Haythamī, Nūr al-Dīn 'Alī Bin Abī Bakr, *Mawārid al-Ẓam'ān Ilā Zawā'id Ibn Ḥibbān*, tahqiq Husayn Salim Asad al-Darani dan 'Abduh 'Ali al-Kawsyik (Bayrūt : Dār al-Thaqafah al-'Arabiyyah, 1990), 2: 131 (no. hadith 427).

[644] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 52: 275 (no. hadith 58631).

[645] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.

Pengkaji mendapati pengarang menukilkan hadith ini hanya sebahagian sahaja daripada matan hadith yang lengkap. Hadith ini diriwayatkan melalui beberapa jalan periwayatan di kalangan sahabat r.a. iaitu Jundub Bin 'AbdiLlah r.a., Abū Hurayrah r.a., Ibn 'Umar r.a., Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a., Jundub Bin Sufyān r.a dan Samurah Bin Jundab r.a. Riwayat Jundub Bin 'AbdiLlah r.a. direkodkan oleh Muslim[646]. Riwayat Jundub Bin Sufyān r.a direkodkan oleh al-Tirmidhī[647]. Riwayat Abū Hurayrah r.a.[648] juga direkodkan oleh al-Tirmidhī. Riwayat Ibn 'Umar r.a. direkodkan oleh Aḥmad[649]. Riwayat Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a. direkodkan oleh Ibn Mājah[650] dan riwayat Samurah Bin Jundab r.a. juga direkodkan oleh Ibn Mājah[651].Al-Tirmidhī menyatakan riwayat Jundub Bin Sufyān r.a adalah *ḥasan ṣaḥīḥ* manakala riwayat Abū Hurayrah r.a. pula adalah *ḥasan* gharib.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* sebagaimana pandangan al-Albānī yang menyatakan riwayat Ibn Mājah melalui jalur Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a. dan Bin Jundab r.a. adalah *ṣaḥīḥ* dan Ahmad Muhammad Syakir menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ.*

---

**Hadith 62**

> Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :" Berilah khabar gembira pada orang-orang yang berjalan ke masjid-masjid di waktu gelap bahawa ia akan mendapatkan cahaya yang sempurna pada Hari Kiamat." (HR : Abu Dawud dan Tarmizi, Hadith *ṣaḥīḥ* menurut al-Hakim)

---

646 Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 454 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 657).
647 Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 65 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 222).
648 *Ibid,* 489 (Kitāb al-Fitan, no. hadith 2164).
649 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 5: 295 (no. hadith 5898).
650 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 650 (Kitāb al-Fitan, no. hadith 3945).
651 *Ibid*, 651 (no. hadith 3946).

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عَبَّاسٌ الْعَنْبَرِيُّ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ كَثِيرٍ أَبُو غَسَّانَ الْعَنْبَرِيُّ عَنْ إِسْمَعِيلَ الْكَحَّالِ
عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَوْسٍ الْخُزَاعِيِّ عَنْ بُرَيْدَةَ الْأَسْلَمِيِّ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
**بَشِّرْ الْمَشَّائِينَ فِي الظُّلَمِ إِلَى الْمَسَاجِدِ بِالنُّورِ التَّامِّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ** قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا
حَدِيثٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ مَرْفُوعٌ هُوَ صَحِيحٌ مُسْنَدٌ وَمَوْقُوفٌ إِلَى أَصْحَابِ النَّبِيِّ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَمْ يُسْنَدْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ[652]

Hadith riwayat Buraydah al-Aslamiy r.a. ini direkodkan oleh al-Tirmidhī[653], Abū Dāwūd[654] dan al-Bazzār[655]. Hadith seumpama ini juga ada diriwayatkan melalui beberapa jalur periwayatan lain iaitu melalui riwayat Abū Sa'īd al-Khudriy sebagaimana yang direkodkan oleh Abu Ya'la al-Mawsili[656], al-Haythamī dan al-Bazzār[657], riwayat Anas Bin Mālik r.a.sebagaimana direkodkan oleh Ibn Mājah[658], al-Ṭabrānī[659], riwayat Sahl Bin Sa'd al-Sā'idiy r.a. sebagaimana direkodkan oleh Ibn Mājah[660], al-Ḥākim[661] dan al-Ṭabrānī[662]. Al-Tirmidhī sendiri menyatakan bahawa riwayat Buraydah al-Aslamiy r.a. adalah merupakan hadith *gharīb*. Al-Tirmidhī juga menyatakan hadith ini diriwayatkan secara *marfū'* yang merupakan *ṣaḥīḥ* dan secara *mawqūf* kepada para sahabat Nabi SAW dan tidak disandarkan kepada Nabi SAW. Riwayat yang direkodkan oleh al-Bazzār pula adalah *ḍa'īf* kerana terdapat perawi Muhammad Bin 'AbdiLlah Bin 'Ubayd Bin 'Amir yang di*ḍa'īf*kan oleh Ibn Ma'in dan al-Bukhari dan dinyatakan sebagai *matruk* oleh al-Nasa'i dan al-Daruqutni. Jalur sanad ini juga terdapat perawi 'Ali Bin Zayd yang juga *ḍa'īf.* Riwayat Abu Ya'la al-Mawsili pula adalah da'if

Universiti Malaya

---

652 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam al-Tirmidhī di dalam *Sunan*nya.
653 Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 65 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 223).
654 Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 104 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 561).
655 Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 10: 322 (no. hadith 4448).
656 Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 2: 361 (no. hadith 1113).
657 Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 8: 77 (no. hadith 3074).
658 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 148 (Kitāb al-Masājid Wa al-Jamā'ah, no. hadith 780 dan 781).
659 Al-Ṭabranī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 6: 111 (no. hadith 5956).
660 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 148 (Kitāb al-Masājid Wa al-Jamā'ah, no. hadith 780 dan 781).
661 Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 319 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 771).
662 Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 6: 147 (no. hadith 5800).

disebabkan terdapat perawi 'Abd al-Hakam Bin 'Abdillah yang merupakan *munkar al-ḥāḍīṭḥ* dan *ḍa'īf al-ḥāḍīṭḥ* menurut Ibn Abī Hātim dan al-Bukhārī[663].

Al-Ḥākim menyatakan hadith riwayatnya adalah *ṣaḥīḥ* menurut syarat al-Bukhārī dan Muslim. Al-Albānī pula menyatakan kesemua riwayat yang direkodkan oleh al-Tirmidhi, Abū Dāwūd dan Ibn Mājah adalah *ṣaḥīḥ*. Namun, pengkaji juga mendapati al-Albānī juga menyatakan bahawa riwayat al-Tirmidhi dan Abū Dāwūd adalah berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi* di dalam Sahih al-Targhib wa al-Tarhib[664]. Iṣām Mūsā Hādī pula menyatakan riwayat Abū Dāwūd adalah *ṣaḥīḥ lighayrihi*[665]. Hadith seumpama ini juga ada diriwayatkan melalui jalur 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. dan direkodkan oleh Ibn al-Jawzī[666].Ibn al-Jawzī menyatakan bahawa hadith ini tidak thabit. Abū al-Fatḥ al-Azdiyy menyatakan perawi 'Alī Bin Thābit adalah seorang *ḍa'īf*[667]. Abū Ḥātim al-Rāzī pula menyatakan sebagai *dhāhib al-Ḥāḍīth*. Walaupun demikian, 'Alī Bin Thābit juga dinyatakan *thiqah* oleh Ibn Ma'in dan dinyatakan *thiqah ṣadūq* oleh Aḥmad.[668] Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā'īl (pentahqiq kitab Ibn Syāhīn) pula menyatakan di dalam jalur sanad ini terdapat perawi al-Wāzi' Bin Nāfi' yang merupakan *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah)[669]. Al-Wāzi' Bin Nāfi' juga dinyatakan *laysa bi thiqah* oleh Ibn Ma'īn dan Aḥmad, *munkar al-ḥāḍīth* oleh al-Bukhārī dan *matrūk* oleh al-Nasā'ī[670]. Justeru, sanad hadith riwayat 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. ini adalah *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah) kerana terdapat perawi yang bermasalah sebagaimana yang telah dinyatakan.

663 Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 16: 403.
664 Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 1: 246 (no. hadith 315).
665 Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah : Dār al-Ṣiddīq, 1434H), 176 (no. hadith 561).
666 Ibn al-Jawzī, *al-'Ilal al-Mutanāhiyah Fī al-Aḥādīth al-Wāhiyah*, 1: 405 (no. hadith 683).
667 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 5: 143.
668 *Ibid.*
669 Lihat nota kaki Ibn Syāhīn, *al-Targhīb Fī Faḍā'il al-A'māl Wa Thawāb Dhālik*, 36 (no. hadith 90).
670 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 8: 367 (no. 8323).



Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Al-hafiz 'Abd al-'Azim menyatakan perawi-perawi di dalam jalur sanad riwayat Buraydah adalah thiqah[671]. Pengkaji cuba menjalankan kajian sanad terhadap jalur sanad riwayat al-Tirmidhi ini bagi mendapatkan pandangan ulama-ulama terhadap perawi-perawi tersebut. 'Abdullah Bin Auws dinyatakan oleh Ibn al-Qattan sebagai *majhul* namun al-Dhahabi berpandangan 'Abdullah Bin Auws ini adalah *saduq*[672]. Isma'il Bin Sulayman al-Kahhal pula dinyatakan oleh Abu Hatim sebagai *Ṣāliḥ al-ḥadīth*[673]. Yahya Bin Kathir pula dinyatakan oleh Abu Hatim sebagai *Ṣāliḥ al-ḥadīth* dan dinyatakan oleh al-Nasa'i sebagai *laysa bih ba's*[674].'Abbas al-'Anbari pula dinyatakan oleh Abu Hatim sebagai Saduq dan al-Nasa'i sebagai *thiqah ma'mun*[675]. Menerusi dapatan ini, pengkaji mendapati tiada seorang perawi pun yang dinyatakan *da'if*. Namun, terdapat perawi yang tahap kekuatan hafazannya tidak menyokong ke'adilannya iaitu tidak mencapai tahap thiqah. Justeru pengkaji berpandangan jalur sanad ini adalah berstatus *ḥasan.* Pengkaji juga cuba meneliti sanad riwayat Abu Dawud dan pengkaji mendapati riwayat Abu Dawud ini jalur sanadnya hampir menyamai jalur al-Tirmidhi. Kelainannya ialah pada perawi yang mengambil riwayat daripada Isma'il Bin Sulayman al-Kahhal. Di dalam riwayat Abu Dawud, perawi yang mengambil riwayat daripada Isma'il Bin Sulayman al-Kahhal ialah Abu 'Ubaydah al-Haddad dan perawi yang mengambil riwayat daripada Abu 'Ubaydah ialah Yahya Bin Ma'in. Perawi Abu 'Ubaydah al-Haddad ('Abd al-Wahid Bin Wasil) ini dinyatakan thiqah oleh Ibn Ma'in dan ulama lain[676]. Perawi Yahya Bin Ma'in pula dinyatakan sebagai Imam rabbani 'Alim Hafiz Thabt Mutqin oleh Abu Bakr al-Khatib[677]. Justeru, menerusi dapatan ini, pengkaji mendapati tiada seorang perawi pun yang dinyatakan *da'if*

---

[671] Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 1: 246 (no. hadith 315).
[672] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 4: 63.
[673] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 3: 107.
[674] *Ibid.*, 31: 500.
[675] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 14: 224.
[676] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 4: 430.
[677] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 131: 544.



Universiti Malaya

(lemah). Namun, terdapat perawi yang tahap kekuatan hafazannya tidak menyokong ke'adilannya iaitu tidak mencapai tahap thiqah. Justeru pengkaji berpandangan jalur sanad ini juga adalah berstatus *ḥasan.*

Maka, pengkaji berpandangan bahawa tepatlah pandangan yang dikemukakan oleh Iṣām Mūsā Hādī yang menyatakan riwayat Abu Dawud adalah *ṣaḥīḥ lighayrihi* kerana apabila hadith *hasan* disokong oleh hadith *hasan* lain, maka statusnya meningkat menjadi *ṣaḥīḥ lighayrihi.* Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ lighayrihi.*

---

**<u>Hadith 63</u>**

> Nabi SAW bersabda yang bermaksud :"Barangsiapa yang melakukan solat Subuh dan Asar akan masuk syurga." (Muttafaq Alaih)

***Takhrij*** **Hadith**

حَدَّثَنَا هُدْبَةُ بْنُ خَالِدٍ قَالَ حَدَّثَنَا هَمَّامٌ حَدَّثَنِي أَبُو جَمْرَةَ عَنْ أَبِي بَكْرِ بْنِ أَبِي مُوسَى عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ **<u>مَنْ صَلَّى الْبَرْدَيْنِ دَخَلَ الْجَنَّةَ</u>** وَقَالَ ابْنُ رَجَاءٍ حَدَّثَنَا هَمَّامٌ عَنْ أَبِي جَمْرَةَ أَنَّ أَبَا بَكْرِ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ قَيْسٍ أَخْبَرَهُ بِهَذَا حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ حَدَّثَنَا حَبَّانُ حَدَّثَنَا هَمَّامٌ حَدَّثَنَا أَبُو جَمْرَةَ عَنْ أَبِي بَكْرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِثْلَهُ[678]

Hadith ini direkodkan oleh al-Bukhārī[679], Muslim[680], Ibn Ḥibbān[681], Aḥmad[682] (dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*), al-Dārimī[683] dan al-Bayhaqī[684].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

---

678 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Sahih*nya.
679 Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 196 (Kitāb al-Adhān, no. hadith 574).
680 Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 440 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 635).
681 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 32 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1739).
682 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 13: 136 (no. hadith 16676).
683 Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 2: 893 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1465).
684 Lihat al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 1: 681 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2183).

Universiti Malaya

## Hadith 64

> Rasulullah bersabda yang bermaksud :" Tidak masuk neraka seseorang yang melakukan solat sebelum matahari terbit dan sebelum terbenam (Solat Subuh dan Asar)." (HR : Muslim)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَأَبُو كُرَيْبٍ وَإِسْحَقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ جَمِيعًا عَنْ وَكِيعٍ قَالَ أَبُو كُرَيْبٍ حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ ابْنِ أَبِي خَالِدٍ وَمِسْعَرٍ وَالْبَخْتَرِيِّ بْنِ الْمُخْتَارِ سَمِعُوهُ مِنْ أَبِي بَكْرِ بْنِ عُمَارَةَ بْنِ رُؤَيْبَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ **لَنْ يَلِجَ النَّارَ أَحَدٌ صَلَّى قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا** يَعْنِي الْفَجْرَ وَالْعَصْرَ فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْبَصْرَةِ آنْتَ سَمِعْتَ هَذَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ نَعَمْ قَالَ الرَّجُلُ وَأَنَا أَشْهَدُ أَنِّي سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَمِعَتْهُ أُذُنَايَ وَوَعَاهُ قَلْبِي[685]

Hadith 'Umārah Bin Ru'aybah al-Thaqafiy ini direkodkan oleh Muslim[686], al-Nasā'ī[687] (dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī), Aḥmad[688] (dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*), Ibn Khuzaymah[689], Ibn Ḥibbān[690], al-Bayhaqī [691], Ibn Abī Syaybah [692] dan al-Suyūṭī[693].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan Muslim.

---

## Hadith 65

> Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :" Malaikat-malaikat yang bertugas waktu malam dan malaikat yang bertugas waktu siang berkumpul disisimu ketika solat Subuh dan Asar. Kemudian malaikat yang bermalam disisimu naik. Lalu ditanya oleh Tuhannya ( dan Dialah yang lebih mengetahui tentang kamu) : "Bgaiamana kamu (malaikat) meninggalkan hamba-hambaKu ? mereka menjawab :

Universiti Malaya

---

685 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.
686 Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 440 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 634).
687 Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 81 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 471).
688 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 13: 306 (no. hadith 17154).
689 Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 164 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 319).
690 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 34 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1740).
691 Lihat al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 1: 682 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2187).
692 Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 2: 384 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 7710).
693 Al-Suyūṭī, *Jam' al-Jawāmi' al-Ma'rūf Bi al-Jāmi' al-Kabīr,* 6: 830 (no. hadith 17677).

> “kami tinggalkan mereka dalam keadaan solat dan kami datang kepada mereka dalam keadaan solat. “ (Muttafaq Alaih)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا مَالِكٌ عَنْ أَبِي الزِّنَادِ عَنْ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَتَعَاقَبُونَ فِيكُمْ مَلَائِكَةٌ بِاللَّيْلِ وَمَلَائِكَةٌ بِالنَّهَارِ وَيَجْتَمِعُونَ فِي صَلَاةِ الْفَجْرِ وَصَلَاةِ الْعَصْرِ ثُمَّ يَعْرُجُ الَّذِينَ بَاتُوا فِيكُمْ فَيَسْأَلُهُمْ وَهُوَ أَعْلَمُ بِهِمْ كَيْفَ تَرَكْتُمْ عِبَادِي فَيَقُولُونَ تَرَكْنَاهُمْ وَهُمْ يُصَلُّونَ وَأَتَيْنَاهُمْ وَهُمْ يُصَلُّونَ[694]

Hadith Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh oleh al-Bukhārī[695], Muslim[696], Ibn Khuzaymah[697], Ibn Ḥibbān[698], Aḥmad[699] (dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*) dan al-Bayhaqī[700].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

---

**Hadith 66**

> Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : “ Setiap tiga orang di kota atau desa yang didalamnya tidak didirikan solat jemaah, maka syaitanlah yang menguasai mereka. Maka berjemaahlah. Sesungguhnya kambing yang dimakan macan adalah yang menyendiri .” (HR : Abu Daud dengan sanad Hasan)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا زَائِدَةُ حَدَّثَنَا السَّائِبُ بْنُ حُبَيْشٍ عَنْ مَعْدَانَ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ الْيَعْمُرِيِّ عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَا مِنْ ثَلَاثَةٍ فِي قَرْيَةٍ وَلَا بَدْوٍ لَا تُقَامُ فِيهِمْ الصَّلَاةُ إِلَّا قَدْ اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمْ الشَّيْطَانُ

---

694 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Sahih*nya.

695 Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 190 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 555).

696 Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 439 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 632).

697 Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 165 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 322).

698 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 409 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2061).

699 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 9: 442 (no. hadith 10258).

700 Lihat al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 1: 681 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2182).

Universiti Malaya

فَعَلَيْكَ بِالْجَمَاعَةِ فَإِنَّمَا يَأْكُلُ الذِّئْبُ الْقَاصِيَةَ قَالَ زَائِدَةُ قَالَ السَّائِبُ يَعْنِي بِالْجَمَاعَةِ
الصَّلَاةَ فِي الْجَمَاعَةِ[701]

Hadith riwayat Abū al-Dardā' r.a. ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[702], Abū Dāwūd[703], Aḥmad[704], Ibn Khuzaymah[705] dan Ibn Ḥibbān[706]. Al-Albānī berpandangan riwayat al-Nasā'ī dan Abū Dāwūd adalah *ḥasan*. Hamzah Ahmad Zayn pula berpandangan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh Ibn Khuzaymah dan Ibn Ḥibbān. Hamzah Ahmad Zayn juga menyatakan sanad hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*. Namun begitu, al-Albānī menyatakan hadith ini melalui riwayat Abū Dāwūd dan al-Nasā'ī adalah *ḥasan.* Namun, pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana hadith ini telah disepakati kesahihannya oleh Ibn Khuzaymah dan Ibn Ḥibbān serta Hamzah Ahmad Zayn.

---

**Hadith 67**

> Nabi SAW bersabda yang bermaksud : “ Ketahuilah bahawa amal perbuatan yang terbaik adalah solat.” (HR : Ahmad, Malik, Ibnu Majah, Darimi dan al-Hakim)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ عَنْ سَالِمٍ عَنْ ثَوْبَانَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَقِيمُوا وَلَنْ تُحْصُوا **وَاعْلَمُوا أَنَّ خَيْرَ أَعْمَالِكُمْ الصَّلَاةُ** وَلَنْ يُحَافِظَ عَلَى الْوُضُوءِ إِلَّا مُؤْمِنٌ[707]

---

[701] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Abu Dawud di dalam *Sunan*nya.
[702] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 140 (Kitāb al-Imāmah, no. hadith 847).
[703] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 102 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 547).
[704] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 16: 69 (no. hadith 21607).
[705] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 2: 371 (Kitāb al-Imāmah Fī al-Ṣalāh, no. hadith 1486).
[706] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 457 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2101).
[707] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya.



Universiti Malaya

Hadith seumpama ini diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat r.a. Antaranya ialah riwayat 'Abdullah Bin 'Amrū r.a. sebagaimana yang direkodkan oleh al-Bazzār[708]. Hadith ini juga diriwayatkan melalui jalur sanad Thawbān r.a. sebagaimana yang direkodkan oleh Ibn Mājah[709] (dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī), Aḥmad[710] (dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*), al-Dārimī[711], Ibn Ḥibbān[712] (dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*), al-Ḥākim[713], al-Bayhaqī[714] dan al-Ṭabrānī[715] (diriwayatkan secara tunggal oleh Yaḥyā Bin Naṣr Bin Ḥājib daripada al-Warqā'). Hadith ini juga diriwayatkan melalui jalur sanad Jābir r.a. sebagaimana yang direkodkan al-Ḥākim[716]. Hadith ini juga diriwayatkan melalui jalur sanad Salamah Bin al-Akwa' r.a. sebagaimana yang direkodkan al-Ṭabrānī[717]. Hadith ini juga diriwayatkan melalui jalur sanad Rabī'ah al-Jarasyiy r.a. sebagaimana yang direkodkan al-Ṭabrānī [718]. Al-Haythamī[719] menyatakan riwayat Rabī'ah r.a. ini adalah *ḍa'īf* kerana terdapat perawi Ibn Lahī'ah yang merupakan seorang *ḍa'īf* .

**Hukum Hadith**

Hadith ini dapat dikesan diriwayatkan melalui lima jalur sanad di kalangan sahabat r.a. Walau pun demikian, pengkaji mendapati jalur sanad melalui Thawban r.a. dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh Ibn Ḥibbān, al-Ḥākim dan al-Albānī serta dinyatakan juga sanadnya adalah *ṣaḥīḥ* oleh Hamzah Ahmad Zayn. Justeru, pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

---

[708] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 6: 358 (no. hadith 2367).
[709] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 66 (Kitāb al-Ṭahārah, no. hadith 277).
[710] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 16: 290 (no. hadith 22278).
[711] Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 1: 519 (Kitāb al-Ṭahārah, no. hadith 681).
[712] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 1: 311 (Kitāb al-Ṭahārah, no. hadith 1037).
[713] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 208 (Kitāb al-Ṭahārah, no. hadith 447, 448 dan 449).
[714] Lihat al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 1: 670 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2150).
[715] Al-Ṭabranī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 7: 116 (no. hadith 7019).
[716] *Ibid*, hadith 450, c.1, j.1, h.210.
[717] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 7: 23 (no. hadith 6276).
[718] *Ibid.*, 5: 65 (no. hadith 4596).
[719] Al-Haythamī, *Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 1: 241.

Universiti Malaya

**Hadith 68**

> Rasulullah SAW pernah ditanya tentang amal perbuatan yang paling disenangi oleh Allah. Baginda menjawab :"Melakukan solat tepat waktunya." (HR : Bukhari dan Muslim)

***Takhrij* Hadith**

(1) حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ عَنِ الْقَاسِمِ بْنِ غَنَّامٍ عَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ عَنْ جَدَّتِهِ أُمِّ فَرْوَةَ أَنَّهَا سَمِعَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَسَأَلَهُ رَجُلٌ عَنْ أَفْضَلِ الْأَعْمَالِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **الصَّلَاةُ لِأَوَّلِ وَقْتِهَا**[720]

(2) حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ هِشَامُ بْنُ عَبْدِ الْمَلِكِ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ الْوَلِيدُ بْنُ الْعَيْزَارِ أَخْبَرَنِي قَالَ سَمِعْتُ أَبَا عَمْرٍو الشَّيْبَانِيَّ يَقُولُ حَدَّثَنَا صَاحِبُ هَذِهِ الدَّارِ وَأَشَارَ إِلَى دَارِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **أَيُّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ قَالَ الصَّلَاةُ عَلَى وَقْتِهَا** قَالَ ثُمَّ أَيٌّ قَالَ ثُمَّ بِرُّ الْوَالِدَيْنِ قَالَ ثُمَّ أَيٌّ قَالَ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي بِهِنَّ وَلَوْ اسْتَزَدْتُهُ لَزَادَنِي[721]

Hadith ini (solat tepat waktunya) diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat. Antaranya melalui riwayat Umm Farwah r.a. (hadith 1) sebagaimana yang direkodkan oleh al-Tirmidhī[722], Abū Dāwūd[723], Aḥmad[724] (dengan jalur sanad yang *ṣaḥīḥ* sebagaimana dinyatakan oleh Ḥamzah Aḥmad Zayn) dan al-Dāruquṭnī[725]. Hadith ini juga diriwayatkan melalui jalur Abdullah Bin Mas'ūd r.a. (hadith 2) sebagaimana yang direkodkan oleh al-Bukhārī[726], Muslim[727], al-Nasā'ī[728], al-Tirmidhī[729], Aḥmad[730], Ibn Ḥibbān[731], Abū Ya'la al-Mawṣilī[732] dan al-Bazzār[733].

---

[720] Lafaz hadith adalah menurut riwayat Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya.
[721] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari di dalam *Sahih*nya.
[722] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 52 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 170).
[723] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 80 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 426).
[724] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 18: 562 (no. hadith 27349).
[725] Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 1: 465 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 976).
[726] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 184 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 527).
[727] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 89 (Kitāb al-Īmān, no. hadith 137).
[728] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 102 (Kitāb al-Mawāqīt, no. hadith 610).
[729] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 52 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 173).
[730] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 10: 23 (no. hadith 9804).
[731] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 4: 340 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1476).
[732] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 9: 226 (no. hadith 5329).



Universiti Malaya

Al-Albānī menyatakan riwayat al-Nasā'ī dan al-Tirmidhī adalah *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

---

## <u>Hadith 69</u>

> Hadith putera Ummu Maktum menerangkan :”Sesorang lelaki teruna datang kepada Rasulullah SAW lalu berkata : “Wahai Rasulullah ! Aku tidak mempunyai penuntun untuk pergi ke masjid. Dia minta kepada Rasulullah SAW agar memberinya kelonggaran sehingga dia dapat melakukan solat di rumah. Ketika dia pergi, Rasulullah SAW memanggilnya lalu baginda bertanya : “Apakah kamu mendengarkan azan.” Dia menjawab :”Ya.” Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : “maka datangilah.” ( HR : Ahmad, Abu Dawud, Ibnu Majah, Ibnu Huzaimah dalam kitab Sahihnya dan al-Hakim)

***Takhrij* Hadith**

> حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ عَنْ زَائِدَةَ عَنْ عَاصِمٍ عَنْ أَبِي رَزِينٍ عَنْ ابْنِ أُمِّ مَكْتُومٍ قَالَ قُلْتُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنِّي كَبِيرٌ ضَرِيرٌ شَاسِعُ الدَّارِ وَلَيْسَ لِي قَائِدٌ يُلَاوِمُنِي فَهَلْ تَجِدُ لِي مِنْ رُخْصَةٍ قَالَ هَلْ تَسْمَعُ النِّدَاءَ قُلْتُ نَعَمْ قَالَ مَا أَجِدُ لَكَ رُخْصَةً[734]

Hadith Ibn Umm Maktum r.a. ini direkodkan oleh Abū Dāwūd[735], Ibn Mājah[736], Ibn Khuzaymah[737], al-Hakim[738] dan al-Dāruquṭnī[739]. Al-Albānī menyatakan riwayat Abū Dāwūd adalah *ḥasan ṣaḥīḥ* manakala riwayat Ibn Mājah adalah *ṣaḥīḥ*. Hadith ini juga diriwayatkan melalui jalur Abū Hurayrah r.a. sebagaimana yang direkodkan oleh Muslim[740] dan al-Nasā'ī[741] dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Hadith ini juga diriwayatkan

Universiti Malaya

---

[733] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 5: 192 (no. hadith 1791).
[734] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Ibn Mājah di dalam *Sunan*nya.
[735] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 102 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 552).
[736] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 150 (Kitāb al-Masājid Wa al-Jamā'ah, no. hadith 792).
[737] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 2: 368 (Kitāb al-Imāmah Fī al-Ṣalāh, no. hadith 1480).
[738] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 363 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 906).
[739] Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 2: 221 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1430).
[740] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 452 (Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍi' al-Ṣalāh, no. hadith 653). Lafaz hadith riwayat Imam Muslim adalah seperti berikut :

melalui jalur Jabir Bin 'AbdiLlah r.a. dan direkodkan oleh Ibn Ḥibbān[742] tetapi dengan sanad yang *ḍa'īf* kerana di dalam jalur sanad Jabir Bin 'AbdiLlah r.a. ini terdapat perawi 'Isa Bin Jariah yang dinyatakan oleh Ibn Ma'īn sebagai membawa hadith-hadith munkar, dinyatakan oleh Abū Dāwūd sebagai *munkar al-Ḥāḍīth*, dinyatakan oleh Ibn 'Adiyy sebagai hadithnya tidak terpelihara (*ghayr mahfuzah*) dan diletakkan oleh al-Sājī dan al-'Uqayliy di dalam *al-ḍu'afā'* (orang-orang yang *ḍa'īf*).

**Hukum Hadith**

Pengkaji mendapati pengarang buku ini tersilap di dalam menyatakan matan hadith dan sumber ambilan hadith tersebut. Maksud matan hadith yang lebih tepat sebagaimana yang dinyatakan pengarang buku ini adalah menerusi riwayat hadith yang direkodkan oleh Muslim di dalam *Ṣaḥīḥ*nya. Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

---

**<u>Hadith 70</u>**

> Baginda bersabda yang bermaksud: " Lakukanlah solat sebagaimana kamu melihat tatacara solatku." (Muttafaq Alaih)

***Takhrij* Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 50.

**Hukum Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 50.

---

**<u>Hadith 71</u>**

> Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : " Sesungguhnya panjangnya seorang lelaki yang melakukan solat dan berkhutbah

---

وحَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ وَإِسْحَقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ وَسُوَيْدُ بْنُ سَعِيدٍ وَيَعْقُوبُ الدَّوْرَقِيُّ كُلُّهُمْ عَنْ مَرْوَانَ الْفَزَارِيِّ قَالَ قُتَيْبَةُ حَدَّثَنَا الْفَزَارِيُّ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ الْأَصَمِّ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ الْأَصَمِّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ أَعْمَى فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ لَيْسَ لِي قَائِدٌ يَقُودُنِي إِلَى الْمَسْجِدِ فَسَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُرَخِّصَ لَهُ فَيُصَلِّيَ فِي بَيْتِهِ فَرَخَّصَ لَهُ فَلَمَّا وَلَّى دَعَاهُ فَقَالَ هَلْ تَسْمَعُ النِّدَاءَ بِالصَّلَاةِ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَأَجِبْ

[741] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 141 (Kitāb al-Iftitāḥ, no. hadith 850).

[742] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 412 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2063).

Universiti Malaya

pendek sebagai tanda kealimannya. Oleh kerana itu, panjangkanlah solat dan pendekkan khutbah.” ( HR : Muslim)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنِي سُرَيْجُ بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ أَبْجَرَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ وَاصِلِ بْنِ حَيَّانَ قَالَ قَالَ أَبُو وَائِلٍ خَطَبَنَا عَمَّارٌ فَأَوْجَزَ وَأَبْلَغَ فَلَمَّا نَزَلَ قُلْنَا يَا أَبَا الْيَقْظَانِ لَقَدْ أَبْلَغْتَ وَأَوْجَزْتَ فَلَوْ كُنْتَ تَنَفَّسْتَ فَقَالَ إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ **إِنَّ طُولَ صَلَاةِ الرَّجُلِ وَقِصَرَ خُطْبَتِهِ مَئِنَّةٌ مِنْ فِقْهِهِ فَأَطِيلُوا الصَّلَاةَ وَاقْصُرُوا الْخُطْبَةَ** وَإِنَّ مِنْ الْبَيَانِ سِحْرًا[743]

Hadith 'Ammār Bin Yāsir r.a. ini direkodkan oleh Muslim[744], Aḥmad[745], Ibn Khuzaymah[746], al-Dārimī[747], al-Bazzār[748]. Hamzah Ahmad Zayn menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Husayn Salim Asad pula menyatakan riwayat al-Dārimī juga adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana ianya direkodkan oleh Muslim.

---

## Hadith 72

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : “Bila seseorang di antaramu menjadi imam solat berjemaah, maka ringankan (pendekkan).” (Muttafaq Alaih)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ أَبِي الزِّنَادِ عَنْ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ **إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ لِلنَّاسِ فَلْيُخَفِّفْ** فَإِنَّ مِنْهُمْ الضَّعِيفَ وَالسَّقِيمَ وَالْكَبِيرَ وَإِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ لِنَفْسِهِ فَلْيُطَوِّلْ مَا شَاءَ[749]

[743] Lafaz hadith ini adalah menurut Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.
[744] Muslim, *Sahih Muslim,* 2: 594 (Kitāb al-Jumu'ah, no. hadith 869).
[745] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 14: 135 (no. hadith 18233).
[746] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 3: 142 (Kitāb al-Jumu'ah, no. hadith 1782).
[747] Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 2: 973 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1597).
[748] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 4: 241 (no. hadith 1406).
[749] Hadith ini adalah menurut riwayat Imam al-Bukhari di dalam *Sahih*nya.

Universiti Malaya

Pengkaji mendapati pengarang buku ini menukilkan sebahagian matan hadith sahaja daripada hadith yang lengkap. Hadith riwayat Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[750], Abū Dāwūd[751], al-Tirmidhī[752], Aḥmad[753] dan Ibn Ḥibbān[754]. Al-Albānī menyatakan riwayat Abū Dāwūd dan al-Tirmidhī adalah *ṣaḥīḥ*. Hamzah Ahmad Zayn juga menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ pula menyatakan riwayat Ibn Ḥibbān sanadnya adalah *ṣaḥīḥ* menurut syarat al-Bukhārī Muslim.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh al-Bukhari.

---

**Hadith 73**

> Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : "Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka menyaksikan bahawa tiada Tuhan selain Allah dan sesungguhnya aku adalah utusan Allah dan mendirikan solat dan memberikan zakat." (Muttafaq Alaih)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَبُو غَسَّانَ الْمِسْمَعِيُّ مَالِكُ بْنُ عَبْدِ الْوَاحِدِ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ الصَّبَّاحِ عَنْ شُعْبَةَ عَنْ وَاقِدِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ زَيْدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ** فَإِذَا فَعَلُوا عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّهَا وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ[755]

[750] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 233 (Kitāb al-Adhān, no. hadith 703).
[751] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 141 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 795).
[752] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 68 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 236).
[753] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 9: 441 (no. hadith 10255).
[754] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 56 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1760).
[755] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Muslim.

Hadith Ibn 'Umar r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[756], Muslim[757], al-Dāruquṭnī[758] dan Ibn Ḥibbān[759]. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ* dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Hadith ini juga diriwayatkan melalui jalur sanad Abū Hurayrah r.a. sebagaimana yang direkodkan oleh Ibn Mājah[760], Aḥmad[761] dan al-Ḥākim[762]. Hadith ini juga diriwayatkan melalui jalur sanad Muadh Bin Jabal r.a.sebagaimana yang direkodkan oleh Ibn Mājah[763]. Hadith ini juga diriwayatkan melalui jalur sanad Anas Bin Mālik r.a. sebagaimana yang direkodkan oleh al-Ḥākim[764]. Hadith ini dinyatakan *ṣaḥīḥ* mutawatir oleh al-Albānī dan disokong oleh Aḥmad Muḥammad Syākir [765].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

---

**Hadith 74**

> Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : " Pangkal perkara adalah Islam dan tiangnya adalah solat." (HR : Tarmizi dan beliau berkata hadith ini hasan shahih)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عُمَرَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُعَاذٍ الصَّنْعَانِيُّ عَنْ مَعْمَرٍ عَنْ عَاصِمِ بْنِ أَبِي النَّجُودِ عَنْ أَبِي وَائِلٍ عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ قَالَ كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَأَصْبَحْتُ يَوْمًا قَرِيبًا مِنْهُ وَنَحْنُ نَسِيرُ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَخْبِرْنِي بِعَمَلٍ يُدْخِلُنِي الْجَنَّةَ وَيُبَاعِدُنِي عَنْ النَّارِ قَالَ لَقَدْ سَأَلْتَنِي عَنْ عَظِيمٍ وَإِنَّهُ لَيَسِيرٌ عَلَى مَنْ يَسَّرَهُ اللَّهُ عَلَيْهِ تَعْبُدُ اللَّهَ وَلَا تُشْرِكْ بِهِ شَيْئًا وَتُقِيمُ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِي الزَّكَاةَ وَتَصُومُ رَمَضَانَ وَتَحُجُّ الْبَيْتَ ثُمَّ قَالَ أَلَا أَدُلُّكَ عَلَى أَبْوَابِ الْخَيْرِ الصَّوْمُ جُنَّةٌ وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ وَصَلَاةُ الرَّجُلِ مِنْ جَوْفِ اللَّيْلِ قَالَ ثُمَّ تَلَا { تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنْ الْمَضَاجِعِ حَتَّى

---

[756] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 4: 24 (Kitāb al-Īmān, no. hadith 25).
[757] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 52 (Kitāb al-Īmān, no. hadith 21).
[758] Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 1: 434 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 898).
[759] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 1: 401 (Kitāb al-Īmān, no. hadith 175).
[760] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 28 (no. hadith 71). hadith 75, h.23.
[761] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 8: 344 (no. hadith 8525).
[762] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 540 (Kitāb al-Zakāh, no. hadith 1429).
[763] *Ibid.* hadith 72.
[764] *Ibid*, hadith 1428.
[765] Lihat nota kaki Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 8: 344 (no. hadith 8525).

Universiti Malaya

بَلَغَ يَعْمَلُونَ } ثُمَّ قَالَ أَلَا أُخْبِرُكَ بِرَأْسِ الْأَمْرِ كُلِّهِ وَعَمُودِهِ وَذِرْوَةِ سَنَامِهِ قُلْتُ بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ **رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ** وَذِرْوَةُ سَنَامِهِ الْجِهَادُ ثُمَّ قَالَ أَلَا أُخْبِرُكَ بِمَلَاكِ ذَلِكَ كُلِّهِ قُلْتُ بَلَى يَا نَبِيَّ اللَّهِ فَأَخَذَ بِلِسَانِهِ قَالَ كُفَّ عَلَيْكَ هَذَا فَقُلْتُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ وَإِنَّا لَمُؤَاخَذُونَ بِمَا نَتَكَلَّمُ بِهِ فَقَالَ ثَكِلَتْكَ أُمُّكَ يَا مُعَاذُ وَهَلْ يَكُبُّ النَّاسَ فِي النَّارِ عَلَى وُجُوهِهِمْ أَوْ عَلَى مَنَاخِرِهِمْ إِلَّا حَصَائِدُ أَلْسِنَتِهِمْ قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ[766]

Pengkaji mendapati pengarang hanya menukilkan sebahagian sahaja maksud daripada matan yang panjang. Hadith Mu'adh bin Jabal r.a. ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[767], al-Tirmidhī[768], Ibn Mājah[769], Aḥmad[770], al-Ḥākim[771], 'Abd al-Razzāq al-Ṣan'ānī[772] dan al-Marwazī[773]. Kedua-dua riwayat al-Tirmidhī dan Ibn Mājah dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī.. Hamzah Ahmad Zayn menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Riwayat yang direkodkan oleh al-Marwazī pula adalah dengan sanad yang *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi Ayyūb Bin Kurayz yang tidak dikenali (*majhūl al-'ayn*)[774].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Albani dan disokong oleh Hamzah Ahmad Zayn.

---

**Hadith 75**

> An Nasai mengeluarkan hadith bahawa Rasulullah SAW pada suatu hari memandang ke langit lalu bersabda yang bermaksud : "Sekarang inilah waktunya ilmu itu dicabut kembali." Lalu seorang sahabat Ansar yang bernama Ziyad bin Lubaid berkata :Ya Rasulullah, apakah ilmu itu dicabut kembali sedang ilmu itu telah diam dan bersemayam di dalam hati?" Rasulullah SAW bersabda :"Sesungguhnya aku telah menyangka bahawa kamu adalah sepandai-pandai orang Madinah."

[766] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam al-Tirmidhi di dalam *Sunan*nya.
[767] Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 10: 214 (Kitāb al-Tafsīr, no. hadith 11330).
[768] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 590 (Kitāb al-Īmān, no. hadith 2616).
[769] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 656 (Kitāb al-Fitan, no. hadith 3973).
[770] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 16: 167 (no. hadith 21915).
[771] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 2: 95 (Kitāb al-Jihād, no. hadith 2463).
[772] Al-Ṣan'āniy, *al-Muṣannaf*, 11: 194 (no hadith 20303).
[773] Al-Marwazī, *Kitāb Ta'ẓīm Qadr al-Ṣalāh*, 1: 219 (no. hadith 195).
[774] Lihat nota kaki. *Ibid.*



Universiti Malaya

Lalu baginda menyebutkan orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasrani, mereka pun telah juga kehilangan kitab Allah dari tangan mereka. Ziyad berkata “ Lalu saya menemui syaddad bin Aus lalu saya ceritakan hadith Auf bin Mālik itu kepadanya .” Syaddad menjawab : “Auf itu benar, cuba mahukah kamu saya beritahu ilmu apa yang paling dahulu dicabut.” Saya menjawab :”Ya baiklah.” Syaddad menjawab :” Ialah khusyuk sehingga kamu sekarang tidak tahu orang yang khusyuk.” (HR : Ahmad)

## *Takhrij* Hadith

أَخْبَرَنَا حَاجِبُ بْنُ أَرَّكِينَ الْفَرْغَانِيُّ بِدِمَشْقَ ، قَالَ : حَدَّثَنَا الرَّبِيعُ بْنُ سُلَيْمَانَ ، قَالَ : حَدَّثَنَا ابْنُ وَهْبٍ ، قَالَ : سَمِعْتُ اللَّيْثَ بْنَ سَعْدٍ ، يَقُولُ : حَدَّثَنِي إِبْرَاهِيمُ بْنُ أَبِي عَبْلَةَ ، عَنِ الْوَلِيدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْجُرَشِيِّ ، عَنْ جُبَيْرِ بْنِ نُفَيْرٍ ، قَالَ : حَدَّثَنِي عَوْفُ بْنُ مَالِكٍ الأَشْجَعِيُّ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَظَرَ إِلَى السَّمَاءِ يَوْمًا ، فَقَالَ " : هَذَا أَوَانٌ يُرْفَعُ الْعِلْمُ " ، فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ مِنَ الأَنْصَارِ ، يُقَالُ لَهُ : لَبِيدُ بْنُ زِيَادٍ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، يُرْفَعُ الْعِلْمُ وَقَدْ أُثْبِتَ وَوَعَتْهُ الْقُلُوبُ ؟ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنْ كُنْتُ لأَحْسَبُكَ مِنْ أَفْقَهِ أَهْلِ الْمَدِينَةِ ، " ثُمَّ ذَكَرَ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى عَلَى مَا فِي أَيْدِيهِمْ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ " ، قَالَ : فَلَقِيتُ شَدَّادَ بْنَ أَوْسٍ ، فَحَدَّثْتُهُ بِحَدِيثِ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ ، فَقَالَ : صَدَقَ عَوْفٌ ، أَلا أَدُلُّكَ بِأَوَّلِ ذَلِكَ ؟ يُرْفَعُ الْخُشُوعُ ، حَتَّى لا تَرَى خَاشِعًا.[775]

Hadith 'Auwf Bin Mālik r.a. ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[776], Aḥmad[777] dan Ibn Ḥibbān[778]. Hamzah Ahmad Zayn menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ pula menyatakan riwayat Ibn Ḥibbān juga adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Hadith seumpama ini juga diriwayatkan melalui jalur sanad Abū al-Dardā' r.a. Antaranya ialah al-Tirmidhī[779] dan al-Dārimī[780]. Al-Tirmidhī menyatakan hadith yang direkodkannya adalah *ḥasan gharīb*. Namun al-Albānī pula menyatakan riwayat al-Tirmidhī ini adalah *ṣaḥīḥ*.

---

775 Lafaz hadith ini adalah mengikut riwayat Ibn Hibban di dalam kitab *Sahih*nya.
776 Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 5: 392 (Kitāb al-'Ilm, no. hadith 5878).
777 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 17: 197 (no. hadith 23872).
778 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 15: 115 (Kitāb al-Tārīkh, no. hadith 6720).
779 Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 598 (Kitāb al-'Ilm, no. hadith 2653).
780 Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 1: 33 (no. hadith 296).

**Hukum Hadith**

Hadith riwayat Abū al-Dardā' oleh al-Dārimī sanadnya dinyatakan *ḍa'īf* oleh Husayn Salīm Asad al-Dārānī kerana di dalam jalur sanadnya terdapat perawi Abdullah Bin Ṣālih yang dinyatakan buruk hafazannya dan padanya ada sifat lupa manakala perawi yang lainya adalah *thiqah* (dipercayai). Al-Haythamī pula menyatakan Abdullah ini adalah *thiqah ma'mun* (pandangan 'Abd al-Mālik Bin Syu'ayb yang dinukil oleh al-Haythami) tetapi beliau di*ḍa'īf*kan oleh ulama hadith yang lain[781]. Al-Nasā'ī menyatakan beliau ini bukanlah *thiqah* (dipercayai)[782]. Walaupun demikian, terdapat ramai juga ulama hadith yang menyatakan pujian terhadap Abdullah ini. Antaranya ialah Yaḥyā Bin Ma'īn yang men*thiqah*kannya[783], Abū Zur'ah yang menyatakan *ḥasan al-ḥāḍīth*[784]. Melalui riwayat al-Tirmidhī, al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*. Walaupun demikian, jalur sanad hadith ini melalui riwayat 'Auwf Bin Mālik adalah *ṣaḥīḥ* sebagaimana yang dinyatakan oleh Syu'ayb al-Arnā'ūṭ dan Ḥamzah Aḥmad al-Zayn dan di dalam jalur sanad ini tiada perawi Abdullah Bin Ṣālih yang dinyatakan di atas. Justeru, hadith ini melalui riwayat al-Tirmidhī adalah *ṣaḥīḥ*.

---

**Hadith 76**

> Said bin Basyir meriwayatkan dari al-Ḥasan r.a. dari Syaddad bin Aus dari Nabi SAW baginda bersabda yang bermaksud : “ Ilmu yang paling dahulu dicabut dari manusia ialah khusyuk.” (HR : Thabrani)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بن خَالِدٍ الرَّاسِبِيّ، حَدَّثَنَا مُهَلَّبُ بن الْعَلاءِ، حَدَّثَنَا شُعَيْبُ بن بَيَانٍ، حَدَّثَنَا عِمْرَانُ الْقَطَّانُ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنِ الْحَسَنِ، عَنْ شَدَّادِ بن أَوْسٍ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ:"أَوَّلُ مَا يُرْفَعُ مِنَ النَّاسِ الْخُشُوعُ".[785]

[781] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 1: 471 (no. hadith 978).
[782] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 15: 103.
[783] *Ibid.* j.15, h.102.
[784] *Ibid.* h.103.
[785] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat al-Ṭabrānī di dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Kabīr*.



Universiti Malaya

Hadith riwayat Syaddād Bin Aus r.a. ini direkodkan oleh al-Ṭabrānī[786]. Hadith ini juga direkodkan oleh ulama mufassirin di dalam kitab-kitab tafsir mereka ketika mentafsirkan ayat 16 surah al-Hadid. Antaranya ialah al-Ṭabarī[787], Ibn Kathīr[788]. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ* di dalam kitabnya *Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*[789].

**Hukum Hadith**

Pengkaji tidak menemui hadith seumpama ini di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar lain selain daripada al-Ṭabrānī di dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Kabīr*. Al-Albānī ada memberikan komentarnya berkaitan hadith ini di dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr* dan beliau menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*. Pun begitu, pengkaji mengambil inisiatif untuk menilai sendiri sanad hadith ini. Al-Ḥasan al-Baṣriy adalah seorang yang *thiqah* (dipercayai)[790]. Qatādah pula seorang yang *hafiz thiqah thubut*[791]. 'Imrān al-Qaṭṭān atau 'Imrān Bin Dāwar Abū al-'Awwām pula dinyatakan oleh Ahmad sebagai seorang yang diharapkan *ṣālih al-ḥāḍīth*. Beliau ini juga telah dinyatakan *ḍa'īf* oleh al-Nasā'ī dan Abū Dāwūd dan yahya pula menyatakan beliau ini *laysa bi syay'*[792]. Syu'ayb Bin Bayān al-Ṣaffār pula dinyatakan oleh al-Juzajānī membawa hadith-hadith *munkar*. Al-'Uqayli pula menyatakan Syu'ayb Bin Bayān al-Ṣaffār ini meriwayatkan hadith daripada perawi-perawi thiqah dengan munkar dan hampir-hampir hadith-hadith beliau ini didominasi oleh keraguan (كاد أن يغلب على حديثه الوهم)[793]. Justeru, setelah pengkaji meneliti sanad hadith riwayat al-Ṭabrānī ini, pengkaji mendapati terdapat dua orang perawi yang *ḍa'īf* iaitu 'Imrān al-Qaṭṭān dan Syu'ayb Bin Bayān al-Ṣaffār. Maka,

---

786 Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 7: 353 (no. hadith 7183).

787 Al-Ṭabarī, al-Imām Abī Ja'far Muḥammad Bin Jarīr, *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āyi al-Qur'ān al-Ma'rūf Bi al-Tafsīr al-Ṭabarī*, tahqiq Maḥmūd Syākir (Bayrūt : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiy, 2001), 266.

788 Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl Bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, tahqiq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad, Muḥammad al-Sayyid Rasyād, Muḥammad Faḍl al-'Ajmawī, 'Alī Aḥmad 'Abd al-Bāqī, Ḥassan 'Abbās Quṭb (Qāhirah : al-Fārūq al-Ḥadīthah, 2000), 13: 422.

789 Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 503 (no. hadith 2675).

790 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 2: 281.

791 *Ibid.,* 5: 466.

792 *Ibid.,* 5: 287.

793 *Ibid.,* 3: 378.



Universiti Malaya

disebabkan kelamahan yang ada pada perawi hadith, pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ḍa'īf*.

---

**<u>Hadith 77</u>**

> Ibnu Mas'ud r.a. berkata : "Antara Islam kita dan waktu kita ditegur atau dicela dengan ayat itu tidak lebih dari empat tahun." (HR : Muslim)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنِي يُونُسُ بْنُ عَبْدِ الْأَعْلَى الصَّدَفِيُّ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ وَهْبٍ أَخْبَرَنِي عَمْرُو بْنُ الْحَارِثِ عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي هِلَالٍ عَنْ عَوْنِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ ابْنَ مَسْعُودٍ قَالَ مَا كَانَ بَيْنَ إِسْلَامِنَا وَبَيْنَ أَنْ عَاتَبَنَا اللَّهُ بِهَذِهِ الْآيَةِ { أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ آمَنُوا أَنْ تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللَّهِ } إِلَّا أَرْبَعَ سِنِينَ[794]

Hadith Ibn Mas'ūd r.a. ini direkodkan oleh Muslim[795], al-Nasā'ī[796] dan Abū Ya'la al-Mawṣilī[797]. Hadith ini juga direkodkan di dalam kitab-kitab tafsir al-Quran sebagaimana yang direkodkan oleh al-Baghawī[798], al-Qurṭubī[799] dan Ibn Kathīr[800].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *mawqūf* disebabkan sanadnya terhenti pada Ibn Mas'ūd r.a. Namun, menurut pandangan pengkaji, walaupun ianya adalah *mawqūf* secara zahirnya tetapi ianya adalah dihukumkan *marfū'* disebabkan matan hadith ini termasuk di dalam perkara-perkara yang tidak mungkin seorang sahabat dapat mengetahuinya melainkan melalui Rasulullah SAW. Justeru, hadith ini adalah berstatus hadith *mawqūf lafẓī* (mawquf secara lafaz) dan *marfū' ḥukmī* (marfu' secara hukum) *ṣaḥīḥ*.

---

[794] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam Muslim di dalam Kitab *Sahih*nya.
[795] Muslim, *Sahih Muslim,* 4: 2319 (Kitāb al-Tafsīr, no. hadith 3027).
[796] Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 10: 289 (no. hadith 11504).
[797] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 9: 167 (no. hadith 5256).
[798] Al-Baghawī, *Tafsīr al-Baghawī : Ma'ālim al-Tanzīl*, 8: 37.
[799] Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, 20: 252.
[800] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 13: 421.



Universiti Malaya

## Hadith 78

Dalam Shahih Muslim diterangkan dari Zaid bin Arqam bahawa Nabi SAW berdoa :

”اللهم اني اعوذبك من علم لا ينفع ومن قلب لا يخشع ومن نفس لا تشبع ومن دعوة لا يستجاب عنه.

Ertinya : “Ya Allah aku berlindung kepada-Mu dari memiliki ilmu yang tidak bermanfaat, hati yang tidak khusyuk , nafsu yang tidak pernah puas dan doa yang tidak dikabulkan.” ( HR : Muslim )

### *Takhrij* Hadith

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَإِسْحَقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ وَمُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ نُمَيْرٍ وَاللَّفْظُ لِابْنِ نُمَيْرٍ قَالَ إِسْحَقُ أَخْبَرَنَا و قَالَ الْآخَرَانِ حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنْ عَاصِمٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْحَارِثِ وَعَنْ أَبِي عُثْمَانَ النَّهْدِيِّ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمَ قَالَ لَا أَقُولُ لَكُمْ إِلَّا كَمَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ كَانَ يَقُولُ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَالْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَالْهَرَمِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا وَزَكِّهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا أَنْتَ وَلِيُّهَا وَمَوْلَاهَا **اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ وَمِنْ دَعْوَةٍ لَا يُسْتَجَابُ لَهَا**[801]

Pengkaji mendapati pengarang buku ini hanya menukilkan sebahagian maksud matan sahaja. Hadith riwayat Zayd Bin Arqam r.a. ini direkodkan oleh oleh Muslim[802]. Selain riwayat Zayd Bin Arqam r.a., hadith seumpama ini juga diriwayatkan melalui jalur Abū Hurayrah r.a. dan Anas Bin Mālik r.a. Jalur Abū Hurayrah r.a. direkodkan oleh Abū Dāwūd[803], Ibn Mājah[804], Aḥmad[805] dan Ibn Abī Syaybah[806]. Al-Albānī menyatakan riwayat Abū Dāwūd dan Ibn Mājah ini adalah *ṣaḥīḥ*. Jalur Anas Bin Mālik r.a. pula direkodkan oleh Aḥmad[807], Imam Ibn Ḥibbān[808] dan Ibn Abī Syaybah[809].

[801] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.
[802] Muslim, *Sahih Muslim,* 4: 2088 (Kitāb al-Zikr Wa al-Du'ā' Wa al-Tawbah Wa al-Istighfār, no. hadith 2722).
[803] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 265 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1548).
[804] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 632 (Kitāb al-Du'ā', no. hadith 3837).
[805] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 8: 417 (no. hadith 8765).
[806] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 10: 6 (Kitāb al-Du'ā, no. hadith 29614).
[807] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 11: 331 (no. hadith 13956).
[808] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 1: 283 (Kitāb al-'Ilm, no. hadith 83).
[809] *Ibid.*

Universiti Malaya

Syu'ayb al-Arnā'ūṭ menyatakan riwayat Ibn Ḥibbān adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ* menurut syarat Muslim.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh Muslim.

---

**<u>Hadith 79</u>**

> Imam Ahmad , An Nasai dan Tarmizi mengeluarkan hadith al Fadlu bin Abbas r.a. dari Nabi SAW , baginda bersabda yang bermaksud : " Solat itu dua-dua rakaat, membaca tasyahud dalam setiap dua rakaat, berlaku khusyuk, merendah diri, merasa miskin (perlu kepada Allah) dan mengharap rahmatNya." Ia berkata bahawa kamu mengangkat kedua tangannya, kepada Tuhanmu seraya berkata. Ya Rabbi…… Ya Rabbi…. Ya Rabbi…. Siapa yang tidak melakukan demikian, maka solatnya kurang." (Dikeluarkan oleh Tarmizi dan An Nasai dengan hadith mudtharib / goncang)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا حَجَّاجُ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَ شُعْبَةُ أَخْبَرَنِي عَنْ عَبْدِ رَبِّهِ بْنِ سَعِيدٍ عَنْ عِمْرَانَ بْنِ أَبِي أَنَسٍ مِنْ أَهْلِ مِصْرَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ نَافِعٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْحَارِثِ عَنْ الْمُطَّلِبِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الصَّلَاةُ مَثْنَى مَثْنَى وَتَشَهَّدُ وَتُسَلِّمُ فِي كُلِّ رَكْعَتَيْنِ وَتَبَأَّسُ وَتَمَسْكَنُ وَتُقْنِعُ يَدَيْكَ وَتَقُولُ اللَّهُمَّ اللَّهُمَّ فَمَنْ لَمْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَهِيَ خِدَاجٌ[810]

Pengkaji dapat menemui hadith seumpama ini direkodkan oleh dua orang sahabat r.a. iaitu al-Faḍl Bin 'Abbās r.a. dan al-Muṭṭalib r.a. Riwayat al-Faḍl Bin 'Abbās r.a. direkodkan oleh al-Tirmidhī[811], Aḥmad[812] dan al-Bazzār[813]. Riwayat al-Muṭṭalib r.a. pula direkodkan oleh Abū Dāwūd[814], Aḥmad[815], Ibn Khuzaymah[816] dan al-Dāruquṭnī[817].

---

[810] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya.
[811] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 102 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 385).
[812] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 13: 402 (no. hadith 17454).
[813] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 6: 110 (no. hadith 2167).
[814] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 222 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1296).
[815] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 13: 401, 403 (no. hadith 17452, 17457, 17458).
[816] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 2: 220 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1212).
[817] Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 2: 289 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1548).



Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Al-Albani berpandangan riwayat al-Tirmidhī dan Abū Dāwūd adalah *ḍa'īf*. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ pula menyatakan riwayat hadith yang direkodkan oleh al-Dāruquṭnī adalah *ḍa'īf*. Hamzah Ahmad Zayn pula berpandangan kedua-dua riwayat yang direkodkan oleh Ahmad sanadnya adalah *ṣaḥīḥ*. Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-A'ẓamiy pula menyatakan riwayat Ibn Khuzaymah melalui jalur sanad hadith yang direkodkan adalah *ḍa'īf*. Pengkaji mendapati al-Albānī, Syu'ayb al-Arnā'ūṭ dan Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-A'ẓamiy kesemuanya menyatakan riwayat yang ditahqiq adalah *ḍa'īf* kecuali Hamzah Ahmad Zayn yang menyatakan riwayat Ahmad adalah *ṣaḥīḥ*. Disebabkan terdapat percanggahan hukum, pengkaji mengambil inisiatif untuk menilai pandangan ulama terhadap perawi yang terdapat di dalam jalur sanad Ahmad. Pengkaji mendapati 'Abdullah Bin Nāfi' yang terdapat di dalam jalur sanad Ahmad adalah *ḍa'īf*. Beliau dinyatakan oleh 'Ali Bin al-Madini sebagai *majhūl* (tidak dikenali) dan dinyatakan pula oleh al-Bukhari sebagai tidak sahih hadithnya (لا يصح حديثه)[818]. Justeru, pengkaji berpandangan jalur sanad Ahmad juga adalah *ḍa'īf*. Maka, pengkaji berpandangan hadith ini statusnya adalah *ḍa'īf*.

---

**<u>Hadith 80</u>**

> Di dalam *Sahih* Muslim dari Utsman r.a. dari Nabi SAW baginda bersabda yang bermaksud : " Tidak ada di antara orang muslim kedatangan waktu solat wajib, lalu berwudhuk sebaik-baiknya dan memperbaiki khusyuknya dan rukuknya, melainkan solatnya itu boleh menutupi semua dosanya, selama tidak melakukan dosa besar. Demikian itu berlaku selamanya."

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عَبْدُ بْنُ حُمَيْدٍ وَحَجَّاجُ بْنُ الشَّاعِرِ كِلَاهُمَا عَنْ أَبِي الْوَلِيدِ قَالَ عَبْدٌ حَدَّثَنِي أَبُو الْوَلِيدِ حَدَّثَنَا إِسْحَقُ بْنُ سَعِيدِ بْنِ عَمْرِو بْنِ سَعِيدِ بْنِ الْعَاصِ حَدَّثَنِي أَبِي عَنْ أَبِيهِ قَالَ

[818] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 16: 207.



Universiti Malaya

كُنْتُ عِنْدَ عُثْمَانَ فَدَعَا بِطَهُورٍ فَقَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ **مَا**
**مِنْ امْرِئٍ مُسْلِمٍ تَحْضُرُهُ صَلَاةٌ مَكْتُوبَةٌ فَيُحْسِنُ وُضُوءَهَا وَخُشُوعَهَا وَرُكُوعَهَا إِلَّا**
**كَانَتْ كَفَّارَةً لِمَا قَبْلَهَا مِنْ الذُّنُوبِ مَا لَمْ يُؤْتِ كَبِيرَةً وَذَلِكَ الدَّهْرَ كُلَّهُ**[819]

Hadith 'Uthmān Bin 'Affān r.a ini direkodkan oleh Muslim[820], Ibn Ḥibbān[821], al-Bayhaqī[822], al-Suyūṭī[823] dan al-Bazzār[824]. Al-Albānī berpandangan hadith ini *ṣaḥīḥ* [825]. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ pula berpandangan riwayat Ibn Ḥibbān adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ* mengikut syarat al-Bukhārī Muslim.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh Muslim.

---

**Hadith 81**

> Di dalam sahih Muslim dari Amr bin Abasah r.a. dari Nabi SAW, bahawa baginda bersabda tentang keutamaan berwudhuk dan pahala-pahalanya lalu mengatakan begini :"Jika seseorang berdiri dan solat lalu memuji Allah, menyanjung dan mengagungkan Nya dengan semestinya dan mengosongkan hatinya hanya untuk Allah, maka orang itu terhindar dari kesalahan seperti ketika ibunya melahirkannya."

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنِي أَحْمَدُ بْنُ جَعْفَرٍ الْمَعْقِرِيُّ حَدَّثَنَا النَّضْرُ بْنُ مُحَمَّدٍ حَدَّثَنَا عِكْرِمَةُ بْنُ عَمَّارٍ حَدَّثَنَا شَدَّادُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ أَبُو عَمَّارٍ وَيَحْيَى بْنُ أَبِي كَثِيرٍ عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ عِكْرِمَةُ وَلَقِيَ شَدَّادٌ أَبَا أُمَامَةَ وَوَاثِلَةَ وَصَحِبَ أَنَسًا إِلَى الشَّامِ وَأَثْنَى عَلَيْهِ فَضْلًا وَخَيْرًا عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ قَالَ عَمْرُو بْنُ عَبَسَةَ السُّلَمِيُّ كُنْتُ وَأَنَا فِي الْجَاهِلِيَّةِ أَظُنُّ أَنَّ النَّاسَ عَلَى ضَلَالَةٍ وَأَنَّهُمْ لَيْسُوا عَلَى شَيْءٍ وَهُمْ يَعْبُدُونَ الْأَوْثَانَ فَسَمِعْتُ بِرَجُلٍ بِمَكَّةَ يُخْبِرُ أَخْبَارًا فَقَعَدْتُ عَلَى رَاحِلَتِي فَقَدِمْتُ عَلَيْهِ فَإِذَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُسْتَخْفِيًا جُرَءَاءُ عَلَيْهِ

---

[819] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.
[820] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 206 (Kitāb al-Ṭaharah, no. hadith 228).
[821] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 3: 319 (Kitāb al-Ṭahārah, no. hadith 1044).
[822] Lihat al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 2: 412 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 3582).
[823] Al-Suyūṭī, *Jam' al-Jawāmi' al-Ma'rūf Bi al-Jāmi' al-Kabīr,* 7: 762 (no. hadith 19235).
[824] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 2: 68 (no. hadith 411).
[825] Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 992 (no. hadith 5686).



Universiti Malaya

قَوْمُهُ فَتَلَطَّفْتُ حَتَّى دَخَلْتُ عَلَيْهِ بِمَكَّةَ فَقُلْتُ لَهُ مَا أَنْتَ قَالَ أَنَا نَبِيٌّ فَقُلْتُ وَمَا نَبِيٌّ
قَالَ أَرْسَلَنِي اللَّهُ فَقُلْتُ وَبِأَيِّ شَيْءٍ أَرْسَلَكَ قَالَ أَرْسَلَنِي بِصِلَةِ الْأَرْحَامِ وَكَسْرِ الْأَوْثَانِ
وَأَنْ يُوَحَّدَ اللَّهُ لَا يُشْرَكُ بِهِ شَيْءٌ قُلْتُ لَهُ فَمَنْ مَعَكَ عَلَى هَذَا قَالَ حُرٌّ وَعَبْدٌ قَالَ
وَمَعَهُ يَوْمَئِذٍ أَبُو بَكْرٍ وَبِلَالٌ مِمَّنْ آمَنَ بِهِ فَقُلْتُ إِنِّي مُتَّبِعُكَ قَالَ إِنَّكَ لَا تَسْتَطِيعُ ذَلِكَ
يَوْمَكَ هَذَا أَلَا تَرَى حَالِي وَحَالَ النَّاسِ وَلَكِنْ ارْجِعْ إِلَى أَهْلِكَ فَإِذَا سَمِعْتَ بِي قَدْ
ظَهَرْتُ فَأْتِنِي قَالَ فَذَهَبْتُ إِلَى أَهْلِي وَقَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ
وَكُنْتُ فِي أَهْلِي فَجَعَلْتُ أَتَخَبَّرُ الْأَخْبَارَ وَأَسْأَلُ النَّاسَ حِينَ قَدِمَ الْمَدِينَةَ حَتَّى قَدِمَ عَلَيَّ
نَفَرٌ مِنْ أَهْلِ يَثْرِبَ مِنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ فَقُلْتُ مَا فَعَلَ هَذَا الرَّجُلُ الَّذِي قَدِمَ الْمَدِينَةَ
فَقَالُوا النَّاسُ إِلَيْهِ سِرَاعٌ وَقَدْ أَرَادَ قَوْمُهُ قَتْلَهُ فَلَمْ يَسْتَطِيعُوا ذَلِكَ فَقَدِمْتُ الْمَدِينَةَ
فَدَخَلْتُ عَلَيْهِ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَتَعْرِفُنِي قَالَ نَعَمْ أَنْتَ الَّذِي لَقِيتَنِي بِمَكَّةَ قَالَ فَقُلْتُ
بَلَى فَقُلْتُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ أَخْبِرْنِي عَمَّا عَلَّمَكَ اللَّهُ وَأَجْهَلُهُ أَخْبِرْنِي عَنْ الصَّلَاةِ قَالَ صَلِّ
صَلَاةَ الصُّبْحِ ثُمَّ أَقْصِرْ عَنْ الصَّلَاةِ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ حَتَّى تَرْتَفِعَ فَإِنَّهَا تَطْلُعُ حِينَ
تَطْلُعُ بَيْنَ قَرْنَيْ شَيْطَانٍ وَحِينَئِذٍ يَسْجُدُ لَهَا الْكُفَّارُ ثُمَّ صَلِّ فَإِنَّ الصَّلَاةَ مَشْهُودَةٌ مَحْضُورَةٌ
حَتَّى يَسْتَقِلَّ الظِّلُّ بِالرُّمْحِ ثُمَّ أَقْصِرْ عَنْ الصَّلَاةِ فَإِنَّ حِينَئِذٍ تُسْجَرُ جَهَنَّمُ فَإِذَا أَقْبَلَ
الْفَيْءُ فَصَلِّ فَإِنَّ الصَّلَاةَ مَشْهُودَةٌ مَحْضُورَةٌ حَتَّى تُصَلِّيَ الْعَصْرَ ثُمَّ أَقْصِرْ عَنْ الصَّلَاةِ
حَتَّى تَغْرُبَ الشَّمْسُ فَإِنَّهَا تَغْرُبُ بَيْنَ قَرْنَيْ شَيْطَانٍ وَحِينَئِذٍ يَسْجُدُ لَهَا الْكُفَّارُ قَالَ
فَقُلْتُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ فَالْوُضُوءَ حَدِّثْنِي عَنْهُ قَالَ مَا مِنْكُمْ رَجُلٌ يُقَرِّبُ وَضُوءَهُ فَيَتَمَضْمَضُ
وَيَسْتَنْشِقُ فَيَنْتَثِرُ إِلَّا خَرَّتْ خَطَايَا وَجْهِهِ وَفِيهِ وَخَيَاشِيمِهِ ثُمَّ إِذَا غَسَلَ وَجْهَهُ كَمَا أَمَرَهُ
اللَّهُ إِلَّا خَرَّتْ خَطَايَا وَجْهِهِ مِنْ أَطْرَافِ لِحْيَتِهِ مَعَ الْمَاءِ ثُمَّ يَغْسِلُ يَدَيْهِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ إِلَّا
خَرَّتْ خَطَايَا يَدَيْهِ مِنْ أَنَامِلِهِ مَعَ الْمَاءِ ثُمَّ يَمْسَحُ رَأْسَهُ إِلَّا خَرَّتْ خَطَايَا رَأْسِهِ مِنْ
أَطْرَافِ شَعْرِهِ مَعَ الْمَاءِ ثُمَّ يَغْسِلُ قَدَمَيْهِ إِلَى الْكَعْبَيْنِ إِلَّا خَرَّتْ خَطَايَا رِجْلَيْهِ مِنْ أَنَامِلِهِ
مَعَ الْمَاءِ **فَإِنْ هُوَ قَامَ فَصَلَّى فَحَمِدَ اللَّهَ وَأَثْنَى عَلَيْهِ وَمَجَّدَهُ بِالَّذِي هُوَ لَهُ أَهْلٌ وَفَرَّغَ
قَلْبَهُ لِلَّهِ إِلَّا انْصَرَفَ مِنْ خَطِيئَتِهِ كَهَيْئَتِهِ يَوْمَ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ** فَحَدَّثَ عَمْرُو بْنُ عَبَسَةَ بِهَذَا
الْحَدِيثِ أَبَا أُمَامَةَ صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ لَهُ أَبُو أُمَامَةَ يَا عَمْرَو
بْنَ عَبَسَةَ انْظُرْ مَا تَقُولُ فِي مَقَامٍ وَاحِدٍ يُعْطَى هَذَا الرَّجُلُ فَقَالَ عَمْرٌو يَا أَبَا أُمَامَةَ لَقَدْ
كَبِرَتْ سِنِّي وَرَقَّ عَظْمِي وَاقْتَرَبَ أَجَلِي وَمَا بِي حَاجَةٌ أَنْ أَكْذِبَ عَلَى اللَّهِ وَلَا عَلَى
رَسُولِ اللَّهِ لَوْ لَمْ أَسْمَعْهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا مَرَّةً أَوْ مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا
حَتَّى عَدَّ سَبْعَ مَرَّاتٍ مَا حَدَّثْتُ بِهِ أَبَدًا وَلَكِنِّي سَمِعْتُهُ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ[826]

[826] Lafaz ini adalah menurut riwayat Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.

Universiti Malaya

Pengkaji mendapati pengarang hanya menukilkan sebahagian sahaja maksud daripada matan yang panjang. Hadith riwayat 'Amrū Bin 'Abasah r.a. ini direkodkan oleh Muslim[827] dan al-Bayhaqī[828].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh Muslim.

---

**<u>Hadith 82</u>**

> At Thabrani mengeluarkan dari hadith Ibnu Sirin dari Abu Hurairah, ia berkata : "Dulu Nabi SAW di dalam solatnya menoleh ke kanan dan ke kiri, kemudian Allah menurunkan ayat : " قد أفلح المؤمنون (1) الذين هم في صلاتهم خشعون (2) Ertinya : "Sungguh beruntung mereka yang beriman, iaitu orang-orang yang khusyuk dalam solatnya " (al-Mukminun)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ سَعِيدٍ ، قَالَ : نا حِبَرَةُ بْنُ نَجْمٍ الإِسْكَنْدَرَانِيُّ ، قَالَ : نا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ وَهْبٍ ، عَنْ جَرِيرِ بْنِ حَازِمٍ ، عَنِ ابْنِ عَوْنٍ ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سِيرِينَ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : " كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَلْتَفِتُ فِي الصَّلاةِ عَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ شِمَالِهِ " ، ثُمَّ أَنْزَلَ اللَّهُ : قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ { 1 } الَّذِينَ هُمْ فِي صَلاتِهِمْ خَاشِعُونَ { 2 } سورة المؤمنون آية 1–2 ، "فَخَشَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَلَمْ يَكُنْ يَلْتَفِتُ يَمِينًا وَلا شِمَالا . " لَمْ يَرْوِ هَذَا الْحَدِيثَ عَنِ ابْنِ عَوْنٍ إِلا جَرِيرٌ ، وَلا عَنْ جَرِيرٍ إِلا ابْنُ وَهْبٍ ، تَفَرَّدَ بِهِ : حِبَرَةُ.[829]

Hadith Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Ṭabrānī[830] dan al-Haythamī[831].

**Hukum Hadith**

Al-Ṭabrānī di dalam *al-Mu'jam al-Awṣaṭ* menyatakan bahawa hadith ini diriwayatkan secara tunggal oleh Jarīr daripada Ibn 'Awn dan diriwayatkan juga secara

---

[827] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 569 (Kitāb Ṣalah al-Musāfirīn Wa Qaṣrihā, no. hadith 832).
[828] Lihat al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 2: 637 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 4385).
[829] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat al-Ṭabrānī di dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Awsaṭ*.
[830] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 4: 246 (no. hadith 4632).
[831] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 2: 233 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2430).



Universiti Malaya

tunggal oleh Ibn Wahab daripada Jarīr. Begitu juga hadith ini diriwayatkan secara bersendirian oleh Ḥibarah. Al-Haythamī menyatakan di dalam *al-Majma'* bahawa beliau tidak mendapati maklumat pengenalan diri Ḥibarah ini dan perawi yang lainnya adalah *thiqah* (dipercayai). Pengkaji juga mendapati hadith ini tidak direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar yang lain dan tiada sebarang komentar daripada pengkritik sanad tentangnya melainkan al-Haythamī. Walaupun kesemua perawinya adalah *thiqah* (dipercayai), namun terdapat seorang perawi iaitu Ḥibarah yang tidak dikenali. Justeru, disebabkan ketiadaan pengenalan diri perawi ini, selayaknya hadith ini diletakkan sebagai *ḍa'īf*.

---

**<u>Hadith 83</u>**

> Di dalam Sahih Bukhari dari Aisyah r.a. : "Saya bertanya kepada Nabi SAW tentang menoleh di dalam solat, baginda menjawab : " Itu adalah gangguan yang dilakukan oleh syaitan dari solat hambanya."

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو الْأَحْوَصِ قَالَ حَدَّثَنَا أَشْعَثُ بْنُ سُلَيْمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ مَسْرُوقٍ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ الِالْتِفَاتِ فِي الصَّلَاةِ فَقَالَ هُوَ اخْتِلَاسٌ يَخْتَلِسُهُ الشَّيْطَانُ مِنْ صَلَاةِ الْعَبْدِ[832]

Hadith 'Ā'isyah r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[833], Abū Dāwūd[834], al-Tirmidhī[835] dan Ibn Khuzaymah[836]. Al-Albānī berpandangan riwayat Abū Dāwūd dan al-Tirmidhī adalah *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh al-Bukhari.

---

[832] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam al-Bukhari.
[833] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 244 (Kitāb al-Adhān, no. hadith 751).
[834] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 151 (Kitāb al-Jumu'ah, no. hadith 590).
[835] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 64 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 221).
[836] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 244 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 484).



Universiti Malaya

## Hadith 84

Imam Ahmad, Abu Daud dan An Nasai mengeluarkan dari hadith Abu Dzar r.a. dari Nabi SAW , baginda bersabda yang bermaksud :"Allah itu tanpa henti memerhatikan solat hambanya selama hamba itu tidak menoleh. Jika hamba itu menoleh maka Allah mengalihkan pandanganNya dari hamba itu."

### *Takhrij* Hadith

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ صَالِحٍ حَدَّثَنَا ابْنُ وَهْبٍ قَالَ أَخْبَرَنِي يُونُسُ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا الْأَحْوَصِ يُحَدِّثُنَا فِي مَجْلِسِ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ قَالَ قَالَ أَبُو ذَرٍّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَزَالُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ مُقْبِلًا عَلَى الْعَبْدِ وَهُوَ فِي صَلَاتِهِ مَا لَمْ يَلْتَفِتْ فَإِذَا الْتَفَتَ انْصَرَفَ عَنْهُ[837]

Hadith Abū Dhar r.a. ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[838], Abū Dāwūd[839], Aḥmad[840], al-Dārimī[841], Ibn Khuzaymah[842] dan al-Suyūṭī[843]. Al-Albānī berpandangan bahawa riwayat Abū Dāwūd adalah *ḥasan* manakala riwayat al-Nasā'ī adalah *ḍa'īf.* Hamzah Ahmad Zayn pula menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Husayn Salīm Asad al-Dārānī pula menyatakan riwayat al-Dārimī adalah dengan sanad yang *ḍa'īf* disebabkan perawi Abdullah Bin Ṣālih yang terdapat di dalam jalur sanadnya adalah seorang yang *ḍa'īf*.

Pengkaji cuba menjalankan kajian sanad terhadap riwayat Abu Dawud bagi mendapatkan pandangan ulama terhadap perawi-perawi. Abu al-Ahwas atau nama Mawlā Banī Layth atau Banī Ghifār dikalangan *tābi'īn* dan *maqbūl* [844] (diterima). Tiada seorang pun yang mengambil riwayat daripada beliau melainkan al-Zuhriy. Yaḥyā Bin Ma'īn menyatakan beliau ini *laysa bi syay'* (bukanlah sesuatu). Al-Nasā'ī pula berkata Abū al-Aḥwaṣ ini tidak diketahui namanya dan kami tidak mengenalinya dan kami tidak

---

[837] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Abu Dawud di dalam *Sunan*nya.
[838] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 195 (Kitāb al-Sahw, no. hadith 1195).
[839] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 159 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 909).
[840] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 15: 551 (no. hadith 21400).
[841] Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 2: 892 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1463).
[842] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 244 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 482).
[843] Al-Suyūṭī, *Jam' al-Jawāmi' al-Ma'rūf Bi al-Jāmi' al-Kabīr,* 12: 17 (no. hadith 26188).
[844] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 1106.



Universiti Malaya

mengetahui seorang pun yang mengambil riwayat daripadanya selain Ibn Syihāb al-Zuhriy. Ibn Ḥibbān pula meletakkan Abū al-Aḥwaṣ ini di dalam kitabnya *al-Thiqāt*[845]. Ibn Syihab pula dinyatakan al-hafiz al-hujah[846]. Yunus Bin Yazid pula dinyatakan thiqah oleh al-'Ijli dan al-Nasa'i[847]. 'Abdullah Bin Wahb pula dinyatakan thiqah oleh Yahya Bin Ma'in[848]. Ahmad Bin Ṣāliḥ pula dinyatakan *thiqah* oleh al-Bukhārī, Abū Ḥātim, al-'Ijlī dan ramai lagi[849]. Menerusi dapatan ini, pengkaji berpandangan kesemua perawi di dalam jalur sanad ini adalah thiqah kecuali perawi bernama Abu al-Ahwas yang tidak disepakati akan tahap kekuatan hafazannya dan ke'adilannya di dalam periwayatan hadith. Akan tetapi beliau ini masih lagi maqbul (diterima). Justeru, pengkaji berpandangan jalur sanad ini adalah *ḥasan* lantaran kesemua perawinya adalah thiqah kecuali seorang perawi sahaja yang dinyatakan *maqbul*. Pengkaji juga cuba meneliti jalur sanad yang direkodkan oleh al-Nasa'i dan jalur sanad ini hampir menyamai jalur sanad yang direkodkan oleh Abu Dawud. Jalur sanad al-Nasa'i ialah "akhbarana Suwayd Bin Nasr anba'ana 'Abdullah Bin al-Mubarak daripada Yunus daripada al-Zuhri berkata : aku mendengar Abu al-Ahwas". Abu al-Ahwas, al-Zuhri dan Yunus adalah sama sebagaimana yang telah dijelaskan di atas. 'Abdullah Bin al-Mubarak adalah dinyatakan salah seorang imam dan tokoh ilmuwan serta hafiz[850]. Suwayd Bin Nasr dinyatakan thiqah oleh al-Nasa'i dan disebut oleh Ibn Hibban di dalam kitabnya al-Thiqat[851]. Menerusi dapatan ini juga, pengkaji berpandangan jalur sanad ini adalah sama statusnya sebagaimana jalur sanad yang direkodkan oleh Abu Dawud iaitu *ḥasan* lantaran kesemua perawinya adalah thiqah kecuali seorang perawi sahaja yang dinyatakan *maqbul*.

---

[845] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 33: 17.
[846] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 6: 335.
[847] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 32: 557.
[848] *Ibid.*, 16: 183.
[849] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 1: 241.
[850] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 16: 6.
[851] *Ibid.*, 12: 273.

**Hukum Hadith**

Pengkaji mendapati sanad hadith ini terdapat kritikan terhadap perawi Abū al-Aḥwaṣ. Walaupun demikian, Abū al-Aḥwaṣ ini dinyatakan *maqbūl* (diterima) oleh Ibn Ḥajar dan diletakkan dikalangan perawi yang *thiqah* (dipercayai) oleh Ibn Ḥibbān di dalam kitabnya *al-Thiqāt*. Ibn Khuzaymah juga meletakkan hadith ini di dalam kitab *Ṣaḥīḥ*nya. Ḥamzah Aḥmad Zayn juga menyatakan sanad hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* walaupun dengan keberadaan perawi Abu al-Ahwas di dalam jalur sanad Ahmad. Menerusi dapatan kajian pengkaji terhadap jalur sanad yang direkodkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i, pengkaji mendapati kesemua perawi di dalam kedua-dua jalur sanad ini adalah thiqah kecuali Abu al-Ahwas yang tidak dinyatakan sebagai thiqah kecuali oleh Ibn Hibban. Namun, sekiranya mengambil kira pandangan yang dinyatakan oleh Ibn Hibban bahawa Abu al-Ahwas ini adalah thiqah, maka kedua-dua jalur sanad Abu Dawud dan al-Nasa'i juga adalah *ṣaḥīḥ* lantaran kesemua perawinya adalah thiqah. Pengkaji berpandangan sanad hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* disebabkan alasan-alasan yang telah dinyatakan di atas yang akhirnya menatijahkan hadith ini juga *ṣaḥīḥ*.

---

**Hadith 85**

> Imam Ahmad dan Tarmizi mengeluarkan hadith al-Haris al-Asy'ary dari Nabi SAW yang bermaksud :" Sesungguhnya Allah telah menyuruh Zakaria bin Yahya dengan lima kalimat supaya diamalkan. Di antara lima itu ialah Allah menyuruh solat. Dan Allah mengadapkan wajahNya ke wajah hambaNya selama hamba itu tidak menoleh. Maka jika kalian solat janganlah sekali-kali menoleh."

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَبُو مُحَمَّدٍ فَهْدُ بْنُ سُلَيْمَانَ الْمِصْرِيُّ ، حَدَّثَنَا أَبُو تَوْبَةَ ، يَعْنِي الرَّبِيعَ بْنَ نَافِعٍ ، حَدَّثَنَا مُعَاوِيَةُ بْنُ سَلاَمٍ ، عَنْ زَيْدِ بْنِ سَلاَمٍ ، أَنَّ أَبَا سَلاَمٍ ، حَدَّثَهُ ، قَالَ : حَدَّثَنِي الْحَارِثُ الأَشْعَرِيُّ ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدَّثَهُ ، أَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَمَرَ يَحْيَى بْنَ زَكَرِيَّا بِخَمْسِ كَلِمَاتٍ يَفْعَلُ بِهِنَّ وَيَأْمُرُ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنْ يَفْعَلُوا بِهِنَّ ، يُوعَظُ النَّاسُ ، ثُمَّ ، قَالَ : إِنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِالصَّلاَةِ ، فَإِذَا نَصَبْتُمْ وُجُوهَكُمْ فَلاَ تَلْتَفِتُوا ، فَإِنَّ اللَّهَ يَنْصِبُ

Universiti Malaya

وَجْهَهُ لِوَجْهِ عَبْدِهِ حِينَ يُصَلِّي لَهُ ، فَلاَ يَصْرِفُ عَنْهُ وَجْهَهُ حَتَّى يَكُونَ الْعَبْدُ هُوَ يَنْصَرِفُ.[852]

Hadith al-Ḥārith al-Asy'ariy r.a. ini direkodkan oleh al-Tirmidhī[853], Aḥmad[854], Ibn Khuzaymah[855] dan Ibn Ḥibbān[856]. Al-Tirmidhī menyatakan hadith yang diriwayatkannya adalah *ḥasan ṣaḥīḥ gharīb*. Al-Albānī pula berpandangan riwayat al-Tirmidhī ini *ṣaḥīḥ*. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ pula berpandangan riwayat Ibn Ḥibbān adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Hamzah Ahmad Zayn juga berpandangan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Syu'ayb al-Arnā'ūṭ ḍān Hamzah Ahmad Zayn .

---

**<u>Hadith 86</u>**

> Diriwayatkan dari Nabi SAW juga bahawa baginda membawa di dalam sujud solat malamnya, sabdanya : " saya membaca seperti yang dibaca oleh Nabi Daud a.s. اعفر وجهي في التراب لسيد وحق لسيدي ان تعفر الوجوه له" ertinya " wajahku terkene debu untuk Tuhanku. Sudah menjadi hal Tuhanku, wajah-wajah hamba itu berbakti sampai terkena debu." (tanpa sumber)

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا أَبُو نَصْرِ بْنُ قَتَادَةَ، حَدَّثَنَا أَبُو مَنْصُورٍ مُحَمَّدُ بْنُ أَحْمَدَ الْأَزْهَرِيُّ الْأَدِيبُ الْهَرَوِيُّ بِهَا إِمْلَاءً، أَخْبَرَنَا أَبُو عَلِيٍّ الْحُسَيْنُ بْنُ إِدْرِيسَ الْأَنْصَارِيُّ، حَدَّثَنَا أَبُو عُبَيْدِ اللهِ ابْنُ أَخِي ابْنِ وَهْبٍ، حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الْفَرَجِ الصَّدَفِيُّ، حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ هَاشِمٍ الْبَيْرُوتِيُّ، عَنِ ابْنِ أَبِي كَرِيمَةَ، عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: كَانَتْ لَيْلَةُ

---

852 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Ibn Khuzaymah di dalam *Sahih*nya. Riwayat ini adalah lebih hampir menepati maksud matan hadith yang dinukilkan oleh pengarang buku (kajian pengkaji) dan agak pendek berbanding riwayat daripada kitab-kitab hadith lain yang lebih panjang.
853 Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 640 (Kitāb al-Amthāl, no. hadith 2863).
854 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 13: 288 (no. hadith 17104).
855 Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 244 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 483).
856 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 14: 124 (Kitāb al-Tārīkh, no. hadith 6233).

النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ لَيْلَتِي، وَكَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدِي، فَلَمَّا كَانَ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ فَقَدْتُهُ، فَأَخَذَنِي مَا يَأْخُذُ النِّسَاءَ مِنَ الْغَيْرَةِ فَتَلَفَّفْتُ بِمِرْطِي أَمَّا وَاللهِ مَا كَانَ خَزٌّ ، وَلَا قَزٌّ، وَلَا حَرِيرٌ، وَلَا دِيبَاجٌ ، وَلَا قُطْنٌ، وَلَا كَتَّانٌ، قِيلَ لَهَا: مِمَّ كَانَ يَا أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ ؟، قَالَتْ: كَانَ سُدَاهُ شَعْرًا وَلُحْمَتُهُ مِنْ أَوْبَارِ الْإِبِلِ، قَالَتْ: فَطَلَبْتُهُ فِي حُجَرِ نِسَائِهِ فَلَمْ أَجِدْهُ فَانْصَرَفْتُ إِلَى حُجْرَتِي فَإِذَا أَنَا بِهِ كَالثَّوْبِ السَّاقِطِ وَهُوَ يَقُولُ فِي سُجُودِهِ: " سَجَدَ لَكَ خَيَالِي وَسَوَادِي، وَآمَنَ بِكَ فُؤَادِي، فَهَذِهِ يَدِي وَمَا جَنَيْتُ بِهَا عَلَى نَفْسِي يَا عَظِيمُ يُرْجَى لِكُلِّ عَظِيمٍ، يَا عَظِيمُ اغْفِرِ الذَّنْبَ الْعَظِيمَ، سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلَقَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ "، ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ، ثُمَّ عَادَ سَاجِدًا، فَقَالَ: " أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ ، وَأَعُوذُ بِعَفْوِكَ مِنْ عِقَابِكَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْكَ لَا أُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ، أَقُولُ **كَمَا قَالَ أَخِي دَاوُدُ، أَعْفُرُ وَجْهِي فِي التُّرَابِ لِسَيِّدِي، وَحَقٌّ لَهُ أَنْ يُسْجَدَ** "، ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ، فَقَالَ: " اللهُمَّ ارْزُقْنِي قَلْبًا تَقِيًّا مِنَ الشَّرِّ نَقِيًّا لَا جَافِيًا وَلَا شَقِيًّا "، ثُمَّ انْصَرَفَ فَدَخَلَ مَعِي فِي الْخَمِيلَةِ وَلِي نَفَسٌ عَالٍ، فَقَالَ: " مَا هَذَا النَّفَسُ يَا حُمَيْرَاءُ ؟ "، فَأَخْبَرْتُهُ فَطَفِقَ يَمْسَحُ بِيَدَيْهِ عَلَى رُكْبَتِي، وَهُوَ يَقُولُ: " وَيْحَ هَاتَيْنِ الرُّكْبَتَيْنِ مَا لَقِيَتَا هَذِهِ اللَّيْلَةَ، لَيْلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ يَنْزِلُ اللهُ تَعَالَى فِيهَا إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا فَيَغْفِرُ لِعِبَادِهِ إِلَّا الْمُشْرِكَ وَالْمُشَاحِنَ "[857]

Pengkaji mendapati pengarang hanya menukilkan maksud sebahagian daripada matan hadith yang panjang. Hadith riwayat 'Ā'isyah r.a. ini direkodkan oleh al-Bayhaqī[858], al-Suyūṭī[859] dan Ibn al-Jawzī[860].Ibn al-Jawzī menyatakan hadith ini tidak *ṣaḥīḥ* dan beliau membawa pandangan Ibn 'Adiy yang menyatakan hadith-hadith Sulaymān Bin Abī Karimah adalah *munkar*.

**Hukum Hadith**

Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd pentahqiq *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān* menyatakan bahawa sanad hadith ini adalah *ḍa'īf* disebabkan perawi-perawinya yang *ḍa'īf*. Muḥammad Bin al-Farj al-Ṣadafiy tidak dikenali dan dikatakannya membawa hadith *munkar*, 'Amrū Bin Hisyām pula adalah *ṣadūq yukhṭi'* (benar dan kadangkala

[857] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat al-Bayhaqī di dalam kitabnya *al-Jami' Li Syu'ab al-Iman*.
[858] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 5: 364 (no. hadith 3557).
[859] Al-Suyūṭī, *Jam' al-Jawāmi' al-Ma'rūf Bi al-Jāmi' al-Kabīr,* 5: 274 (no. hadith 14786).
[860] Ibn al-Jawzī, *al-'Ilal al-Mutanāhiyah Fī al-Aḥādīth al-Wāhiyah*, 2: 557 (no. hadith 917).

tersilap) manakala Ibn Abī Karīmah iaitu Sulaymān Bin Abī Karīmah pula adalah *ḍa'īf* (lemah) iaitu di*ḍa'īf*kan oleh Abū Ḥātim dan dinyatakan oleh Ibn 'Adiy bahawa kebanyakan hadith-hadithnya adalah *munkar*[861]. Justeru, disebabkan jalur sanad hadith ini adalah *ḍa'īf* maka status hadith ini adalah *ḍa'īf*.

---

**Hadith 87**

> Dan diriwayatkan juga dengan isnad dari Utsman Abi Aus ia berkata : "ada berita yang sampai kepadaku, bahawa Rasulullah SAW pernah solat dengan bacaan deras, setelah selesai lalu bersabda yang bermaksud : "Apakah ada ayat dari surah yang saya baca tadi yang saya tinggalkan (tidak saya baca) ? Para sahabat menjawab : "Kami tidak mengerti. Lalu Ubay bin Ka'ab berkata : "Ya benar ada. Ayat ini dan ini. Kemudian Nabi SAW bersabda : "mengapa masih ada kaum yang dibacakan kitab Allah lalu tidak mengerti ayat-ayat yang tertinggal tidak terbaca? Kerana demikian itulah, maka keagungan Allah dikeluarkan dari hati kaum Bani Israil, badan wadaqnya menyaksikan sedang hatinya kosong. Allah tidak akan menerima amal seorang hamba, sehingga hati dan badan wadaqnya bersama-sama menyaksikan ." (hadith). [862]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى ، أَنَا يَحْيَى بْنُ سُلَيْمٍ ، عَنْ عُثْمَانَ بْنِ أَبِي دَهْرَشٍ ، قَالَ : بَلَغَنِي أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى صَلاةً جَهَرَ فِيهَا بِالْقِرَاءَةِ ، فَلَمَّا فَرَغَ مِنْ صَلاتِهِ ، قَالَ : " يَا فُلانُ ، هَلْ أَسْقَطْتُ مِنْ هَذِهِ السُّورَةِ شَيْئًا ؟ " ، قَالَ : لا أَدْرِي يَا رَسُولَ اللَّهِ ، قَالَ : فَسَأَلَ آخَرَ ، فَقَالَ : لا أَدْرِي يَا رَسُولَ اللَّهِ ، قَالَ : " هَلْ فِيكُمْ أُبَيٌّ ؟ " قَالُوا : نَعَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ ، قَالَ : " يَا أُبَيُّ ، هَلْ أَسْقَطْتُ مِنْ هَذِهِ السُّورَةِ فِي شَيْءٍ ؟ " قَالَ : نَعَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ ، آيَةَ كَذَا وَكَذَا ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : مَا بَالُ أَقْوَامٍ يُتْلَى عَلَيْهِمْ كِتَابُ اللَّهِ ، فَلا يَدْرُونَ مَا يُتْلَى مِنْهُ مِمَّا تُرِكَ ، هَكَذَا خَرَجَتْ عَظَمَةُ اللَّهِ مِنْ قُلُوبِ بَنِي إِسْرَائِيلَ ، فَشَهِدَتْ أَبْدَانُهُمْ وَغَابَتْ قُلُوبُهُمْ ، وَلا يَقْبَلُ اللَّهُ مِنْ عَبْدٍ عَمَلا حَتَّى يَشْهَدَ بِقَلْبِهِ مَعَ بَدَنِهِ " حَدَّثَنَا صَدَقَةُ بْنُ الْفَضْلِ ، قَالَ : أَخْبَرَنَا ابْنُ عُيَيْنَةَ ، عَنْ عُثْمَانَ بْنِ أَبِي دَهْرَشٍ ، عَنْ رَجُلٍ مِنْ آلِ الْحَكَمِ بْنِ أَبِي

Universiti Malaya

---

[861] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 4: 171.

[862] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

الْعَاصِ ، قَالَ : صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلاةً جَهَرَ فِيهَا بِالْقِرَاءَةِ ، وَذَكَرَ الْحَدِيثَ. [863]

Hadith 'Uthmān Bin Dahrasy ini direkodkan oleh al-Marwazī[864]. Hadith ini juga diriwayatkan melalui jalur sanad yang lain. Antara jalur yang ditemui ialah melalui jalur sanad Mālik Bin Anas dan Ubay Bin Ka'ab. Jalur sanad Mālik Bin Anas direkodkan oleh Ibn al-Athīr[865]. Manakala jalur sanad Ubay Bin Ka'ab pula direkodkan oleh al-Hindī[866]. Dr. 'Abd al-Raḥman Bin 'Abd al-Jabbār menyatakan sanad hadith ini adalah *ḍa'īf* disebabkan Yaḥyā Bin Sālim ini adalah *ṣadūq sayyi' al-ḥifẓ* (benar dan buruk hafazannya). Al-Mizzī ada merekodkan beberapa pandangan ulama berkaitan Yaḥyā ini. Antaranya ialah pandangan Ibn Ḥibbān di dalam kitabnya *al-Thiqāt* menyatakan Yaḥyā Bin Sālim ini adalah *yukhṭī'* (melakukan kesilapan) dan pandangan Abū Bisyr al-Dūlābī yang menyatakan Yaḥyā ini adalah *laysa bi al-qawiy* (tidaklah kuat)[867]. Al-'Irāqī menyatakan riwayat yang direkodkan oleh al-Marwazī ini adalah secara *mursal*[868].

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah berstatus *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang *ḍa'īf* serta dikukuhkan lagi dengan pandangan al-'Irāqī yang menyatakan riwayat yang direkodkan oleh al-Marwazī ini adalah secara *mursal*.

---

863 Lafaz riwayat ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Marwazī di dalam kitabnya *Ta'ẓīm Qadr al-Ṣalāh.*
864 Al-Marwazī, *Kitāb Ta'ẓīm Qadr al-Ṣalāh*, 1: 198 (no. hadith 157).
865 Ibn al-Athīr, *Jāmi' al-Uṣūl Fī Aḥādīth al-Rasūl*, 5: 648.
866 Lihat al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 8: 295 (no. hadith 22989).
867 Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 31: 368.
868 Al-'Irāqī, al-*Mughnī 'An Ḥaml al-Asfār Fī al-Asfār Fī Takhrīj Mā Fī al-Iḥyā' Min al-Akhbār*, 1: 120 (no. hadith 465).

b. **<u>Keajaiban Amalan Surah-surah Pilihan</u> yang ditulis oleh Fadzli Nuruddin Mohammad dan diterbitkan oleh Pustaka Ilmuwan**

**<u>Hadith 88</u>**

> Ummu Salamah r.a. berkata : “Rasulullah SAW telah membaca Bismillah hirrahmanirrahim ketika membaca al-Fatihah dalam solat.” (hadith riwayat Ibnu Huzaimah) [869]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْحَاقَ الصَّغَانِيُّ ، أَخْبَرَنَا خَالِدُ بْنُ خِدَاشٍ ، حَدَّثَنَا عُمَرُ بْنُ هَارُونَ ، عَنِ ابْنِ جُرَيْجٍ ، عَنِ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ ، عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَرَأَ فِي الصَّلاَةِ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ فَعَدَّهَا آيَةً ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ آيَتَيْنِ ، وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ وَجَمَعَ خَمْسَ أَصَابِعِهِ.[870]

Hadith Umm Salamah r.a ini direkodkan oleh Ibn Khuzaymah[871]. Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat perawi yang bernama 'Umar bin Hārūn. Ibn Sa'd menyatakan bahawa ramai perawi mengambil hadith daripadanya dan mereka meninggalkan hadithnya[872]. 'Alī bin al-Husayn bin al-Junayd pula berkata beliau mendengar Yaḥyā bin Ma'īn menyatakan bahawa 'Umar Bin Hārūn ini adalah pendusta, beliau datang ke Mekah dan mengambil hadith daripada Ja'far Bin Muḥammad sedangkan waktu itu Ja'far telah pun meninggal dunia[873]. 'Umar Bin Hārūn juga dikatakan sebagai *laysa bi syay'* (bukanlah sesuatu), *laysa bi thiqah* (tidak dipercayai) dan *ḍa'īf*. 'Alī al-Madini juga men*ḍa'īf*kannya[874]. Dengan demikian, pengkaji berpandangan riwayat Ibn Khuzaymah ini adalah *ḍa'īf*. Walaupun demikian, al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*[875] disebabkan terdapat riwayat-riwayat lain yang menyokong. Antaranya ialah hadith yang diriwayatkan melalui jalur sanad Yaḥyā Bin Sa'īd al-Umawī berkata *thana* Ibn Jurayj

---

869 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
870 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Khuzaymah di dalam *Sahih*nya.
871 Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 248 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 493).
872 Al-Dhahabī, *Siyar A'lam al-Nubala'*, 9: 268.
873 *Ibid.*, 9: 270.
874 *Ibid.*, 9: 272.
875 Al-Albānī, *Irwā' al-Ghalīl Fī Takhrīj Aḥādīth Manār al-Sabīl*, 2: 59 (hadith 343).



Universiti Malaya

daripada 'AbdiLlah Bin Abī Malīkah daripada Umm Salamah. Hadith dengan jalur ini direkodkan oleh Abū Dāwūd[876], al-Dāruquṭnī[877] dan al-Tirmidhī[878].

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith riwayat Ibn Khuzaymah ini adalah berstatus *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang *ḍa'īf*. Namun hadith ini disokong oleh beberapa hadith lain yang lebih kuat dan *ṣaḥīḥ*. Maka, hadith ini berubah statusnya menjadi *ṣaḥīḥ lighayrihi*.

---

**Hadith 89**

> Abu Hurairah r.a. ketika memberi contoh solat Rasulullah SAW , membaca sekeras-kerasnya Bismillah hirrahmanirrahim. (Hadith riwayat an-Nasa'i, Ibn Khuzaimah, Ibnu Hibban dan al-Hakim) [879]

***Takhrij* Hadith**

**Hadith 1**

حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ ، قَالَ : أَخْبَرَنَا أَبُو مَعْشَرٍ ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي سَعِيدٍ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ؛
**أَنَّهُ كَانَ يَجْهَرُ بِبِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**[880]

**Hadith 2**

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَبْدِ الْحَكَمِ ، أَخْبَرَنَا أَبِي وَشُعَيْبٌ ، يَعْنِي ابْنَ اللَّيْثِ ، قَالاَ : أَخْبَرَنَا اللَّيْثُ ، حَدَّثَنَا خَالِدٌ (ح) وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يَحْيَى ، حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ أَبِي مَرْيَمَ ، أَخْبَرَنَا اللَّيْثُ ، حَدَّثَنِي خَالِدُ بْنُ يَزِيدَ ، عَنِ ابْنِ أَبِي هِلاَلٍ ، عَنْ نُعَيْمٍ الْمُجْمِرِ ، قَالَ : صَلَّيْتُ وَرَاءَ أَبِي هُرَيْرَةَ ، فَقَرَأَ : {بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ} ، ثُمَّ قَرَأَ بِأُمِّ الْقُرْآنِ حَتَّى بَلَغَ {وَلاَ الضَّالِّينَ} فَقَالَ : آمِينَ ، وَقَالَ النَّاسُ : آمِينَ ، وَيَقُولُ كُلَّمَا سَجَدَ : اللَّهُ أَكْبَرُ ، وَإِذَا قَامَ مِنَ الْجُلُوسِ ، قَالَ : اللَّهُ أَكْبَرُ ، وَيَقُولُ إِذَا سَلَّمَ : وَالَّذِي نَفْسِي

---

[876] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 716 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 4001).
[877] Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 2: 36 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1595).
[878] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 654 (Kitāb al-Qirā'āt, no. hadith 2927).
[879] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[880] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Abi Syaybah di dalam kitabnya *al-Musannaf.*



Universiti Malaya

بِيَدِهِ إِنِّي لأَشْبَهُكُمْ صَلاَةً بِرَسُولِ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، جَمِيعُهَا لَفْظًا وَاحِدًا ، غَيْرُ أَنَّ ابْنَ عَبْدِ الْحَكَمِ ، قَالَ : وَإِذَا قَامَ مِنَ الْجُلُوسِ فِي الاِثْنَيْنِ ، قَالَ : اللَّهُ أَكْبَرُ. قَالَ أَبُو بَكْرٍ : قَدِ اسْتَقْصَيْتُ ذِكْرَ {بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ} فِي كِتَابِ مَعَانِي الْقُرْآنِ ، وَبَيَّنْتُ فِي ذَلِكَ الْكِتَابِ أَنَّهُ مِنَ الْقُرْآنِ بِبَيَانٍ وَاضِحٍ غَيْرِ مُشْكِلٍ عِنْدَ مَنْ يَفْهَمُ صِنَاعَةَ الْعِلْمِ ، وَيَتَدَبَّرُ مَا بَيَّنْتُ فِي ذَلِكَ الْكِتَابِ ، وَيَرْزُقُهُ اللَّهُ فَهْمَهُ وَيُوَفِّقُهُ لإِدْرَاكِ الصَّوَابِ وَالرَّشَادِ بِمَنِّهِ وَفَضْلِهِ[881]

Pengkaji dapat menemui hadith Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan dalam dua bentuk lafaz matan yang berlainan. Pengkaji meletakkan perbezaan lafaz matan tersebut dengan hadith 1 dan hadith 2. Hadith 1 direkodkan oleh Ibn Abī Syaybah[882] dan al-Dāruquṭnī[883]. Di dalam *Sunan* al-Dāruquṭnī, beliau ada merekodkan hadith seumpama ini melalui beberapa jalur sahabat r.a. Antaranya ialah 'Alī r.a., Ibn 'Abbās r.a., Ibn 'Umar r.a., Anas Bin Mālik r.a.[884]. Kesemua jalur sanad riwayat-riwayat ini adalah *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang *ḍa'īf* di dalam jalur sanad tersebut. Di dalam jalur sanad Anas Bin Mālik r.a. terdapat perawi Isma'il al-Makki yang dinyatakan oleh Ibn Ma'in sebagai *laysa hadithuhu bisyay'* (hadithnya tiada apa-apa)[885]. Di dalam jalur sanad Ibn 'Umar r.a. pula terdapat dua orang perawi yang *ḍa'īf* iaitu Ja'far Bin Muhammmad dan dan Abu al-Tahir Ahmad Bin 'Isa[886]. Di dalam jalur Ibn 'Abbas r.a. pula terdapat 'Umar Bin Hafs yang merupakan seorang yang *ḍa'īf*[887]. Di dalam jalur sanad 'Ali r.a. pula terdapat 'Isa Bin 'Abdullah yang merupakan *matrūk al-ḥadīth*.[888]

Hadith 2 pula direkodkan oleh al-Dāruquṭnī[889], al-Nasā'ī[890], Ibn Ḥibbān[891] dan Ibn Khuzaymah[892]. Riwayat al-Dāruquṭnī ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana kesemua perawinya

---

[881] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Abu Hurayrah r.a. yang direkodkan oleh Ibn Khuzaymah di dalam *Sahih*nya.
[882] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 2: 371 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 4170).
[883] Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 2: 75 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1574).
[884] *Ibid.*, 2: 65-78 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1155-1180).
[885] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 1: 373.
[886] Lihat ulasan yang dikemukakan oleh Syu'ayb al-Arnā'ūṭ di dalam nota kaki hadith yang 1166.
[887] Lihat ulasan yang dikemukakan oleh Syu'ayb al-Arnā'ūṭ di dalam nota kaki hadith yang 1163.
[888] Lihat ulasan yang dikemukakan oleh Syu'ayb al-Arnā'ūṭ di dalam nota kaki hadith yang 1156.
[889] Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 2: 72 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1168).

Universiti Malaya

adalah *thiqah* (dipercayai) sebagaimana yang dinyatakan oleh Syu'ayb al-Arnā'ūṭ[893]. Al-Albānī pula berpandangan riwayat al-Nasā'ī adalah *ḍa'īf*.

**Hukum Hadith**

Walaupun al-Albānī menyatakan riwayat Abū Hurayrah r.a. yang direkodkan oleh al-Nasā'ī adalah *ḍa'īf* sanadnya, namun riwayat ini direkodkan juga Ibn Ḥibbān, Ibn Khuzaymah dan al-Dāruquṭnī dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Justeru, hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* sebagaimana yang dinyatakan oleh Syu'ayb al-Arnā'ūṭ..

---

**Hadith 90**

> Hadith Aisyah r.a. yang berkata : "Biasa Rasulullah memulai solat dengan takbir dan bacaannya dengan Alhamdulillahi rabbil alamin." (Hadith riwayat Muslim) [894]

***Takhrij*** **Hadith**

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ نُمَيْرٍ حَدَّثَنَا أَبُو خَالِدٍ يَعْنِي الْأَحْمَرَ عَنْ حُسَيْنٍ الْمُعَلِّمِ قَالَ ح و حَدَّثَنَا إِسْحَقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ وَاللَّفْظُ لَهُ قَالَ أَخْبَرَنَا عِيسَى بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا حُسَيْنٌ الْمُعَلِّمُ عَنْ بُدَيْلِ بْنِ مَيْسَرَةَ عَنْ أَبِي الْجَوْزَاءِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ **كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَفْتِحُ الصَّلَاةَ بِالتَّكْبِيرِ وَالْقِرَاءَةَ بِ { الْحَمْد لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ }** وَكَانَ إِذَا رَكَعَ لَمْ يُشْخِصْ رَأْسَهُ وَلَمْ يُصَوِّبْهُ وَلَكِنْ بَيْنَ ذَلِكَ وَكَانَ إِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنْ الرُّكُوعِ لَمْ يَسْجُدْ حَتَّى يَسْتَوِيَ قَائِمًا وَكَانَ إِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنْ السَّجْدَةِ لَمْ يَسْجُدْ حَتَّى يَسْتَوِيَ جَالِسًا وَكَانَ يَقُولُ فِي كُلِّ رَكْعَتَيْنِ التَّحِيَّةَ وَكَانَ يَفْرِشُ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَيَنْصِبُ رِجْلَهُ الْيُمْنَى وَكَانَ يَنْهَى عَنْ عُقْبَةِ الشَّيْطَانِ وَيَنْهَى أَنْ يَفْتَرِشَ الرَّجُلُ ذِرَاعَيْهِ افْتِرَاشَ السَّبُعِ وَكَانَ يَخْتِمُ الصَّلَاةَ بِالتَّسْلِيمِ وَفِي رِوَايَةِ ابْنِ نُمَيْرٍ عَنْ أَبِي خَالِدٍ وَكَانَ يَنْهَى عَنْ عَقِبِ الشَّيْطَانِ[895]

---

[890] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 150 (Kitāb al-Iftitāḥ, no. hadith 905).
[891] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 100 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1797).
[892] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 251 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 499).
[893] Lihat ulasan yang dikemukakan oleh Syu'ayb al-Arnā'ūṭ di dalam nota kaki hadith yang 1168.
[894] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[895] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.



Universiti Malaya

Hadith 'Ā'isyah r.a. ini direkodkan oleh Muslim[896], Abū Dāwūd[897], Ibn Mājah[898], Aḥmad[899], al-Dārimī[900], Ibn Ḥibbān[901] dan Ibn Abī Syaybah[902]. Al-Albānī berpandangan riwayat Abū Dāwūd dan Ibn Mājah adalah *ṣaḥīḥ*. Hamzah Ahmad Zayn pula menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ pula berpandangan riwayat Ibn Ḥibbān adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ* menepati syarat Muslim. Husayn Salim Asad pula menyatakan riwayat al-Dārimī adalah *ḍa'īf*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah bersatus *ṣaḥīḥ* sebagaimana dinyatakan oleh al-Albani dan Hamzah Ahmad Zayn

---

**Hadith 91**

> Anas bin Malik r.a. berkata : "Saya solat di belakang Rasulullah s.a.w, Abu Bakar r.a., Umar r.a., Uthman r.a. dan mereka semuanya memulakan bacaan dengan Alhamdulillahi rabbil alamin." (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا حَفْصُ بْنُ عُمَرَ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبَا بَكْرٍ وَعُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا كَانُوا يَفْتَتِحُونَ الصَّلَاةَ بِ { الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ } [903]

Hadith Anas Bin Mālik r.a ini direkodkan oleh al-Bukhārī[904], Muslim[905], Ibn Khuzaymah[906], al-Nasā'ī[907], Ibn Abī Syaybah[908], Aḥmad[909], al-Tirmidhī[910], Ibn

---

[896] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 357 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 498).
[897] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 139 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 783).
[898] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 153 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 813).
[899] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 17: 210 (no. hadith 23912).
[900] Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 3: 787 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1272).
[901] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 64 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1768).
[902] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 2: 368 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 4150).
[903] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat al-Bukhari di dalam *Sahih*nya..
[904] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 242 (Kitāb al-Adhān, no. hadith 743).
[905] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 299 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 399).

Mājah[911] dan Abū Dāwūd[912]. Semua riwayat hadith ini adalah melalui jalur Qatādah daripada Anas bin Mālik r.a. Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-A'ẓamiy menyatakan riwayat Ibn Khuzaymah sanadnya *ṣaḥīḥ*. Ḥamzah Aḥmad al-Zayn menyatakan hadith riwayat Ahmad sanadnya adalah *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini berstatus *ṣaḥīḥ* sebagaimana dinyatakan oleh Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-A'ẓamiy dan Ḥamzah Aḥmad al-Zayn.

---

**<u>Hadith 92</u>**

> Sabda Rasulullah s.a.w : "Tiada sempurna wudhu orang yang tidak membaca Bismillah hirrahmanirrahim."[913]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا زَيْدُ بْنُ الْحُبَابِ قَالَ حَدَّثَنِي كَثِيرُ بْنُ زَيْدٍ اللَّيْثِيُّ قَالَ حَدَّثَنِي رُبَيْحُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيُّ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا وُضُوءَ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرْ اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ.[914]

Hadith Abū Sa'īd al-Khudriy r.a ini direkodkan oleh Ibn Mājah[915], Aḥmad[916], al-Dārimī[917], al-Dāruquṭnī[918], Abū Ya'la al-Mawṣilī[919] dan Ibn Abī Syaybah[920]. Aḥmad

---

[906] Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 248 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 491).
[907] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 149 (Kitāb al-Iftitāḥ, no. hadith 902).
[908] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 2: 368 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 4149).
[909] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 10: 324 (no. hadith 11930).
[910] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 71 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 246).
[911] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 153 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 813).
[912] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 138 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 782).
[913] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[914] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya.
[915] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 86 (Kitāb al-Ṭahārah, no. hadith 397).
[916] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 10: 131 (no. hadith 11309).
[917] Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 1: 542 (Kitāb al-Ṭahārah, no. hadith 718).
[918] Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 1: 120 (Kitāb al-Ṭahārah, no. hadith 223).
[919] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 2: 324 (no. hadith 1060).
[920] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 1: 7 (Kitāb al-Ṭahārah, no. hadith 14).



University Malaya

juga ada merekodkan hadith ini melalui riwayat sahabat r.a. yang lain iaitu Abū Hurayrah[921] r.a. dan Ḥuwayṭib[922] r.a.

Al-Albānī menyatakan riwayat Ibn Mājah adalah *ḥasan*. Ḥamzah Aḥmad al-Zayn menyatakan riwayat Ahmad melalui jalur Abū Sa'īd al-Khudriy r.a sanadnya adalah *jayyid* (baik), jalur Abū Hurayrah r.a. sanadnya adalah *ḥasan* dan jalur Ḥuwayṭib r.a. pula sanadnya adalah *ṣaḥīḥ*. Husayn Salim Asad pula menyatakan riwayat al-Dārimī dan Abū Ya'la al-Mawṣilī sanadnya adalah *ḥasan*.

**Hukum Hadith**

Pengkaji dapat mengenalpasti hadith ini mempunyai 6 jalur sanad yang baik iaitu riwayat Ibn Mājah adalah *ḥasan*, tiga riwayat Imam Ahmad pula adalah *jayyid* (baik), *ḥasan* dan *ṣaḥīḥ* manakala dua riwayat al-Dārimī dan Abū Ya'la al-Mawṣilī pula *ḥasan*. Justeru, pengkaji berpandangan hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi* disebabkan terdapat banyak hadith *ḥasan* yang menyokong. Apabila sesuatu hadith *ḥasan* disokong oleh hadith lain yang *ḥasan*, maka hadith tersebut meningkat statusnya ke martabat *ṣaḥīḥ lighayrihi*.

---

**<u>Hadith 93</u>**

> Sabda Rasulullah SAW kepada Umar bin Abi Salamah yang bermaksud: "Bacalah Bismillah hirrahmanirrahim, makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah dari yang dekat-dekat dengan mu." (Hadith riwayat Muslim) [923]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ أَخْبَرَنَا سُفْيَانُ قَالَ الْوَلِيدُ بْنُ كَثِيرٍ أَخْبَرَنِي أَنَّهُ سَمِعَ وَهْبَ بْنَ كَيْسَانَ أَنَّهُ سَمِعَ عُمَرَ بْنَ أَبِي سَلَمَةَ يَقُولُ كُنْتُ غُلَامًا فِي حَجْرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ

---

[921] *Ibid*, 19: 202 (hadith 9382).
[922] *Ibid*, 18: 448 (hadith 27025).
[923] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Universiti Malaya

عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَتْ يَدِي تَطِيشُ فِي الصَّحْفَةِ فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَا غُلَامُ **سَمِّ اللَّهَ وَكُلْ بِيَمِينِكَ وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ** فَمَا زَالَتْ تِلْكَ طِعْمَتِي بَعْدُ[924]

Hadith 'Umar Bin Abī Salamah r.a ini terdapat beberapa jalur sanad. Pertama melalui Sufyān daripada al-Walīd Bin Kathīr daripada Wahb Bin Kaysān daripada 'Umar Bin Abī Salamah yang direkodkan oleh al-Bukhārī[925], Muslim[926], al-Nasā'ī[927], Ibn Mājah[928], Aḥmad[929], Ibn Abī Syaybah[930] dan al-Ṭabrānī[931]. Hamzah Ahmad al-Zayn menyatakan sanad hadith riwayat Ahmad ini *ṣaḥīḥ*. Kedua pula melalui Sufyān daripada Hisyām Bin 'Urwah daripada bapanya daripada 'Umar Bin Abī Salamah r.a. yang direkodkan oleh Ahmad[932]. Ketiga pula melalui Ibn Lahī'ah daripada Abū al-Aswad 'Abd al-Raḥmān Bin Sa'd al-Maq'ad daripada 'Umar Bin Abī Salamah r.a. yang direkodkan oleh Aḥmad[933]. Hamzah Ahmad al-Zayn menyatakan sanad hadith ini adalah *ḥasan*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana hadith ini melalui jalur sanad yang pertama telah direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

---

## Hadith 94

> Riwayat Ibn Abbas r.a., Rasulullah SAW bersabda : “Andaikan salah satu kamu jika akan berjimak dengan isterinya membaca “dengan nama Allah, ya Allah jauhkan kami dari syaitan dan jauhkan syaitan dari rezeki yang Tuhan berikan kepada kami”. Maka jika ditakdirkan mendapat anak dari jimak tidak mudah diganggu oleh syaitan selamanya.” (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim)

924 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari di dalam *Sahih*nya.
925 Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 3: 431 (Kitāb al-Aṭ'imah, no. hadith 5327).
926 Muslim, *Sahih Muslim,* 3: 1599 (Kitāb al-Asyribah, no. hadith 2022).
927 Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 6: 263 (Kitāb al-Walīmah, no. hadith 6726).
928 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 551 (Kitāb al-Aṭ'imah, no. hadith 3267).
929 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 12: 525 (no. hadith 16284).
930 Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 8: 213 (Kitāb al-Aṭ'imah, no. hadith 24808).
931 Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 9: 12-14 (no. hadith 8298-8306).
932 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 2: 526 (no. hadith 16286).
933 *Ibid.*, 12: 526 (no. hadith 16289).



Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا سَعْدُ بْنُ حَفْصٍ حَدَّثَنَا شَيْبَانُ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ سَالِمِ بْنِ أَبِي الْجَعْدِ عَنْ كُرَيْبٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَا لَوْ أَنَّ أَحَدَهُمْ يَقُولُ حِينَ يَأْتِي أَهْلَهُ بِاسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ جَنِّبْنِي الشَّيْطَانَ وَجَنِّبْ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا ثُمَّ قُدِّرَ بَيْنَهُمَا فِي ذَلِكَ أَوْ قُضِيَ وَلَدٌ لَمْ يَضُرَّهُ شَيْطَانٌ أَبَدًا[934]

Hadith Ibn 'Abbās r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[935], Abū Dāwūd[936], al-Tirmidhī[937], Ibn Mājah[938], Ibn Ḥibbān[939], Ibn Abī Syaybah[940] dan al-Ṭabrānī[941]. Kesemua riwayat yang direkodkan ini adalah melalui jalur sanad daripada Manṣūr daripada Sālim daripada Kurayb daripada Ibn 'Abbās.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh al-Bukhari..

---

**Hadith 95**

Rasulullah SAW bersabda : " ما من عبد يقول بسم الله الرحمن الرحيم الا أمر الله تعالى الكرام الكاتبين أن يكتبوا في ديوانه أربعمائة حسنة" maksudnya " Tiada seorang hamba pun mengucapkan Bismillah kecuali Allah taala perintahkan para malaikat yang bertugas mencatat amal manusia untuk mencatat buku induknya empat ratus kebaikan." [942]

***Takhrij* Hadith**

Pengkaji tidak menemui hadith ini di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Pengkaji dapat menemui hadith ini tanpa sanad di dalam kitab *Tanqīḥ al-Qawl al-*

---

934 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam al-Bukhārī di dalam *Sahih*nya.
935 Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 3: 378 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 5165). Imam al-Bukhārī juga merekodkan hadith ini di dalam kitab yang lain di dalam *Sahih*nya iaitu Kitāb al-Wuḍū', no. hadith 141, Kitāb Bad' al-Khalq, no. hadith 3283, Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 6388 dan Kitāb al-Tawḥīd, no. hadith 7396.
936 Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 375 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 2161).
937 Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 258 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 1092).
938 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 333 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 1919).
939 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 3: 263 (Kitāb Qirā'āt al-Qur'ān, no. hadith 983).
940 Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 6: 239 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 17320).
941 Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 7: 298 (no. hadith 7184).
942 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

*Ḥathīth* oleh Nawawi al-Bantani[943]. Melihat kepada susunan dan maksud hadith ini yang menonjolkan kelebihan ganjaran yang bersangatan atau melampau, ia lebih menghampiri kepada hadith *mawḍū'* (palsu).

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah menghampiri لا أصل له )tiada asal baginya( disebabkan hadith ini tidak direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar dan ditemui tanpa sanad di dalam kitab *Tanqīḥ al-Qawl al-Ḥathīth* selain tiada komentar atau kritikan ulama-ulama hadith berkaitan hadith ini..

---

**<u>Hadith 96</u>**

> Rasulullah SAW bersabda : " فاتحة الكتاب تعدل ثلثي القرآن " maksudnya : "Membaca al-Fatihah al-Quran pahalanya seperti sepertiga al-Quran."

***Takhrij* Hadith**

فَاتِحَةُ الْكِتَابِ تَعْدِلُ ثُلُثَيِ الْقُرْآنِ ( عَبْدُ بن حُمَيْد عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ )[944]

Hadith Ibn 'Abbās r.a. ini direkodkan oleh al-Hindī[945], al-Suyūṭī[946], Ibn 'Aqīlah al-Makkī[947], al-Baqā'ī[948] dan al-Munāwī[949]. Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ḍa'īf* tetapi beliau tidak menyatakan alasan beliau di dalam pernyataan tersebut. Beliau

---

943 Lihat Nawāwī al-Bantanī, Muḥammad Nawāwī Ibn 'Umar, *Tanqīḥ al-Qawl al-Ḥathīth*. (t.t.p : Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.), 10.

944 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Hindī di dalam kitabnya Kanz al-'Ummāl.

945 Lihat al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 1: 556 (Kitāb al-Adhkār, no. hadith 2495).

946 Lihat al-Suyūṭī, *Jāmi' al-Aḥādīth al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Zawā'iduhu Wa al-Jāmi' al-Kabīr,* 6: 257 (no. hadith 14717).

947 Ibn 'Aqīlah al-Makkiy, *Al-Ziyādah Wa al-Iḥsān Fī 'Ulūm al-Qur'ān* (t.t.p : Markaz al-Buḥūth Wa al-Dirāsāt, 2006), 2: 136.

948 Al-Baqā'ī, Burhān al-Dīn Abī al-Ḥasan Ibrāhīm Bin 'Umar, *Maṣā'id al-Naẓar Lil'isyrāf 'Alā Maqāṣid al-Suwar*, tahqiq Dr. 'Abd al-Sami' Muhammad Ahmad Hasanayn (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1987), 1: 473.

949 Al-Munāwī, 'Abd al-Ra'ūf al-Munāwī, *Fayḍ al-Qadīr Syarḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr* (Bayrūt : Dār al-Ma'rifah, 1972), 4: 419 (no. hadith 5828).



Universiti Malaya

merekodkan hadith ini di dalam kitabnya *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr* [950] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī juga meletakkan hadith ini sebagai *ḍa'īf*[951]. Hadith ini dikatakan diriwayatkan oleh 'Abd Bin Humayd daripada Ibn 'Abbās r.a. Pengkaji cuba mencari dan melihat pandangan ulama berkaitan perawi 'Abd Bin Humayd ini di dalam kitab-kitab rijal al-hadith dan hasilnya pengkaji tidak menemui nama perawi ini.

**Hukum Hadith**

Pengkaji tidak menemui sanad hadith ini secara lengkap melainkan hanya dinyatakan daripada 'Abd Bin Humayd daripada Ibn 'Abbās r.a. Pengkaji juga tidak menemui nama 'Abd Bin Humayd ini di dalam kitab-kitab rijal al-hadith. Namun hadith ini direkodkan oleh al-Hindī dan al-Suyūṭī di dalam kitab mereka. Justeru, pengkaji berpandangan hadith ini berkemungkinan ada sanadnya tetapi tidak ditemui. Maka, pengkaji tidak dapat menyatakan status hadith ini lantaran pengkaji tidak menemui sanad yang lengkap untuk dijalankan penelitian terhadap sanad tersebut selain pengkaji juga tidak menemui pandangan ulama-ulama hadith berkaitan hadith ini.

---

**<u>Hadith 97</u>**

> Juga Rasulullah SAW bersabda lagi : " الفاتحة لما قرئت له " maksudnya: "surah al-Fatihah adalah untuk apa ia dimaksudkan dalam bacaannya." [952]

***Takhrij* Hadith**

Hadith ini tidak dijumpai di dalam kitab-kitab hadith yang mu'tabar. Pengkaji dapat menemui hadith ini direkodkan oleh al-Suyūṭī[953], al-Sakhāwī[954], al-'Ajlūnī[955], 'Alī

---

950 Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 576 (no. hadith 3949).
951 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 6: 185 (no. hadith 14678).
952 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
953 Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *al-Durar al-Muntathirah Fī al-Aḥādīth al-Musytaharah*, tahqiq Dr. Muhammad Lutfi al-Sibbagh (al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah : t.p, t.t.), 155 (no. hadith 312).



Universiti Malaya

Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī[956] dan Mullah 'Alī al-Qari[957]. Al-Suyūṭī menyatakan hadith ini dikatakan direkodkan oleh al-Bayhaqī di dalam *al-Syu'ab* tetapi sebenarnya hadith ini tiada di dalam *al-Syu'ab*. Al-Syaykh Yūsuf Bin Maḥmūd al-Ḥāj Aḥmad (pentahqiq *Kasyf al-Khafā'*) menyatakan hadith ini *la asla lah* (tiada asal baginya). Pengkaji juga mendapati hadith ini adalah tanpa sanad dan berkemungkinan tiada asal baginya.

**Status Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah tiada asal baginya disebabkan ianya ditemui tanpa sanad dan tidak terdapat di dalam kitab-kitab hadith yang mu'tabar.

---

**Hadith 98**

> Juga Rasulullah SAW bersabda lagi: "فاتحة فتوحة لمقصد المؤمنين " maksudnya: "al-Fatihah itu pembukaan maksud bagi orang-orang mukmin."[958]

***Takhrij* Hadith**

Hadith ini tidak dijumpai di dalam kitab-kitab hadith yang mu'tabar dan tiada di dalam himpunan hadith-hadith *ḍa'īf* dan *mawḍū'* (palsu).

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah tiada asal baginya disebabkan ianya ditemui tanpa sanad dan tidak terdapat di dalam kitab-kitab hadith yang mu'tabar.

---

954 Al-Sakhāwī, al-'Allamah Muḥammad 'Abd al-Raḥmān, *al-Maqāṣid al-Ḥasanah Fī Bayān Kathīr Min al-Aḥādīth al-Musytaharah 'Alā al-Alsinah*, tahqiq Muḥammad 'Uthmān al-Khusyat (Bayrūt : Dār al-Kitāb al-'Arabiy, 1985), 477 (no. hadith 734).

955 Al-'Ajlūnī, al-Mufassir al-Muḥaddith Ismā'īl Bin Muḥammad, *Kasyf al-Khafā' Wa Muzīl al-Ilbās 'Ammā Isytahar Min al-Aḥādīth 'Alā Alsinah al-Nās*, tahqiq al-Syaykh Yūsuf Bin Maḥmūd al-Ḥāj Aḥmad (t.t.p : Maktabah al-'Ilm al-Ḥadīth, t.t.), 2: 96 (no. hadith 1816).

956 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 6: 186 (no. hadith 14682).

957 Mullā 'Alī al-Qārī, al-'Allāmah Nūr al-Dīn 'Alī Bin Muḥammad Bin Sulṭān, *Al-Asrār al-Marfū'ah Fī al-Akhbār al-Mawḍū'ah*, tahqiq Muḥammad al-Sibbāgh (Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 1971), 252 (no. hadith 313).

958 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Universiti Malaya

**Hadith 99**

> Rasulullah SAW bersabda maksudnya : “ Surah al-Fatihah ditanzilkan dari satu perbendaharaan yang terletak di bawah arasy.” [959]

***Takhrij* Hadith**

قَالَ النَّبِيُّ : " فَاتِحَةُ الْكِتَابِ أُنْزِلَتْ مِنْ كَنْزٍ تَحْتَ الْعَرْشِ" ابْنُ رَاهُويَه عَنْ عَلِيّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ. [960]

Hadith Alī r.a. ini direkodkan oleh al-Suyūṭī[961], al-Hindī[962] dan Ibn 'Aqīlah al-Makkī [963].Al-Albānī menyatakan hadith ini *ḍa'īf* di dalam kitabnya *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr* [964] dan *Silsilah al-Aḥāḍīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*[965]. Al-Albānī menyatakan hadith ini direkodkan oleh al-Daylamī melalui jalur sanad Aḥmad Bin Budayl *haddathanā* Isḥāq Bin al-Rabī' *haddathanā* al-'Alā' Bin al-Musayyab daripada Fudayl Bin 'Amrū daripada 'Alī secara *marfu'*. Al-Albānī berpandangan sanad ini *ḍa'īf* kerana Fudayl Bin 'Amrū adalah *thiqah* (dipercayai) tetapi tidak sempat berjumpa dengan 'Alī. Maka hadith ini adalah *munqaṭi'* (terputus sanad) [966]. 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī juga meletakkan hadith ini sebagai *ḍa'īf* [967].

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini *ḍa'īf* kerana berlaku *inqiṭā' al-sanad* (sanad terputus).

---

[959] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[960] Lafaz ini adalah sebagaimana yang direkodkan oleh al-Suyūṭī di dalam kitabnya Jāmi' al-Aḥādīth.
[961] al-Suyūṭī, *Jāmi' al-Aḥādīth al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Zawā'iduhu Wa al-Jāmi' al-Kabīr,* 6: 257 (no. hadith 14715).
[962] Lihat al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 1: 557 (Kitāb al-Adhkār, no. hadith 2501).
[963] Ibn 'Aqīlah al-Makkiy, *Al-Ziyādah Wa al-Iḥsān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 2: 134.
[964] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 576 (no. hadith 3947).
[965] Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 9: 27 (no. hadith 4024).
[966] *Ibid.*
[967] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 6: 185 (no. hadith 14676).



Universiti Malaya

**Hadith 100**

Hadith yang diriwayatkan oleh imam Bukhari dari Abu Sa'id al-Khudri r.a. :

"كنا في مسير لنا فنزلنا فجاءت جارية فقالت : ان سيد الحلي سليم وان نفرنا غيب فهل منكم راق؟ فقام معها رجل ما كنا نابنه برقية فرقاه فبرأ فأمر له بثلاثين شاة وسقانا لبنا فلما رجع قلنا له : أكنت تحسن رقية أو كنت ترقي ؟ قال : لا ما رقيت الا بأم الكتاب , قلنا : لا تحدثوا شيئا حتى نأتى أو نسأل النبى صلى الله عليه وسلم فلما قدمنا المدينة ذكرناه للنبى صلى الله عليه وسلم فقال : وما كان يدريه أنها رقية ؟ اقسموا واضربوا لي بسهم . "

Maksudnya : " Pada suatu hari kami bersama-sama dalam perjalanan, maka kami berhenti di satu dusun. Tiba-tiba dating sorang budak perempuan berkata "sesungguhnya pemimpin desa ini sakit dan tiada seorang pun daripada kami yang dapat mengubatinya, adakah ada di antara kalian yang dapat mengubatinya? Lalu salah seorang dari rombongan kami berdiri mengikutinya. Kami tidak sangka bahawa dia boleh mengubati penyakit. Orang yang sakit itu diubatinya lalu sembuh. Dia diberikan hadiah berupa 30 ekor kambing dan kepada kami diberikan susu. Ketika dia kembali kami bertanya : "Adakah kamu pandai mengubati penyakit dan adakah kamu seorang dukun?" lalu dia menjawab : "Tidak, saya bukan dukun tetapi saya hanya membaca ummul kitab (surah al-Fatihah)." Kami katakana : "peristiwa ini jangan diceritakan kepada sesiapa pun sebelum kita bertanya kepada Rasulullah SAW terlebih dahulu." Setelah kami sampai di Madinah, kami terus menemui Rasulullah SAW lalu kamo ceritakan kepada baginda tentang kejadian tersebut. Rasulullah s.a.w lalu bersabda : " Barangsiapa yang mengetahui bahawa surah itu (al-Fatihah) adalah ubat, bahagikanlah hadiah itu dan berikan aku sebahagian darinya."

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى حَدَّثَنَا وَهْبٌ حَدَّثَنَا هِشَامٌ عَنْ مُحَمَّدٍ عَنْ مَعْبَدٍ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ كُنَّا فِي مَسِيرٍ لَنَا فَنَزَلْنَا فَجَاءَتْ جَارِيَةٌ فَقَالَتْ إِنَّ سَيِّدَ الْحَيِّ سَلِيمٌ وَإِنَّ نَفَرَنَا غَيْبٌ فَهَلْ مِنْكُمْ رَاقٍ فَقَامَ مَعَهَا رَجُلٌ مَا كُنَّا نَأْبُنُهُ بِرُقْيَةٍ فَرَقَاهُ فَبَرَأَ فَأَمَرَ لَهُ بِثَلَاثِينَ شَاةً وَسَقَانَا لَبَنًا فَلَمَّا رَجَعَ قُلْنَا لَهُ أَكُنْتَ تُحْسِنُ رُقْيَةً أَوْ كُنْتَ تَرْقِي قَالَ لَا مَا رَقَيْتُ إِلَّا بِأُمِّ الْكِتَابِ قُلْنَا لَا تُحْدِثُوا شَيْئًا حَتَّى نَأْتِيَ أَوْ نَسْأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا قَدِمْنَا الْمَدِينَةَ ذَكَرْنَاهُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ وَمَا كَانَ يُدْرِيهِ أَنَّهَا رُقْيَةٌ اقْسِمُوا وَاضْرِبُوا لِي بِسَهْمٍ[968]

[968] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari di dalam *Sahih*nya.



University Malaya

Hadith Abū Sa'īd al-Khudriy r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[969], Muslim, Abū Dāwūd[970], al-Tirmidhī[971], Aḥmad[972], Ibn Ḥibbān[973], al-Dāruquṭnī[974], al-Bayhaqī[975], Ibn al-Athīr[976] dan Ibn Kathīr[977] Semua riwayat hadith ini adalah melalui Abū Sa'īd al-Khudriy r.a. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

---

**Hadith 101**

Nabi Muhammad SAW telah bersabda :

"عن أبي هريرة رضي الله عنه قال : وكلني رسول الله صلى الله عليه وسلم بحفظ زكاة رمضان , فأتاني آت فجعل يحثو من الطعام , فأخذته وقلت : والله لأرفعنك الى رسول الله صلى الله عليه وسلم فقص الحديث فقال : اذا أويت الى فراشك , فاقرأ آية الكرسي لن يزال معك من الله حافظ , ولا يقربك شيطان حتى تصبح وقال النبي صلى الله عليه وسلم : صدقك وهو كذوب ذاك شيطان ."

Maksudnya : " Daripada Abu Hurairah r.a. dia berkata : "Rasulullah SAW menyerahkan kepada ku untuk menjaga zakat Ramadhan, maka seseorang telah dating kepada ku sambil mengambil sebahagian (kurma yang sedang dijaga). Lalu aku tangkap dan katakana kepadanya "aku akan membawamu menemui Rasulullah SAW lalu dia berkata " aku sangat memerlukannya kerana aku mempunyai ahli keluarga yang ramai". Maka aku lepaskannya dan kemudian dia berkata lagi "Lepaskan aku! Aku akan mengajarmu kalimah-kalimah yang Allah akan berikan manfaat kepadamu dengan kalimah-kalimah itu." Lalu akau berkata : "Apakah kalimah-kalimah itu? " Dia berkata : "Jika engkau hendak ke tempat tidurmu, maka bacalah ayat kursi. Tidak henti bersamamu penjaga dari Allah dan syaitan tidak akan mendekatimu sampai pagi." Nabi Muhammad SAW bersabda " Dia berkata benar (tentang ayat kursi), tetapi dia adalah pembohong. Dia adalah syaitan." (Hadith riwayat Bukhari daripada Abu Hurairah r.a.)

---

[969] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 3: 342 (Kitāb al-Tafsīr, no. hadith 5007).
[970] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 443 (Kitāb al-Buyū', no. hadith 3418).
[971] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 466 (Kitāb al-Ṭibb, no. hadith 2063).
[972] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 10: 5 (no. hadith 10927).
[973] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 13: 476 (Kitāb al-Ṭibb, no. hadith 6112).
[974] Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 4: 25 (Kitāb al-Buyū', no. hadith 3036).
[975] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 40 (no. hadith 2151).
[976] Ibn al-Athīr, *Jāmi' al-Uṣūl Fī Aḥādīth al-Rasūl*, 7: 567.
[977] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 161.



Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

وَقَالَ عُثْمَانُ بْنُ الْهَيْثَمِ حَدَّثَنَا عَوْفٌ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سِيرِينَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ
قَالَ وَكَّلَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِحِفْظِ زَكَاةِ رَمَضَانَ فَأَتَانِي آتٍ فَجَعَلَ يَحْثُو
مِنْ الطَّعَامِ فَأَخَذْتُهُ فَقُلْتُ لَأَرْفَعَنَّكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَصَّ
الْحَدِيثَ فَقَالَ إِذَا أَوَيْتَ إِلَى فِرَاشِكَ فَاقْرَأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ لَنْ يَزَالَ مَعَكَ مِنْ اللَّهِ حَافِظٌ
وَلَا يَقْرَبُكَ شَيْطَانٌ حَتَّى تُصْبِحَ وَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدَقَكَ وَهُوَ كَذُوبٌ
ذَاكَ شَيْطَانٌ[978]

Hadith Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[979], Ibn Khuzaymah[980] dan al-Bayhaqī[981]. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ*[982].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh al-Bukhari..

---

**Hadith 102**

> Sabda Rasulullah SAW " barangsiapa yang ingin menyembuhkan kelemahan pandangannya (kabur rabun) maka hendaklah dilakukan "memandang bulan pada awal bulan, jika tidak kelihatan atau terhalamg awan dan lain hal, lakukan pada malam kedua, jika tidak dapat cuba pada malam ketiga atau begitu seterusnya singga kelihatan, hendaklah ia menyapukan tangan kanannya ke mata dengan membaca surah al-Fatihah. Kemudian membaca surah al-Ikhlas sebanyak 3 kali. Sesudah itu mengucapkan doa ini pula (7 kali) فاتحة الكتاب شفاء من كل داء برحمتك يا أرحم الراحمين maksudnya "al-Fatihah itu menjadi ubat tiap-tiap penyakit dengan rahmatmu ya Tuhan yang Pengasih Penyayang." Lalu mengucapkan "Yaa Rabbi" sebanyak 5 kali. Terakhir sekali membaca doa berikut " اللهم اشف أنت الشافي اللهم عاف أنت المعافي " maksudnya "Ya Allah sembuhkanlah Engkaulah yang menyembuhkan , Ya Allah sihatkanlah, Engkaulah yang menyihatkan." [983]

[978] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari di dalam *Sahih*nya.
[979] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 3: 342 (Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 5010).
[980]Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 4: 91 (Kitāb al-Zakāh, no. hadith 2424).
[981] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 53 (Kitāb Ta'ẓīm al-Qur'ān, no. hadith 2170).
[982] Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 1: 392 (no. hadith 619).
[983] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

Pengkaji tidak menemui hadith ini direkodkan di dalam kitab-kitab hadith yang mu'tabar. Pengkaji juga tidak menemui sanad bagi hadith ini.

**Hukum Hadith**

Pengkaji tidak menemui hadith ini beserta sanadnya direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Melihat kepada susunan dan bentuk lafaz matan hadith yang dinyatakan ini, ianya seolah-olah bukan bentuk dan lafaz Rasulullah SAW lantaran isi matannya yang agak terperinci berkaitan rawatan dan tidak menyamai gaya lafaz dan matan hadith-hadith Rasulullah SAW. Pengkaji berpandangan hadith yang dinyatakan ini sebenarnya adalah bukan hadith Rasulullah SAW dan sekiranya pengarang buku menyatakan hadith ini adalah hadith Rasulullah sa.w. maka, hadith ini adalah lebih menghampiri kepada لا أصل له (tiada asal baginya).

---

**<u>Hadith 103</u>**

> Menerusi Abu Hurairah r.a. pula ada sebuah hadith yang menyebutkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud : " Jika kamu hendak tidur, maka bacalah ayat Kursi hingga akhir ayat. Kamu akan sentiasa mendapat perlindungan Allah dan tidak dihampiri oleh syaitan hingga pagi."[984]

***Takhrij* Hadith**

وَقَالَ عُثْمَانُ بْنُ الْهَيْثَمِ أَبُو عَمْرٍو حَدَّثَنَا عَوْفٌ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سِيرِينَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ وَكَّلَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِحِفْظِ زَكَاةِ رَمَضَانَ فَأَتَانِي آتٍ فَجَعَلَ يَحْثُو مِنْ الطَّعَامِ فَأَخَذْتُهُ وَقُلْتُ وَاللَّهِ لَأَرْفَعَنَّكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنِّي مُحْتَاجٌ وَعَلَيَّ عِيَالٌ وَلِي حَاجَةٌ شَدِيدَةٌ قَالَ فَخَلَّيْتُ عَنْهُ فَأَصْبَحْتُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ مَا فَعَلَ أَسِيرُكَ الْبَارِحَةَ قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ شَكَا حَاجَةً شَدِيدَةً وَعِيَالًا فَرَحِمْتُهُ فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ قَالَ أَمَا إِنَّهُ قَدْ كَذَبَكَ وَسَيَعُودُ فَعَرَفْتُ أَنَّهُ سَيَعُودُ لِقَوْلِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّهُ سَيَعُودُ فَرَصَدْتُهُ فَجَاءَ

---

[984] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

يَحْثُو مِنْ الطَّعَامِ فَأَخَذْتُهُ فَقُلْتُ لَأَرْفَعَنَّكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ دَعْنِي فَإِنِّي مُحْتَاجٌ وَعَلَيَّ عِيَالٌ لَا أَعُودُ فَرَحِمْتُهُ فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ فَأَصْبَحْتُ فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ مَا فَعَلَ أَسِيرُكَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ شَكَا حَاجَةً شَدِيدَةً وَعِيَالًا فَرَحِمْتُهُ فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ قَالَ أَمَا إِنَّهُ قَدْ كَذَبَكَ وَسَيَعُودُ فَرَصَدْتُهُ الثَّالِثَةَ فَجَاءَ يَحْثُو مِنْ الطَّعَامِ فَأَخَذْتُهُ فَقُلْتُ لَأَرْفَعَنَّكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ وَهَذَا آخِرُ ثَلَاثِ مَرَّاتٍ أَنَّكَ تَزْعُمُ لَا تَعُودُ ثُمَّ تَعُودُ قَالَ دَعْنِي أُعَلِّمْكَ كَلِمَاتٍ يَنْفَعُكَ اللَّهُ بِهَا قُلْتُ مَا هُوَ **قَالَ إِذَا أَوَيْتَ إِلَى فِرَاشِكَ فَاقْرَأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ { اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ } حَتَّى تَخْتِمَ الْآيَةَ فَإِنَّكَ لَنْ يَزَالَ عَلَيْكَ مِنْ اللَّهِ حَافِظٌ وَلَا يَقْرَبَنَّكَ شَيْطَانٌ حَتَّى تُصْبِحَ** فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ فَأَصْبَحْتُ فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا فَعَلَ أَسِيرُكَ الْبَارِحَةَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ زَعَمَ أَنَّهُ يُعَلِّمُنِي كَلِمَاتٍ يَنْفَعُنِي اللَّهُ بِهَا فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ قَالَ مَا هِيَ قُلْتُ قَالَ لِي إِذَا أَوَيْتَ إِلَى فِرَاشِكَ فَاقْرَأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ مِنْ أَوَّلِهَا حَتَّى تَخْتِمَ الْآيَةَ { اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ } وَقَالَ لِي لَنْ يَزَالَ عَلَيْكَ مِنْ اللَّهِ حَافِظٌ وَلَا يَقْرَبَكَ شَيْطَانٌ حَتَّى تُصْبِحَ وَكَانُوا أَحْرَصَ شَيْءٍ عَلَى الْخَيْرِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَا إِنَّهُ قَدْ صَدَقَكَ وَهُوَ كَذُوبٌ تَعْلَمُ مَنْ تُخَاطِبُ مُنْذُ ثَلَاثِ لَيَالٍ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ قَالَ لَا قَالَ ذَاكَ شَيْطَانٌ.[985]

Pengkaji mendapati pengarang hanya menukilkan sebahagian sahaja matan daripada matan yang lengkap. Hadith Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[986], Ibn Khuzaymah[987] dan al-Bayhaqī[988]. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ*[989].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh al-Bukhari..

---

[985] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari di dalam *Sahih*nya.
[986] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 3: 342 (Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 5010). Lihat juga al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 2: 149 (Kitāb al-Wakalah, no. hadith 2311).
[987]Lihat Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 4: 91 (Kitāb al-Zakāh, no. hadith 2424).
[988] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 53 (Kitāb Ta'ẓīm al-Qur'ān, no. hadith 2170).
[989] Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 1: 392 (no. hadith 619).

Universiti Malaya

**Hadith 104**

> Al-Mahamili di dalam kitab al-Fawaid pula menceritakan bahawa ibnu Mas'ud r.a. berkata : "Seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW, ya Rasulullah ajarkanlah kepada ku sesuatu yang dengannya Allah memberikan manfaat bagi ku." Rasulullah SAW menjawab " bacalah ayat Kursi kerana sesungguhnya Allah akan memelihara engkau sekeluarga dan Dia memelihara rumah engkau hingga daerah-daerah yang ada di sekeliling rumah mu." [990]

***Takhrij*** **Hadith**

وَأَخْرَجَ الْمُحَامِلِي فِي فَوَائِدِهِ عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ قَالَ : « قَالَ رَجُلٌ : يَا رَسُولَ اللهِ عَلِّمْنِي شَيْئاً يَنْفَعُنِي اللهُ بِهِ . قَالَ » اقْرَأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ فَإِنَّهُ يَحْفَظُكَ وَذُرِّيَّتَكَ وَيَحْفَظُ دَارَكَ ، حَتَّى الدُّوَيْرَاتِ حَوْلَ دَارِكَ « [991]

Pengkaji tidak menemui hadith seumpama ini direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Pengkaji hanya dapat menemui hadith ini direkodkan oleh al-Suyūṭī di dalam kitab tafsirnya[992], Ibn 'Aqīlah al-Makkī[993], al-Baqā'ī[994], al-Sayyid Muḥammad Haqqī al-Nāzilī[995].Al-Suyūṭī merekodkan melalui riwayat Ibn Mas'ūd r.a. tanpa sanad yang lengkap. Riwayat ini juga direkodkan al-Sayyid Muḥammad Haqqī al-Nāzilī oleh tanpa sanad.

**Hukum Hadith**

Hadith ini tidak dijumpai di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar dan dijumpai tanpa sanad di dalam kitab-kitab yang dinyatakan di atas. Pengkaji tidak dapat menjalankan kajian terhadap sanad hadith ini lantaran hadith ini sanadnya tidak ditemui. Apabila sanad sesuatu hadith yang dinyatakan itu tidak ditemui atau tiada, maka

Universiti Malaya

990 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
991 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Suyūṭī di dalam Kitab tafsirnya.
992 Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 3: 171.
993 Ibn 'Aqīlah al-Makkiy, *Al-Ziyādah Wa al-Iḥsān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 2: 150.
994 Al-Baqā'ī, *Maṣā'id al-Naẓar Lil'isyrāf 'Alā Maqāṣid al-Suwar*, 2: 44.
995 Al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī, *Khazīnah al-Asrār* )Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993), 150.

pengkaji berpandangan hadith ini lebih menghampiri kepada لا أصل له (tiada asal baginya).

---

## Hadith 105

> Sebuah hadith yang diriwayatkan menerusi Anas bin Malik r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda : "Jika seseorang di antara umat ku membaca ayat Kursi sebanyak dua belas kali selepas itu ia pergi mengambil air wudhu dan menunaikan solat Subuh maka Allah akan memelihara dia dari kejahatan syaitan, darjatnya dianggap sama dengan orang-orang yang mengkhatamkan al-Quran sebanyak tiga kali khatam dan menyinari segenap penghuni dunia." [996]

### *Takhrij* Hadith

لِمَا رُوِيَ عَنْ أَنَسَ بْنِ مَالِك رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا مِنْ عَبْدٍ مِنْ أُمَّتِي أَصْبَحَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَقَرَأَ اثْنَيْ عَشَرَ مَرَّة آيَةَ الْكُرْسِيِّ ثُمَّ تَوَضَّأَ وَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ اِلَّا وَقَاهُ اللهُ تَعَالَى شَرَّ الشَّيْطَانِ وَشَرَّ السُّلْطَانِ وَكَانَ بِمَنْزِلَةِ مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ ثَلَاث مَرَّاتٍ وَتُوِّجَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِتَاجٍ مِن نُوْرٍ يُضِيءُ لِأَهْلِ الْعَرَصَاتِ[997]

Pengkaji tidak dapat menemui riwayat ini daripada kitab-kitab hadith yang mu'tabar. Riwayat ini juga tidak ditemui di dalam kitab-kitab tafsir. Pengkaji dapat menemui riwayat hadith Anas Bin Mālik r.a. ini di dalam kitab *Khazīnah al-Asrār* [998] tanpa sanad.

### Hukum Hadith

Hadith ini tidak dijumpai di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar dan dijumpai tanpa sanad di dalam kitab *Khazīnah al-Asrār*. Pengkaji tidak dapat menjalankan kajian terhadap sanad hadith ini lantaran hadith ini sanadnya tidak ditemui. Apabila sanad

---

[996] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[997] Lafaz ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī di dalam kitabnya *Khazīnah al-Asrār*.

[998] Al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī, *Khazīnah al-Asrār*, 151.



Universiti Malaya

sesuatu hadith yang dinyatakan itu tidak ditemui atau tiada, maka pengkaji berpandangan hadith ini lebih menghampiri kepada لا أصل له (tiada asal baginya).

---

**<u>Hadith 106</u>**

> Rasulullah SAW bersabda : " ان اعظم آية في القرآن آية الكرسي من قرأها بعث الله ملكا يكتب من حسناته ويمحو من سيئاته الى الغد من تلك الساعة. "
> maksudnya "sesungguhnya seagung-agung ayat di dalam al-Quran adalah ayat Kursi. Barangsiapa yang membacanya nescaya Allah mengutus malaikat untuk menulis dari kebaikannya dan menghapus keburukan-keburukannya dan ketika itu sampai esok hari."[999]

***Takhrij*** **Hadith**

(1) « إن أعظمَ آيةٍ في القرآن آيةُ الكرسي . من قرأها بعث الله تعالى مِلكاً يكتُب من حسناته ويمحو من سيئاته إلى الغد من تلك الساعة »[1000]

(2) أَخْبَرَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ النَّصْرَابَاذِيُّ ، أَخْبَرَنَا الإِمَامُ أَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدُ بْنُ عَلِيٍّ الْقَفَّالُ ، حَدَّثَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ مُوسَى بْنِ خَلَفٍ ، حَدَّثَنَاإِسْحَاقُ بْنُ رُزَيْقٍ ، حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ يَحْيَى بْنِ عُبَيْدِ اللَّهِ التَّيْمِيُّ ، حَدَّثَنَا ابْنُ جُرَيْجٍ ، عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ ، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلاةٍ خَرَقَتْ سَبْعَ سَمَوَاتٍ فَلَمْ يَلْتَئِمْ خَرْقُهَا حَتَّى يَنْظُرَ اللَّهُ إِلَى قَائِلِهَا فَيَغْفِرَ لَهُ ، ثُمَّ يَبْعَثَ اللَّهُ إِلَيْهِ مَلَكًا فَيَكْتُبَ حَسَنَاتِهِ وَيَمْحُوَ سَيِّئَاتِهِ إِلَى الْغَدِ مِنْ تِلْكَ السَّاعَةِ. "[1001]

Pengkaji mendapati hadith ini tidak terdapat di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Pengkaji menemui hadith ini (1) direkodkan oleh Abū al-Sa'ūd[1002] tanpa

---

[999] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1000] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Abū al-Sa'ūd di dalam Kitab tafsirnya.
[1001] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Wāḥidī di dalam kitab tafsirnya *al-Wāsīṭ Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Majīd.*
[1002] Abī al-Sa'ūd, al-Imām Muḥammad Bin Muḥammad al-'Amādī, *Tafsīr Abī al-Sa'ūd al-Musammā Irsyād al-'Aql al-Salīm Ilā Mazāyā al-Qur'ān al-Karīm* )Bayrūt : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiy, t.t.), 1: 249.

Universiti Malaya

sanad, al-Alūsī[1003]. Al-Alūsī di dalam tafsirnya ada menyatakan bahawa hadith ini termasuk di antara hadith-hadith yang tiada asal baginya. Hadith ini juga (2) direkodkan oleh al-Wāḥidī[1004], Ibn al-Jawzī[1005]. Ibn 'Adiy menyatakan hadith ini adalah batil dan tidak diriwayatkan oleh Ibn Jurayj melainkan oleh Ismā'īl yang mengambil hadith-hadith batil daripada perawi *thiqah* (dipercayai). Ibn Ḥibbān pula menyatakan beliau ini meriwayatkan hadith-hadith *mawḍū'* (palsu) daripada perawi *thiqah* (dipercayai). Al-Dāruquṭnī pula menyatakan beliau ini *kadhdhāb matrūk* (pendusta dan ditinggalkan). Al-Syawkānī[1006] menyatakan hadith diriwayatkan oleh Ibn 'Adiy daripada Jabir r.a secara marfu' tetapi sanadnya adalah batil.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *mawḍū'* (palsu) disebabkan terdapat perawi pendusta.

---

## Hadith 107

> Baginda s.a.w bersabda : "Barangsiapa keluar dari rumahnya dan dibacanya ayat Kursi maka Allah Taala mengirim tujuh puluh ribu malaikat yang meminta keampunan serta mendoakannya." [1007]

***Takhrij* Hadith**

مُحَمَّد بْن كَعَب الْفَرَضِيّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «**مَنْ خَرَجَ مِنْ مَنْزِلِهِ فَقَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيّ بَعَثَ اللهُ إِلَيْهِ سَبْعِينَ أَلْفًا مِنَ الْمَلائِكَةِ يَسْتَغْفِرُونَ لَهُ**

---

[1003] Al-Alūsī, al-'Allāmah Abī al-Faḍl Syihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī al-Baghdādī, *Rūḥ al-Ma'ānī Fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm Wa al-Sab' al-Mathānī* (Bayrūt : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiy, t.t.), 3: 11.

[1004] Al-Wāḥidī, Abū al-Ḥasan 'Alī Bin Aḥmad al-Wāḥidī al-Naysābūrī, *al-Wasīṭ Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Majīd*, tahqiq al-Syaykh 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud, al-Syaykh 'Ali Muhammad Mu'awwad, Dr. Ahmad Muhammad Sayrah, Dr. Ahmad 'Abd al-Ghaniy al-Jamal, Dr. 'Abd al-Rahman 'Uways (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 1: 366.

[1005] Ibn al-Jawzī, *al-Mawḍū'āt*, 1: 243 (Kitāb al-'Ilm).

[1006] Al-Syawkānī, *al-Fawā'id al-Majmū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, 299 (no. hadith 10). Lafaz riwayat al-Syawkānī adalah seperti berikut :

" مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيّ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلاةٍ , خُرِقَتْ سَبْعُ سَمَوَاتٍ , فَلَمْ يَلْتَئِمْ خَرْقُهَا حَتَّى يَنْظُرَ اللَّهُ إِلَى قَائِلِهَا فَيَغْفِرُ لَهُ , ثُمَّ يَبْعَثُ اللَّهُ مَلَكًا فَيَكْتُبُ حَسَنَاتِهِ , وَيَمْحُو سَيِّئَاتِهِ إِلَى الْغَدِ مِنْ تِلْكَ السَّاعَةِ " ، رواه ابن عدي ، عن جابر ، مرفوعًا ، وإسناده باطل . وله سند آخر فيه مجاهيل . وقد رواه الحكيم الترمذي ، عن أنس مرفوعًا ، ورواه الديلمي ، عن أبي موسى ، مرفوعًا.

[1007] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

**وَيَدْعُونَ لَهُ**، فَإِذَا رَجَعَ إِلَى مَنْزِلِهِ وَدَخَلَ بَيْتَهُ فَقَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ نَزَعَ اللهُ الْفَقْرَ مِنْ بَيْنِ عَيْنَيْهِ[1008] »

Pengkaji tidak menemui hadith seumpama ini direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Pengkaji hanya dapat menemui hadith ini direkodkan oleh al-Tha'labiy[1009] melalui Abū Hurayrah r.a. tanpa sanad yang lengkap.

**Hukum Hadith**

Hadith ini tidak dijumpai di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar dan dijumpai tanpa sanad yang lengkap di dalam kitab yang dinyatakan di atas. Pengkaji tidak dapat menjalankan kajian terhadap sanad hadith ini lantaran hadith ini sanadnya tidak ditemui. Apabila sanad sesuatu hadith yang dinyatakan itu tidak ditemui atau tiada, maka pengkaji berpandangan hadith ini lebih menghampiri kepada لا أصل له (tiada asal baginya).

---

## Hadith 108

> Rasulullah SAW bersabda : "Barangsiapa pulang ke rumahnya dan dibacanya ayat Kursi maka Allah Taala tanggalkan sifat fakir dari di antara kedua matanya."[1010]

***Takhrij* Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 107.

**Hukum Hadith**

Hadith ini tidak dijumpai di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar dan dijumpai tanpa sanad yang lengkap di dalam kitab yang dinyatakan di atas. Pengkaji tidak dapat menjalankan kajian terhadap sanad hadith ini lantaran hadith ini sanadnya tidak ditemui.

[1008] Lafaz riwayat ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tha'labī di dalam Kitab tafsirnya.
[1009] Al-Tha'labī, al-Imām al-'Ālim Abī Isḥāq Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ibrāhīm, *al-Kasyf Wa al-Bayān Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Ma'rūf Bi Tafsīr al-Tha'labī*, tahqiq al-Syaykh Sayyid Kasrawi Hasan (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 1: 417.
[1010] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Apabila sanad sesuatu hadith yang dinyatakan itu tidak ditemui atau tiada, maka pengkaji berpandangan hadith ini lebih menghampiri kepada لا أصل له (tiada asal baginya).

---

**Hadith 109**

> Sabda Rasulullah SAW : "Barangsiapa membaca ayat Kursi ketika hendak tidur maka ia dijaga oleh dua malaikat hingga pagi hari." [1011]

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا مُسْلِم ، قَالَ : حَدَّثَنَا هِشَام ، حَدَّثَنَا قَتَادَة ، قَالَ : « مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيّ إِذَا آوَى إِلَى فِرَاشِهِ ، وَكَلَ بِهِ مَلَكَيْنِ يَحْفَظَانِهِ حَتَّى يُصْبِحَ »[1012]

Pengkaji mendapati pengarang buku ini tersilap menyatakan bahawa riwayat ini adalah hadith Rasulullah SAW sedangkan riwayat ini secara zahirnya adalah kata-kata Qatādah yang merupakan seorang tabi'in dan tidak *marfu'* kepada Rasulullah SAW. Ini dapat dilihat melalui jalur sanad di dalam riwayat di atas. Pengkaji tidak menemui riwayat seumpama ini direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Pengkaji hanya dapat menemui riwayat ini direkodkan oleh Ibn al-Ḍurays di dalam kitabnya *Faḍā'il al-Quran*[1013] dan al-Suyūṭī di dalam kitab tafsirnya[1014].

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan riwayat ini adalah *qawl al-tabi'in* (kata-kata tabi'in) dan bukannya hadith Rasulullah SAW. Ini kerana Qatadah ini dilahirkan pada tahun yang 60

---

[1011] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1012] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn al-Ḍurays di dalam kitabnya *Faḍā'il al-Qur'ān.*
[1013] Ibn al-Ḍurays, Abī 'Abdillāh Muḥammad Bin Ayyūb Ibn Ḍurays, *Faḍā'il al-Qur'ān*, tahqiq 'Urwah Badir (Dimasyq : Dār al-Fikr, 1987), 3: 92 (no. hadith 190).
[1014] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 3: 186.



Universiti Malaya

hijrah[1015] dan tidak sempat berjumpa Rasulullah SAW. Bahkan selayaknya dinyatakan sebgai hadith *maqṭū'*.

---

**<u>Hadith 110</u>**

Bersabda Nabi Muhammad SAW : “ من قرأ آية الكرسي وخواتيم سورة البقرة عند الكرب أغاثه الله تعالى “ maksudnya : “Barangsiapa membaca ayat Kursi dan akhiran surah al-Baqarah di saat-saat kesusahan maka Allah Taala menolongnya.” [1016]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنِي جَعْفَرُ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ بهمردٍ ، ثنا مَعْمَرُ بْنُ سَهْلٍ ، ثنا عَامِرُ بْنُ مُدْرِكٍ ، ثنا خَلادٌ ، عَنْ أَبِي حَمْزَةَ ، عَنْ زِيَادِ بْنِ عِلاقَةَ ، عَنْ أَبِي قَتَادَةَ الأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ وَخَوَاتِيمَ سُورَةِ الْبَقَرَةِ عِنْدَ الْكَرْبِ ، أَعَانَهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ. " [1017]

Hadith ini direkodkan oleh Ibn al-Sunnī[1018], al-Daylamī[1019], al-Hindī[1020], al-Nawawi[1021]dan al-Suyūṭī[1022] melalui Abī Qatādah r.a. Al-Suyūṭī merekodkan hadith ini tanpa sanad yang lengkap manakala al-Hindī pula tanpa sanad. Pengkaji menemui hadith ini dengan sanad yang lengkap di dalam riwayat yang direkodkan oleh Ibn al-Sunnī. Basyīr Muḥammad 'Uyūn (pentahqiq *al-Adhkār*) menyatakan bahawa al-Hafiz Ibn Ḥajar menyatakan hadith ini dikeluarkan daripada riwayat Ibn 'Ilaqah daripada Qatādah dan Ibn Ḥajar berpandangan Ibn 'Ilaqah tidak mendengar daripada Qatādah dan

---

[1015] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 23: 516.

[1016] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1017] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn al-Sunnī di dalam kitabnya.

[1018] Ibn al-Sunnī, al-Ḥāfiẓ Abū Bakr Aḥmad Bin Muḥammad al-Dīnūrī, *Kitāb 'Amal al-Yawm Wa al-Laylah*, tahqiq Basyir Muhammad 'Uyun (t.t.p : Maktabah Dār al-Bayān, 1987), 167 (no. hadith 344).

[1019] Al-Daylamī, al-Ḥāfiẓ Syīrawayh Bin Syahradar Syīrawayh al-Daylamī, *Kitāb Firdaus al-Akhbār*, tahqiq Fawwāz Aḥmad al-Zamirlī dan Muḥammad al-Mu'taṣim Billāh al-Baghdādī (Bayrūt : Dār al-Kitāb al-'Arabiy, 1987), 4: 33 (no. hadith 5593).

[1020] Lihat al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 2: 123 (no. hadith 3437).

[1021] Al-Nawāwī, al-Imām Abī Zakariyā Yaḥyā Bin Syaraf al-Nawāwī al-Dimasyq, *Kitāb al-Adhkār Wa Bi Dhaylihi Tuḥfah al-Abrār Bi Nukat al-Adhkār*, tahqiq Basyir Muhammad 'Uyun (Bayrūt : Maktabah Dār al-Bayān, 1993), 165 (no. hadith 366).

[1022] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 3: 179.



Universiti Malaya

di dalam sanadnya terdapat perawi yang Ibn Ḥajar sendiri tidak kenali. Pengkaji juga meneliti senarai nama guru atau perawi yang diambil periwayatannya oleh Ziyad Bin 'Ilaqah di dalam kitab Tahdhīb al-Kamāl[1023] dan pengkaji tidak mendapati nama Abu Qatadah di dalam senarai tersebut. Justeru, ini menguatkan lagi pandangan Ibn Hajar bahawa Ibn 'Ilaqah tidak mendengar daripada Abi Qatadah r.a.

**Hukum Hadith**

Hadith ini dinyatakan oleh Ibn Ḥajar bahawa di dalam jalur sanadnya terdapat perawi yang beliau tidak kenali dan Ibn Ḥajar juga menyatakan bahawa Ibn 'Ilaqah tidak mendengar hadith daripada Abī Qatādah r.a. Apabila seseorang perawi itu tidak mendengar hadith daripada seseorang perawi tetapi perawi tersebut diletakkan di dalam jalur sanad dan memperlihatkan seolah-olahnya perawi itu mendengar daripada daripadanya, maka perihal ini dinamakan sebagai *mursal khafiy* dan *mursal khafiy* ini termasuk dalam kategori hadith *ḍa'īf* kerana berlaku inqiṭā' (terputus sanad). Justeru, disebabkan terdapat perawi yang *majhul* (tidak dikenali) di dalam jalur sanad dan berlakunya inqiṭā' (terputus sanad), pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ḍa'īf* [1024].

---

**<u>Hadith 111</u>**

> Baginda s.a.w bersabda : "Barangsiapa membaca ayat Kursi ketika berbekam maka manfaat satu kali bekam sama dengan dua kali bekam." [1025]

***Takhrij*** **Hadith** [ hadith 5 (al-Daylamī), hadith 2 (Ibn al-Sunnī) ]

(1) عَلِي بْن أَبِي طَالِب : مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيّ عِنْدَ الْحِجَامَةِ مَنْفَعَتُهَا مَنْفَعَةُ حِجَامَتَيْن.

---

[1023] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 9: 498.

[1024] Dr Maḥmūd al-Ṭaḥḥān menyatakan bahawa hadith yang terdapat perawi yang *majhul al-'ain* (tidak diketahui peribadinya) termasuk di dalam kategori hadith da'if. Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 121.

[1025] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

(2) أَخْبَرَنِي عَلِي بْن مُحَمَّد ، ثنا إِسْمَاعِيلُ بْن يَحْيَى بْنُ قِيرَاط ، ثَنَا سُلَيْمَانُ بْن عَبْدِ الرَّحْمَنِ ، ثَنَا خَالِد بْن عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْخُرَّاسَانِيّ ، ثنا سفْيَانُ الثَّوْرِي ، عَنْ سَلَمَةَ بْن كَهْيلَ ، عَنْ أَبِيْهِ ، عَنْ عَلِيّ بْنِ أَبِي طَالِب ، رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : « مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيّ عِنْدَ الْحِجَامَةِ كَانَتْ لَهُ مَنْفَعَةُ حِجَامَتِهِ».

Pengkaji tidak menemui hadith seumpama ini di dalam riwayat-riwayat yang direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Hadith ini dikatakan diriwayatkan daripada 'Alī r.a. sebagaimana yang direkodkan oleh al-Daylamī[1026], Ibn al-Sunnī[1027] dan al-Nawawi[1028]. Ibn Kathīr ketika mentafsirkan ayat 255 surah al-Baqarah (ayat al-Kursiy), beliau ada menukilkan beberapa hadith berkaitan fadilatnya. Kemudian beliau menyatakan bahawa beliau meninggalkan banyak lagi riwayat-riwayat lain berkaitan fadilat ayat al-Kursiy ini disebabkan tidak *ṣaḥīḥ* dan ke*ḍa'īf*an sanadnya. Antara contoh hadith tersebut ialah berkaitan bacaan ayat al-Kursiy ketika berbekam yang menyebabkan mendapat manfaat umpama dua kali bekam[1029]. Menerusi kenyataan ini, Ibn Kathīr berpandangan hadith yang dinyatakan oleh pengarang buku adalah *ḍa'īf*. Basyīr Muḥammad 'Uyūn (pentahqiq *al-Adhkār*) juga menyatakan hadith ini adalah *ḍa'īf*. Pengkaji cuba meneliti sanad yang direkodkan oleh Ibn al-Sunni dan pengkaji mendapati Ismā'īl Bin Yaḥyā Bin Qīrāṭ tidak ditemui pengenalan dirinya di dalam kitab-kitab rijal al-hadith seperti Tahdhīb al-Kamāl, Mīzān al-I'tidāl, Lisān al-Mīzān, Wafayāt al-A'yān dan al-Ḍu'afā' oleh 'Uqayli. Pengkaji berpandangan perawi ini adalah *majhūl al-'ayn* (tidak kenali pengenalan diri) dan *majhūl al-'ayn* ini termasuk antara ciri-ciri yang menyebabkan sesuatu sanad itu menjadi *ḍa'īf* .

---

1026 Al-Daylamī, *Kitāb Firdaus al-Akhbār*, 4: 33 (no. hadith 5593).
1027 Ibn al-Sunnī, *Kitāb 'Amal al-Yawm Wa al-Laylah*, 88 (no. hadith 167).
1028 Al-Nawāwī, *Kitāb al-Adhkār Wa Bi Dhaylihi Tuḥfah al-Abrār Bi Nukat al-Adhkār*, 382 (no. hadith 952).
1029 Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 2: 438.



Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ḍa'īf* disebabkan *majhūl al-'ayn* yang ada pada perawi Ismā'īl Bin Yaḥyā Bin Qīrāṭ..

---

**<u>Hadith 112</u>**

Sabda Rasulullah s.a.w : “ الحجامة يوم الثلاثاء السابع عشر من الشهر دواء لداء سنة “ maksudnya : “Berbekam pada hari selasa tanggal 17 adalah ubat untuk pemyakit setahun.” [1030]

***Takhrij* Hadith**

وَرَوَى سَلامُ بْنُ سَلْمٍ الطَّوِيلُ وَهُوَ مَتْرُوكٌ ، عَنْ زَيْدٍ الْعَمِّيِّ ، عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ قُرَّةَ ، عَنْ مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنِ احْتَجَمَ يَوْمَ الثُّلُثَاءِ لِسَبْعَ عَشْرَةَ مِنَ الشَّهْرِ ، كَانَ دَوَاءً لَدَاءِ السَّنَةِ " ، أَخْبَرَنَاهُ أَبُو سَعْدٍ الْمَالِينِيُّ ، أَنْبَأَ أَبُو أَحْمَدَ بْنُ عَدِيٍّ الْحَافِظُ ، ثنا أَبُو خَلِيفَةَ ، ثنا أَبُو الرَّبِيعِ الزَّهْرَانِيُّ ، ثنا سَلامٌ الطَّوِيلُ فَذَكَرَهُ. [1031]

Hadith ini direkodkan oleh al-Bayhaqī[1032], al-Maqdisī [1033] dan Ibn al-Jawzī[1034]. Ibn al-Jawzī merekodkan hadith ini melalui riwayat Anas Bin Mālik r.a. dan Ma'qal Bin Yasar r.a. dan beliau menyatakan bahawa tiada sesuatu pun di dalam hadith ini yang *ṣaḥīḥ*. Menurut Ibn al-Jawzi, di dalam jalur sanad hadith ini terdapat perawi Zayd al-'Ammiy yang dinyatakan oleh Ibn Ḥibbān meriwayatkan hadith-hadith palsu yang tiada asal baginya sehingga menyebabkan hati mempercayainya bahawa ianya adalah mu'tamad. Al-Maqdisī pula menyatakan di dalam jalur sanad ini terdapat perawi Zayd al-'Ammiy yang merupakan *ḍa'īf jiddan* (tersangat lemah).

---

[1030] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1031] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Bayhaqi di dalam kitabnya al-*Sunan al-Kubra*.
[1032] Lihat al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 9: 572 (no. hadith 19537).
[1033] Lihat al-Maqdisi, al-'Allamah al-Hafiz Abu al-Fadl Muhammad Bin Tahir Ibn Ahmad (1323H), *Kitab Tadhkirah al-Mawdu'at*, Muhammad Amin al-Khanjiy al-Kutubiy (tahqiq), c.1. Misr : Matba'ah al-Sa'adah, h.79.
[1034] Ibn al-Jawzī, *al-Mawḍū'āt*, 3: 214-215 (Kitāb al-Ṭibb).

Di dalam sanad ini juga terdapat Salām yang dinyatakan *matrūk* (ditinggalkan)oleh al-Bukhārī dan al-Nasā'ī, dinyatakan oleh Ahmad sebagai munkar al-ḥāḍīṭḥ dan Abu Zur'ah sebagai ḍa'īf[1035]. Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah munkar[1036] dan *ḍa'īf*[1037].

**Hukum Hadith**

Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat dua orang perawi yang bemasalah iaitu Zayd al-'Ammiy yang merupakan *ḍa'īf jiddan* (tersangat lemah) dan Salām yang dinyatakan *matrūk* (ditinggalkan), *munkar al-ḥāḍīth* dan *ḍa'īf*. Disebabkan kecacatan perawi ini, pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ḍa'īf jiddan* sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Maqdisi..

---

**<u>Hadith 113</u>**

> Rasulullah SAW bersabda : "Barangsiapa membaca ayat Kursi selesai sembahyang fardhu maka Allah yang menangani pencabutan nyawanya yakni Dia perintahkan malaikat maut untuk berhati-hati dalam mencabut nyawanya dan ia seperti mujahid yang berperang membela para Nabi Allah hingga akhirnya mati syahid." [1038]

***Takhrij*** **Hadith**

عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرُو بْنِ الْعَاصِ قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ دُبُرَ كُلِّ صَلَاةٍ كَانَ الَّذِي يَتَوَلَّى قَبْضُ رُوْحِهِ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَكَانَ كَمَنْ قَاتَلَ مَعَ أَنْبِيَاءِ اللهِ حَتَّى يَسْتَشْهِدَ[1039]

أَخْبَرَنَا أَبُو مُحَمَّدِ بْنُ صَاعِدٍ ، حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْحَسَنِ بْنِ مَعْرُوفٍ ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الْحَمِيدِ بْنُ إِبْرَاهِيمَ أَبُو التَّقِيِّ ، حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَيَّاشٍ ، عَنْ دَاوُدَ بْنِ إِبْرَاهِيمَ الذُّهْلِيِّ ، أَنَّهُ أَخْبَرَهُ عَنْ أَبِي أُمَامَةَ صُدَيِّ بْنِ عَجْلَانَ الْبَاهِلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ

---

1035 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 3: 252.

1036 Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 3: 596 (no. hadith 1410).

1037 Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 771 (no. hadith 5347).

1038 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

1039 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tha'labī di dalam Kitab tafsirnya.



Universiti Malaya

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ دُبُرَ كُلِّ صَلاةٍ مَكْتُوبَةٍ كَانَ بِمَنْزِلَةِ مَنْ قَاتَلَ عَنْ أَنْبِيَاءِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ حَتَّى يُسْتَشْهَدَ[1040]

Pengkaji menemui hadith ini diriwayatkan melalui dua sanad iaitu 'AbdiLlah Bin 'Amrū r.a. dan Abī Umāmah al-Bāhilī r.a. Riwayat 'AbdiLlah Bin 'Amrū r.a. direkodkan oleh al-Tha'labiy[1041]. Manakala riwayat Abī Umāmah al-Bāhilī r.a. pula direkodkan oleh Ibn al-Sunnī [1042]. Hadith ini juga direkodkan oleh al-Qurṭubī[1043] tetapi tanpa pernyataan nama perawi sahabat. Pentahqiq (Basyīr Muḥammad 'Uyūn) menyatakan sanad riwayat Abī Umāmah al-Bāhilī r.a. adalah *ḍa'īf*. Al-Albānī berpandangan sanad hadith ini *ḍa'īf* adalah kerana perawi Dāwūd Bin Ibrāhīm al-Zahli tidak dijumpai pengenalan dirinya[1044]. Pentahqiq Tafsir al-Qurṭubī (Dr. Abdullah Bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī) menyatakan sanadnya adalah *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang tidak dikenali di dalam jalur sanadnya dan terdapat perawi Ismā'īl Bin 'Ayyash yang *ḍa'īf*. Ismā'īl Bin 'Ayyash ini dinyatakan *ḍa'īf* oleh al-Nasā'ī, *kathīr al-khaṭa' fī ḥāḍīṭḥih* (banyak kesilapan di dalam hadithnya) oleh Ibn Hibban[1045].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang *ḍa'īf*.

---

**<u>Hadith 114</u>**

Diriwayatkan oleh Anas dan Abu Umamah r.a., Rasulullah SAW bersabda : " من قرأ آية الكرسي في دبر الصلاة المكتوبة لم يمنعه من دخول الجنة الا أن يموت. "maksudnya : "Barangsiapa membaca ayat kursi sehabis

---

1040 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Sunnī di dalam kitabnya.
1041 Al-Tha'labī, *al-Kasyf Wa al-Bayān Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Ma'rūf Bi Tafsīr al-Tha'labī*, 1: 415.
1042 Ibn al-Sunnī, *Kitāb 'Amal al-Yawm Wa al-Laylah*, 64 (no. hadith 123). Lafaz hadithnya adalah seperti berikut :
أَخْبَرَنَا أَبُو مُحَمَّدِ بْنُ صَاعِدٍ ، حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْحَسَنِ بْنِ مَعْرُوفٍ ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الْحَمِيدِ بْنُ إِبْرَاهِيمَ أَبُو التَّقِيِّ ، حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَيَّاشٍ ، عَنْ دَاوُدَ بْنِ إِبْرَاهِيمَ الذُّهْلِيِّ ، أَنَّهُ أَخْبَرَهُ عَنْ أَبِي أُمَامَةَ صُدَيِّ بْنِ عَجْلانَ الْبَاهِلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ دُبُرَ كُلِّ صَلاةٍ مَكْتُوبَةٍ كَانَ بِمَنْزِلَةِ مَنْ قَاتَلَ عَنْ أَنْبِيَاءِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ حَتَّى يُسْتَشْهَدَ. "
1043 Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, 4: 264.
1044 Lihat Al-Albānī, Muḥammad Naṣīr al-Dīn, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah Wa Syay' Min Fiqhihā Wa Fawā'idihā* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1995), 2: 662.
1045 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 1: 401.



Universiti Malaya

sembahyang maktubah maka ia tidak terhalang untuk masuk syurga kecuali oleh kematiannya.”[1046]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْحَسَنِ بْنِ كَيْسَانَ الْمِصِّيصِيُّ ، ثنا الْحُسَيْنُ بْنُ بِشْرٍ الطَّرَسُوسِيُّ ، ح
وَحَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ إِسْحَاقَ بْنِ الْعَلاءِ بْنِ زِبْرِيقٍ الْحِمْصِيُّ ، ثنا عَمِّي مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ ،
ح وَحَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ هَارُونَ ، ثنا هَارُونُ بْنُ دَاوُدَ النَّجَّارُ الطَّرَسُوسِيُّ ، قَالُوا :
ثنا مُحَمَّدُ بْنُ حِمْيَرٍ، حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ زِيَادٍ الأَلْهَانِيُّ ، قَالَ : سَمِعْتُ أَبَا أُمَامَةَ ، يَقُولُ :
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ دُبُرَ كُلِّ صَلاةٍ مَكْتُوبَةٍ لَمْ
يَمْنَعْهُ مِنْ دُخُولِ الْجَنَّةِ ، إِلا الْمَوْتُ " ، زَادَ مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ فِي حَدِيثِهِ : " وَ قُلْ هُوَ
اللَّهُ أَحَدٌ سورة الإخلاص آية 1. "[1047]

Hadith ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[1048], al-Ṭabrānī[1049], al-Mundhirī[1050], al-Haythamī[1051] , al-Syawkānī[1052], Ibn al-Jawzī[1053] dan al-Suyūṭī[1054]. Kesemua riwayat yang direkodkan ini adalah melalui Abū Umāmah r.a. Hanya Ibn al-Jawzī sahaja yang merekodkan melalui dua sanad iaitu 'Alī Bin Abī Talib r.a. dan Abū Umāmah r.a. Ibn al-Jawzī berpandangan hadith ini 'Alī r.a.adalah tidak *ṣaḥīḥ* kerana terdapat 'Abd al-'Uzzā yang tidak dikenali manakala al-Rāzī dan al-Nasā'ī pula menyatakan beliau ini adalah *matrūk* (ditinggalkan). Melalui jalur Abū Umāmah r.a. pula, al-Dāruquṭnī menyatakan hadith al-Alhānī (perawi di dalam jalur sanad) daripada Abū Umāmah adalah gharib. Sanad ini diriwayatkan secara tunggal oleh Muḥammad Bin Ḥimyar. Ya'qūb bin Sufyān menyatakan beliau ini adalah *laysa bi al-Qawiyy* (tidak kuat).

[1046] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1047] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī di dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Kabīr*.

[1048] Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 9: 44 (no. hadith 9848).

[1049] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 8: 134 (no. hadith 7532).

[1050] Al-Mundhirī, *al-Targhīb Wa al-Tarhīb Fī al-Ḥadīth al-Syarīf*, 2: 453 (no. hadith 6).

[1051] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 10: 128 (Kitab al-Adhkār, no. hadith 16922).

[1052] Al-Syawkānī, *al-Fawā'id al-Majmū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, 298 (no. hadith 9).

[1053] Ibn al-Jawzī, *al-Mawḍū'āt*, 1: 243 (Kitāb al-'Ilm).

[1054] Al-Suyūṭī, *Al-La'ālī al-Maṣnū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah,* 1: 220.



Universiti Malaya

Di dalam *al-Targhīb Wa al-Tarhīb*, al-Mundhirī menyatakan al-Nasā'ī dan al-Ṭabrānī meriwayatkan hadith ini dengan salah satu sanadnya yang *ṣaḥīḥ*. Berkata Abū al-Ḥasan [1055] bahawa ianya menepati syarat al-Bukhārī dan Ibn Ḥibbān menyatakannya *ṣaḥīḥ* di dalam kitabnya "Kitab al-Solat"[1056]. Al-Albānī berpandangan hadith ini juga adalah *ṣaḥīḥ* [1057].

**Hukum Hadith**

Hadith ini dihimpunkan oleh Ibn al-Jawzī di dalam kitabnya *al-Mawḍū'āt* dan 'Alī Ḥasan 'Ali al-Halabi[1058]. Al-Suyūṭī menyatakan di dalam kitabnya *al-La'ālī' al-Maṣnū'ah*, bahawa Muḥammad Bin Himyar yang dinyatakan sebagai *ḍa'īf* oleh Ibn al-Jawzī sebenarnya adalah kuat, *thiqah* (dipercayai) dan merupakan antara perawi al-Bukhārī dan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* menurut syarat al-Bukhari. Muḥammad Bin Himyar ini dinyatakan t*hiqah* oleh Ibn Ma'in dan al-Nasa'i pula menyatakan *laysa lahu ba's*[1059]. Al-Mundhirī juga menyatakan bahawa hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* dan salah satu sanad hadith riwayat al-Ṭabrānī juga adalah *jayyid* (baik). Hadith ini juga dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh Ibn Ḥibbān di dalam kitab al-Solat. Al-Albānī juga menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ*. Pengkaji berpandangan hadith ini melalui riwayat 'Ali r.a. adalah tidak sahih kerana terdapat perawi yang tidak dikenali dan *matruk*. Manakala melalui Abu Umamah r.a. adalah *ṣaḥīḥ* kerana perawi Muḥammad Bin Himyar adalah perawi yang kuat dan thiqah disamping terdapat beberapa riwayat lain yang saling menyokong..

---

[1055] Abū al-Ḥasan ini ialah 'Alī Bin al-Mufaḍḍal Bin 'Alī Abū al-Ḥasan Bin al-Qāḍī al-Anjab Abī al-Mukāram al-Maqdisī al-Mālikī yang merupakan seorang imam di dalam Madhhab al-Maliki. Beliau juga merupakan seorang *ḥuffāẓ al-ḥadīth* dan baik akhlaknya. Beliau meninggal pada tahun 611 Hijrah. Lihat nukilan al-Albānī di bahagian nota kaki. Lihat Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 2: 258 (Kitab al-Dhikr, no. hadith 1595). Lihat juga al-Dhahabī, Abū 'Abdillāh Syams al-Dīn Muḥammad, *Tadhkirah al-Ḥuffāẓ* (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 4: 1390.

[1056] Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 2: 258 (Kitāb al-Dhikr, no. hadith 1595).

[1057] *Ibid.*

[1058] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 10: 186 (no. hadith 25643).

[1059] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 6: 128.

Universiti Malaya

**<u>Hadith 115</u>**

Rasulullah SAW bersabda : “ اوحى الله تعالى الى موسى عليه السلام : من داوم على قراءة آية الكرسي دبر كل صلاة مكتوبة أعطيته أجر المتقين وأعمال الصديقين. “ . Maksudnya “ Allah Taala menyampaikan wahyu kepada Musa a.s. : “ Barangsiapa mengamalkan bacaan ayat Kursi sebab-sebab sembahyang maktubah maka Aku berikan kepadanya pahala orang-orang muttaqin dan amal-amalnya shaddiqin.”[1060]

***Takhrij* Hadith**

عَنْ أَنَسَ وَعَنْ جَابِرَ رَفَعَا الْحَدِيثَ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: « أَوْحَى اللهُ تَعَالَى إِلَى مُوسَى بْنِ عِمْرَان من دَاوَمَ عَلَى قِرَاءَةِ آيَةِ الْكُرْسِيّ دُبُرَ كُلِّ صَلَاةٍ أَعْطَيْتُهُ قُلُوبَ الشَّاكِرِينَ وَأَجْرَ النَّبِيِّيْنَ وَأَعْمَالَ الصِّدِّيقِينَ وَبَسَطْتُ عَلَيْهِ يَمِيْنِي بِالرَّحْمَةِ وَلَمْ أَمْنَعُهُ أَنْ أَدْخَلَهُ الْجَنَّةَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيهِ الْمَوْتُ.[1061]

Hadith seumpama ini tidak direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Pengkaji mendapati hadith seumpama ini direkodkan oleh al-Suyūṭī[1062], Al-Daylami[1063], Ibn al-Jawzī[1064], Al-Tha'labiy[1065] dan al-Qurṭubī[1066]. Al-Suyūṭī merekodkan hadith ini melalui empat sanad iaitu melalui Jābir r.a., Anas r.a., Abī Mūsā al-'Asy'arī r.a. dan Ibn 'Abbās r.a. Al-Daylami pula merekodkan melalui Abī Mūsā al-'Asy'arī r.a. Manakala Ibn al-Jawzī pula merekodkan melalui Jābir r.a. Hadith ini tidak *ṣaḥīḥ* menurut Ibn al-Jawzī kerana terdapat perawi-perawi yang beliau tidak dikenali. Al-Suyuti menyatakan di dalam sanad hadith Jabir r.a. terdapat perawi-perawi yang beliau tidak ketahui latar

Universiti Malaya

[1060] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1061] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tha'labī di dalam Kitab tafsirnya.
[1062] Al-Suyūṭī, *Al-La'ālī al-Maṣnū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah,* 1: 232-233.
[1063] Al-Daylamī, *Kitāb Firdaus al-Akhbār*, 1: 143 (no. hadith 508).
[1064] Ibn al-Jawzī, *al-Mawḍū'āt*, 1: 244 (Kitāb al-'Ilm).
[1065] Al-Tha'labī, *al-Kasyf Wa al-Bayān Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Ma'rūf Bi Tafsīr al-Tha'labī*, 1: 416.
[1066] Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, 1: 266.

belakang keperibadiannya (مجاهيل). Ali Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī meletakkan hadith ini di dalam himpunan hadith-hadith *ḍa'īf* (lemah) dan *mawḍū'* (palsu)[1067].

**Hukum Hadith**

Pengkaji tidak menemui riwayat hadith ini direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar kecuali di dalam kitab-kitab tafsir dan kitab-kitab yang menghimpunkan hadith-hadith *mawḍū'* (palsu) seperti *al-La'ālī' al-Maṣnū'ah* oleh al-Suyūṭī dan *al-Mawḍū'āt* oleh Ibn al-Jawzī. Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *mawḍū'* (palsu) kerana di dalam sanad ini terdapat perawi-perawi yang tidak diketahui keperibadiannya (مجاهيل) dan keduanya disebabkan kedapatan ciri-ciri hadith *mawḍū'* (palsu) iaitu pahala atau ganjaran yang sangat besar untuk amalan yang sederhana.

---

**<u>Hadith 116</u>**

Baginda SAW bersabda lagi : " من قرأ آية الكرسي دبر كل صلاة مكتوبة لم يكن بينه وبين الجنة الا الموت. ". Maksudnya : "Barangsiapa membaca ayat Kursi sehabis sembahyang maktubah maka tiada antara dia dan syurga kecuali kematiannya." [1068]

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا عَلِيُّ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدَانَ حدثنا أَحْمَدُ بْنُ عُبَيْدٍ، حدثنا أَبُو عُمَارَةَ الْمُسْتَمْلِي، حدثنا مُحَمَّدُ بْنُ الضَّوْءِ يَعْنِي ابْنَ الصَّلْصَالِ بْنِ الدَّلْهَمَسِ، حدثنا أَبِي، أَنَّ أَبَاهُ حَدَّثَهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ لَمْ يَكُنْ بَيْنَهُ وَبَيْنَ أَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا أَنْ يَمُوتَ، فَإِذَا مَاتَ دَخَلَ الْجَنَّةَ " أَبُو عُمَارَةَ الْمُسْتَمْلِي أَظُنُّهُ أَحْمَدُ بْنُ زَيْدٍ الْمَهْدِيُّ[1069]

---

[1067] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 10: 184 (no. hadith 25731).
[1068] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1069] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Bayhaqi di dalam kitabnya *al-Jami'*.



Universiti Malaya

Hadith seumpama ini direkodkan oleh al-Bayhaqī[1070], al-Suyūṭī[1071] dan al-Syawkānī[1072].'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī juga meletakkan hadith ini di dalam kitabnya[1073]. Di dalam sanad hadith ini terdapat Muḥammad Bin Ḍaw' iaitu al-Ṣalṣal Bin al-Dalahmas yang dinyatakan oleh 'Abd al-Raḥman Bin Yaḥyā (pentahqiq kitab al-Fawā'id) sebagai *kadhdhāb fajir* (pendusta). Al-Dhahabī di dalam *Mīzān al-I'tidāl* menukilkan pandangan Ibn Ḥibbān bahawa Muḥammad Bin Ḍaw' ini tidak boleh dijadikan hujah dengannya. Al-Dhahabī berpandangan Muḥammad ini tidak *thiqah* (dipercayai) dan hadithnya adalah batil[1074].

**Hukum Hadith**

Sanad hadith ini adalah bermasalah kerana perawi Muḥammad Bin Ḍaw' dinyatakan sebagai *kadhdhāb fājir* (pendusta), tidak boleh dijadikan hujah dengannya, tidak *thiqah* (dipercayai) dan hadithnya adalah batil. Justeru, pengkaji berpandangan hadith melalui jalur sanad ini adalah berstatus *mawḍū'* (palsu) disebabkan terdapat perawi yang pendusta.

---

**<u>Hadith 117</u>**

> Pesan Nabi Muhammad SAW : "Apabila engkau berkehendak sesuatu hajat maka bacalah ayat Kursi kemudian langkahkanlah kaki kanan. Mudah-mudahan apa-apa yang dihajatkan diperkenankan oleh Allah."[1075]

***Takhrij* Hadith**

<u>Riwayat 1</u>

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي وَصِيَّةٍ لِعَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ كَرَّمَ اللهُ وَجْهَهُ وَرَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ اِذَا أَرَدْتَ حَاجَةً فَاقْرَأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ ثُمَّ ابْدَأْ بِرِجْلِكَ الْيُمْنَى.

---

[1070] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 51 (no. hadith 2167).
[1071] Al-Suyūṭī, *Al-La'ālī al-Maṣnū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah,* 1: 231.
[1072] Al-Syawkānī, *al-Fawā'id al-Majmū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, 298 (no. hadith 9).
[1073] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 10: 186 (no. hadith 25742).
[1074] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 6: 192.
[1075] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

Riwayat 2

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعَلِيّ يَا عَلِيّ اِذَا خَرَجْتَ مِنْ مَنْزِلِكَ تُرِيْدُ حَاجَةً فَاقْرَأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ فَاِنَّ حَاجَتَكَ تُقْضَى اِنْ شَاءَ اللهُ.

Pengkaji tidak dapat menemui riwayat ini daripada kitab-kitab hadith yang mu'tabar. Riwayat ini juga tidak ditemui di dalam kitab-kitab tafsir. Pengkaji dapat menemui riwayat ini di dalam kitab *Khazīnah al-Asrār* [1076] tanpa sanad (riwayat 1). Pengkaji juga menemui riwayat ini direkodkan di dalam kitab hadith syi'ah yang dikarang oleh al-Majlisi di dalam kitabnya *Biḥar al-Anwār*[1077] tanpa sanad (riwayat 2).

**Hukum Hadith**

Hadith yang dinyatakan oleh pengarang buku ini ditemui tanpa sanad dan tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Justeru, disebabkan ketiadaan sanad yang menghubungkan riwayat ini kepada Rasulullah SAW, maka pengkaji beranggapan hadith ini adalah لا أصل له (tiada asal baginya).

---

**Hadith 118**

> Rasulullah SAW bersabda : " sesiapa yang membanyakkan istighfar, Allah menjadikan baginya jalan keluar dari setiap kesusahan dan kelapangan bagi setiap kesempitan. Allah menganugerahi rezeki kepadanya menerusi jalan atau cara yang tidak disangka atau tidak terfikir sama sekali." [1078]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عَمَّارٍ حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ حَدَّثَنَا الْحَكَمُ بْنُ مُصْعَبٍ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَلِيّ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّهُ حَدَّثَهُ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّهُ حَدَّثَهُ قَالَ قَالَ

---

[1076] Al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī, *Khazīnah al-Asrār*, 154.

[1077] Al-Majlisī, al-Syaykh Muḥammad Bāqir, *Biḥār al-Anwār al-Jāmi'ah Li Durar Akhbār al-A'immah al-Āthār* )t.t.p : Muassasah Iḥyā' al-Kutub al-Islamiyah, t.t.), 19: 641.

[1078] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ لَزِمَ الِاسْتِغْفَارَ جَعَلَ اللَّهُ لَهُ مِنْ كُلِّ ضِيقٍ مَخْرَجًا
وَمِنْ كُلِّ هَمٍّ فَرَجًا وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ[1079]

Hadith Ibn 'Abbās r.a. ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[1080], Abū Dāwūd[1081], Ibn Mājah[1082], al-Ḥākim[1083], Ibn Kathīr[1084] dan al-Qurṭubī[1085]. Di dalam sanad hadith ini terdapat al-Ḥakam Bin Muṣ'ab yang tidak dikenali. Ibn Ḥibbān menyatakan al-Ḥakam ini *yukhṭi'* (melakukan kesilapan)[1086]. Abu Ḥātim pula menyatakan al-Ḥakam ini adalah *majhūl* (tidak dikenali)[1087]. Pentahqiq Tafsir Ibn Kathīr juga menyatakan di dalam sanad ini terdapat perawi yang tidak dikenali. Al-Albānī menyatakan pandangannya riwayat Abū Dāwūd dan Ibn Mājah adalah berstatus *ḍa'īf*. Al-Albānī meletakkan status hadith ini sebagai *ḍa'īf*[1088].

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan riwayat hadith ini adalah berstatus *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang *majhūl* (tidak dikenali) dan *yukhṭi'* (melakukan kesilapan).

---

**<u>Hadith 119</u>**

> Rasulullah SAW bersabda, maksudnya: “Dan sesungguhnya seseorang akan terhalang dari rezeki kerana dosa yang diperbuatnya. Dan tidak ada yang dapat menolak qadar kecuali doa, dan tidak ada yang boleh menambah umur melainkan kebaikan.” (Hadith riwayat an- Nasai dan Ibnu Majah) [1089]

---

[1079] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Abu Dawud di dalam *Sunan*nya.
[1080] Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 9: 171 (Kitāb 'Amal al-Yawm Wa al-Laylah, no. hadith 10217).
[1081] Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 260 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1518).
[1082] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 629 (Kitāb al-Adāb, no. hadith 3819).
[1083] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 4: 395 (Kitāb al-Ṭāwbah Wa al-Inābah, no. hadith 7758).
[1084] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 7: 447.
[1085] Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, 21: 45.
[1086] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 7: 135.
[1087] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 2: 346.
[1088] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 841 (no. hadith 5829).
[1089] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا وَكِيعٌ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عِيسَى عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي الْجَعْدِ عَنْ ثَوْبَانَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الرَّجُلَ لَيُحْرَمُ الرِّزْقَ بِالذَّنْبِ يُصِيبُهُ وَلَا يَرُدُّ الْقَدَرَ إِلَّا الدُّعَاءُ وَلَا يَزِيدُ فِي الْعُمُرِ إِلَّا الْبِرُّ[1090]

Hadith Thawbān r.a. ini direkodkan oleh Aḥmad[1091], Ibn Mājah[1092], Ibn Ḥibbān[1093], al-Ṭabrānī[1094] dan Ibn Abī Syaybah[1095] (tanpa lafaz إِنَّ الرَّجُلَ لَيُحْرَمُ الرِّزْقَ بِالذَّنْبِ يُصِيبُهُ). Al-Tirmidhī[1096] juga ada merekodkan hadith ini tetapi melalui jalur sanad Salmān r.a. (tanpa lafaz إِنَّ الرَّجُلَ لَيُحْرَمُ الرِّزْقَ بِالذَّنْبِ يُصِيبُهُ). Al-Tirmidhī menyatakan hadith Salmān r.a. ini *ḥasan gharib*. Al-Albānī pula menyatakan hadith Salmān r.a. ini adalah *ḥasan*. Menurut al-Albānī[1097], riwayat Thawbān r.a. dan Salmān adalah *ḍa'īf* kerana di dalam sanad Thawbān r.a. terdapat Abdullah Bin al-Ja'd yang diragui namanya. Sekiranya nama asalnya adalah Sālim Bin al-Ja'd maka sanad ini adalah terputus kerana Sālim tidak pernah mendengar daripada Thawbān dan sekiranya nama asalnya pula adalah Abdullah maka ini adalah *majhul* (tidak dikenali). Di dalam riwayat Salmān pula terdapat Abū Mawdūd yang juga diragui kerana terdapat dua orang perawi yang bernama Abū Mawdūd samada berasal daripada Baṣrah atau Madīnah. Kedua-duanya adalah sezaman. Tetapi menurut al-Tirmidhī, Abū Mawdūd di dalam sanad ini adalah Abū Mawdūd *Baṣariy* (berasal dari Baṣrah). Pandangan al-Albānī menyatakan beliau ini adalah *ḍa'īf* sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Abī Ḥātim daripada

---

1090 Lafaz hadith ini adalah menurut riwyat yang direkodkan oleh Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya.
1091 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 16: 291 (no. hadith 22286).
1092 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 32 (Bāb Fī al-Qadr, no. hadith 90).
1093 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 3: 153 (Kitāb al-Raqā'iq, no. hadith 872).
1094 Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 2: 100 (no. hadith 1442).
1095 Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 10: 192 (Kitāb al-Du'ā, no. hadith 30365).
1096 Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 483 (Kitāb al-Qadr, no. hadith 2139).
1097 Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah Wa Syay' Min Fiqhihā Wa Fawā'idihā*, 1: 286-288 (no. hadith 154).



Universiti Malaya

bapanya. Al-Albānī berpandangan bahawa moga-moga kenyataan al-Tirmidhī yang meletakkan status hadith riwayat Salmān ini sebagai *ḥasan* adalah disebabkan adanya *syahid* daripada riwayat Thawbān r.a. yang marfu' dengan tambahan lafaz " إِنَّ الرَّجُلَ لَيُحْرَمُ الرِّزْقَ بِالذَّنْبِ يُصِيبُهُ "[1098]. Hamzah Ahmad Zayn menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ.* Manakala Syu'ayb al-Arnā'ūṭ pula menyatakan riwayat Ibn Ḥibbān di dalam *Ṣaḥīḥ*nya adalah *ḥasan.*

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ḥasan* sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Albānī dan Syu'ayb al-Arnā'ūṭ.

---

**<u>Hadith 120</u>**

> Rasulullah SAW bersabda : “Sesiapa yang memutuskan (menyerahkan perkara dan urusannya) kepada Allah, nescaya Allah mencukupi baginya segala pertolongannya, dan memberikan rezekinya dari jalan yang tidak dijangkakan. Dan sesiapa yang menyerahkan urusannya kepada dunia maka Allah pula menyerahkan dia kepada dunia tersebut.” [1099]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا جَعْفَرٌ ، قَالَ : نَا مُحَمَّدُ بْنُ عَلِيِّ بْنِ الْحَسَنِ بْنِ شَقِيقٍ ، قَالَ : نَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ الأَشْعَثِ صَاحِبُ الْفُضَيْلِ بْنِ عِيَاضٍ ، قَالَ : نا الْفُضَيْلُ بْنُ عِيَاضٍ ، عَنْ هِشَامِ بْنِ حَسَّانَ ، عَنِ الْحَسَنِ ، عَنْ عِمْرَانَ بْنِ الْحُصَيْنِ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : مَنِ انْقَطَعَ إِلَى اللَّهِ كَفَاهُ اللَّهُ كُلَّ مُؤْنَةٍ وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لا يَحْتَسِبُ ، وَمَنِ انْقَطَعَ إِلَى الدُّنْيَا وَكَلَهُ اللَّهُ إِلَيْهَا. "[1100]

Universiti Malaya

---

[1098] *Ibid.*

[1099] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1100] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī di dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Awsaṭ.*

Hadith 'Imrān Bin al-Ḥuṣayn r.a. ini direkodkan oleh al-Ṭabrānī[1101], al-Bayhaqī[1102], Ibn al-Jawzī[1103] dan al-Haythamī[1104]. Al-Ṭabrānī menyatakan bahawa tidak ada perawi yang mengambil hadith daripada Hisyām Bin Ḥassān melainkan al-Fuḍayl Bin 'Iyāḍ dan Ibrāhīm bin al-Asy'ath meriwayatkannya secara bersendirian. Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd pula menyatakan riwayat al-Bayhaqī sanadnya adalah *ḍa'īf* kerana al-Ḥasan tidak mendengar daripada 'Imrān dan perawi yang lainnya adalah dipercayai. Al-Haythamī pula menyatakan Ibrāhīm Bin al-Asy'ath adalah *ḍa'īf* dan Ibn Ḥibbān di dalam *al-Thiqāt* berkata Ibrāhīm ini menyatakan yang pelik, melakukan kesilapan dan melakukan percanggahan (يغرب ويخطيء ويخالف) dan perawi yang lainnya adalah *thiqah* (dipercayai). Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ḍa'īf*[1105].

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ḍa'īf* kerana terdapat perawi yang *ḍa'īf* dan terputus sanad.

**<u>Hadith 121</u>**

> Diriwayatkan daripada Abdullah bin Abbas bahawa dia pernah menunggang di belakang (membonceng) Rasulullah SAW pada suatu hari. Maka Rasulullah SAW berkata kepadanya : " Wahai anak, seseungguhnya aku akan mengajar engkau beberapa kalimat : Peliharalah (hak-hak) Allah, nescaya Allah memelihara engkau. Peliharalah (hak-hak) Allah, nescaya engkau dapati Dia menghadap kepadamu dan apabila engkau meminta, maka mintalah pada Allah dan apabila engkau minta tolong maka memintalah pertolongan kepada Allah. Ketahuilah bahawa umat (manusia) jika mereka bekerjasama untuk memberi manfaat kepadamu, nescaya mereka tidak berjaya berbuat demikian kecuali dengan sesuatu yang sudah ditulis (ditentukan) oleh Allah bagi mu. Dan sekiranya mereka bekerjasama untuk mendatangkan mudarat ke atas mu, nescaya mereka tidak akan dapat berbuat demikian kecuali dengan sesuatu yang sudah ditulis

[1101] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 8: 846 (no. hadith 8819). Lihat juga Al-Ṭabrānī, Abū al-Qāsim Sulaymān Bin Aḥmad, *al-Mu'jam al-Ṣaghīr* (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983), 1: 116.
[1102] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 2: 351 (no. hadith 1044).
[1103] Ibn al-Jawzī, *al-'Ilal al-Mutanāhiyah Fī al-Aḥādīth al-Wāhiyah*, 2: 801 (no. hadith 1338).
[1104] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 10: 546 (Kitāb al-Zuhd, no. hadith 18189).
[1105] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Targhīb Wa al-Tarhīb*, 1: 204 (Kitāb al-Adāb wa Ghayruhu, no. hadith 1638).

Universiti Malaya

(ditentukan) oleh Allah ke atas mu. Pena sudah di angkat dan suhuf-suhuf sudah kering." (Hadith riwayat Tirmidzi). [1106]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ مُوسَى أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْمُبَارَكِ أَخْبَرَنَا لَيْثُ بْنُ سَعْدٍ وَابْنُ لَهِيعَةَ عَنْ قَيْسِ بْنِ الْحَجَّاجِ قَالَ ح و حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَخْبَرَنَا أَبُو الْوَلِيدِ حَدَّثَنَا لَيْثُ بْنُ سَعْدٍ حَدَّثَنِي قَيْسُ بْنُ الْحَجَّاجِ الْمَعْنَى وَاحِدٌ عَنْ حَنَشٍ الصَّنْعَانِيِّ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ كُنْتُ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا فَقَالَ يَا غُلَامُ إِنِّي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ احْفَظْ اللَّهَ يَحْفَظْكَ احْفَظْ اللَّهَ تَجِدْهُ تُجَاهَكَ إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلْ اللَّهَ وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوْ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ وَلَوْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ رُفِعَتْ الْأَقْلَامُ وَجَفَّتْ الصُّحُفُ قَالَ هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ[1107]

Hadith Ibn 'Abbās r.a. ini direkodkan oleh al-Tirmidhī[1108], Aḥmad[1109], Abū Ya'la al-Mawṣilī[1110], al-Ṭabrānī[1111] dan al-Tibrīzī[1112].Al-Tirmidhī menyatakan riwayat ini adalah *ḥasan ṣaḥīḥ.* Al-Albānī berpandangan riwayat yang direkodkan oleh al-Tibrīzī di dalam kitabnya *Misykāt al-Maṣābīḥ* [1113] adalah *ṣaḥīḥ.* Aḥmad Muḥammad Syākir pula berpandangan riwayat Aḥmad di dalam *Musnad*nya adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ.* Begitu juga Husayn Salīm Asad al-Dārānī menyatakan riwayat Abū Ya'la al-Mawṣilī di dalam *Musnad*nya adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ.*

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* sebagaimana pandangan al-Tirmidhī, al-Albānī, Aḥmad Muḥammad Syākir dan Husayn Salīm Asad al-Dārānī.

[1106] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1107] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tirmidhi di dalam *Sunan*nya.
[1108] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 566 (Kitāb Ṣifah al-Qiyāmah Wa al-Raqā'iq Wa al-War', no. hadith 2516).
[1109] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 3: 194 (no. hadith 2669).
[1110] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 4: 430 (no. hadith 2556).
[1111] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 12: 238 (no. hadith 12988).
[1112] Al-Tibrizī, *Misykāt al-Maṣābīḥ*, 3: 1459 (Kitāb al-Raqā'iq, no. hadith 5302).
[1113] Al-Tibrizī, *Misykāt al-Maṣābīḥ*, 3: 1459 (Kitāb al-Raqā'iq, no. hadith 5302).



Universiti Malaya

## Hadith 122

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud katanya: "Rasulullah SAW bersabda: "sesiapa yang mempunyai hajat lalu dia menghadapkannya kepada manusia, maka hajatnya di permudahkan, dan sesiapa yang mempunyai hajat dan menghadapkannya kepada Allah, dia akan mendatangkan rezeki kepadanya atau panjang umur." [1114]

### *Takhrij* Hadith

أَخْبَرَنَا الْحَسَنُ بْنُ حَكِيمٍ الْمَرْوَزِيُّ ، أَنْبَأَ أَبُو الْمُوَجِّهِ ، أَنْبَأَ عَبْدَانُ ، أَنْبَأَ عَبْدُ اللَّهِ ، أَنْبَأَ بَشِيرُ بْنُ سَلْمَانَ ، عَنْ سَيَّارٍ ، عَنْ طَارِقٍ ، عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : مَنْ أَصَابَتْهُ فَاقَةٌ فَأَنْزَلَهَا بِالنَّاسِ لَمْ يَسُدَّ فَاقَتَهُ ، وَمَنْ أَنْزَلَهَا بِاللَّهِ أَوْشَكَ اللَّهُ لَهُ بِالْغِنَى إِمَّا بِمَوْتٍ آجِلٍ أَوْ غِنًى عَاجِلٍ . " هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحُ الإِسْنَادِ ، وَلَمْ يُخَرِّجَاهُ. [1115]

Pengkaji tidak menemui riwayat hadith yang maksudnya bertepatan dengan maksud hadith yang dikemukakan oleh pengarang buku. Tetapi, pengkaji dapat menemui riwayat hadith yang maksudnya lebih hampir kepada maksud tersebut. Hadith Ibn Mas'ūd r.a. ini direkodkan oleh Abū Dāwūd[1116], al-Tirmidhī[1117], al-Ḥākim[1118], al-Ṭabrānī[1119], al-Bayhaqī[1120], Abī Ya'la al-Mawṣilī[1121] dan al-Ṭaḥāwī[1122]. Al-Tirmidhī menyatakan hadith ini *ḥasan ṣaḥīḥ*. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ* [1123]. Husayn Salīm Asad al-Dārānī berpandangan riwayat Abī Ya'la al-Mawṣilī adalah dengan sanad

---

[1114] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1115] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Ḥākim di dalam kitabnya *al-Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn.*

[1116] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 286 (Kitāb al-Zakāh, no. hadith 1645).

[1117] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 526 (Kitāb al-Zuhd, no. hadith 2326).

[1118] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 565 (Kitāb al-Zakāh, no. hadith 1483).

[1119] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 10: 15 (no. hadith 9785).

[1120] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 2: 352 (Kitāb al-Rajā' Min Allah Ta'ālā, no. hadith 1046).

[1121] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 9: 216 (no. hadith 5317).

[1122] Lihat al-Ṭaḥāwī, *Syarh Musykil al-Athar*, 15: 325 (no. hadith 6055).

[1123] Lihat al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1998), 1: 458 (Kitāb al-Zakāh, no. hadith 1645). Lihat juga al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 2000), 2: 535 (Kitab al-Zuhd, no. hadith 2326).



Universiti Malaya

yang *ṣaḥīḥ*. Riwayat al-Bayhaqī adalah dengan sanad yang *ḍa'īf* kerana di dalam sanadnya terdapat Muḥammad Bin al-Ḥasan Bin Simā'ah yang dinyatakan oleh al-Dāruquṭnī sebagai *ḍa'īf* dan *laysa bi al-Qawiy* (tidak kuat)[1124].

**Hukum Hadith**

Hadith riwayat Abdullah Bin Mas'ūd r.a. ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana diriwayatkan melalui jalur sanad yang *ṣaḥīḥ*.

---

**Hadith 123**

> Dari Ubay bin Ka’ab dari Nabi SAW, baginda bersabda : “Barangsiapa membaca surah al-Ikhlas satu kali maka Allah memberikan kepadanya dari pahala seorang yang beriman kepada Allah, malaikatnya, kitab-kitabnya, dan rasul-rasulnya dan dia memberikan kepadanya dari pahala seperti pahala orang mati syahid.” (demikian yang dinyatakan di dalam tafsir al-Kabir)[1125]

***Takhrij* Hadith**

وَقَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : « مَنْ قَرَأَ قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ مَرَّةً وَاحِدَةً أُعْطِيَ مِنَ الْأَجْرِ كَمَنْ آمَنَ بِاللهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَأُعْطِيَ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ مِائَةِ شَهِيدٍ »[1126]

Hadith ini direkodkan oleh al-Rāzī[1127] tanpa sanad sebagaimana yang dinyatakan oleh pengarang. Pengkaji tidak menemui hadith ini di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar juga di dalam kitab *Faḍā'il al-Quran* oleh Ibn al-Ḍurays.

**Hukum Hadith**

Pengkaji tidak dapat menemui riwayat ini beserta jalur sanadnya. Hadith ini hanya direkodkan tanpa jalur sanad sebagaimana yang terdapat di dalam kitab Tafsir al-Rāzī. Justeru, pengkaji tidak dapat menyatakan status hadith ini samada ianya *ṣaḥīḥ*, *ḥasan, ḍa'īf* atau pun *mawḍū'*. Maka, pengkaji berpendirian hadith ini adalah tiada asal

---

[1124] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 7: 81 (no. 6674).

[1125] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1126] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Rāzī di dalam tafsirnya.

[1127] Al-Rāzī, Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn Ibn al-'Allāmah Ḍiyā' al-Dīn 'Umar, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī* (Bayrūt : Dār al-Fikr, 1981), 32: 174.



Universiti Malaya

baginya ( لا أصل له) lantaran sanadnya tidak dijumpai di dalam mana-mana kitab hadith yang mu'tabar.

---

**Hadith 124**

> Dari Abu Hurairah dari Rasulullah SAW, baginda bersabda : " قال من قرأ قل هو الله أحد , فكأنما قرأ ثلث القرآن " maksudnya : "Barangsiapa membaca "katakanlah Tuhanku ialah Allah yang Maha Esa (surah Ikhlas), maka seakan-akan ia membaca sepertiga al-Quran."[1128]

### *Takhrij* Hadith

> حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ زُهَيْرٍ التُّسْتَرِيُّ , قَالَ : نا زَيْدُ بْنُ أَخْزَمَ الطَّائِيُّ , قَالَ : نا مُحَمَّدُ بْنُ عَبَّادٍ الْهُنَائِيُّ , قَالَ : نا حُمَيْدُ بْنُ مِهْرَانَ ، عَنْ أَبِي الزِّبْرِقَانِ الْهِلالِيِّ ، عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي مَرْيَمَ ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ , عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ , قَالَ " : مَنْ قَرَأَ : قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ فَكَأَنَّمَا قَرَأَ ثُلُثَ الْقُرْآنِ " ، لا يُرْوَى هَذَا الْحَدِيثُ عَنْ يَزِيدَ ، عَنْ أَنَسٍ إِلا بِهَذَا الإِسْنَادِ ، تَفَرَّدَ بِهِ زَيْدُ بْنُ أَخْزَمَ.[1129]

Pengkaji mendapati hadith dengan matan sebagaimana yang dinukilkan oleh pengarang buku adalah bukan melalui jalur sanad Abu Hurayrah r.a. Riwayat yang lebih tepat adalah melalui jalur sanad Sa'd Bin Abī Waqqāṣ r.a., Ubay Bin Ka'ab r.a. dan Anas Bin Mālik r.a. Abu Hurayrah r.a ada juga meriwayatkan hadith seumpama ini tetapi bukan dengan susunan lafaz matan sebagaimana yang dinyatakan pengarang buku. Hadith melalui jalur Sa'd Bin Abī Waqqāṣ r.a. direkodkan oleh al-Bazzār[1130]. Hadith melalui jalur Anas Bin Mālik r.a. direkodkan oleh al-Ṭabrānī[1131]. Hadith melalui jalur Ubay Bin Ka'ab r.a. pula direkodkan oleh al-Nasā'ī[1132], Aḥmad[1133], al-Ṭabrānī[1134]

---

[1128] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1129] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī di dalam *al-Mu'jam al-Awsaṭ*.
[1130] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 4: 47 (no. hadith 1211).
[1131] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 2: 293 (no. hadith 2681).
[1132] Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 9: 254 (no. hadith 10453, 10454).
[1133] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 15: 471 (no. hadith 21172).



Universiti Malaya

dan al-Haythamī[1135]. Al-Haythamī menyatakan riwayat Sa'd Bin Abī Waqqas r.a. yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī di dalam *al-Ṣaghīr* ini terdapat perawi-perawi yang beliau tidak kenali[1136]. Manakala riwayat Sa'd Bin Abī Waqqāṣ r.a. yang direkodkan oleh al-Bazzār[1137] pula, al-Haythamī menyatakan di dalamnya ada perawi Zakariyā Bin 'Aṭiyyah yang *ḍa'īf*. Berkaitan riwayat hadith melalui jalur sanad Ubay Bin Ka'ab r.a. pula, al-Haythamī menyatakan riwayat yang direkodkan oleh Ahmad adalah melalui jalur sanad perawi-perawi yang sahih[1138] dan pandangan ini juga dinyatakan oleh Hamzah Ahmad Zayn. Berkaitan riwayat Anas Bin Mālik pula, al-Ṭabrānī menyatakan hadith ini tidak diriwayatkan daripada Yazīd daripada Anas kecuali melalui sanad ini dan Zayd Bin Akhzam meriwayatkan hadith ini secara bersendirian. Hadith ini juga ditemui dalam bentuk lafaz matan yang berlainan tetapi membawa maksud yang sama. Antaranya adalah melalui riwayat Abū Hurayrah r.a., Abū Sa'īd al-Khudriy r.a, Ibn 'Umar al-Khaṭṭāb r.a., Abū Ayyūb al-Anṣāriy r.a., Abī al-Dardā' r.a., dan lain-lain. Antara bentuk lafaz tersebut ialah "قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ تَعْدِلُ ثُلُثَ الْقُرْآنِ" dan lain-lain lagi.

Hadith melalui jalur Abū Sa'īd al-Khudriy r.a. direkodkan oleh al-Bukhārī[1139]. Hadith melalui jalur Abī al-Dardā' r.a. pula direkodkan oleh Muslim[1140]. Hadith melalui jalur Abū Ayyūb al-Anṣāriy r.a. pula direkodkan oleh al-Nasā'ī[1141]. Al-Suyūṭī[1142] dan Dr. Abdullah Bin 'Abd al-Muhsin al-Turki (pentahqiq al-Durr) menyatakan bahawa

---

[1134] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Ṣaghīr*, 1: 61.
[1135] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 7: 307 (no. hadith 11547).
[1136] *Ibid.*, 7: 305 (no. hadith 11540).
[1137] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 4: 47 (no. hadith 1211).
[1138] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 7: 306 (no. hadith 11547).
[1139] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 3: 344 (Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 5015). Berikut adalah lafaz hadith riwayat Imam al-Bukhārī :-
حَدَّثَنَا عُمَرُ بْنُ حَفْصٍ حَدَّثَنَا أَبِي حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ وَالضَّحَّاكُ الْمَشْرِقِيُّ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَصْحَابِهِ أَيَعْجِزُ أَحَدُكُمْ أَنْ يَقْرَأَ ثُلُثَ الْقُرْآنِ فِي لَيْلَةٍ فَشَقَّ ذَلِكَ عَلَيْهِمْ وَقَالُوا أَيُّنَا يُطِيقُ ذَلِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ اللَّهُ الْوَاحِدُ الصَّمَدُ ثُلُثُ الْقُرْآنِ
[1140] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 556 (Kitāb Ṣalāh al-Musāfirīn Wa Qaṣrihā, no. hadith 259).
[1141] Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 9: 253 (no. hadith 10448, 10449).
[1142] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 15: 745.



Universiti Malaya

kebanyakan pentahqiq sanad menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ lighayrihi*[1143]. Al-Albānī juga menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ lighayrihi*[1144].

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini melalui riwayat jalur Sa'd Bin Abī Waqqāṣ r.a. adalah *ḍa'īf* di sebabkan terdapat perawi yang tidak dikenali dan terdapat perawi yang *ḍa'īf*. Manakala riwayat Ubay Bin Ka'ab r.a. adalah sahih. Hadith ini mempunyai syahid atau riwayat-riwayat lain yang lebih kuat yang menyokong iaitu sebagaimana riwayat yang direkodkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Justeru, status hadith riwayat Sa'd Bin Abī Waqqāṣ r.a. yang lafaz matannya menepati nukilan pengarang buku, yang pada asalnya bertaraf *ḍa'īf* meningkat statusnya menjadi *ṣaḥīḥ lighayrihi* lantaran terdapat syahid yang *ṣaḥīḥ*.

---

**<u>Hadith 125</u>**

> Bersabda Rasulullah SAW : “ قال من قرأ قل هو الله أحد ثلاث , فكأنما قرأ القرآن أجمع “ maksudnya : “barang siapa membaca ‘katakanlah Tuhan ku ialah Allah yang Maha Esa’ (surah al-Ikhlas) sebanyak tiga kali, maka ia seperti membaca al-Quran seluruhnya.” (demikian yang dinyatakan dalam kitab al-Jami’ ash-Saghir )[1145]

***Takhrij* Hadith**

مَا حَدَّثَنَاهُ مُحَمَّد بْنِ مَرْوَان الْقُرَشِيّ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنِ عَمْرُو أَبُو سُفْيَانِ الْغَنَوِيّ قَالَ : حَدَّثَنَا أُحْمَدُ بْنِ الْحَارِث الْغَسَّانِي قَالَ : حَدَّثَتْنَا سَاكِنَةُ بِنْتُ الْجَعْد قَالَ : سَمِعْتُ رَجَاءَ الْغَنَوِيّ يَقُولُ : قَالَ : رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَرَأَ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ثَلَاثَ مِرَارٍ فَكَأَنَّمَا قَرَأَ الْقُرْآنَ أَجْمَعَ »[1146]

---

[1143] *Ibid*. Lihat nota kaki.
[1144] Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 2: 197 (no. hadith 1481).
[1145] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1146] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-'Uqaylī di dalam kitabnya *al-Ḍu'afā'*.



Universiti Malaya

Pengkaji tidak menemui hadith seumpama ini di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Pengkaji mendapati hadith yang dikatakan diriwayatkan melalui jalur Rajā' al-Ghanawiy ini adalah ditemui tanpa sanad yang sempurna kecuali riwayat yang direkodkan oleh al-'Uqayliy di dalam kitabnya *al-Ḍu'afā'*. Hadith melalui jalur Rajā' al-Ghanawiy r.a. ini direkodkan oleh al-'Uqayliy[1147], al-Hindī[1148] (tanpa sanad) dan al-Suyūṭī[1149](tanpa sanad). Ibn Ḥajar menyatakan Aḥmad ini adalah *matrūk al-ḥāḍīṭḥ* (hadithnya ditinggalkan) sebagaimana yang dinukilkan daripada Abū Ḥātim dan al-'Uqayliy pula menyatakan Aḥmad ini meriwayatkan hadith munkar[1150] dan al-'Uqayliy merekodkan nama Aḥmad Bin al-Ḥārith al-Ghassānī ini di dalam kitabnya *al-Ḍu'afā'*[1151] (perawi-perawi *ḍa'īf*). Al-Albānī meletakkan hadith ini sebagai *mawḍū'* (palsu)[1152] dan juga *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah)[1153]. 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī meletakkan hadith ini di dalam kitabnya yang menghimpunkan hadith-hadith dan athar yang *ḍa'īf* (lemah) dan *mawḍū'* (palsu) [1154].

**Hukum Hadith**

Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat perawi Aḥmad bin al-Ḥārith al-Ghassānī yang dinyatakan *matrūk al-ḥāḍīṭḥ* (hadithnya ditinggalkan) dan meriwayatkan hadith munkar. Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah) dan bukannya berstatus *mawḍū'* (palsu) kerana hadith ini mempunyai sanad sebagaimana yang direkodkan oleh al-'Uqayliy dan tiada perawi yang dinyatakan sebagai pendusta.

---

[1147] Al-'Uqaylī, *Kitāb al-Ḍu'āfā'*, 1: 844 (no. hadith 583).
[1148] Lihat al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 1: 585 (Kitāb al-Adhkār, no. hadith 2656).
[1149] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 15: 762.
[1150] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 1: 423 (no. 434).
[1151] Al-'Uqaylī, *Kitāb al-Ḍu'āfā'*, 1: 844 (no. hadith 583).
[1152] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 833 (no. hadith 5777).
[1153] Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 10: 153 (no. hadith 4634).
[1154] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 6: 186 (no. hadith 14682).



Universiti Malaya

**Hadith 126**

> Juga riwayat dari Rasulullah SAW maksudnya :
> " suatu waktu Rasulullah s.a.w bersabda kepada Aisyah ketika hendak tidur. "Aisyah, kamu jangan tidur sebelum mengkhatamkan al-Quran dan menjadikan nabi mensyafaatkan mu kelak di hari Kiamat, semua orang Islam telah redha kepada mu, sebelum itu kamu mengerjakan haji dan umrah," lalu Baginda SAW melanjutkan solatnya. Selesai sembahyang Aisyah bertanya : "Rasulullah SAW, ayah dan ibu ku menjadi tebusanmu, engkau perintahkan aku melakukan empat perkara dalam waktu yang aku tidak boleh melaksanakannya." Baginda dengan senyum menyatakan, " ketika kamu membaca "katakanlah Tuhanku ialah Allah yang Maha Esa (surah al-Ikhlas) maka seakan-akan kamu telah mengkhatamkan al-Quran, ketika kamu membaca selawat atas ku juga atas para nabi sebelum ku maka kami para nabi kelak di hari Kiamat mensyafaati mu, ketika kamu memohon keampunan semua orang mukmin maka mereka telah redha kepada mu dan ketika kamu membaca " سبحان الله والحمدلله ولا اله الا الله والله أكبر " maka bererti kamu telah melakukan haji dan berumrah." (tafsir Hanafi) [1155]

***Takhrij* Hadith**

رُوِيَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اَنَّهُ قَالَ لِعَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا: يَا عَائِشَةُ لَا تَنَامِي حَتَّى تَعْمَلِي أَرْبَعَةَ أَشْيَاءٍ: حَتَّى تَخْتَمِي الْقُرْءَانَ وَحَتَّى تَجْعَلِي الْأَنْبِيَاءَ لَكِ شُفَعَاءً يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَحَتَّى تَجْعَلِي الْمُسْلِمِينَ رَاضِينَ عَنْكِ، وَحَتَّى تَجْعَلِي لَكِ حَجَّةً وَعُمْرَةً. فَدَخَلَ فِي الصَّلَاةِ، فَبَقِيَتْ عَلَى فِرَاشِهِ حَتَّى أَتَمَّ الصَّلَاةَ، فَلَمَّا أَتَمَّهَا قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهَ، فَدَاكَ أَبِي وَأُمِّي، أَمَرْتَنِي أَرْبَعَةَ أَشْيَاءٍ لَا اَقْدِرُ فِي هَذِهِ السَّاعَةِ أَنْ اَفْعَلَهَا!! فَتَبَسَّمَ رَسُولُ اللهِ وَقَالَ: إِذَا قَرَأْتِ "قُلْ هُوَ اللهُ اَحَدٌ" ثَلَاثًا فَكَأَنَّكِ خَتَمْتِ الْقُرْءَانَ، وَإِذَا صَلَّيْتِ عَلَيَّ وَعَلَى الْأَنْبِيَاءِ مِنْ قَبْلِي فَقَدْ صِرْنَا لَكِ شُفَعَاءً يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَإِذَا اسْتَغْفَرْتِ لِلْمُؤْمِنِينَ فَكُلُّهُمْ يَرْضَوْنَ عَنْكِ، وَإِذَا قُلْتِ : سُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا اِلَهَ إِلَّا اللهَ وَاللهُ اَكْبَرُ فَقَدْ حَجَجْتِ وَاعْتَمَرْتْ.

Pengkaji tidak menemui riwayat ini di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar dan kitab-kitab tafsir. Secara tepatnya, pengkaji mendapati pengarang mengambil riwayat ini daripada kitab *Durrah al-Nāṣiḥīn*[1156] oleh al-Khubāwī tanpa sanad yang lengkap.

---

[1155] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1156] Al-Khūbawī , 'Uthmān Bin Ḥasan Bin Aḥmad al-Syākir, *Durrah al-Nāṣiḥīn Fī al-Wa'ẓ Wa al-Irsyād* (t.t.p : Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 93.

Universiti Malaya

## Hukum Hadith

Disebabkan riwayat ini tidak direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar dan direkodkan tanpa sanad yang lengkap (hanya di*marfū'*kan secara terus kepada Rasulullah SAW), maka pengkaji tidak dapat menjalankan kajian terhadap sanad. Pengkaji berpandangan riwayat ini adalah berstatus *la asl lah'* (tiada asal baginya) lantaran ketiadaan sanad.

---

## Hadith 127

> Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : " Tidakkah engkau melihat tanda-tanda yang diturunkan malam ini, yang belum pernah ada bandingannya? Tanda-tanda itu ialah '*Qul a'uzu bi rabbil falaq'* dan *'Qul a'uzu bi rabbinnas*.'" (Hadith riwayat Muslim) [1157]

## *Takhrij* Hadith

و حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ بَيَانٍ عَنْ قَيْسِ بْنِ أَبِي حَازِمٍ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَلَمْ تَرَ آيَاتٍ أُنْزِلَتْ اللَّيْلَةَ لَمْ يُرَ مِثْلُهُنَّ قَطُّ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ وَقُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ[1158]

Hadith 'Uqbah Bin 'Āmir r.a. ini direkodkan oleh Muslim[1159], al-Nasā'ī[1160] dan al-Tirmidhī[1161]. Al-Tirmidhī menyatakan hadith yang direkodkannya ini adalah *ḥasan ṣaḥīḥ.* Al-Albānī pula berpandangan hadith riwayat al-Tirmidhi dan al-Nasa'i adalah *ṣaḥīḥ*.

## Hukum Hadith

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana telah direkodkan oleh Muslim.

---

[1157] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1158] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.
[1159] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 558 (Kitāb Ṣalāh al-Musāfirīn Wa Qaṣrihā, no. hadith 814).
[1160] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 158 (Kitāb al-Iftitāḥ, no. hadith 954).
[1161] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 649 (Kitāb Thawāb al-Qur'ān, no. hadith 2902).



University Malaya

**Hadith 128**

Hadith dari Abi Sa’id ia berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda : “ عن أبي سعيد قال : كان النبي صلى الله عليه وسلم يتعوذ من الجان وعين الانسان حتى نزلت المعوذات فأخذ بها وترك ما سواها. “ “selalu memohon perlindungan kepada Allah dari syaitan jin dan manusia sehingga turunnya dua surah (Mu’awwidzatain) kemudian baginda menggunakannya dan meninggalkan lainnya.” (Hadith riwayat Tirmidzi) [1162]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ يُونُسَ الْكُوفِيُّ حَدَّثَنَا الْقَاسِمُ بْنُ مَالِكٍ الْمُزَنِيُّ عَنْ الْجُرَيْرِيِّ عَنْ أَبِي نَضْرَةَ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَعَوَّذُ مِنْ الْجَانِّ وَعَيْنِ الْإِنْسَانِ حَتَّى نَزَلَتْ الْمُعَوِّذَتَانِ فَلَمَّا نَزَلَتَا أَخَذَ بِهِمَا وَتَرَكَ مَا سِوَاهُمَا قَالَ أَبُو عِيسَى وَفِي الْبَاب عَنْ أَنَسٍ وَهَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ[1163]

Hadith Abū sa'īd al-Khudriy r.a. ini direkodkan oleh al-Tirmidhī[1164], Ibn Mājah[1165], al-Tibrīzī[1166] dan al-Nawawi[1167] Riwayat al-Tirmidhī, Ibn Mājah dan al-Tibrīzī ini dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Manakala Basyīr Muḥammad 'Uyūn pula menyatakan sanad hadith yang direkodkan oleh al-Nawawi adalah *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* sebagaimana pandangan al-Albānī ḍān Basyīr Muḥammad 'Uyūn.

---

**Hadith 129**

Hadith Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Rasulullah SAW bersabda : “ عن ابن عباس قال : ألا أخبرك بأفضل ما تعوذ به المتعوذون , قال : بلى يا رسول الله ,

[1162] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1163] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tirmidhi di dalam *Sunan*nya.
[1164] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 465 (Kitāb al-Ṭibb, no. hadith 2058).
[1165] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 586 (Kitāb al-Ṭibb, no. hadith 3511).
[1166] Al-Tibrizī, *Misykāt al-Maṣābīḥ*, 2: 1286 (Kitāb al-Ṭibb, no. hadith 4563).
[1167] Al-Nawāwī, *Kitāb al-Adhkār Wa Bi Dhaylihi Tuḥfah al-Abrār Bi Nukat al-Adhkār*, 398 (no. hadith 1000).



Universiti Malaya

قال : قل أعوذ برب الفلق وقل أعوذ برب الناس . " ingatlah (perhatikanlah) saya ajarkan kepada kalian tentang *ta'awwudz* yang paling ampuh ? Ibnu Abbas menjawab, baik ya Rasulullah , beliau berkata iaitu : "*Qul a'uzu bi rabbilfalaq* dan *Qul a'uzu bi rabinnas*." (hadith riwayat Ahmad) [1168]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا هَاشِمُ بْنُ الْقَاسِمِ حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ يَعْنِي شَيْبَانَ عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ أَنَّ ابْنَ عَابِسٍ الْجُهَنِيَّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا ابْنَ عَابِسٍ أَلَا أُخْبِرُكَ بِأَفْضَلِ مَا تَعَوَّذَ بِهِ الْمُتَعَوِّذُونَ قُلْتُ بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ وَقُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ [1169]

Pengkaji mendapati pengarang buku tersilap menyatakan nama perawi sahabat. Perawi sahabat yang sebenarnya adalah Ibn 'Ābis al-Juhaniy r.a., bukannya Ibn 'Abbās r.a. Hadith riwayat Ibn 'Ābis al-Juhaniy r.a. ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[1170], Aḥmad[1171] dan al-Bayhaqī[1172]. Al-Albānī menyatakan hadith yang direkodkan oleh al-Nasā'ī ini adalah *ṣaḥīḥ* dengan perawi yang *thiqah* (dipercayai) [1173]. Ḥamzah Aḥmad al-Zayn menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ.* Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd pula menyatakan riwayat al-Bayhaqī adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* sebagaimana pandangan al-Albānī dan Ḥamzah Aḥmad al-Zayn.

---

**<u>Hadith 130</u>**

Rasulullah s.a.w bersabda : " من داوم على يس كل ليلة ثم مات مات شهيدا " maksudnya : "Barangsiapa mengamalkan bacaan surah Yasin setiap malam lalu ia meninggal maka ia mati syahid." [1174]

---

[1168] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1169] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya.

[1170] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 819 (Kitāb al-Isti'ādhah, no. hadith 5432).

[1171] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 13: 331 (no. hadith 17230).

[1172] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 168 (no. hadith 2339).

[1173] Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah Wa Syay' Min Fiqhihā Wa Fawā'idihā*, 3: 94 (no. hadith 1104).

[1174] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

### *Takhrij* Hadith

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ نصْرٍ ، نَا مُحَمَّدُ بْنُ حَفْصٍ الأَوْصابِيُّ ، نَا سَعِيدُ بْنُ مُوسَى الأَزْدِيُّ ، ثَنَا رَبَاحُ بْنُ زَيْدٍ الصَّنْعَانِيُّ ، عَنْ مَعْمَرٍ ، عَنِ الزُّهْرِيِّ ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : **مِنْ دَاوَمَ عَلَى قِرَاءَةِ يس كُلَّ لَيْلَةٍ ، ثُمَّ مَاتَ ، مَاتَ شَهِيدًا** . " لَمْ يَرْوِ هَذَا الْحَدِيثَ عَنِ الزُّهْرِيِّ إِلا مَعْمَرٌ ، وَلا عَنْ مَعْمَرٍ إِلا رَبَاحٌ ، وَلا عَنْ رَبَاحٍ إِلا سَعِيدُ بْنُ مُوسَى ، تَفَرَّدَ بِهِ : ابْنُ حَفْصٍ.[1175]

Hadith Anas Bin Mālik r.a. ini direkodkan oleh al-Ṭabrānī[1176], al-Haythamī[1177], al-Syawkānī[1178], al-Suyūṭī [1179] dan al-Khaṭīb al-Baghdādī[1180]. Al-Suyūṭī mengakui hadith ini sanadnya adalah *ḍa'īf*. Al-Haythamī pula menyatakan perawi Sa'īd Bin Mūsā al-Azdiy yang terdapat di dalam jalur sanad adalah *kadhdhāb* (pendusta). Al-Syawkānī pula berpandangan di dalam sanad hadith ini terdapat perawi yang *muttaham* (dituduh berdusta). Dr. Basysyār 'Awwād Ma'rūf (pentahqiq *Tārīkh Baghdād*) menyatakan hadith ini adalah *mawḍū'* (palsu) disebabkan perawi Sa'īd Bin Mūsā al-Azdiy adalah *kadhdhāb* (pendusta) dan *waḍḍā'* (pencipta hadith palsu)[1181].

### Hukum Hadith

Disebabkan terdapat perawi pendusta maka selayaknya hadith ini dinyatakan *mawḍū'* (palsu) sebagaimana pandangan al-Haythamī dan Dr. Basysyār 'Awwād Ma'rūf.

---

## <u>Hadith 131</u>

> Bersabda Rasulullah SAW : “Barangsiapa membaca surah Yasin pada malam hari maka di pagi hari ia terampun dosanya.” (demikian dalam al-Jami’ ash-Saghir) [1182]

---

[1175] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī di dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Awsaṭ*.

[1176] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 7: 556 (no. hadith 7653).

[1177] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 7: 312 (no. hadith 11298).

[1178] Al-Syawkānī, *al-Fawā'id al-Majmū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, 312 (no. hadith 48).

[1179] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 12: 313.

[1180] Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Madīnah al-Salām*, 4: 400.

[1181] Lihat nota kaki. *Ibid.*

[1182] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

Hadith 1

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنِ عُمَرَ بْنِ سُلَّمٍ، حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنِ عِصْمَةٍ، حَدَّثَنَا أَحْمَدُ ابْنِ مُحَمَّدٍ بْنِ الْأَصْفَرِ، حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنِ إِسْحَاقِ الْأَزْدِيُّ، عَنْ أَبِي مَرْيَمَ، عَنْ عَمْرُو ابْنِ مُرَّةٍ، عَنِ الْحَارِثِ بْنِ سُوَيْدٍ، عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " **مَنْ قَرَأَ يس فِي لَيْلَةٍ ، أَصْبَحَ مَغْفُورًا لَهُ** " .[1183]

Hadith 2

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ أَبِي إِسْرَائِيلَ ، حَدَّثَنَا حَجَّاجُ بْنُ مُحَمَّدٍ ، عَنْ هِشَامِ بْنِ زِيَادٍ ، عَنِ الْحَسَنِ ، قَالَ : سَمِعْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ ، يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " **مَنْ قَرَأَ يس فِي لَيْلَةٍ ، أَصْبَحَ مَغْفُورًا لَهُ** ، وَمَنْ قَرَأَ حم الَّتِي يُذْكَرُ فِيهَا الدُّخَانُ فِي لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ ، أَصْبَحَ مَغْفُورًا لَهُ "[1184]

Pengkaji dapat menemui hadith seumpama ini diriwayatkan oleh dua jalur sanad sahabat iaitu melalui jalur Abdullah Ibn Mas'ūd r.a. dan Abū Hurayrah r.a. Riwayat Abdullah Ibn Mas'ūd r.a.) hadith 1) direkodkan oleh Abū Nu'aym al-Aṣfahānī[1185]. Manakala hadith melalui jalur sanad Abū Hurayrah r.a. )hadith 2) pula direkodkan oleh Abū Ya'la al-Mawṣilī[1186], Ibn al-Jawzī[1187] dan al-Syawkānī [1188]. Abū Nu'aym al-Aṣfahānī menyatakan hadithnya adalah *gharīb*. Pengkaji mendapati di dalam jalur sanad riwayat Abū Nu'aym al-Aṣfahānī īni terdapat perawi bernama Ibrahim Bin Ishaq al-Azdiy[1189] yang dinyatakan *matrūk al-ḥāḍīth* oleh al-Dāruquṭnī[1190] dan Ibn Hajar al-'Asqalani menyatakan bahawa beliau mendapati bahawa Ibrahim Bin Ishaq ini ada

[1183] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Abū Nu'aym di dalam kitabnya *al-Ḥilyah.*
[1184] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Abū Ya'lā di dalam Kitab *Musnad*nya.
[1185] Al-Aṣfahānī, *Ḥilyah al-Awliyā' Wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā'*, 4: 130.
[1186] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 4: 430 (no. hadith 2556).
[1187] Ibn al-Jawzī, *al-Mawḍū'āt*, 1: 247.
[1188] Al-Syawkānī, *al-Fawā'id al-Majmū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, 301 (Bāb Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 13).
[1189] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī berpandangan bahawa Ibrahim Bin Ishaq al-Azdiy ataupun Ibrahim Bin Ishaq al-Dabbiy al-Kufiy ini sebenarnya adalah Ibrahim Bin Ishaq al-Siniy. Kesilapan yang berlaku adalah pada ejaan nama iaitu tertukar al-Siniy dengan al-Ḍabbiy. Lihat Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 1: 237 (no. 48).
[1190] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 1: 236 (no. 48).



Universiti Malaya

meriwayatkan khabar yang *munkar jiddan*[1191]. Husayn Salīm Asad al-Dārānī pula menyatakan sanad hadith riwayat Abū Ya'la al-Mawṣilī ini adalah *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah) kerana perawi Hisyām Bin Ziyād di*ḍa'īf*kan oleh Aḥmad, Abū Ḥātim, Abū Zur'ah, Ibn Ma'īn, al-Nasā'ī, al-Dāruquṭnī, Ibn Sa'd, al-I'jliy dan Ya'qūb Bin Sufyān. 'Alī Bin al-Junayd mengatakan *matrūk al-ḥāḍīth* (hadithnya ditinggalkan) dan al-Nasā'ī mengatakan juga *laysa bi thiqah* (tidak dipercayai). Ibn al-Jawzī pula melalui riwayat Abū Hurayrah r.a. (jalur sanad berlainan dengan hadith 2) menyatakan bahawa hadith ini melalui kesemua jalur sanadnya adalah batil dan tiada asal baginya. Al-Syawkānī pula menyatakan di dalam sanad ini terdapat Muḥammad Bin Zakariyā yang merupakan *waḍḍā'* (pencipta hadith palsu). Al-Syawkānī juga menyatakan riwayat yang direkodkan oleh al-Dāruquṭnī, di dalam jalur sanadnya terdapat 'Umar Bin Rasyīd yang juga merupakan *waḍḍā'* (pencipta hadith palsu). 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī meletakkan hadith ini di dalam kitabnya yang menghimpunkan hadith-hadith *ḍa'īf* (lemah) dan *mawḍū'* (palsu)[1192]. Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ḍa'īf*[1193].

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith pertama iaitu riwayat Abdullah Ibn Mas'ūd adalah *ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang *ḍa'īf*. Manakala riwayat hadith melalui Abū Hurayrah r.a. yang direkodkan oleh Abū Ya'la al-Mawṣilī pula adalah *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah). Riwayat Abū Hurayrah r.a. melalui jalur sanad yang direkodkan oleh Ibn al-Jawzī dan al-Syawkani pula adalah *mawḍū'* kerana di dalam jalur sanadnya terdapat perawi yang mencipta hadith *mawḍū'*. Justeru hadith yang dinukilkan oleh pengarang buku (hadith 1) ini adalah berstatus *ḍa'īf*.

---

[1191] *Ibid.*, 1: 237 (no. 48).
[1192] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 10: 236 (no. hadith 25995).
[1193] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 835 (no. hadith 5787).

## Hadith 132

Disebut di dalam hadith : " من دخل المقابر وقرأ سورة يس خفف عنه يومئذ وكان له بعدد من فيها حسنات . , " maksudnya : "Barangsiapa masuk lingkungan makam dan dibacanya surah Yasin (dimana pahalanya dihadiahkan kepada ahli kubur), maka sejak hari itu seksa mereka diringankan dan baginya kebaikan-kebaikan sejumlah penghuni-penguninya." [1194]

## *Takhrij* Hadith

وَأَخْبَرَنِي الْحُسَيْنُ بْنِ مُحَمَّدٍ الثَّقَفِيِّ قَالَ : حَدَّثَنَا الْفَضْلُ بْنِ الْفَضْلِ الْكِنْدِيِّ قَالَ : حَدَّثَنَا حَمْزَةُ بْنِ الْحُسَيْنِ بْنِ عُمَرَ الْبَغْدَادِيِّ قَالَ : حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنِ أَحْمَدَ الرِّيَاحِيِّ قَالَ : حَدَّثَنَا أَبِي قَالَ : حَدَّثَنَا أَيُّوبُ بْنِ مُدْرِكٍ عَنْ أَبِي عُبَيْدَةَ عَنِ الْحَسَنِ عَنْ أَنَسَ بْنِ مَالِكٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ دَخَلَ الْمَقَابِرَ فَقَرَأَ سُورَةَ يس خفف عَنْهُمْ يَوْمَئِذٍ ، و وَكَانَ لَهُ بِعَدَدِ من فيها حَسَنَاتٌ[1195]

Pengkaji tidak menemui hadith ini direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar kecuali di dalam kitab-kitab tafsir. Hadith riwayat Anas r.a. ini direkodkan oleh al-Qurṭubī[1196] dan al-Tha'labiy[1197]. Al-Albānī menyatakan hadith ini *mawḍū'*[1198]. Beliau menyatakan sanad hadith ini sebagaimana yang direkodkan oleh al-Tha'labiy adalah sanad yang rosak dan terdapat banyak *'illah*. Abū 'Ubaydah dinyatakan oleh Ibn Ma'īn sebagai *majhūl* (tidak dikenali). Ayyūb Bin Mudrik pula disepakati akan ke*ḍa'īf*annya dan dinyatakan pula oleh Ibn Ma'īn sebagai *laysa bi syay'*, dinyatakan oleh Marrah sebagai *kadhdhāb* (pendusta) dan dinyatakan pula oleh Abu Hatim dan al-Nasa'i sebagai *matrūk*[1199]. Manakala Aḥmad al-Riyāhiy pula dinyatakan oleh al-Bayhaqī sebagai *majhūl* (tidak diketahui). Dr. Abdullah Bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī juga

---

1194 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
1195 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tha'labī di dalam Kitab tafsirnya.
1196 Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, 17: 406.
1197 Al-Tha'labī, *al-Kasyf Wa al-Bayān Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Ma'rūf Bi Tafsīr al-Tha'labī*, 5: 188.
1198 Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 3: 397 (no. hadith 1246).
1199 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 2: 254 (no. 1382).

Universiti Malaya

menyatakan di dalam sanad hadith ini terdapat perawi-perawi yang *ḍa'īf* dan *majhūl* (tidak dikenali).

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *mawḍū'* kerana terdapat perawi *kadhdhāb* (pendusta).

---

**<u>Hadith 133</u>**

Bersabda Nabi SAW : " ان في القرآن سورة يشفع لقارئها ويغفر لمستمعها ألا وهي يس" maksudnya : "Sungguh di dalam al-Quran terdapat surah di mana pembacanya disyafaatkan dan diampunkan pendengarnya, ingat itulah surah Yasin." [1200]

***Takhrij*** **Hadith**

وَأَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنِ الْحُسَيْنِ بْنِ مُحَمَّد قَالَ: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنِ مُحَمَّد بْنِ يَعْقُوبَ قَالَ: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ مُحَمَّد بْنِ مُسْلِمِ الْمَلَطِيّ بِمِصْرَ قَالَ: حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنِ مَحْمُودِ النَّيْسَابُورِيّ قَالَ: حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنِ عِمْرَانِ الرَّازِي عَنْ مُحَمَّد بْنِ عُمَيْرٍ عَنْ هِشَامٍ بْنِ عُرْوَةٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ فِي الْقُرْآنِ لَسُورَةً تَشْفَعُ لِقُرَّائِهَا وَيُغْفَرُ لِمُسْتَمِعِهَا ، أَلَا وَهِيَ سُورَةُ يس[1201]

Pengkaji tidak menemui hadith ini direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar kecuali di dalam kitab-kitab tafsir. Hadith riwayat 'Ā'isyah r.a. ini direkodkan oleh al-Qurṭubī[1202], al-Tha'labiy[1203], Abī al-Sa'ūd[1204] (tanpa sanad) dan Ibn 'Aṭiyyah[1205] (tanpa sanad). Pengkaji tidak menemui kritikan dan komentar daripada ulama-ulama hadith berkaitan hadith ini. Pengkaji cuba untuk meneliti pandangan ulama terhadap perawi-perawi di dalam jalur sanad ini. Hisyam Bin 'Urwah adalah seorang yang thiqah

---

[1200] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1201] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tha'labī di dalam Kitab tafsirnya.

[1202] Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, 17: 404.

[1203] Al-Tha'labī, *al-Kasyf Wa al-Bayān Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Ma'rūf Bi Tafsīr al-Tha'labī*, 5: 187.

[1204] Abī al-Sa'ūd, *Tafsīr Abī al-Sa'ūd al-Musammā Irsyād al-'Aql al-Salīm Ilā Mazāyā al-Qur'ān al-Karīm*, 7: 183.

[1205] Ibn 'Aṭiyyah al-Andalūsī, Abū Muḥammad 'Abd al-Ḥaq Bin Ghālib Bin 'Aṭiyyah al-Andalūsī, *al-Muḥarrar al-Wajīz Fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*, tahqiq 'Abd al-Salam 'Abd al-Syafi Muhammad (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 4: 445.



Universiti Malaya

dan imam di dalam hadith menurut Abū Ḥātim. Begitu juga Muḥammad Bin Sa'd dan al-'Ijlī yang menyatakannnya thiqah[1206]. Muḥammad Bin 'Umayr pula dinyatakan sebagai *majhūl* (tidak dikenali) oleh al-Nasā'ī[1207]. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī juga menyatakan Muhammad Bin 'Umayr ini adalah *majhūl* (tidak dikenali)[1208]. Manakala Ahmad Bin 'Imrān al-Rāzī pula tidak dapat ditemui oleh pengkaji. Pengkaji hanya menemui dua orang yang bernama Ahmad Bin 'Imrān di dalam kitab-kitab *rijal al-hadith* iaitu Ahmad Bin 'Imrān al-Akhnasī dan Ahmad Bin 'Imrān Bin Salamah. Ahmad Bin 'Imrān al-Akhnasī merupakan *munkar al-hadith* sebagaimana yang dinyatakan oleh al-'Uqayli di dalam kitabnya al-Du'afa'[1209] manakala Ahmad Bin 'Imran Bin Salamah pula merupakan *majhul munkar al-hadith* menurut al-Azdiy[1210]. Isma'il Bin Mahmud al-Naysaburi pula tidak dapat ditemui oleh pengkaji di dalam kitab-kitab *rijal al-hadith*.

**Hukum Hadith**

Pengkaji tidak menemui kritikan dan komentar daripada ulama-ulama hadith berkaitan hadith. Ibn al-Jawzī berpandangan bahawa beliau tidak pelik sekiranya al-Tha'labiy meriwayatkan hadith-hadith berkaitan fadilat surah-surah tertentu kerana beliau bukanlah ahli hadith[1211]. Pengkaji mendapati sekurang-kurangnya terdapat dua orang perawi yang *majhul* (tidak dikenali) di dalam sanad iaitu Muhammad Bin 'Umayr dan Ahmad Bin 'Imran. Pengkaji berpandangan perawi *majhūl* di dalam sanad menyebabkan sanad hadith ini lemah dan tidak boleh dijadikan hujah. Maka, pengkaji berpandangan hadith ini adalah bersatus *ḍa'īf*.

---

1206 Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 30: 238.
1207 *Ibid.*, 26: 234.
1208 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 885.
1209 Al-'Uqaylī, *Kitāb al-Ḍu'āfā'*, 1: 846.
1210 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 1: 560 (no. 680).
1211 Ibn al-Jawzī, *al-Mawḍū'āt*, 1: 240 (Kitāb al-'Ilm).



Universiti Malaya

**Hadith 134**

Imam Bukhari dalam Sahih Bukhari menyatakan dari Rasulullah SAW bersabda : " لقد أنزلت علي الليلة سورة لهي أحب الي مما طلعت عليه الشمس . ثم قرأ انا فتحنا لك فتحا مبينا. " maksudnya : "sungguh telah turun kepada ku waktu malam hari sebuah surah yang lebih ku cinta apa yang disinari matahari. Maka bacalah ia "sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuangan mu satu jalan kemenangan yang nyata " (ayat pertama surah al-Fath). [1212]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَسِيرُ فِي بَعْضِ أَسْفَارِهِ وَعُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ يَسِيرُ مَعَهُ لَيْلًا فَسَأَلَهُ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ عَنْ شَيْءٍ فَلَمْ يُجِبْهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ سَأَلَهُ فَلَمْ يُجِبْهُ ثُمَّ سَأَلَهُ فَلَمْ يُجِبْهُ فَقَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ ثَكِلَتْ أُمُّ عُمَرَ نَزَرْتَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ كُلَّ ذَلِكَ لَا يُجِيبُكَ قَالَ عُمَرُ فَحَرَّكْتُ بَعِيرِي ثُمَّ تَقَدَّمْتُ أَمَامَ النَّاسِ وَخَشِيتُ أَنْ يُنْزَلَ فِيَّ قُرْآنٌ فَمَا نَشِبْتُ أَنْ سَمِعْتُ صَارِخًا يَصْرُخُ بِي فَقُلْتُ لَقَدْ خَشِيتُ أَنْ يَكُونَ نَزَلَ فِيَّ قُرْآنٌ فَجِئْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَلَّمْتُ عَلَيْهِ فَقَالَ لَقَدْ أُنْزِلَتْ عَلَيَّ اللَّيْلَةَ سُورَةٌ لَهِيَ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا طَلَعَتْ عَلَيْهِ الشَّمْسُ ثُمَّ قَرَأَ { إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُبِينًا }[1213]

Hadith 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[1214], al-Tirmidhī[1215] , Ibn Ḥibbān[1216], al-Bayhaqī[1217], Abū Ya'la al-Mawṣilī[1218], al-Tha'labiy[1219], al-Baghawī[1220] dan al-Qurṭubī[1221]. Al-Albānī menyatakan riwayat al-Tirmidhī *ṣaḥīḥ.* Manakala Husayn Salīm Asad al-Dārānī menyatakan riwayat Abū Ya'la al-Mawṣilī adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ.*

Universiti Malaya

[1212] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1213] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam al-Bukhārī di dalam *Sahih*nya.

[1214] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 3: 292 (Kitāb Tafsīr al-Qur'ān, no. hadith 4833).

[1215] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 738 (Kitāb Tafsīr al-Qur'ān, no. hadith 3262).

[1216] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 14: 320 (Kitāb al-Tārīkh, no. hadith 6409).

[1217] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 10: 235 (no. hadith 7430).

[1218] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 1: 138 (no. hadith 148).

[1219] Al-Tha'labī, *al-Kasyf Wa al-Bayān Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Ma'rūf Bi Tafsīr al-Tha'labī*, 4: 107.

[1220] Al-Baghawī, *Tafsīr al-Baghawī : Ma'ālim al-Tanzīl*, 7: 295.

[1221] Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, 19: 294.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* sebagaimana pandangan al-Tirmidhī dan Husayn Salīm Asad al-Dārānī.

---

**Hadith 135**

> Imam Tsa'labi berkata dari Nabi Muhammad SAW telah bersbda : " من قرأ سورة الفتح فكأنما ممن شهد مع النبي صلى الله عليه وسلم فتح مكة. "
> maksudnya : "Barangsiapa membaca surah al-Fatḥ maka seakan-akan ia termasuk orang-orang yang turut menyaksikan pembukaan kota Mekah bersama Muhammad SAW." [1222]

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا سَعِيدُ بْنُ مُحَمَّدٍ الْحِيرِيُّ ، أنا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ الْحِيرِيُّ ، نا إِبْرَاهِيمُ بْنُ شَرِيكٍ ، نا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ ، نا سَلامُ بْنُ سُلَيْمٍ ، نا هَارُونُ بْنُ كَثِيرٍ ، عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ ، عَنْ أَبِيهِ ، عَنْ أَبِي أُمَامَةَ ، عَنْ أُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : وَمَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْفَتْحِ فَكَأَنَّمَا كَانَ مَعَ مَنْ شَهِدَ مَعَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتْحَ مَكَّةَ[1223]. "

Pengkaji tidak menemui hadith ini di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar kecuali kitab-kitab tafsir iaitu ianya direkodkan oleh al-Wāḥidī[1224], al-Bayḍāwī[1225] (tanpa sanad), Abī al-Sa'ūd[1226] (tanpa sanad), al-Khaṭīb al-Syarbīnī[1227] . Al-Khaṭīb al-Syarbīnī menyatakan hadith ini adalah *mawḍū'*, Al-'Irāqī juga menyatakan hadith ini adalah *mawḍū'*[1228].

**Hukum Hadith**

Hadith ini *mawḍū'* sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Syarbīnī dan al-'Irāqī.

---

[1222] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1223] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Wāḥidī di dalam kitab Tafsirnya.
[1224] Al-Wāḥidī, *al-Wasīṭ Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Majīd*, 4: 132.
[1225] Al-Bayḍāwī, *Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta'wīl al-Ma'rūf Bi al-Tafsīr al-Bayḍāwī*, 5: 132.
[1226] Abī al-Sa'ūd, *Tafsīr Abī al-Sa'ūd al-Musammā Irsyād al-'Aql al-Salīm Ilā Mazāyā al-Qur'ān al-Karīm*, 8: 115.
[1227] Al-Syarbīnī, Muḥammad Bin Aḥmad al-Khaṭīb al-Syarbīnī, *al-Sirāj al-Munīr Fī al-I'ānah 'Alā Ma'rifah Ba'ḍ Kalām Rabbinā al-Ḥakīm al-Khabīr* )t.t.p : t.p, t.t.), 4: 59.
[1228] Al-'Irāqī, al-*Mughnī 'An Ḥaml al-Asfār Fī al-Asfār Fī Takhrīj Mā Fī al-Iḥyā' Min al-Akhbār*, 1: 317 (no. hadith 1191).



Universiti Malaya

**<u>Hadith 136</u>**

> Empat Imam (Abu Daud, at-Tirmidzi, an-Nasai dan Ibnu Majah), Ibnu Hibban dan Imam al-Hakim mengikhraj dari Abu Hurairah r.a. dari Rasulullah SAW : “ ان في القرآن سورة ثلاثين آية شفعت لرجل حتى غفر له . تبارك الذى بيده الملك. “ maksudnya : “Sungguh dalam al-Quran ada 30 ayat isinya akan member syafaat kepada lelaki (yang membacanya) hingga ia diampunkan dosanya, yakni surah al-Mulk.” [1229]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ عَبَّاسٍ الْجُشَمِيِّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ سُورَةً مِنْ الْقُرْآنِ ثَلَاثُونَ آيَةً شَفَعَتْ لِرَجُلٍ حَتَّى غُفِرَ لَهُ وَهِيَ سُورَةُ تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ[1230]

Hadith Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh Abū Dāwūd[1231], al-Tirmidhī[1232], Ibn Mājah[1233], Aḥmad[1234], al-Ḥākim[1235], Ibn Ḥibbān[1236], Ibn al-Sunnī[1237], al-Tibrīzī[1238], al-Bayhaqī[1239] dan al-Ḍurays[1240]. Al-Albānī berpandangan bahawa riwayat al-Tirmidhī, Abū Dāwūd dan al-Tibrīzī adalah *ḥasan* manakala riwayat Ibn Mājah pula *ṣaḥīḥ*. Riwayat Ibn al-Sunnī dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh Basyīr Muḥammad 'Uyūn. Riwayat Aḥmad pula adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ* menurut Aḥmad Muḥammad Syākir. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ pula berpandangan riwayat Ibn Ḥibbān adalah dengan sanad yang *ḥasan.* Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd pula menyatakan riwayat al-Bayhaqī adalah dengan sanad yang *ḥasan*.

Universiti Malaya

---

1229 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
1230 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tirmidhi di dalam *Sunan*nya.
1231 Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 242 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1400).
1232 Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 646 (Kitāb Thawāb al-Qur'ān, no. hadith 2892).
1233 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 624 (Kitāb al-Adāb, no. hadith 3786).
1234 Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 8: 93 (no. hadith 7962).
1235 Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 767 (Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 2127).
1236 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 3: 69 (Kitāb al-Raqā'iq, no. hadith 788).
1237 Ibn al-Sunnī, *Kitāb 'Amal al-Yawm Wa al-Laylah*, 321 (no. hadith 683).
1238 Al-Tibrizī, *Misykāt al-Maṣābīḥ*, 1: 662 (Kitāb al-Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 2152).
1239 Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 123 (Bāb Ta'ẓīm al-Qur'ān, no. hadith 2276).
1240 Ibn al-Ḍurays, *Faḍā'il al-Qur'ān*, 3: 106 (no. hadith 235).

**Hukum Hadith**

Hadith ini dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh Basyīr Muḥammad 'Uyūn, Aḥmad Muḥammad Syākir dan al-Albānī menerusi riwayat Ibn Mājah. Namun, al-Albānī juga menyatakan hadith ini adalah *ḥasan* di dalam riwayat al-Tirmidhī dan al-Tibrīzī di dalam *al-Misykāt*. Al-Tirmidhī menyatakan hadithnya sebagai *ḥasan*. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ dan Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd menyatakan sanad hadith ini adalah *ḥasan*. Justeru, pengkaji mengambil pandangan yang diletakkan sendiri oleh al-Tirmidhī dan dikuatkan lagi dengan pandangan al-Albānī, Syu'ayb al-Arnā'ūṭ dan Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd iaitu hadith ini *ḥasan*.

---

**<u>Hadith 137</u>**

> Menurut hadith lain yang diriwayatkan daripada Anas bin Mālik r.a. katanya, Rasulullah SAW bersabda : “Sesiapa membaca surah as-Sajdah dan al-Mulk pada waktu malam, tidak ubah seperti orang mendapat Lailatul Qadar.” [1241]

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا يَزِيدُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ ، عَنْ إِسْمَاعِيلَ بْنِ عَيَّاشٍ ، عَنْ إِسْمَاعِيلَ بْنِ أَبِي رَافِعٍ ، عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي فَرْوَةَ ، رَفَعَهُ قَالَ : " مَنْ قَرَأَ الم تَنْزِيلُ ، وتَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ فِي يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ ، فَكَأَنَّمَا وَافَقَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ. " [1242]

Pengkaji tidak mendapati hadith ini direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar kecuali di dalam *Muṣannaf* Ibn Abī Syaybah. Pengkaji dapat menemui hadith ini direkodkan oleh Ibn Abī Syaybah[1243] dan Ibn al-Ḍurays[1244]. Hadith seumpama ini juga ada direkodkan di dalam kitab-kitab tafsir seperti yang direkodkan oleh al-

---

[1241] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1242] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn al-Ḍurays di dalam kitabnya *Faḍā'il al-Qur'ān*.

[1243] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 10: 179 (Kitāb al-Du'ā, no. hadith 30315). Berikut adalah lafaz hadith menurut riwayat Ibn Abi Syaybah :-

حَدَّثَنَا حُسَيْنُ بْنُ عَلِيٍّ ، عَن زَائِدَةَ ، عَن هِشَامٍ ، عَنْ أَبِي يُونُسَ ، عَن طَاوُوس ، قَالَ : مَنْ قَرَأَ فِي ليلة : {الم تَنْزِيلُ} السَّجْدَةَ وَ{تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ} كَانَ مِثْلُ أَجْرِ لَيْلَةِ الْقَدْرِ ، قَالَ : فَمَرَّ عَطَاءٌ فَقُلْنَا لِرَجُلٍ مِنَّا : ائْتِهِ فَسَلْهُ ، فَقَالَ : صَدَقَ ، مَا تَرَكْتهمَا مُنْذُ سَمِعْتهمَا.

[1244] Ibn al-Ḍurays, *Faḍā'il al-Qur'ān*, 3: 100 (no. hadith 214).



Universiti Malaya

Suyūṭī[1245] (tanpa sanad), al-Bayḍāwī[1246] (tanpa sanad) dan al-Khaṭīb al-Syarbīnī[1247]. 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī meletakkan hadith ini di dalam kitabnya yang menghimpunkan hadith-hadith dan athar yang *ḍa'īf* dan *mawḍū'* [1248]. Pengkaji mendapati riwayat Ibn Abi Syaybah adalah tidak *marfu'* kepada Rasulullah SAW dan hanya terhenti pada perawi bernama Ṭāwūs. Sedangkan Ṭāwūs ini adalah seorang tabi'in yang dikatakan meninggal pada tahun yang ke 106 hijrah[1249]. Justeru, riwayat Ibn Abi Ayaybah adalah berstatus hadith *maqṭū'* bukannya hadith *marfū'*. Al-Khaṭīb al-Syarbīnī menyatakan hadith ini *mawḍū'*. Riwayat Ibn al-Ḍurays adalah melalui jalur Isḥāq Bin 'AbdiLlah Bin Abī Farwah. Pengkaji cuba meneliti jalur sanad yang direkodkan oleh Ibn al-Ḍurays. Di dalam sanad ini, bernama Ishaq Bin 'AbdiLlah Bin Abi Farwah adalah *matruk* menurut al-Jawzajānī dan Abu Zur'ah[1250]. Begitu juga pandangan Ibn Hajar al-'Asqalānī[1251]. Ishaq Bin 'AbdiLlah ini dikatakan meninggal pada tahun yang ke 144 hijrah[1252]. Justeru, riwayat yang direkodkan oleh Ibn Durays ini juga adalah bukan hadith *marfū'* dan berkemungkinan ianya hanyalah kata-kata tabi'in atau dikenali sebagai hadith *maqṭū'*. Perawi Ismā'īl Bin Abī Rāfi' juga dinyatakan *matrūk* oleh al-Dāruquṭnī[1253].

**Hukum Hadith**

Pengkaji mendapati riwayat hadith ini yang mempunyai sanad adalah ternyata ianya adalah bukan hadith kerana perawinya dikatakan meninggal pada kurun kedua hijrah. Manakala riwayat-riwayat lain adalah ditemui tanpa sanad. Justeru, pengkaji berpandangan riwayat hadith ini adalah *maqṭū'* kerana setakat sanad yang ditemui, pengkaji mendapati sanad tersebut hanya terhenti pada perawi tabi'in dan tidak *marfū'*

---

[1245] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 13: 8.
[1246] Al-Bayḍāwī, *Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta'wīl al-Ma'rūf Bi al-Tafsīr al-Bayḍāwī*, 4: 223.
[1247] Al-Syarbīnī, *al-Sirāj al-Munīr Fī al-I'ānah 'Alā Ma'rifah Ba'ḍ Kalām Rabbinā al-Ḥakīm al-Khabīr*, 4: 389.
[1248] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 10: 212 (no. hadith 25875).
[1249] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 13: 373.
[1250] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 1: 345.
[1251] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 130.
[1252] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 2: 454.
[1253] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 1: 384.



Universiti Malaya

kepada Rasulullah SAW. Walaupun demikian, al-Khaṭīb al-Syarbīnī di dalam al-Siraj menyatakan bahawa riwayat hadith seumpama ini adalah berstatus *mawḍū'*.

---

**Hadith 138**

> Rasulullah SAW bersabda : " سورة من كتاب الله تعالى ما هي الا ثلاثون آية شفع لرجل وأخرجته يوم القيامة من النار وأدخله الجنة وهى سورة تبارك الذى بيده الملك. " maksudnya : "Terdapat dalam kitab Allah (al-Quran) sebuah surah tiada surah tersebut kecuali (mengandungi) tiga puluh ayat, yang kelak memberi syafaat kepada lelaki yang membacanya, mengeluarkannya di hari kiamat dari neraka dan memasukkannya ke dalam syurga, yakni surah Tabarakallazi biyadihi mulku (surah al-Mulk)."[1254]

***Takhrij* Hadith**

ثنا سُلَيْمَانُ بْنُ دَاوُدَ ، عَنْ عِمْرَانَ الْقَطَّانِ ، عَنْ قَتَادَةَ ، عَنْ عَبَّاسٍ الْجُشَمِيِّ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِنَّ سُورَةً مِنْ كِتَابِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ مَا هِيَ إِلَا ثَلاثُونَ آيَةً ، شَفَعَتْ لِرَجُلٍ فَأَخْرَجَتْهُ مِنَ النَّارِ ، وَأَدْخَلَتْهُ الْجَنَّةَ ، وَهِيَ سُورَةُ تَبَارَكَ. " [1255]

Pengkaji dapat menemui hadith ini direkodkan oleh al-Ḥākim[1256], 'Abd Bin Humayd[1257] dan Ibn al-Ḍurays[1258]. Hadith seumpama ini juga ada direkodkan di dalam kitab-kitab tafsir seperti yang direkodkan oleh al-Baghawī[1259], al-Tha'labiy[1260] dan al-Khaṭīb al-Syarbīnī [1261]. Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ḥasan*[1262].

Al-Ḥākim di dalam *al-Mustadrak* menyatakan bahawa hadith riwayatnya adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ.* Pengkaji cuba meneliti perawi yang terdapat di dalam jalur

---

[1254] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1255] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh 'Abd Bin Ḥumayd di dalam kitabnya.
[1256] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 2: 585 (Kitāb al-Tafsīr, no. hadith 3895).
[1257] 'Abd Bin Ḥumayd, *al-Muntakhab Min Musnad 'Abd Bin Ḥumayd*, tahqiq Muṣṭafā Bin al-'Adwiy (Bayrūt : Dār al-Balansiyah, 2002), 2: 346 (no. hadith 1443).
[1258] Ibn al-Ḍurays, *Faḍā'il al-Qur'ān*, 3: 107 (no. hadith 236).
[1259] Al-Baghawī, *Tafsīr al-Baghawī : Ma'ālim al-Tanzīl*, 8: 181.
[1260] Al-Tha'labī, *al-Kasyf Wa al-Bayān Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Ma'rūf Bi Tafsīr al-Tha'labī*, 6: 235.
[1261] Al-Syarbīnī, *al-Sirāj al-Munīr Fī al-I'ānah 'Alā Ma'rifah Ba'ḍ Kalām Rabbinā al-Ḥakīm al-Khabīr*, 4: 389.
[1262] Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 421 (no. hadith 2092).



Universiti Malaya

sanad riwayat hadith yang direkodkan oleh 'Abd Bin Humayd. Sulaymān Bin Dāwūd adalah dinyatakan oleh Ahmad Bin Hanbal sebagai *thiqah ṣadūq*[1263] dan Ahmad Bin 'Abdillah al-'Ijlī sebagai *thiqah*[1264]. 'Imrān al-Qaṭṭān atau pun nama sebenarnya 'Imrān Bin Dāwar al-'Ammiy pula adalah dinyatakan oleh Ahmad Bin Hanbal sebagai *arjū an yakūn ṣāliḥ al-ḥāḍīth* (aku berharap beliau ini adalah *ṣāliḥ al-ḥāḍīth*)[1265]. Ahmad Bin 'Adi pula menyatakan 'Imran ini sebagai *Min Man Yuktab Ḥāḍīthuh* (termasuk orang yang ditulis hadithnya) dan disebut oleh Ibn Hibban di dalam kitabnya al-Thiqat[1266]. 'Imran ini juga dinyatakan pula oleh Yaḥyā Bin Ma'īn sebagai *laysa bi al-qawiy* (tidaklah kuat)[1267]. Al-Nasā'ī pula menyatakannya sebagai *ḍa'īf*[1268]. Begitu juga Abū Dāwūd menyatakannya sebagai *ḍa'īf* [1269]. Perawi Qatādah Bin Di'āmah pula adalah *ḥafiẓ thiqah thubut* tetapi beliau ini adalah seorang *mudallis*[1270]. Perawi 'Abbas al-Jusymiy pula adalah dinyatakan *maqbūl* (diterima) oleh Ibn Hajar al-'Asqalani[1271] dan disebut oleh Ibn Hibban di dalam kitabnya al-Thiqat[1272].

**Hukum Hadith**

Pengkaji mendapati perawi-perawi yang terdapat di dalam jalur sanad riwayat yang direkodkan oleh 'Abd Bin Humayd adalah tidak kesemuanya mencapai tahap *thiqah*. Namun begitu, kesemuanya dapat diterima. Walaupun demikian, perawi 'Imrān al-Qaṭṭān yang dinyatakan *ḍa'īf* oleh Abū Dāwūd dan al-Nasā'ī, dinyatakan juga oleh Ahmad Bin 'Adī sebagai termasuk orang yang ditulis hadithnya dan disebut pula oleh Ibn Ḥibbān di dalam kitabnya al-Thiqat. Perawi ini juga terdapat di dalam jalur sanad riwayat Ibn Hibban dan Ibn Hibban menyatakan jalur sanad riwayatnya sebagai sahih. Justeru, pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ḥasan* dan tidak boleh mencapai status

1263 Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 11: 406.
1264 *Ibid.*
1265 *Ibid.,* 22: 329.
1266 *Ibid.,* 22: 330.
1267 *Ibid.,* 22: 329.
1268 *Ibid.,* 22: 330.
1269 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 5: 287.
1270 *Ibid,* 5: 466.
1271 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 489.
1272 Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 14: 265.

Universiti Malaya

*ṣaḥīḥ* lantaran perawi-perawinya yang tidak mencapai tahap tersebut. Status *ḥasan* ini juga adalah sebagaimana pandangan yang dikemukakan oleh al-Albānī di dalam kitabnya *Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*.

---

**Hadith 139**

> Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud : "Sesiapa membaca surah as-Sajdah, pahalanya seperti orang yang solat menepati malam al-Qadar dan dikuatkan keislamannya, tauhidnya serta mendapat ilmu yang benar." [1273]

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا أَبُو عَمْرُو أَحْمَدُ بْنِ أَبِي الْفَرَّاتِي، عَنْ عِمْرَانِ بْنِ مُوسَى، عَنْ مَكِّي بْنِ عَبْدَانِ، عَنْ سُلَيْمَانِ بْنِ دَاوُدَ، عَنْ أَحْمَدَ بْنِ نَصْرٍ قَالَ: أَخْبَرَنِي أَبُو مُعَاذٍ، عَنْ أَبِي عِصْمَةَ نُوحِ بْنِ أَبِي مَرْيَمَ، عَنْ زَيْدٍ الْعَمَي عَنْ أَبِي نَضْرَةٍ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنْ أُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الم تَنْزِيلُ أُعْطِيَ مِنَ الْأَجْرِ كَأَنَّمَا أَحْيَا لَيْلَةَ الْقَدْرِ» [1274]

Pengkaji tidak menemui riwayat adis sebagaimana yang dinukilkan oleh pengarang di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Pengkaji dapat menemui riwayat ini yang dinisbahkan kepada Ubay Bin Ka'ab daripada Rasulullah SAW yang direkodkan oleh al-Tha'labiy[1275] dan al-Khaṭīb al-Syarbīnī[1276] tanpa sanad. Al-Syaykh Sayyid Kasrāwī Ḥasan menyatakan khabar ini adalah *ḍa'īf* kerana di dalam sanadnya terdapat Zayd al-'Amā. Pengkaji juga mendapati Nuh Bin Abi Maryam dinyatakan *munkar al-hadith* oleh al-Bukhari[1277]. Kesemua riwayat yang ditemui ini adalah tanpa maksud "dan dikuatkan keislamannya, tauhidnya serta mendapat ilmu yang benar" sebagaimana yang dinukilkan oleh pengarang.

---

[1273] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1274] Lafaz ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tha'labī di dalam Kitab tafsirnya.

[1275] Al-Tha'labī, *al-Kasyf Wa al-Bayān Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Ma'rūf Bi Tafsīr al-Tha'labī*, 5: 64.

[1276] Al-Syarbīnī, *al-Sirāj al-Munīr Fī al-I'ānah 'Alā Ma'rifah Ba'ḍ Kalām Rabbinā al-Ḥakīm al-Khabīr*, 3: 216.

[1277] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 7: 56.

Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Menurut pentahqiq kitab tafsir al-Tha'labi, al-Syaykh Sayyid Kasrawi Ḥasan menyatakan khabar ini adalah *ḍa'īf* dari sudut jalur sanadnya yang terdapat perawi *ḍa'īf*. Pengkaji juga mendapati perawi Nuh Bin Abi Maryam adalah *munkar al-hadith*. Namun dari sudut maksud matannya, pengkaji berpandangan ianya adalah *mawḍū'* disebabkan pernyataan kelebihan sesuatu amalan yang diganjari dengan kelebihan yang bersangatan banyaknya. Riwayat ini juga dinisbahkan periwayatannya kepada Ubay Bin Ka'ab sebagaimana yang dinyatakan oleh pengarang kitab *al-Taḥdīth Bimā Qīla Lā Yaṣiḥḥ Fīh al-Ḥāḍīth* menyatakan bahawa hadith-hadith yang dikaitkan dengan kelebihan surah-surah al-Quran dan disandarkan dengan periwayatan Ubay Bin Ka'ab dan disebarkan oleh para mufassirin seperti yang direkodkan oleh al-Tha'labiyy, al-Wahidiy dan al-Zamahksyari adalah hadith-hadith *mawḍū'*[1278]. Justeru, pengkaji berpandangan hadith ini adalah berstatus *mawḍū'*.

---

**c. Rahsia Dan Khasiat Bismillah yang ditulis oleh Abdul Shukur dan diterbitkan oleh Jasmin Enterprise**

**Hadith 140**

> Hadith itu berbunyi : "Bismillah yang dengan namaNya tiada kemudharatan baik di bumi maupun dari langit . sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui." [1279]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا أَبُو دَاوُدَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَبِي الزِّنَادِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبَانَ بْنِ عُثْمَانَ قَال سَمِعْتُ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا مِنْ عَبْدٍ يَقُولُ فِي صَبَاحِ كُلِّ يَوْمٍ وَمَسَاءِ كُلِّ لَيْلَةٍ **بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ** ثَلَاثَ مَرَّاتٍ لَمْ

---

[1278] Bakr Bin 'Abdullāh Abū Zayd, *al-Taḥdīth Bimā Qīla Lā Yaṣiḥḥ Fīh al-Ḥadīth* (Riyāḍ : Dār al-Hijrah, 1991), 123.

[1279] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

يَضُرَّهُ شَيْءٌ وَكَانَ أَبَانُ قَدْ أَصَابَهُ طَرَفُ فَالِجٍ فَجَعَلَ الرَّجُلُ يَنْظُرُ إِلَيْهِ فَقَالَ لَهُ أَبَانُ مَا تَنْظُرُ أَمَا إِنَّ الْحَدِيثَ كَمَا حَدَّثْتُكَ وَلَكِنِّي لَمْ أَقُلْهُ يَوْمَئِذٍ لِيُمْضِيَ اللَّهُ عَلَيَّ قَدَرَهُ قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ [1280]

Hadith 'Uthmān Bin 'Affān r.a ini direkodkan oleh Abū Dāwūd[1281], al-Tirmidhī[1282], Ibn Mājah[1283], Aḥmad[1284], Ibn Ḥibbān[1285], Ibn Abī Syaybah[1286], al-Bazzār[1287]. Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* [1288]. Al-Tirmidhī menyatakan riwayatnya adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*. Riwayat yang direkodkan oleh Ahmad pula sanadnya dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh Ahmad Muhammad Syakir.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* sebagaimana pandangan Ahmad Muhammad Syakir.

---

**<u>Hadith 141</u>**

Dikeluarkan oleh Darulqutni Ibnu Umar r.a. bahawa Nabi SAW bersabda : “ قال كان جبريل اذا جاءني بالوحي أول ما يلقى علي بسم الله الرحمن الرحيم “ Nabi Bersabda : “Adalah Jibril apabila datang kepadaku pertama yang diberikan kepadaku “Bismillaahirrohmaanirrihiim”.[1289]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ شَبِيبٍ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْمُنْذِرِ حَدَّثَنَا دَاوُدُ بْنُ عَطَاءٍ ح وَحَدَّثَنَا جَعْفَرُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ مَرْوَانَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ سُلَيْمَانَ ح وَحَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ عُبَيْدٍ الْحَافِظُ حَدَّثَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ جَعْفَرِ بْنِ

[1280] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tirmidhī di dalam *Sunan*nya.
[1281] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 920 (Kitāb al-Ādāb, no. hadith 5088).
[1282] Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 769 (Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 3388).
[1283] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 638 (Kitāb al-Du'ā', no. hadith 3869).
[1284] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 1: 355 (no. hadith 446).
[1285] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 3: 132 (Kitāb al-Raqā'iq, no. hadith 852).
[1286] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 10: 41 (Kitāb al-Du'ā, no. hadith 19763).
[1287] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 2: 19 (no. hadith 357).
[1288] Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah*, 264 (Kitāb al-Du'ā', no. hadith 3234).
[1289] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Universiti Malaya

حَبِيبٍ الْقُرَشِيُّ قَالاَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ مُحَمَّدٍ الطَّلْحِيُّ حَدَّثَنِى دَاوُدُ بْنُ عَطَاءٍ عَنْ مُوسَى بْنِ عُقْبَةَ عَنْ نَافِعٍ عَنِ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ –صلى الله عليه وسلم– قَالَ « كَانَ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلاَمُ إِذَا جَاءَنِى بِالْوَحْىِ أَوَّلُ مَا يُلْقِى عَلَىَّ ( بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) ».[1290]

Hadith riwayat Ibn 'Umar ini direkodkan oleh al-Ṭabrānī[1291] dan al-Dāruquṭnī[1292]. Di dalam jalur sanad ini, terdapat perawi bernama Dāwūd Bin 'Aṭā' yang *munkar al-Ḥadīth* [1293]. Aḥmad menyatakan tidak boleh diambil hadith daripadanya dan *laysa bi al-sya'* (bukanlah sesuatu). Abū Ḥātim al-Rāzī menyatakan beliau ini *ḍa'īf al-ḥadīth* dan *munkar al-ḥadīth*. Abū Zur'ah dan al-Bukhārī pula menyatakan beliau ini *matrūk al-ḥadīth* [1294]. Al-Ṭabrānī menyatakan hadith ini tidak diriwayatkan daripada Mūsā Bin 'Uqbah melainkan Dāwūd Bin 'Aṭā'[1295]. Al-Syawkani menyatakan riwayat al-Dāruquṭnī īni adalah dengan sanad yang *ḍa'īf*[1296]. Begitu juga al-Suyuti menyatakan sanad hadith ini adalah *ḍa'īf*[1297].

**Hukum Hadith**

Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat Dāwūd Bin 'Aṭā' yang dinyatakan tidak boleh diambil hadith daripadanya, *laysa bi al-sya'*, *munkar al-ḥadīth* dan *matrūk al-ḥadīth*. Justeru, disebabkan kecacatan dan kelemahan yang terdapat pada perawi di dalam jalur sanad ini maka pengkaji berpandangan riwayat hadith ini adalah *ḍa'īf* sebagaimana juga pandangan al-Syawkani dan al-Suyuti bahawa hadith ini adalah berstatus *ḍa'īf.*

1290 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Dāruquṭnī di dalam Kitab *Sunan*nya.
1291 Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 4: 56 (no. hadith 8436).
1292 Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 2: 72 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1167).
1293 Dāwūd Bin 'Aṭā' al-Muznī mawlā Abū Sulaymān al-Madaniy atau al-makkiy ini dinyatakan oleh al-Bukhari sebagai *munkar al-ḥadīth*. Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 2: 72 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1167).
1294 Ibn al-Jawzī, Jamāl a-Dīn Abī al-Farj 'Abd al-Raḥmān Bin 'Alī Bin Muḥammad, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn,* tahqiq Abū al-Fidā' 'Abdullāh al-Qāḍī (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986), 1: 265.
1295 Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 4: 56 (no. hadith 8436).
1296 Al-Syawkānī, Muḥammad Bin 'Alī Bin Muḥammad, *Fatḥ al-Qadīr*, tahqiq Dr 'Abd al-Rahman 'Umayrah (t.t.p : t.p, t.t.), 1: 81.
1297 Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *al-Itqān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Syu'ayb al-Arna'ut (Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 2008), 576.



Universiti Malaya

## Hadith 142

Sabda Rasulullah SAW : “ اخرج ابن ابي حاتم والحاكم والبيهقي وابو ذر الهروي والخطيب البغدادي عن ابن عباس رضي الله عنهما ان عثمان ابن عفان سأل النبي عليه الصلاة والسلام عن بسم الله الرحمن الرحيم فقال هو اسم من الله تعالى , وما بينه وبين اسم الله الاكبر الا كما سواد العين وبياضها بالقرب. “ Dikeluarkan oleh Ibnu Abu Khotim, al-Haakim, alBaihaqi, Abu Zarr alharwi dan Khotib albaghdadi dari Ibnu Abbas r.a. dari Utsman Ibnu Affan telah bertanya kepada Nabi SAW dari soal “ Bismillaahirrohmaanirrohiim” lalu beliau berkata : “itulah isim dari asma Allah Taala. Tidak lain antara dia dengan nama Allah “Akbar” kecuali seperti hitamnya biji mata dengan putihnya begitulah dekatnya.”[1298]

### *Takhrij* Hadith

حَدَّثَنَا أَبِي, ثنا جَعْفَرُ بْنُ مُسَافِرٍ, ثنا زَيْدُ بْنُ الْمُبَارَكِ الصَّنْعَانِيُّ, ثنا سَلامُ بْنُ وَهْبٍ الْجَنَدِيُّ, ثنا أَبِي, عَنْ طَاوُسٍ, عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ,"أَنَّ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ, سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, عَنِ الرَّحْمَنِ, فَقَالَ: هُوَ اسْمٌ مِنْ أَسْمَاءِ اللَّهِ وَمَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ اسْمِ اللَّهِ الأَكْبَرِ إِلا كَمَا بَيْنَ سَوَادِ الْعَيْنَيْنِ وَبَيَاضِهِمَا مِنَ الْقُرْبِ". [1299]

Pengkaji mendapati bahawa hadith ini direkodkan oleh al-Ḥākim[1300], al-Bayhaqī[1301], Ibn Abī Ḥātim[1302], Ibn Kathīr[1303] dan al-Khaṭīb al-Baghdādī[1304].Pentahqiq kitab tafsir Ibn Kathīr ini menilai hadith ini sebagai hadith *mawḍū'*. Dr. Basysyār 'Awwād Ma'rūf (pentahqiq *Tārīkh Baghdād*) menyatakan hadith ini adalah *mawḍū'*. Riwayat yang direkodkan oleh al-Bayhaqī adalah dengan sanad yang *ḍa'īf* kerana menurut Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd, perawi Ja'far Bin Muḥammad Bin al-Harith yang terdapat di dalam jalur sanad riwayat al-Bayhaqī ini tidak ditemui pengenalan

---

[1298] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1299] Lafaz ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Kathīr di dalam Kitab tafsirnya.
[1300] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 749 (Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 2079).
[1301]Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 18 (no. hadith 2123).
[1302] Ibn Abī Ḥātim, al-Imām al-Ḥāfiẓ 'Abd al-Raḥmān Bin Muḥammad Bin Idrīs al-Rāzī, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, tahqiq As'ad Muhammad al-Tayyib (Riyāḍ : Maktabah Nazzār Muṣṭafā al-Bāz, 1997), 1: 25.
[1303] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 184.
[1304] Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Madīnah al-Salām*, 8: 274 (no. hadith 3779).



Universiti Malaya

dirinya. Al-'Uqayli menyatakan bahawa perawi bernama Salām Bin Wahb al-Janadiy ini hadithnya tidak dijadikan mutaba'ah[1305]. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī di dalam *Lisān al-Mīzān*[1306] pula menyatakan Salām ini membawakan *khabar munkar* bahkan berdusta.[1307]

**Hukum Hadith**

Walaupun hadith ini dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Ḥākim di dalam kitabnya, namun Dr. Basysyār 'Awwād Ma'rūf menyatakan ini adalah antara kesilapan besar oleh al-Ḥākim. Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat perawi Salām Bin Wahb al-Janadiy yang dinyatakan membawakan *khabar munkar* bahkan berdusta. Justeru, pengkaji berpandangan riwayat hadith ini adalah berstatus *mawḍū'*.

---

**<u>Hadith 143</u>**

> Sabda Rasulullah SAW : “ واخرج ابن ابي الدنيا وابن شيبة عن الشعبي قال اسم الله الأعظم هو الله “ dikeluarkan oleh Ibnu Abiddunia dan Ibnu Abī Syaybah dan Asy-Sya’bi Nabi bersabda yang dinamakan Ismul A’zhom ialah “Allah”.[1308]

***Takhrij* Hadith**

> حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْنُ عُيَيْنَةَ ، عَنْ مِسْعَرٍ عَمَّنْ سَمِعَ الشَّعْبِيَّ يَقُولُ : **<u>اسْمُ اللهِ الأَعْظَمُ الله</u>** , ثُمَّ قَرَأَ ، أَوْ قَرَأْت عَلَيْهِ هُوَ اللَّهُ الْخَالِقُ إِلَى آخِرِهَا[1309]

Pengkaji mendapati riwayat ini adalah kata-kata tabi'in dan bukannya hadith Rasulullah SAW. Riwayat al-Sya'bi ini direkodkan oleh Ibn Abī Syaybah[1310], al-

---

[1305] Al-'Uqaylī, *Kitāb al-Ḍu'āfā'*, 2: 589 (no. hadith 2381).
[1306] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 4: 103 (no. 3536).
[1307] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 184.
[1308] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1309] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Abī Syaybah di dalam kitabnya *al-Muṣannaf*.
[1310] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 10: 68 (Kitāb al-Du'ā, no. hadith 29858).



Universiti Malaya

Suyūṭī[1311], Ibn Abī Ḥātim[1312] (melalui riwayat Abī al-Sya'tha' Jabir Bin Zayd) dan Ibn al-Ḍurays[1313] (melalui riwayat Jābir Bin Zayd). Ibn Ḥajar al-'Asqalānī[1314] menyatakan terdapat perbincangan berkaitan nama Allah yang paling agung. Ibn Ḥajar menyatakan kenyataan ini tidak dipersetujui oleh Abū Ja'afar al-Ṭabarī, Abū al-Ḥasan al-Asy'ari, Abū Ḥātim Bin Ḥibbān, al-Qāḍī Abū Bakr al-Bāqilānī dan lain-lain. Mereka menyatakan tidak boleh melebihkan sebahagian nama Allah ke atas sebahagian yang lain. Ibn Ḥajar sendiri berpandangan bahawa semua pendapat berkaitan penentuan nama Allah yang paling agung adalah *ṣaḥīḥ* kerana tiada terdapat khabar yang menyatakan berkaitan nama Allah yang paling agung dan seolah-olahnya pendapat tersebut menyatakan bahawa semua nama-nama Allah itu harus disifatkan dengan paling agung kerana maksud yang dikehendaki dengan paling agung itu adalah "maha agung".

**Hukum Hadith**

Pengkaji tidak menemui riwayat ini di dalam kitab-kitab hadith yang mu'tabar selain daripada *Muṣannaf* Ibn Abī Syaybah. Riwayat daripada al-Sya'biy dan Jabir Bin Zayd ini adalah hadith *maqṭū'*[1315] kerana al-Sya'biy dan Jābir ini bukanlah sahabat Rasulullah SAW. Jābir Bin Zayd[1316] dikatakan meninggal pada tahun 103 hijrah atau 104 hijrah dan begitu juga al-Sya'biy[1317] yang nama sebenarnya ialah 'Āmir Bin Syarahil. Al-'Ijliy menyatakan bahawa al-Sya'biy mendengar daripada 48 orang sahabat Rasulullah s.a.w dan hadith *mursal* yang diriwayatkan oleh al-Sya'biy adalah *ṣaḥīḥ* dan hampir-hampir beliau tidak meriwayatkan hadith *mursal* melainkan yang *ṣaḥīḥ* [1318]. Justeru, menurut pandangan al-'Ijliy ini iaitu sekiranya al-Sya'biy meriwayatkan hadith

[1311] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 1: 40.
[1312] Ibn Abī Ḥātim, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 25.
[1313] Ibn al-Ḍurays, *Faḍā'il al-Qur'ān*, 3: 81 (no. hadith 150).
[1314] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad Bin 'Alī, *Fatḥ al-Bārī*, tahqiq al-'Abd al-Qadir Syaybah al-Hamd (t.t.p : t.p, 2001), 11: 227 (Kitāb al-Da'awāt, no. hadith 6410).
[1315] Hadith Maqtu' ialah hadith yang dinisbahkan kepada tabi'in atau pun selain mereka samada perkataan ataupun perbuatan. Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 133.
[1316] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 4: 434.
[1317] *Ibid.,* 14: 28 (no 3042).
[1318] *Ibid.,* 14: 35 (no 3042).



Universiti Malaya

*mursal,* maka hampir-hampir ianya adalah *ṣaḥīḥ*. Tetapi, riwayat ini adalah bukan hadith *mursal* kerana ianya tidak dinisbahkan kepada Rasulullah SAW dan hanya dinisbahkan kepada al-Sya'biy yang merupakan seorang tabi'in. Justeru, hadith ini adalah termasuk kategori hadith *maqṭū'* yang tidak boleh dijadikan hujah[1319].

---

**<u>Hadith 144</u>**

> Sabda Rasulullah SAW : " واخرج البخاري عن جابر قال اسم الله الاعظم هو الله الا ترى انه في جميع القرآن يبدأ به قبل كل اسم. " dikeluarkan oleh Imam Bukhari dari Jabir sabda Nabi :Ismullohil-A'zhom "Allah" apakah engkau tidak lihat bahawasanya pada semua pembacaan al-Quran, dimulai dengan 'Bismillah" sebelum menyebut tiap-tiap nama Tuhan yang lain."[1320]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عِصَامُ بْنُ رَوَّادٍ الْجَرَّاحُ الْعَسْقَلانِيُّ، ثنا آدَمُ، ثنا أَبُو هِلالٍ الرَّاسِبِيُّ، ثنا حَيَّانُ الأَعْرَجُ، عَنْ أَبِي الشَّعْثَاءِ جَابِرِ بْنِ زَيْدٍ،"فِي قَوْلِهِ: " بِسْمِ اللَّهِ " ، قَالَ: اسْمُ اللَّهِ الأَعْظَمُ هُوَ اللَّهُ، أَلا تَرَى أَنَّهُ فِي جَمِيعِ الْقُرْآنِ يَبْدَأُ بِهِ قَبْلَ كُلِّ اسْمٍ[1321]

Hadith Jabir Bin Zayd ini direkodkan oleh Ibn Abī Syaybah[1322], al-Suyūṭī[1323]. Ibn Abī Ḥātim[1324] (melalui riwayat Abī al-Sya'thā' Jābir Bin Zayd) dan Ibn al-Ḍurays[1325] (melalui riwayat Jābir Bin Zayd). Didapati hadith ini tidak dihubungkan secara terus kepada Rasulullah SAW tetapi terhenti pada Jābir Bin Zayd yang merupakan seorang tabi'in[1326] (ada pendapat menyatakan beliau meninggal pada tahun 93 hijrah atau 103 hijrah atau 104 hijrah). Yaḥyā Bin Ma'īn, Abū Zur'ah dan al-'Ijliy

---

[1319] Hadith Maqtu' tidak boleh dijadikan hujjah di dalam sesuatu apa pun daripada hukum hakam syara' dan sekiranya ianya adalah sahih sekalipun dinisbahkan kepada penamanya maka tarafnya adalah sama sebagaimana kata-kata atau perbuatan orang-orang Islam yang lain. Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 134 .

[1320] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1321] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Abī Ḥātim di dalam Tafsirnya.

[1322] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 10: 68 (Kitāb al-Du'ā, no. hadith 29858).

[1323] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 1: 40.

[1324] Ibn Abī Ḥātim, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 25.

[1325] Ibn al-Ḍurays, *Faḍā'il al-Qur'ān*, 3: 81 (no. hadith 150).

[1326] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 4: 434.



Universiti Malaya

menyatakan bahawa Jābir ini adalah *tabi'in thiqah Baṣariy*[1327] (tabi'in yang *thiqah* berasal dari Baṣrah).

**Hukum Hadith**

Pengkaji mendapati pengarang buku ini menyatakan sumber hadith yang diambil secara silap kerana pengkaji mendapati hadith ini tidak dikeluarkan oleh al-Bukhari. Hadith riwayat Jābir Bin Zayd ini adalah hadith *maqṭū'* kerana riwayat ini tidak dinisbahkan kepada Rasulullah SAW bahkan hanya dinisbahkan kepada Jabir Bin Zayd yang merupakan tabi'in sebagaimana hadith ini juga diriwayatkan melalui al-Sya'biy ('Amir Bin Syarahil) yang merupakan hadith *maqṭū'* juga. Justeru, hadith ini adalah termasuk kategori hadith *maqṭū'* yang tidak boleh dijadikan hujah[1328].

---

**Hadith 145**

Sabda Rasulullah SAW : " وقال لما نزلت بسم الله الرحمن الرحيم فرح أهل السموات من الملائكة واهتز العرش لنزولها ونزل معها ألف ملك وزادت الملائكة ايمانا. وخرجت الجان على وجوههم وتحركت الأفلاك وذلت لعظمتها الاملاك. "

Dan Nabi bersabda: "Ketika turun "Bismillaahirrohmaanirrohiim", bergembiralah ahli langit dari bangsa malaikat, bergoncanglah arsy kerana turunnya. Dan turun pula sertanya 1000 malaikat. Dan bertambah iman para malaikat. Dan tunduk mukanya segala jin dan bergetar segala planet. Gementar segala sendi-sendi kerana turunnya.[1329]

***Takhrij* Hadith**

وَقَالَ لَمَّا نَزَلَتْ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ فَرِحَ أَهْلُ السَّمَوَاتِ مِنَ الْمَلَائِكَةِ وَاهْتَزَّ الْعَرْشُ لِنُزُولِهَا وَنَزَلَ مَعَهَا أَلْفُ مَلَكٍ وَزَادَتِ الْمَلَائِكَةُ إِيمَانًا. وَخَرَجَتِ الْجَانُّ عَلَى وُجُوهِهِمْ وَتَحَرَّكَتِ الْأَفْلَاكُ وَذَلَّتْ لِعِظَمَتِهَا الْأَمْلَاكُ.[1330]

---

[1327] *Ibid.* h.436.

[1328] Hadith Maqtu' tidak boleh dijadikan hujjah di dalam sesuatu apa pun daripada hukum hakam syara' dan sekiranya ianya adalah sahih sekalipun dinisbahkan kepada penamanya maka tarafnya adalah sama sebagaimana kata-kata atau perbuatan orang-orang Islam yang lain. Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 134 .

[1329] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1330] Lafaz riwayat ini adalah sama sebagaimana yang direkodkan oleh al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī di dalam kitabnya *Khazīnah al-Asrār*.

Pengkaji tidak menemui riwayat ini daripada kitab-kitab hadith mu'tabar dan kitab-kitab tafsir. Pengkaji menemui riwayat ini di dalam kitab *Khazīnah al-Asrār* [1331] tanpa sanad dan kitab *Khaṣā'is Wa Asrār Wa Tafsīr BismiLlāh al-Raḥmān al-Raḥīm* [1332] juga tanpa sanad.

**Hukum Hadith**

Riwayat ini adalah tanpa sanad. Justeru, pengkaji tidak dapat menyatakan status sanad riwayat ini kerana tidak menemukan sanadnya. Pengkaji berpandangan riwayat ini lebih menghampiri kepada tiada asal baginya (*la aṣl lah*).

---

**Hadith 146**

Sabda Rasulullah s.a.w : " واخرج ابو نعيم وابن السني عن عائشة رضي الله عنهما انها قالت لما نزلت بسم الله الرحمن الرحيم سبحت الجبال حتى سمع أهل مكة ومن بها فقالوا سحر محمد الجبال فبعث الله دخانا حتى اظل على أهل مكة فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : من قرأ بسم الله الرحمن الرحيم موقنا سبحت معه الجبال الا انه لا يسمع منها. " dikeluarkan oleh Abu Na'im dan Ibn Sunni dari Siti Aisyah r.a. bahawa ia berkata : ketika turun "Bismillaahirrohmaanirrohiim" lalu mengucap tasbih gunung-gunung sehingga penduduk Mekah mendengarnya dan orang-orang di sekitarnya. Lalu kata mereka : Rupanya Muhammad yang menyihir gunung-gunung itu. Kemudian Allah bangkitkan awan sehingga meneduhkan penduduk Mekah. Kemudian Nabi bersabda : Barangsiapa membaca "Bismillaahirrohmaanirrohiim" dengan yakin akan bertasbihlah gunung-gunung itu. Cuma saja ia tidak dapat mendengarnya.[1333]

***Takhrij* Hadith**

وَأَخْرَجَ أَبُو نُعَيْمٍ وَالدَّيْلَمِيُّ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : لَمَّا نَزَلَتْ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ضَجَّتِ الْجِبَالُ حَتَّى سَمِعَ أَهْلُ مَكَّةَ دَوِيَّهَا ، فَقَالُوا : سَحَرَ مُحَمَّدٌالْجِبَالَ ، فَبَعَثَ اللهُ

[1331] Al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī, *Khazīnah al-Asrār*, 95.
[1332] Muḥammad al-Huwaydī, *Khaṣā'iṣ Wa Asrār Wa Tafsīr Bismillāh al-Raḥmān al-Raḥīm* (t.t.p : Dār al-Maḥajjah al-Bayḍā', 2007), 94.
[1333] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

دُخَانًا حَتَّى أَظَلَّ عَلَى أَهْلِ مَكَّةَ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَرَأَ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ مُوقِنًا سَبَّحَتْ مَعَهُ الْجِبَالُ إِلَّا أَنَّهُ لَا يَسْمَعُ ذَلِكَ مِنْهَا .[1334]

Hadith ini tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith yang mu'tabar .Riwayat ini sangat kurang direkodkan di dalam kitab-kitab. Hadith yang dikatakan diriwayatkan oleh 'Ā'isyah r.a. ini direkodkan oleh al-Suyūṭī [1335], al-Syawkānī[1336], al-Sayyid Muḥammad Haqqī al-Nāzilī[1337] dan Dr. Muḥammad al-Huwaydi[1338]. Al-Syawkānī menyatakan hadith ini direkodkan oleh Abū Nu'aym dan al-Daylamī daripada jalur sayyidatinā 'Ā'isyah r.a.

**Hukum Hadith**

Pengkaji tidak menemui kritikan berkaitan hadith ini daripada ulama-ulama hadith. Riwayat ini dikatakan direkodkan oleh Abu Nu'aym dan al-Daylami, namun setakat pencarian pengkaji tidak menemui riwayat ini beserta sanadnya yang lengkap untuk dijalankan kajian sanad. Justeru, pengkaji berpandangan hadith ini lebih menghampiri kepada tiada asal baginya (*la aṣl lah*).

---

**<u>Hadith 147</u>**

Sabda Rasulullah SAW : “ واخرج ابن السني والديلمي عن علي رضي الله عنه مرفوعا اذا وقعت في ورطة فقل بسم الله الرحمن الرحيم ولا حول ولا قوة الا بالله العظيم. فان الله يصرف بها ما يشاء من انواع البلايا. “ dikatakan oleh Ibnu Sunni dan Dailami dari Ali r.a. hadith marfu: Apabila engkau terjatuh ke lumpur yang dalam (lumpur yang menghisap) maka ucapkanlah “Bismillaahirrohmaanirrohiim” dan “Laa haula wa laa quw wata illa billahil aliyyil azhiim” maka sesungguhnya Allah lepaskan dia dengan sebab ucapan itu dari macam-macam bahaya.[1339]

[1334] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Syawkānī di dalam Kitab tafsirnya.
[1335] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 1: 46.
[1336] Al-Syawkānī, *Fatḥ al-Qadīr*, 1: 82.
[1337] Al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī, *Khazīnah al-Asrār*, 99.
[1338] Muḥammad al-Huwaydī, *Khaṣā'iṣ Wa Asrār Wa Tafsīr Bismillāh al-Raḥmān al-Raḥīm*, 95.
[1339] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْحَمِيدِ الْفَرْغَانِيُّ ، ثنا أَحْمَدُ بْنُ بُدَيْلٍ الْمُحَارِبِيُّ ، ثنا عَمْرُو بْنُ بِشْرٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : سَمِعْتُ يَزِيدَ بْنِ مُرَّةَ ، يَقُولُ : سَمِعْتُ سُوَيْدَ بْنَ غَفَلَةَ ، يَقُولُ : سَمِعْتُ عَلِيًّا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " يَا عَلِيُّ ، أَلا أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ إِذَا وَقَعْتَ فِي وَرْطَةٍ قُلْتَهَا ؟ " قُلْتُ : بَلَى ، جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ ، كَمْ مِنْ خَيْرٍ قَدْ عَلَّمْتَنِيهِ . قَالَ " : إِذَا وَقَعْتَ فِي وَرْطَةٍ فَقُلْ : بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ، وَلا حَوْلَ وَلا قُوَّةَ إِلا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ ، فَإِنَّ اللَّهَ يَصْرِفُ بِهَا مَا شَاءَ مِنْ أَنْوَاعِ الْبَلاءِ. "[1340]

Hadith 'Alī ini direkodkan oleh al-Suyūṭī[1341], al-Hindī[1342], Ibn al-Sunni[1343]. Al-Suyūṭī menyatakan hadith ini dikeluarkan oleh Ibn al-Sunnī dan al-Daylamī daripada 'Alī r.a. secara *marfu'*. 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī menyatakan bahawa hadith ini adalah *ḍa'īf*[1344]. Al-Albānī pula menyatakan hadith ini *mawḍū'* [1345]. Pengkaji cuba meneliti sanad riwayat yang direkodkan oleh Ibn al-Sunni. Suwayd Bin Ghafalah adalah *thiqah* menurut Yahya Bin Ma'in dan Ahmad Bin 'AbdiLlah al-'Ijli[1346]. Yazid Bin Murrah pula dinyatakan *lā yaṣiḥḥ ḥadīthuh* (tidak sahih hadithnya) oleh al-Bukhari[1347]. 'Amru Bin Bisyr pula adalah *munkar al-ḥadīth* menurut al-'Uqayli[1348]. Bisyr Bin al-Sarh tidak ditemui oleh pengkaji di dalam kitab-kitab *rijal al-hadith*. Ahmad Bin Budayl adalah *ṣadūq lahu awhām* (benar tetapi baginya ada keraguan)[1349]. Ahmad Bin Budayl juga dinyatakan meriwayatkan hadith-hadith munkar tetapi termasuk orang yang ditulis

---

[1340] Lafaz hadith menurut Ibn al-Sunnī di dalam kitabnya *'Amal al-Yawm Wa al-Laylah.*

[1341] Al-Suyūṭī, *Jāmi' al-Aḥādīth al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Zawā'iduhu Wa al-Jāmi' al-Kabīr,* 1: 276 (no. hadith 1877). Lihat juga Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 1: 45.

[1342] Lihat al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 2: 118 (Kitāb al-Adhkār, no. hadith 3416).

[1343] Ibn al-Sunnī, *Kitāb 'Amal al-Yawm Wa al-Laylah*, 163 (no. hadith 336).

[1344] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 1: 581 (no. hadith 2082).

[1345]Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 104 (no. hadith 727).

[1346] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 12: 267.

[1347] Al-Sayyid Abū al-Ma'āṭī al-Nūrī, *Al-Jāmi' Fī al-Jarḥ Wa al-Ta'dīl*, 3: 325.

[1348] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 5: 300. Lihat juga al-'Uqaylī, *Kitāb al-Ḍu'āfā'*, 4: 283.

[1349] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 86.



Universiti Malaya

hadithnya walaupun diketahui kelemahannya menurut Ibn 'Adiy[1350]. Al-Daruqutni pula menyatakan beliau ini padanya *layyin*[1351].

**Hukum Hadith**

Hadith ini dinyatakan *mawḍū'* oleh al-Albānī. Namun, setelah pengkaji meneliti komentar ulama *al-jarh wa al-ta'dil* berkaitan perihal perawi di dalam riwayat yang Ibn al-Sunni, pengkaji tidak menemui pandangan ulama yang menyatakan perawi-perawi ini dinyatakan sebagai pendusta atau pembohong. Terdapat sekurang-kurangnya dua orang perawi yang mempunyai kelemahan iaitu 'Amru Bin Bisyr dan Ahmad Bin Budayl. Justeru, pengkaji berpandangan sanad riwayat ini adalah *ḍa'īf*.

---

**Hadith 148**

Sabda Rasulullah SAW : " وروى عن ابن عباس رضي الله عنهما انه قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : من قال بسم الله الرحمن الرحيم ولا حول ولا قوة الا بالله العلي العظيم صرف الله عنه سبعين بابا من انواع البلايا والهم والغم واللمم. "
Diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda : "Barangsiapa mengucapkan "Bismillaahirrohmaanirrohiim" dan Laa haula walaa quw wata illaa billaahil aliyyil azhiim" Allahlepaskan dia dari 70 pintu bermacam-macam bala dan kesukaran, duka cita dan kesakitan."[1352]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سُلَيْمَانَ ، ثنا أَحْمَدُ بْنُ بُدَيْلٍ ، ثنا الْمُحَارِبِيُّ ، ثنا عَمْرُو بْنُ شَمِرٍ ، عَنْ جَابِرٍ ، عَنْ تَمِيمِ بْنِ حَذْلَمٍ ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : مَنْ قَالَ لا حَوْلَ وَلا قُوَّةَ إِلا بِاللَّهِ الْعَظِيمِ صَرَفَ اللَّهُ عَنْهُ سَبْعِينَ بَابًا مِنَ الْبَلاءِ أَهْوَنُهُنَّ الْهَمُّ وَالْغَمُّ"[1353]

---

[1350] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 1: 218.
[1351] *Ibid.*
[1352] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1353] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Syāhīn di dalam kitabnya *al-Targhīb Fī Faḍā'il al-A'māl.*

Universiti Malaya

Hadith Ibn 'Abbās r.a. ini direkodkan oleh Ibn Syāhīn[1354], al-Suyūṭī[1355], al-Sayyid Muḥammad Haqqī al-Nāzilī[1356] dan Dr. Muḥammad al-Huwaydi[1357]. Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā'īl menyatakan hadith ini adalah *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah) kerana 'Amrū Bin Syamir adalah *matrūk* (ditinggalkan) dan Jabir al-Ju'fiy adalah *ḍa'īf*. 'Amrū Bin Syamir dinyatakan *matrūk al-ḥadīth* oleh al-Nasā'ī, al-Dāruquṭnī, Ibn Sa'd dan al-Sājī[1358].

**Hukum Hadith**

Hadith ini berstatus *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah) disebabkan di dalam jalur sanadnya terdapat perawi yang berstatus *matrūk* (ditinggalkan) dan *ḍa'īf*.

---

**<u>Hadith 149</u>**

Sabda Rasulullah SAW : “ واخرج الوقيع والثعلبي عن ابن مسعود رضي الله عنه قال : من أراد ان يجيبه الله تعالى من الزبانية التسعة عشر فليقرأ بسم الله الرحمن الرحيم ليجعل الله له بكل حرف منها جنة من كل واحد . “ dikeluarkan oleh al-Waqii dan Ats-Tsa’labi dari Ibnu Mas’ud r.a. : Barangsiapa ingin dipelihara Allah dari siksa neraka Zabaniyyah yang Sembilan belas, maka hendaklah mengucapkan “Bismillahirrohmaanirrohiim”. Kerana Allah jadikan tiap-tiap huruf “ Bismillah” menjadi perisai.[1359]

***Takhrij* Hadith**

وَقَالَ وَكِيعُ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ أَبِي وَائِل عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ قَالَ: مَنْ أَرَادَ أَنْ يُنَجِّيهِ اللهُ مِنَ الزَّبَانِيَّةِ التِّسْعَةِ عَشَرَ فَلْيَقْرَأْ: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، لَيَجْعَلُ اللهُ لَهُ مِنْ كُلِّ حَرْفٍ مِنْهَا جُنَّةٌ مِنْ كُلِّ وَاحِدٍ[1360] .

---

[1354] Ibn Syāhīn, *al-Targhīb Fī Faḍā'il al-A'māl Wa Thawāb Dhālik*, 104 (no. hadith 340).
[1355] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 1: 45.
[1356] Al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī, *Khazīnah al-Asrār*, 95.
[1357] Muḥammad al-Huwaydī, *Khaṣā'iṣ Wa Asrār Wa Tafsīr Bismillāh al-Raḥmān al-Raḥīm*, 99.
[1358] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 6: 211.
[1359] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1360] Lafaz hadith ini adalah sebagaimana yang direkodkan oleh al-Suyūṭī di dalam kitab Tafsirnya *al-Durr al-Manthūr.*



Universiti Malaya

Riwayat Ibn Mas'ūd ini direkodkan oleh Ibn Kathīr[1361] (bukan dengan kalimah الوقيع, tetapi (وك يٍع), al-Qurṭubī[1362], al-Khaṭīb al-Syarbīnī[1363], al-Suyūṭī[1364] dan al-Sayyid Muḥammad Haqqī al-Nāzilī[1365]. Pengkaji tidak menemui riwayat ini daripada kitab-kitab hadith mu'tabar. Riwayat ini bukanlah hadith Rasulullah SAW, bahkan riwayat ini adalah kata-kata Ibn Mas'ūd yang menerangkan berkaitan kelebihan membaca basmalah.

**Hukum Hadith**

Riwayat ini bukan hadith Rasulullah SAW sebagaimana yang didakwa melalui nukilan pengarang buku. Ia adalah *qawl al-sahabah* (kata-kata sahabat iaitu Abdullah Bin Mas'ūd) kerana riwayat ini terhenti pada sahabat tanpa disandarkan kepada Rasulullah SAW atau dikenali juga sebagai hadith *mawqūf*. Pengkaji meneliti perawi yang terdapat di dalam sanad riwayat ini. Al-A'masy ini nama sebenarnya adalah Sulaymān Bin Mihrān[1366]. Sulaymān Bin Mihrān ini terdapat beberapa kritikan daripada ulama-ulama hadith. Ibn Mubārak menyatakan bahawa seburuk-buruk hadith penduduk Kufah ialah Abū Isḥāq dan al-A'masy[1367]. Aḥmad Bin Ḥanbal menyatakan Manṣūr adalah penduduk Kufah yang paling *thubut* dan di dalam hadith al-A'masy terdapat percanggahan yang banyak (*iḍṭirāb kathīr*)[1368]. Ibn al-Madīnī menyatakan al-A'masy ini *kathīr al-wahm* (banyak keraguan). Al-Dhahabī menyatakan al-A'masy ini adalah antara imam yang thiqah dan termasuk di dalam kelompok tabi'in kecil dan al-A'masy ini tidak dikritik melainkan kerana *tadlis*nya[1369] dan al-Dhahabī menyatakan al-A'masy ini merupakan seorang yang melakukan *tadlis* dan kadangkala al-A'masy melakukan

---

1361 Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 185.
1362 Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, 1: 143.
1363 Al-Syarbīnī, *al-Sirāj al-Munīr Fī al-I'ānah 'Alā Ma'rifah Ba'ḍ Kalām Rabbinā al-Ḥakīm al-Khabīr*, 1: 7.
1364 Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 1: 44.
1365 Al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī, *Khazīnah al-Asrār*, 100.
1366 Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 35: 35.
1367 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 3: 316.
1368 *Ibid.*
1369 *Ibid.* h.315.



Universiti Malaya

*tadlis* daripada seorang yang *ḍa'īf* sedangkan beliau tidak ketahui[1370]. Apabila al-A'masy menggunakan kalimah *haddathanā*, maka tiada keraguan. Tetapi apabila beliau menggunakan kalimah *'an* (daripada), maka periwayatannya ini *maḥmūlah 'alā al-iṭṭiṣāl* (menimbulkan keraguan terhadap kesinambungan sanad)[1371]. Pengkaji mendapati di dalam riwayat ini, al-A'masy menggunakan kalimah *'an* (daripada). Justeru, ini menimbulkan keraguan di dalam kesinambungan sanadnya dengan Abī Wā'il. Maka, sanad riwayat ini adalah *ḍa'īf* disebabkan kemungkinan berlakunya *tadlis*. Pengkaji berpandangan riwayat *qawl al-ṣaḥābah* atau hadith *mawqūf* ini adalah *ḍa'īf* dan tidak boleh dijadikan hujah dengannnya[1372].

---

## Hadith 150

Sabda Rasulullah SAW : " واخرج الديلمي عن ابن مسعود رضي الله عنه قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : من قرأ بسم الله الرحمن الرحيم , كتب له بكل حرف اربعة آلاف حسنة ومحى عنه أربعة آلاف سيئة ورفع له أربعة آلاف درجة.
Telah dikeluarkan oleh Addailami dari Ibnu Mas'ud r.a.. Bersabda Rasulullah SAW : "Barangsiapa membaca "Bismillahirrohmaanirrohiim", dituliskan baginya tiap-tiap huruf 4000 kebajikan dihapuskan daripadanya 4000 keburukan dan diangkat dia mempunyai 4000 derajat.[1373]

## *Takhrij* Hadith

وَأَخْرَجَ الدَّيْلَمِيُّ عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَرَأَ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ كَتَبَ اللهُ لَهُ بِكُلِّ حَرْفٍ أَرْبَعَةَ آلَافِ حَسَنَةٍ وَمَحَا عَنْهُ أَرْبَعَةَ آلَافِ سَيِّئَةٍ وَرَفَعَ لَهُ أَرْبَعَةَ آلَافِ دَرَجَةٍ[1374].

---

[1370] *Ibid.* h.316.
[1371] *Ibid.*
[1372] Hadith Mawquf tidak boleh dijadikan hujjah sekalipun ianya adalah sahih disebabkan ianya adalah kata-kata ataupun perbuatan sahabat. Akan tetapi ianya boleh memperkuatkan sebahagian hadith-hadith da'if. Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 133.
[1373] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1374] Lafaz riwayat ini adalah sebagaimana yang direkodkan oleh al-Suyūṭī di dalam kitab Tafsirnya *al-Durr al-Manthūr*.



University Malaya

Hadith Ibn Mas'ūd r.a. ini direkodkan oleh al-Suyūṭī[1375] )tanpa sanad( dan al-Syawkānī[1376] (tanpa sanad(. Al-Suyūṭī menyatakan hadith ini dikeluarkan oleh al-Daylamī[1377] daripada Ibn Mas'ūd r.a. Pengkaji mendapati hadith ini tiada di dalam riwayat-riwayat hadith yang direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar.

**Hukum Hadith**

Sanad hadith ini tidak ditemui secara lengkap kerana al-Suyuti sendiri tidak menyatakan sanadnya di dalam kitab tafsirnya. Ciri-ciri hadith *mawḍū'* terdapat di dalam maksud matan hadith ini iaitu kelampauan di dalam menyatakan fadilat terhadap amalan tertentu. Antaranya juga sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah[1378] iaitu kandungan hadith tersebut menyatakan berkaitan perumpamaan-perumpamaan yang tidak dikatakan oleh Rasulullah SAW. Pengkaji berpandangan riwayat ini tiada asal baginya (*lā aṣl lah*) kerana sanadnya tidak ditemui.

---

**<u>Hadith 151</u>**

Sabda Rasulullah SAW : " واخرج ابو الشيخ عن صفوان بن سليم قال : الجن يستعملون متاع الانس وثيابهم فمن أخذ منكم ثوبا أو وضعه فليقل بسم الله الرحمن الرحيم , فان اسم الله تعالى طابع. " telah dikeluarkan oleh Abu Syaikh dari Sofwan bin Sulaim. Nabi bersabda : Jin itu suka memakai barang-barang kepunyaan manusia dan pakain mereka. Oleh kerana itu, barangsiapa mengambil atau menaruh pakaian ucapkanlah "Bismillaahirrohmaanirrohiim". Kerana sesungguhnya nama Allah yang dibacakan disitu merupakan setempel.[1379]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ دَاوُدَ ، حَدَّثَنَا عُبَيْدُ بْنُ شَرِيكٍ ، حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي مَرْيَمَ ، حَدَّثَنَا ابْنُ لَهِيعَةَ ، وَنَافِعٌ ، قَالا : حَدَّثَنَا بَكْرُ بْنُ عَمْرٍو ، أَنَّهُ سَمِعَ صَفْوَانَ بْنَ

---

[1375] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 1: 46.
[1376] Al-Syawkānī, *Fatḥ al-Qadīr*, 1: 82.
[1377] Al-Daylamī, *Kitāb Firdaus al-Akhbār*, 4: 26 (no. hadith 5573).
[1378] Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, al-Imām Syams al-Dīn Abī 'Abdilāh Muḥammad Bin Abī Bakr al-Ḥanbalī al-Dimasyq, *al-Manār al-Munīf Fī al-Ṣaḥīḥ Wa al-Ḍa'īf*, tahqiq 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (t.t.p : t.p, 1970), 50.
[1379] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Universiti Malaya

سُلَيْمٍ رَحِمَهُ اللَّهُ تَعَالَى ، يَقُولُ : الْجِنُّ يَسْتَمْتِعُونَ بِمَتَاعِ الإِنْسِ ، وَثِيَابِهِمْ فَمَنْ أَخَذَ مِنْكُمْ
ثَوْبًا أَوْ وَضَعَهُ ، فَلْيَقُلْ : بِسْمِ اللَّهِ ، فَإِنَّ اسْمَ اللَّهِ تَعَالَى طَابَعٌ. " [1380]

Riwayat Ṣafwān Bin Sulaym ini direkodkan oleh al-Suyūṭī[1381] dan Abū al-Syaykh al-Aṣbahānī[1382]. Riwayat ini tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Riwayat ini adalah bukan hadith Rasulullah SAW kerana tidak *marfu'* kepada Rasulullah SAW. Riwayat ini adalah kata-kata Ṣafwān Bin Sulaym yang merupakan tabi'in. Menurut pandangan sebahagian besar ulama seperti al-Wāqidiy, Abū Ḥisan al-Ziyād dan lain-lain, beliau ini meninggal pada tahun 132 hijrah[1383].

**Hukum Hadith**

Riwayat ini bukan hadith Rasulullah SAW sebagaimana yang didakwa oleh pengarang buku. Riwayat ini adalah *qawl al-Tābi'īn* (kata-kata tabi'in) ataupun hadith *maqtu'* yang tidak boleh dijadikan hujah.

---

**<u>Hadith 152</u>**

> Huraian Nabi Muhammad SAW di bawah ini yang bermaksud : "Janganlah engkau berkata "celaka syaitan". Sesungguhnya bila engkau katakana "celaka syaitan", bertambah bearlah ia lalu berkata "akan ku binasakan dia dengan segala kekuatanku", dan bila engkau mengucapkan "Bismillah", akan mengecil syaitan itu sampai menjadi seperti seekor lalat.[1384]"

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ عَاصِمٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا تَمِيمَةَ يُحَدِّثُ عَنْ رَدِيفِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ شُعْبَةُ قَالَ عَاصِمٌ عَنْ أَبِي تَمِيمَةَ عَنْ رَجُلٍ عَنْ رَدِيفِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ عَثَرَ بِالنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِمَارُهُ فَقُلْتُ تَعِسَ

---

[1380] Lafaz ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Abū al-Syaykh al-Aṣbaḥānī di dalam kitabnya *al-'Azmah*.
[1381] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 1: 46.
[1382]Abī al-Syaykh al-Aṣbaḥānī, Abī Muḥammad 'Abdullāh Bin Muḥammad Bin Ja'far Bin Ḥayyān, *Kitāb al-'Azmah*, tahqiq Riḍā' Allah Bin Muḥammad Idrīs al-Mubārakfūrī (Riyāḍ : Dār al-'Āṣimah, t.t.), 5: 1670 (no. hadith 1111).
[1383] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 13: 190.
[1384] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

الشَّيْطَانُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَقُلْ تَعِسَ الشَّيْطَانُ فَإِنَّكَ إِذَا قُلْتَ تَعِسَ الشَّيْطَانُ تَعَاظَمَ وَقَالَ بِقُوَّتِي صَرَعْتُهُ وَإِذَا قُلْتَ بِسْمِ اللَّهِ تَصَاغَرَ حَتَّى يَصِيرَ مِثْلَ الذُّبَابِ[1385]

Pengarang buku ini menukilkan maksud hadith sahaja. Hadith riwayat *Radif*[1386] *al-Nabi* ini direkodkan oleh Abū Dāwūd[1387], Aḥmad[1388], al-Ḥākim[1389], al-Ṭabrānī[1390], al-Bayhaqī[1391], 'Abd al-Razzāq[1392], al-Nasā'ī[1393], al-Ṭaḥāwī[1394] dan al-Haythamī[1395].

Al-Haythamī menyatakan hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī ini, kesemua perawinya adalah *ṣaḥīḥ* kecuali Muḥammad Bin Humran yang merupakan seorang *thiqah* (dipercayai). Dr. 'Abd al-'Alī di dalam tahqiqnya menyatakan bahawa semua perawi hadith yang direkodkan al-Bayhaqī ini adalah *thiqah* (dipercayai) dan hadith ini *ṣaḥīḥ*.[1396]. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ*.[1397]

**Hukum Hadith**

Hadith ini berstatus *ṣaḥīḥ* kerana semua perawinya adalah *thiqah* sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Haythamī ḍān Dr. 'Abd al-'Alī.

---

**<u>Hadith 153</u>**

Maksud hadith : “ ومن ذكرها كثيرا في أي حاجة خصوصا في جلب الرزق رزقه الله تعالى باليسر من حيث لا يحتسب ويرزقه الهيبة في قلوب الناس وعند العوالم العلوى والسفلى. “ Dan barangsiapa menyebutkannya banyak di dalam suatu maksud, khusus untuk mendatangkan rezeki, nescaya diberi

---

1385 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yag direkodkan oleh Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya.
1386 Radif bermaksud "الراكب خلفقائدالدابة" iaitu penunggang yang berada di belakang penunggang utama.
1387 Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 443 (Kitāb al-Ādāb, no. hadith 4982).
1388 Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 15: 257 (no. hadith 20469).
1389 Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 4: 430 (Kitāb al-Adāb, no. hadith 7873).
1390 Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 1: 194 (no. hadith 516).
1391 Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 7: 161 (no. hadith 4819).
1392 Al-Ṣan'āniy, *al-Muṣannaf*, 11: 424 (Kitāb al-Jāmi', no. hadith 20899).
1393 Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 9: 205 (Kitāb 'Amal al-Yawm Wa al-Laylah, no. hadith 10312).
1394 Al-Ṭaḥāwī, *Syarḥ Ma'ānī al-Āthār*, 1: 343 (no. hadith 368).
1395 Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 10: 186 (Kitāb al-Adhkār, no. hadith 17100).
1396 Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 7: 161 (no. hadith 4819).
1397 Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 3: 211 (Kitāb al-Adāb, no. hadith 3128).



Universiti Malaya

rezeki oleh Allah dengan mudah tidak diduga-duga. Dan diberi kurnia kehebatan di hati manusia, dan disisi alam yang tinggi (malaikat) dan alam yang rendah (manusia, haiwan dan lain-lain).[1398]

### *Takhrij* Hadith

"وَمَنْ ذَكَرَهَا كَثِيْرًا فِي أَيِّ حَاجَةٍ خُصُوصًا فِي جَلْبِ الْأَرْزَاقِ رَزَقَهُ اللهُ تَعَالَى بِالْيُسْرِ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَيَرْزُقْهُ الْهَيْبَةَ فِي قُلُوبِ النَّاسِ وَعِنْدَ الْعَوَالِمِ الْعُلْوَى وَالسُّفْلَى".[1399]

Riwayat ini tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith yang mu'tabar dan kitab-kitab tafsir. Riwayat ini ditemui di dalam kitab *Khazīnah al-Asrār* [1400] dan kitab *Khaṣā'is Wa Asrār Wa Tafsīr BismiLlāh al-Raḥmān al-Raḥīm* [1401].

### Hukum Hadith

Riwayat ini adalah kata-kata al-Sayyid Muḥammad Haqqī al-Nāzilī di dalam kitabnya *Khazīnah al-Asrār*. Adalah satu kesilapan yang jelas sekiranya riwayat ini disandarkan kepada Rasulullah SAW. Riwayat ini tidak direkodkan di dalam mana-mana kitab hadith mu'tabar dan tiada sanad yang disandarkan kepada riwayat ini. Pengkaji berpandangan riwayat ini adalah *lā aṣl lah* (tiada asal baginya).

---

## Hadith 154

Sabda Rasulullah SAW: " بسم الله الرحمن الرحيم فاتحة كل الكتاب " "Bismi 'I-Lahi 'r-Rahmani 'r-Rahim adalah pembuka setiap kitab."[1402]

### *Takhrij* Hadith

أَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ الْبَرْذَعِيُّ ، أَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ عُرْوَةَ ، حَدَّثَنِي خَالِي إِبْرَاهِيمُ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ إِسْحَاقَ ، نَا عَلِيُّ بْنُ الْعَبَّاسِ ، نَا عَبَّادُ بْنُ يَعْقُوبَ ، نَا عُمَرُ بْنُ

---

[1398] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1399] Lafaz riwayat ini adalah sebagaimana yang direkodkan oleh al-Sayyid Muhammad Ḥaqqī al-Nāzilī di dalam kitabnya *Khazīnah al-Asrār.*

[1400] Al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī, *Khazīnah al-Asrār*, 105.

[1401] Muḥammad al-Huwaydī, *Khaṣā'iṣ Wa Asrār Wa Tafsīr Bismillāh al-Raḥmān al-Raḥīm*, 113.

[1402] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Universiti Malaya

مُصْعَبٍ ، عَنْ فُرَاتِ بْنِ أَحْنَفَ ، عَنْ أَبِي جَعْفَرٍ مُحَمَّدُ بْنُ عَلِيٍّ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ مِفْتَاحُ كُلِّ كِتَابٍ[1403] . "

Hadith 'Alī ini direkodkan oleh al-Hindī[1404] dan al-Suyūṭī[1405] Al-Suyūṭī menukilkan hadith ini di dalam kitab tafsirnya dengan menyatakan hadith ini dikeluarkan oleh al-Ḥāfiẓ Abū Bakr al-Khaṭīb al-Baghdādī di dalam kitab "*al-Jāmi'*"[1406] daripada Abī Ja'far Muḥammad Bin 'Alī. Akan tetapi riwayat yang direkodkan oleh al-Suyūṭī ini menggunakan lafaz "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ مِفْتَاحُ كُلِّ كِتَابٍ". Al-Suyūṭī di dalam kitabnya *Jāmi' al-Aḥādīth* menyatakan bahawa hadith ini diriwayatkan oleh Abī Ja'afar secara *mu'ḍal*.

Al-Albānī menyatakan hadith ini *ḍa'īf jiddan* (tersangat lemah)[1407]. Beliau merekodkan di dalam kitabnya *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah* bahawa hadith ini dinukilkan oleh al-Khaṭīb di dalam kitabnya *al-Jāmi'* daripada 'Alī Bin al-'Abbās *thanā* 'Ubbād Bin Ya'qūb *thanā* 'Umar Bin Muṣ'ab daripada Furāt bin Aḥnaf daripada Abī Ja'far Muḥammad Bin 'Alī. Sanad hadith ini adalah tersangat lemah kerana dihubungkan rantaian sanadnya dengan perawi-perawi yang lemah[1408] dan banyak *illah* serta keadaannya yang *mursal* atau *mu'ḍal* yang gugur di dalam sanadnya sekurang-

[1403] Lafaz hadith ini adalah sebagaimana riwayat yang direkodkan oleh al-Khaṭīb di dalam kitabnya *al-Jāmi' Li Akhlāq al-Rāwī Wa Adāb al-Sāmi'.*
[1404] Al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 1: 555 (Kitāb al-Adhkār, no. hadith 2490).
[1405] Al-Suyūṭī, *Jāmi' al-Aḥādīth al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Zawā'iduhu Wa al-Jāmi' al-Kabīr,* 4: 16 (no. hadith 9924). Lihat juga al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 1: 47.
[1406] Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *al-Jāmi' Li Akhlāq al-Rāwī Wa Adāb al-Sāmi'*, tahqiq Dr, Maḥmūd al-Ṭaḥḥān (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1983), 1: 264 (no. hadith 549).
[1407] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 343 (no. hadith 2332).
[1408] Furāt Bin Aḥnaf direkodkan oleh al-Dhahabī di dalam "*al-Ḍu'afā' Wa al-Matrūkīn*" dan di*da'if*kan oleh al-Nasā'ī dan lainnya, 'Umar Bin Mus'ab juga direkodkan oleh al-Dhahabī di dalam "*al-Du'afa'*, 'Ubbad Bin Ya'qub pula direkodkan oleh al-Dhahabi di dalam "al-Mīzān" bahawa beliau adalah di antara pelampau syi'ah, ketua ahli bid'ah akan tetapi beliau ini adalah *ṣadūq* di dalam hadith dan al-Bukhārī mengambil hadith daripadanya manakala 'Alī bin al-'Abbās pula tidak dikenali. Lihat Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 4: 226 (no. hadith 1741).



Universiti Malaya

kurangnya seorang sahabat dan tabi'in[1409]. 'Alī Hasan 'Alī al-Ḥalabī menyatakan bahawa hadith ini adalah *ḍa'īf*[1410].

**Hukum Hadith**

Hadith ini berstatus *ḍa'īf jiddan (bersangatan lemah)* kerana sanadnya yang lemah dan banyak *illah* serta *mursal* atau *mu'ḍal.*

---

## Hadith 155

> Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmidzi dari Nabi SAW :
>
> " اذا اكل احدكم فليذكر اسم الله. فان نسي ان يذكر اسم الله في اوله فليقل : بسم الله اوله وآخره."
>
> Apabila salah seorang di antara mu makan, maka hendaklah menyebut nama Allah . Lalu jika ia lupa menyebut nama Allah pada permulaannya, maka hendaklah ia mengucapkan "Bismi 'I-Lahi awwalahu wa akhirahu (Dengan meneybut nama Allah pada permulaan dan akhirnya)."[1411]

### *Takhrij* Hadith

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدُ بْنُ أَبَانَ حَدَّثَنَا وَكِيعٌ حَدَّثَنَا هِشَامٌ الدَّسْتُوَائِيُّ عَنْ بُدَيْلِ بْنِ مَيْسَرَةَ الْعُقَيْلِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُبَيْدِ بْنِ عُمَيْرٍ عَنْ أُمِّ كُلْثُومٍ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ طَعَامًا فَلْيَقُلْ بِسْمِ اللَّهِ فَإِنْ نَسِيَ فِي أَوَّلِهِ فَلْيَقُلْ بِسْمِ اللَّهِ فِي أَوَّلِهِ وَآخِرِهِ** وَبِهَذَا الْإِسْنَادِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْكُلُ طَعَامًا فِي سِتَّةٍ مِنْ أَصْحَابِهِ فَجَاءَ أَعْرَابِيٌّ فَأَكَلَهُ بِلُقْمَتَيْنِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَا إِنَّهُ لَوْ سَمَّى لَكَفَاكُمْ قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ وَأُمُّ كُلْثُومٍ هِيَ بِنْتُ مُحَمَّدِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ[1412]

---

[1409] Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 4: 226 (no. hadith 1741).

[1410] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 3: 410 (no. hadith 7589).

[1411] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1412] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tirmidhī di dalam *Sunan*nya.

Universiti Malaya

Hadith 'Ā'isyah r.a. ini direkodkan oleh Abū Dāwūd[1413], al-Tirmidhī[1414], Ibn Mājah[1415], Aḥmad[1416] dan al-Ḥākim[1417]. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ* [1418].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana al-Tirmidhī berpandangan sedemikian dan juga diakui oleh al-Albani.

---

**<u>Hadith 156</u>**

Dalam hadith riwayat Muslim diterangkan : " ان الشيطان يستحل الطعام الذي لا يذكر اسم الله عليه. Sesungguhnya syaitan menganggap halal makanan yang tidak disebutkan nama Allah padanya."[1419]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَأَبُو كُرَيْبٍ قَالَا حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ خَيْثَمَةَ عَنْ أَبِي حُذَيْفَةَ عَنْ حُذَيْفَةَ قَالَ كُنَّا إِذَا حَضَرْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَعَامًا لَمْ نَضَعْ أَيْدِيَنَا حَتَّى يَبْدَأَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَضَعَ يَدَهُ وَإِنَّا حَضَرْنَا مَعَهُ مَرَّةً طَعَامًا فَجَاءَتْ جَارِيَةٌ كَأَنَّهَا تُدْفَعُ فَذَهَبَتْ لِتَضَعَ يَدَهَا فِي الطَّعَامِ فَأَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهَا ثُمَّ جَاءَ أَعْرَابِيٌّ كَأَنَّمَا يُدْفَعُ فَأَخَذَ بِيَدِهِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **<u>إِنَّ الشَّيْطَانَ يَسْتَحِلُّ الطَّعَامَ أَنْ لَا يُذْكَرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ</u>** وَإِنَّهُ جَاءَ بِهَذِهِ الْجَارِيَةِ لِيَسْتَحِلَّ بِهَا فَأَخَذْتُ بِيَدِهَا فَجَاءَ بِهَذَا الْأَعْرَابِيِّ لِيَسْتَحِلَّ بِهِ فَأَخَذْتُ بِيَدِهِ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ إِنَّ يَدَهُ فِي يَدِي مَعَ يَدِهَا و حَدَّثَنَاه إِسْحَقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الْحَنْظَلِيُّ أَخْبَرَنَا عِيسَى بْنُ يُونُسَ أَخْبَرَنَا الْأَعْمَشُ عَنْ خَيْثَمَةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِي حُذَيْفَةَ الْأَرْحَبِيِّ عَنْ حُذَيْفَةَ بْنِ الْيَمَانِ قَالَ كُنَّا إِذَا دُعِينَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى طَعَامٍ فَذَكَرَ بِمَعْنَى حَدِيثِ أَبِي مُعَاوِيَةَ وَقَالَ كَأَنَّمَا يُطْرَدُ وَفِي الْجَارِيَةِ كَأَنَّمَا تُطْرَدُ وَقَدَّمَ مَجِيءَ الْأَعْرَابِيِّ فِي حَدِيثِهِ قَبْلَ مَجِيءِ الْجَارِيَةِ وَزَادَ فِي

---

1413 Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 678 (Kitāb al-Aṭ'imah, no. hadith 3767).
1414 Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 427 (Kitāb al-Aṭ'imah, no. hadith 1858).
1415 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 550 (Kitāb al-Aṭ'imah, no. hadith 3264).
1416 Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 18: 40 (no. hadith 25609).
1417 Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 4: 209 (Kitāb al-Aṭ'imah, no. hadith 7166).
1418 Al-Albānī, *Irwā' al-Ghalīl Fī Takhrīj Aḥādīth Manār al-Sabīl*, 7: 22 (no. hadith 1965).
1419 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Universiti Malaya

آخِرِ الْحَدِيثِ ثُمَّ ذَكَرَ اسْمَ اللَّهِ وَأَكَلَ و حَدَّثَنِيهِ أَبُو بَكْرِ بْنُ نَافِعٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ
حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ الْأَعْمَشِ بِهَذَا الْإِسْنَادِ وَقَدَّمَ مَجِيءَ الْجَارِيَةِ قَبْلَ مَجِيءِ الْأَعْرَابِيِّ[1420]

Penulis buku ini hanya menukilkan sebahagian pendek daripada matan hadith yang agak panjang. Hadith Ḥuzayfah al-Yamānī r.a. ini direkodkan oleh Muslim[1421], Abū Dāwūd[1422], al-Nasā'ī[1423], Aḥmad[1424], al-Ḥākim[1425], al-Bayhaqī[1426] dan al-Ṭaḥāwī[1427]. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ*[1428]. Ḥamzah Aḥmad al-Zayn pula menyatakan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini *ṣaḥīḥ* sebagaimana pandangan al-Albānī dan Ḥamzah Aḥmad al-Zayn.

---

**<u>Hadith 157</u>**

وروي في تفسير الكبير عن ابي هريرة رضي الله عنه قال : يا ابا هريرة اذا توضأت فقل بسم الله الرحمن الرحيم فان حفظتك لا تستريح ان تكتب كل الحسنات حتى تفرغ واذا غشيت اهلك فقل بسم الله فان حفظتك يكتبون لك الحسنات حتى تغتسل من الجنابة فان حصل لك من تلك الواقعة ولدا كتبت لك الحسنات بعدد انفاس ذلك الولد بعدد اعقابه ان كان له عقب حتى لا يبقى منهم احد. “riwayat di dalam Tafsir al-Kabir dari Abu Hurairah r.a. Nabi bersabda : Apabila engkau berwudhuk ucapkanlah Bismillaahirrohmaanirrohim, kerana malaikat penjagamu tidak berhenti menuliskan kebajikan sehingga engkau selesai. Dan apabila engkau bersebadan pada isterimu ucapkanlah Bismillah kerana sesungguhnya malaikat penjagamu menuliskan kebajikan kepadamu sampai selesai engkau mandi junub. Jika berhasil dari persetubuhan itu anak akan dituliskan bagimu kebijaksanaan

---

1420 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Imam Muslim di dalam kitab *Sahih*nya.
1421 Muslim, *Sahih Muslim,* 3: 1597 (Kitāb al-Asyribah, no. hadith 6017).
1422 Lihat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 678 (Kitāb al-Aṭ'imah, no. hadith 3766).
1423 Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 6: 261 (Kitāb al-Walimah, no. hadith 6721).
1424 Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 16: 567 (no. hadith 23142).
1425 Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 4: 209 (Kitāb al-Aṭ'imah, no. hadith 7167).
1426 Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 8: 22 (Kitāb al-Matā' Wa al-Masyārib Wamā Yajib al-Tawarru' 'Anhu, no. hadith 5444).
1427 Lihat al-Ṭaḥāwī, *Syarḥ Ma'ānī al-Āthār*, 3: 111 (no. hadith 1077).
1428 *Ibid.* Lihat juga Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 2: 490 (Kitab al-Ṭa'ām, no. hadith 2109).



Universiti Malaya

sebilangan nafasnya dan sejumlah anak cucunya. Jika ia mempunyai cucu sampai tidak yang tinggal seorang dari mereka.[1429]

***Takhrij* Hadith**

وَأَنْبَأَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي طَاهِرٍ ، أَنْبَأَنَا أَبُو الْحُسَيْنِ بْنُ الْمُهْتَدِي حَدَّثَنَا أَبُو الْقَاسِمِ عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرِو بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ الْمُنْتَابِ حَدَّثَنَا أَبُو عَمْرٍو عُثْمَانُ بْنُ أَحْمَدَ الدَّقَّاقُ ، حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدُ بْنُ السَّرِيِّ الصَّيْرَفِيُّ ، حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عِيسَى الْعَطَّارُ ، حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ عَمْرٍو ، عَنِ الْفُضَيْلِ بْنِ غَالِبٍ ، عَنْ مَسْلَمَةَ بْنِ عَمْرٍو فِي نُسْخَةِ مَسْلَمَةَ ، عَنْ عُمَرَ بْنِ سُلَيْمَانَ ، عَنْ مَكْحُولٍ الشَّامِيِّ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " يَا أَبَا هُرَيْرَةَ ، إِذَا تَوَضَّأْتَ فَقُلْ : بِسْمِ اللَّهِ ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ ، فَإِنْ حَفَظَتَكَ لا تَسْتَرِيحُ تَكْتُبُ لَكَ حَسَنَاتٍ حَتَّى تَفْرُغَ مِنَ ذَلِكَ الْوُضُوءِ . يَا أَبَا هُرَيْرَةَ ، إِذَا أَكَلْتَ طَعَامًا فَقُلْ : بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ . فَإِنَّ حَفَظَتَكَ لا تَسْتَرِيحُ ، تَكْتُبُ لَكَ حَسَنَاتٍ حَتَّى تَنْبُذُهُ عَنْكَ . يَا أَبَا هُرَيْرَةَ ، إِذَا غَشَيْتَ أَهْلَكَ وَمَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ فَقُلْ : بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ . فَإِنَّ حَفَظَتَكَ لا تَسْتَرِيحُ ، تَكْتُبُ لَكَ حَسَنَاتٍ حَتَّى تَغْتَسِلَ مِنَ الْجَنَابَةِ ، فَإِذَا اغْتَسَلْتَ مِنَ الْجَنَابَةِ غُفِرَ لَكَ ذُنُوبَكَ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ ، فَإِنْ كَانَ لَكَ مِنْ تِلْكَ الْوَقْعَةِ وَلَدٌ كُتِبَ لَكَ حَسَنَاتٍ بِعَدَدِ نَفَسِ ذَلِكَ الْوَلَدِ وَعَقِبِهِ حَتَّى لا يَبْقَى مِنْهُ شَيْءٌ . يَا أَبَا هُرَيْرَةَ ، إِذَا رَكِبْتَ دَابَّةً فَقُلْ : بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ ، تَكُنْ مِنَ الْعَابِدِينَ حَتَّى تَنْزِلَ ، مِنْ ظَهْرِهَا . يَا أَبَا هُرَيْرَةَ ، إِذَا رَكِبْتَ السَّفِينَةَ فَقُلْ : بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ ، تُكْتَبُ مِنَ الْعَابِدِينَ حَتَّى تَخْرُجَ مِنْهَا . يَا أَبَا هُرَيْرَةَ ، إِذَا لَبِسْتَ ثَوْبًا فَقُلْ : بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ ، يُكْتَبُ لَكَ عَشْرُ حَسَنَاتٍ بِعَدَدِ كُلِّ سِلْكٍ فِيهِ "[1430]

Hadith ini tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Pengarang buku mengambil riwayat ini daripada tafsir al-Rāzī. Hadith Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Rāzī[1431], al-Naysābūrī[1432] dan Ibn al-Jawzī[1433]. Ibn al-Jawzī menyatakan hadith ini tiada asal baginya. Di dalam jalur sanadnya terdapat ramai perawi yang tidak dikenali (*majāhil*). Antara perawi yang dikenali ialah Ḥammād Bin 'Amrū yang

Universiti Malaya

---

[1429] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1430] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn al-Jawzī di dalam kitabnya *al-Mawḍū'āt*.

[1431] Al-Rāzī, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, 1: 177.

[1432] Al-Naysābūrī, *Tafsīr Gharā'ib al-Qur'ān Wa Raghā'ib al-Furqān*, 1: 821.

[1433] Ibn al-Jawzī, *al-Mawḍū'āt*, 3: 186.

dinyatakan oleh Yaḥyā sebagai berdusta dan mencipta hadith palsu. Ibn Ḥibbān pula menyatakan Ḥammād ini mencipta hadith palsu[1434] ke atas perawi yang *thiqah* (dipercayai). Al-Juzjānī menyatakan Ḥammād ini adalah *yakdhib* (berdusta)[1435]. Al-Nasā'ī pula menyatakannya *matrūk al-ḥāḍīth*[1436].

**Hukum Hadith**

Hadith ini berstatus *mawḍū'* kerana terdapat perawi yang dinyatakan berdusta**.**

---

**Hadith 158**

وروي عن النبي صلى الله عليه وسلم ما من أحد يقصد دخول البيت الا ويتبعه الشيطان فان دخل البيت فقال بسم الله الرحمن الرحيم. يقول الشيطان لا مدخل لي في هذا البيت واذا قدم اليه الطعام فقال بسم الله الرحمن الرحيم. يقول الشيطان لا طعام لي ههنا واذا قدم اليه الشراب وقال بسم الله الرحمن الرحيم. يقول الشيطان لا شراب لي ههنا واذا اضطجع وقل بسم الله الرحمن الرحيم. يقول الشيطان لا مضجع لي ههنا . واذا ترك التسمية عند الدخول دخل معه الشيطان, واذا ترك عند الأكل يأكل معه الشيطان واذا شرب يضع فمه أولا على الكوز واذا أراد أن يجامع ولم يسم جامع الشيطان ويكون بعض المولود بسبب اختلاط مائة زنيما وبعضه أعمى وبعضه اعور وبعضه اعرج وبعضه فاسق وبعضه كافر زغير ذلك ففي مثل هذا. قال الله تعالى وشاركهم في الأموال والأولاد.

" keterangan dari Nabi SAW : Tidak seorang daripada kamu bermaksud akan masuk ke rumah kecuali syaitan akan ikut masuk sertanya. Akan tetapi apabila ia masuk ke rumah dan mengucapkan Bismillaahirrohmaanirrohiim berkatalah sayaitan, tidak ada tempat masuk untukku di rumah ini. Apabila ia menghadapi makan, ia mengucapkan Bismillaahirrohmaanirrohiim, berkata syaitan tidak ada makanan untukku di sini. Apabila ia menghadapi minuman, ia mengucapkan Bismillaahirrohmaanirrohiim, berkata syaitan tidak ada minuman untukku di sini. Dan apabila ia mahu tidur ia mengucapkan Bismillah, syaitan berkata tidak ada tempat tidur bagiku di sini. Dan apabila ia meninggalkan Bismillah ketika masuk lalu masuklah syaitan turut sertanya. Apabila ia meninggalkan ketika makan, lalu syaitan turut makan sertanya, apabila dia mahu minum syaitan lebih dahulu menempelkan bibirnya digelas.[1437]

---

1434 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 3: 275.
1435 *Ibid.*, 3: 274.
1436 *Ibid.*
1437 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber  ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



University of Malaya

**_Takhrij_ Hadith**

وَرُوِيَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا مِنْ أَحَدٍ يَقْصُدُ دُخُوْلَ الْبَيْتِ اِلَّا وَيَتَّبِعُهُ الشَّيْطَانُ فَاِنْ دَخَلَ الْبَيْتَ فَقَالَ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. يَقُولُ الشَّيْطَانُ لَا مَدْخَلَ لِي فِيَ هَذَا الْبَيْتِ وَاِذَا قَدِمَ اِلَيْهِ الطَّعَامُ فَقَالَ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. يَقُولُ الشَّيْطَانُ لَا طَعَامَ لِي هُنَا وَاِذَا قَدِمَ الشَّرَابُ وَقَالَ بِسْمِ اللهِ يَقُولُ الشَّيْطَانُ لَا شَرَابَ لِي هُنَا وَاِذَا اضْطَجَعَ وَقُلِ بِسْمِ اللهِ يَقُولُ الشَّيْطَانُ لَا مَضْجَعَ لِي هُنَا . وَاِذَا تَرَكَ التَّسْمِيَّةَ عِنْدَ الدُّخُولِ دَخَلَ مَعَهُ الشَّيْطَانُ, وَاِذَا تَرَكَ عِنْدَ الْأَكْلِ يَأْكُلُ مَعَهُ الشَّيْطَانُ وَاِذَا شَرِبَ يَضَعُ الشَّيْطَانُ فَمَهُ أَوَّلَا عَلَى الْكَوْزِ وَاِذَا أَرَادَ أَنْ يُجَامِعَ وَلَمْ يَسَمِّ جَامَعَ الشَّيْطَانُ مَعَهُ وَيَكُونُ بَعْدَ الْمَوْلُودِ بِسَبَبِ اخْتِلَاطِ مِائَةِ زَنِيمًا وَبَعْضُهُ أَعْمَى وَبَعْضُهُ اَعْوَرٌ وَبَعْضُهُ اَعْرَجٌ وَبَعْضُهُ فَاسِقٌ وَبَعْضُهُ كَافِرٌ وَغَيْرُ ذَلِكَ فَفِي مِثْلِ هَذَا. قَالَ اللهُ تَعَالَى وَشَارِكْهُمْ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ.[1438]

Riwayat ini tidak ditemui daripada kitab-kitab hadith yang mu'tabar dan kitab-kitab tafsir. Riwayat ini ditemui di dalam kitab *Khazīnah al-Asrār* [1439] tanpa sanad dan kitab *Khaṣā'is Wa Asrār Wa Tafsīr BismiLlāh al-Raḥmān al-Raḥīm* [1440].

**Hukum Hadith**

Riwayat ini disandarkan kepada Rasulullah SAW tanpa sanad. Pengkaji tidak dapat menyatakan status sanad kerana tidak ditemui. Pengkaji berpandangan riwayat hadith ini menghampiri tiada asal baginya (*la aṣl lah*).

---

**<u>Hadith 159</u>**

Maksud Hadith : " عن ابن عباس رضي الله عنهما انه قال النبي صلى الله عليه وسلم لو ان احدهم اذا أراد أن يأتي أهله وقال بسم الله اللهم جنبنا الشيطان وجنب الشيطان ما رزقتنا فانه ان يقدر بينهما ولد في ذلك لم يضره الشيطان أبدا. " Dari Ibnu Abbas . Ia berkata , Rasulullah SAW bersabda : Jika seorang daripada kamu apabila akan bersetubuh pada isteri serta mengucapkan Bismillah. Ya Tuhan, jauhkan syaitan itu dari kami dan jauhkan

---

[1438] Lafaz riwayat ini adalah sebagaimana yang direkodkan oleh al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī di dalam kitabnya *Khazīnah al-Asrār.*

[1439] Al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī, *Khazīnah al-Asrār*, 104.

[1440] Muḥammad al-Huwaydī, *Khaṣā'iṣ Wa Asrār Wa Tafsīr Bismillāh al-Raḥmān al-Raḥīm*, 112.



Universiti Malaya

syaitan itu dari apa yang Engkau kurniakan kepada kami. Maka jika sesungguhnya jika Tuhan takdirkan dari jimak itu, menjadi anak yang tidak akan dapat diberi mudharat selamanya.[1441]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ سَالِمٍ عَنْ كُرَيْبٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَوْ أَنَّ أَحَدَهُمْ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَأْتِيَ أَهْلَهُ قَالَ بِاسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبْ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا فَإِنَّهُ إِنْ يُقَدَّرْ بَيْنَهُمَا وَلَدٌ فِي ذَلِكَ لَمْ يَضُرَّهُ شَيْطَانٌ أَبَدًا[1442]

Hadith Ibn 'Abbās ini direkodkan oleh al-Bukhārī[1443], Muslim[1444], Abū Dāwūd[1445], al-Tirmidhī[1446], al-Dārimī, 'Abd al-Razzāq[1447] dan Ibn Abī Syaybah[1448].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh al-Bukhārī ḍān Muslim.

---

**Hadith 160**

Ikutilah hadith berikut ini : " لما نزل بسم الله الرحمن الرحيم هرب الغيم الى الشرق وسكنت الرياح وهاج البحر واصغت البهائم بآذانها ورجمت الشيطان من السماء. " Pada saat turun Bismillaahirrohmaanirrohiim, awan di sapu ke sebelah timur, angin menjadi tenang, laut beralun, binatang-binatang memasang cuping mendengarkan dan direjam syaitan dari langit."

***Takhrij* Hadith**

وَرَوَى بِإِسْنَادِهِ عَنْ عَبْدِ الْكَبِيرِ بْنِ الْمُعَافَى بْنِ عِمْرَانَ ، عَنْ أَبِيهِ ، عَنْ عُمَرَ بْنِ ذَرٍّ ، عَنْ عَطَاءِ بْنِ أَبِي رَبَاحٍ ، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ ، قَالَ : لَمَّا نَزَلَ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ هَرَبَ الْغَيْمُ إِلَى الْمَشْرِقِ ، وَسَكَنَتِ الرِّيَاحُ ، وَهَاجَ الْبَحْرُ ، وَأَصْغَتِ الْبَهَائِمُ

[1441] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1442] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari di dalam *Sahih*nya.
[1443] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 4: 169 (Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 6388).
[1444] Muslim, *Sahih Muslim,* 2: 1058 (Kitāb al-Nikāh, no. hadith 1434).
[1445] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 375 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 2161).
[1446] Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 258 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 1092).
[1447] Al-Ṣan'āniy, *al-Muṣannaf*, 6: 193 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 10465).
[1448] Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 6: 239 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 17320).



Universiti Malaya

بِآذَانِهَا ، وَرُجِمَتِ الشَّيَاطِينُ مِنَ السَّمَاءِ ، وَحَلَفَ اللَّهُ تَعَالَى بِعِزَّتِهِ وَجَلَالِهِ أَلَّا يُسَمَّى اسْمُهُ عَلَى شَيْءٍ إِلَّا بَارَكَ فِيهِ .[1449]

Riwayat ini tidak direkodkan di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar kecuali di dalam kitab-kitab tafsir dan lain-lain. Melalui rantaian sanad yang dinyatakan di atas, pengkaji mendapati riwayat ini tidak *marfū'* kepada Rasulullah SAW dan hanya terhenti pada Jābir Bin 'AbdiLlāh r.a. yang merupakan seorang sahabat. Riwayat Jabir Bin 'AbdiLlah ini direkodkan oleh al-Suyūṭī[1450], Ibn Kathīr[1451] dan al-Syawkānī[1452]. Al-Suyūṭī juga ada merekodkan riwayat ini di dalam muqaddimah kitabnya *Tadrīb al-Rāwī*[1453]. Ibn Kathīr menyatakan Ibn Mardūyah meriwayatkan riwayat ini dengan sanadnya daripada 'Abd al-Kabīr Bin al-Ma'āfī Bin 'Imrān daripada bapanya daripada 'Umar Bin Dharr daripada 'Aṭā' Bin Abī Rabāḥ daripada Jābir Bin 'AbdiLlāh r.a tanpa menghubungkan secara terus kepada Rasulullah SAW dan Dr 'Abd al-Raḥmān 'Umayrah menyatakan kesemua perawi di dalam jalur sanad yang terdapat di dalam riwayat yang direkodkan oleh Ibn Kathīr adalah *thiqah* (dipercayai).

**Hukum Hadith**

Hadith yang direkodkan melalui riwayat Jabir Bin 'AbdiLlah r.a. ini adalah hadith *mawqūf* kerana tidak *marfu'* kepada Rasulullah SAW. Walaupun *mawqūf*, kesemua perawinya dinyatakan *thiqah* (dipercayai) oleh Dr 'Abd al-Raḥman 'Umayrah (pentahqiq *Fatḥ al-Qadīr*). Pengkaji berpandangan hadith *mawqūf* ini sanadnya adalah baik kerana kesemua perawinya adalah thiqah. Walaupun demikian, ianya tidak boleh dijadikan hujah[1454] kerana hadith ini adalah berstatus hadith *mawqūf*.

---

1449 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Kathīr di dalam Kitab tafsirnya.
1450 Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 1: 44.
1451 Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 185.
1452 Al-Syawkānī, *Fatḥ al-Qadīr*, 1: 82.
1453 Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *Tadrīb al-Rāwī Fī Syarḥ Taqrīb al-Nawāwī*, tahqiq Abū 'Abd al-Raḥmān Ṣalāḥ Bin Muḥammad Bin 'Uwayḍah (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996), 21.
1454 Dr Maḥmūd al-Ṭaḥḥān menyatakan bahawa *hadīth mawqūf* ini sebagaimana yang diketahui ada yang statusnya *sahih*, *hasan* dan *da'if*. Menurut hukum asalnya, *hadīth mawqūf* ini tidak boleh dijadikan hujjah kerana ianya merupakan kata-kata dan perbuatan sahabat dan sekiranya ianya berstatus *sahih* sekalipun,

## Hadith 161

Kemudian diperjelas oleh Nabi Muhammad SAW sebagai berikut : " وحلف الله تعالى بعزته وجلاله الا يسمى اسمه على شيء الا بارك فيه. " Telah bersumpah Allah Ta'ala demi kekuasaan dan kemuliaan-Nya, tidaklah digunakan namaNya atas sesuatu kecuali Ia berikan berkat kepadanya."[1455]

***Takhrij* Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 160.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *mawqūf* kerana diriwayatkan oleh sahabat.

---

## Hadith 162

Ini jelas terlihat pada hadith berikut : " بسم الله الذي لا يضر مع اسمه شيء في الأرض ولا في السماء وهو السميع العليم. " Bismillah yang dengan Bismillah itu tidak ada sesuatu kemudharatan pun baik di bumi ataupun di langit, sesungguhnya Dia maha Mendengar dan Maha Mengetahui."[1456]

***Takhrij* Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 140.

**Hukum Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 140.

---

## Hadith 163

Perhatikan hadith berikut ini : " لا تقل تعش الشيطان فانك اذا قلت تعش الشيطان تعاظم وقال بقوّتي صرعته واذا قلت بسم الله تصاغر حتى يصير مثل

---

ianya hanya menjadi penguat kepada sebahagian hadith-hadith *da'if*. Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 133.

[1455] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa sanad dan matan dan tidak menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1456] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa sanad dan matan dan tidak menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

الذباب. " Janganlah engkau mengatakan 'celaka syaitan', sebab bila engkau mengatakan 'celaka syaitan', syaitan itu akan bertambah besar lantas berkata, "Dengan kekuatanku akan ku hancurkan dia". Tapi bila engkau mengatakan 'Bismillah', ia akan menjadi kecil demikian kecilnya hingga bila terlihat hanyalah sebesar lalat."[1457]

***Takhrij* Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 152.

**Hukum Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 152.

---

**Hadith 164**

Perhatikan hadith berikut ini : " كل أمر ذي بال لا يبدأ فيه ببسم الله الرحمن الرحيم فهو اقطع " Setiap pekerjaan atau urusan penting yang tidak dimulai dengan Bismillaahirrohmaanirrohiim, maka pekerjaan atau urusan itu banyak cacatnya."[1458]

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْقَطَّانُ ، قَالَ : حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عَمَّارٍ ، قَالَ : حَدَّثَنَا عَبْدُ الْحَمِيدِ بْنُ أَبِي الْعِشْرِينَ ، قَالَ : حَدَّثَنَا الأَوْزَاعِيُّ ، عَنْ قُرَّةَ ، عَنِ الزُّهْرِيِّ ، عَنْ أَبِي سَلَمَةَ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : كُلُّ أَمْرٍ ذِي بَالٍ لا يُبْدَأُ فِيهِ بِحَمْدِ اللَّهِ ، فَهُوَ أَقْطَعُ. "[1459]

Pengarang buku menukilkan hadith yang berlainan dengan riwayat yang sepatutnya direkodkan oleh Ibn Ḥibbān. Ibn Hibban merekodkan hadith ini dengan lafaz matan « كُلُّ أَمْرٍ ذِي بَالٍ لا يُبْدَأُ فِيهِ بِحَمْدِ اللَّهِ ، فَهُوَ أَقْطَعُ ». Pengkaji mendapati riwayat hadith ini direkodkan oleh Abū Dāwūd [1460], Ibn Mājah[1461], Ibn Ḥibbān[1462], al-Nasā'ī[1463],

---

[1457] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa sanad dan matan dan tidak menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1458] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1459] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Ḥibbān di dalam Kitab *Sahih*nya.

[1460] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 877 (Kitāb al-Ādāb, no. hadith 4840).



Universiti Malaya

al-Dāruquṭnī[1464], al-Bayhaqī[1465] dan al-Suyūṭī[1466]. Hadith Abū Hurayrah r.a. ini terdapat di dalam bentuk matan yang pelbagai. Ada diantaranya yang menggunakan kalimah "بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ", ada yang menggunakan kalimah "بِالْحَمْدِ لِلهِ", ada yang menggunakan kalimah "بِحَمْدِ اللهِ" , ada yang menggunakan kalimah "بِالْحَمْدِ فَهُوَ أَقْطَعُ" , ada yang menggunakan kalimah "كُلُّ كَلَامٍ لَا يُبْدَأُ فِيْهِ بِالْحَمْدِ لِلهِ فَهُوَ أَجْذَمُ"[1467] dan ada yang menggunakan kalimah "بِذِكْرِ اللهِ". Al-'Aẓīm Ābādī menyatakan hadith dengan kalimah " بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ " adalah berstatus *ḥasan*[1468] dan pandangan ini juga dipersetujui oleh Ibn al-Ṣalāḥ[1469]. Walaupun demikian, al-Albānī menyatakan bahawa hadith ini adalah *ḍa'īf*.[1470] Ini disebabkan ada perawi di dalam jalur sanad tertentu yang *ḍa'īf*. Antaranya ialah di dalam riwayat yang direkodkan oleh al-Subkī terdapat Ibn 'Imrān yang dikenali sebagai al-Jundī iaitu seorang yang *ḍa'īf* dan dikaitkan dengan *al-Tasyayyu'*. Manakala di dalam jalur sanad hadith yang direkodkan oleh al-Dāruquṭnī terdapat Qurrah yang meriwayatkan secara bersendirian. Pengkaji juga mendapati bahawa semua riwayat yang di ambil daripada Abū Hurayrah r.a. terdapat Qurrah ini. Al-Dāruquṭnī menyatakan beliau ini adalah *laysa bi al-Qawwiy Fī al-Ḥadīth* (tidak kuat di dalam hadith) [1471]. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ menyatakan Qurrah ini ialah Qurrah Bin 'Abd al-

Universiti Malaya

---

1461 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 330 (Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 1894).
1462 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 1: 173 (no. hadith 1).
1463 Al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 9: 184 (no. hadith 10255).
1464 Al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 1: 428 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 884).
1465 Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 6: 214 (no. hadith 4062).
1466 Al-Suyūṭī, *Jāmi' al-Aḥādīth al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Zawā'iduhu Wa al-Jāmi' al-Kabīr,* 6: 430 (no. hadith 15761).
1467 Nāṣir Bin Sa'ūd Bin 'Abdullāh , *al-Aḥādīth Wa al-Athār allati ḥakama 'alayhā al-Imām al-Nawāwī Fī Kutubihi* (Riyāḍ : Dār Aṭlas, 1999), 399-400 (no. hadith 1272).
1468 *Ibid,* 185.
1469 *Ibid,* 190.
1470 Al-Albānī, Muḥammad Naṣīr al-Dīn, *Ḍa'īf Sunan Ibn Mājah* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1997), 146 (no. hadith 1924). Lihat juga Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 613 (no. hadith 4216).
1471 Lihat al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 1: 428 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 884).

Raḥman al-Ma'āfirī. Beliau ini dinyatakan *munkar al-ḥadīth jiddan* oleh Aḥmad, *ḍa'īf al-ḥadīth* oleh Yaḥyā dan *laysa bi al-Qawwiy* oleh Abū Ḥātim.[1472] Selain itu, menurut al-Albānī juga *al-iḍṭirāb fi Matan al-ḥadīth* (ketidakseragaman lafaz matan hadith) juga menunjukkan ke*ḍa'īf*annya[1473]. Al-Albānī membuat kesimpulan daripada perbahasan ini bahawa hadith ini adalah *ḍa'īf* disebabkan *al-idtirab* (ketidakseragaman) periwayatan daripada al-Zuhri. Setiap riwayat daripadanya secara *mawṣūl* (bersambung) adalah *ḍa'* dan sanad yang *ṣaḥīḥ* daripada al-Zuhri adalah secara *mursal* sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Dāruquṭnī[1474].

**Hukum Hadith**

Walaupun al-'Aẓīm Ābādī dan Ibn al-Ṣalāḥ menyatakan hadith ini *ḥasan*, namun alasan dan hujah yang lebih kuat dinyatakan oleh al-Albānī yang menatijahkan hadith ini sebagai *ḍa'īf.*. Antaranya adalah disebabkan oleh *al-iḍṭirāb* (ketidakseragaman) dan terdapat perawi bernama Qurrah yang dinyatakan *munkar al-ḥadīth jiddan*, *ḍa'īf al-ḥadīth* dan *laysa bi al-Qawwiy*. Maka, dengan alasan ini, pengkaji berpandangan hadith ini statusnya adalah *ḍa'īf.*

---

**<u>Hadith 165</u>**

Nabi Muhammad SAW menjelaskan : “ الدعاء هو العبادة . الدعاء مخ العبادة “ Doa adalah ibadah. Doa adalah otaknya (intinya ibadah).”[1475]

***Takhrij*** **Hadith**

<u>Hadith 1</u>

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ حُجْرٍ أَخْبَرَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ عَنْ ابْنِ لَهِيعَةَ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي جَعْفَرٍ عَنْ أَبَانَ بْنِ صَالِحٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ

---

1472 *Ibid.*

1473 Al-Albānī, *Irwā' al-Ghalīl Fī Takhrīj Aḥādīth Manār al-Sabīl*, 1: 31 (hadith 343).

1474 *Ibid.*, 1: 32.

1475 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa sanad dan matan dan tidak menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

الدُّعَاءُ مُخُّ الْعِبَادَةِ قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ لَا نَعْرِفُهُ إِلَّا مِنْ
حَدِيثِ ابْنِ لَهِيعَةَ[1476]

Hadith 2

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدٍ حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ ذَرٍّ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْهَمْدَانِيِّ عَنْ يُسَيْعٍ الْكِنْدِيِّ عَنْ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الدُّعَاءَ هُوَ الْعِبَادَةُ ثُمَّ قَرَأَ { وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ }[1477]

Pengarang buku menggabungkan dua matan hadith berlainan di dalam satu matan. Matan hadith pertama diriwayatkan oleh Anas Bin Mālik r.a. manakala matan kedua pula diriwayatkan oleh al-Nu'mān Bin Basyīr . Hadith Anas Bin Mālik r.a. (Hadith 1) direkodkan oleh al-Tirmidhī[1478]. Hadith al-Nu'mān Bin Basyīr (Hadith 2) pula direkodkan oleh Abū Dāwūd[1479], al-Tirmidhī[1480], Ibn Mājah[1481], Aḥmad[1482], Ibn Ḥibbān[1483], Abū Dāwūd al-Ṭayālisī[1484], Ibn Abī Syaybah[1485] dan al-Bayhaqī[1486]. Al-Tirmidhī menyatakan hadith Anas Bin Malik r.a. adalah *gharīb* dan tidak diketahui melainkan melalui jalur Ibn Lahī'ah[1487] dan di*ḍa'īf*kan oleh al-Albānī[1488]. Pengkaji meneliti perawi bernama Ibn Lahī'ah dan al-Walid Bin Muslim di dalam jalur sanad ini dan pengkaji mendapati Ibn Lahī'ah dinyatakan da'if dan tidak boleh dijadikan hujah oleh Ibn Ma'in[1489]. Al-Nasa'i juga menyatakan Ibn Lahi'ah ini sebagai da'if[1490]. Al-

Universiti Malaya

1476 Lafaz riwayat ini adalah sebagaimana yang direkodkan oleh Imam al-Tirmidhi di dalam Kitab *Sunan*nya.
1477 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Mājah di dalam *Sunan*nya.
1478 Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 765 (Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 3371).
1479 Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 255 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1479).
1480 Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 765 (Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 3372).
1481 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 631 (Kitāb al-Du'ā', no. hadith 3828).
1482 Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 10: 159 (no. hadith 18304).
1483 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 3: 172 (Kitāb al-Raqā'iq, no. hadith 890).
1484 Al-Ṭayālisī, Sulaymān Bin Dāwūd Bin al-Jārūd, *Musnad Abī Dāwūd al-Ṭayālisī*, tahqiq Dr. Muhammad Bin 'Abd al-Muhsin al-Turkiy (t.t.p : Dār Ḥijr, 1999), 147 (no. hadith 838).
1485 Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 10: 15 (Kitāb al-Du'ā, no. hadith 29655).
1486 Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 2: 362 (Bāb al-Rajā' Min Allah Ta'ālā, no. hadith 1070).
1487 Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,*765 (Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 3371).
1488 Al-Albānī, Muḥammad Naṣīr al-Dīn, *Ḍa'īf Sunan al-Tirmidhī* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 2000), 369 (Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 3371).
1489 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 4: 167.
1490 *Ibid.,* 4: 168.

Walid Bin Muslim pula dinyatakan *ṣāliḥ al-ḥadīth* oleh Abu Hatim[1491]. Namun beliau juga ada meriwayatkan hadith yang batil. Al-Dhahabi berpandangan bahawa apabila al-Walid ini meriwayatkan dengan lafaz periwayatan "'*an*" daripada Ibn Jurayj atau al-Awza'i maka perlulah disemak kerana al-Walid ini kadang kala *yudallis* daripada pendusta. Akan tetapi apabila al-Walid menggunakan lafaz "*haddathana*" maka bolehlah dijadikan hujah[1492].

Manakala hadith al-Nu'mān Bin Basyīr pula dinyatakan *ḥasan ṣaḥīḥ* oleh al-Tirmidhī sendiri dan di*ṣaḥīḥ*kan oleh al-Albānī.[1493]. Hamzah Ahmad Zayn menyatakan riwayat Aḥmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd menyatakan kesemua perawi di dalam sanad al-Bayhaqī adalah *thiqah* (dipercayai). Ibn Ḥajar menyatakan hadith dengan lafaz ini telah di*ṣaḥīḥ*kan oleh al-Tirmidhī dan al-Ḥākim [1494]. Menurutnya juga hadith dengan lafaz " الدُّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ " adalah *ṣaḥīḥ* manakala lafaz " الدُّعَاءُ مُخُّ الْعِبَادَةِ " adalah *ḍa'īf*[1495].

**Hukum Hadith**

Hadith yang ditulis oleh pengarang buku ini menggabungkan dua matan hadith berlainan di dalam satu matan. Sedangkan kedua-dua matan hadith ini mempunyai pandangannya yang berbeza daripada kalangan ulama hadith. Justeru, pengkaji mengambil pandangan yang dinyatakan oleh Ibn Ḥajar iaitu hadith dengan lafaz " الدُّعَاءُ

---

1491 *Ibid.*, 7: 142.
1492 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 7: 142.
1493 Al-Albānī, Muḥammad Naṣīr al-Dīn, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 2000), 3: 383 (Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 3372).
1494 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 11: 97 (Kitāb al-Da'awāt).
1495 Pandangan Ibn Ḥajar ini boleh dilihat di dalam kitabnya *Bulūgh al-Marām Min Adillah al-Aḥkām* di dalam bab Zikir dan Doa. Lihat Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad Bin 'Alī, *Bulūgh al-Marām Min Adillah al-Aḥkām*, tahqiq Dr. Mahir Yasin al-Fahl (Riyāḍ : Dār al-Qabs, 2014), 562 (Kitāb al-Jāmi', no. hadith 1048 dan 1049).



Universiti Malaya

" هُوَ الْعِبَادَةُ " adalah *ṣaḥīḥ* manakala lafaz " الدُّعَاءُ مُخُّ الْعِبَادَةِ " adalah *ḍa'īf* disebabkan perawi Ibn Lahī'ah adalah seorang yang *ḍa'īf*.

---

## Hadith 166

> Dari Abi Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda : "Sesungguhnya Allah mempunyai Sembilan puluh Sembilan nama, yakni seratus kurang satu, barangsiapa yang menghafalkannya akan masuk syurga. Dan ia gasal (ganjil) menyukai yang gasal (witir)."[1496]

### *Takhrij* Hadith

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَفِظْنَاهُ مِنْ أَبِي الزِّنَادِ عَنْ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رِوَايَةً قَالَ لِلَّهِ تِسْعَةٌ وَتِسْعُونَ اسْمًا مِائَةٌ إِلَّا وَاحِدًا لَا يَحْفَظُهَا أَحَدٌ إِلَّا دَخَلَ الْجَنَّةَ وَهُوَ وَتْرٌ يُحِبُّ الْوَتْرَ[1497]

Hadith Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[1498], Muslim[1499], al-Tirmidhī[1500], Ibn Mājah[1501], Aḥmad[1502] (dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh Aḥmad Muḥammad Syākir) dan Ibn Ḥibbān[1503]. Hadith ini juga direkodkan di dalam kitab tafsir yang yang ditulis oleh Ibn Kathīr[1504], al-Baghawī[1505], al-Khāzin[1506], al-Suyūṭī dan lain-lain lagi. Kesemua jalur sanad hadith ini adalah daripada Abū Hurayrah r.a.

### Hukum Hadith

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana telah direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

---

[1496] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa sanad dan matan dan tidak menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1497] Lafaz ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam al-Bukhārī di dalam *Sahih*nya.
[1498] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 4: 174 (Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 6410).
[1499] Muslim, *Sahih Muslim,* 4: 2062 (Kitāb al-Dhikr Wa al-Du'ā' Wa al-Tawbah Wa al-Istighfār, no. hadith 2677).
[1500] Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 3: 129 (Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 3506).
[1501] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 636 (Kitāb al-Du'ā', no. hadith 3860).
[1502] Lihat Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 8: 208 (no. hadith 8131).
[1503] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 3: 88 (Kitāb al-Raqā'iq, no. hadith 808).
[1504] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 6: 460.
[1505] Al-Baghawī, *Tafsīr al-Baghawī : Ma'ālim al-Tanzīl*, 3: 306.
[1506] Al-Khāzin, al-Imām 'Alā' al-Dīn 'Alī Bin Muḥammad Bin Ibrāhīm al-Baghdādī, *Tafsīr al-Khāzin al-Musammā Lubāb al-Ta'wīl Fī Ma'ānī al-Tanzīl*, tashih 'Abd al-Salām Muḥammad 'Alī Syāhin (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 2: 621.



Universiti Malaya

d. **Rahsia al-Fatihah yang ditulis oleh Ustaz Dato Hj. Ismail Kamus dan diterbitkan oleh Darul Numan**

**Hadith 167**

عن عبادة بن الصامت أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: لا صلاة لمن لم يقرأ بفاتحة الكتاب

Dari Ubadah bin Shamit katanya bahawasanya Rasulullah s.a.w bersabda bermaksud: "Tidak sah sembahyang seseorang kamu tanpa membaca Al Fatihah".[1507]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَدَّثَنَا الزُّهْرِيُّ عَنْ مَحْمُودِ بْنِ الرَّبِيعِ عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ[1508]

Hadith 'Ubādah Bin al-Ṣāmit ini direkodkan oleh al-Bukhārī[1509], Muslim[1510], Abū Dāwūd[1511], al-Tirmidhī[1512], Ibn Mājah[1513], Aḥmad[1514], Ibn Abī Syaybah[1515] dan al-Dāruquṭnī[1516]. Al-Tirmidhī menyatakan hadithnya adalah *ḥasan ṣaḥīḥ.*

**Hukum Hadith**

Hadith ini berstatus *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh al-Bukhārī ḍān Muslim.

---

**Hadith 168**

عن ابن حبان عن أبي ابن كعب قال، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم وما أنزل الله في التوراة والإنجيل مثل أم القران

[1507] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1508] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Bukhārī di dalam *Sahih*nya.
[1509] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 1: 247 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 756).
[1510] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 295 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 394).
[1511] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 144 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 822).
[1512] Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 1: 71 (Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, no. hadith 247).
[1513] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 156 (Kitāb Iqāmah al-Ṣalawāt Wa al-Sunnah Fīhā, no. hadith 837).
[1514] Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 16: 387 (no. hadith 22576).
[1515] Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 2: 281 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 3635).
[1516] Al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 2: 104 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1225).



Universiti Malaya

Daripada Ibnu Hibban dari Ubay bin Kaab r.a bahawa Nabi Muhammad s.a.w bersabda bermaksud: "Tidak pernah Allah menurunkan di dalam Taurat dan Injil yang menyamai Ummul Quran (Al Fatihah)". [1517]

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ حُرَيْثٍ قَالَ حَدَّثَنَا الْفَضْلُ بْنُ مُوسَى عَنْ عَبْدِ الْحَمِيدِ بْنِ جَعْفَرٍ عَنْ الْعَلَاءِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ أُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ فِي التَّوْرَاةِ وَلَا فِي الْإِنْجِيلِ مِثْلَ أُمِّ الْقُرْآنِ وَهِيَ السَّبْعُ الْمَثَانِي وَهِيَ مَقْسُومَةٌ بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ[1518]

Hadith Ubay Bin Ka'ab ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[1519], al-Tirmidhī[1520], Aḥmad[1521], Ibn Ḥibbān[1522], Ibn Khuzaymah[1523] dan al-Hindī[1524]. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ* [1525]. Hamzah Ahmad Zayn menyatakan riwayat hadith yang direkodkan oleh Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

**Hukum Hadith**

Hadith ini berstatus *ṣaḥīḥ* kerana sanadnya adalah *ṣaḥīḥ* sebagaimana yang dinyatakan oleh Hamzah Ahmad Zayn dan al-Albānī.

---

**<u>Hadith 169</u>**

عن علي بن أبي طالب كرم الله وجهه قال، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم من قرأ فاتحة الكتاب فكأنما قرأ التوراة والإنجيل والزبور والفرقان

Dari Sayidina Ali bin Abī Talib bahawa Rasulullah s.a.w bersabda maksudnya: "Barang siapa yang membaca Fatihatul kitab (Al

---

[1517] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1518] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Nasā'ī di dalam *Sunan*nya.
[1519] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 151 (Kitāb al-Iftitāḥ, no. hadith 914).
[1520] Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 702 (Kitāb Tafsīr al-Qur'ān, no. hadith 3125).
[1521] Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 15: 405 (no. hadith 20993).
[1522] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 3: 53 (Kitāb al-Raqā'iq, no. hadith 775).
[1523] Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 252 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 500).
[1524] Al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 1: 556 (Kitāb al-Adhkār, no. hadith 2496).
[1525] Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 1: 702 (Kitāb Tafsīr al-Qur'ān, no. hadith 3125).

Universiti Malaya

Fatihah), seolah-olah dia telah membaca Taurat, Injil, Zabur dan Al Furqan (Al Quran)”. [1526]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا يَزِيدُ ، عَنْ أَبِي نُصَيْرَةَ مُسْلِمِ بْنِ عُبَيْدٍ ، عَنِ الْحَسَنِ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : مَنْ قَرَأَ فَاتِحَةَ الْكِتَابِ , فَكَأَنَّمَا قَرَأَ التَّوْرَاةَ وَالْإِنْجِيلَ وَالزَّبُورَ وَالْقُرْآنَ. " [1527]

Hadith 'Ali r.a. sebagaimana yang dinukilkan oleh pengarang buku ini tidak ditemui. Pengkaji menemui hadith ini diriwayatkan oleh al-Ḥasan sebagaimana yang direkodkan oleh al-Suyūṭī di dalam kitab Tafsirnya[1528] dan Abū 'Ubayd al-Qāsim Bin Salām[1529]. Pengkaji mendapati hadith ini adalah diriwayatkan oleh al-Ḥasan al-Baṣriy[1530] yang merupakan seorang tabi'in tanpa melalui jalur sanad sahabat dan terus disandarkan kepada Rasulullah SAW. Justeru, jikalau demikian halnya, maka hadith ini termasuk di dalam kategori hadith *mursal*[1531] dan hadith *mursal* ini tertolak[1532] di dalam penghujahan disebabkan ianya adalah *ḍa'īf* akibat terputus sanad. Al-Ḥasan al-Baṣriy ini adalah *thiqah* (dipercayai) dan *mudallis*[1533] dan beliau tidak mendengar hadith daripada al-Mughirah r.a, Abu Hurayrah r.a. dan lain-lain.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *mursal* disebabkan ianya disandarkan kepada Rasulullah SAW tanpa dinyatakan perawi sahabat dan berstatus *ḍa'īf* kerana perawi al-Ḥasan al-

---

[1526] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1527] Lafaz hadith ini adalah direkodkan oleh Abū 'Ubayd al-Qāsim Bin Salām di dalam kitabnya *Faḍā'il al-Qur'ān.*

[1528] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 1: 21.

[1529] Al-Qāsim Bin Salām, *Faḍā'il al-Qur'ān Wa Ma'ālimih Wa Adābih*, tahqiq Ahmad Bin 'Abd al-Wahid al-Khayyati (t.t.p : t.p, 1995), 2: 25 (no. hadith 399).

[1530] Al-Hasan ialah al-Hasan al-Basriy kerana Abu Nusayrah Muslim Bin 'Ubayd mengambil riwayat daripada al-Hasan al-Basriy. Lihat Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 34: 345.

[1531] *Ḥadīth Mursal* ialah hadith yang gugur di akhir sanadnya iaitu siapa yang berada selepas tabi'in. Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 71.

[1532] Menurut jumhur 'ulama' hadith, *ḥadīth mursal* adalah *da'if* (lemah) dan ditolak. Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 72.

[1533] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 2: 281. *Mudallis* ialah seorang perawi itu meriwayatkan sesebuah hadith daripada seseorang syaykh yang beliau pernah mengambil riwayat hadith daripadanya. Namun, hadith yang beliau *tadlis*kan ini, beliau tidak mendengar daripada syaykh tersebut tanpa menyatakan beliau tidak mendengar daripadanya sedangkan beliau mendengar hadith tersebut melalui syaykh yang lain yang digugurkan daripada jalur sanadnya. Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 80.

Universiti Malaya

Baṣriy adalah seorang tabi'in yang dinyatakan *mudallis.* Justeru, pengkaji berpandangan hadith ini adalah hadith *ḍa'īf* kerana sanadnya terputus.

---

**<u>Hadith 170</u>**

وإذا قرأت فاتحة الكتاب وقل هو الله احد فامنت من كل شيء الا الموت

> Diriwayatkan oleh Al Bazzar bin Anas bin Malik r.a Rasulullah s.a.w bersabda maksudnya: " Apabila engkau membaca Al Fatihah dan surah Al Ikhlas akan amanlah engkau dari segala sesuatu melainkan ancaman maut". [1534]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعِيدٍ الْجَوْهَرِيُّ ، ثنا غَسَّانُ بْنُ عُبَيْدٍ ، عَنْ أَبِي عِمْرَانَ الْجَوْنِيِّ ، عَنْ أَنَسٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : إِذَا وَضَعْتُ جَنْبَكَ عَلَى الْفِرَاشِ ، وَقَرَأْتَ فَاتِحَةَ الْكِتَابِ ، وَ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ أَمِنْتَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ إِلا الْمَوْتَ. " [1535]

Hadith Anas Bin Mālik r.a. ini direkodkan oleh al-Bazzār[1536], al-Haythamī[1537] dan Ibn Kathīr di dalam Tafsirnya[1538]. Hadith ini diriwayatkan oleh Ibrāhīm Bin Sa'īd al-Jawhariy *haddathanā* Ghassān Bin 'Ubayd daripada Abī 'Imrān al-Jawnī daripada Anas. Al-Haythamī menyatakan sanad hadith ini terdapat Ghassān Bin 'Ubayd yang merupakan *ḍa'īf*, dinyatakan *thiqah* (dipercayai) oleh Ibn Ḥibbān dan baki perawi yang lain adalah *ṣaḥīḥ*. Ibn 'Adiy menyatakan berkaitan Ghassān Bin 'Ubayd ini bahawa kelemahan di dalam hadith-hadith beliau adalah jelas.[1539] Aḥmad Bin Ḥanbal pula menyatakan "kami menulis hadith daripadanya dan kami membakar hadithnya semenjak itu"[1540]. Ibn Ḥibbān pula menyatakan daripada Yaḥyā Bin Ma'īn bahawa Ghassān ini

---

[1534] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1535] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Bazzār di dalam kitabnya.
[1536] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 14: 11 (no. hadith 7393).
[1537] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 10: 165 (Kitab al-Adhkār, no. hadith 17030).
[1538] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 168.
[1539] Lihat nota tahqiq Ibn Kathīr. *Ibid.*
[1540] Ibn al-Jawzī, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn,* 2: 246 (no. 2680).



Universiti Malaya

tidak mengetahui hadith akan tetapi beliau bukanlah pendusta.[1541] Al-'Ajlūnī di dalam *Kasyf al-Khafā'*[1542] menyatakan hadith ini adalah *ḍa'īf* dan begitu juga Al-Albānī[1543].

**Hukum Hadith**

Hadith ini *ḍa'īf* kerana terdapat perawi yang *ḍa'īf*.

---

## <u>Hadith 171</u>

> Imam Bukhari, Abu daud, An Nasai', Ibnu Majah dan lain-lain meriwayatkan sebuah hadith dari Abu Said Al- Ma'alli r.a bahawa Rasullullah s.a.w pernah bersabda yang bermaksud: " Ketika aku sedang bersolat, Rasulullah s.a.w memanggilku. Setelah selesai, aku mendapatkan baginda. " Kenapa engkau tidak segera datang kepadaku? Aku menjawab: Aku sedang bersolat ya Rasulullah." Baginda berkata: " Bukankah Allah S.W.T telah berfirman, Wahai orang-orang yang beriman, sahutilah seruan Allah dan RasulNya. Kemudian baginda menambah: Akan aku ajari engkau sebesar-besar surah dalam Al-Quran sebelum engkau meninggalkan masjid ini. Ketika aku ingin beredar, baginda memegang tanganku, lantas aku berkata: Ya Rasulullah s.a.w, jelaskan padaku surah Engkau maksudkan itu. Rasulullah s.a.w berkata, Ya, surah itu ialah 7 ayat yang berulang-ulang, induk Al-Quran al' Azhim yang diwahyukan kepadaku." [1544]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ شُعْبَةَ قَالَ حَدَّثَنِي خُبَيْبُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ حَفْصِ بْنِ عَاصِمٍ عَنْ أَبِي سَعِيدِ بْنِ الْمُعَلَّى قَالَ كُنْتُ أُصَلِّي فِي الْمَسْجِدِ فَدَعَانِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ أُجِبْهُ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي كُنْتُ أُصَلِّي فَقَالَ أَلَمْ يَقُلْ اللَّهُ { اسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ } ثُمَّ قَالَ لِي لَأُعَلِّمَنَّكَ سُورَةً هِيَ أَعْظَمُ السُّوَرِ فِي الْقُرْآنِ قَبْلَ أَنْ تَخْرُجَ مِنْ الْمَسْجِدِ ثُمَّ أَخَذَ بِيَدِي فَلَمَّا أَرَادَ أَنْ يَخْرُجَ قُلْتُ لَهُ أَلَمْ تَقُلْ لَأُعَلِّمَنَّكَ سُورَةً هِيَ أَعْظَمُ سُورَةٍ فِي الْقُرْآنِ قَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ هِيَ السَّبْعُ الْمَثَانِي وَالْقُرْآنُ الْعَظِيمُ الَّذِي أُوتِيتُهُ[1545]

Universiti Malaya

---

[1541] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 6: 305 (no. 5992).
[1542] Al-'Ajlūnī, *Kasyf al-Khafā' Wa Muzīl al-Ilbās 'Ammā Isytahar Min al-Aḥādīth 'Alā Alsinah al-Nās*, 2: 96 (no. hadith 1816).
[1543] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Targhīb Wa al-Tarhīb*, 1: 118 (Kitab al-Nawāfil, no. hadith 347).
[1544] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1545] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Bukhari di dalam *Sahih*nya.

Hadith Abī Sa'īd Bin al-Mu'allā ini direkodkan oleh al-Bukhārī[1546], al-Nasā'ī[1547], Abū Dāwūd[1548], Ibn Mājah[1549], Aḥmad[1550] dan al-Bayhaqī[1551]. Sanad hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya adalah terkenal dengan *thiqah* (dipercayai).

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh al-Bukhārī.

---

**<u>Hadith 172</u>**

> Diriwayatkan dari Abu Said Mawla Ibnu Amir bin Kuraiz bahawa Rasullah s.a.w pernah suatu ketika memegang tangan sahabat yang bernama Ubay bin Kaab di dalam masjid lalu bersabda lebih kurang maksudnya “ Jangan engkau keluar dari masjid ini , wahai Ubay bin Kaab selagi belum engkau ketahui satu surah yang tidak pernah diturunkan dalam Taurat, Zabur dan Injil, malah tiada pula dalam Al-Quran yang menyamainya.” Lalu baginda memberitahu bahawa surah yang dimaksudkan itu ialah surah Al-Fatihah yang mempunyai 7 ayat yang berulang-ulang. [1552]

***Takhrij*** **Hadith**

فَأَخْبَرَنَاهُ الْحَسَنُ بْنُ يَعْقُوبَ الْعَدْلُ ، ثنا يَحْيَى بْنُ أَبِي طَالِبٍ ، ثنا عَبْدُ الْوَهَّابِ بْنُ عَطَاءٍ ، ثنا مَالِكُ بْنُ أَنَسٍ ، وَأَخْبَرَنِي أَبُو عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الصَّفَّارُ ، ثنا إِسْمَاعِيلُ بْنُ إِسْحَاقَ الْقَاضِي ، ثنا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَلَمَةَ ، عَنْ مَالِكٍ ، عَنِ الْعَلاءِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ ، أَنَّ أَبَا سَعِيدٍ ، مَوْلَى عَامِرِ بْنِ كَرِيزٍ أَخْبَرَهُ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لأُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ وَهُوَ يُصَلِّي فَلَمَّا فَرَغَ مِنْ صَلاتِهِ كَفَّهُ , قَالَ : فَوَضَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ عَلَى يَدِي ، قَالَ : وَهُوَ يُرِيدُ أَنْ يَخْرُجَ مِنْ بَابِ الْمَسْجِدِ ، فَقَالَ " : إِنِّي أَرْجُو أَنْ لا تَخْرُجَ مِنَ الْمَسْجِدِ حَتَّى تَعْلَمَ سُورَةً مَا أُنْزِلَ فِي التَّوْرَاةِ وَلا فِي الإِنْجِيلِ وَلا فِي الْقُرْآنِ مِثْلُهَا " ، قَالَ : فَجَعَلْتُ أَتَبَاطَأُ فِي الْمَشْيِ رَجَاءَ ذَلِكَ ، ثُمَّ قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ السُّورَةُ الَّتِي وَعَدْتَنِي ، قَالَ : " كَيْفَ تَقْرَأُ إِذَا افْتُتِحَتِ الصَّلاةُ ؟ " , قَالَ : فَقَرَأْتُ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ سورة الفاتحة آية 2 حَتَّى أَتَيْتُ عَلَى آخِرِهَا

---

1546 Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 3: 189 (Kitāb al-Tafsīr, no. hadith 4472).
1547 Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 151 (Kitāb al-Iftitāḥ, no. hadith 913).
1548 Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 251 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1458).
1549 Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 624 (Kitāb al-Adāb, no. hadith 3785).
1550 Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 13: 526 (no. hadith 17777).
1551 Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 26 (Kitāb Ta'ẓīm al-Qur'ān, no. hadith 2138).
1552 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " هِيَ هَذِهِ السُّورَةُ وَهِيَ السَّبْعُ الْمَثَانِي ، وَالْقُرْآنُ الْعَظِيمُ الَّذِي أُعْطِيتُ. " [1553]

Hadith Abu Sa'īd Mawlā 'Āmir Bin Karīz ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[1554], al-Tirmidhī[1555], Aḥmad[1556], al-Ḥākim[1557], Ibn Khuzaymah[1558] dan al-Bayhaqī[1559]. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ*. Al-Ḥākim berkata hadith ini *ṣaḥīḥ* menurut syarat al-Bukhārī dan Muslim[1560]. Hamzah Ahmad Zayn menyatakan sanad hadith riwayat Ahmad adalah *ṣaḥīḥ.*

**Hukum Hadith**

Hadith ini berstatus *ṣaḥīḥ* kerana sanadnya adalah *ṣaḥīḥ.* sebagaimana dinyatakan oleh Hamzah Ahmad Zayn.

---

**Hadith 173**

> Saidina Ali kmj. Pernah meriwayatkan dalam sebuah hadithnya yang masyhur bahawa Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang bermaksud: " Barang siapa membaca Fatihatul Kitab ( Al-Fatihah) maka seakan-akan dia telah membaca Taurat, Injil, Zabur dan Al- Furqan (Al-Quran)." [1561]

***Takhrij* Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 169.

**Hukum Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 169.

---

1553 Lafaz hadith adalah menurut riwayat Ubay Bin Ka'ab yang direkodkan oleh al-Ḥākim di dalam kitabnya *al-Mustadrak*.
1554 Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 151 (Kitāb al-Iftitāḥ, no. hadith 914).
1555 Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 1: 702 (Kitāb Tafsīr al-Qur'ān, no. hadith 3125).
1556 Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 15: 405 (no. hadith 20994).
1557 Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 756 (Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 2101).
1558 Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 252 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 500).
1559 Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 28 (no. hadith 2139).
1560 Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 159.
1561 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

## Hadith 174

Imam Muslim dan An Nasai’ dan beberapa orang Tabi’in meriwayatkan dari Said bin Jabir dari Ibnu Abbas r.a:

بينا رسول الله صلى الله عليه وسلم وعنده جبرائيل اذ سمع نقيضا فوقه فرفع جبريل بصره الى السماء فقال: هذا باب قد فتح من السماء ما فتح قط قال فنزل منه ملك فاتى النبي صلى الله عليه وسلم فقال: ابشر بنورين قد اوتيتهما لم يؤتهما نبي قبلك فاتحة الكتاب وخواتيم سورة البقرة لم تقرأ حرفا منها الا اوتيته

Bermaksud: Ketika Rasullah s.a.w bersama-sama Jibrail a.s, tiba-tiba baginda mendengar satu bunyi dari atas. Jibrail pun mendongak lalu berkata, “sebuah pintu langit telah terbuka, dan pintu itu tidak pernah terbuka sebelum ini.” Melalui pintu itu turunlah Malaikat menuju terus kepada Rasullah s.a.w Ia berkata “Bergembiralah wahai Muhammad kerana memperolehi sinar bahagia dari dua cahaya yang kubawa ini. Kedua-dua cahaya ini tidak pernah kuberikan kepada mana-mana Nabi sebelummu. Yang pertama, Fatihatul Kitab (Al-Fatihah) dan keduanya Cawatim Al- Baqarah (beberapa ayat akhir surah Al-Baqarah). Ketahuilah bahawa setiap huruf yang engkau baca dari kedua-duanya pasti engkau akan memperoleh manfaat dan ganjarannya.” [1562]

### *Takhrij* Hadith

حَدَّثَنَا حَسَنُ بْنُ الرَّبِيعِ وَأَحْمَدُ بْنُ جَوَّاسٍ الْحَنْفِيُّ قَالَا حَدَّثَنَا أَبُو الْأَحْوَصِ عَنْ عَمَّارِ بْنِ رُزَيْقٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عِيسَى عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ بَيْنَمَا جِبْرِيلُ قَاعِدٌ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَمِعَ نَقِيضًا مِنْ فَوْقِهِ فَرَفَعَ رَأْسَهُ فَقَالَ هَذَا بَابٌ مِنْ السَّمَاءِ فُتِحَ الْيَوْمَ لَمْ يُفْتَحْ قَطُّ إِلَّا الْيَوْمَ فَنَزَلَ مِنْهُ مَلَكٌ فَقَالَ هَذَا مَلَكٌ نَزَلَ إِلَى الْأَرْضِ لَمْ يَنْزِلْ قَطُّ إِلَّا الْيَوْمَ فَسَلَّمَ وَقَالَ أَبْشِرْ بِنُورَيْنِ أُوتِيتَهُمَا لَمْ يُؤْتَهُمَا نَبِيٌّ قَبْلَكَ فَاتِحَةُ الْكِتَابِ وَخَوَاتِيمُ سُورَةِ الْبَقَرَةِ لَنْ تَقْرَأَ بِحَرْفٍ مِنْهُمَا إِلَّا أُعْطِيتَهُ[1563]

Hadith Ibn 'Abbās r.a. ini direkodkan oleh Muslim[1564], al-Nasā'ī[1565], al-Ḥākim[1566], Abū Ya'la al-Mawṣilī[1567], Ibn Abī Syaybah[1568], al-Bayhaqī[1569], Ibn Kathīr[1570], al-

[1562] Penulis buku hanya menyatakan hadith dan sumber nya secara ringkas. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1563] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat Ibn 'Abbas r.a. yang direkodkan oleh Imam Muslim di dalam *Sahih*nya.

[1564] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 554 (Kitāb Ṣalāh al-Musāfirīn Wa Qaṣrihā, no. hadith 806).

[1565] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 151 (Kitāb al-Iftitāḥ, no. hadith 912).

[1566] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 758 (Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 2104).

[1567] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 4: 371 (no. hadith 2488).

[1568] Lihat Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 11: 27 (Kitāb al-Faḍā'il, no. hadith 32234).

[1569] Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 32 (Kitāb Ta'ẓīm al-Qur'ān, no. hadith 2145).

[1570] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 162.

Universiti Malaya

Baghawī[1571], al-Qurṭubī[1572] dan al-Bayḍāwī[1573]. Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* [1574].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh Muslim.

---

## Hadith 175

> Hadith yang diriwayatkan oleh Al-Hakim dari Ma'qal Ibnu Yasar r.a bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud: " Amalkan segera kandungan Al-Quran yang Agung, halalkan segala yang dihalalkan dan haramkanlah setiap yang diharamkan. Patuhilah ketetapan-ketetapan itu. [1575]

***Takhrij* Hadith**

وَأَخْبَرَنَا بَكْرُ بْنُ مُحَمَّدٍ ، ثنا عَبْدُ الصَّمَدِ بْنُ الْفَضْلِ ، ثنا مَكِّيُّ بْنُ إِبْرَاهِيمَ ، ثنا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي حُمَيْدٍ ، عَنْ أَبِي الْمَلِيحِ ، عَنْ مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : **اعْمَلُوا بِالْقُرْآنِ** ، **وَأَحِلُّوا حَلالَهُ** ، **وَحَرِّمُوا حَرَامَهُ** ، **وَاقْتَدُوا بِهِ** ، وَلا تَكْفُرُوا بِشَيْءٍ مِنْهُ وَمَا تَشَابَهَ عَلَيْكُمْ مِنْهُ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَإِلَى أُولِي الأَمْرِ مِنْ بَعْدِي كَيْمَا يُخْبِرُوكُمْ ، وَآمِنُوا بِالتَّوْرَاةِ وَالإِنْجِيلِ وَالزَّبُورِ ، وَمَا أُوتِيَ النَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ وَلْيَسَعْكُمُ الْقُرْآنُ وَمَا فِيهِ مِنَ الْبَيَانِ ، فَإِنَّهُ شَافِعٌ مُشَفَّعٌ ، وَمَا حَلَّ مُصَدِّقٌ إِلا وَلِكُلِّ آيَةٍ نُورٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، وَإِنِّي أُعْطِيتُ سُورَةَ الْبَقَرَةِ مِنَ الذِّكْرِ الأَوَّلِ ، وَأُعْطِيتُ طَهَ ، وَطَوَاسِينَ ، وَالْحَوَامِيمَ ، مِنْ أَلْوَاحِ مُوسَى ، وَأُعْطِيتُ فَاتِحَةَ الْكِتَابِ مِنْ تَحْتِ الْعَرْشِ . " هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحُ الإِسْنَادِ ، وَلَمْ يُخَرِّجَاهُ [1576]

Hadith ini direkodkan al-Ḥākim[1577], al-Ṭabrānī[1578], al-Bayhaqī[1579] dan al-Haythamī[1580]. Al-Ḥākim menyatakan sanadnya *ṣaḥīḥ*. Di dalam sanad ini, 'Ubaydillah

---

[1571] Al-Baghawī, *Tafsīr al-Baghawī : Ma'ālim al-Tanzīl*, 1: 57.
[1572] Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, 1: 178.
[1573] Al-Bayḍāwī, *Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta'wīl al-Ma'rūf Bi al-Tafsīr al-Bayḍāwī*, 1: 32.
[1574] Al-Albānī, Muḥammad Naṣīr al-Dīn, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Nasā'ī* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1998), 302 (Kitāb al-Iftitāḥ, no. hadith 911).
[1575] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1576] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Ḥākim di dalam *al-Mustadrak*.
[1577] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 770 (Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 2140).
[1578] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 20: 225 (no. hadith 525).
[1579] Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 104 (no. hadith 2249).
[1580] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 4: 104 (Kitab al-'Ilm, no. hadith 2249).

Bin Abī Humayd adalah *ḍa'īf* menurut Yaḥyā Bin Ma'īn, *munkar al-ḥadīth* menurut al-Bukhari, Aḥmad menyatakan hadithnya *matrūk* (ditinggalkan), Abū Ḥātim menyatakan *munkar al-ḥadīth* dan *ḍa'īf al-ḥadīth* [1581]. Riwayat al-Bayhaqī adalah dengan sanad yang *ḍa'īf* menurut Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd. Al-Haythamī pula menyatakan al-Ṭabrānī ada merekodkan dua jalur sanad berkaitan hadith ini iaitu melalui jalur 'Ubaydillah Bin Abī Humayd yang telah disepakati akan ke*ḍa'īf*annya dan 'Imrān al-Qaṭṭān yang juga di*ḍa'īf*kan oleh ulama-ulama hadith walaupun dinyatakan oleh Ibn Ḥibbān di dalam *al-Thiqāt*.

**Hukum Hadith**

Di dalam sanad hadith ini terdapat 'Ubaydillah Bin Abī Humayd yang merupakan *munkar al-ḥadīth, matrūk al-ḥadīth* dan *da'if al-ḥadīth*. Walaupun al-Hakim menyatakan sanad hadith ini adalah sahih, tetapi disebabkan *illah* yang terdapat pada perawi di dalam jalur sanad ini, maka pengkaji berpandangan hadith ini *ḍa'īf* disebabkan kecacatan yang terdapat pada perawi.

---

**<u>Hadith 176</u>**

> Abu Said Al- Khudri r.a mengisahkan: Pada suatu masa, kami dalam perjalanan dan sampai ke sebuah desa untuk bermalam. Sejurus selepas itu, muncul seorang kanak-kanak perempuan lalu bertanya: Ketua desa kami sakit, terkena sengatan binatang berbisa. Tidak seorangpun antara penduduk desa yang berjaya mengubatinya. Adakah tuan-tuan boleh membantu? Seorang dari kami mengikuti budak tadi. Tidak seorang pun yang menjangka beliau boleh menjadi perawat. Tidak lama kemudian, beliau kembali bersama 30 ekor kambing dan beberapa tin susu, lalu ditanya sama ada ia menggunakan jampi atau mentera. Beliau menjawab, hanya al-Fatihah yang digunakannya. Kamipun kembali ke Madinah dan menceritakan peristiwa itu kepada Rasulullah SAW Baginda berkata: Sesiapa yang mengetahui Al-Fatihah itu sebagai ubat penawar, terimalah pemberian itu dan berilah kepadaku sebahagian darinya. (Imam Muslim dan Abu Daud juga meriwayatkan kisah ini dari Ibnu Hibban r.a) [1582]

***Takhrij* Hadith**

---

[1581] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 19: 30-31.

[1582] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى حَدَّثَنَا وَهْبٌ حَدَّثَنَا هِشَامٌ عَنْ مُحَمَّدٍ عَنْ مَعْبَدٍ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ كُنَّا فِي مَسِيرٍ لَنَا فَنَزَلْنَا فَجَاءَتْ جَارِيَةٌ فَقَالَتْ إِنَّ سَيِّدَ الْحَيِّ سَلِيمٌ وَإِنَّ نَفَرَنَا غَيْبٌ فَهَلْ مِنْكُمْ رَاقٍ فَقَامَ مَعَهَا رَجُلٌ مَا كُنَّا نَأْبُنُهُ بِرُقْيَةٍ فَرَقَاهُ فَبَرَأَ فَأَمَرَ لَهُ بِثَلَاثِينَ شَاةً وَسَقَانَا لَبَنًا فَلَمَّا رَجَعَ قُلْنَا لَهُ أَكُنْتَ تُحْسِنُ رُقْيَةً أَوْ كُنْتَ تَرْقِي قَالَ لَا مَا رَقَيْتُ إِلَّا بِأُمِّ الْكِتَابِ قُلْنَا لَا تُحْدِثُوا شَيْئًا حَتَّى نَأْتِيَ أَوْ نَسْأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا قَدِمْنَا الْمَدِينَةَ ذَكَرْنَاهُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ وَمَا كَانَ يُدْرِيهِ أَنَّهَا رُقْيَةٌ اقْسِمُوا وَاضْرِبُوا لِي بِسَهْمٍ[1583]

Hadith Abū Sa'īd al-Khudriy r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[1584], Muslim[1585], Abū Dāwūd[1586], al-Tirmidhī[1587], Aḥmad[1588], Ibn Ḥibbān[1589], al-Dāruquṭnī[1590], al-Bayhaqī[1591], Ibn al-Athīr[1592] dan Ibn Kathīr[1593]. Semua riwayat hadith ini adalah melalui Abū Sa'īd al-Khudriy r.a.

**Hukum Hadith**

Hadith ini berstatus <u>*ṣaḥīḥ*</u> kerana direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

---

**<u>Hadith 177</u>**

Sepotong hadith Rasulullah r.a.w yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban r.a:

كل امر ذي بال لا يبدأ فيه بسم الله الرحمن الرحيم فهو اقطع

“ Setiap pekerjaan atau urusan yang tidak dimulakan dengan بسم الله الرحمن الرحيم maka akan pincang atau tidak sempurnalah urusan tersebut”.

---

1583 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam al-Bukhārī di dalam *Sahih*nya.
1584 Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 3: 342 (Kitāb al-Tafsīr, no. hadith 5007).
1585 Muslim, *Sahih Muslim,* 4: 1727 (Kitāb al-Salām, no. hadith 2201).
1586 Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 443 (Kitāb al-Buyū', no. hadith 3418).
1587 Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 466 (Kitāb al-Ṭibb, no. hadith 2063).
1588 Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 10: 5 (no. hadith 10927).
1589 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 13: 476 (Kitāb al-Ṭibb, no. hadith 6112).
1590 Al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 4: 25 (Kitāb al-Buyū', no. hadith 3036).
1591 Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 40 (Kitāb Ta'ẓīm al-Qur'ān, no. hadith 2151).
1592 Ibn al-Athīr, *Jāmi' al-Uṣūl Fī Aḥādīth al-Rasūl*, 7: 567.
1593 Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 161.

Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 164.

**Hukum Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 164.

---

**<u>Hadith 178</u>**

Rasulullah s.a.w pernah bersabda:

لو أن الدنيا بحذا فيرها بيد رجل من أمتي ثم قال الحمد لله لكان الحمدلله افضل من ذلك

" Seandainya dunia dan seisinya diletakkan di atas tapak tangan seorang umatku, lalu orang itu berkata الحمد لله رب العلمين Sungguh ucapan tersebut lebih berat dan berharga dari dunia dan segala-gala yang menjadi miliknya". (Riwayat Imam Al Qurthuby dari Anas b. Malik r.a) [1594]

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا أَبُو السُّعُودِ بْنُ الْمُجَلِّي ، أنا أَبُو بَكْرٍ الْخَطِيبُ ، أنا أَحْمَدُ بْنُ أَبِي جَعْفَرٍ الْقَطِيعِيُّ ، أنا أَبُو الْمُفَضَّلِ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ هَمَّامِ بْنِ الْمُطَّلِبِ الشَّيْبَانِيُّ ، حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْحَيِّ بْنِ سُوَيْدٍ الْحَرْبِيُّ الْحَافِظُ ، نا رُزَيْقٌ ، نا عِمْرَانُ بْنُ مُوسَى الْجُنْدَيْسَابُورِيُّ ، نَزِيلُ بَرْدَعَةَ ، نا سَوْرَةُ بْنُ زُهَيْرٍ الْعَامِرِيُّ ، مِنْ أَهْلِ الْبَصْرَةِ ، حَدَّثَنِي هُشَيْمٌ ، عَنِ الزُّبَيْرِ بْنِ عَدِيٍّ ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : **لَوْ أَنَّ الدُّنْيَا كُلَّهَا بِحَذَافِيرِهَا بِيَدِ رَجُلٍ مِنْ أُمَّتِي** " ، **ثُمَّ قَالَ** : " **الْحَمْدُ لِلَّهِ ، لَكَانَتِ الْحَمْدُ لِلَّهِ أَفْضَلَ مِنْ ذَلِكَ كُلِّهِ.** " [1595]

Hadith Anas Bin Mālik r.a. ini direkodkan oleh Ibn 'Asākir di dalam kitab *Tārīkh*nya[1596], al-Qurṭubī[1597], Ibn Kathīr[1598]. Hadith al-Qurṭubī dan Ibn Kathīr ini adalah mengambil riwayat yang direkodkan oleh Ibn 'Asākir. Al-Albānī menyatakan bahawa

---

[1594] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1595] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn 'Asākir di dalam kitab tarikhnya.

[1596] Ibn 'Asākir, Abū al-Qāsim 'Alī Bin al-Ḥasan Ibn Ḥibah Allah Bin 'Abd Allah al-Syāfi'ī (1998M), *Tārīkh Madīnah Dimasyq*, tahqiq Muhib al-Din Abi Sa'id 'Umar (Bayrūt : Dār al-Fikr, 1998), 54: 16.

[1597] Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, 1: 203.

[1598] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 205.

Universiti Malaya

hadith ini adalah *mawḍū'*[1599] kerana di dalam jalur sanad yang direkodkan oleh Ibn 'Asākir ini terdapat *Abū al-Mufaḍḍal*. Al-Khaṭīb menyatakan beliau ini meriwayatkan *gharā'ib al-ḥadīth* (hadith yang pelik-pelik) dan soalan-soalan syaykh lalu orang ramai menulis daripadanya. Beliau juga mencipta hadith untuk golongan *al-Rafidah*.[1600] Ḥamzah Bin Muḥammad Bin Ṭāhir al-Daqqāq menyatakan beliau ini mencipta hadith palsu.[1601] Al-Azharī pula menyatakan beliau ini *dajjāl.*[1602]

**Hukum Hadith**

Hadith ini *mawḍū'* kerana terdapat perawi yang dinyatakan mencipta hadith palsu dan dinyatakan sebagai dajjal.

---

**<u>Hadith 179</u>**

Rasulullah s.a.w pernah bersabda:

اليهود مغضوب عليهم والنصارى ضالون

Bermaksud: " Golongan Yahudi dimurkai atas mereka dan golongan Nasrani pula adalah sesat". (Hadith riwayat Ahmad dan At Tirmidzi dari Ady Ibn Hatim) [1603]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ سَمِعْتُ سِمَاكَ بْنَ حَرْبٍ قَالَ سَمِعْتُ عَبَّادَ بْنَ حُبَيْشٍ يُحَدِّثُ عَنْ عَدِيِّ بْنِ حَاتِمٍ قَالَ جَاءَتْ خَيْلُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْ قَالَ رُسُلُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا بِعَقْرَبٍ فَأَخَذُوا عَمَّتِي وَنَاسًا قَالَ فَلَمَّا أَتَوْا بِهِمْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَصَفُّوا لَهُ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ نَأَى الْوَافِدُ وَانْقَطَعَ الْوَلَدُ وَأَنَا عَجُوزٌ كَبِيرَةٌ مَا بِي مِنْ خِدْمَةٍ فَمُنَّ عَلَيَّ مَنَّ اللَّهُ عَلَيْكَ قَالَ مَنْ وَافِدُكِ قَالَتْ عَدِيُّ بْنُ حَاتِمٍ قَالَ الَّذِي فَرَّ مِنْ اللَّهِ وَرَسُولِهِ قَالَتْ فَمَنَّ عَلَيَّ قَالَتْ فَلَمَّا رَجَعَ وَرَجُلٌ إِلَى جَنْبِهِ نَرَى أَنَّهُ عَلِيٌّ قَالَ سَلِيهِ حِمْلَانًا قَالَ فَسَأَلَتْهُ فَأَمَرَ لَهَا قَالَتْ فَأَتَتْنِي فَقَالَتْ لَقَدْ فَعَلْتَ فَعْلَةً مَا كَانَ أَبُوكَ يَفْعَلُهَا قَالَتْ ائْتِهِ رَاغِبًا أَوْ رَاهِبًا فَقَدْ أَتَاهُ

---

[1599] Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 2: 267 (no. hadith 875).
[1600] Ibn al-Jawzī, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn,* 3: 80.
[1601] Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 2: 267 (no. hadith 875).
[1602] Ibn al-Jawzī, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn,* 3: 81.
[1603] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

فُلَانٌ فَأَصَابَ مِنْهُ وَأَتَاهُ فُلَانٌ فَأَصَابَ مِنْهُ قَالَ فَأَتَيْتُهُ فَإِذَا عِنْدَهُ امْرَأَةٌ وَصِبْيَانٌ أَوْ صَبِيٌّ فَذَكَرَ قُرْبَهُمْ مِنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَرَفْتُ أَنَّهُ لَيْسَ مُلْكُ كِسْرَى وَلَا قَيْصَرَ فَقَالَ لَهُ يَا عَدِيُّ بْنَ حَاتِمٍ مَا أَفَرَّكَ أَنْ يُقَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَهَلْ مِنْ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ مَا أَفَرَّكَ أَنْ يُقَالَ اللَّهُ أَكْبَرُ فَهَلْ شَيْءٌ هُوَ أَكْبَرُ مِنْ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ قَالَ فَأَسْلَمْتُ فَرَأَيْتُ وَجْهَهُ اسْتَبْشَرَ وَقَالَ **إِنَّ الْمَغْضُوبَ عَلَيْهِمْ الْيَهُودُ وَ الضَّالِّينَ النَّصَارَي** ثُمَّ سَأَلُوهُ فَحَمِدَ اللَّهَ تَعَالَى وَأَثْنَى عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ أَمَّا بَعْدُ فَلَكُمْ أَيُّهَا النَّاسُ أَنْ تَرْضَخُوا مِنْ الْفَضْلِ ارْتَضَخَ امْرُؤٌ بِصَاعٍ بِبَعْضِ صَاعٍ بِقَبْضَةٍ بِبَعْضِ قَبْضَةٍ قَالَ شُعْبَةُ وَأَكْثَرُ عِلْمِي أَنَّهُ قَالَ بِتَمْرَةٍ بِشِقِّ تَمْرَةٍ إِنَّ أَحَدَكُمْ لَاقِي اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ فَقَائِلٌ مَا أَقُولُ أَلَمْ أَجْعَلْكَ سَمِيعًا بَصِيرًا أَلَمْ أَجْعَلْ لَكَ مَالًا وَوَلَدًا فَمَاذَا قَدَّمْتَ فَيَنْظُرُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ وَعَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ شِمَالِهِ فَلَا يَجِدُ شَيْئًا فَمَا يَتَّقِي النَّارَ إِلَّا بِوَجْهِهِ فَاتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ فَإِنْ لَمْ تَجِدُوهُ فَبِكَلِمَةٍ لَيِّنَةٍ إِنِّي لَا أَخْشَى عَلَيْكُمْ الْفَاقَةَ لَيَنْصُرَنَّكُمْ اللَّهُ تَعَالَى وَلَيُعْطِيَنَّكُمْ أَوْ لَيَفْتَحَنَّ لَكُمْ حَتَّى تَسِيرَ الظَّعِينَةُ بَيْنَ الْحِيرَةِ وَيَثْرِبَ أَوْ أَكْثَرَ مَا تَخَافُ السَّرَقَ عَلَى ظَعِينَتِهَا قَالَ مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ ثَنَاهُ شُعْبَةُ مَا لَا أُحْصِيهِ وَقَرَأْتُهُ عَلَيْهِ[1604]

Hadith 'Adiy Bin Ḥātim r.a. ini direkodkan oleh al-Tirmidhī[1605], Aḥmad[1606], Ibn Ḥibbān[1607], al-Ṭabrānī[1608] dan Ibn Kathīr[1609]. Ḥamzah Aḥmad al-Zayn menyatakan sanad hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* dan 'Abbād Bin Hubaysh ini adalah *thiqah* (dipercayai) daripada kalangan tabi'in[1610]. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ menyatakan 'Abbād Bin Hubaysh ini tidak dinyatakan *thiqah* (dipercayai) melainkan oleh Ibn Ḥibbān dan tidak tidak diambil hadith daripadanya selain Simāk. Perawi-perawi yang lainnya adalah *thiqah* (dipercayai) yang merupakan perawi-perawi Bukhari dan Muslim kecuali Simāk yang merupakan perawi Muslim[1611]. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī menyatakan 'Abbād Bin Hubaysh ini adalah *maqbūl* (diterima)[1612]. Al-Albānī meletakkan status *ṣaḥīḥ* bagi hadith ini[1613].

---

1604 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam Ahmad di dalam *Musnad*nya.
1605 Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 661 (Kitāb Tafsīr al-Qur'ān, no. hadith 2954).
1606 Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 14: 457 (no. hadith 19276).
1607 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 16: 183 (Kitāb Ikhbārihi 'An Manāqib al-Ṣaḥābah, no. hadith 7206).
1608 Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 19: 98 (no. hadith 236).
1609 Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 225.
1610 Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 14: 457 (no. hadith 19276).
1611 Lihat tahqiq hadith 7206 *Sahih* Ibn Hibban di dalam Kitab *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān.*
1612 Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 480.



Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Hadith ini *ṣaḥīḥ* kerana sanad hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* sebagaimana ḍīnyatakan oleh Ḥamzah Aḥmad al-Zayn.

---

**Hadith 180**

> Menurut hadith riwayat Al-Baihaqi dari Abd. Malik Ibn Umair r.a, Rasulullah s.a.w bersabda: Maksudnya: "Surah Al-Fatihah itu dapat mengubati segala jenis penyakit." [1614]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا قَبِيصَةُ أَخْبَرَنَا سُفْيَانُ عَنْ عَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ عُمَيْرٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ –صلى الله عليه وسلم– :« فَاتِحَةُ الْكِتَابِ شِفَاءٌ مِنْ كُلِّ دَاءٍ ».[1615]

Hadith 'Abd al-Mālik Bin 'Umayr ini direkodkan oleh al-Dārimī[1616], al-Bayhaqī[1617], al-Tibrīzī[1618] dan Ibn Kathīr[1619]. Husayn Salīm Asad al-Dārānī menyatakan hadith yang direkodkan oleh al-Dārimī ini adalah secara *mursal* ataupun terputus sanadnya. Semua perawinya adalah *thiqah* (dipercayai).[1620] Perawi 'Abd al-Mālik Bin 'Umayr ini meninggal pada akhir tahun yang 136 hijrah[1621]. Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ḍa'īf*[1622] disebabkan *mursal*nya.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ḍa'īf* kerana sanadnya terputus. 'Abd al-Mālik Bin 'Umayr adalah tabi'in dan meriwayatkan hadith ini tanpa menyatakan sahabat dan terus *marfu'* kepada Rasulullah SAW sedangkan beliau tidak menemui Rasulullah SAW.

Universiti Malaya

---

[1613] Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 3: 153 (no. hadith 2954).
[1614] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1615] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Dārimī di dalam Musnadnya.
[1616] Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 4: 2122 (Kitāb al-Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 3413).
[1617] Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 43 (no. hadith 2153).
[1618] Al-Tibrizī, *Misykāt al-Maṣābīḥ*, 1: 667 (Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 2170).
[1619] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 151.
[1620] Al-Dārimī, *Musnad al-Dārimī*, 4: 2122 (Kitāb al-Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 3413). Lihat juga al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 43 (no. hadith 2153).
[1621] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 4: 406.
[1622] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 576 (no. hadith 395).

**Hadith 181**

> Menurut hadith riwayat Al-Baihaqi daripada Abū Saʻīd Al Khudry r.a, Rasulullah s.a.w bersabda bersabda maksudnya: "Bacaan Al Fatihah itu boleh menawarkan seseorang yang terkena racun".[1623]

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا أَبُو نَصْرِ بْنُ قَتَادَةَ، أَخْبَرَنَا أَبُو مَنْصُورٍ النَّضْرَوِيُّ، حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ نَجْدَةَ، حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ مَنْصُورٍ، حَدَّثَنَا سَلَامٌ الطَّوِيلُ، عَنْ زَيْدٍ الْعَمِّيِّ، عَنِ ابْنِ سِيرِينَ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " فَاتِحَةُ الْكِتَابِ شِفَاءٌ مِنَ السُّمِّ " .[1624]

Hadith Abū Saʻīd al-Khudriy r.a. ini direkodkan oleh al-Bayhaqī[1625] dan Ibn Kathīr[1626]. Perawi bernama Salām al-Ṭawīl[1627] ini dinyatakan *matrūk* (ditinggalkan) oleh al-Nasāʻī, al-Dāruquṭnī, al-Azdiy dan 'Alī al-Junayd, dinyatakan *tarakūhu* (mereka meninggalkannya) oleh al-Bukhari, *ḍaʻīf* (lemah), *laysa bi al-Syay'* dan tidak diambil hadith daripadanya oleh yahya, *munkar al-ḥadīth* oleh Aḥmad dan pendusta oleh 'Abd al-Raḥman Bin Yusuf.[1628]. Perawi yang bernama Zayd al-'Amiy adalah seorang yang *ḍaʻīf* .[1629] Al-Albānī menyatakan hadith ini *mawḍū'* .[1630]

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *mawḍū'* kerana terdapat perawi yang dinyatakan sebagai pendusta.

[1623] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji. Lafaz hadith yang ditakhrij adalah mengambil riwayat Abu Sa'id al-Khudriy yang direkodkan oleh al-Bayhaqī di dalam kitabnya *al-Jāmi'*.
[1624] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Bayhaqi di dalam kitabnya *al-Jami'*.
[1625] Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 43 (no. hadith 2153).
[1626] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 151.
[1627] Nama sebenar beliau ialah Salām Bin Sulam. Dikatakan juga namanya Ibn Sulaymān. Dikatakan juga Ibn Sālim. Abū 'Abdillāh al-Tamīmī al-Sa'diy al-Ṭawīl.
[1628] Ibn al-Jawzī, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn,* 2: 6.( no. 1459).
[1629] Lihat tahqiq oleh Dr. 'Abd al-'Aliy 'Abd al-Hamid di dalam al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 43 (no. hadith 2153).
[1630] Al-Albānī, *Ḍaʻīf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 576 (no. hadith 3950).



Universiti Malaya

**Hadith 182**

> Menurut hadith riwayat Ad Dailamy dari Imran Ibn Hussein, Rasulullah s.a.w bersabda maksudnya: “Barangsiapa yang membaca Al Fatihah dan ayat al-Kursi di rumahnya, dia tidak akan ditimpa oleh mudharat dan penganiayaan manusia dan jin pada hari itu”. [1631]

***Takhrij* Hadith**

(٤٣٩٧) عِمْرَانُ بْنِ حُصَيْنٍ

فِيْ كِتَابِ اللهِ ثَمَانُ آيَاتٍ لِلْعَيْنِ لَا يَقْرَؤُهُمَا عَبْدٌ فِي دَارٍ فَتُصِيبَهُمْ فِي ذَلِكَ الْيَوْمِ عَيْنُ إِنْسٍ أَوْ جِنٍّ فَاتِحَةُ الْكِتَابِ سَبْعُ آيَاتٍ وَآيَةُ الْكُرْسِيِّ[1632]

Hadith 'Imrān Bin Ḥuṣayn r.a. ini direkodkan oleh al-Daylamī[1633] (tanpa sanad) dan al-Suyūṭī[1634] (tanpa sanad). Al-Suyūṭī juga merekodkan hadith ini di dalam kitab Tafsirnya[1635] (tanpa sanad). Al-Albānī menyatakan hadith ini *ḍa'īf.*[1636] 'Alī Ḥasan al-Ḥalabī juga meletakkan hadith ini di dalam kitabnya[1637]

**Hukum Hadith**

Sanad hadith ini tidak ditemui dengan lengkap dan hanya disandarkan kepada 'Imrān Bin Ḥuṣayn r.a. Al-Albānī menyatakan hadith ini *ḍa'īf*. Namun, alasan dan hujah beliau menyatakan hadith ini *ḍa'īf* tidak dapat dikenalpasti kerana beliau tidak menyatakannya. Pengkaji berpandangan riwayat ini lebih menghampiri kepada tiada asal baginya (*lā aṣl lah*) kerana riwayat ini sanadnya tidak ditemui dan hanya disandarkan kepada perawi 'Imrān Bin Ḥuṣayn r.a. Riwayat ini juga tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith yang mu'tabar.

Universiti Malaya

---

[1631] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1632] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat al-Daylamī di dalam Musnadnya.

[1633] Al-Daylamī, *Kitāb Firdaus al-Akhbār*, 3: 188 (no. hadith 4379).

[1634] Al-Suyūṭī, *Jāmi' al-Aḥādīth al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Zawā'iduhu Wa al-Jāmi' al-Kabīr,* 6: 257 (no. hadith 14720).

[1635] Lafaz riwayat al-Suyūṭī adalah seperti berikut : فاتحة الكتاب وآية الكرسي يقرؤهما عبد في دار فيصيبهم في ذلك اليوم عين إنس أو جن Lihat al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 1: 20.

[1636] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 576 (no. hadith 3952).

[1637] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 6: 186 (no. hadith 14683).

**Hadith 183**

> Menurut hadith riwayat Al Bazzar dari Anas bin Mālik r.a Rasulullah s.a.w bersabda maksudnya: " Apabila engkau selalu membaca Al Fatihah dan surah Al Ikhlas, akan amanlah engkau dari segala sesuatu, kecuali maut". [1638]
>
> ***Takhrij* Hadith**
>
> حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعِيدٍ الْجَوْهَرِيُّ ، ثنا غَسَّانُ بْنُ عُبَيْدٍ ، عَنْ أَبِي عِمْرَانَ الْجَوْنِيِّ ، عَنْ أَنَسٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : إِذَا وَضَعْتُ جَنْبَكَ عَلَى الْفِرَاشِ ، وَقَرَأْتَ فَاتِحَةَ الْكِتَابِ ، وَ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ أَمِنْتَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ إِلا الْمَوْتَ "[1639].

Hadith Anas Bin Mālik r.a. ini direkodkan oleh al-Bazzār[1640], al-Haythamī[1641] dan Ibn Kathīr[1642]. Hadith ini diriwayatkan oleh Ibrāhīm Bin Sa'īd al-Jawhariy *haddathanā* Ghassān Bin 'Ubayd daripada Abī 'Imrān al-Jawnī daripada Anas. Al-Haythamī menyatakan di dalam sanad ini terdapat Ghassān Bin 'Ubayd yang merupakan *ḍa'īf*, dinyatakan *thiqah* (dipercayai) oleh Ibn Ḥibbān dan baki perawi yang lain adalah *ṣaḥīḥ*. Ibn 'Adiy menyatakan berkaitan Ghassān Bin 'Ubayd ini bahawa kelemahan di dalam hadith-hadith beliau adalah jelas.[1643] Aḥmad Bin Ḥanbal pula menyatakan "kami menulis hadith daripadanya dan kami membakar hadithnya semenjak itu"[1644]. Ibn Ḥibbān pula menyatakan daripada Yaḥyā Bin Ma'īn bahawa Ghassān ini tidak mengetahui hadith akan tetapi beliau bukanlah pendusta.[1645] Al-'Ajlūnī di dalam *Kasyf al-Khafā'*[1646] menyatakan hadith ini adalah *ḍa'īf* dan begitu juga Al-Albānī[1647].

---

[1638] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1639] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Bazzār di dalam kitabnya.
[1640] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 14: 11 (no. hadith 7393).
[1641] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 10: 165 (Kitāb al-Adhkār, no. hadith 17030).
[1642] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 168.
[1643] Lihat nota tahqiq Ibn Kathīr. *Ibid.*
[1644] Ibn al-Jawzī, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn,* 2: 246 (no. 2680).
[1645] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 6: 305 (no. 5992).
[1646] Al-'Ajlūnī, *Kasyf al-Khafā' Wa Muzīl al-Ilbās 'Ammā Isytahar Min al-Aḥādīth 'Alā Alsinah al-Nās*, 2: 96 (no. hadith 1816).
[1647] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Targhīb Wa al-Tarhīb*, 1: 118 (Kitāb al-Nawāfil, no. hadith 347).

Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Hadith ini *ḍa'īf* kerana terdapat perawi bernama Ghassān Bin 'Ubayd yang *ḍa'īf* .

---

## Hadith 184

> Sabda Nabi Muhammad s.a.w lagi: Maksudnya: " Barangsiapa pulang ke rumahnya, lalu dibacanya Al Fatihah dan surah Al Ikhlas, maka Allah akan menjauhkannya dari kefaqiran dan ia mendapat kebajikan yang banyak". [1648]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ عِمْرَانَ ، ثنا سُلَيْمَانُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْفَزَارِيُّ الدِّمَشْقِيُّ ، بِهِيتَ ، ثنا إِسْحَاقُ بْنُ سَيَّارٍ النُّصَيْبِيُّ ، ثنا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي بَكْرٍ ، ثنا إِسْمَاعِيلُ بْنُ شِهَابِ بْنِ خِرَاشٍ ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سَالِمٍ ، عَنْ أَبِي زُرْعَةَ بْنِ عَمْرِو بْنِ جَرِيرٍ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ " : مَنْ أَتَى مَنْزِلَهُ ، فَقَرَأَ الْحَمْدُ وَ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ نَفَى اللَّهُ عَنْهُ الْفَقْرَ ، وَكَثُرَ خَيْرُ بَيْتِهِ حَتَّى يُفِيضَ بِهِ عَلَى جِيرَانِهِ. " 1649

Hadith Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Khilal[1650], al-Suyūṭī[1651], al-Sayyid Muḥammad Haqqī al-Nāzilī[1652], Ibn al-Jawzī[1653], al-Syawkānī[1654], al-Suyūṭī[1655]. Ibn al-Jawzī menyatakan hadith ini tidak *ṣaḥīḥ* dan diriwayatkan secara bersendirian oleh Muḥammad Bin Salim. Aḥmad berkata Muḥammad Bin Salim ini *syibh al-matrūk* (menyerupai *matrūk*) dan Yaḥyā al-Qattan menyatakan *laysa bi syay'* (bukanlah sesuatu). Al-Suyūṭī menyatakan Muḥammad Bin Sālim ini adalah diantara perawi al-Tirmidhī dan *la yuttaham bi al-wad'i* (tidak dituduh mencipta hadith palsu). Walaupun tidak dituduh sebagai mencipta hadith palsu, 'Abd al-Raḥman Bin Yaḥyā al-Mu'allimi

---

[1648] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1649] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Khilāl di dalam kitabnya *Min Faḍā'il Surah al-Ikhlāṣ.*
[1650] Al-Khilāl, al-Ḥāfiẓ Abī Muḥammad al-Ḥasan Bin Muḥammad, *Min Faḍā'il Sūrah al-Ikhlāṣ Wamā Liqāri'ihā*, tahqiq Muhammad Bin Rizq Bin Tarhuni (Damanhur : Maktabah Linah, 1412H), 91 (no. hadith 46).
[1651] Al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, 5: 757.
[1652] Al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī, *Khazīnah al-Asrār*, 131.
[1653] Ibn al-Jawzī, *al-Mawḍū'āt*, 3: 175 (Kitāb al-Adāb).
[1654] Al-Syawkānī, *al-Fawā'id al-Majmū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, 222 (Kitāb al-Adāb, no. hadith 18).
[1655] Al-Suyūṭī, *Al-La'ālī al-Maṣnū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah,* 2: 283.

Universiti Malaya

al-Yamani (pentahqiq *al-Fawā'id al-Majmū'ah*) menyatakan bahawa pandangan ulama-ulama terhadapnya adalah *syadid* (tegas dan keras) yang menunjukkan beliau melakukan pendustaan samada secara sengaja atau tersalah[1656]. Muhammad Bin Sālim dinyatakan *da'if* oleh Yahya Bin Ma'in[1657]. Abu Hatim pula menyatakannya sebagai *ḍa'īf al-ḥadīth, munkar al-ḥadīth* dan *yusybih al-matruk*[1658]. Al-Nasa'i pula menyatakannya sebagai tidak *thiqah* dan tidak ditulis hadith daripadanya[1659].

**Hukum Hadith**

Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat Muḥammad Bin Sālim yang dinyatakan *syibh al-matrūk* (menyerupai *matrūk*), *ḍa'īf al-ḥadīth, munkar al-ḥadīth, laysa bi syay'* (bukanlah sesuatu), *lā yuttaham bi al-waḍ'i* (tidak dituduh mencipta hadith palsu). Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ḍa'īf jiddan* (sangat lemah) kerana di dalam jalur sanadnya terdapat perawi yang mempunyai kecacatan yang menghampiri kepada pendustaan walaupun beliau tidak dinyatakan sebagai pendusta. Selain itu, pandangan ulama-ulama terhadapnya juga adalah *syadid* (tegas dan keras) yang menunjukkan beliau melakukan pendustaan samada secara sengaja atau tersalah.

---

**<u>Hadith 185</u>**

> Anas bin Malik r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda maksudnya: " Apabila engkau membaringkan diri di atas lambungmu semasa tidur lalu dibaca Al Fatihah dan surah Al Ikhlas, maka akan terpeliharalah engkau sewaktu tidur dari segala yang menyakiti". [1660]

***Takhrij* Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 170.

---

[1656] Lihat nota kaki al-Syawkānī, *al-Fawā'id al-Majmū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, 222 (Kitāb al-Adāb, no. hadith 18).
[1657] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 25: 239.
[1658] *Ibid.*, 25: 241.
[1659] *Ibid.*, 25: 241.
[1660] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 170.

---

## Hadith 186

> Menurut riwayat yang masyhur, barangsiapa mengamalkan bacaan Al Fatihah sebanyak 20 kali setiap kali selesai solat fardhu lima waktu setiap hari, InsyaAllah akan dimurahkan rezekinya, tercapai segala maksud dan harapan serta terpelihara ia dari segala bencana dan keburukan. [1661]

***Takhrij*** **Hadith**

> وَمَنْ دَاوَمَ عَلَى قِرَائَتِهَا عقب كُلِّ صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ عِشْرِينَ مَرَّة يَبْلُغُ كُلَّ يَوْمٍ اِلَى مِائَةِ فَاتِحَةٍ وَسَّعَ اللهُ رِزْقَهُ وَحَسَّنَ حَالَهُ وَنَوَّرَ بَصَرَهُ عَلَى قَدَرِهِ وَيَسَّرَ أَمْرَهُ وَفَرَّجَ هَمَّهُ وَكَشَفَ ضُرَّهُ يُعْطِي قَارِئَهَا مَأْمُولَهُ مِنَ الْعِزِّ وَالْهَيْبَةِ وَالْعُلُوِّ وَالرِّفْعَةِ وَالسِّيَادَةِ.......[1662]

Riwayat ini tidak ditemui daripada kitab-kitab hadith yang mu'tabar dan kitab-kitab tafsir. Pengkaji dapat menemui riwayat yang hampir sama dengan riwayat ini iaitu di dalam kitab *Khazīnah al-Asrār*[1663] tanpa sanad.

**Hukum Hadith**

Pengkaji mendapati riwayat ini disandarkan kepada Rasulullah s.a.w tanpa sanad. Justeru, pengkaji tidak dapat menyatakan status sanad riwayat ini lantaran pengkaji tidak menemui sanadnya. Dengan demikian, pengkaji berpandangan hadith ini menghampiri kepada tiada asal baginya (*la aṣl lah*).

---

## Hadith 187

> Menurut hadith riwayat Abu Said Al Khudry r.a, sewaktu beliau membaca Al Fatihah untuk mengubati seorang laki-laki yang digigit kala jengking sehingga sembuh, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: " Siapakah yang mengajarkan kepadamu bahawa surah Al Fatihah itu adalah jampi? Lalu baginda bersabda lagi, memang

---

[1661] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1662] Lafaz riwayat ini adalah sebagaimana yang direkodkan oleh al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī di dalam kitabnya *Khazīnah al-Asrār.*

[1663] Al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī, *Khazīnah al-Asrār*, 135.

benarlah apa yang kamu lakukan itu. Bahagi-bahagikanlah hadiah yang diperolehi itu dan jangan lupa memberikan sebahagian untukku”.[1664]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ عَنْ أَبِي بِشْرٍ عَنْ أَبِي الْمُتَوَكِّلِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ أَنَّ رَهْطًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْطَلَقُوا فِي سَفْرَةٍ سَافَرُوهَا حَتَّى نَزَلُوا بِحَيٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ فَاسْتَضَافُوهُمْ فَأَبَوْا أَنْ يُضَيِّفُوهُمْ فَلُدِغَ سَيِّدُ ذَلِكَ الْحَيِّ فَسَعَوْا لَهُ بِكُلِّ شَيْءٍ لَا يَنْفَعُهُ شَيْءٌ فَقَالَ بَعْضُهُمْ لَوْ أَتَيْتُمْ هَؤُلَاءِ الرَّهْطَ الَّذِينَ قَدْ نَزَلُوا بِكُمْ لَعَلَّهُ أَنْ يَكُونَ عِنْدَ بَعْضِهِمْ شَيْءٌ فَأَتَوْهُمْ فَقَالُوا يَا أَيُّهَا الرَّهْطُ إِنَّ سَيِّدَنَا لُدِغَ فَسَعَيْنَا لَهُ بِكُلِّ شَيْءٍ لَا يَنْفَعُهُ شَيْءٌ فَهَلْ عِنْدَ أَحَدٍ مِنْكُمْ شَيْءٌ فَقَالَ بَعْضُهُمْ نَعَمْ وَاللَّهِ إِنِّي لَرَاقٍ وَلَكِنْ وَاللَّهِ لَقَدْ اسْتَضَفْنَاكُمْ فَلَمْ تُضَيِّفُونَا فَمَا أَنَا بِرَاقٍ لَكُمْ حَتَّى تَجْعَلُوا لَنَا جُعْلًا فَصَالَحُوهُمْ عَلَى قَطِيعٍ مِنْ الْغَنَمِ فَانْطَلَقَ فَجَعَلَ يَتْفُلُ وَيَقْرَأُ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَتَّى لَكَأَنَّمَا نُشِطَ مِنْ عِقَالٍ فَانْطَلَقَ يَمْشِي مَا بِهِ قَلَبَةٌ قَالَ فَأَوْفَوْهُمْ جُعْلَهُمْ الَّذِي صَالَحُوهُمْ عَلَيْهِ فَقَالَ بَعْضُهُمْ اقْسِمُوا فَقَالَ الَّذِي رَقَى لَا تَفْعَلُوا حَتَّى نَأْتِيَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَنَذْكُرَ لَهُ الَّذِي كَانَ فَنَنْظُرَ مَا يَأْمُرُنَا فَقَدِمُوا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرُوا لَهُ فَقَالَ **وَمَا يُدْرِيكَ أَنَّهَا رُقْيَةٌ أَصَبْتُمْ اقْسِمُوا وَاضْرِبُوا لِي مَعَكُمْ بِسَهْمٍ**[1665]

Hadith Abū Sa'īd al-Khudriy r.a. ini direkodkan oleh al-Bukhārī[1666], Muslim[1667], Abū Dāwūd[1668], al-Tirmidhī[1669], Ibn Mājah[1670], Aḥmad[1671] dan Ibn Abī Syaybah [1672].

**Hukum Hadith**

Hadith ini berstatus *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

---

[1664] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1665] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Imam al-Bukhārī di dalam kitab *Sahih*nya.

[1666] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 3: 45 (Kitāb al-Ṭibb, no. hadith 5749).

[1667] Muslim, *Sahih Muslim,* 4: 1728 (Kitāb al-Salām, no. hadith 2201).

[1668] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 699 (Kitāb al-Ṭibb, no. hadith 3900).

[1669] Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 366 (Kitāb al-Ṭibb, no. hadith 2063).

[1670] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 371 (Kitāb al-Tijārāt, no. hadith 2156).

[1671] Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 10: 34 (no. hadith 11012).

[1672] Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 8: 42 (Kitāb al-Ṭibb, no. hadith 23934).

## Hadith 188

> Rasulullah s.a.w bersabda: Barangsiapa membacanya 21 kali ketika hendak tidur, InsyaAllah aman sentosa ia pada malam itu dari gangguan syaitan, dari mati terkejut dan dari kejahatan manusia seperti pencuri dan lain-lain. [1673]

### *Takhrij* Hadith

مَنْ قَرَأَ الْبَسْمَلَةَ عِنْدَ النَّوْمِ اِحْدَى وَعِشْرِينَ مَرَّةً أَمِنَ فِي تِلْكَ اللَّيْلَةِ مِنَ الشَّيْطَانِ وَمِنْ
شَرِّ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ وِالسَّرِقَةِ وِالْحَرِيقِ وَمِنْ مَوْتِ الْفَجْأَةِ وَيُدْفَعُ عَنْهُ كُلَّ بَلَاءٍ وَآفَةٍ. [1674]

Riwayat ini tidak ditemui daripada kitab-kitab hadith yang mu'tabar dan kitab-kitab tafsir. Riwayat ini ditemui di dalam kitab *Khazīnah al-Asrār* [1675] tanpa sanad dan kitab *Khaṣā'is Wa Asrār Wa Tafsīr BismiLlāh al-Raḥmān al-Raḥīm* [1676] tanpa sanad.

### Hukum Hadith

Pengkaji mendapati riwayat ini disandarkan kepada Rasulullah SAW tanpa sanad. Justeru, pengkaji tidak dapat menyatakan status sanad riwayat ini lantaran pengkaji tidak menemui sanadnya. Dengan demikian, pengkaji berpandangan hadith ini menghampiri kepada tiada asal baginya (*la aṣl lah*).

---

## Hadith 189

> Diriwayatkan oleh Al Waqi' dari Ibnu Mas'ūd r.a bahawa barangsiapa yang ingin dilindungi Allah dari siksaan Malaikat Zabaniah yang 19 jumlahnya (iaitu Malaikat yang akan menyiksa para penghuni neraka kelak) hendaklah memperbanyakkan bacaan بسم الله الرحمن الرحيم maka Allah akan menjadikan setiap hurufnya sebagai perisai dari kebengisan malaikat-malaikat tersebut. بسم الله الرحمن الرحيم mempunyai 19 huruf yang menyamai jumlah malaikat Zabaniyah yang tersebut. [1677]

Universiti Malaya

---

[1673] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1674] Lafaz riwayat ini adalah sebagaimana yang direkodkan oleh al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī di dalam kitabnya *Khazīnah al-Asrār.*
[1675] Al-Sayyid Muḥammad Ḥaqqī al-Nāzilī, *Khazīnah al-Asrār*, 105.
[1676] Muḥammad al-Huwaydī, *Khaṣā'iṣ Wa Asrār Wa Tafsīr Bismillāh al-Raḥmān al-Raḥīm*, 113.
[1677] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

***Takhrij* Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 149.

**Hukum Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 149.

---

## Hadith 190

> Abu Hurairah r.a meriwayatkan sebuah hadith daripada Rasulullah s.a.w yang bermaksud: " Wahai Abu Hurairah apabila engkau menaiki kenderaan, bacalah بسم الله الرحمن الرحيم dan surah Al Fatihah maka akan dituliskan bagimu kebaikan sebanyak langkah perjalananmu. Bagi engkau menaiki bahtera di lautan, bacalah juga بسم الله الرحمن الرحيم dan surah Al Fatihah, akan dituliskan bagimu kebaikan-kebaikan sehingga engkau berlabuh kembali". [1678]

***Takhrij* Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 157.

**Hukum Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 157.

---

## Hadith 191

> Menurut sebuah hadith dari Saiyidatina Ali kmw. Yang bermaksud " Apabila engkau mendapat sesuatu kecelakaan bacalah
>
> بسم الله الرحمن الرحيم ولا حول ولا قوة الا بالله العلى العظيم
>
> "Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Tiada daya dan tiada upaya melaikan dengan pertolongan Allah, Tuhan yang Maha Tinggi lagi Maha Besar". [1679]

***Takhrij* Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 147.

[1678] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1679] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 147.

---

## <u>Hadith 192</u>

عن أبي هريرة أنه صلى الله عليه وسلم قال: إذا قرأتم الحمد لله فأقرءوا بسم الله الرحمن الرحيم إنها أم القرآن وأم الكتاب والسبع المثاني وبسم الله الرحمن الرحيم إحدى آياتها. (رواه الدار قطني)

Daripada Abu Hurairah bahawasanya Rasulullah s.a.w bersabda: Apabila kamu membaca الحمدلله (Al Fatihah) maka bacalah بسم الله الرحمن الرحيم kerana ia merupakan Ummulkitab dan UmmulQuran dan tujuh ayat yang berulang-ulang بسم الله الرحمن الرحيم merupakan satu daripada ayat-ayatnya. [1680]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ صَاعِدٍ وَمُحَمَّدُ بْنُ مَخْلَدٍ قَالاَ حَدَّثَنَا جَعْفَرُ بْنُ مُكْرَمٍ حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ الْحَنَفِىُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْحَمِيدِ بْنُ جَعْفَرٍ أَخْبَرَنِى نُوحُ بْنُ أَبِى بِلاَلٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِى سَعِيدٍ الْمَقْبُرِىِّ عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- « إِذَا قَرَأْتُمْ ( الْحَمْدُ لِلَّهِ) فَاقْرَءُوا (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) إِنَّهَا أُمُّ الْقُرْآنِ وَأُمُّ الْكِتَابِ وَالسَّبْعُ الْمَثَانِى وَ (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) إِحْدَاهَا ».[1681]

Hadith Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Dāruquṭnī[1682] dan al-Bayhaqī[1683]. Hadith ini diriwayatkan melalui jalur Abū Bakr al-Ḥanafī *haddathanā* 'Abd al-Ḥamīd Bin Ja'far *akhbaranī* Nūḥ Bin Abī Bilāl daripada Sa'īd Bin Abī Sa'īd al-Maqburiy daripada Abī Hurayrah r.a. Al-Dāruquṭnī juga ada merekodkan kata-kata perawi Abū Bakr al-Ḥanafī iaitu beliau ada berjumpa dengan Nūḥ *faḥaddathanī* (lalu berkata kepadanya) Sa'īd Bin Abī Sa'īd al-Maqburiy daripada Abī Hurayrah r.a. seumpama hadith ini dalam keadaan hadith ini tidak di*marfū'*kan kepada Rasulullah

---

[1680] Penulis buku menyatakan hadith beserta sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan yang sempurna adalah hasil takhrij pengkaji.

[1681] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat hadith yang direkodkan oleh al-Daruqutni di dalam *Sunan*nya.

[1682] Al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 2: 86 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1190).

[1683] Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 2: 67 (Kitāb al-Ṣalāh, hadith 2390).



Universiti Malaya

SAW[1684]. Justeru, apabila sesuatu hadith itu tidak *marfū'*, maka ianya adalah termasuk di dalam kategori hadith *mawqūf* kerana sanadnya terhenti pada perawi sahabat.

Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*[1685]. Al-Albānī berpandangan sanad hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* walaupun diriwayatkan dalam keadaan *marfu'* dan *mawqūf*. Nuh adalah seorang *thiqah* (dipercayai) dan *mawqūf* tidak mencacatkan *marfu*' kerana kadangkala seorang perawi itu me*mawqūf*kan hadith apabila beliau meriwayatkan hadith secara *marfu'*[1686]. Al-Nawāwī di dalam kitabnya *al-Majmū'* ada merekodkan pandangan al-Dāruquṭnī yang menyatakan bahawa semua perawi di dalam jalur sanad hadith ini adalah *thiqah* (dipercayai) dan hadith ini diriwayatkan secara *mawqūf*.[1687]

**Hukum Hadith**

Hadith ini direkodkan oleh al-Dāruquṭnī dalam dua bentuk iaitu secara *marfū'* dan *mawqūf*. Perbezaan antara *marfū'* dan *mawqūf* adalah berpunca daripada riwayat yang dinyatakan oleh perawi Nūḥ yang me*marfū'*kan hadith ini pada satu ketika dan me*mawqūf*kannya pula pada ketika yang lain. Walaupun demikan, kesemua perawi di dalam jalur sanad ini adalah *thiqah* (dipercayai). Justeru, pengkaji berpandangan bahawa pendapat yang dinyatakan oleh al-Albānī adalah boleh diterima yang akhirnya menatijahkan hadith ini berstatus *ṣaḥīḥ*.

---

1684 Al-Dāruquṭnī, *Sunan al-Dāruquṭnī*, 2: 86 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1190).
1685 Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah Wa Syay' Min Fiqhihā Wa Fawā'idihā*, 3: 179 (no. hadith 1183). Lihat juga al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 1: 187 (no. hadith 729).
1686 Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah Wa Syay' Min Fiqhihā Wa Fawā'idihā*, 3: 179 (no. hadith 1183).
1687 Al-Nawāwī, al-Imām Abī Zakariyā Muḥy al-Dīn Bin Syarf, *Kitāb al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab Li al-Syīrāzī*, tahqiq Muhammad Najib al-Mut'i (Jaddah : Maktabah al-Irsyād, t.t), 3: 293.



Universiti Malaya

e. **<u>Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW</u> yang ditulis oleh Said Bin Che Ros dan diterbitkan oleh Pustaka Haji Wan Majid Sdn Bhd.**

**<u>Hadith 193</u>**

Sabda Nabi SAW : “ من صلى عليّ في كتاب لم تزل الملائكة يستغفرون له ما دام اسمي في ذلك الكتاب “ Barangsiapa menulis selawat kepadaku di dalam sebuah kitab, maka para malaikat tetap memohonkan keampunan baginya selama namaku masih tertulis di dalam kitab tersebut[1688].

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ , قَالَ : نا إِسْحَاقُ بْنُ وَهْبٍ الْعَلافُ , قَالَ : نا بِشْرُ بْنُ عُبَيْدِ اللَّهِ الدَّارِسِيُّ , قَالَ : نا حَازِمُ بْنُ بَكْرٍ ، عَنْ يَزِيدَ بْنِ عِيَاضٍ، عَنِ الأَعْرَجِ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : **مَنْ صَلَّى عَلَيَّ فِي كِتَابٍ لَمْ تَزَلِ الْمَلائِكَةُ تَسْتَغْفِرُ لَهُ مَا دَامَ اسْمِي فِي ذَلِكَ الْكِتَابِ** " ، لا يُرْوَى هَذَا الْحَدِيثُ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ إِلا بِهَذَا الإِسْنَادِ ، تَفَرَّدَ بِهِ : إِسْحَاقُ.[1689]

Hadith Abū Hurayrah r.a. ini direkodkan oleh al-Ṭabrānī[1690], Ibn al-Jawzī[1691] dan al-Syawkānī[1692]. Al-Ṭabrānī menyatakan hadith riwayat Abū Hurayrah r.a ini hanya didapati daripada jalur sanad ini sahaja dan Isḥāq meriwayatkannya secara bersendirian. Ibn Kathīr juga ada menukilkan hadith ini tetapi melalui jalur sanad Ibn 'Abbās dan menyatakan tidak *ṣaḥīḥ*. Menurutnya juga hadith melalui jalur Abū Hurayrah r.a. dan Abū Bakr dan seumpamanya juga adalah tidak *ṣaḥīḥ*. Beliau juga menyatakan bahawa al-Dhahabī menganggapnya sebagai *mawḍū'* [1693]. Ibn Kathīr menyatakan bahawa hadith seumpama ini yang diriwayatkan oleh Abu Bakr telah dinukilkan oleh Ibn 'Adī di dalam *al-Kāmil* melalui jalur Abī Dāwūd al-Nakha'ī daripada Ayyūb Bin Mūsā daripada al-Qāsim daripada Abū Bakr r.a. dan Abū Dāwūd al-Nakha'ī ini adalah *Waḍḍā'*

[1688] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yag diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1689] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī di dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Awsaṭ*.
[1690] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 2: 282 (no. hadith 5381).
[1691] Ibn al-Jawzī, *al-Mawḍū'āt*, 1: 228 (Kitāb al-'Ilm).
[1692] Al-Syawkānī, *al-Fawā'id al-Majmū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, 329 (Bab Faḍā'il al-Nabī, no. hadith 42).
[1693] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 11: 237.

Universiti Malaya

(Pencipta hadith palsu)[1694]. Ibn al-Jawzī menyatakan hadith ini adalah *mawḍū'*. Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat Yazīd Bin 'Iyāḍ yang dinyatakan oleh Yaḥyā sebagai *laysa bi syay'* (tiada sesuatu). Mālik ditanya daripada Ibn Sam'an berkata bahawa Yazīd ini adalah *kadhdhāb* (pendusta). Al-Nasā'ī pula menyatakan beliau ini adalah *matrūk al-ḥadīth* (ditinggalkan hadith). Di dalam jalur sanad hadith ini juga terdapat Isḥāq Bin Wahab yang dinyatakan oleh al-Dāruquṭnī sebagai *kadhdhāb matrūk yuḥaddith bi al-Abāṭil* (pendusta, ditinggalkan dan beliau meriwayatkan hadith-hadith yang batil). Ibn Ḥibbān pula menyatakan beliau ini *waḍḍā'* (pencipta hadith palsu). Al-'Irāqī menyatakan sanad ini adalah *ḍa'īf*.[1695] Al-Syawkānī menyatakan di dalam sanad hadith terdapat perawi yang tidak boleh dijadikan hujah. 'Alī Ḥasan juga ada menukilkan di dalam kitabnya yang menghimpunkan hadith-hadith dan athar yang lemah dan palsu.[1696]

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *mawḍū'* kerana di dalam jalur sanadnya terdapat perawi yang dinyatakan sebagai pendusta dan pencipta hadith palsu.

---

**<u>Hadith 194</u>**

Nabi Muhammad SAW bersabda : " مَنْ صَلَّى عَلَيَّ مَرَّةً فَلَا ذَنْبَ لَهُ ذَرَّةً وَلَا حَبَّةً " Barangsiapa berselawat untukku sekali, maka tidak ada baginya dosa walaupun sebesar zarah atau biji sawi[1697].

***Takhrij* Hadith**

Hadith ini tidak ditemui daripada sumber kitab hadith yang mu'tabar melainkan telah direkodkan oleh al-Ṣaghānī[1698] , al-'Ajlūnī[1699], 'Alī Ḥasan[1700]. Kesemua riwayat

---

[1694] *Ibid.*

[1695] Al-'Irāqī menyatakan sanad ini *da'if* ketika melakukan takhrij di dalam Kitab *al-Iḥyā'* karangan Imam al-Ghazālī.

[1696]'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 10: 61 (no. hadith 25148).

[1697] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

yang direkodkan ini adalah tanpa sanad. Melihat kepada mafhum hadith ini yang bersangatan di dalam menyatakan kelebihan amalan tertentu sehingga menyatakan hanya dengan sekali selawat sahaja akan menghapuskan semua dosa mendedahkan riwayat ini kepada ciri-ciri hadith *mawḍū'*. Al-Ṣaghānī menyatakan hadith ini *mawḍū'* dan beliau menukilkan hadith ini di dalam kitabnya *al-Mawḍū'āt* serta pandangan *mawḍū'* ini juga dipersetujui oleh al-'Ajlūnī.

**Hukum Hadith**

Hadith ini *mawḍū'* sebagaimana yang diakui oleh al-Ṣaghānī dan al-'Ajlūnī.

---

**<u>Hadith 195</u>**

> Dari Hasan bin Ali bahawa Rasulullah SAW bersabda : " أكثروا الصلاة عليّ فان صلاتكم مغفرة لذنوبكم واطلبوا لي الوسيلة والدرجة الرفيعة , فان وسيلتي عند ربي شفاعة لكم. " (الجامع الصغير) "perbanyakkan olehmu sekalian membaca selawat untukku kerana sesungguhnya bacaan selawatmu menyebabkan keampunan terhadfap dosa-dosamu, dan mintalah kepadaku akan wasilah (perantara) dan darjat yang tinggi, kerana perantaraanku di sisi Tuhanku itu menjadi syafaat bagi kamu sekalian."[1701]

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا أَبُو الْحَسَنِ , أَيْضًا ، نَا عَبْدُ الْعَزِيزِ ، أَنَا أَبُو الْحَسَنِ عَلِيُّ بْنُ مُوسَى بْنِ الْحَسَنِ بْنِ السِّمْسَارِ ، أَنَا أَبُو سُلَيْمَانَ بْنُ زَبْرٍ ، نَا أَبِي ، نَا الْحَسَنُ بْنُ جَرِيرٍ الصُّورِيُّ ، نَا سُلَيْمَانُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ ، نَا نَاشِبُ بْنُ عَمْرٍو الشَّيْبَانِيُّ مَدَنِيٌّ ، نَا مُقَاتِلُ بْنُ حَيَّانَ ، عَنْ أَبِي صَالِحٍ ، عَنِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ . صلى الله عليه وسلم . , أَنَّهُ

---

[1698] Al-Ṣaghānī, Abū al-Faḍā'il al-Ḥasan Bin Muḥammad Bin al-Ḥasan al-Qurasyī, *Mawḍū'at al-Ṣaghānī*, tahqiq Najm 'Abd al-Rahman Khalaf (t.t.p : t.p, 1980), 38 (no. hadith 46).

[1699] Al-'Ajlūnī, *Kasyf al-Khafā' Wa Muzīl al-Ilbās 'Ammā Isytahar Min al-Aḥādīth 'Alā Alsinah al-Nās*, 2: 304 (no. hadith 2516).

[1700]'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 10: 62 (no. hadith 25151).

[1701] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

قَالَ " : أَكْثِرُوا الصَّلاةَ عَلَيَّ , فَإِنَّ صَلاتَكُمْ عَلَيَّ مَغْفِرَةٌ لِذُنُوبِكُمْ , وَاطْلُبُوا لِيَ الدَّرَجَةَ وَالْوَسِيلَةَ , فَإِنَّ وَسِيلَتِي عِنْدَ رَبِّي شَفَاعَةٌ لَكُمْ.[1702]

Hadith al-Ḥasan bin 'Alī ini direkodkan oleh Ibn 'Asākir[1703] dan al-Suyūṭī[1704]. Al-Albānī menyatakan hadith ini sanadnya *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah)[1705]. Di dalam sanad ini terdapat Nāsyib Bin 'Amrū al-Syaybānī yang dinyatakan *munkar al-ḥadīth* sebagaimana yang diperakui oleh al-Bukhārī dan dinyatakan *ḍa'īf* oleh al-Daruqutni[1706].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ḍa'īf* kerana di dalam sanadnya terdapat Nāsyib Bin 'Amrū al-Syaybānī yang dinyatakan *ḍa'īf*.

---

**<u>Hadith 196</u>**

Dari Anas bin Malik r.a., Nabi SAW bersabda :

“ ما من مسلمين يلتقيان فيتصافحان ويصلّيان عليّ الا وأنهما لم ينصرفا حتى يغفر الله ذنوبهما ما تقدّم وما تأخّر من كرمه. “

Tiada dua orang muslim yang berjumpa kemudian berjabat tangan serta berselawat untukku, melainkan sesungguhnya keduanya tidak akan berpisah sehingga Allah mengampuni dosa-dosa mereka, baik yang terdahulu mahupun yang kemudian, dari sebab kemuliaan Allah s.w.t.[1707]

***Takhrij* Hadith**

Pengkaji tidak menemui matan hadith yang sama dengan nukilan penulis buku ini melainkan hadith yang mempunyai maksud yang hampir sama iaitu :

---

1702 Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn 'Asākir di dalam kitabnya *Tārīkh Madīnah Dimasyq*.

1703 Ibn 'Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimasyq*, 61: 381.

1704 Al-Suyūṭī, *Jāmi' al-Aḥādīth al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Zawā'iduhu Wa al-Jāmi' al-Kabīr,* 2: 56 (no. hadith 3851).

1705 Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 5: 279 (no. hadith 2252).

1706 Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 7: 3.

1707 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

حَدَّثَنَا شَبَابُ بْنُ خَيَّاطٍ ، حَدَّثَنَا دُرُسْتُ بْنُ حَمْزَةَ ، حَدَّثَنَا مَطَرٌ الْوَرَّاقُ ، عَنْ قَتَادَةَ ، عَنْ أَنَسٍ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ " : مَا مِنْ عَبْدَيْنِ مُتَحَابَّيْنِ فِي اللَّهِ يَسْتَقْبِلُ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَيُصَافِحُهُ ، وَيُصَلِّيَانِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلا لَمْ يَفْتَرِقَا حَتَّى تُغْفَرَ ذُنُوبُهُمَا مَا تَقَدَّمَ مِنْهُمَا وَمَا تَأَخَّرَ[1708]"

Hadith Anas Bin Mālik r.a. ini direkodkan oleh Abū Ya'la al-Mawṣilī[1709], al-Bayhaqī[1710], Ibn al-Sunnī[1711] dan al-Hindī[1712]. Dr. 'Abd al-'Aliy 'Abd al-Hamid menyatakan riwayat al-Bayhaqī adalah dengan sanad *ḍa'īf jiddan* (sangat lemah). Husayn Salīm Asad al-Dārānī ketika melakukan takhrij hadith ini di dalam *Musnad* Abī Ya'la menyatakan sanad hadith ini adalah *ḍa'īf*. Maṭar al-Warrāq adalah *ṣadūq* akan tetapi beliau banyak melakukan kesilapan. Aḥmad Bin Ḥanbal, Abū Ḥātim al-Rāzī dan Muḥammad bin Sa'd juga menyatakan Maṭar ini adalah *ḍa'īf* manakala al-Nasā'ī pula menyatakan *laysa bi al-qawiy* (tidak kuat).[1713] Durust Bin Ḥamzah pula di*ḍa'īf*kan oleh al-Dāruquṭnī. Ibn Ḥibbān pula menyatakan Durust ini adalah *munkar al-ḥadīth jiddan*. Beliau meriwayatkan daripada Maṭar sesuatu yang akan menyebabkan orang yang mendengarnya seolah-olah rekaan palsu[1714]. Al-Bukhārī pula menyatakan bahawa riwayat Durust Bin Ḥamzah daripada Maṭar al-Warrāq ini hadithnya tidak dijadikan *mutāba'ah*. Al- Haythami menyatakan Durust Bin Ḥamzah adalah *ḍa'īf*.[1715] Al-Albānī menyatakan hadith dengan lafaz ini adalah *munkar al-ḥadīth*. Terdapat banyak hadith daripada para sahabat akan tetapi bukanlah dengan lafaz seperti menyebut selawat ke

[1708] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Abū Ya'lā al-Mawṣilī di dalam kitab *Musnad*nya.
[1709] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 5: 333 (no. hadith 2960).
[1710] Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 11: 280 (Kitāb Muqābalah Ahl al-Dīn Wa Mawādatihim Wa Ifsyā' al-Salām Baynahum, no. hadith 8543).
[1711] Ibn al-Sunnī, *Kitāb 'Amal al-Yawm Wa al-Laylah*, 100 (no. hadith 194).
[1712] Al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 9: 135 (Kitāb al-Ṣuḥbah, no. hadith 25389).
[1713] Al-Dhahabī, *Siyar A'lam al-Nubala'*, 5: 453.
[1714] Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 2: 106 (no. hadith 652).
[1715] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 5: 333-334 (no. hadith 2960).

Universiti Malaya

atas Nabi SAW dan pengampunan terhadap dosa yang akan datang. Pertambahan ini menunjukkan satu kemungkaran[1716].

**Hukum Hadith**

Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat dua orang perawi yang bermasalah iaitu Maṭar al-Warrāq yang merupakan *ḍa'īf* dan Durust Bin Ḥamzah yang merupakan *munkar al-ḥadīth jiddan*. Pengkaji berpandangan hadith ini *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah) kerana di dalam sanadnya terdapat Durust Bin Ḥamzah yang dinyatakan *munkar al-ḥadīth jiddan*. Menurut Dr. Mahmud Tahhan, hadith *munkar* ini adalah termasuk dalam kategori hadith *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah)[1717].

---

**<u>Hadith 197</u>**

> Anas bin Malik r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda : " من صلى عليّ صلاة صلّى الله عليه عشرا وحطّت عنه عشر خطيئات ورفعت له عشر درجات. " Barangsiapa membaca selawat untukku, maka Allah memberikan kepadanya sepuluh selawat . Dihapuskan daripadanya sepuluh dosa serta di angkat sepuluh darjat."[1718]

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا إِسْحَاقُ بْنُ مَنْصُورٍ ، قَالَ : حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ ، قَالَ : حَدَّثَنَا يُونُسُ بْنُ أَبِي إِسْحَاقَ ، عَنْ بُرَيْدِ بْنِ أَبِي مَرْيَمَ ، قَالَ : حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ , قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَ صَلَوَاتٍ وَحُطَّتْ عَنْهُ عَشْرُ خَطِيئَاتٍ وَرُفِعَتْ لَهُ عَشْرُ دَرَجَاتٍ[1719]

Hadith Anas Bin Mālik r.a. ini direkodkan oleh al-Nasā'ī[1720], Aḥmad[1721], Ibn Ḥibbān[1722], al-Ḥākim[1723], al-Bayhaqī[1724] dan Ibn Abī Syaybah [1725]. Al-Hindī[1726] ada

---

[1716] Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 2: 106 (no. hadith 652).

[1717] Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 97.

[1718] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1719] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Nasā'ī di dalam *Sunan*nya.

[1720] Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 211 (Kitāb al-Sahw, no. hadith 1297).



Universiti Malaya

merekodkan sebanyak 3 buah hadith tetapi kesemuanya melalui jalur Abū Ṭalḥah. Al-Albānī menyatakan riwayat al-Nasā'ī adalah *ṣaḥīḥ*. Dr. 'Abd al-'Aliy 'Abd al-Hamid berpandangan riwayat al-Bayhaqī adalah dengan sanad perawi yang kesemuanya adalah *thiqah* (dipercayai)[1727]. Hamzah Ahmad Zayn pula berpandangan riwayat Ahmad adalah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ menyatakan hadith riwayat Anas ini telah di*ṣaḥīḥ*kan oleh Ibn Ḥibbān dan al-Ḥākim serta al-Dhahabī sendiri[1728]. Abū Ya'lā al-Mawṣilī juga ada merekodkan hadith ini[1729] tetapi dengan sanad yang *ḍa'īf*[1730] melalui jalur Abū Ṭalḥah.

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* sebagaimana yang dipersetujui oleh Ibn Ḥibbān, al-Ḥākim, al-Dhahabī dan al-Albānī.

---

**<u>Hadith 198</u>**

> Rasulullah SAW bersabda : " من صلّى عليّ مرة لم يبق من ذنوبه ذرّة." barangsiapa membaca selawat sekali untukku, maka tidak akan tinggal padanya dosa walaupun seberat zarrah (atom)."[1731]

---

1721 Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 11: 264 (no. hadith 13689). Tetapi di dalam riwayat Imam Ahmad ini adalah tanpa lafaz matan "وفعتْله عشْر درجاتٍ".

1722 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 3: 185 (Kitāb al-Raqā'iq, no. hadith 904). Tetapi tanpa lafaz matan "وفعتْله عشْر درجاتٍ".

1723 Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 745 (Kitāb al-Du'ā' Wa al-Takbīr Wa al-Tasbīḥ Wa al-Tahlīl Wa al-Dhikr, no. hadith 2070). Tetapi tanpa lafaz matan "وفعتْله عشْر درجاتٍ".

1724 Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 3: 124 (Kitāb Ta'ẓīm al-Nabī Wa Ijlālih Wa Tawqīrih, no. hadith 1455).

1725 Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 3: 903 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 8787). Tetapi tanpa lafaz matan "وفعتْله عشْر درجاتٍ".

1726 al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 1: 280 (Kitāb al-Adhkār, no. hadith 4007, 4008, 4012).

1727 Menurut hasil tahqiq Dr. 'Abd al-'Aliy 'Abd al-Hamid. Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 3: 124 (Kitāb Ta'ẓīm al-Nabī Wa Ijlālih Wa Tawqīrih, no. hadith 1455).

1728 Al-Dhahabī, *Siyar A'lam al-Nubala'*, 7: 383.

1729 Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 3: 15 (no. hadith 1425).

1730 Sanad hadith riwayat Abū Ya'lā ini dinyatakan *da'if* oleh Husayn Salim Asad kerana terdapat perawi bernama Ḥammād Bin 'Amrū yang dinyatakan oleh Abū Ḥātim sebagai *munkar al-ḥadīth* dan *ḍa'īf al-ḥadīth jiddan*. Abu Zur'ah pula menyatakan *wāhī al-ḥadīth*. Lihat nota tahqiq. *Ibid.*

1731 Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

Hadith ini tidak ditemui daripada sumber kitab hadith yang mu'tabar melainkan direkodkan oleh al-Ṣaghānī[1732] , al-'Ajlūnī[1733], 'Alī Ḥasan[1734]. Kesemua riwayat yang direkodkan ini adalah tanpa sanad. Hadith ini menyatakan kelebihan amalan tertentu yang keterlaluan sehingga menyatakan hanya dengan sekali selawat sahaja akan menghapuskan semua dosa mendedahkan riwayat ini kepada ciri-ciri hadith *mawḍū'*. Al-Ṣaghānī menyatakan hadith ini *mawḍū'* dan beliau menukilkan hadith ini di dalam kitabnya *al-Mawḍū'āt* serta pandangan *mawḍū'* ini juga dipersetujui oleh al-'Ajlūnī.

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini berstatus *mawḍū'* sebagaimana yang diakui oleh al-Ṣaghānī dan al-'Ajlūnī.

---

**<u>Hadith 199</u>**

> Dari Abil Kahil dari Nabi SAW bahawa baginda bersabda : " يا أبا كاهل من صلّى عليّ كل يوم ثلاث مرات وكل ليلة ثلاث مرات حبّا لي وشوقا اليّ كان حقّا على الله أن يغفر له ذنوب ذلك اليوم وذنوب تلك الليلة. (زبدة الواعظين)
>
> " Hai Abu Kahil ! Barangsiapa membaca sekawat untukku tiap-tiap hari sebanyak tiga kali dan tiap-tiap malam sebanyak tiga kali kerana cinta kepadaku serta rindu kepadaku, maka adalah sudah semestinya Allah memberi keampunan kepadanya, semua dosanya pada hari itu dan semua dosanya pada malam itu."[1735]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ عَلِيٍّ الْمَعْمَرِيُّ ، ثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْمَدِينِيِّ ، ثَنَا يُونُسُ بْنُ مُحَمَّدٍ الْمُؤَدِّبُ ، ثَنَا الْفَضْلُ بْنُ عَطَاءٍ ، عَنِ الْفَضْلِ بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَبِي مَنْظُورٍ ، عَنْ أَبِي مُعَاذٍ ، عَنْ أَبِي كَاهِلٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " يَا أَبَا كَاهِلٍ

---

[1732] Al-Ṣaghānī, *Mawḍū'at al-Ṣaghānī*, 38 (no. hadith 46).
[1733] Al-'Ajlūnī, *Kasyf al-Khafā' Wa Muzīl al-Ilbās 'Ammā Isytahar Min al-Aḥādīth 'Alā Alsinah al-Nās*, 2: 304 (no. hadith 2516).
[1734] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 10: 62 (no. hadith 25151).
[1735] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

,أَلا أُخْبِرُكَ بِقَضَاءٍ قَضَاهُ اللَّهُ عَلَى نَفْسِهِ ؟ " , قُلْتُ : بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ , قَالَ : "
أَحْيَى اللَّهُ قَلْبَكَ وَلا يُمِيتُهُ حَتَّى يَمُوتَ بَدَنُكَ ، اعْلَمْ يَا أَبَا كَاهِلٍ أَنَّهُ لَنْ يَغْضَبَ رَبُّ
الْعِزَّةِ عَلَى مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مَخَافَةٌ ، وَلا تَأْكُلُ النَّارُ مِنْهُ هُدْبَةً ، اعْلَمَنَّ يَا أَبَا كَاهِلٍ ,
أَنَّهُ مَنْ سَتَرَ عَوْرَتَهُ حَيَاءً مِنَ اللَّهِ سِرًّا وَعَلانِيَةً كَانَ حَقًّا عَلَى اللَّهِ أَنْ يَسْتُرَ عَوْرَتَهُ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ ، اعْلَمَنَّ يَا أَبَا كَاهِلٍ , أَنَّهُ مَنْ دَخَلَ حَلاوَةُ الصَّلاةِ قَلْبَهُ حَتَّى يُتِمَّ رُكُوعَهَا
وَسُجُودَهَا كَانَ حَقًّا عَلَى اللَّهِ أَنْ يُرْضِيَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، اعْلَمَنَّ يَا أَبَا كَاهِلٍ , أَنَّهُ مَنْ
صَلَّى أَرْبَعِينَ يَوْمًا وَأَرْبَعِينَ لَيْلَةً فِي جَمَاعَةٍ يُدْرِكُ التَّكْبِيرَةَ الأُولَى كَانَ حَقًّا عَلَى اللَّهِ أَنْ
يَكْتُبَ لَهُ بَرَاءَةً مِنَ النَّارِ ، اعْلَمَنَّ يَا أَبَا كَاهِلٍ أَنَّهُ مَنْ صَامَ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ ثَلاثَةَ أَيَّامٍ مَعَ
شَهْرِ رَمَضَانَ كَانَ حَقًّا عَلَى اللَّهِ أَنْ يَرْوِيَهُ يَوْمَ الْعَطَشِ ، اعْلَمَنَّ يَا أَبَا كَاهِلٍ أَنَّهُ مَنْ
كَفَّ أَذَاهُ عَنِ النَّاسِ كَانَ حَقًّا عَلَى اللَّهِ أَنْ يَكُفَّ عَنْهُ أَذَى الْقَبْرِ ، اعْلَمَنَّ يَا أَبَا كَاهِلٍ
, أَنَّهُ مَنْ بَرَّ وَالِدَيْهِ حَيًّا وَمَيِّتًا كَانَ حَقًّا عَلَى اللَّهِ أَنْ يُرْضِيَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ " , قَالَ :
قُلْتُ : كَيْفَ يَبَرُّ وَالِدَيْهِ إِذَا كَانَا مَيِّتَيْنِ ؟ , قَالَ : " بِرُّهُمَا أَنْ يَسْتَغْفِرَ لِوَالِدَيْهِ ، وَلا
يَسُبَّ وَالِدِي أَحَدٍ فَيَسُبَّ وَالِدَيْهِ ، اعْلَمَنَّ يَا أَبَا كَاهِلٍ أَنَّهُ مَنْ أَدَّى زَكَاةَ مَالِهِ عِنْدَ
حُلُولِهَا كَانَ حَقًّا عَلَى اللَّهِ أَنْ يَجْعَلَهُ مِنْ رُفَقَاءِ الأَنْبِيَاءِ ، اعْلَمَنَّ يَا أَبَا كَاهِلٍ أَنَّهُ مَنْ
قَلَّتْ عِنْدَهُ حَسَنَاتُهُ وَعَظُمَتْ عِنْدَهُ سَيِّئَاتُهُ كَانَ حَقًّا عَلَى اللَّهِ أَنْ يُثَقِّلَ مِيزَانَهُ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ ، اعْلَمَنَّ يَا أَبَا كَاهِلٍ , أَنَّهُ مَنْ سَعَى عَلَى امْرَأَتِهِ وَوَلَدِهِ وَمَا مَلَكَتْ يَمِينُهُ يُقِيمُ
فِيهِمْ أَمْرَ اللَّهِ ، وَيُطْعِمُهُمْ مِنْ حَلالٍ كَانَ حَقًّا عَلَى اللَّهِ أَنْ يَجْعَلَهُ مِنَ الشُّهَدَاءِ فِي
دَرَجَاتِهِمْ ، اعْلَمَنَّ يَا أَبَا كَاهِلٍ , **أَنَّهُ مَنْ صَلَّى عَلَيَّ كُلَّ يَوْمٍ ثَلاثَ مَرَّاتٍ وَكُلَّ لَيْلَةٍ**
**ثَلاثَ مَرَّاتٍ حُبًّا بِي وَشَوْقًا كَانَ حَقًّا عَلَى اللَّهِ أَنْ يَغْفِرَ لَهُ ذُنُوبَهُ تِلْكَ اللَّيْلَةَ وَذَلِكَ**
**الْيَوْمَ** ، اعْلَمَنَّ يَا أَبَا كَاهِلٍ , أَنَّهُ مَنْ شَهِدَ أَنَّ لا إِلَهَ إِلا اللَّهُ وَحْدَهُ مُسْتَيْقِنًا بِهِ كَانَ
حَقًّا عَلَى اللَّهِ أَنْ يَغْفِرَ لِكُلِّ وَاحِدَةٍ ذُنُوبَ حَوْلٍ. " [1736]

Pengarang buku hanya menukilkan sebahagian matan sahaja daripada matan hadith yang panjang. Hadith Abū Kāhil[1737] ini direkodkan oleh al-Ṭabrānī[1738], al-

Universiti Malaya

[1736] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Ṭabrānī di dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Kabīr*.
[1737] Abu Kahil r.a. ini nama sebenarnya ialah Qays Bin 'A'idh, Lihat al-Dulabī, al-Ḥāfiẓ Abū Basyar Muḥammad Bin Aḥmad Bin Ḥammād, *al-Kunā wa al-Asmā'* (Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999), 1: 89. Dikatakan juga nama asal beliau ialah 'Abdullah Bin Malik. Lihat Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 34: 211.
[1738] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 18: 361 (no. hadith 928).

Haythamī[1739], Ibn al-Jawzī[1740] dan al-'Uqayliy[1741]. Ibn al-Jawzī menyatakan lafaz hadith ini adalah menurut riwayat al-Faḍl Bin Ja'far. Al-'Uqayli menyatakan al-Faḍl Bin 'Aṭā' daripada al-Fadl Bin Syu'ayb adalah sanad yang *majhul* (tidak diketahui) dan tidak diketahui sanad ini melainkan dalam bentuk ini. Al-Albānī menyatakan hadith ini adalah *munkar*[1742]. Al-Dhahabi pula menyatakan riwayat al-Faḍl Bin 'Aṭā' daripada al-Fadl Bin Syu'ayb daripada Abī Manẓūr adalah dengan sanad yang rosak dan matannya adalah batil[1743].

**Hukum Hadith**

Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat perawi yang tidak dikenali sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn al-Jawzī dan hadith ini juga direkodkan oleh al-'Uqayliy di dalam kitabnya *al-Ḍu'afā'.* Hadith melalui riwayat al-Faḍl Bin 'Aṭā' daripada al-Fadl Bin Syu'ayb daripada Abī Manẓūr adalah dengan sanad yang rosak dan matannya adalah batil menurut pandangan al-Dhahabi. Al-Albānī berpandangan hadith ini *munkar*[1744] dan hadith munkar ini termasuk dalam kategori hadith *ḍa'īf jiddan* (bersangatan lemah)[1745]. Justeru, pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ḍa'īf jiddan (*bersangatan lemah) lantaran ianya adalah hadith *munkar* dengan sanad yang rosak dan matan yang batil.

---

**<u>Hadith 200</u>**

Nabi SAW bersabda : " من صلّى عليّ يوم الجمعة ثمانين مرّة غفرت له ذنوب ثمانين سنة" Barangsiapa membaca selawat untukku pada

[1739] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 4: 396 (Kitāb al-Waṣāyā, no. hadith 7122).
[1740] Ibn al-Jawzī, *al-Mawḍū'āt*, 3: 163 (Kitāb al-Zuhd).
[1741] Al-'Uqaylī, *Kitāb al-Ḍu'āfā'*, 5: 87 (no. hadith 4906).
[1742] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Targhīb Wa al-Tarhīb*, 2: 354 (Kitāb al-Tawbah Wa al-Zuhd, no. hadith 1968).
[1743] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 5: 429.
[1744] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Targhīb Wa al-Tarhīb*, 1: 513 (Kitāb al-Du'ā', no. hadith 1034).
[1745] Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 97.

Universiti Malaya

hari jumaat sebanyak lapan puluh kali, maka diampuni Allah segala dosanya selama 80 tahun[1746].

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا أَبُو طَالِبٍ عُمَرُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الْفَقِيهُ ، قَالَ : حَدَّثَنَا عُمَرُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الْمُقْرِئُ ، قَالَ : حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جعْفَرٍ الْمَطِيرِيُّ ، قَالَ : حَدَّثَنَا وَهْبُ بْنُ دَاوُدَ بْنِ سُلَيْمَانَ الضَّرِيرُ ، قَالَ : حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ ، قَالَ : حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ صُهَيْبٍ ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، قَالَ : كُنْتُ وَاقِفًا بَيْنَ يَدَيْ رَسُولِ اللَّهِ , صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ " : **مَنْ صَلَّى عَلَيَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ ثَمَانِينَ مَرَّةً غَفَرَ اللَّهُ لَهُ ذُنُوبَ ثَمَانِينَ عَامًا** ، فَقِيلَ لَهُ : كَيْفَ الصَّلاةُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ ؟ قَالَ : تَقُولُ : اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَنَبِيِّكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الأُمِّيِّ ، وَتَعْقِدُ وَاحِدَةً[1747] . "

Hadith yang dinyatakan oleh penulis buku ini hanyalah sebahagian sahaja daripada hadith yang sempurna. Hadith Anas Bin Mālik r.a. ini direkodkan oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī[1748], Ibn al-Jawzī[1749], al-Albānī[1750] dan 'Alī Ḥasan[1751].Al-Khaṭīb al-Baghdādī menyatakan Wahab Bin Dāwūd Bin Sulaymān bukanlah seorang yang *thiqah* (dipercayai)[1752]. Ibn al-Jawzī menyatakan hadith ini tidak *ṣaḥīḥ*. Al-Albānī meletakkan status hadith ini *mawḍū'*. Al-Albānī menyatakan tulisan Ibn al-Jawzi di dalam kitabnya "*al-Aḥadīth al-Mawḍū'ah*" adalah lebih utama[1753]. Ini kerana ciri-ciri palsu di dalam hadith ini adalah jelas. Sedangkan hadith-hadith sahih berkaitan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW adalah terlalu banyak sebagaimana yang ada direkodkan oleh Muslim dan lain-lain yang tidak seumpama hadith ini (mempunyai ciri-ciri hadith palsu).

---

[1746] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1747] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī di dalam kitabnya *Tarīkh Baghdād*.

[1748] Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Madīnah al-Salām*, 15: 636.

[1749] Ibn al-Jawzī, *al-'Ilal al-Mutanāhiyah Fī al-Aḥādīth al-Wāhiyah*, 1: 464 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 796).

[1750] Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 1: 382 (no. hadith 215).

[1751] 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Athār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, 1: 382 (no. hadith 215).

[1752] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 8: 397.

[1753] Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 1: 382 (no. hadith 215).

Universiti Malaya

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah berstatus *mawḍū'* sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Albānī. Selain itu, maksud matan hadith ini juga mempunyai ciri-ciri hadith *mawḍū'* iaitu pernyataan tentang ganjaran amalan yang sangat keterlaluan dengan amalan yang mudah iaitu hanya dengan berselawat sebanyak 80 kali sahaja, semua dosa pengamalnya selama 80 tahun akan diampunkan. Terdapat banyak hadith-hadith yang sahih berkaitan kelebihan berselawat ini yang tidak menyatakan ganjaran sebesar hadith yang dinyatakan ini. Justeru, unsur keterlaluan ini adalah sangat jelas dan pengkaji berpandangan hadith ini adalah berstatus *mawḍū'*.

---

**<u>Hadith 201</u>**

> Nabi SAW bersabda : " من صلّى عليّ عشرا اذا أصبح وعشرا اذا أمسى آمنه الله تعالى من الفزع الأكبر يوم القيامة وكان مع الذين أنعم الله عليهم من النبيين والصديقين. (زبدة الواعظين) " Barangsiapa membaca selawat untukku sepuluh kali pada waktu pagi dan sepuluh kali pada waku petang maka Allah akan mengamankannya daripada kejutan besar yang maha besar pada hari kiamat dan adalah dia akan berada bersama-sama dengan para nabi dan para siddiqin."[1754]

***Takhrij* Hadith**

Riwayat ini tidak ditemui daripada kitab-kitab hadith yang mu'tabar dan kitab-kitab tafsir. Hadith ini ditemui di dalam kitab *Durrah al-Nāṣiḥīn*[1755] tanpa sanad.

**Hukum Hadith**

Hadith yang dinyatakan oleh pengarang buku ini ditemui tanpa sanad dan tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Pengkaji berpandangan hadith ini adalah menghampiri kepada لا أصل له (tiada asal baginya).

---

[1754] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Kitab *Zubdah al-Wa'izin* tidak termasuk kitab hadith yang mu'tabar. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1755] Al-Khūbawī , *Durrah al-Nāṣiḥīn Fī al-Wa'ẓ Wa al-Irsyād*, 53.



Universiti Malaya

**Hadith 202**

Diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a. bahawa dia berkata : Nabi SAW bersabda di kelompok para sahabat : " ان من أمتي أقواما يقول الله تعالى لهم يوم القيامة يا عبادي ادخلوا الجنة , فيتحيّرون في عرضات القيامة الى أن يهديهم الله تعالى الى الجنة , فقيل من هم يا رسول الله ؟ فقال : الذين ذكرت بين أيديهم ولم يصلوا عليّ من السهو والغفلة. ( رواه المجالس) " Sesungguhnya di antara umatku nanti ada beberapa kaum yang Allah berfirman kepada mereka pada hari kiamat dengan firmanNya : "Hai para hambaKu! Masuklah kamu sekalian ke dalam syurga " . Maka mereka bingung dan tercengang di padang yang luas (padang mahsyar) pada hari kiamat terhadap seruan Allah itu untuk masuk ke syurga. Baginda ditanya oleh para sahabat. "siapakah mereka itu wahai Rasulullah ? " Baginda menjawab "Mereka adalah orang-orang yang bila namaku disebut di hadapannya tetapi mereka tidak mahu membaca selawat untukku, oleh sebab lupa dan lalai."[1756]

***Takhrij* Hadith**

Riwayat hadith ini tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith.

**Hukum Hadith**

Pengkaji tidak dapat menemui riwayat ini direkodkan di dalam mana-mana kitab hadith. Justeru, pengkaji berpandangan riwayat ini adalah lebih menghampiri kepada لا أصل له (tiada asal baginya).

**Hadith 203**

Rasulullah s.a.w bersabda : " ان اولى الناس بي يوم القيامة أكثرهم عليّ صلاة " orang yang paling utama bersamaku pada hari kiamat ialah orang yang palig banyak membaca selawat untukku."[1757]

[1756] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1757] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ مَخْلَدٍ ، قَالَ : حدَّثَنَا مُوسَى بْنُ يَعْقُوبَ الزَّمْعِيُّ ، قَالَ : أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللهِ بْنُ كَيْسَانَ ، قَالَ : أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللهِ بْنُ شَدَّادِ بْنِ الْهَادِ ، عَنْ أَبِيهِ ، عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللهِ صلى الله عليه وسلم : **إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُهُمْ عَلَيَّ صَلاَةً**.[1758]

Hadith yang diriwayatkan oleh hanya Ibn Mas'ūd sahaja ini direkodkan oleh al-Tirmidhī[1759], Ibn Ḥibbān[1760], al-Ṭabrānī[1761], Abū Ya'la al-Mawṣilī[1762], Ibn Abī Syaybah[1763] dan al-Bayhaqī[1764]. Di dalam sanad hadith ini terdapat Mūsā Bin Ya'qūb yang telah dinyatakan oleh Ibn al-Madīnī sebagai *ḍa'īf munkar al-ḥadīth*[1765]. Al-Nasā'ī pula menyatakan *laysa bi al-qawiy* (bukanlah kuat). Akan tetapi beliau dinyatakan *thiqah* (dipercayai) oleh Ibn Ḥibbān, Ibn Ma'īn dan Ibn al-Qaṭṭān. Ibn al-'Adī pula menyatakan *la ba'sa bihi*[1766]. Al-Albānī meletakkan *ḍa'īf* bagi hadith ini[1767]. Syu'ayb al-Arnā'ūṭ pula menyatakan sanad hadith ini *ḍa'īf* kerana Mūsā bin Ya'qūb merupakan *sayyi' al-ḥifẓ* (buruk hafazan).

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *ḍa'īf* sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Albānī dan Syu'ayb al-Arna'ūṭ. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī[1768] menyatakan terdapat riwayat yang menyokong hadith ini sebagaimana hadith yang direkodkan oleh al-Baihaqī[1769] daripada jalur Abū Umāmah dengan lafaz " أَكْثِرُوا عَلَيَّ مِنَ الصَّلَاةِ فِي كُلِّ يَوْمِ جُمُعَةٍ، فَإِنَّ صَلَاةَ أُمَّتِي تُعْرَضُ عَلَيَّ فِي كُلِّ

---

[1758] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Abī Syaybah di dalam kitabnya *al-Muṣannaf.*

[1759] Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 128 (Kitab al-Witr, no. hadith 484).

[1760] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 3: 192 (Kitāb al-Raqā'iq, no. hadith 911).

[1761] Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 10: 21 (no. hadith 9800).

[1762] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 8: 427 (no. hadith 5011).

[1763] Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 11: 56 (Kitāb al-Faḍā'il, no. hadith 32322).

[1764] Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 3: 129 (Kitāb Ta'ẓīm al-Nabī Wa Ijlālih Wa Tawqīrih, no. hadith 1462).

[1765] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 6: 570.

[1766] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 8: 427 (no. hadith 5011).

[1767] Al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, 262 (no. hadith 1821).

[1768] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 11: 172 (Kitāb al-Da'awāt, no. hadith 6135 dan 6136).

[1769] Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 4: 432 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 2770).

يَوْمِ جُمُعَةٍ، فَمَنْ كَانَ أَكْثَرَهُمْ عَلَيَّ صَلَاةً كَانَ أَقْرَبَهُمْ مِنِّي مَنْزِلَةً " dan Ibn Ḥajar berpandangan *lā ba's bisanadih* (tiada mengapa dengan sanad hadith ini)[1770] dan terdapat juga riwayat Auws Bin Auws[1771] yang direkodkan oleh Aḥmad [1772] (dinyatakan sanadnya *ṣaḥīḥ* oleh Ḥamzah Aḥmad Zayn) dan Abū Dāwūd[1773] (dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī) yang dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh Ibn Ḥibbān [1774] dan al-Ḥākim [1775]. Selain hadith riwayat Ibn Mas'ūd ini dinyatakan *ḍa'īf* oleh al-Albānī, al-Albānī juga meletakkan status hadith riwayat Ibn Mas'ūd ini sebagai *ḥasan lighayrihi*.[1776] Pengkaji berpandangan hadith Ibn Mas'ūd ini status asalnya adalah *ḍa'īf* disebabkan terdapat di dalam sanadnya Mūsā Bin Ya'qūb yang telah dinyatakan oleh Syu'ayb al-Arnā'ūṭ ṣebgai *sayyi' al-ḥifẓ* (buruk hafazan). Akan tetapi, terdapat riwayat lain yang menyokong riwayat Ibn Mas'ūd iaitu hadith yang diriwayatkan oleh Abū Umāmah dengan sanadnya yang sahih menurut Hamzah Ahmad Zayn. Justeru, dengan sokongan riwayat daripada Abū Umāmah tersebut, hadith riwayat Ibn Mas'ūd ini meningkat statusnya menjadi *ḥasan lighayrihi.*

---

**<u>Hadith 204</u>**

Kata Fadalah bin Ubaid : " سمع النبي عليه الصلاة والسلام رجلا يدعو في صلاته فلم يصل عليه الصلاة والسلام . فقال النبي عليه الصلاة والسلام عجّل هذا ,

---

[1770] Walaupun Ibn Hajar menyatakan tiada mengapa dengan sanad hadith ini tetapi Dr. 'Abd al-'Aliy 'Abd al-Hamid menyatakan bahawa di dalam sanad hadith berlaku *inqita'* (terputusnya) sanad iaitu Makhul tidak pernah berjumpa dengan Abu Umamah. al-'Ajlūnī pula berpandangan sanad hadith riwayat al-Bayhaqi ini adalah *jayyid* (baik). Lihat al-'Ajlūnī, *Kasyf al-Khafā' Wa Muzīl al-Ilbās 'Ammā Isytahar Min al-Aḥādīth 'Alā Alsinah al-Nās*, 1: 195 (no. hadith 501). Al-Albani pula berpandangan hadith riwayat Abu Umamah ini adalah hasan lighayrihi. Lihat al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 2: 297 (Kitāb al-Du'ā', no. hadith 1673).

[1771] Riwayat Auws Bin Auws adalah:

" حَدَّثَنَا هَارُونُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا حُسَيْنُ بْنُ عَلِيٍّ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ يَزِيدَ بْنِ جَابِرٍ عَنْ أَبِي الْأَشْعَثِ الصَّنْعَانِيِّ عَنْ أَوْسِ بْنِ أَوْسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مِنْ أَفْضَلِ أَيَّامِكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فِيهِ خُلِقَ آدَمُ وَفِيهِ قُبِضَ وَفِيهِ النَّفْخَةُ وَفِيهِ الصَّعْقَةُ فَأَكْثِرُوا عَلَيَّ مِنْ الصَّلَاةِ فِيهِ فَإِنَّ صَلَاتَكُمْ مَعْرُوضَةٌ عَلَيَّ قَالَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَكَيْفَ تُعْرَضُ صَلَاتُنَا عَلَيْكَ وَقَدْ أَرِمْتَ يَقُولُونَ بَلِيتَ فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ حَرَّمَ عَلَى الْأَرْضِ أَجْسَادَ الْأَنْبِيَاءِ ".

Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Abu Dawud di dalam *Sunan*nya.

[1772] Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 12: 474 (no. hadith 16107).

[1773] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 263 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1531).

[1774] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 3: 190 (Kitāb al-Raqā'iq, no. hadith 910).

[1775] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 404 (Kitāb al-Jumu'ah, no. hadith 1031).

[1776] Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 2: 294 (Kitāb al-Du'ā', no. hadith 1673).

ثمّ دعاه فقال له ولغيره : اذا صلّى أحدكم فليبدأ بتحميد الله والثناء عليه , ثمّ لْيصلّ على النبيّ عليه الصلاة والسلام ثمّ لْيدعُ بعد ما يشاء . (شفاء شريف) “ Nabi SAW mendengar seorang lelaki berdoa di dalam solatnya tanpa membaca selawat untuk nabi SAW, maka nabi SAW bersabda kepadanya dan kepada yang lain-lain : “Apabila seseorang di antara kamu mengerjakan solatnya hendaklah dia memulai dengan memuji Allah dan menyanjungNya kemudian membaca selawat untuk Nabi SAW kemudian berdoa sesudah itu sekehendak hatinya.”[1777]

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا مَحْمُودُ بْنُ غَيْلَانَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يَزِيدَ الْمُقْرِئُ حَدَّثَنَا حَيْوَةُ قَالَ حَدَّثَنِي أَبُو هَانِئٍ الْخَوْلَانِيُّ أَنَّ عَمْرَو بْنَ مَالِكٍ الْجَنْبِيَّ أَخْبَرَهُ أَنَّهُ سَمِعَ فَضَالَةَ بْنَ عُبَيْدٍ يَقُولُ سَمِعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا يَدْعُو فِي صَلَاتِهِ فَلَمْ يُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَجِلَ هَذَا ثُمَّ دَعَاهُ فَقَالَ لَهُ أَوْ لِغَيْرِهِ إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَبْدَأْ بِتَحْمِيدِ اللَّهِ وَالثَّنَاءِ عَلَيْهِ ثُمَّ لْيُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ لْيَدْعُ بَعْدُ بِمَا شَاءَ قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ [1778]

Hadith Faḍālah Bin 'Ubayd ini direkodkan oleh Abū Dāwūd[1779], al-Tirmidhī[1780], Aḥmad[1781], Ibn Ḥibbān[1782], Ibn Khuzaymah[1783], al-Ḥākim[1784], al-Bayhaqī[1785] dan al-Bazzār[1786]. Ibn Kathīr juga ada menukilkan hadith ini ketika mensyarahkan ayat 56 surah al-Ahzab[1787].

**Hukum Hadith**

Al-Tirmidhī meletakkan status hadithnyaini sebagai *ḥasan ṣaḥīḥ*[1788]. Al-Ḥākim, Ibn Ḥibbān dan Ibn Khuzaymah juga menyatakan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* dan al-Ḥākim

---

[1777] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Penulis buku menyatakan sumbernya adalah daripada Kitab *Syifa' syarif.* Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1778] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tirmidhi di dalam *Sunan*nya.
[1779] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 255 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1481).
[1780] Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 1: 790 (Kitāb al-Witr, no. hadith 3477).
[1781] Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 17: 177 (no. hadith 23821).
[1782] 'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 5: 290 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1960).
[1783] Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 351 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 710).
[1784] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 391 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 991).
[1785] Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad Bin al-Ḥusayn Bin 'Alī, *al-Sunan al-Ṣaghīr*, Ta'liq Dr. 'Abd al-Mu'ti Amin (Pakistan : Jami'ah al-Dirasat al-Islamiyah, t.t.), 1: 177 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 456)
[1786] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 9: 203 (no. hadith 3748).
[1787] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 11: 215.
[1788] Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 1: 790 (Kitāb al-Witr, no. hadith 3477).

Universiti Malaya

menyatakan hadith ini *ṣaḥīḥ* menurut syarat al-Bukhārī dan Muslim. Al-Albānī juga meletakkan status *ṣaḥīḥ* bagi hadith ini[1789]. Justeru, pengkaji berpandangan hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ*.

---

**Hadith 205**

> Dari Anas bin Malik r.a. katanya Nabi s.a.w bersabda : " ما من دعاء الا بينه وبين السماء حجاب حتى يصلّى على النبيّ عليه الصلاة والسلام : فاذا صُلِّى عليه يَخْرِق ذلك الحجاب ويدخل الدعاء واذا لم يفعل ذلك رجع دعاؤه. (شفاء شريف) " Tiada doa seseorang kecuali di antara doa itu dan langit terdapat satu pendinding/penghalang (hijab) sehingga dibacakan selawat untun nabi SAW Apabila telah dibacakan selawat maka terbukalah/pecahlah pendinding itu dan masuklah doa itu (naik ke langit dan dimakbulkan Allah). Sebaliknya jika tidak membaca selawat untuk Nabi SAW, maka kembalilah doa itu kepada tuannya iaitu orang yang berdoa (doa itu tidak diterima Allah)."[1790]

***Takhrij* Hadith**

Hadith ini tidak ditemui secara tepat daripada kitab-kitab matan hadith, syarah hadith dan sebagainya melainkan sebuah hadith yang hampir sama iaitu direkodkan oleh al-Ṭabrānī[1791], al-Bayhaqī[1792], al-Suyūṭī[1793], al-Daylamī[1794], al-Hindī[1795] dan al-Haythamī[1796] daripada sayyidina 'Alī iaitu :

---

[1789] Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1998), 1: 407 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 1481).

[1790] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumber ambilan hadith yang diterima. Penulis menyatakan beliau mengambil sumber daripada Kitab *Syifa' syarif.* Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1791] Al-Tabrani juga ada merekodkan hadith yang hampir sama dengan maksud matan hadith ini melalui jalur 'Ali r.a. Lafaz hadith tersebut adalah:

حدثنا أحمد قال : نا عامر بن سيار قال : نا عبد الكريم الخراز ، عن أبي إسحاق الهمداني ، عن الحارث ، وعاصم بن ضمرة ، عن علي قال : « **كل دعاء محجوب حتى يصلي على محمد وآل محمد صلى الله عليه وسلم** » لم يرو هذا الحديث عن أبي إسحاق إلا عبد الكريم الخراز .

Lihat al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, 5: 226 (no. hadith 725).

[1792] Lafaz hadithnya adalah:

أَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللهِ مُحَمَّدُ بْنُ الْفَضْلِ بْنِ نَظِيفٍ الْمِصْرِيُّ بِمَكَّةَ، أخبرنا أَبُو الْفَضْلِ الْعَبَّاسُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ نَصْرٍ الرَّافِقِيُّ إِمْلَاءً، حدثنا الْحَسَنُ بْنُ عَلِيِّ بْنِ زُرْعَةَ الْخَيْزَرَانِيُّ، حدثنا عَامِرُ بْنُ يساف، حدثنا عَبْدُ الْكَرِيمِ، عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ الْهَمْدَانِيِّ، عَنِ الْحَارِثِ، وَعَاصِمِ بْنِ ضَمْرَةَ، عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ، قَالَ: " **كُلُّ دُعَاءٍ مَحْجُوبٌ عَنِ السَّمَاءِ حَتَّى يُصَلَّى عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** " .

Lihat al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 3: 137 (no. hadith 1475). Lihat al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 1: 490 (Kitāb al-Adhkār, no. hadith 2153).

[1793] Al-Suyūṭī, *Jam' al-Jawāmi' al-Ma'rūf Bi al-Jāmi' al-Kabīr*, 7: 794 (no. hadith 19301).

[1794] Al-Daylamī, *Kitāb Firdaus al-Akhbār*, 4: 343 (no. hadith 6533).

[1795] Al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, 2: 88 (no. hadith 3270).

[1796] Al-Haythamī, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, 10: 247 (no. hadith 17278).

Universiti Malaya

مَا مِنْ دُعَاءٍ اِلَّا بَيْنَهُ وَبَيْنَ اللهِ حِجَابٌ ، حَتَّى يُصَلِّيَ عَلَى النَّبِيِّ وَآلِهِ ، فَإِذَا فَعَلَ ذَلِكَ انْخَرَقَ الْحِجَابُ ، وَدَخَلَ الدُّعَاءَ ، وَإِذَا لَمْ يَفْعَلْ ذَلِكَ رَجَعَ الدُّعَاءُ.[1797]

Riwayat al-Bayhaqī adalah melalui jalur sayyidina 'Alī secara *mawqūf*. Al-Ṭabrānī menyatakan hadith ini tidak diriwayatkan daripada Abī Isḥāq melainkan 'Abd al-Karīm al-Khazzāz. Akan tetapi di dalam jalur sanad ini terdapat 'Abd al-Karīm al-Khazzāz yang merupakan *wāhī al-ḥadīth jiddan* sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Azdiy[1798]. Al-Haythamī menyatakan perawi-perawi riwayat al-Tabrani ini adalah *thiqah* (dipercayai)[1799]. Al-Tirmidhī ada merekodkan sebuah hadith yang hampir sama maksudnya tetapi melalui jalur sayyidinā 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. secara *mawqūf*[1800] dan al-Albānī menyatakan riwayat sayyidinā 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. ini adalah *ḥasan*[1801]. Al-Syawkanī di dalam kitabnya *Tuḥfah al-Dhakirīn* ada merekodkan pandangan yang dinyatakan oleh al-Mundhirī iaitu hadith riwayat 'Alī r.a. ini adalah secara *mawqūf* dan perawinya adalah *thiqah* (dipercayai). Namun ada juga yang me*marfū'*kannya tetapi periwayatannya secara *mawquf* adalah lebih tepat[1802]. Al-Syawkanī juga berpandangan hadith *mawqūf* seperti ini boleh diangkat sebagai *marfū'* kerana tiada ruang untuk dilakukan ijtihad padanya dan terdapat *syāhid* bagi hadith ini iaitu sebagaimana hadith *marfū'* riwayat Faḍālah Bin 'Ubayd yang direkodkan oleh al-Tirmidhī[1803] (dinyatakan

---

[1797] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Daylamī di dalam kitab *Musnad*nya.

[1798] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, 5: 244 (no. 4879). Al-Dhahabi pula menyatakan 'Abd al-Karim ini adalah *wāhī al-ḥadīth jiddan*. Lihat Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 4: 389.

[1799] 'AbduLlah Muhammad al-Darwisyh (pentahqiq *Bughyah al-Ra'id*) menyatakan di dalam sanad hadith ini terdapat perawi al-Harith al-A'war dan 'Asim Bin Damrah yang terdapat banyak ulasan berkaitan kedua-duanya.

[1800] Lafaz hadith tersebut ialah :

حَدَّثَنَا أَبُو دَاوُدَ سُلَيْمَانُ بْنُ سَلْمٍ الْمَصَاحِفِيُّ الْبَلْخِيُّ أَخْبَرَنَا النَّضْرُ بْنُ شُمَيْلٍ عَنْ أَبِي قُرَّةَ الْأَسَدِيِّ عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ إِنَّ الدُّعَاءَ مَوْقُوفٌ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَا يَصْعَدُ مِنْهُ شَيْءٌ حَتَّى تُصَلِّيَ عَلَى نَبِيِّكَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ .

Lihat Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 3: 129 (Kitāb al-Witr, no. hadith 486).

[1801] Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 1: 274 (Kitāb al-Witr, no. hadith 486).

[1802] Al-Syawkānī, Muḥammad Bin 'Alī, *Tuḥfah al-Dhākirīn Bi Ḥisn al-Ḥāsin Min Kalām Sayyid al-Mursalīn* (Bayrūt : Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, 1988), 43.

[1803] Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 789 (Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 3476). Hadith tersebut adalah sebagaimana berikut :

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ حَدَّثَنَا رِشْدِينُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ أَبِي هَانِئٍ الْخَوْلَانِيِّ عَنْ أَبِي عَلِيٍّ الْجَنْبِيِّ عَنْ فَضَالَةَ بْنِ عُبَيْدٍ قَالَ بَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَاعِدٌ إِذْ دَخَلَ رَجُلٌ فَصَلَّى فَقَالَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَجِلْتَ أَيُّهَا الْمُصَلِّي إِذَا صَلَّيْتَ فَقَعَدْتَ فَاحْمَدْ اللَّهَ بِمَا هُوَ أَهْلُهُ وَصَلِّ عَلَيَّ ثُمَّ ادْعُهُ قَالَ ثُمَّ صَلَّى رَجُلٌ



Universiti Malaya

*ḥasan* oleh al-Tirmidhī dan *ṣaḥīḥ* oleh al-Albani[1804]), al-Nasa'i[1805] (dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh al-Albani) dan Ibn Khuzaymah di dalam *Ṣaḥīḥ*nya[1806].

**Hukum Hadith**

Pengkaji tidak menemui hadith seumpama ini diriwayatkan oleh Anas Bin Malik r.a. sebagaimana yang dinukilkan oleh pengarang buku. Pengkaji hanya menemui hadith seumpama ini diriwayatkan melalui 'Alī r.a. dan 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. Berkemungkinan pengarang buku tersilap di dalam menyatakan perawi sahabat di dalam riwayat hadith ini. Pengkaji mendapati bahawa riwayat 'Alī r.a. dan 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. ini adalah secara *mawqūf*[1807] kerana ianya tidak di*marfū'*kan kepada Rasulullah SAW. Namun begitu, terdapat *qarinah* yang menunjukkan bahawa hadith riwayat 'Alī r.a. dan 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. ini adalah *mawqūf* secara lafaznya tetapi ianya *marfū'* secara hukumnya. Al-Albānī meletakkan status hadith riwayat 'Alī[1808] r.a. ini dan riwayat 'Umar al-Khaṭṭāb[1809] r.a. sebagai *ṣaḥīḥ lighairi* di dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Targhīb Wa al-Tarhīb*. Namun, di dalam Sunan al-Tirmidhī, al-Albānī meletakkan status riwayat 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. ini sebagai *ḥasan*. Walaupun demikian, pengkaji mendapati bahawa di dalam riwayat 'Alī r.a. sebagaimana yang direkodkan al-Bayhaqī dan al-Ṭabranī terdapat perawi 'Abd al-Karīm al-Khazzāz yang merupakan *wāhī al-ḥadīth jiddan*. Justeru, pengkaji berpandangan hadith *mawquf* riwayat 'Alī r.a. ini sanadnya adalah *ḍa'īf*. Hadith *Mawqūf* riwayat 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. adalah *ḥasan* sebagaimana

---

آخَرُ بَعْدَ ذَلِكَ فَحَمِدَ اللَّهَ وَصَلَّى عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّهَا الْمُصَلِّي ادْعُ تُجَبْ قَالَ أَبُو عِيسَى وَهَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ وَقَدْ رَوَاهُ حَيْوَةُ بْنُ شُرَيْحٍ عَنْ أَبِي هَانِئٍ الْخَوْلَانِيِّ وَأَبُو هَانِئٍ اسْمُهُ حُمَيْدُ بْنُ هَانِئٍ وَأَبُو عَلِيٍّ الْجَنْبِيُّ اسْمُهُ عَمْرُو بْنُ مَالِكٍ

1804 Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 3: 342 (Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 3476).

1805 Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, 208 (Kitāb al-Sahw, no. hadith 1284).

1806 Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 1: 351 (Kitāb al-Ṣalāh, no. hadith 709).

1807 Dr Maḥmūd al-Ṭaḥḥān menyatakan bahawa *hadith mawquf* ini sebagaimana yang diketahui ada yang statusnya *sahih*, hasan dan *da'if*. Menurut hukum asalnya, *hadith mawquf* ini tidak boleh dijadikan hujjah kerana ianya merupakan kata-kata dan perbuatan sahabat dan sekiranya ianya berstatus *sahih* sekalipun, ianya hanya menjadi penguat kepada sebahagian hadith-hadith *da'if*. Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 133.

1808 Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 2: 297 (Kitāb al-Du'ā', no. hadith 1675). Al-Albānī juga menyatakan di dalam kitabnya *Sahih* Sunan al-Tirmidhi bahawa hadith riwayat Sayyidina 'Umar al-Khattab ini adalah berstatus hasan. Lihat al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 1: 274 (Kitāb al-Witr, no. hadith 486).

1809 Al-Albānī, *Sahih al-Targhib Wa al-Tarhib*, 2: 298 (Kitāb al-Du'ā', no. hadith 1676).



Universiti Malaya

pandangan al-Albānī. Tetapi, terdapat hadith *marfū'* yang diriwayatkan oleh Faḍālah Bin 'Ubayd yang *ṣaḥīḥ* sebagaimana yang direkodkan oleh al-Tirmidhī, al-Nasā'ī dan Ibn Khuzaymah. Berkemungkinan disebabkan terdapat hadith *marfū' ṣaḥīḥ* yang menjadi *syāhid* kepada hadith *mawqūf lafẓī marfū' ḥukmī* riwayat 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. inilah, al-Albānī meletakkan statusnya kepada *ṣaḥīḥ lighayrihi* di dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Targhīb Wa al-Tarhīb*. Justeru, pengkaji berpandangan hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi.*

---

**Hadith 206**

> Dari Ali bin Abi Talib r.a. katanya Nabi SAW bersabda : " ما من دعاء الا بينه وبين الله تعالى حجاب حتى يصلّى صاحبه على محمد , فاذا فعل ذلك خرق الحجاب واستجيب له الدعاء. " Tiada doa seseorang kecuali antara doa itu dan Allah terdapat satu pendinding sehingga orang yang berdoa itu membaca selawat untuk Nabi SAW, maka tersingkaplah (terbukalah) pendinding itu dan dikabulkan oleh Allah akan doanya itu."[1810]

***Takhrij* Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 205.

**Hukum Hadith**

Sama seperti hadith yang ke 205.

---

**Hadith 207**

> Diriwayatkan daripada Wahab bin Munabbih bahawa sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda : " من صلّى عليّ عشرا فكأنما أعتق رقبة " Barangsiapa membaca selawat untukku sepuluh kali maka seakan-akan dia telah memerdekakan seorang hamba sahaya[1811]."

[1810] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumbernya yang asal. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.
[1811] Penulis buku hanya menyatakan hadith secara ringkas tanpa menyatakan sumbernya yang asal. Sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

Hadith ini tidak ditemui daripada kitab-kitab matan hadith, syarah hadith dan sebagainya. Pengkaji tidak menemui sanadnya dan kajian sanad hadith ini tidak dapat dijalankan.

**Hukum Hadith**

Hadith yang dinyatakan oleh pengarang buku ini tidak dapat ditemui di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Justeru, disebabkan ketiadaan riwayat ini di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar dan ketiadaan sanad yang menghubungkan riwayat ini kepada Rasulullah SAW untuk dijalakan kajian sanad, maka pengkaji berpandangan hadith ini adalah lebih menghampiri kepada لا أصل له (tiada asal baginya).

---

**Hadith 208**

> Dari Ubay bin Ka'ab r.a. katanya : Rasulullah SAW bersabda : "Jika hari kiamat telah tiba, maka akulah yang menjadi imam para nabi, juru khutbah mereka, dan aku sahajalah yang memiliki syafa'at 'Udzma, hal yang demikian ini tidak bermakna yang aku hendak bermegah-megah.[1812]" (HR ABU DAUD)

***Takhrij* Hadith**

أَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ الْحُسَيْنُ بْنُ أَيُّوبَ الطُّوسِيُّ ، ثنا أَبُو حَاتِمٍ مُحَمَّدُ بْنُ إِدْرِيسَ الْحَنْظَلِيُّ ، ثنا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ جَعْفَرٍ الرَّقِّيُّ ، ثنا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرٍو ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ عَقِيلٍ ، عَنِ الطُّفَيْلِ بْنِ أُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ " : **إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ كُنْتُ إِمَامَ النَّبِيِّينَ وَخَطِيبَهُمْ وَصَاحِبَ شَفَاعَتِهِمْ غَيْرُ فَخْرٍ**[1813] .

Hadith Ubay Bin Ka'ab r.a. ini direkodkan oleh al-Tirmidhī[1814], Ibn Mājah[1815], Aḥmad[1816], al-Ḥākim[1817], Ibn Abī Syaybah[1818] dan al-Tibrīzī[1819]. Ibn Kathīr juga

---

[1812] Penulis buku hanya menyatakan maksud sahaja tanpa lafaz matan sebenar. Lafaz sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1813] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Ḥākim di dalam kitabnya *al-Mustadrak.*

[1814] Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 822 (Kitāb al-Manāqib, no. hadith 3613). Lihat juga Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 3: 484 (Kitāb al-Manāqib, no. hadith 3613).

merekodkannha[1820] ketika mentafsirkan ayat 78 daripada surah al-Isrā'. Al-Tirmidhī menyatakan hadith ini *ḥasan ṣaḥīḥ gharib.* Sanad hadith ini melalui riwayat yang direkodkan oleh Ahmad adalah *ḥasan* menurut Hamzah Ahmad Zayn dan hadith ini pula telah di*ṣaḥīḥ*kan oleh al-Ḥākim. Al-Albānī menyatakan hadith yang direkodkan oleh al-Tibrizī, al-Tirmidhī dan Ibn Mājah ini adalah *ḥasan*. Pada pandangan pengkaji, pernyataan sumber ambilan hadith oleh penulis buku ini daripada riwayat Abū Dāwūd adalah kesilapan kerana pengkaji tidak dapat menemui hadith ini daripada *Sunan* Abī Dāwūd. Di dalam jalur sanad hadith ini terdapat 'Abdullah Bin Muhammad Bin 'Aqil yang dipertikaikan keperibadiannya di dalam *al-Jarh dan al-Ta'dil*. Al-'Ijli menyatakannya *jā'iz al-ḥadīth*[1821]. Al-Tirmidhi pula menyatakannya sebagai *ṣadūq* tetapi sebahagian ahli ilmu memperkatakannya tentang kualiti hafazannya[1822]. Ibn 'Uyaynah pula menyatakannya *sayyi' al-ḥifẓ* (hafazan yang buruk)[1823]. Al-Dāruquṭnī pula menyatakannya sebagai *laysa bi al-qawiy*[1824]. Justeru, disebabkan ketidaksepakatan ulama hadith di dalam menyatakan keperibadiannya di dalam bidang periwayatan hadith, maka status sanadnya tidak boleh mencapai tahap sahih.

**Hukum Hadith**

Pengkaji berpandangan hadith ini adalah *ḥasan* sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Tirmidhi dan al-Albani. Status hasan ini adalah disebabkan oleh keberadaan 'Abdullah Bin Muhammad Bin 'Aqil di dalam sanad hadith yang mana beliau ini tidak disepakati akan keperibadiannya di dalam bidang periwayatan hadith. Ketidaksepakatan ini menyebabkan sanad hadith ini tidak mencapai tahap *ṣaḥīḥ* yang menatijahkan hadith ini menjadi *ṣaḥīḥ*. Justeru, hadith ini statusnya adalah bertaraf *ḥasan*.

---

[1815] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 715 (Kitāb al-Zuhd, no. hadith 4314).
[1816] Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 15: 460-463 (no. hadith 21143, 21150-21153).
[1817] Al-Ḥākim, *al -Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥiḥayn*, 1: 132 (Kitāb al-'Īmān, no. hadith 241).
[1818] Ibn Abī Syaybah, *al-Muṣannaf*, 11: 6 (Kitāb al-Faḍā'il, no. hadith 32172).
[1819] Al-Tibrizī, *Misykāt al-Maṣābīḥ*, 3: 1606 (Kitāb al-Faḍā'il Wa al-Syamā'il, no. hadith 1763).
[1820] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 9: 58.
[1821] Al-Sayyid Abū al-Ma'āṭī al-Nūrī, *Al-Jāmi' Fī al-Jarḥ Wa al-Ta'dīl*, 2: 23.
[1822] *Ibid.*
[1823] *Ibid.*
[1824] *Ibid.*, 2: 24.

## Hadith 209

> Rasulullah SAW sendiri telah menerangkan dengan sabdanya : "Bahawasanya bagi setiap nabi mempunyai permohonan kepada Allah yang dapat digunakan untuk mendoakan umatnya, maka telah dikabulkan oleh Allah s.w.t. permohonan masing-masing itu. Sesungguhnya aku sengaja menyimpan permohonan perlu memberikan syafaat kepada umatku kelak pada hari kiamat.[1825]" (H.R. TARMIZI)

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **لِكُلِّ نَبِيٍّ دَعْوَةٌ مُسْتَجَابَةٌ وَإِنِّي اخْتَبَأْتُ دَعْوَتِي شَفَاعَةً لِأُمَّتِي** وَهِيَ نَائِلَةٌ إِنْ شَاءَ اللَّهُ مَنْ مَاتَ مِنْهُمْ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ[1826]

Hadith Abī Hurayrah r.a ini direkodkan oleh al-Bukhārī[1827], Muslim[1828], al-Tirmidhi[1829], Ibn Mājah[1830], Aḥmad[1831], Abū Ya'la al-Mawṣilī[1832] dan al-Bayhaqī[1833].

**Hukum Hadith**

Hadith Abū Hurayrah r.a. ini *ṣaḥīḥ* kerana direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

---

## Hadith 210

> Sabda Nabi SAW : " Tiga macam orang yang dapat memberikan syafaat pada hari kiamat ialah para nabi, para ulama dan para syuhada.[1834]"

[1825] Penulis buku hanya menyatakan maksud sahaja tanpa lafaz matan sebenar. Lafaz sanad dan matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1826] [1826] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh al-Tirmidhi di dalam kitab *Sunan*nya.

[1827] Al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī,* 4: 153 (Kitāb al-Da'āwāt, no. hadith 6304).

[1828] Muslim, *Sahih Muslim,* 1: 188 (Kitāb al-Īmān, no. hadith 198).

[1829] Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī,* 818 (Kitab al-Da'āwāt, no. hadith 3602).

[1830] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 714 (Kitāb al-Zuhd, no. hadith 4307).

[1831] Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, 7: 426 (no. hadith 7700).

[1832] Al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, 5: 229 (no. hadith 2842).

[1833] Al-Bayhaqī, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, 3: 43 (Kitāb Ta'ẓīm al-Nabī, no. hadith 1373).

[1834] Penulis buku hanya menyatakan maksud sahaja tanpa lafaz matan sebenar. Lafaz matan adalah hasil takhrij pengkaji.



Universiti Malaya

***Takhrij* Hadith**

حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ مَرْوَانَ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا عَنْبَسَةُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ عَلَّاقِ بْنِ أَبِي مُسْلِمٍ عَنْ أَبَانَ بْنِ عُثْمَانَ عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَشْفَعُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثَلَاثَةٌ الْأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الْعُلَمَاءُ ثُمَّ الشُّهَدَاءُ[1835]

Hadith 'Uthmān Bin 'Affān r.a ini diriwayatkan oleh Ibn Mājah [1836], Ibn Abī al-'Izz[1837] dan al-'Uqayli[1838] dan al-Naysābūrī[1839]. Al-'Uqayli ada menukilkan pandangan al-Bukhārī yang menyatakan 'Anbasah Bin 'Abd al-Raḥman (di dalam jalur sanad ini) adalah *matrūk* (ditinggalkan) dan pandangan 'Abd al-Ṣamad Bin 'Abd al-Wārith yang men*ḍa'īf*kan 'Anbasah[1840]. Ibn al-Jawzi[1841] menukilkan beberapa pandangan pengkritik sanad berkaitan 'Anbasah ini. Antaranya ialah *laysa bi syay'* (pandangan Yaḥyā), *matrūk* (pandangan al-Nasā'ī), *yaḍa' al-ḥadīth*[1842] (pandangan Ibn Abī Ḥātim), memiliki sesuatu yang dicipta palsu yang tidak boleh dijadikan hujah (pandangan Ibn Ḥibbān), *ḍa'īf* (pandangan al-Dāruquṭnī) dan *kadhdhāb* (pandangan al-Azdiy). Al-Albānī meletakkan status *mawḍū'* bagi hadith ini[1843].

**Hukum Hadith**

Hadith ini adalah *mawḍū'* kerana di dalam sanadnya terdapat 'Anbasah Bin 'Abd al-Raḥman yang dinyatakan sebagai mencipta hadith palsu dan pendusta.

---

[1835] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Ibn Mājah di dalam kitab *Sunan*nya.
[1836] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 715 (Kitāb al-Zuhd, no. hadith 4313).
[1837] Ibn Abī al-'Izz, al-'Ālim al-Qāḍī 'Alī Bin 'Alī Bin Muḥammad Bin Abī al-'Izz al-Dimasyq, *Syarḥ al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah*, tahqiq Dr. 'Abdullah Bin 'Abd al-Muhsin al-Turkiy dan Syu'ayb al-Arna'ut (Bayrūt : al-Muassasah al-Risālah, 1990), 1: 293.
[1838] Al-'Uqaylī, *Kitāb al-Ḍu'āfā'*, 4: 471 (no. hadith 4616).
[1839] Al-Naysābūrī, *Tafsīr Gharā'ib al-Qur'ān Wa Raghā'ib al-Furqān*, 1: 226.
[1840] *Ibid*, h.470.
[1841] Ibn al-Jawzī, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn,* 2: 235 (no. 2617).
[1842] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī juga ada merekodkan pandangan Ibn Abī Ḥātim yang menyatakan 'Anbasah ini mencipta hadith palsu. Lihat Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 756 (no. 5241).
[1843] Al-Tibrizī, *Misykāt al-Maṣābīḥ*, 3: 1561 (Kitāb al-Aḥwāl al-Qiyāmah Wa Bad' al-Khalq, no. hadith 5611). Lihat juga Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Āthāruhā al-Sayyi' Fī al-Ummah*, 4: 445 (no. hadith 1978).



Universiti Malaya

## Hadith 211

> Abu Darda' meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : "Orang yang mati syahid itu dapat memberikan syafaat kepada tujuh puluh orang dari kalangan keluarganya.[1844]" (H.R ABU DAUD)

### *Takhrij* Hadith

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ صَالِحٍ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ حَسَّانَ حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ رَبَاحٍ الذِّمَارِيُّ حَدَّثَنِي عَمِّي نِمْرَانُ بْنُ عُتْبَةَ الذِّمَارِيُّ قَالَ دَخَلْنَا عَلَى أُمِّ الدَّرْدَاءِ وَنَحْنُ أَيْتَامٌ فَقَالَتْ أَبْشِرُوا فَإِنِّي سَمِعْتُ أَبَا الدَّرْدَاءَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **يُشَفَّعُ الشَّهِيدُ فِي سَبْعِينَ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ** قَالَ أَبُو دَاوُد صَوَابُهُ رَبَاحُ بْنُ الْوَلِيدِ[1845]

Hadith Abū al-Dardā' r.a. ini diriwayatkan oleh Abū Dāwūd[1846], Ibn Ḥibbān[1847], al-Bayhaqī[1848] dan al-Bazzār[1849]. Al-Albānī meletakkan status *ṣaḥīḥ*[1850] bagi hadith riwayat Abū al-Dardā' ini. Ibn Ḥibbān meriwayatkan melalui 'Alī Bin al-Husayn Bin Sulaiman *haddathanā* Ja'far Bin Musāfir *haddathanā* Yaḥyā Bin Ḥassan *haddathanā* al-Wālid bin Rabāḥ daripada Namiran bin 'Utbah berkata: kami telah datang kepada Umm al-Dardā' ketika kami anak yatim dan kecil lalu dia menyapu kepala kami, dia berkata: Berilah berita gembira wahai anakku, sesungguhnya aku berharap kamu semua mendapat syafaat bapa kamu. sesungguhnya aku mendengar Abū al-Dardā' berkata bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda sebagaimana hadith di atas. Pengkaji menjalankan kajian sanad untuk mengetahui kualiti perawi-perawinya. Namiran Bin 'Utbah dinyatakan oleh al-Dhahabi sebagai *lā yudrā man huwa* (tidak

---

[1844] Penulis buku ini hanya menyatakan maksud hadith sahaja tanpa lafaz matan sebenar. Lafaz matan adalah hasil takhrij pengkaji.

[1845] Lafaz hadith ini adalah menurut riwayat yang direkodkan oleh Abu Dawud di dalam kitab *Sunan*nya.

[1846] Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H), 443 (Kitāb al-Jihād, no. hadith 2522).

[1847] Lafaz hadithnya adalah seperti berikut :

أخبرنا علي بن الحسين بن سليمان المعدل ، بالفسطاط ، حدثنا جعفر بن مسافر التنيسي ، حدثنا يحيى بن حسان ، حدثنا الوليد بن رباح الذماري ، عن نمران بن عتبة الذماري ، قال : دخلنا على أم الدرداء ونحن أيتام صغار ، فمسحت رءوسنا ، وقالت : أبشروا يا بني ، فإني أرجو أن تكونوا في شفاعة أبيكم ، فإني سمعت أبا الدرداء يقول : سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : « **الشهيد يشفع في سبعين من أهل بيته** »

'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, 10: 517 (Kitāb al-Siyar, no. hadith 4660).

[1848] Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 9: 277 (Kitāb al-Siyar, no. hadith 18527).

[1849] Al-Bazzār, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, 10: 25 (no. hadith 4085).

[1850] Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1998), 2: 103 (Kitāb al-Jihād, no. hadith 2522).

Universiti Malaya

diketahui siapakah dia)[1851]. Tetapi beliau ini disebut oleh Ibn Hibban di dalam kitabnya al-Thiqat[1852] dan dinyatakan oleh Ibn Hajar sebagai maqbul[1853]. Al-Walid Bin Rabah pula dinyatakan sebagai orang yang thiqah oleh Abu Zur'ah al-Dimasyq[1854]. Yaḥyā Bin Hassān pula dinyatakan sebagai *thiqah* oleh Ahmad Bin Hanbal dan al-Nasā'ī dan dinyatakan *thiqah ma'mūn 'ālim bi al-ḥadīth* oleh al-'Ijli[1855]. Ahmad Bin Ṣāliḥ pula dinyatakan *thiqah* oleh al-Bukhārī, Abū Ḥātim, al-'Ijlī dan ramai lagi[1856].

**Hukum Hadith**

Pengkaji telah menjalankan kajian terhadap sanad riwayat Abu Dawud ini mendapati kesemua perawinya adalah thiqah. Justeru, pengkaji berpandangan sanad hadith ini adalah sanad yang *ṣaḥīḥ* dan hadith ini adalah berstatus *ṣaḥīḥ*.

---

**Hadith 212**

> Abu hurairah r.a.berkata : Nabi SAW bersabda : "Apabila seorang mukmin membaca selawat untukku , maka selawat itu diambil oleh malaikat juru pati dengan izin Allah di sampaikan ke kuburku. Maka malaikat itu berkata : Hai Muhammad ! Polan bin polan, umatmu telah membaca selawat untuk engkau". Kata Nabi SAW " sampaikan kepadanya dariku sepuluh selawat dan katakan kepadanya "telah seharusnya bagimu mendapat syafaat dari beliau (Nabi SAW)." Maka malaikat tadi terus naik ke atas sehingga sampai arasy dan berkata : "Wahai Tuhanku, sesungguhnya polan bin polan telah membaca selawat sekali untuk kekasihMu. Maka Allah berfirman "sampaikan kepadanya dari aku sepuluh selawat." Kemudian Allah s.w.t. menciptakan dari tiap-tiap huruf pada selawat itu akan satu malaikat yang menpunyai 360 kepala, tiap-tiap kepala mempunyai 360 wajah dan tiap-tiap wajah terdapat 360 mulut dan tiap-tiap mulut terdapat 360 lidah guna berbicara dan memuji Allah dengan 360 macam, dan pahala kesemuanya itu dicatat untuk orang yang membaca selawat kepada Nabi SAW sampai hari kiamat.[1857]"

---

[1851] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 7: 48.
[1852] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 30: 20.
[1853] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 1008.
[1854] Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 9: 49.
[1855] *Ibid.*, 31: 268.
[1856] Al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* 1: 241.
[1857] Penulis hadith ini hanya menyatakan maksud sahaja tanpa lafaz matan sebenar. Lafaz matan adalah hasil takhrij pengkaji.



University Malaya

***Takhrij* Hadith**

رُوِيَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ أَنَّهُ قَالَ : (( إِذَا صَلَّى الْمُؤْمِنُ عَلَيَّ قَبَضَ تِلْكَ الصَّلَاةَ مَلَكُ الْمَوْتِ بِإِذْنِ اللهِ تَعَالَى وَبَلَّغَهَا إِلَى قَبْرِيْ ، فَيَقُولُ الْمَلَكُ : يَا مُحَمَّد إِنَّ فُلَاناً مِنْ أُمَّتِكَ صَلَّى عَلَيْكَ ، فَأَقُولُ : بَلِّغْهُ مِنِّي عَشْرَ صَلَوَاتٍ ، وَقُل لَّهُ : حَلَّتْ شَفَاعَتُهُ لَكَ. ثُمَّ يَصْعَدُ الْمَلَكُ حَتَّى يَنْتَهِيَ إِلَى الْعَرْشِ ، فَيَقُولُ: يَارَبّ، إِنَّ فُلَانَ يْنِ فُلَانٍ صَلَّى عَلَى حَبِيْبِكَ مُحَمَّد مَرَّةً، فَيَقُولُ اللهُ تَعَالَى: بَلِّغْهُ مِنِّي عَشْرَ صَلَوَاتٍ، ثُمَّ يَخْلُقُ اللهُ تَعَالَى مِنْ صَلَاتِهِ بِكُلِّ حَرْفٍ مَلَكاً لَهُ ثَلَاثُمِائَةٍ وَسِتُّونُ رَأْساً وَفِي كُلِّ رَأْسٍ ثَلَاثَمِائَةٍ وَسِتُّونَ وَجْهاً وَفِي كُلِّ وَجْهٍ ثَلَاثُمِائَةٍ وَسِتُّونَ فَماً وَفِي كُلِّ فَمٍ ثَلَاثُمِائَةٍ وَسِتُّونَ لِسَاناً .يَتَكَلَّمُ بِكُلِّ لِسَانٍ، وِيَثْنِي عَلَى اللهِ تَعَالَى بِثَلَاثِمِائَةٍ وَسِتِّينَ نَوْعاً، فَيُكْتَبُ ثَوَابُ ذَلِكَ لِلْمُصَلِّي عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ))[1858]

Hadith ini tidak dijumpai di dalam kitab-kitab hadith dan kitab-kitab tafsir. Riwayat ini ditemui di dalam kitab *Durrah al-Nāṣiḥīn*[1859] tanpa sanad.

**Hukum Hadith**

Hadith ini ditemui tanpa sanad dan tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Menerusi maksud matan hadith ini, pengkaji berpandangan terdapat kejanggalan yang nyata yang menunjukkan seolah-olahnya matan hadith ini adalah bukan berasal daripada Rasulullah SAW. Justeru, disebabkan ketiadaan sanad yang menghubungkan riwayat ini kepada Rasulullah SAW untuk dijalankan kajian sanad, maka pengkaji berpandangan hadith ini adalah lebih menghampiri kepada لا أصل له (tiada asal baginya).

[1858] Lafaz riwayat ini adalah menurut sebagaimana yang direkodkan di dalam Kitab *Durrah al-Wā'iẓīn*.
[1859] Al-Khūbawī , *Durrah al-Nāṣiḥīn Fī al-Wa'ẓ Wa al-Irsyād*, 64.

# BAB 3 : ANALISIS TAKHRIJ HADITH-HADITH FADILAT DI DALAM BUKU YANG TERSEBAR DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM MALAYSIA

## 3.0 Pendahuluan

Bab ini membahaskan hasil analisis takhrij terhadap hadith-hadith fadilat. Pelbagai bentuk penulisan pengarang buku dapat dikenalpasti terutamanya berkaitan penulisan hadith-hadith Rasulullah SAW. Begitu juga, dapat dikenalpasti status dan martabat hadith-hadith tersebut. Penentuan status hadith-hadith tersebut memberikan impak terhadap autoriti pengarang serta buku yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang tersebut.

## 3.1 Analisis Takhrij Hadith-Hadith Fadilat Berdasarkan Hukum Hadith.

**a. Jumlah dan peratus keseluruhan hadith-hadith yang ditakhrij**

Jadual 3.1 : Jumlah dan peratus keseluruhan hadith-hadith yang ditakhrij

| Bil | Status Hadith | Jumlah | Peratus (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | *Ṣaḥīḥ* | 86 | 41 |
| 2 | *Ṣaḥīḥ Lighayrihi* | 11 | 5 |
| 3 | *Ḥasan* | 6 | 3 |
| 4 | *Ḥasan Lighayrihi* | 1 | 1 |
| 5 | *Ḍa'īf* | 36 | 17 |
| 6 | *Ḍa'īf Jiddan* | 10 | 5 |
| 7 | *Mawḍū'* | 22 | 10 |
| 8 | *Lā aṣl lah* | 24 | 11 |
| 9 | Tidak Ditemui | 6 | 3 |
| 10 | *Ḥadīth Mawqūf* | 5 | 2 |
| 11 | *Ḥadīth Maqṭū'* | 5 | 2 |
| Jumlah | | 212 | 100 |

Sumber : Hasil Kajian Takhrij

Menerusi hasil takhrij yang telah dilakukan, peratusan terbesar daripada jumlah hadith iaitu 41% (86 hadith) adalah berstatus *ṣaḥīḥ* yang diikuti oleh 17% (36 hadith) adalah berstatus *ḍa'īf*. Kemudian diikuti oleh 11% (24 hadith) berstatus *lā aṣl lah*, 10% (22 hadith) berstatus *mawḍū'*, 5% (11 hadith) berstatus *ṣaḥīḥ*

Universiti Malaya

*lighayrihi*, 5% (10 hadith) berstatus *ḍa'īf jiddan*, 3% (6 hadith) berstatus hadith *ḥasan*, 3% (6 hadith) berstatus tidak ditemui, 2% (5 hadith) berstatus hadith *mawqūf*, 2% (5 hadith) berstatus hadith *maqṭū'*, 1% (1 hadith) berstatus *ḥasan lighayrihi*.

**b. Jumlah dan peratus hadith-hadith yang ditakhrij di dalam setiap buku.**

i. Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia Ditulis Oleh Abu Nur Muizuddin Diterbitkan Oleh Jasmin Enterprise (87 buah hadith)

Jadual 3.2 : Jumlah dan peratus hadith-hadith buku Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia

| Bil | Status Hadith | Jumlah | Peratus (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | *Ṣaḥīḥ* | 50 | 58 |
| 2 | *Ṣaḥīḥ Lighayrihi* | 6 | 7 |
| 3 | *Ḥasan* | 2 | 2 |
| 4 | *Ḥasan Lighayrihi* | - | - |
| 5 | *Ḍa'īf* | 14 | 16 |
| 6 | *Ḍa'īf Jiddan* | 3 | 3 |
| 7 | *Mawḍū'* | 5 | 6 |
| 8 | *Lā aṣl lah* | 1 | 1 |
| 9 | Tidak Ditemui | 5 | 6 |
| 10 | *Ḥadīth Mawqūf* | 1 | 1 |
| 11 | *Ḥadīth Maqṭū'* | - | - |
| Jumlah | | 87 | 100 |

Sumber : Hasil Takhrij Kajian

Jumlah hadith-hadith yang terdapat di dalam buku Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia yang ditulis oleh Abu Nur Muizuddin dan diterbitkan oleh Jasmin Enterprise ini adalah sebanyak 87 buah hadith yang berkaitan dengan kelebihan solat. Menerusi hasil takhrij yang telah dilakukan, peratusan terbesar daripada jumlah hadith iaitu 58% (50 hadith) adalah berstatus *ṣaḥīḥ* yang diikuti oleh 16% (14 hadith) adalah berstatus *ḍa'īf*. Kemudian diikuti oleh 7% (6 hadith) berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi*, 6% (5 hadith) berstatus *mawḍū'*, 6% (5 hadith) berstatus tidak ditemui, 3% (3 hadith) berstatus *ḍa'īf jiddan*, 1% (1 hadith) berstatus *lā aṣl lah* dan 1% (1 hadith)

berstatus hadith *mawqūf*. Manakala hadith yang berstatus *ḥasan lighayrihi* dan hadith *maqṭū'* tiada di dalam buku ini.

ii. 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan Ditulis Oleh Fadzli Nuruddin Mohammad Diterbitkan Oleh Pustaka Ilmuwan (52 buah hadith)

Jadual 3.3 : Jumlah dan peratus hadith-hadith buku 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan

| Bil | Status Hadith | Jumlah | Peratus (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | *Ṣaḥīḥ* | 15 | 29 |
| 2 | *Ṣaḥīḥ Lighayrihi* | 3 | 6 |
| 3 | *Ḥasan* | 3 | 6 |
| 4 | *Ḥasan Lighayrihi* | - | - |
| 5 | *Ḍa'īf* | 8 | 15 |
| 6 | *Ḍa'īf Jiddan* | 2 | 4 |
| 7 | *Mawḍū'* | 7 | 13 |
| 8 | *Lā aṣl lah* | 11 | 21 |
| 9 | Tidak Ditemui | 1 | 2 |
| 10 | *Ḥadīth Mawqūf* | - | - |
| 11 | *Ḥadīth Maqṭū'* | 2 | 4 |
| Jumlah | | 52 | 100 |

Sumber : Hasil Takhrij Kajian

Jumlah hadith-hadith yang terdapat di dalam buku 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan yang ditulis oleh Fadzli Nuruddin Mohammad dan diterbitkan oleh Pustaka Ilmuwan ini adalah sebanyak 52 buah hadith yang berkaitan dengan kelebihan mengamalkan surah-surah tertentu. Menerusi hasil takhrij yang telah dilakukan, peratusan terbesar daripada jumlah hadith iaitu 29% (15 hadith) adalah berstatus *ṣaḥīḥ* yang diikuti oleh 21% (11 hadith) adalah berstatus *lā aṣl lah*. Kemudian diikuti oleh 15% (8 hadith) berstatus *ḍa'īf*, 13% (7 hadith) berstatus *mawḍū'*, 6% (3 hadith) berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi*, 6% (3 hadith) berstatus *ḥasan*, 4% (2 hadith) berstatus *ḍa'īf jiddan*, 46% (2 hadith) berstatus hadith *maqṭū'* dan 2% (1 hadith) berstatus tidak ditemui. Manakala hadith yang berstatus *ḥasan lighayrihi* dan hadith *mawqūf* tiada di dalam buku ini.

Universiti Malaya

iii. Rahsia Dan Khasiat Bismillah Ditulis Oleh Abdul Shukur Dan Diterbitkan Oleh Jasmin Enterprise (27 buah hadith)

Jadual 3.4 : Jumlah dan peratus hadith-hadith buku Rahsia Dan Khasiat Bismillah

| Bil | Status Hadith | Jumlah | Peratus (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | *Ṣaḥīḥ* | 8 | 30 |
| 2 | *Ṣaḥīḥ Lighayrihi* | - | - |
| 3 | *Ḥasan* | - | - |
| 4 | *Ḥasan Lighayrihi* | - | - |
| 5 | *Ḍa'īf* | 4 | 15 |
| 6 | *Ḍa'īf Jiddan* | 2 | 7 |
| 7 | *Mawḍū'* | 2 | 7 |
| 8 | *Lā aṣl lah* | 5 | 19 |
| 9 | Tidak Ditemui | - | - |
| 10 | *Ḥadīth Mawqūf* | 3 | 11 |
| 11 | *Ḥadīth Maqṭū'* | 3 | 11 |
| Jumlah | | 27 | 100 |

Sumber : Hasil Takhrij Kajian

Jumlah hadith-hadith yang terdapat di dalam buku Rahsia Dan Khasiat Bismillah yang ditulis oleh Abdul Shukur dan diterbitkan oleh Jasmin Enterprise ini adalah sebanyak 27 buah hadith yang berkaitan dengan kelebihan mengamalkan Bismillah. Menerusi hasil takhrij yang telah dilakukan, peratusan terbesar daripada jumlah hadith iaitu 30% (8 hadith) adalah berstatus *ṣaḥīḥ* yang diikuti oleh 19% (5 hadith) adalah berstatus *lā aṣl lah*. Kemudian diikuti oleh 15% (5 hadith) berstatus *ḍa'īf*, 11% (3 hadith) berstatus hadith *mawqūf*, 11% (3 hadith) berstatus hadith *maqṭū'*, 7% (2 hadith) berstatus hadith *ḍa'īf jiddan* dan 7% (2 hadith) berstatus hadith *mawḍū'*. Manakala hadith yang berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi*, *ḥasan*, *ḥasan lighayrihi* dan hadith yang tidak ditemui tiada di dalam buku ini.



Universiti Malaya

iv. Rahsia Al-Fatihah Ditulis Oleh Ustaz Dato Hj. Ismail Kamus Diterbitkan Oleh Darul Numan ( 26 buah hadith )

Jadual 3.5 : Jumlah dan peratus hadith-hadith buku Rahsia Al-Fatihah

| Bil | Status Hadith | Jumlah | Peratus (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | *Ṣaḥīḥ* | 9 | 35 |
| 2 | *Ṣaḥīḥ Lighayrihi* | - | - |
| 3 | *Ḥasan* | - | - |
| 4 | *Ḥasan Lighayrihi* | - | - |
| 5 | *Ḍa'īf* | 9 | 35 |
| 6 | *Ḍa'īf Jiddan* | 1 | 4 |
| 7 | *Mawḍū'* | 3 | 11 |
| 8 | *Lā aṣl lah* | 3 | 11 |
| 9 | Tidak Ditemui | - | - |
| 10 | *Ḥadīth Mawqūf* | 1 | 4 |
| 11 | *Ḥadīth Maqṭū'* | - | - |
| Jumlah | | 26 | 100 |

Sumber : Hasil Takhrij Kajian

Jumlah hadith-hadith yang terdapat di dalam buku Rahsia Al-Fatihah yang ditulis oleh Ustaz Dato Hj. Ismail Kamus dan diterbitkan oleh Darul Numan ini adalah sebanyak 26 buah hadith yang berkaitan dengan kelebihan mengamalkan surah al-Fatihah. Menerusi hasil takhrij yang telah dilakukan, peratusan terbesar daripada jumlah hadith iaitu 35% (9 hadith) adalah berstatus *ṣaḥīḥ*, kemudian diikuti oleh 35% (9 hadith) adalah berstatus *ḍa'īf*, 11% (3 hadith) adalah berstatus *mawḍū'*, 11% (3 hadith) adalah berstatus *lā aṣl lah*, 4% (1 hadith) adalah berstatus *ḍa'īf jiddan* dan 4% (1 hadith) adalah berstatus hadith *mawqūf.* Manakala hadith yang berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi*, *ḥasan*, *ḥasan lighayrihi*, hadith *maqṭū'* dan hadith yang tidak ditemui tiada di dalam buku ini.

Universiti Malaya

v. Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW Ditulis Oleh Said Bin Che Ros Dan Diterbitkan Oleh Pustaka Haji Wan Majid Sdn Bhd. ( 20 buah hadith )

Jadual 3.6 : Jumlah dan peratus hadith-hadith buku Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW

| Bil | Status Hadith | Jumlah | Peratus (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | *Ṣaḥīḥ* | 4 | 20 |
| 2 | *Ṣaḥīḥ Lighayrihi* | 2 | 10 |
| 3 | *Ḥasan* | 1 | 5 |
| 4 | *Ḥasan Lighayrihi* | 1 | 5 |
| 5 | *Ḍa'īf* | 1 | 5 |
| 6 | *Ḍa'īf Jiddan* | 2 | 10 |
| 7 | *Mawḍū'* | 5 | 25 |
| 8 | *Lā aṣl lah* | 4 | 20 |
| 9 | Tidak Ditemui | - | - |
| 10 | *Ḥadīth Mawqūf* | - | - |
| 11 | *Ḥadīth Maqṭū'* | - | - |
| Jumlah | | 20 | 100 |

Sumber : Hasil Takhrij Kajian

Jumlah hadith-hadith yang terdapat di dalam buku Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW yang ditulis oleh Said Bin Che Ros dan diterbitkan oleh Pustaka Haji Wan Majid Sdn Bhd ini adalah sebanyak 20 buah hadith yang berkaitan dengan kelebihan mengamalkan Bismillah. Menerusi hasil takhrij yang telah dilakukan, peratusan terbesar daripada jumlah hadith iaitu 25% (5 hadith) adalah berstatus *mawḍū'* yang diikuti oleh 20% (4 hadith) adalah berstatus *ṣaḥīḥ*. Kemudian diikuti oleh 20% (4 hadith) berstatus *lā aṣl lah*, 10% (2 hadith) berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi*, 10% (2 hadith) berstatus *ḍa'īf jiddan*, 5% (1 hadith) berstatus *ḥasan*, 5% (1 hadith) berstatus *ḥasan lighayrihi* dan 5% (1 hadith) berstatus *ḍa'īf*. Manakala hadith yang berstatus hadith *mawqūf*, hadith *maqṭū'* dan hadith yang tidak ditemui tiada di dalam buku ini.

Universiti Malaya

## 3.2 Analisis Perbandingan Jumlah Hadith Dan Peratusannya Berdasarkan Status Hadith Bagi Setiap Buku.

Rajah 3.1 : Perbandingan Jumlah Hadith Berdasarkan Statusnya




| | Buku 1 | Buku 2 | Buku 3 | Buku 4 | Buku 5 | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Sahih | 50 | 15 | 8 | 9 | 4 | 86 |
| Sahih Lighayrihi | 6 | 3 | 0 | 0 | 2 | 11 |
| Hasan | 2 | 3 | 0 | 0 | 1 | 6 |
| Hasan Lighayrihi | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 |
| Da'if | 14 | 8 | 4 | 9 | 1 | 36 |
| Da'if Jiddan | 3 | 2 | 2 | 1 | 2 | 10 |
| Mawdu' | 5 | 7 | 2 | 3 | 5 | 22 |
| Hadis Mawquf | 1 | 0 | 3 | 1 | 0 | 5 |
| Hadis Maqtu' | 0 | 2 | 3 | 0 | 0 | 5 |
| La asl lah | 1 | 11 | 5 | 3 | 4 | 24 |
| Tidak Ditemui | 5 | 1 | 0 | 0 | 0 | 6 |
| Jumlah | 87 | 52 | 27 | 26 | 20 | 212 |

Sumber : Hasil Takhrij Kajian

Rajah 3.2: Perbandingan Peratusan Hadith Berdasarkan Statusnya




| | BUKU 1 | BUKU 2 | BUKU 3 | BUKU 4 | BUKU 5 |
|---|---|---|---|---|---|
| Sahih (%) | 58 | 29 | 30 | 35 | 20 |
| Sahih Lighayrihi (%) | 7 | 6 | 0 | 0 | 10 |
| Hasan (%) | 2 | 6 | 0 | 0 | 5 |
| Hasan Lighayrihi (%) | 0 | 0 | 0 | 0 | 5 |
| Da'if (%) | 16 | 15 | 15 | 35 | 5 |
| Da'if Jiddan (%) | 3 | 4 | 7 | 4 | 10 |
| Mawdu'(%) | 6 | 13 | 7 | 11 | 25 |
| Hadith Mawquf (%) | 1 | 0 | 11 | 4 | 0 |
| Hadith Maqtu' (%) | 0 | 4 | 11 | 0 | 0 |
| La asl lah | 1 | 21 | 19 | 11 | 20 |
| Tidak Ditemui | 6 | 2 | 0 | 0 | 0 |

Sumber : Hasil Takhrij Kajian

Rajah 3.1 dan 3.2 di atas adalah memaparkan perbandingan yang dibuat bagi melihat status hadith-hadith bagi setiap buku yang dikaji. Jumlah keseluruhan hadith-hadith yang dikaji adalah sebanyak 212 buah hadith. Berdasarkan rajah di atas, didapati bahawa hanya sebuah buku sahaja yang kedapatan peratusan

Universiti Malaya

terbesarnya adalah hadith-hadith yang berstatus *ṣaḥīḥ* sebanyak 58% (50 buah hadith) iaitu buku yang bertajuk Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia. Empat buku yang lain, peratusan hadith-hadithnya yang berstatus *ṣaḥīḥ* adalah tidak melebihi 50%. Hadith-hadith *ṣaḥīḥ* yang terdapat di dalam buku bertajuk 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan hanyalah sebanyak 29% (15 buah hadith) sahaja. Ini diikuti oleh buku bertajuk Rahsia Dan Khasiat Bismillah iaitu sebanyak 30% (8 buah hadith), buku bertajuk Rahsia Al-Fatihah sebanyak 35% (9 buah hadith) dan buku yang bertajuk Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW hanyalah sebanyak 20% (4 buah hadith) sahaja daripada keseluruhan hadith-hadithnya. Jumlah keseluruhan hadith berstatus *ṣaḥīḥ* adalah sebanyak 86 buah hadith yang mewakili 41% daripada keseluruhan hadith yang dikaji.

Melihat kepada perbandingan peratusan hadith-hadith berstatus *ḍa'īf* pula, didapati buku bertajuk Rahsia Al-Fatihah memuatkan sebanyak 35% (9 buah hadith). Ini diikuti oleh buku bertajuk Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia sebanyak 16% (14 buah hadith), buku bertajuk 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan sebanyak 15% (8 buah hadith), buku bertajuk Rahsia Dan Khasiat Bismillah pula adalah sebanyak 15% (4 buah hadith) dan buku bertajuk Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW pula adalah sebanyak 5% (1 buah hadith) sahaja. Jumlah keseluruhan hadith berstatus *ḍa'īf* adalah sebanyak 36 buah hadith yang mewakili 17% daripada keseluruhan hadith yang dikaji.

Perbandingan dari sudut status hadith-hadithnya yang bertaraf *mawḍū'* pula, didapati buku bertajuk Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW adalah sebanyak 25% (5 buah hadith), buku yang bertajuk 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan sebanyak 13% (7 buah hadith), buku bertajuk Rahsia Dan

Khasiat Bismillah sebanyak 7% (2 buah hadith), buku bertajuk Rahsia Al-Fatihah sebanyak 11% (3 buah hadith) dan buku yang bertajuk Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia sebanyak 6% (5 buah hadith). Jumlah keseluruhan hadith berstatus *mawḍū'* adalah sebanyak 22 buah hadith yang mewakili 10% daripada keseluruhan hadith yang dikaji.

Perbandingan dari sudut status hadith-hadithnya yang berstatus *lā aṣl lah* pula, didapati buku bertajuk Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW adalah sebanyak 20% (4 buah hadith), buku yang bertajuk 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan sebanyak 21% (11 buah hadith), buku bertajuk Rahsia Dan Khasiat Bismillah sebanyak 19% (5 buah hadith), buku bertajuk Rahsia Al-Fatihah sebanyak 11% (3 buah hadith) dan buku yang bertajuk Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia sebanyak 1% (1 buah hadith). Jumlah keseluruhan hadith berstatus *lā aṣl lah* adalah sebanyak 24 buah hadith yang mewakili 11% daripada keseluruhan hadith yang dikaji.

Manakala peratusan hadith-hadith yang berstatus lain-lain adalah seperti berikut.

i. Hadith-hadith berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi* adalah sebanyak 11 buah hadith yang mewakili 5% daripada keseluruhan hadith.
ii. Hadith-hadith berstatus *ḥasan* adalah sebanyak 6 buah hadith yang mewakili 3% daripada keseluruhan hadith.
iii. Hadith-hadith berstatus *ḥasan lighayrihi* adalah sebanyak 1 buah hadith yang mewakili 1% daripada keseluruhan hadith.
iv. Hadith-hadith berstatus *ḍa'īf jiddan* adalah sebanyak 10 buah hadith yang mewakili 5% daripada keseluruhan hadith.
v. Hadith-hadith berstatus hadith *mawqūf* adalah sebanyak 5 buah hadith yang mewakili 2% daripada keseluruhan hadith.

Universiti Malaya

vi. Hadith-hadith berstatus hadith *maqṭū'* adalah sebanyak 5 buah hadith yang mewakili 2% daripada keseluruhan hadith.

vii. Hadith-hadith berstatus tidak ditemui adalah sebanyak 6 buah hadith yang mewakili 3% daripada keseluruhan hadith.

## 3.3 Analisis Takhrij Hadith Fadilat Berdasarkan Penerimaan Dan Penolakan

Rajah 3.3 : Perbandingan Jumlah Hadith Yang Diterima Dan Ditolak Mengikut Buku




| | BUKU 1 | BUKU 2 | BUKU 3 | BUKU 4 | BUKU 5 |
|---|---|---|---|---|---|
| Hadith Diterima | 58 | 21 | 8 | 9 | 8 |
| Hadith Ditolak | 23 | 28 | 13 | 16 | 12 |
| Hadith Mawquf & Maqtu' | 1 | 2 | 6 | 1 | 0 |
| Tidak Ditemui | 5 | 1 | 0 | 0 | 0 |

Sumber : Hasil Takhrij Kajian

Rajah 3.3 di atas menunjukkan perbandingan jumlah hadith-hadith yang terdapat di dalam setiap buku yang dikaji berdasarkan statusnya samada diterima ataupun ditolak. Pengkaji mengkasifikasikan hadith-hadith yang diterima adalah hadith-hadith yang berstatus *ṣaḥīḥ*, *ṣaḥīḥ lighayrihi*, *ḥasan* dan *ḥasan lighayrihi* sahaja manakala hadith-hadith yang ditolak atau tidak diterima pula adalah hadith-hadith yang berstatus *ḍa'īf*, *ḍa'īf jiddan*, *mawḍū'* dan yang berstatus *lā aṣl lah*. Walaupun pengkaji hanya menyatakan 4 sahaja status hadith yang tidak diterima, hadith-hadith berstatus hadith *mawqūf* dan *maqṭū'* juga tidak diterima di dalam penghujahan kerana ianya adalah bukan

Universiti Malaya

hadith dalam ertikata yang sebenar. Bahkan ianya hanyalah seumpama kata-kata seorang muslim.

Dapatan daripada hasil takhrij, didapati buku bertajuk Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia memuatkan sejumlah 58 buah hadith yang diterima, 23 buah yang ditolak, sebuah hadith yang berstatus *mawqūf* dan 5 buah hadith yang tidak ditemui. Buku bertajuk 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan pula memuatkan sejumlah 21 buah hadith yang diterima, 28 buah yang ditolak, dua buah hadith yang berstatus *maqṭū'* dan sebuah hadith yang tidak ditemui. Buku bertajuk Rahsia Dan Khasiat Bismillah memuatkan sejumlah 8 buah hadith yang diterima, 13 buah hadith yang ditolak, tiga buah hadith yang berstatus *mawqūf* dan tiga buah hadith yang berstatus *maqṭū'*. Buku bertajuk Rahsia Al-Fatihah memuatkan sejumlah 9 buah hadith yang diterima, 16 buah yang ditolak dan sebuah hadith yang berstatus *maqṭū'* manakala buku bertajuk Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW pula memuatkan sejumlah 8 buah hadith yang diterima dan 12 buah yang ditolak.

Menerusi perbandingan ini, pengkaji dapat melihat bahawa hanya sebuah buku sahaja yang mengemukan sebahagian besar daripada hujah-hujah hadithnya adalah terdiri daripada hadith-hadith yang diterima iaitu 58 buah hadith yang diterima berbanding 23 buah hadith yang ditolak iaitulah buku yang bertajuk Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia. Manakala empat buah buku lagi memuatkan sejumlah hadith-hadith yang yang ditolak melebihi jumlah hadith-hadith yang diterima. Jumlah keseluruhan hadith yang diterima adalah sebanyak 104 buah hadith yang mewakili 49%. Manakala jumlah keseluruhan hadith yang ditolak ialah sebanyak 108 buah hadith yang mewakili 51%. Secara umumnya menerusi dapatan daripada perbandingan hadith-hadith yang diterima dan ditolak daripada 5 buah buku yang dikaji ini,

Universiti Malaya

pengkaji dapat menyatakan bahawa hadith-hadith berkaitan kelebihan atau fadilat amalan surah-surah pilihan, kelebihan Bismillah, kelebihan al-Fatihah dan kelebihan membaca selawat ke atas Rasulullah SAW., kebanyakannya adalah terdiri daripada hadith-hadith yang ditolak iaitu hadith *ḍa'īf*, *ḍa'īf jiddan*, *mawḍū'*, hadith *mawqūf*, hadith *maqṭū'* dan hadith yang tiada asal baginya.

## 3.4 Analisis Takhrij Hadith Fadilat Daripada lima Buah Buku Hadith Terpilih Berdasarkan Statusnya.

### a. Hadith-hadith Berstatus *Ṣaḥīḥ* Dan *Ṣaḥīḥ Lighayrihi*

Pengkaji telah pun melakukan takhrij terhadap 212 buah hadith yang terdapat di dalam 5 buah buku berlainan. Menerusi dapatan pengkaji, sejumlah 86 buah hadith adalah berstatus *ṣaḥīḥ* dan 11 buah hadith berstatus *ṣaḥīḥ lighayrihi*. Penetapan statusnya sebagai *ṣaḥīḥ* dan *ṣaḥīḥ lighayrihi* adalah dibuat berdasarkan pandangan dan kritikan ulama-ulama hadith terhadap hadith-hadith tersebut seperti Imam al-Bukhārī, Imam Muslim, Imam al-Tirmidhī, Imam al-Dāruquṭnī, Ibn Kathīr, al-'Irāqī, al-Haythamī, al-Sakhāwī dan al-Suyūṭī. Kesemua hadith yang ditemui di dalam kitab *ṣaḥīḥ* al-Bukhari dan Muslim semestinya telah diiktiraf sebagai sahih. Manakala pandangan Imam al-Tirmidhi berkenaan status sahih di dalam periwayatannya dinyatakan sendiri oleh Imam al-Tirmidhi lantaran bukan kesemua hadith-hadith riwayatnya adalah berstatus sahih. Selain itu, pengkaji juga menggunapakai pandangan ulama-ulama terkemudian di dalam penetapan statusnya sebagai *ṣaḥīḥ* dan *ṣaḥīḥ lighayrihi* seperti al-Albānī, 'Abd al-Qādir al-Arnā'ūṭ, Syu'ayb al-Arnā'ūṭ, Aḥmad

Universiti Malaya

Muḥammad Syākir[1860], Husayn Salim Asad, Ḥamzah Aḥmad al-Zayn, ‘Abduh bin ‘Alī al-Daranī[1861] dan lain-lain.

Hadith-hadith yang sebegini semestinya menepati syarat-syarat hadith *ṣaḥīḥ* sebagaimana yang telah disepakati oleh para ulama hadith iaitu mencukupi 5 syarat utama hadith *ṣaḥīḥ*. Syarat tersebut ialah sanad yang bersambung, perawi yang 'adil, perawi yang *ḍābiṭ* (kuat ingatan), tiada *syāz* (percanggahan dengan hadith yang lebih dipercayai) dan tiada *'illah* (kecacatan)[1862]. Hadith-hadith ini didapati direkodkan di dalam *Ṣaḥīḥ* al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ* Muslim, Sunan al-Nasā'ī, Sunan Abū Dāwūd, Sunan al-Tirmidhī, Sunan Ibnu Mājah, Musnad Aḥmad Bin Hanbal, *al-Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥīḥayn* oleh al-Ḥākim dan lain-lain.

**b. Hadith-hadith Berstatus *Ḥasan* Dan *Ḥasan Lighayrihi***

Sejumlah 6 buah hadith adalah *ḥasan* dan 1 buah hadith berstatus *ḥasan lighayrihi*. Hadith-hadith yang statusnya *ḥasan* dan *ḥasan lighayrihi* ini, penetapan statusnya juga adalah ditentukan berdasarkan kajian, pandangan dan kritikan ulama hadith terhadapnya. Antaranya ialah dinyatakan sendiri oleh al-Tirmidhi di dalam Sunannya dan dinyatakan juga oleh pentahqiq mutaakhir seperti Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-A'ẓamiy, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī dan lain-lain. Pandangan terpilih berkaitan definisi hadith *ḥasan* ini ialah ianya adalah hadith-hadith yang sanadnya bersambung yang diriwayatkan oleh perawi-perawi yang ringan atau lemah sedikit *ḍābiṭ*nya (kekuatan ingatannya) daripada perawi-perawi yang seumpamanya sehinggalah akhir sanad tanpa ada *syāz* dan *'illah*[1863]. Justeru, hadith-hadith *ḥasan* ini tahap kekuatannya adalah kurang sedikit berbanding hadith-hadith *ṣaḥīḥ*. Hadith-hadith *ḥasan* ini didapati direkodkan di dalam *ṣaḥīḥ* Ibn Khuzaymah dan lain-lain.

[1860] Wikipedia, diakses 8 Mei 2018, https://id.wikipedia.org/wiki/Ahmad_Syakir
[1861] Raudhah al-Muhaddithin, diakses pada 8 Mei 2018, http://zulhusnimatresat.blogspot.my/2016/09/syeikh-abduh-ali-kusyak.html
[1862] *Ibid*., 35.
[1863] *Ibid.*, 46.



Universiti Malaya

### c. Hadith-hadith Berstatus *Ḍa'īf* Dan *Ḍa'īf Jiddan.*

Sejumlah 36 buah hadith adalah berstatus *ḍa'īf* dan 10 buah hadith berstatus *ḍa'īf jiddan*. Hadith-hadith yang statusnya *ḍa'īf* dan *ḍa'īf jiddan* ini, penetapan statusnya juga adalah ditentukan berdasarkan kajian, pandangan dan kritikan ulama hadith terhadapnya. Hadith *ḍa'īf* ini diertikan sebagai hadith-hadith yang tidak terdapat atau terhimpun padanya sifat-sifat hadith *ḥasan* dengan sebab rosak atau hilang syarat-syaratnya[1864].

Dapatan pengkaji, hadith-hadith *ḍa'īf* yang telah ditakhrij kebanyakannya adalah disebabkan oleh kelemahan yang terdapat pada diri perawi ataupun hadith-hadith *ḍa'īf* ini bermasalah dari sudut sanadnya. Sebagai contoh, perawinya adalah dinyatakan *laysa bi syay'* (bukanlah sesuatu), *'indahu 'ajā'ib* (padanya ada kepelikan), *laysa bi thiqah* (tidak dipercayai) dan *ḍa'īf* (lemah).

Antara ulama yang menyatakan kritikan terhadap perawi atau sanad yang lemah ini ialah Ibn Ma'īn, al-Bukhārī, al-Nasa'i, al-Dāruquṭnī, Abū Ḥātim al-Rāzī dan lain-lain. Begitu juga kritikan hadith-hadith *ḍa'īf* ini dinyatakan oleh pentahqiq mutaakhir seperti Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Dr. 'Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd, Ḥamzah Aḥmad al-Zayn, Husayn Salīm Asad al-Dārānī, al-Sayyid al-'Arabiy, Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā'īl dan lain-lain. Hadith-hadith ini didapati direkodkan di dalam Musnad Ahmad Bin Hanbal, Musnad al-Darimi, *al-Mu'jam al-Kabīr* dan *Mu'jam al-Awṣaṭ* oleh al-Ṭabrānī, kitab *al-Syu'ab* oleh al-Bayhaqī, kitab *Tanbih al-Ghāfilīn* oleh al-Samarqandī dan lain-lain.

Ulama-ulama hadith berbeza pandangan berkaitan periwayatan dan pengamalan dengan hadith-hadith *ḍa'īf* yang tidak sampai ke tahap palsu. Ibn al-

[1864] *Ibid.*, 63.



Universiti Malaya

Salah[1865] berpandangan harus meriwayatkan hadith-hadith *ḍa'īf* yang tidak mencapai tahap *mawḍū'* tanpa menerangkan ke*ḍa'īf*annya seperti berkaitan nasihat, cerita, kelebihan amalan, galakkan kebaikan, ancaman kejahatan selagi mana tidak menyentuh hukum-hakam (seperti halal dan haram) dan akidah (seperti sifat-sifat Allah). Yang dimaksudkan dengan kelebihan-kelebihan amalan di sini ialah amalan-amalan baik yang telah thabit melalui hadith-hadith *ṣaḥīḥ*. Ibn al-'Arabiy pula berpandangan tidak dibenarkan beramal dengan hadith *da'if* secara mutlak samada berkaitan halal, haram, kelebihan-kelebihan amalan dan sebagainya[1866]. Sebahagian ulama hadith menmbenarkan periwayatan hadith *ḍa'īf* tanpa menjelaskan ke*ḍa'īf*annya namun dengan beberapa syarat[1867] :

i. Hendaklah hadith itu hanya berkaitan cerita-cerita, nasihat, kelebihan-kelebihan amalan atau sebagainya yang tidak menyentuh tentang sifat-sifat Allah, tafsir ayat-ayat al-Quran, hukum hakam berkaitan halal haram dan sebagainya.
ii. Hendaklah *ḍa'īf* yang tidak bersangatan *ḍa'īf* nya.
iii. Hendaklah hadith *ḍa'īf* tersebut telah *thabit* usulnya daripada usul-usul syari'ah supaya ianya tidak men*thabit*kan sesuatu yang tidak di*thabit*kan oleh syara'. Hadith *ḍa'īf* ini hanyalah sekadar penyokong sesuatu yang telah ada asasnya di dalam syara'.
iv. Hendaklah orang yang mengamalkan hadith *ḍa'īf* itu tidak berkeyakinan tentang *thabit*nya hadith tersebut daripada Rasulullah SAW.
v. Hendaklah hadith *ḍa'īf* itu tidak bercanggah dengan hadith-hadith lain yang lebih kuat martabatnya.

[1865] Muhammad Bin Muhammmad Abu Syahbah, *al-Wasit Fi 'Ulum Wa Mustalah al-Hadith*, (t.t.p : t.p, t.t), 277.
[1866] Muhammad Bin Muhammmad Abu Syahbah, *al-Wasit Fi 'Ulum Wa Mustalah al-Hadith*, 278.
[1867] Muhammad Bin Muhammmad Abu Syahbah, *al-Wasit Fi 'Ulum Wa Mustalah al-Hadith*, 278.



Universiti Malaya

Periwayatan hadith *ḍa'īf* tidak dibenarkan menggunakan perkataan yang membawa maksud pasti dan yakin seperti lafaz "bersabda". Sebaliknya, hendaklah menggunakan perkataan yang tidak membawa kepada maksud pasti dan yakin seperti diriwayatkan, dikatakan dan sebagainya[1868]. Muhammad Abu Syahbah menyatakan sememangnya tidak diharuskan untuk meriwayatkan hadith *ḍa'īf* kecuali dengan penjelasan berkaitan ke*ḍa'īf*annya lebih-lebih lagi pada zaman yang mana masyarakat Islam kurang mendalami ilmu hadith dan ketidakupayaan mereka untuk mengetahui martabat sesuatu hadith. Muhammad Abu Syahbah juga membahagikan hadith-hadith *ḍa'īf* ini kepada 2 bahagian iaitu:

i. Hadith-hadith *ḍa'īf* yang disokong oleh hadith-hadith lain melalui periwayatan hadith-hadith lain yang sama martabatnya atau pun lebih kuat martabat daripadanya seperti hadith-hadith berkaitan kelebihan-kelebihan amalan dan seumpamanya. Adapun sekiranya hadith yang menyokong itu adalah lebih rendah martabatnya maka ini tidak dibenarkan.

ii. Hadith-hadith yang tidak disokong oleh usul syara'. Maka hadith-hadith seperti ini tidak dibenarkan sekalipun ianya berkaitan kelebihan-kelebihan amalan dan sebagainya[1869].

**d. Hadith-hadith Berstatus *Mawḍū'*.**

Sejumlah 22 buah hadith adalah berstatus *mawḍū'*. Hadith-hadith yang statusnya *mawḍū'* ini, penetapan statusnya juga adalah ditentukan berdasarkan kajian, pandangan dan kritikan ulama hadith terhadapnya. Hadith *mawḍū'* ini diertikan sebagai pembohongan yang dicipta dan direka yang kemudiannya dinisbahkan kepada Rasulullah SAW[1870]. Dapatan pengkaji menerusi takhrij yang telah dijalankan, antara punca utama penetapan status hadith itu sebagai *mawḍū'* adalah disebabkan oleh perawinya yang dinyatakan sebagai pembohong (*al-*

---

[1868] Mahmud al-Tahhan, *Taysir Mustalah al-Hadith* (Riyad : Maktabah al-Ma'arif, 1996), 66
[1869] Muhammad Bin Muhammmad Abu Syahbah, *al-Wasit Fi 'Ulum Wa Mustalah al-Hadith*, 279
[1870] *Ibid.*, 89.

Universiti Malaya

*kadhdhab*) dan kritikan-kritikan yang seumpamanya seperti pencipta (*waḍḍa'*), dajjal (*dajjāl*) dan berbohong (*yakdhib*). Selain itu juga, pengkaji meletakkan status hadith *mawḍū'* terhadap hadith-hadith yang tidak dijumpai di dalam kitab-kitab hadith yang mu'tabar, hadith-hadith yang tiada sanad dan hadith-hadith yang terdapat padanya ciri-ciri hadith *mawḍū'* sebagaimana yang telah digariskan oleh ulama hadith. Antara ciri-ciri hadith *mawḍū'* tersebut ialah :

i. Kandungannya yang berkaitan perumpamaan-perumpamaan yang tidak dituturkan oleh Rasulullah SAW[1871]

ii. Seluruh pancaindera menyaksikan pendustaan tersebut[1872] seperti sebuah hadith yang bermaksud "sekiranya seorang lelaki bersin ketika menyampaikan hadith maka hadith tersebut adalah benar"[1873].

iii. Hadith yang buruk maksudnya yang mendedahkan keadaannya untuk diperlekehkan[1874] seperti sebuah hadith yang bermaksud "kalaulah beras atau nasi itu seorang lelaki nescaya ianya tenang dan ianya tidak dimakan oleh orang yang lapar melainkan akan mengenyangkannya"[1875].

iv. Hadith yang bertentangan dengan al-sunnah[1876]. Setiap hadith yang kandungannya berkaitan kerosakan, kezaliman, pujian terhadap kebatilan, kejian terhadap kebenaran dan sebagainya. Contohnya adalah seperti hadith yang memuji orang yang namanya Ahmad atau Muhammad yang mana mereka ini tidak akan masuk neraka.

v. Hadith yang mendakwa bahawa Rasulullah SAW. melakukan sesuatu perkara yang nyata dengan kehadiran semua sahabat Baginda dan mereka

Universiti Malaya

[1871] Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *al-Manār al-Munīf Fī al-Ṣaḥīḥ Wa al-Ḍa'īf*, tahqiq 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (t.t.p : t.p, 1970), 50.
[1872] *Ibid.*
[1873] Matan hadith tersebut ialah " اذا عطس الرجل عند الحديث فهو صدق ".
[1874] Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *al-Manār al-Munīf Fī al-Ṣaḥīḥ Wa al-Ḍa'īf*, 41.
[1875] Matan hadith tersebut ialah " لو كان الرز رجلا لكان حليما , ما أكله جائع الا أشبعه".
[1876] Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *al-Manār al-Munīf Fī al-Ṣaḥīḥ Wa al-Ḍa'īf*, 43.

semua bersepakat untuk menyembunyikan dan mereka tidak melakukannya[1877].

vi. Hadith yang menunjukkan kebatilannya secara nyata[1878] seperti maksud sebuah hadith "apabila Allah marah, maka Allah akan menurunkan wahyu di dalam bahawa Parsi dan apabila Allah redha, maka Allah akan menurunkannya di dalam bahasa Arab".

vii. Hadith yang tidak menampakkan ianya adalah kata-kata para nabi. Lebih-lebih lagi kata-kata Rasulullah SAW yang merupakan wahyu[1879] seperti hadith yang bermaksud "melihat kepada wajah yang baik akan mencerahkan pandangan".

viii. Hadith yang mengandungi tarikh-tarikh tertentu[1880].

ix. Hadith yang mengandungi unsur-unsur rawatan oleh pengamal-pengamal perubatan[1881] seperti hadith yang bermaksud "makan ikan akan melemahkan jasad".

x. Hadith-hadith berkaitan akal yang kesemuanya ada unsur pembohongan[1882] seperti hadith yang bermaksud "sesungguhnya seorang lelaki itu daripada kalangan ahli solat dan ahli jihad dan tidak diberikan ganjaran melainkan mengikut kadar akalnya".

xi. Hadith-hadith yang menyebut berkaitan Khidir dan kehidupannya[1883].

xii. Hadith-hadith yang mana terdapat hadith-hadith *ṣaḥīḥ* yang membatalkannya[1884].

xiii. Hadith-hadith yang bercanggah dengan nas al-Qur'an[1885].

---

[1877] *Ibid.,* 44
[1878] *Ibid.,* 45
[1879] *Ibid.,* 46
[1880] *Ibid.,* 48
[1881] *Ibid.,* 48
[1882] *Ibid.,* 49
[1883] *Ibid.,* 50
[1884] *Ibid.,* 56



Universiti Malaya

xiv. Hadith-hadith berkaitan solat di waktu siang dan malam[1886].

xv. Hadith-hadith yang berkaitan dengan solat di waktu malam nisfu Sya'ban[1887].

xvi. Hadith-hadith yang mana lafaz-lafaznya adalah pelik dan buruk yang menimbulkan persoalan[1888] seperti hadith yang bermaksud "empat perkara yang tidak mengenyangkan empat perkara iaitu perempuan daripada lelaki, bumi daripada hujan, mata daripada pandangan dan telinga daripada berita".

xvii. Hadith-hadith yang terdapat qarinah yang menunjukkan bahawa ianya adalah batil[1889].

Hadith-hadith *mawḍū'* yang didapati daripada hasil takhrij tersebut direkodkan di dalam kitab *Al-Asrār al-Marfū'ah Fī al-Akhbār al-Mawḍū'ah* oleh Mulla 'Alī al-Qārī, *Silsilah al-Aḥāḍīṭḥ al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Atharuhā al-Sayyi' Fī al-Ummah* oleh Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Mawsū'ah al-Aḥāḍīṭḥ Wa al-Āthār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah* oleh 'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Tanzīh al-Syarī'ah al-Marfū'ah 'An al-Aḥāḍīṭḥ al-Syanī'ah al-Mawḍū'ah* oleh al-Kinānī, *Al-La'ālī' al-Maṣnū'ah Fī al-Aḥāḍīṭḥ al-Mawḍū'ah* oleh al-Suyūṭī, *al-Fawā'id al-Majmū'ah Fī al-Aḥāḍīṭḥ al-Mawḍū'ah* oleh al-Syawkānī, *Kitab Tadhkirah al-Mawḍū'āt* oleh al-Maqdisī, *al-Ziyādāt 'Alā al-Mawḍū'āt Wa Yusammā Dhayl al-La'ālī' al-Maṣnū'ah* oleh al-Suyūṭī dan *al-Mawḍū'āt* oleh Ibn al-Jawzī al-Qurasyiy. Selain itu juga, pernyataan status hadith sebagai *mawḍū'* juga dinyatakan oleh ulama-ulama atau pengkritik-pengkritik hadith di dalam kitab-kitab tafsir mereka seperti Ibn Kathir di dalam kitab tafsirnya.

Universiti Malaya

---

1885 *Ibid.,* 59
1886 *Ibid.,* 65
1887 *Ibid.,* 66
1888 *Ibid.,* 67
1889 *Ibid.,* 69

e. **Hadith-hadith Berstatus *Lā aṣl lah* dan "tidak ditemui".**

Sejumlah 24 buah hadith adalah berstatus *lā aṣl lah* dan 6 buah hadith berstatus "tidak ditemui". Penetapan statusnya sebagai *lā aṣl lah* adalah disebabkan hadith tersebut hanya dinyatakan *matan*nya sahaja dan *sanad*nya tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith dan kitab-kitab lain. Penetapannya sebagai "tidak ditemui" pula disebabkan hadith tersebut dinyatakan sanad dan matannya tetapi sanadnya hanya dinyatakan secara ringkas dan setelah dijalankan kajian, hadith tersebut ternyata tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith dan kitab-kitab lain.

f. **Hadith-hadith Berstatus Hadith *Mawqūf* Dan *Maqṭū'*.**

Sejumlah 5 buah hadith adalah berstatus hadith *mawqūf* dan 5 buah hadith berstatus hadith *maqṭū'*. Penetapan statusnya juga adalah ditentukan berdasarkan kajian, pandangan dan kritikan ulama hadith terhadapnya. Hadith *mawqūf* ini diertikan sebagai sesuatu yang dinisbahkan kepada sahabat samada perkataan, perbuatan atau taqrir[1890] manakala hadith *maqṭū'* pula diertikan sebagai sesuatu yang dinisbahkan kepada tabi'in atau selainnya samada perkataan atau pun perbuatan[1891]. Terdapat beberapa hadith *mawqūf* yang dinilai sebagai *marfū'* secara hukumnya dan hadith-hadith tersebut boleh dijadikan hujah sekiranya *ṣaḥīḥ*. Hadith *mawqūf* boleh dinilai sebagai *marfū'* sekiranya mempunyai salah satu daripada ciri-ciri berikut[1892] :

i. Sekiranya seorang sahabat itu menyatakan tentang sesuatu perkara yang tiada ruang untuknya melakukan ijtihad dan menjelaskan tentang perkara-perkara yang *gharīb* (pelik) seperti perkhabaran tentang perkara-perkara silam (contohnya permulaan ciptaan), perkhabaran tentang perkara-perkara di masa akan datang (contohnya perihal hari kiamat) dan perkhabaran

---

[1890] Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 130.
[1891] *Ibid.*, 133
[1892] *Ibid.*, 131, 132 dan 133

tentang balasan atau pun ganjaran yang tertentu yang akan diperolehi samada pahala atau dosa sekiranya melakukan sesuatu perbuatan.

ii. Sekiranya seorang sahabat itu melakukan sesuatu perbuatan yang tiada ruang untuknya melakukan ijtihad seperti melakukan solat gerhana matahari.

iii. Sekiranya seseorang sahabat itu menyatakan bahawa mereka melakukan sesuatu atau memperkatakan sesuatu dan dikaitkan kepada zaman Rasulullah SAW. seperti berkata Jabir bahawa kami ber*'uzlah* pada zaman Rasulullah SAW.

iv. Sekiranya seseorang sahabat itu menyatakan "kami diperintahkan sedemikian" (أُمِرْنَا بِكَذَا) atau "kami kami dilarang daripada yang demikian" (نُهِيْنَا بِكَذَا) atau "sedemikian adalah daripada sunnah" (مِنَ السُّنَّةِ كَذَا).

v. Sekiranya seseorang perawi itu menyatakan selepas menyebut nama sahabat di dalam sanad hadith, salah satu daripada perkataan-perkataan ini iaitu يَرْفَعُهُ (dia memarfu'kannya ), يَنْمِيهِ (dia meninggikannya ), يَبْلُغُ بِهِ (dia menyampaikan dengannya ) atau رِوَايَةً (riwayat).

vi. Sekiranya seseorang sahabat itu mentafsirkan sesuatu ayat yang berkaitan dengan sebab turunnya ayat tersebut.

Hadith-hadith *mawqūf* yang didapati daripada hasil takhrij direkodkan di dalam *Ṣaḥīḥ* Muslim, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Qurṭubī, Tafsir *al-Sirāj al-Munīr*, Tafsir *Fatḥ al-Qadīr, kitab Khazīnah al-Asrār* dan lain-lain.

Universiti Malaya

### 3.5 Bentuk-bentuk penulisan hadith yang dikenalpasti di dalam buku-buku kajian.

Pelbagai bentuk penulisan hadith dapat dikenalpasti. Berikut adalah kesimpulan berdasarkan pemerhatian pengkaji terhadap setiap buku kajian yang dimuatkan di dalam jadual dibawah:

#### a. Buku Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia (87 hadith)

Jadual 3.7 : Bentuk penulisan hadith Buku Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia

| Bil | Bentuk Penulisan Hadith | Nombor Hadith | Jumlah Dan Peratus |
|---|---|---|---|
| 1 | Tanpa pernyataan sumber hadith | 1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16,17,18, 19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29,30,31,32,33, 34,35,36,37,38,39,40,41,42,43,48,86,87 | 46 (53%) |
| 2 | Tanpa pernyataan sanad hadith | 2,18,19,20,21,29,35,36,37,38,39,40,41,42,43, 44,46,47,49,50,51,52,56,57,58,61,62,63,64, 65,66,67,68,70,71,72,73,74,75,76,86 | 41 (47%) |
| 3 | Tanpa pernyataan matan hadith | 1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16,17,18, 19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29,30,31,32,33, 34,35,36,37,38,39,40,41,42,43,44,45,46,47,48,49, 50,51,52,54,55,56,57,58,59,60,61,62,63,64,65,66, 67,68,69,70,71,72,73,74,75,76,77,79,80,81, 82,83,84,85,86,87 | 85 (98%) |
| 4 | Tanpa pernyataan status hadith | 1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16,17,18,19, 20,21, 22,23,24,25,26,27,28,29,30,31,32,33,34, 35,36,37,38,39,40,41,42,43,44,45,46,47,48,49,50, 52,54,55,56,57,58, 59,60,61,62,63,64,65,67,68, 69,70,71,72,73,75,76,77,78,80,81,82,83,84,85,86, 87 | 82 (94%) |
| 5 | Kesilapan sumber ambilan hadith | 69 | 1 (1%) |
| 6 | Kesilapan nama perawi hadith | 14, 25, 26 | 3 (3%) |
| 7 | Kesilapan menyatakan ianya hadith sedangkan ianya adalah bukan hadith | - | - |
| 8 | Menggabungkan dua matan hadith berlainan | - | - |
| 9 | Menyatakan perawi sahabat sahaja | 1,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16,17,22,23,24, 25,26,27,28,30,31,32,33,34,45,48,54,55,59,60,69, 76,77,78,79,80,81,82,83,84,85,87 | 46 (53%) |
| 10 | Menyatakan perawi tabi'in sahaja | - | - |
| 11 | Menyatakan sumber hadith | 44,45,46,47,49,50,51,52,54,55,56,57,58,59,60,61, 62,63,64,65,66,67,68,69,70,71,72,73,74,75,76,77, 78,79,80,81,82,83,84,85 | 40 (46%) |

Sumber : Analisis kajian

Jadual di atas adalah hasil analisis berkaitan bentuk penulisan hadith di dalam buku berjudul Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia. Didapati 46 buah hadith (53%) adalah tidak dinyatakan sumbernya. Hadith yang dinyatakan tanpa sanad pula adalah 41 buah hadith (47%), tanpa matan adalah 85 buah hadith (98%), tanpa pernyataan statusnya adalah 82 hadith (94%), kesilapan sumber ambilan hadith adalah 1 buah hadith (1%), kesilapan nama perawi hadith adalah 3 buah hadith (3%), menyatakan nama perawi sahabat sahaja adalah 46 buah hadith (53%) dan menyatakan sumber hadith adalah 40 buah hadith (46%).

**b. Buku 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan (52 hadith)**

Jadual 3.8 : Bentuk Penulisan Hadith Buku 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan

| Bil | Bentuk Penulisan Hadith | Nombor Hadith | Jumlah Dan Peratus |
|---|---|---|---|
| 1 | Tanpa pernyataan sumber hadith | 92,95,96,97,98,99,102,103,104,105,106,107,108, 109,110,111,112,113,114,115,116,117,118,120, 124,126,130,132,133,137,138,139 | 32 (62%) |
| 2 | Tanpa pernyataan sanad hadith | 92,93,95,96,97,98,99,102,106,107,108,109,110, 111,112,113,115,116,117,118,119,120,126,127, 130,131,132,133,134,135,138,139 | 32 (62%) |
| 3 | Tanpa pernyataan matan hadith | 88,89,90,91,92,93,94,99,102,103,104,105,107,108, 109,111,113,117,118,119,120,121,122,123,126, 127,131,137,139 | 29 (56%) |
| 4 | Tanpa pernyataan status hadith | 88,89,90,91,92,93,94,95,96,97,98,99,100,101,102, 103,104,105,106,107,108,109,110,111,112,113, 114,115,116,117,118,119,120,121,122,123,124, 125,126,127,128,129,130,131,132,133,134,135, 136,137,138,139 | 52 (100%) |
| 5 | Kesilapan sumber hadith | - | 0 (0%) |
| 6 | Kesilapan perawi hadith | - | 0 (0%) |
| 7 | Kesilapan menyatakan ianya hadith sedangkan ianya adalah bukan hadith | - | 0 (0%) |
| 8 | Menggabungkan dua matan hadith berlainan | - | 0 (0%) |
| 9 | Menyatakan perawi sahabat sahaja | 88,89,90,91,94,100,101,103,104,105,114,121,122, 123,124,128,129,136,137 | 19 (37%) |
| 10 | Menyatakan perawi tabi'in sahaja | - | 0 (0%) |
| 11 | Menyatakan sumber hadith | 88,89,90,91,93,94,100,101,119,121,123,125,127, 128,129,131,134,135,136 | 19 (37%) |

Sumber : Analisis kajian

Universiti Malaya

Jadual di atas adalah hasil analisis berkaitan bentuk penulisan hadith di dalam buku berjudul 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan. Didapati sebanyak 32 buah hadith (62%) adalah tidak dinyatakan sumbernya. Hadith yang dinyatakan tanpa sanad pula adalah sebanyak 32 buah hadith (62%), tanpa matan adalah 29 buah hadith (56%), tanpa pernyataan statusnya adalah 52 hadith (100%), menyatakan nama perawi sahabat sahaja adalah 19 buah hadith (37%) dan menyatakan sumber hadith adalah 19 buah hadith (37%).

**c. Buku Rahsia Dan Khasiat Bismillah (27 hadith)**

Jadual 3.9 : Bentuk Penulisan Hadith Buku Rahsia Dan Khasiat Bismillah

| **Bil** | **Bentuk Penulisan Hadith** | **Nombor Hadith** | **Jumlah Dan Peratus** |
|---|---|---|---|
| 1 | Tanpa sumber hadith | 140,145,148,152,153,154,158, 159,160, 161,162,163,164,165,166 | 15 (56%) |
| 2 | Tanpa sanad hadith | 140,145,152,153,154,155,156,158, 160,161,162,163,164,165 | 14 (52%) |
| 3 | Tanpa matan hadith | 140,152,166 | 3(11%) |
| 4 | Tanpa status hadith | 140,141,142,143,144,145,146,147,148,149, 150,151,152,153,154,155,156,157,158, 159,160,161,162,163, 164,165,166 | 27 (100%) |
| 5 | Kesilapan sumber ambilan hadith | 144 | 1 (4%) |
| 6 | Kesilapan nama perawi hadith | | 0 (0%) |
| 7 | Kesilapan menyatakan hadith sedangkan bukan hadith | 149,151,153 | 3 (11%) |
| 8 | Menggabungkan dua matan hadith berlainan | 165 | 1 (4%) |
| 9 | Menyatakan perawi sahabat sahaja | 141,142,146,147,148,149,150,157, 159,166 | 10(37%) |
| 10 | Menyatakan perawi tabi'in sahaja | 143,144,151 | 3(11%) |
| 11 | Menyatakan sumber hadith | 141,142,144,146,147,149,150,155, 156, 157 | 10 (37%) |

Sumber : Analisis kajian

Jadual di atas adalah hasil analisis berkaitan bentuk penulisan hadith di dalam buku berjudul Rahsia Dan Khasiat Bismillah. Didapati sebanyak 15 buah hadith (56%) adalah tidak dinyatakan sumbernya. Hadith yang dinyatakan tanpa sanad pula adalah sebanyak 14 buah hadith (52%), tanpa matan adalah 3 buah hadith (11%), tanpa pernyataan statusnya adalah 27 hadith (100%), kesilapan sumber

ambilan hadith adalah 1 buah hadith (4%), kesilapan menyatakan hadith sedangkan bukan hadith adalah 3 buah hadith (11%), menggabungkan dua matan hadith berlainan adalah 1 buah hadith (4%), menyatakan nama perawi sahabat sahaja adalah 10 buah hadith (37%), menyatakan nama perawi tabi'in adalah 3 buah hadith (11%) dan menyatakan sumber hadith adalah 10 buah hadith (37%).

**d. Buku Rahsia Al-Fatihah (26 hadith)**

Jadual 3.10 : Bentuk Penulisan Hadith Buku Rahsia Al-Fatihah

| Bil | Bentuk Penulisan Hadith | Nombor Hadith | Jumlah Dan Peratus |
|---|---|---|---|
| 1 | Tanpa sumber hadith | 167,169,172,173,178,184,185,186,187,188,189, 190,191 | 13 (50%) |
| 2 | Tanpa sanad hadith | 177, 184, 186, 188 | 4(15%) |
| 3 | Tanpa matan hadith | 171,172,173,174,176,180,181,182,183,184,185, 186,187,188,189,190 | 16 (62%) |
| 4 | Tanpa status hadith | 167,168,169,170,171,172,173,174,175,176,177, 178,179,180,181,182,183,184,185,186,187,188, 189,190,191,192 | 26 (100%) |
| 5 | Kesilapan sumber ambilan hadith | - | 0 (0%) |
| 6 | Kesilapan nama perawi hadith | - | 0 (0%) |
| 7 | Kesilapan menyatakan hadith sedangkan bukan hadith | - | 0 (0%) |
| 8 | Menggabungkan dua matan hadith berlainan | - | 0 (0%) |
| 9 | Menyatakan perawi sahabat sahaja | 167,168,169,170,171,172,173,174,175,176, 178,179,181,182,183,185,187,189,190,191,192 | 21 (81%) |
| 10 | Menyatakan perawi tabi'in sahaja | 180 | 1 (4%) |
| 11 | Menyatakan sumber hadith | 168,170,171,174,175,176,177,179,180,182,183, 184,186,192 | 14 (54%) |

Sumber : Analisis kajian

Jadual di atas adalah hasil analisis berkaitan bentuk penulisan hadith di dalam buku berjudul Rahsia Al-Fatihah. Didapati sebanyak 13 buah hadith (50%) adalah tidak dinyatakan sumbernya. Hadith yang dinyatakan tanpa sanad pula adalah sebanyak 4 buah hadith (15%), tanpa matan adalah 16 buah hadith (62%), tanpa pernyataan statusnya adalah 26 hadith (100%), menyatakan nama perawi sahabat

sahaja adalah 21 buah hadith (81%), menyatakan nama perawi tabi'in adalah 1 buah hadith (4%) dan menyatakan sumber hadith adalah 14 buah hadith (54%).

**e. Buku Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW (20 hadith)**

Jadual 3.11 : Bentuk Penulisan Hadith Buku Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW

| Bil | Bentuk Penulisan Hadith | Nombor Hadith | Jumlah Dan Peratus |
|---|---|---|---|
| 1 | Tanpa sumber hadith | 193,194,195,196,197,198,199,200,201,202, 203,204,205,206,207,210,212 | 17(85%) |
| 2 | Tanpa sanad hadith | 193,194,198,200,201,203,209,210, | 8 (40%) |
| 3 | Tanpa matan hadith | 208,209,210,211,212 | 5 (25%) |
| 4 | Tanpa status hadith | 193,194,195,196,197,198,199,200,201,202, 203,204,205,206,207,208,209,210,211,212 | 20 (100%) |
| 5 | Kesilapan sumber ambilan hadith | 208 | 1(0.5%) |
| 6 | Kesilapan nama perawi hadith | 205 | 1(0.5%) |
| 7 | Kesilapan menyatakan hadith sedangkan bukan hadith | - | 0 (0%) |
| 8 | Menggabungkan dua matan hadith berlainan | - | 0 (0%) |
| 9 | Menyatakan perawi sahabat sahaja | 195,196,197,199,202,204,205,206,207,208, 211,212 | 12(60%) |
| 10 | Menyatakan perawi tabi'in sahaja | - | 0 (0%) |
| 11 | Menyatakan sumber hadith | 208,209,211 | 3(15%) |

Sumber : Analisis kajian

Jadual di atas adalah hasil analisis berkaitan bentuk penulisan hadith di dalam buku berjudul Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW. Didapati sebanyak 17 buah hadith (85%) adalah tidak dinyatakan sumbernya. Hadith yang dinyatakan tanpa sanad pula adalah sebanyak 8 buah hadith (40%), tanpa matan adalah 5 buah hadith (25%), tanpa pernyataan statusnya adalah 20 hadith (100%), kesilapan pernyataan sumber hadith adalah 1 buah hadith (0.5%), kesilapan pernyataan nama perawi hadith 1 buah hadith (0.5%), menyatakan nama perawi sahabat sahaja adalah 12 buah hadith (60%) dan menyatakan sumber hadith adalah 3 buah hadith (15%).

Universiti Malaya

### 3.6 Perbandingan Bentuk-Bentuk Penulisan Hadith Bagi Buku-Buku Kajian

Jadual di bawah adalah perbandingan bentuk-bentuk penulisan hadith bagi setiap buku kajian yang dipilih:

Jadual 3.12 : Perbandingan Bentuk-Bentuk Penulisan Hadith Bagi Buku-Buku Kajian

| **Bil** | **Bentuk Penulisan Hadith** | **Jumlah Hadith Mengikut Buku Kajian (212 hadith)** | | | | | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Buku 1 (87 hadith[1893]) | Buku 2 (52 hadith[1894]) | Buku 3 (27 hadith[1895]) | Buku 4 (26 hadith[1896]) | Buku 5 (20 hadith[1897]) | |
| 1 | Tanpa Sumber Hadith | 46 (53%) | 32 (62%) | 15 (56%) | 13 (50%) | 17 (85%) | 123 (58%) |
| 2 | Tanpa Matan Hadith | 85 (98%) | 29 (56%) | 3 (11%) | 16 (62%) | 5 (25%) | 138 (65%) |
| 3 | Tanpa Sanad Hadith | 41 (47%) | 32 (62%) | 14 (52%) | 4 (15%) | 8 (40%) | 99 (46.7%) |
| 4 | Tanpa Status Hadith | 82 (94%) | 52 (100%) | 27 (100%) | 26 (100%) | 20 (100%) | 207 (97.6%) |

Sumber: Analisis Kajian

Jadual di atas menunjukkan perbandingan jumlah hadith berkaitan bentuk-bentuk penulisan hadith bagi setiap buku kajian. Buku yang paling banyak menukilkan hadith tanpa menyatakan sumbernya adalah buku 1 (46 hadith) diikuti oleh buku 2 (32 hadith), buku 5 (17 hadith), buku 3 (15 hadith) dan buku 4 (13 hadith). Buku yang paling banyak menukilkan hadith tanpa menyatakan matan hadith di dalam bahasa arab ialah buku 1 (85 hadith) diikuti oleh buku 2 (29 hadith), buku 4 (16 hadith), buku 5 (5 hadith) dan buku 3 (3 hadith). Buku yang paling banyak menukilkan hadith tanpa menyatakan sanad hadith pula ialah buku 1 (41 hadith) diikuti oleh buku 2 (32 hadith), buku 3 (14 hadith), buku 5 (8 hadith) dan buku 4 (4 hadith). Manakala buku yang paling banyak menukilkan hadith tanpa menyatakan statusnya ialah buku 1 (82 hadith) diikuti oleh buku 2 (52 hadith), buku 3 (27 hadith), buku 4 (26 hadith) dan buku 5 (20 hadith). Secara

[1893] Buku Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia
[1894] Buku 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan
[1895] Buku Rahsia Dan Khasiat Bismillah
[1896] Buku Rahsia Al-Fatihah
[1897] Buku Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW

keseluruhannya, jumlah hadith fadilat yang dinukilkan oleh semua pengarang buku tanpa menyatakan sumbernya adalah sebanyak 123 hadith yang mewakili 58% hadith. Jumlah hadith fadilat yang dinukilkan oleh semua pengarang buku tanpa menyatakan matannya adalah sebanyak 138 hadith yang mewakili 65% hadith. Jumlah hadith fadilat yang dinukilkan oleh semua pengarang buku tanpa menyatakan sanadnya adalah sebanyak 99 hadith yang mewakili 46.7% hadith. Jumlah hadith fadilat yang dinukilkan oleh semua pengarang buku tanpa menyatakan statusnya pula adalah sebanyak 207 hadith yang mewakili 97.6% hadith. Analisis ini menunjukkan bahawa setiap pengarang buku hadith berbahasa melayu yang tersebar dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia mengamalkan cara penulisan hadith yang kurang cermat dan kurang memberi manfaat kepada masyarakat Islam kerana mereka mengamalkan cara penulisan hadith sebagaimana yang telah dinyatakan di atas.

### 3.7 Kesimpulan.

Menerusi dapatan pengkaji daripada hasil takhrij yang telah dijalankan ke atas 5 buah buku yang mengandungi pelbagai jenis hadith yang dinukilkan oleh pengarang-pengarang buku tersebut, pengkaji dapat menyatakan beberapa kesimpulan. Antaranya ialah :

a. Dari sudut penulisan matan hadith, pengkaji mendapati kebanyakan dan hampir kesemua hadith-hadith yang dinukilkan oleh pengarang-pengarang buku adalah dalam bentuk terjemahan matan. Selain itu, pengarang buku juga mengamalkan cara penulisan dengan mengambil sebahagian matan hadith sahaja daripada matan asal yang panjang yang berkemungkinan bertujuan untuk mengelakkan daripada penulisan yang panjang. Pengkaji juga mendapati terdapat pengarang yang menulis matan hadith secara silap.

Universiti Malaya

b. Dari sudut sanad hadith, pengkaji mendapati kebanyakan hadith-hadith yang dinukilkan oleh pengarang buku, sanadnya adalah secara ringkas. Ada yang menyatakan perawi sahabat sahaja, ada yang menyatakan Rasulullah SAW sahaja dan ada juga pengarang yang langsung tidak menyatakan sanadnya dan terus menyatakan "*tersebut di dalam hadith*". Penulisan sanad yang ringkas oleh pengarang berkemungkinan bertujuan untuk mengelakkan daripada penulisan yang panjang juga. Tetapi, penulisan cara sebegini menyukarkan kepada pembaca dan orang awam untuk mengenalpasti perawi yang meriwayatkan hadith tersebut yang seterusnya menyukarkan untuk mengenalpasti hukumnya.

c. Dari sudut jumlah hadith berdasarkan hukumnya, pengkaji dapat menyatakan beberapa pernyataan.

   i. Jumlah hadith yang diterima dan hadith yang ditolak adalah hampir sama iaitu 104 buah hadith yang diterima (49%) dan 92 buah hadith yang ditolak (43%). Hadith yang diterima adalah hadith yang berstatus *sahih*, *sahih lighayrihi*, *hasan* dan *hasan lighayrihi* manakala hadith yang ditolak pula adalah hadith-hadith yang berstatus *da'if, da'if jiddan* dan *mawdu'*. Hadith *mawquf* dan *hadith maqtu'* pula adalah tidak termasuk hadith yang ditolak kerana ianya bukan hadith yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW. Hadith *mawquf* dan *maqtu'* adalah sebanyak 10 buah hadith (4.7%). Terdapat juga hadith-hadith yang tidak ditemui iaitu sebanyak 6 buah hadith (2.8%).

   ii. Jumlah hadith *sahih* adalah sebanyak 86 buah hadith (41%), hadith mawdu' adalah sebanyak 22 buah hadith (10%), hadith *da'if* adalah sebanyak 36 buah hadith (17%), hadith *hasan* adalah sebanyak 6 buah hadith (3%), hadith *da'if jiddan* adalah sebanyak 10 buah hadith (5%), hadith *sahih lighayrihi* adalah sebanyak 11 buah hadith (5%), hadith *mawquf* adalah sebanyak 5 buah hadith

(2%), hadith *maqtu'* adalah sebanyak 5 buah hadith (2%) dan hadith *hasan lighayrihi* pula adalah sebanyak 1 buah hadith (1%).

d. Dari sudut autoriti buku berdasarkan kekuatan hujah melalui pengambilan hadith-hadith yang diterima yang paling dominan, pengkaji dapat menyatakan bahawa buku yang bertajuk Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia adalah lebih berautoriti berbanding empat buah buku yang lain iaitu pengarangnya menukilkan sebanyak 58 buah hadith yang diterima (67%) berbanding hanya 23 buah hadith (26%) sahaja yang ditolak. Manakala buku yang mengandungi jumlah hadith ditolak yang paling banyak peratusannya adalah buku yang bertajuk Rahsia Al-Fatihah iaitu 16 buah hadith yang ditolak (62%) berbanding 9 buah hadith sahaja yang diterima (35%). Kemudian diikuti oleh buku yang bertajuk Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW (12 hadith bersamaan 60%), buku 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan (28 hadith bersamaan 54%), buku Rahsia Dan Khasiat Bismillah (13 hadith bersamaan 48%) dan buku Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia (23 hadith bersamaan 26%).

Universiti Malaya

# BAB 4 : ANALISIS DAPATAN KAJIAN KEFAHAMAN DAN PENGAMALAN GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI JOHOR BERKAITAN HADITH-HADITH FADILAT

## 4.0 Pendahuluan

Bab ini membahaskan hasil analisis terhadap data-data yang diperolehi daripada instrumen soal selidik berkaitan kefahaman dan pengamalan guru-guru pendidikan Islam di Daerah Pasir Gudang, Johor berkaitan hadith-hadith fadilat.

## 4.1 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu intrumen adalah penting bagi memastikan dapatan yang diperolehi boleh dipercayai dan tidak dipersoalkan. Langkah pertama memastikan kualiti instrumen ialah dengan memastikan kesahan instrumen yang digunakan.

### c. Kesahan Instrumen Kajian

Aspek kandungan adalah aspek penting dalam memastikan item soal selidik yang digunakan benar-benar sah. Secara teknikal, kesahan sesuatu instrumen merujuk kepada samaada instrumen itu mengukur apa yang sepatutnya diukur[1898]. Kesahan didefinisi sebagai nilai korelasi antara pengukuran dan nilai sebenar variabel. Jika pengukuran yang dibuat bertepatan dengan nilai sebenar sesuatu variabel, maka nilai korelasinya adalah tinggi dan pengkajian tersebut mempunyai kesahan yang tinggi[1899]. Dalam konteks ini, instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik. Bagi memastikan kesahan kandungan, item soal selidik digubal berdasarkan pengubahsuaian daripada soal selidik yang telah diakui sebagai sah oleh pensyarah di dalam bidang berkenaan.

[1898] Mohd Awang Idris, Haslina Muhammad & R Zirwatul Aida R Ibrahim, *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial* (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2018), 72.
[1899] Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, ed. ke-3 (Selangor, Malaysia : McGraw-Hill Education, 2014), 267



Universiti Malaya

**d. Kebolehpercayaan Instrumen Kajian**

Kebolehpercayaan dalam sesuatu pengkajian merujuk kepada keupayaan memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi[1900]. Secara umumnya, kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan skor ujian[1901]. Ini bermakna seseorang individu itu akan mendapat skor yang sama daripada sesuatu instrumen seandainya kebolehan individu itu adalah tekal tidak berubah walaupun diukur berkali-kali dengan instrumen yang sama. Justeru, pengkaji menggunakan kaedah ketekalan dalaman bagi menentukan pekali kebolehpercayaan iaitu mencari pekali alfa atau dikenali sebagai Cronbach Alpha bagi setiap konstruk dan keseluruhan instrumen soal selidik melalui program Statistical Package for Social Science (SPSS).

Untuk memastikan kebolehpercayaan instrumen soal selidik berada pada tahap memuaskan, pengkaji telah menjalankan analisis kebolehpercayaan terhadap kajian rintis dan kajian sebenar. Tujuan menjalankan analisis kebolehpercayaan terhadap kedua-dua kajian ini adalah untuk melihat kestabilan nilai Cronbach Alpha yang diperoleh. Nilai pekali kebolepercayaan yang diperoleh daripada hasil kajian rintis dan kajian sebenar dianalisis dan dibandingkan dengan Jadual Nilai Kebolehpercayaan[1902] bagi mengenal pasti item yang memerlukan penambahbaikan, pengubahsuaian atau penyingkiran dari instrumen kajian yang dibina. Jadual Nilai Kebolehpercayaan boleh dijadikan panduan dalam mentaksir kebolehterimaan instrumen kajian dari segi kebolehpercayaan berasaskan nilai pekali kebolehpercayaan. George and

---

[1900] Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan,* 270

[1901] Mohd Awang Idris, Haslina Muhammad & R Zirwatul Aida R Ibrahim, *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial* , 69

[1902] Lim Chong Hin (2007), P*enyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantiatif dan kualitatif.* Selangor: McGraw- Hill (Malaysia).

Mallery[1903] (2003) mencadangkan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual 5.3 di bawah.

Jadual 4.1 : Panduan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan

| Bil | Pekali kebolehpercayaan | Tahap kebolehpercayaan |
|---|---|---|
| 1 | 0.90 atau lebih | Amat baik (Excellent) |
| 2 | 0.80 – 0.89 | Baik (Good) |
| 3 | 0.70 – 0.79 | Boleh Diterima (Acceptable) |
| 4 | 0.60 – 0.69 | Diragui / Dipersoalkan (Questionable) |
| 5 | 0.50 – 0.59 | Tidak Baik (Poor) |
| 6 | 0.00 - 0.49 | Ditolak (Unacceptable) |

Sumber : https://mattchoward.com/introduction-to-cronbachs-alpha/

Analisis kebolehpercayaan bagi kajian sebenar ini dilakukan adalah untuk melihat sama ada nilai pekali kebolehpercayaan yang didapati adalah stabil bagi setiap konstruk yang telah ditetapkan jika dibandingkan dengan kajian rintis sebelum ini. Seramai 291 orang guru pendidikan Islam terlibat dalam kajian sebenar ini. Semua nilai kebolehpercayaan diinterpretasi berdasarkan Jadual Nilai Kebolehpercayaan yang telah dinyatakan.

Jadual 4.2 menunjukkan dapatan kajian sebenar mengenai instrumen soal selidik bagi responden guru-guru pendidikan Islam. Berdasarkan Jadual 4.2, didapati bahawa nilai Cronbach Alpha bagi setiap konstruk adalah dalam julat 0.738 hingga 0.942. Konstruk Kefahaman Hadith-Hadith Fadilat mencatatkan nilai kebolehpercayaan yang paling rendah iaitu 0.738. Manakala, konstruk Pengamalan Hadith-Hadith Fadilat pula mencatatkan nilai kebolehpercayaan yang paling tinggi iaitu 0.942. Sementara itu, nilai Cronbach Alpha keseluruhan bagi instrumen penilaian ini ialah 0.871.

[1903] Lihat Dr. Matt C. Howard, "Introduction to Cronbach's Alpha", https://mattchoward.com/introduction-to-cronbachs-alpha/ bertarikh 3.2.2018

Universiti Malaya

Jadual 4.2 : Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen
Penilaian bagi Kajian Sebenar

| Bil | Konstruk | Bilangan Item | Nilai Alfa | Interpretasi |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kefahaman Hadith-Hadith Fadilat | 7 | 0.738 | Sederhana |
| 2 | Pengetahuan Hadith-Hadith Fadilat | 14 | 0.812 | Baik |
| 3 | Pengamalan Hadith-Hadith Fadilat | 20 | 0.942 | Amat Baik |
| Jumlah | | 41 | 0.871 | Baik |

Sumber : Analisis Soal Selidik Menggunakan SPSS

Kesimpulannya, berdasarkan hasil kajian sebenar, instrumen soal selidik ini boleh dikatakan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang memuaskan, diterima dan sesuai digunakan dalam kajian ini.

**4.2 Kajian Rintis**

Kajian rintis ini melibatkan seramai 39 orang guru pendidikan Islam. Tujuan kajian rintis adalah untuk memperoleh tahap kebolepercayaan instrumen penilaian dengan menentukan nilai pekali Cronbach Alpha. Selain itu, melalui pelaksanaan kajian rintis ini, pengkaji dapat mengenal pasti sama ada isi kandungan instrumen soal selidik ini dapat difahami atau pun tidak.

Bagi menentukan sama ada item yang dibina diterima atau disingkirkan, pengkaji membuat perbandingan nilai Cronbach Alpha jika item disingkirkan (*Alpha If Item Deleted*) bagi setiap item dengan nilai Cronbach Alpha bagi konstruk yang terlibat dalam instrumen tersebut. Menurut Chua[1904], jika sesuatu item dalam konstruk itu mempunyai nilai Cronbach Alpha jika item disingkirkan lebih tinggi daripada nilai Cronbach Alpha bagi konstruk tersebut, maka item itu perlu disingkirkan. Ini bererti pekali alfa tidak akan meningkat lagi dengan menyingkirkan mana-mana item dalam konstruk tersebut. Tiada item lain dalam instrumen kajian ini akan disingkirkan.

Pengkaji memaparkan dapatan kajian rintis mengenai instrumen soal selidik bagi responden guru-guru pendidikan Islam di dalam Jadual 5.6. Jadual 5.6

[1904] Chua Yan Piaw, *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan buku 1* (Selangor, Malaysia : McGraw-Hill Education, 2006), 267

menunjukkan pekali kebolehpercayaan yang telah diperoleh bagi kesemua tiga konstruk dalam instrumen soal selidik bagi guru-guru pendidikan Islam. Berdasarkan Jadual 5.5, didapati bahawa nilai Cronbach Alpha adalah berada di antara julat 0.739 hingga 0.951. Nilai Cronbach Alpha yang tertinggi ialah 0.951 bagi konstruk Pengamalan Hadith-Hadith Fadilat. Manakala nilai Cronbach Alpha yang paling rendah ialah 0.739 adalah bagi konstruk Kefahaman Hadith-Hadith Fadilat. Sementara itu, keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai Cronbach Alpha keseluruhan bagi instrumen soal selidik ini ialah 0.889. Ini menunjukkan bahawa instrumen soal selidik ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik.

Jadual 4.3 : Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian bagi Kajian Rintis

| Bil | Konstruk | Bilangan Item | Nilai Alfa | Interpretasi |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kefahaman Hadith-Hadith Fadilat | 7 | 0.739 | Sederhana |
| 2 | Pengetahuan Hadith-Hadith Fadilat | 14 | 0.794 | Sederhana |
| 3 | Pengamalan Hadith-Hadith Fadilat | 20 | 0.951 | Amat Baik |
| Jumlah | | 41 | 0.889 | Baik |

Sumber : Analisis Soal Selidik Menggunakan SPSS

**4.3 Keputusan Analisis Borang Soal Selidik**

Data-data yang telah dikumpulkan, dikodkan dan telah dimasukkan ke dalam perisian *Statistical Package for Social Science* (*SPSS*) versi 22 akan dijalankan analisis. Dapatan kajian akan dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif bagi mendapatkan nilai peratusan, skor min dan sisihan piawai. Berikut adalah hasil dapatan analisis daripada instrumen soal selidik yang telah dijalankan.

v. **Analisis Latar Belakang Guru-Guru Pendidikan Islam Negeri Johor.**

Bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang responden yang terdiri daripada 6 item soalan iaitu jantina, umur, peringkat pendidikan, nama Institusi Pengajian Tinggi atau pun Universiti, pengkhususan ijazah pertama dan tempoh perkhidmatan sebagai guru.

Universiti Malaya

i. **Bilangan responden berdasarkan jantina**

Jadual 4.4 : Bilangan responden berdasarkan jantina

| **Jantina** | **Bilangan Sampel** | **Peratus (%)** |
|---|---|---|
| Lelaki | 87 | 29.9 |
| Perempuan | 204 | 70.1 |
| **Jumlah** | 291 | 100 |

Sumber : Analisis SPSS

Jadual di atas menunjukkan seramai 87 orang (29.9%) responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada lelaki dan 204 orang (70.1%) pula adalah perempuan.

ii. **Bilangan responden berdasarkan umur**

Jadual 4.5 : Bilangan responden berdasarkan umur

| Umur | Bilangan Sampel | Peratus (%) |
|---|---|---|
| 21-25 tahun | 11 | 3.8 |
| 26-30 tahun | 48 | 16.5 |
| 31-35 tahun | 84 | 28.9 |
| 36-40 tahun | 76 | 26.1 |
| 41-45 tahun | 36 | 12.4 |
| 46-50 tahun | 30 | 10.3 |
| 51-55 tahun | 6 | 2.1 |
| **Jumlah** | 291 | 100.0 |

Sumber : Analisis SPSS

Jadual di atas menunjukkan 11 orang (3.8%) responden berumur antara 21-25 tahun, 48 orang (16.5%) berumur antara 26-30 tahun, 84 orang (28.9%) 31-35 tahun dan 76 orang (26.1%) berumur antara 36-40 tahun, 36 orang (12.4%) berumur antara 41-45 tahun, 30 orang (10.3%) berumur antara 46-50 tahun dan 6 orang (2.1%) berumur antara 51-55 tahun.

iii. **Bilangan responden berdasarkan peringkat pendidikan**

Jadual 4.6 : Bilangan responden berdasarkan peringkat pendidikan

| **Peringkat Pendidikan** | **Bilangan Sampel** | **Peratus (%)** |
|---|---|---|
| Diploma | 17 | 5.8 |
| Ijazah Sarjana Muda | 237 | 81.4 |
| Ijazah Sarjana | 37 | 12.7 |
| **Jumlah** | 291 | 100.0 |

Sumber : Analisis SPSS

Universiti Malaya

Jadual di atas menunjukkan bilangan responden kajian berdasarkan peringkat pendidikan. 17 orang (5.8%) responden mencapai peringkat pendidikan diploma, 237 orang (81.4%) peringkat pendidikan ijazah sarjana muda dan 37 orang (12.7%) peringkat pendidikan ijazah sarjana.

**iv. Bilangan responden berdasarkan Nama Institusi Pengajian Tinggi**

Jadual 4.7 : Bilangan responden berdasarkan
Institusi Pengajian Tinggi

| **Institut Pengajian Tinggi** | **Bilangan Sampel** | **Peratus (%)** |
|---|---|---|
| Universiti Malaya | 67 | 23.0 |
| Universiti Kebangsaan Malaysia | 54 | 18.6 |
| Universiti Islam Antarabangsa Malaysia | 29 | 10.0 |
| Universiti Sains Islam Malaysia | 27 | 9.3 |
| Universiti Putra Malaysia | 4 | 1.4 |
| Universiti Teknologi Malaysia | 7 | 2.4 |
| Universiti Jordan | 12 | 4.1 |
| Institut Pendidikan Guru | 32 | 11.0 |
| Universiti Sultan Zainal Abidin | 7 | 2.4 |
| Universiti al-Azhar | 27 | 9.3 |
| Institut Agama Islam Negeri, Indonesia | 7 | 2.4 |
| Universiti Islam Madinah | 3 | 1.0 |
| Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor | 4 | 1.4 |
| Universiti Terbuka Malaysia | 11 | 3.8 |
| **Jumlah** | 291 | 100% |

Sumber : Analisis SPSS

Jadual di atas menunjukkan 67 orang (23%) responden adalah lepasan dari Universiti Malaya, 54 orang (18.6%) dari Universiti Kebangsaan Malaysia, 29 orang (10%) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 27 orang (9.3%) dari Universiti Sains Islam Malaysia, 4 orang (1.4%) dari Universiti Putra Malaysia, 7 orang (2.4%) dari Universiti Teknologi Malaysia, 12 orang (4.1%) dari Universiti Negara Jordan, 32 orang (11.0%) dari Institut Pendidikan Guru Malaysia, 7 orang (2.4%) dari Universiti Sultan Zainal Abidin, 27 orang (9.3%) dari Universiti al-Azhar Mesir, 7 orang (2.4%) dari Institut Agama Islam Negeri, Indonesia, 3 orang (1.0%) dari Universiti

Universiti Malaya

Islam Madinah, 4 orang (1.4%) dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan 11 orang (3.8%) dari Universiti Terbuka Malaysia.

**v. Bilangan responden berdasarkan Pengkhususan Ijazah Pertama**

Jadual 4.8 : Bilangan responden berdasarkan Pengkhususan Ijazah Pertama

| Pengkhususan Ijazah Pertama | Bilangan Sampel | Peratus (%) |
|---|---|---|
| Usuluddin | 50 | 17.2 |
| Syariah | 87 | 29.9 |
| Bahasa Arab | 38 | 13.1 |
| Pengajian Islam | 84 | 28.9 |
| Dakwah Dan Pengurusan Islam | 4 | 1.4 |
| Perbandingan Agama | 8 | 2.7 |
| Quran Sunnah | 4 | 1.4 |
| Pengajian Ilmu Wahyu Dan Warisan Islam | 3 | 1.0 |
| Sejarah Dan Tamadun Islam | 13 | 4.5 |
| **Jumlah** | 291 | 100% |

Sumber : Analisis SPSS

Jadual di atas menunjukkan 50 orang (17.2%) responden adalah daripada bidang usuluddin semasa ijazah pertama, 87 orang (29.9%) daripada bidang syariah, 38 orang (13.1%) daripada bidang bahasa arab, 84 orang (28.9%) daripada bidang pengajian Islam, 4 orang (1.4%) daripada bidang dakwah dan pengurusan Islam, 8 orang (2.7%) daripada bidang perbandingan agama, 4 orang (1.4%) daripada bidang Quran Sunnah, 3 orang (1.0%) daripada bidang pengajian ilmu wahyu dan warisan Islam dan 13 orang (4.5%) daripada bidang sejarah dan tamadun Islam.

**vi. Bilangan responden berdasarkan Tempoh Perkhidmatan**

Jadual 4.9 : Bilangan responden berdasarkan tempoh perkhidmatan

| Tempoh Perkhidmatan | Bilangan Sampel | Peratus (%) |
|---|---|---|
| 1-5 | 15 | 5.2 |
| 6-10 | 83 | 28.5 |
| 11-15 | 87 | 29.9 |
| 16-20 | 69 | 23.7 |
| 21-25 | 34 | 11.7 |
| 26-30 | 3 | 1.0 |
| **Jumlah** | 291 | 100% |

Sumber : Analisis SPSS

Universiti Malaya

Jadual di atas menunjukkan 15 orang (5.2%) responden telah berkhidmat antara 1-5 tahun, 83 orang (28.5%) antara 6-10 tahun, 87 orang (29.9%) antara 11-15 tahun, 69 orang (23.7%) antara 16-20 tahun, 34 orang (11.7%) antara 21-25 tahun 3 orang (1.0%) antara 26-30 tahun.

b. **Analisis Tahap Kefahaman Hadith Fadilat Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam Negeri Johor**

Bahagian B adalah penilaian tahap kefahaman responden terhadap kenyataan-kenyataan yang disenaraikan. Sebanyak 7 item dinyatakan iaitu B1, B2, B3, B4, B5, B6 dan B7. Kesemuanya diukur dengan skala likert iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), tidak pasti (TP), setuju (S) dan sangat setuju (ST).

Jadual 4.10 : Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Kefahaman Guru-Guru Pendidikan Islam Mengenai Hadith-Hadith Fadilat

| **Bil** | **Item** | **Skor Min** | **Sisihan Piawai** | **Tahap** |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Saya mengetahui perbezaan hadith sahih, hasan, da'if dan palsu (B1) | 3.78 | 0.906 | Sederhana Tinggi |
| 2 | Hadith-hadith fadilat yang da'if (lemah) boleh diamalkan tetapi dengan syarat-syarat tertentu (B2) | 3.49 | 0.998 | Sederhana Tinggi |
| 3 | Sesuatu amalan boleh diamalkan sekiranya membawa kebaikan walaupun bersumberkan hadith da'if (B3) | 3.75 | 0.974 | Sederhana Tinggi |
| 4 | Hadith-hadith fadilat yang terlalu lemah dan palsu tidak boleh dijadikan amalan (B4) | 3.77 | 1.348 | Sederhana Tinggi |
| 5 | Saya mengetahui status kualiti setiap hadith fadilat yang saya amalkan (B5) | 4.22 | 1.165 | Tinggi |
| 6 | Hadith-hadith fadilat yang palsu tidak boleh disandarkan kepada RasuluLlah SAW. (B6) | 4.53 | 0.681 | Tinggi |
| 7 | Setiap hadith fadilat yang kita amalkan perlulah diketahui status hadith tersebut (B7) | 3.67 | 0.801 | Sederhana Tinggi |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **3.89** | **0.982** | **Sederhana Tinggi** |

Sumber : Analisis SPSS

Jadual di atas menunjukkan secara keseluruhannya berada di tahap sederhana tinggi, dengan mencatat skor min 3.89 dan sisihan piawai 0.982. Secara terperincinya, dapatan skor min dan sisihan piawai bagi kebanyakan item dalam bahagian ini berada di tahap sederhana tinggi. Hanya dua item berada di tahap

Universiti Malaya

tinggi. Item B1 mencatat skor min 3.78 dan sisihan piawai 0.906, item B2 mencatat skor min 3.49 dan sisihan piawai 0.998, item B3 mencatat skor min 3.75 dan sisihan piawai 0.974, item B4 mencatat skor min 3.77 dan sisihan piawai 1.348, item B5 mencatat skor min 4.22 dan sisihan piawai 1.165, item B6 mencatat skor min 4.53 dan sisihan piawai 0.681 dan item B7 mencatat skor min 3.67 dan sisihan piawai 0.801.

**c. Analisis Tahap Pengetahuan Hadith Fadilat Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam Negeri Johor**

Bahagian C adalah penilaian tahap pengetahuan responden terhadap hadith-hadith yang disenaraikan sama ada pernah mengetahuinya atau tidak pernah mengetahui. Sebanyak 14 item dinyatakan iaitu item CA1, CB1, CB2, CB3, CC1, CC2, CC3, CC4, CD1, CD2, CD3, CE1, CE2 DAN CE3. Item-item tersebut diukur dengan skala guttman iaitu sangat Pernah Mengetahui (PM) atau pun Tidak Pernah Mengetahui (TPM).

Jadual 4.11 : Tahap Pengetahuan Responden Mengenai Hadith-Hadith Fadilat

| Bil | Item | Pernah Mengetahui | | Tidak Pernah Mengetahui | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kekerapan | Peratus | Kekerapan | Peratus | |
| 1 | CA1 | 261 | 89.7% | 30 | 10.3% | 291 (100%) |
| 2 | CB1 | 128 | 44.0% | 163 | 56.0% | 291 (100%) |
| 3 | CB2 | 136 | 46.7% | 155 | 53.3% | 291 (100%) |
| 4 | CB3 | 154 | 52.9% | 137 | 47.1% | 291 (100%) |
| 5 | CC1 | 207 | 71.1% | 84 | 28.9% | 291 (100%) |
| 6 | CC2 | 259 | 89.0% | 32 | 11.0% | 291 (100%) |
| 7 | CC3 | 222 | 76.3% | 69 | 23.7% | 291 (100%) |
| 8 | CC4 | 254 | 87.3% | 37 | 12.7% | 291 (100%) |
| 9 | CD1 | 97 | 33.3% | 194 | 66.7% | 291 (100%) |
| 10 | CD2 | 94 | 32.3% | 197 | 67.7% | 291 (100%) |
| 11 | CD3 | 141 | 48.5% | 150 | 51.5% | 291 (100%) |
| 12 | CE1 | 186 | 63.9% | 105 | 36.1% | 291 (100%) |
| 13 | CE2 | 157 | 54.0% | 134 | 46.0% | 291 (100%) |
| 14 | CE3 | 248 | 85.2% | 43 | 14.8% | 291 (100%) |
| Jumlah | | 2544 | 874.20% | 1530 | 525.8% | 4074 (1400%) |
| Purata (Min) | | 181.7 | 62.4% | 109.3 | 37.6% | 100% |

Sumber : Analisis SPSS

Universiti Malaya

Jadual di atas secara keseluruhannya menunjukkan bahawa majoriti responden pernah mengetahui hadith-hadith fadilat yang dinyatakan iaitu dengan peratus keseluruhan 62.4% manakala peratus keseluruhan responden yang tidak pernah mengetahui pula ialah 37.6%.

Jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui item CA1 adalah seramai 261 orang (89.7%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CA1 adalah seramai 30 0rang (10.3%). Jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui item CB1 adalah seramai 128 orang (44.0%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CB1 adalah seramai 163 0rang (56.0%). Jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui item CB2 adalah seramai 136 orang (46.7%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CB2 adalah seramai 155 0rang (53.3%). Jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui item CB3 adalah seramai 154 orang (52.9%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CB3 adalah seramai 137 0rang (47.1%).

Jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui item CC1 adalah seramai 207 orang (71.1%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CC1 adalah seramai 84 0rang (28.9%). Jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui item CC2 adalah seramai 259 orang (89.0%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CC2 adalah seramai 32 0rang (11.0%). Jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui item CC3 adalah seramai 222 orang (76.3%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CC3 adalah seramai 69 0rang (23.7%). Jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui item CC4 adalah seramai 254 orang (87.3%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CC4 adalah seramai 37 0rang (12.7%). Jumlah kekerapan dan

Universiti Malaya

peratus responden yang pernah mengetahui item CD1 adalah seramai 97 orang (33.3%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CD1 adalah seramai 194 0rang (66.7%). Jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui item CD2 adalah seramai 94 orang (32.3%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CD2 adalah seramai 197 0rang (67.7%). Jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui item CD3 adalah seramai 141 orang (48.5%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CD3 adalah seramai 150 0rang (51.5%). Jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui item CE1 adalah seramai 186 orang (63.9%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CE1 adalah seramai 105 0rang (36.1%). Jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui item CE2 adalah seramai 157 orang (54.0%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CE2 adalah seramai 134 0rang (46.0%). Dan jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui item CE3 adalah seramai 248 orang (85.2%) manakala responden yang tidak pernah mengetahui item CE3 adalah seramai 43 0rang (14.8%).

Kajian ini juga menunjukkan bahawa peratusan guru-guru pendidikan Islam Negeri Johor yang pernah mengetahui 12 item[1905] hadith-hadith fadilat yang disenaraikan juga adalah agak tinggi iaitu melebihi 44% responden. Namun begitu, peratusan mereka yang tidak pernah mengetahui 7 item[1906] hadith-hadith fadilat yang disenaraikan juga adalah agak tinggi iaitu melebihi 46% responden. Dengan demikian, analisis ini membuktikan bahawa sememangnya hadith-hadith masyhur berkaitan fadilat ini telah pun tersebar dengan meluas dalam kalangan masyarakat Islam termasuklah guru-guru pendidikan Islam. Ada

[1905] Item CA1, CB1, CB2, CB3, CC1, CC2, CC3, CC4, CD3, CE1, CE2 dan CE3.
[1906] Item CB1, CB2, CB3, CD1, CD2, CD3 dan CE2

Universiti Malaya

hadith-hadith yang pernah diketahui namun terdapat juga hadith-hadith yang tidak pernah diketahui oleh mereka.

Ini menunjukkan bahawa ramai guru--guru pendidikan Islam yang kurang mendalami keilmuan di dalam bidang hadith. Kekurangan pengetahuan ini akan menjerumuskan mereka ke arah kebarangkalian yang tinggi untuk menyebarkan hadith-hadith yang berstatus terlalu lemah atau pun palsu. Penyebarannya mengundang implikasi negatif kepada umat Islam yang boleh menjurus mereka mengamalkan amalan-amalan yang tidak bersumberkan Rasulullah SAW secara sah[1907] dan lebih memburukkan keadaan lagi mereka akan menjadi ekstrem sehingga tidak mahu menerima kebenaran lalu melabelkan kumpulan yang menegur pula sebagai sesat[1908].

Mempelajari ilmu hadith pastinya dapat menambah kefahaman terhadap hadith-hadith Rasulullah SAW. Mohd Azrin Bin Johari[1909] didalam kajiannya terhadap kefahaman hadith kalangan ahli jemaah masjid dan surau di Shah Alam, Selangor mendapati sebanyak 97.8% responden mengatakan bertambah tahap kefahaman mereka tentang hadith setelah mengikuti pengajian hadith di masjid dan surau tersebut. Ini menunjukkan bahawa menghadiri majlis-majlis ilmu pastinya menyumbang kepada kefahaman yang lebih baik terhadap ilmu. Justeru, golongan guru-guru pendidikan Islam sekolah rendah juga perlulah mempunyai kesedaran untuk menambahkan nilai-nilai keilmuan dan kefahaman di dalam diri mereka dengan mempelajari ilmu-ilmu Islam secara berterusan khususnya berkaitan hadith. Ilmu-ilmu tersebut boleh diperolehi samada

[1907] Roshimah Shamsudin, " Hadis Daif: Analisis Terhadap Amalan-Amalan Kerohanian Terpilih Masyarakat Melayu", *HADIS: International Refereed Academic Journal In Islamic Studies*, Selangor: Kolej Universiti Islam Selangor, no16 (2018), 24.

[1908] Ashriq Fahmy Ahmad, "Bahana Hadith Palsu", laman sesawang *Utusan*, diakses pada 18 Ogos 2019, https://www.utusan.com.my/rencana/utama/bahana-hadis-palsu-1.633814

[1909] Mohd Azrin Bin Johari, "Kajian Terhadap Kefahaman Hadith Kalangan Ahli Jemaah Masjid Dan Surau Di Shah Alam, Selangor", laman sesawang *The Online Journal of Islamic Education,* diakses pada 3 Jun 2018, http://ojie.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/download/5252/3050/



Universiti Malaya

mendatangi kuliah-kuliah ilmu, membaca hasil-hasil tulisan ilmiah dan sebagainya. Tidaklah cukup hanya dengan ilmu sedia ada kerana cabaran seorang pendidik seumpama guru-guru pendidikan Islam ini semakin mencabar.

**d. Analisis Tahap Pengamalan Hadith Fadilat Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam Negeri Johor**

Bahagian D adalah berkaitan penilaian pengamalan responden terhadap amalan-amalan yang disenaraikan. Sebanyak 20 item dinyatakan iaitu DA1, DB1, DB2, DB3, DB4, DB5, DB6, DC1, DC2, DC3, DC4, DD1, DD2, DD3, DD4, DE1, DE2, DE3, DE4 dan DE5. Kesemuanya diukur dengan skala likert iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), tidak pasti (TP), setuju (S) dan sangat setuju (ST).

Jadual 4.12 : Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Pengamalan Guru-Guru Pendidikan Islam Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat

| Bil | Item | Skor Min | Sisihan Piawai | Tahap |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Sebelum ke masjid, saya mengambil wuduk di rumah kerana saya mengharapkan agar Allah menulis bagi setiap satu langkah satu kebaikan dan dihapus pula satu keburukan dan ditinggikan darjat sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DA1) | 3.52 | 1.090 | Sederhana Tinggi |
| 2 | Saya bersolat subuh secara berjemaah supaya saya mendapat pahala seperti pahala orang yang beribadah haji dan umrah yang diterima sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DB1) | 2.96 | 1.021 | Sederhana Tinggi |
| 3 | Saya bersolat zohor secara berjemaah supaya saya mendapat pahala seperti pahala orang yang beribadah haji dan umrah yang diterima dan mendapat tujuh darjat di syurga Firdaus sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DB2) | 2.91 | .966 | Sederhana Rendah |
| 4 | Saya bersolat asar secara berjemaah supaya saya dianugerahkan pahala seakan-akan telah memerdekakan sahaya dari keturunan Ismail a.s beserta setiap orang dari mereka 12,000 orang sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DB3) | 2.83 | .967 | Sederhana Rendah |

Universiti Malaya

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5 | Saya bersolat maghrib secara berjemaah supaya saya dikurniakan pahala seumpama melaksanakan dua puluh lima kali solat seperti itu dan ditambah memperolehi tujuh darjat di Syurga Adn sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DB4) | 2.87 | .994 | Sederhana Rendah |
| 6 | Saya bersolat isya' secara berjemaah supaya saya dikurniakan pahala seakan-akan telah beribadah di malam Lailatul Qadar sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DB5) | 2.92 | .979 | Sederhana Rendah |
| 7 | Saya tidak pernah meninggalkan solat fardu dengan sengaja kerana saya khuatir dan takut nama saya akan ditulis dipintu neraka termasuk orang yang akan memasukinya sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DB6) | 3.24 | 1.115 | Sederhana Tinggi |
| 8 | Saya mengamalkan bacaan surah al-Fatihah apabila terkena racun sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DC1) | 3.38 | .973 | Sederhana Tinggi |
| 9 | Saya mengamalkan bacaan ayat al-Kursi di rumah supaya Allah memelihara keluarga dan rumah saya serta kawasan persekitaran sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DC2) | 3.98 | .881 | Sederhana Tinggi |
| 10 | Saya mengamalkan bacaan surah al-Fatihah dan ayat al-Kursi setiap hari supaya Allah menyelamatkan saya daripada sebarang musibah dan kejahatan manusia atau jin sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DC3) | 3.99 | .855 | Sederhana Tinggi |
| 11 | Saya mengamalkan bacaan surah al-Ikhlas sebanyak 3 kali supaya saya diberikan pahala seumpama membaca al-Quran keseluruhannya sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DC4) | 3.85 | .983 | Sederhana Tinggi |
| 12 | Saya menulis selawat ke atas RasuluLlah SAW. di dalam buku atau kitab supaya selama mana selawat tersebut masih tertulis, malaikat memohon keampunan untuk saya sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DD1) | 2.52 | .948 | Sederhana Rendah |
| 13 | Saya berselawat ke atas RasuluLlah SAW. supaya tiada lagi dosa untuk saya walau sebesar biji sawi sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DD2) | 2.91 | 1.078 | Sederhana Rendah |
| 14 | Saya berselawat ke atas RasuluLlah SAW. sebanyak 3 kali pada waktu siang dan 3 kali pada waktu malam semata-mata kerana rindukan RasuluLlah SAW. supaya Allah ampunkan semua dosa saya sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DD3) | 3.13 | 1.127 | Sederhana Tinggi |

Universiti Malaya

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 15 | Saya berselawat ke atas RasuluLlah SAW. sebanyak 10 kali pada waktu pagi dan 10 kali pada waktu petang dengan harapan agar Allah menyelamatkan saya pada hari kiamat dan dikumpulkan bersama para nabi dan siddiqin sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DD4) | 3.22 | 1.142 | Sederhana Tinggi |
| 16 | Saya mengamalkan bacaan basmalah dan حول قوة بالله العلي العظيم supaya Allah melepaskan saya dari 70 pintu bermacam-macam bala dan kesukaran, duka cita dan kesakitan sebagaimana hadith fadilat yang saya tahu. (DE1) | 3.38 | 1.065 | Sederhana Tinggi |
| 17 | Saya membaca "بسم الله الرحمن الرحيم' semasa berwudu' supaya malaikat akan menuliskan kebaikan untuk saya sehingga selesai wudu' sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DE2) | 3.54 | 1.061 | Sederhana Tinggi |
| 18 | Saya membaca "بسم الله الرحمن الرحيم' sebelum masuk rumah supaya syaitan tidak berdaya untuk ikut sekali masuk ke dalam rumah sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DE3) | 3.79 | 1.118 | Sederhana Tinggi |
| 19 | Saya membaca "بسم الله الرحمن الرحيم' sebelum makan dan minum supaya syaitan tidak dapat ikut makan dan minum sekali sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DE4) | 3.92 | 1.051 | Sederhana Tinggi |
| 20 | Saya membaca "بسم الله الرحمن الرحيم sebelum tidur supaya syaitan tidak dapat tidur bersama saya sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu. (DE5) | 3.91 | 1.001 | Sederhana Tinggi |
| Jumlah Keseluruhan | | 3.34 | 1.021 | Sederhana Tinggi |

Sumber : Analisis SPSS

Jadual di atas menunjukkan secara keseluruhannya berada di tahap sederhana tinggi, dengan mencatat skor min 3.34 dan sisihan piawai 1.021. Secara terperincinya, dapatan skor min dan sisihan piawai bagi kebanyakan item dalam bahagian ini berada di tahap sederhana tinggi. Hanya tujuh item berada di tahap sederhana rendah.

Item DA1 mencatat skor min 3.52 dan sisihan piawai 1.090. Item DB1 mencatat skor min 2.96 dan sisihan piawai 1.021. Item DB2 mencatat skor min 2.91 dan sisihan piawai 0.966. Item DB3 mencatat skor min 2.83 dan sisihan

Universiti Malaya

piawai 0.967. Item DB4  mencatat skor min 2.87 dan sisihan piawai 0.994. Item DB5  mencatat skor min 2.92 dan sisihan piawai 0.979. Item DB6  mencatat skor min 3.24 dan sisihan piawai 1.115.Item DC1  mencatat skor min 3.38 dan sisihan piawai 0.973. Item DC2  mencatat skor min 3.98 dan sisihan piawai 0.881. Item DC3 mencatat skor min 3.99 dan sisihan piawai 0.855.

Item DC4 mencatat skor min 3.85 dan sisihan piawai 0.983. Item DD1 mencatat skor min 2.52 dan sisihan piawai 0.948. Item DD2  mencatat skor min 2.91 dan sisihan piawai 1.078. Item DD3 mencatat skor min 3.13 dan sisihan piawai 1.127. Item DD4 mencatat skor min 3.22 dan sisihan piawai 1.142. Item DE1 mencatat skor min 3.38 dan sisihan piawai 1.065. Item DE2  mencatat skor min 3.54 dan sisihan piawai 1.061. Item DE3 mencatat skor min 3.79 dan sisihan piawai 1.118. Item DE4 mencatat skor min 3.92 dan sisihan piawai 1.051. Item DE5 mencatat skor min 3.91 dan sisihan piawai 1.001.

Hasil analisis ini menunjukkan bahawa ramai guru-guru pendidikan Islam di Negeri Johor yang mengamalkan amalan-amalan sepertimana yang terdapat di dalam hadith-hadith fadilat yang disenaraikan. Mereka mengamalkannya adalah disebabkan amalan-amalan yang disenaraikan merupakan amalan-amalan harian yang sering diamalkan juga oleh masyarakat Islam lain iaitu seperti berselawat, bersolat fardu secara berjemaah, berwuduk, membaca surah al-Fatihah dan membaca basmalah. Antara galakan untuk melakukan amalan-amalan ini ialah terdapatnya ganjaran pahala yang berlipat kali ganda.

Terdapat banyak hadith berkaitan fadilat yang berstatus sahih dan hasan yang selayaknya dijadikan pegangan dalam beramal. Namun demikian, terdapat juga guru-guru pendidikan Islam ini yang mengamalkan berdasarkan hadith-hadith fadilat yang berstatus terlalu lemah dan palsu sebagaimana yang telah

dibuktikan di dalam kajian ini. Ini juga jelas menunjukkan bahawa hadith-hadith fadilat yang berstatus terlalu lemah dan palsu sememangnya telah tersebar dalam kalangan masyarakat Islam. Beramal dengan amalan-amalan yang dinyatakan adalah sangat digalakkan dan dibenarkan. Namun berpegang kepada sumber hadith yang berstatus terlalu lemah dan palsu adalah satu kesalahan dan kesilapan yang mesti diperbetulkan agar setiap amalan ibadah yang dilakukan adalah berpaksikan sumber yang benar.

Periwayatan dan pengamalan hadith-hadith palsu adalah tidak dibenarkan sama sekali kerana ianya adalah bukan bersumberkan secara benar daripada Rasulullah SAW. Namun, ulama-ulama hadith berbeza pandangan berkaitan periwayatan dan pengamalan dengan hadith-hadith *ḍa'īf* yang tidak sampai ke tahap palsu. Ibn al-Salah[1910] berpandangan harus meriwayatkan hadith-hadith *ḍa'īf* yang tidak mencapai tahap *mawḍū'* tanpa menerangkan ke*ḍa'īf*annya seperti berkaitan nasihat, cerita, kelebihan amalan, galakkan kebaikan, ancaman kejahatan selagi mana tidak menyentuh hukum-hakam (seperti halal dan haram) dan akidah (seperti sifat-sifat Allah). Yang dimaksudkan dengan kelebihan-kelebihan amalan di sini ialah amalan-amalan baik yang telah thabit melalui hadith-hadith *ṣaḥīḥ*. Ibn al-'Arabiy pula berpandangan tidak dibenarkan beramal dengan hadith *da'if* secara mutlak samada berkaitan halal, haram, kelebihan-kelebihan amalan dan sebagainya[1911]. Sebahagian ulama hadith membenarkan periwayatan hadith *ḍa'īf* tanpa menjelaskan ke*ḍa'īf*annya namun dengan beberapa syarat[1912] :

i. Hendaklah hadith itu hanya berkaitan cerita-cerita, nasihat, kelebihan-kelebihan amalan atau sebagainya yang tidak menyentuh tentang sifat-sifat

---

1910 Muhammad Bin Muhammmad Abu Syahbah, *al-Wasit Fi 'Ulum Wa Mustalah al-Hadith*, (t.t.p : t.p, t.t), 277.
1911 Muhammad Bin Muhammmad Abu Syahbah, *al-Wasit Fi 'Ulum Wa Mustalah al-Hadith*, 278.
1912 Muhammad Bin Muhammmad Abu Syahbah, *al-Wasit Fi 'Ulum Wa Mustalah al-Hadith*, 278.



Universiti Malaya

Allah, tafsir ayat-ayat al-Quran, hukum hakam berkaitan halal haram dan sebagainya.

ii. Hendaklah *ḍa'īf* yang tidak bersangatan *ḍa'īf* nya.

iii. Hendaklah hadith *ḍa'īf* tersebut telah *thabit* usulnya daripada usul-usul syari'ah supaya ianya tidak men*thabit*kan sesuatu yang tidak di*thabit*kan oleh syara'. Hadith *ḍa'īf* ini hanyalah sekadar penyokong sesuatu yang telah ada asasnya di dalam syara'.

iv. Hendaklah orang yang mengamalkan hadith *ḍa'īf* itu tidak berkeyakinan tentang *thabit*nya hadith tersebut daripada Rasulullah SAW.

v. Hendaklah hadith *ḍa'īf* itu tidak bercanggah dengan hadith-hadith lain yang lebih kuat martabatnya.

Periwayatan hadith *ḍa'īf* tidak dibenarkan menggunakan perkataan yang membawa maksud pasti dan yakin seperti lafaz "bersabda". Sebaliknya, hendaklah menggunakan perkataan yang tidak membawa kepada maksud pasti dan yakin seperti diriwayatkan, dikatakan dan sebagainya[1913]. Muhammad Abu Syahbah menyatakan sememangnya tidak diharuskan untuk meriwayatkan hadith *ḍa'īf* kecuali dengan penjelasan berkaitan ke*ḍa'īf*annya lebih-lebih lagi pada zaman yang mana masyarakat Islam kurang mendalami ilmu hadith dan ketidakupayaan mereka untuk mengetahui martabat sesuatu hadith. Muhammad Abu Syahbah juga membahagikan hadith-hadith *ḍa'īf* ini kepada 2 bahagian iaitu:

i. Hadith-hadith *ḍa'īf* yang disokong oleh hadith-hadith lain melalui periwayatan hadith-hadith lain yang sama martabatnya atau pun lebih kuat martabat daripadanya seperti hadith-hadith berkaitan kelebihan-kelebihan amalan dan seumpamanya. Adapun sekiranya hadith yang menyokong itu adalah lebih rendah martabatnya maka ini tidak dibenarkan.

---

[1913] Mahmud al-Tahhan, *Taysir Mustalah al-Hadith* (Riyad : Maktabah al-Ma'arif, 1996), 66



Universiti Malaya

ii. Hadith-hadith yang tidak disokong oleh usul syara'. Maka hadith-hadith seperti ini tidak dibenarkan sekalipun ianya berkaitan kelebihan-kelebihan amalan dan sebagainya[1914].

## 4.4 Analisis Hubungan Antara Tahap Pengetahuan dan Pengamalan Responden Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat

Di bawah ini dinyatakan hasil analisis berkaitan hubungankait tahap pengetahuan responden dengan tahap pengamalan mereka berkaitan hadith-hadith fadilat. Menerusi analisis ini, dapat diketahui jumlah kekerapan dan peratus responden yang pernah mengetahui hadith-hadith fadilat atau tidak pernah mengetahuinya dan tahap pengamalan mereka terhadap hadith-hadith tersebut. Pengkaji hanya menyatakan analisis terhadap 5 item yang mempunyai nilai skor min yang tertinggi di dalam bahagian tahap pengamalan responden berkaitan hadith-hadith fadilat iaitu item DC2, DC3, DC4, DE4 dan DE5.

### a. Item DC2[1915] dan hubungannya dengan item CC2[1916]

Jadual 4.13: Tahap Pengetahuan dan Pengamalan Responden Berkaitan Item DC2

| Tahap Pengetahuan Responden (item CC2) | Kekerapan / Peratus | Tahap Pengamalan responden (item DC2) | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | STS | TS | TP | S | SS | |
| Pernah Mengetahui | Kekerapan | 8 | 14 | 12 | 160 | 65 | 259 |
| | Peratus | 2.7% | 4.8% | 4.1% | 55.0% | 22.3% | 89.0% |
| Tidak Pernah Mengetahui | Kekerapan | 0 | 3 | 4 | 21 | 4 | 32 |
| | Peratus | 0.0% | 1.0% | 1.4% | 7.2% | 1.4% | 11.0% |
| Jumlah | Kekerapan | 8 | 17 | 16 | 181 | 69 | 291 |
| | Peratus | 2.7% | 5.8% | 5.5% | 62.2% | 23.7% | 100.0% |

Sumber : Analisis SPSS

[1914] Muhammad Bin Muhammmad Abu Syahbah, *al-Wasit Fi 'Ulum Wa Mustalah al-Hadith*, 279
[1915] Saya mengamalkan bacaan ayat al-Kursi di rumah supaya Allah memelihara keluarga dan rumah saya serta kawasan persekitaran sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu
[1916] Bacalah ayat al-Kursi kerana Allah akan memelihara engkau sekeluarga dan rumah engkau hingga daerah-daerah yang ada di sekeliling rumah engkau

Jadual di atas menunjukkan jumlah kekerapan dan peratus bagi tahap pengetahuan guru-guru pendidikan Islam berkaitan item CC2 dan pengamalan mereka berkaitan item DC2. Didapati jumlah keseluruhan responden yang pernah mengetahui hadith item CC2 adalah seramai 259 orang (89%) manakala responden yang tidak pernah mendengar adalah seramai 32 orang (11%). Didapati juga, kesemua responden yang pernah mendengar item CC2 adalah tidak kesemuanya bersetuju dengan item DC2. Seramai 8 orang responden (2.7%) adalah sangat tidak setuju, 14 orang responden (4.8%) adalah tidak setuju, 12 orang responden (4.1%) adalah tidak pasti, 160 orang responden (55.0%) adalah setuju dan 65 orang responden (22.3%) adalah sangat setuju. Hasil analisis ini juga mendapati bahawa tidak kesemua responden yang tidak pernah mendengar item CC2 tidak bersetuju dengan item DC2. Di antara mereka ialah seramai 3 orang responden (1.0%) yang tidak setuju, 4 orang responden (1.4%) yang tidak pasti, 21 orang responden (7.2%) yang setuju dan 4 orang responden (1.4%) yang sangat setuju.

**b. Item DC3[1917] dan hubungannya dengan CC3[1918]**

Jadual 4.14: Tahap Pengetahuan dan Pengamalan
Responden Berkaitan Item DC3

| Tahap Pengetahuan Responden (item CC3) | Kekerapan / Peratus | Tahap Pengamalan responden (item DC3) | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | STS | TS | TP | S | SS | |
| Pernah Mengetahui | Kekerapan | 0 | 18 | 16 | 128 | 60 | 222 |
| | Peratus | 0.0% | 6.2% | 5.5% | 44.0% | 20.6% | 76.3% |
| Tidak Pernah Mengetahui | Kekerapan | 4 | 3 | 4 | 46 | 12 | 69 |
| | Peratus | 1.4% | 1.0% | 1.4% | 15.8% | 4.1% | 23.7% |
| Jumlah | Kekerapan | 4 | 21 | 20 | 174 | 72 | 291 |
| | Peratus | 1.4% | 7.2% | 6.9% | 59.8% | 24.7% | 100.0% |

Sumber : Analisis SPSS

[1917] Saya mengamalkan bacaan surah al-Fatihah dan ayat al-Kursi setiap hari supaya Allah menyelamatkan saya daripada sebarang musibah dan kejahatan manusia atau jin sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu

[1918] Barangsiapa yang membaca al-Fatihah dan ayat al-Kursi di rumahnya, dia tidak akan ditimpa oleh mudarat dan penganiayaan manusia dan jin pada hari itu. (la asl lah)

Jadual di atas menunjukkan jumlah kekerapan dan peratus bagi tahap pengetahuan guru-guru pendidikan Islam berkaitan item CC3 dan pengamalan mereka berkaitan item DC3. Didapati jumlah keseluruhan responden yang pernah mengetahui hadith item CC3 adalah seramai 222 orang (76.3%) manakala responden yang tidak pernah mendengar adalah seramai 69 orang (23.7%). Didapati juga, kesemua responden yang pernah mendengar item CC3 adalah tidak kesemuanya bersetuju dengan item DC3. Seramai 18 orang responden (6.2%) adalah tidak setuju, 16 orang responden (5.5%) adalah tidak pasti, 128 orang responden (44.0%) adalah setuju dan 60 orang responden (20.6%) adalah sangat setuju. Hasil analisis ini juga mendapati bahawa tidak kesemua responden yang tidak pernah mendengar item CC3 tidak bersetuju dengan item DC3. Di antara mereka ialah seramai 4 orang responden (1.4%) yang sangat tidak setuju, 3 orang responden (1.0%) yang tidak setuju, 4 orang responden (1.4%) yang tidak pasti, 46 orang responden (15.8%) yang setuju dan 12 orang responden (4.1%) yang sangat setuju.

**c. Item DC4[1919] dan hubungannya dengan CC4[1920]**

Jadual 4.15: Tahap Pengetahuan dan Pengamalan Responden Berkaitan Item DC4

| Tahap Pengetahuan Responden (item CC2) | Kekerapan / Peratus | Tahap Pengamalan responden (item DC4) | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | STS | TS | TP | S | SS | |
| Pernah Mengetahui | Kekerapan | 4 | 26 | 15 | 145 | 64 | 254 |
| | Peratus | 1.4% | 8.9% | 5.2% | 49.8% | 22.0% | 87.3% |
| Tidak Pernah Mengetahui | Kekerapan | 4 | 3 | 16 | 10 | 4 | 37 |
| | Peratus | 1.4% | 1.0% | 5.5% | 3.4% | 1.4% | 12.7% |
| Jumlah | Kekerapan | 8 | 29 | 31 | 155 | 68 | 291 |
| | Peratus | 2.7% | 10.0% | 10.7% | 53.3% | 23.4% | 100.0% |

Sumber : Analisis SPSS

[1919] Saya mengamalkan bacaan surah al-Ikhlas sebanyak 3 kali supaya saya diberikan pahala seumpama membaca al-Quran keseluruhannya sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu

[1920] Barang siapa membaca 'katakanlah Tuhan ku ialah Allah yang Maha Esa' (surah al-Ikhlas) sebanyak tiga kali, maka ia seperti membaca al-Quran seluruhnya.(da'if jiddan)

Jadual di atas menunjukkan jumlah kekerapan dan peratus bagi tahap pengetahuan guru-guru pendidikan Islam berkaitan item CC4 dan pengamalan mereka berkaitan item DC4. Didapati jumlah keseluruhan responden yang pernah mengetahui hadith item CC4 adalah seramai 254 orang (87.3%) manakala responden yang tidak pernah mendengar adalah seramai 37 orang (12.7%). Didapati juga, kesemua responden yang pernah mendengar item CC4 adalah tidak kesemuanya bersetuju dengan item DC4. Seramai 4 orang responden (1.4%) adalah sangat tidak setuju, 26 orang responden (8.9%) adalah tidak setuju, 15 orang responden (5.2%) adalah tidak pasti, 145 orang responden (49.8%) adalah setuju dan 64 orang responden (22.0%) adalah sangat setuju. Hasil analisis ini juga mendapati bahawa tidak kesemua responden yang tidak pernah mendengar item CC4 tidak bersetuju dengan item DC4. Di antara mereka ialah seramai 4 orang responden (1.4%) yang sangat tidak setuju, 3 orang responden (1.0%) yang tidak setuju, 16 orang responden (5.5%) yang tidak pasti, 10 orang responden (3.4%) yang setuju dan 4 orang responden (1.4%) yang sangat setuju. Keterangan ini ditunjukkan dalam jadual berikut:

**d. Item DE4[1921] dan hubungannya dengan CE3[1922]**

Jadual 4.16: Tahap Pengetahuan dan Pengamalan
Responden Berkaitan Item DE4

| Tahap Pengetahuan Responden (item CE3) | Kekerapan / Peratus | Tahap Pengamalan responden (item DC4) | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | STS | TS | TP | S | SS | |
| Pernah Mengetahui | Kekerapan | 15 | 14 | 19 | 116 | 84 | 248 |
| | Peratus | 5.2% | 4.8% | 6.5% | 39.9% | 28.9% | 85.2% |

[1921] Saya membaca "بسم حِيمِ" sebelum makan dan minum supaya syaitan tidak dapat ikut makan dan minum sekali sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu.

[1922] Tiada seorang daripada kamu yang akan masuk ke rumah kecuali syaitan akan mengikutinya. Akan tetapi apabila dia masuk ke rumah dan mengucapkan بسم حِيمِ berkatalah syaitan, tiada tempat untukku di rumah ini. Apabila dia menghadap makanan, dia mengucapkan بس م حِيمِ, berkatalah syaitan, tiada makanan untukku di sini. Apabila dia menghadap minuman, dia mengucapkan ب سم الله الرحمن الرحيم, berkatalah syaitan, tiada minuman untukku di sini. Dan apabila dia mahu tidur dia mengucapkan ب سم حِيمِ, berkatalah syaitan, tiada tempat tidur bagiku di sini. Dan apabila dia meninggalkan بس م حِيمِ ketika masuk, maka syaitan akan mengikutinya. Apabila dia meninggalkannya ketika makan, maka syaitan akan makan bersamanya dan apabila dia mahu minum syaitan lebih dahulu meletakkan bibirnya digelas. (palsu)

Universiti Malaya

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Tidak Pernah Mengetahui | Kekerapan | 0 | 3 | 12 | 24 | 4 | 43 |
| | Peratus | 0.0% | 1.0% | 4.1% | 8.2% | 1.4% | 14.8% |
| Jumlah | Kekerapan | 15 | 17 | 31 | 140 | 88 | 291 |
| | Peratus | 5.2% | 5.8% | 10.7% | 48.1% | 30.2% | 100.0% |

Sumber : Analisis SPSS

Jadual di atas menunjukkan jumlah kekerapan dan peratus bagi tahap pengetahuan guru-guru pendidikan Islam berkaitan item CE3 dan pengamalan mereka berkaitan item DE4. Didapati jumlah keseluruhan responden yang pernah mengetahui hadith item CE3 adalah seramai 248 orang (85.2%) manakala responden yang tidak pernah mendengar adalah seramai 43 orang (14.8%). Didapati juga, kesemua responden yang pernah mendengar item CE3 adalah tidak kesemuanya bersetuju dengan item DE4. Seramai 15 orang responden (5.2%) adalah sangat tidak setuju, 14 orang responden (4.8%) adalah tidak setuju, 19 orang responden (6.5%) adalah tidak pasti, 116 orang responden (39.9%) adalah setuju dan 84 orang responden (28.9%) adalah sangat setuju. Hasil analisis ini juga mendapati bahawa tidak kesemua responden yang tidak pernah mendengar item CE3 tidak bersetuju dengan item DE4. Di antara mereka ialah seramai 3 orang responden (1.0%) yang tidak setuju, 12 orang responden (4.1%) yang tidak pasti, 24 orang responden (8.2%) yang setuju dan 4 orang responden (1.4%) yang sangat setuju.

**e. Item DE5[1923] dan hubungannya dengan CE3[1924]**

Universiti Malaya

[1923] Saya membaca "بسم الله الرحمن الرحيم" sebelum tidur supaya syaitan tidak dapat tidur bersama saya sebagaimana hadith fadilat yang saya pernah tahu.

[1924] Tiada seorang daripada kamu yang akan masuk ke rumah kecuali syaitan akan mengikutinya. Akan tetapi apabila dia masuk ke rumah dan mengucapkan بسم الله الرحمن الرحيم berkatalah syaitan, tiada tempat untukku di rumah ini. Apabila dia menghadap makanan, dia mengucapkan بسم الله الرحمن الرحيم, berkatalah syaitan, tiada makanan untukku di sini. Apabila dia menghadap minuman, dia mengucapkan بسم الله الرحمن الرحيم, berkatalah syaitan, tiada minuman untukku di sini. Dan apabila dia mahu tidur dia mengucapkan بسم الله الرحمن الرحيم, berkatalah syaitan, tiada tempat tidur bagiku di sini. Dan apabila dia meninggalkan بسم الله الرحمن الرحيم ketika masuk, maka syaitan akan mengikutinya. Apabila dia meninggalkannya ketika makan, maka syaitan akan makan bersamanya dan apabila dia mahu minum syaitan lebih dahulu meletakkan bibirnya digelas. (palsu)

Jadual 4.17: Tahap Pengetahuan dan Pengamalan
Responden Berkaitan Item DE5

| Tahap Pengetahuan Responden (item CE3) | Kekerapan / Peratus | Tahap Pengamalan responden (item DC4) | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | STS | TS | TP | S | SS | |
| Pernah Mengetahui | Kekerapan | 11 | 14 | 26 | 117 | 80 | 248 |
| | Peratus | 3.8% | 4.8% | 8.9% | 40.2% | 27.5% | 85.2% |
| Tidak Pernah Mengetahui | Kekerapan | 0 | 3 | 16 | 20 | 4 | 43 |
| | Peratus | 0.0% | 1.0% | 5.5% | 6.9% | 1.4% | 14.8% |
| Jumlah | Kekerapan | 11 | 17 | 42 | 137 | 84 | 291 |
| | Peratus | 3.8% | 5.8% | 14.4% | 47.1% | 28.9% | 100.0% |

Sumber : Analisis SPSS

Jadual di atas menunjukkan jumlah kekerapan dan peratus bagi tahap pengetahuan guru-guru pendidikan Islam berkaitan item CE3 dan pengamalan mereka berkaitan item DE5. Didapati jumlah keseluruhan responden yang pernah mengetahui hadith item CE3 adalah seramai 248 orang (85.2%) manakala responden yang tidak pernah mendengar adalah seramai 43 orang (14.8%). Didapati juga, kesemua responden yang pernah mendengar item CE3 adalah tidak kesemuanya bersetuju dengan item DE5. Seramai 11 orang responden (3.8%) adalah sangat tidak setuju, 14 orang responden (4.8%) adalah tidak setuju, 26 orang responden (8.9%) adalah tidak pasti, 117 orang responden (40.2%) adalah setuju dan 80 orang responden (27.5%) adalah sangat setuju. Hasil analisis ini juga mendapati bahawa tidak kesemua responden yang tidak pernah mendengar item CE3 tidak bersetuju dengan item DE5. Di antara mereka ialah seramai 3 orang responden (1.0%) yang tidak setuju, 16 orang responden (5.5%) yang tidak pasti, 20 orang responden (6.9%) yang setuju dan 4 orang responden (1.4%) yang sangat setuju.

Universiti Malaya

### 4.5 Analisis Kefahaman Dan Pengamalan Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat Berdasarkan Perbezaan Latar Belakang Responden

Analisis bahagian ini adalah untuk melihat adakah wujud perbezaan dari segi kefahaman dan pengamalan berkaitan hadith-hadith fadilat disebabkan perbezaan latar belakang responden. Latar belakang yang dimaksudkan ialah jantina, umur, peringkat pendidikan dan pengkhususan ijazah pertama.

**a. Analisis Kefahaman Dan Pengamalan Berdasarkan Perbezaan Jantina**

Jadual 4.18 : Perbezaan Kefahaman Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat Mengikut Jantina

| Jantina | Bil | Min | Sisihan Piawai | Tahap Signifikan |
|---|---|---|---|---|
| Lelaki | 87 | 2.4943 | 1.07696 | 0.007 |
| Perempuan | 204 | 2.8480 | 0.98333 | |

Sumber : Analisis SPSS

Merujuk kepada jadual di atas, keputusan ujian menunjukan nilai*(p) Sig.(2-Tailed)* ialah .007 dimana nilai ini lebih kecil daripada nilai *α=0.05*, dari sini boleh dibuat kesimpulan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Kefahaman bagi kumpulan lelaki [Min=2.4943, SP=1.07696] dan perempuan[Min=2.8480, SP=0.98333]. Merujuk kepada jadual min, purata tahap kefahaman guru-guru perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan guru-guru lelaki.

Jadual 4.19 : Perbezaan Pengamalan Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat Mengikut Jantina

| Jantina | Bil | Min | Sisihan Piawai | Tahap Signifikan |
|---|---|---|---|---|
| Lelaki | 87 | 1.7126 | 0.66312 | 0.000 |
| Perempuan | 204 | 2.2941 | 0.81353 | |

Sumber : Analisis SPSS

Merujuk kepada jadual di atas, keputusan ujian menunjukan nilai*(p) Sig.(2-Tailed)* ialah .000 dimana nilai ini lebih kecil daripada nilai *α=0.05*, dari sini boleh dibuat kesimpulan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Pengamalan bagi kumpulan lelaki [Min=1.7126, SP=0.66312] dan perempuan[Min=2.2941,



Universiti Malaya

SP=0.81353]. Merujuk kepada jadual min, purata tahap pengamalan guru-guru perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan guru-guru lelaki.

**b. Analisis Kefahaman Dan Pengamalan Berdasarkan Perbezaan Umur**

Jadual 4.20 : Perbezaan Kefahaman Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat Mengikut Umur

| Umur | Bil | Min | Sisihan Piawai | Tahap Signifikan |
|---|---|---|---|---|
| 21-25 | 11 | 4.2468 | .35623 | 0.001 |
| 26-30 | 48 | 4.0089 | .45597 | |
| 31-35 | 84 | 3.6718 | .71473 | |
| 36-40 | 76 | 3.8759 | .66898 | |
| 41-45 | 36 | 4.1032 | .63302 | |
| 46-50 | 30 | 4.0190 | .32214 | |
| 51-55 | 6 | 3.5000 | .23474 | |
| Jumlah | 291 | 3.8881 | .62548 | |

Sumber : Analisis SPSS

Merujuk kepada jadual di atas, keputusan ujian menunjukan nilai*(p) Sig.(2-Tailed)* ialah .001 dimana nilai ini lebih kecil daripada nilai *α=0.05*, dari sini boleh dibuat kesimpulan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Kefahaman bagi kumpulan umur 21-25 tahun [Min=4.2468, SP=.35623], umur 26-30 tahun [Min=4.0089, SP=.45597], umur 31-35 tahun [Min=3.6718, SP=.71473], umur 36-40 tahun [Min=3.8759, SP=.66898], umur 41-45 tahun [Min=4.1032, SP=.63302], umur 46-50 tahun [Min=4.0190, SP=.32214] dan umur 51-55 tahun [Min=3.5000, SP=.23474]. Merujuk kepada jadual min, purata tahap kefahaman guru-guru berumur 21-25 tahun adalah paling tinggi berbanding guru-guru yang berumur selain 21-25 tahun.

Jadual 4.21 : Perbezaan Pengamalan Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat Mengikut Umur

| Umur | Bil | Min | Sisihan Piawai | Tahap Signifikan |
|---|---|---|---|---|
| 21-25 | 11 | 3.7136 | .28026 | 0.000 |
| 26-30 | 48 | 3.6417 | .58166 | |
| 31-35 | 84 | 3.3661 | .67700 | |
| 36-40 | 76 | 3.1039 | .82768 | |
| 41-45 | 36 | 3.4361 | .59685 | |
| 46-50 | 30 | 3.2117 | .51036 | |
| 51-55 | 6 | 2.8750 | 1.12283 | |

Universiti Malaya

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah | 291 | 3.3388 | .70650 | |

Sumber : Analisis SPSS

Merujuk kepada jadual di atas, keputusan ujian menunjukan nilai*(p) Sig.(2-Tailed)* ialah .000 dimana nilai ini lebih kecil daripada nilai *α=0.05*, dari sini boleh dibuat kesimpulan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Pengamalan bagi kumpulan umur 21-25 tahun [Min=3.7136, SP=.28026], umur 26-30 tahun [Min=3.6417, SP=.58166], umur 31-35 tahun [Min=3.3661, SP=.67700], umur 36-40 tahun [Min=3.1039, SP=.82768], umur 41-45 tahun [Min=3.4361, SP=.59685], umur 46-50 tahun [Min=3.2117, SP=.51036] dan umur 51-55 tahun [Min=2.8750, SP=1.12283]. Merujuk kepada jadual min, purata tahap pengamalan guru-guru berumur 21-25 tahun adalah paling tinggi berbanding guru-guru yang berumur selain 21-25 tahun.

**c. Analisis Kefahaman Dan Pengamalan Berdasarkan Tahap Pendidikan**

Jadual 4.22 : Perbezaan Kefahaman Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat Mengikut Peringkat Pendidikan

| Peringkat Pendidikan | Bil | Min | Sisihan Piawai | Tahap Signifikan |
|---|---|---|---|---|
| Diploma | 17 | 3.5714 | .66815 | 0.057 |
| Ijazah Sarjana Muda | 237 | 3.8921 | .63533 | |
| Ijazah Sarjana | 37 | 4.0077 | .49481 | |
| Jumlah | 291 | 3.8881 | .62548 | |

Sumber : Analisis SPSS

Merujuk kepada jadual di atas, keputusan ujian menunjukan nilai*(p) Sig.(2-Tailed)* ialah .057 dimana nilai ini lebih besar daripada nilai *α=0.05*, dari sini boleh dibuat kesimpulan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Kefahaman bagi kumpulan tahap pendidikan diploma [Min=3.5714, SP=.66815], tahap pendidikan Ijazah sarjana Muda [Min=3.8921, SP=.63533] dan tahap pendidikan Ijazah Sarjana [Min=4.0077, SP=.49481]. Merujuk kepada jadual min, purata tahap kefahaman



Universiti Malaya

guru-guru yang mendapat tahap pendidikan peringkat Ijazah Sarjana adalah paling tinggi berbanding guru-guru berada di tahap pendidikan diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Jadual 4.23 : Perbezaan Pengamalan Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat Mengikut Peringkat Pendidikan

| Peringkat Pendidikan | Bil | Min | Sisihan Piawai | Tahap Signifikan |
|---|---|---|---|---|
| Diploma | 17 | 3.4824 | 1.01642 | 0.630 |
| Ijazah Sarjana Muda | 237 | 3.3371 | .70049 | |
| Ijazah Sarjana | 37 | 3.2838 | .57627 | |
| Jumlah | 291 | 3.3388 | .70650 | |

Sumber : Analisis SPSS

Jadual di atas menunjukan nilai*(p) Sig.(2-Tailed)* ialah .630 dimana nilai ini lebih besar daripada nilai *α=0.05*.Boleh dibuat kesimpulan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah. Tahap Pengamalan bagi kumpulan diploma [Min=3.4824, SP=1.01642], tahap Ijazah sarjana Muda [Min=3.3371, SP=.70049] dan tahap Ijazah Sarjana [Min=3.2838, SP=.57627]. Merujuk kepada jadual min, purata tahap kefahaman guru-guru peringkat Ijazah Sarjana adalah paling tinggi berbanding guru-guru peringkat diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

**d. Analisis Kefahaman Dan Pengamalan Berdasarkan Perbezaan Pengkhususan Ijazah Pertama**

Jadual 4.24 : Perbezaan Kefahaman Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat Mengikut Pengkhususan Ijazah Pertama

| Peringkat Pendidikan | Bil | Min | Sisihan Piawai | Tahap Signifikan |
|---|---|---|---|---|
| Usuluddin | 50 | 2.7000 | 1.01519 | 0.269 |
| Syariah | 87 | 2.6322 | 1.03559 | |
| Bahasa Arab | 38 | 3.0263 | 1.17374 | |
| Pengajian Islam | 84 | 2.8214 | 1.03156 | |
| Dakwah Dan Pengurusan Islam | 4 | 3.0000 | .00000 | |
| Perbandingan Agama | 8 | 2.0000 | 1.06904 | |
| Quran Sunnah | 4 | 3.0000 | .00000 | |



Universiti Malaya

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Pengajian Ilmu Wahyu Dan Warisan Islam | 3 | 3.0000 | .00000 | |
| Sejarah Dan Tamadun Islam | 13 | 2.5385 | .51887 | |
| Jumlah | 291 | 2.7423 | 1.02330 | |

Sumber : Analisis SPSS

Merujuk kepada jadual di atas, keputusan ujian menunjukan nilai*(p) Sig.(2-Tailed)* ialah 0.269 dimana nilai ini lebih besar daripada nilai *α=0.05*, dari sini boleh dibuat kesimpulan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Kefahaman bagi kumpulan usuluddin [Min=2.7000, SP=1.01519], syariah [Min=2.6322, SP=1.03559], Bahasa Arab [Min=3.0263, SP=1.17374], Pengajian Islam [Min=2.8214, SP=1.03156], Dakwah Dan Pengurusan Islam [Min=3.0000, SP=.00000], Perbandingan Agama [Min=2.0000, SP=1.06904], Quran Sunnah [Min=3.0000, SP=.00000], Pengajian Ilmu Wahyu Dan Warisan Islam [Min=3.0000, SP=.00000] dan Sejarah Dan Tamadun Islam [Min=2.5385, SP=.51887].

Jadual 4.25 : Perbezaan Pengamalan Berkaitan Hadith-Hadith Fadilat Mengikut Pengkhususan Ijazah Pertama

| Peringkat Pendidikan | Bil | Min | Sisihan Piawai | Tahap Signifikan |
|---|---|---|---|---|
| Usuluddin | 50 | 1.9200 | .63374 | 0.000 |
| Syariah | 87 | 2.2529 | .96711 | |
| Bahasa Arab | 38 | 1.6842 | .66191 | |
| Pengajian Islam | 84 | 2.1786 | .67949 | |
| Dakwah Dan Pengurusan Islam | 4 | 4.0000 | .00000 | |
| Perbandingan Agama | 8 | 2.0000 | .00000 | |
| Quran Sunnah | 4 | 3.0000 | .00000 | |
| Pengajian Ilmu Wahyu Dan Warisan Islam | 3 | 2.0000 | .00000 | |
| Sejarah Dan Tamadun Islam | 13 | 2.1538 | .89872 | |
| Jumlah | 291 | 2.1203 | .81535 | |

Sumber : Analisis SPSS

Universiti Malaya

Merujuk kepada jadual di atas, keputusan ujian menunjukan nilai*(p) Sig.(2-Tailed)* ialah 0.000 dimana nilai ini lebih kecil daripada nilai *α=0.05*, dari sini boleh dibuat kesimpulan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Pengamalan bagi kumpulan usuluddin [Min=1.9200, SP=.63374], syariah [Min=2.2529, SP=.96711], Bahasa Arab [Min=1.6842, SP=.66191], Pengajian Islam [Min=2.1786, SP=.67949], Dakwah Dan Pengurusan Islam [Min=4.0000, SP=.00000], Perbandingan Agama [Min=2.0000, SP=.00000], Quran Sunnah [Min=3.0000, SP=.00000], Pengajian Ilmu Wahyu Dan Warisan Islam [Min=2.0000, SP=.00000] dan Sejarah Dan Tamadun Islam [Min=2.1538, SP=.89872].

**4.6 Kesimpulan**

Kajian ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman dan pengamalan guru-guru pendidikan Islam di daerah Pasir Gudang, Johor berkaitan hadith-hadith fadilat adalah pada tahap sederhana tinggi. Ini bermaksud, mereka mempunyai kefahaman yang baik berkaitan hadith-hadith fadilat. Walaupun mereka mempunyai kefahaman yang baik, pengamalan mereka terhadap hadith-hadith fadilat yang berstatus *da'if jiddan* (bersangatan lemah), *mawdu'* (palsu) dan *la asl lah* (tiada asal baginya) juga adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa ramai daripada kalangan guru-guru pendidikan Islam ini yang mengamalkan hadith-hadith fadilat yang berstatus sedemikian.

Ini juga menunjukkan bahawa kebanyakan hadith-hadith fadilat yang masyhur yang telah tersebar dalam kalangan masyarakat Islam di Johor khususnya telah pun menjadi pegangan dan sumber rujukan bagi amalan-amalan yang berkaitan. Sikap mengambil mudah[1925] dengan menerima semua hadith yang diketahui dan

[1925] Faisal Ahmad Shah, "Penyebaran Hadith Palsu Dalam Mediamassa Dan Media Sosial:Realiti Dan Cabaran", *HADITH: Jurnal Ilmiah Berwasit Tahun keenam,*no 11 (2016), 21.



Universiti Malaya

mengamalkannya tanpa meneliti dan mengambil pandangan ulama-ulama hadith terhadap statusnya adalah antara faktor kepada pengamalan hadith-hadith fadilat yang berstatus *da'if jiddan* (sangat lemah), *mawdu'* (palsu) dan *la asl lah* (tiada asal baginya).

Kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari sudut kefahaman dan pengamalan berkaitan hadith-hadith fadilat di kalangan guru-guru lelaki dan perempuan. Begitu juga terdapat perbezaan yang signifikan dari sudut kefahaman dan pengamalan akibat perbezaan umur. Manakala perbezaan tahap pendidikan guru-guru ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dari sudut kefahaman dan pengamalan. Perbezaan pengkhususan ijazah pertama pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari sudut kefahaman akan tetapi terdapat perbezaan yang signifikan dari sudut pengamalannya.

Tahap kefahaman guru-guru pendidikan Islam di daerah Pasir Gudang, Johor adalah agak baik. Namun ramai dalam kalanga mereka yang mengamalkan hadith-hadith fadilat yang berstatus *da'if jiddan* (bersangatan lemah), *mawdu'* (palsu) dan *la asl lah* (tiada asal baginya). Jikalau guru-guru pendidikan Islam pun tidak mampu mengenalpasti status hadith-hadith fadilat yang tersebar di kalangan mereka, apatah lagi masyarakat Islam yang bukan berlatarbelakangkan pendidikan agama Islam. Sudah pasti, mereka lebih terdedah mengamalkan sesuatu amalan yang bersumberkan hadith-hadith yang statusnya adalah *da'if jiddan* (bersangatan lemah), *mawdu'* (palsu) dan *la asl lah* (tiada asal baginya). Kajian Prof. Datin Paduka Dr. Jawiah Dakir mendedahkan hampir 34.42% hadith da'if dan mawdu' sering digunakan oleh masyarakat melayu di Malaysia[1926].

Selain guru-guru pendidikan Islam, terdapat juga golongan ulama, ustaz selebriti, imam, ustaz media sosial dan seumpamanya yang makin berani mengajar dan menyampaikan ilmu kepada masyarakat dengan sewenang-wenang menggunakan

[1926] Muhammad Faiz Fathi Asmori, Mohd Arif Nazri & Haziyah Hussin, "Hadith-Hadith Dalam Buku Motivasi Di Malaysia (Kajian Sanad Dan Matan)", *AL-BANJARI*, no 16 (2017), 120.



Universiti Malaya

hadith palsu mahupun hadith yang lemah dalam menyampaikan hujah dan ilmu mereka[1927]. Ini juga menunjukkan bahawa golongan ini juga terdedah dengan kelemahan di dalam bidang hadith sehinggakan mereka mengambil hadith palsu di dalam penyampaian ilmu mereka. Sedar atau tidak, hadith yang telah tersebar meluas itu hakikatnya adalah hadith rekaan atau palsu. Disebabkan ianya diungkapkan oleh individu bergelar ustaz atau ustazah sejak sekian lama, penipuan yang dibuat menggunakan nama Rasulullah SAW itu dilihat semakin sinonim dengan penerimaan masyarakat di negara ini[1928]. Faktor malas dalam mencari dan menuntut ilmu[1929] juga adalah penyebab kepada tersebarnya hadith palsu dan lemah sehinggakan hadith-hadith ini telah sebati dengan masyarakat Islam.

Mempelajari ilmu hadith pastinya dapat menambah kefahaman terhadap hadith-hadith Rasulullah SAW. Justeru, golongan guru-guru pendidikan Islam sekolah rendah juga perlulah mempunyai kesedaran untuk menambah nilai-nilai keilmuan dan kefahaman di dalam diri mereka dengan mempelajari ilmu-ilmu Islam secara berterusan khususnya berkaitan hadith. Pelbagai kaedah pencarian ilmu boleh diperolehi masa kini samada secara maya atau pun bersemuka dengan guru-guru melalui majlis-majlis ilmu dan sebagainya. Ilmu sedia ada perlulah ditambah nilai agar persediaan keilmuan dapat membantu guru-guru mendepani cabaran pendidikan Islam yang semakin mencabar.

Universiti Malaya

[1927] Fathul Bari Mat Jahya, "Mudarat Penyebaran Hadith Palsu, Lemah", laman sesawang *Sinar Harian*, diakses pada 17 Jun 2018, http://www.sinarharian.com.my/rencana/mudarat-penyebaran-hadith-lemah-palsu-1.325096
[1928] Mohd Shah Che Ahmad, "Hadith Palsu Punca Syirik", laman sesawang *Utusan,* diakses pada 17 Jun 2018, http://www.utusan.com.my/rencana/agama/hadith-palsu-punca-syirik-1.217538
[1929] Fathul Bari Mat Jahya, "Mudarat Penyebaran Hadith Palsu, Lemah", laman sesawang *Sinar Harian*, diakses pada 17 Jun 2018, http://www.sinarharian.com.my/rencana/mudarat-penyebaran-hadith-lemah-palsu-1.325096

# BAB 5 : PENUTUP

## 5.0 Pendahuluan

Bab terakhir ini membahaskan rangkuman kesimpulan hasil-hasil kajian yang telah dianalisis daripada hadith-hadith yang telah ditakhrij dan data-data daripada borang soal selidik berkaitan kefahaman dan pengamalan guru-guru pendidikan Islam berkaitan hadith-hadith fadilat di negeri Johor.

## 5.1 Hasil Kajian

**c. Kesimpulan hasil analisis hadith-hadith fadilat**

i. Dari sudut penulisan matan hadith, pengkaji mendapati kebanyakan hadith-hadith yang dinukilkan oleh pengarang-pengarang buku adalah dalam bentuk terjemahan matan. Selain itu, pengarang buku juga mengamalkan cara penulisan sebahagian matan hadith yang berkemungkinan bertujuan untuk mengelakkan daripada penulisan yang panjang. Pengkaji juga mendapati terdapat pengarang yang menulis matan hadith secara silap.

ii. Dari sudut sanad hadith, pengkaji mendapati kebanyakan sanad hadith adalah secara ringkas. Ada yang menyatakan perawi sahabat sahaja, ada yang menyatakan Rasulullah SAW sahaja dan ada juga pengarang yang langsung tidak menyatakan sanadnya dan terus menyatakan "*tersebut di dalam hadith*". Penulisan sanad yang ringkas oleh pengarang berkemungkinan bertujuan untuk mengelakkan daripada penulisan yang panjang juga. Tetapi, penulisan sebegini menyukarkan pembaca dan orang awam untuk mengenalpasti perawi hadith tersebut.

iii. Dari sudut jumlah hadith berdasarkan hukumnya, pengkaji dapat menyatakan beberapa pernyataan.



Universiti Malaya

1) Jumlah hadith yang diterima dan hadith yang ditolak adalah hampir sama iaitu 104 buah hadith yang diterima (49%) dan 92 buah hadith yang ditolak (43%). Hadith yang diterima adalah hadith yang berstatus *sahih*, *sahih lighayrihi*, *hasan* dan *hasan lighayrihi* manakala hadith yang ditolak pula adalah hadith-hadith yang berstatus *da'if, da'if jiddan* dan *mawdu'*. Hadith *mawquf* dan *hadith maqtu'* pula adalah tidak termasuk hadith yang ditolak kerana ianya bukan hadith yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW. Hadith *mawquf* dan *maqtu'* adalah sebanyak 10 buah hadith (4.7%). Terdapat juga hadith-hadith yang tidak ditemui iaitu sebanyak 6 buah hadith (2.8%).
2) Jumlah hadith *sahih* adalah sebanyak 86 buah hadith (41%), hadith mawdu' adalah sebanyak 22 buah hadith (10%), hadith *da'if* adalah sebanyak 36 buah hadith (17%), hadith *hasan* adalah sebanyak 6 buah hadith (3%), hadith *da'if jiddan* adalah sebanyak 10 buah hadith (5%), hadith *sahih lighayrihi* adalah sebanyak 11 buah hadith (5%), hadith *mawquf* adalah sebanyak 5 buah hadith (2%), hadith *maqtu'* adalah sebanyak 5 buah hadith (2%) dan hadith *hasan lighayrihi* pula adalah sebanyak 1 buah hadith (1%).

iv. Dari sudut autoriti buku berdasarkan kekuatan hujah melalui pengambilan hadith-hadith yang diterima yang paling dominan, pengkaji dapat menyatakan bahawa buku yang bertajuk Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia adalah lebih berautoriti berbanding empat buah buku yang lain. Pengarang buku ini menukilkan sebanyak 62 buah hadith yang diterima (72%) berbanding hanya 25 buah hadith (28%) sahaja yang ditolak. Manakala buku yang mengandungi jumlah hadith ditolak yang paling banyak peratusannya adalah buku yang bertajuk Rahsia Dan Khasiat

Bismillah iaitu 19 buah hadith yang ditolak (70%) berbanding 8 buah hadith sahaja yang diterima (30%).

**d. Kesimpulan hasil analisis kefahaman dan pengamalan guru-guru pendidikan Islam berkaitan hadith-hadith di negeri Johor.**

i. Analisis data adalah bersumberkan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Pengkaji hanya memfokuskan kepada populasi boleh capai iaitu guru-guru pendidikan Islam yang berada di dalam Daerah Pasir Gudang, Johor. Walaupun demikian, pengkaji berhasrat menyatakan generalisasi terhadap populasi sasaran asal pengkaji iaitu guru-guru pendidikan Islam di negeri Johor.

ii. Item-item soalan yang dikemukakan di dalam borang soal selidik terdiri daripada soalan-soalan yang diletakkan di bawah 4 bahagian utama iaitu Bahagian A berkenaan latar belakang responden yang mempunyai 6 item. Bahagian B adalah berkaitan kefahaman hadith-hadith fadilat yang mempunyai 7 item. Bahagian C adalah berkaitan tahap pengetahuan responden tentang hadith-hadith fadilat yang dinyatakan yang mempunyai 14 item. Bahagian D pula adalah berkaitan pengamalan responden tentang amalan-amalan yang dinyatakan samada berdasarkan hadith-hadith fadilat yang diketahui atau pun tidak yang mempunyai 20 item.

iii. Responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah dalam lingkungan 21 - 55 tahun sahaja yang terdiri daripada 87 lelaki dan 204 perempuan. 17 orang responden memiliki tahap pendidikan diploma, 237 orang responden memiliki ijazah sarjana muda manakala 37 orang responden pula sehingga tahap ijazah sarjana. Kesemuanya mempelajari bidang pendidikan Islam semasa peringkat ijazah sarjana muda.

Universiti Malaya

iv. Bilangan responden berdasarkan nama institusi pengajian tinggi adalah terdiri daripada 67 orang (23%) responden adalah lepasan dari Universiti Malaya, 54 orang (18.6%) adalah lepasan dari Universiti Kebangsaan Malaysia, 29 orang (10%) adalah lepasan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 27 orang (9.3%) adalah lepasan dari Universiti Sains Islam Malaysia, 4 orang (1.4%) adalah lepasan dari Universiti Putra Malaysia, 7 orang (2.4%) adalah lepasan dari Universiti Teknologi Malaysia, 12 orang (4.1%) adalah lepasan dari Universiti Negara Jordan, 32 orang (11.0%) adalah lepasan dari Institut Pendidikan Guru Malaysia, 7 orang (2.4%) adalah lepasan dari Universiti Sultan Zainal Abidin, 27 orang (9.3%) adalah lepasan dari Universiti al-Azhar Mesir, 7 orang (2.4%) adalah lepasan dari Institut Agama Islam Negeri, Indonesia, 3 orang (1.0%) adalah lepasan dari Universiti Islam Madinah, 4 orang (1.4%) adalah lepasan dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan 11 orang (3.8%) adalah lepasan dari Universiti Terbuka Malaysia.

v. Bilangan responden kajian berdasarkan peringkat pendidikan semasa ijazah pertama adalah terdiri daripada 50 orang (17.2%) responden adalah daripada bidang usuluddin, 87 orang (29.9%) responden adalah daripada bidang syariah, 38 orang (13.1%) responden adalah daripada bidang bahasa arab, 84 orang (28.9%) responden adalah daripada bidang pengajian Islam, 4 orang (1.4%) responden adalah daripada bidang dakwah dan pengurusan Islam, 8 orang (2.7%) responden adalah daripada bidang perbandingan agama, 4 orang (1.4%) responden adalah daripada bidang Quran Sunnah, 3 orang (1.0%) responden adalah daripada bidang pengajian ilmu wahyu dan warisan Islam dan 13 orang (4.5%) responden adalah daripada bidang sejarah dan tamadun Islam.

Universiti Malaya

vi. Bilangan responden kajian berdasarkan tempoh perkhidmatan di dalam bidang perguruan adalah terdiri daripada 15 orang (5.2%) responden yang telah berkhidmat antara 1-5 tahun, 83 orang (28.5%) responden yang telah berkhidmat antara 6-10 tahun, 87 orang (29.9%) responden yang telah berkhidmat antara 11-15 tahun, 69 orang (23.7%) responden yang telah berkhidmat antara 16-20 tahun, 34 orang (11.7%) responden yang telah berkhidmat antara 21-25 tahun 3 orang (1.0%) responden yang telah berkhidmat antara 26-30 tahun.

vii. Skor min dan sisihan piawai bagi tahap kefahaman guru-guru pendidikan Islam berkaitan hadith-hadith fadilat secara keseluruhannya adalah berada pada tahap sederhana tinggi, dengan mencatat skor min 3.89 dan sisihan piawai 0.982. Secara terperincinya, dapatan skor min dan sisihan piawai bagi kebanyakan item dalam bahagian ini adalah berada pada tahap sederhana tinggi, dan hanya dua item yang berada di tahap tinggi.

viii. Jumlah kekerapan dan peratus bagi tahap pengetahuan guru-guru pendidikan Islam berkaitan hadith-hadith fadilat yang dinyatakan secara keseluruhannya menunjukkan bahawa majoriti responden pernah mengetahui hadith-hadith fadilat yang dinyatakan iaitu dengan peratus keseluruhan 62.4% manakala peratus keseluruhan responden yang tidak pernah mengetahui pula ialah 37.6%.

ix. Skor min dan sisihan piawai bagi tahap pengamalan guru-guru pendidikan Islam berkaitan hadith-hadith fadilat yang dinyatakan yang berstatus da'if jiddan, la asl lah dan mawdu' secara keseluruhannya adalah berada pada tahap sederhana tinggi dengan mencatat skor min 3.34 dan sisihan piawai 1.021. Secara terperincinya, dapatan skor min dan sisihan piawai bagi

Universiti Malaya

kebanyakan item dalam bahagian ini berada di tahap sederhana tinggi, dan hanya tujuh item yang berada di tahap sederhana rendah.

x. Terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Kefahaman bagi kumpulan lelaki [Min=2.4943, SP=1.07696] dan perempuan[Min=2.8480, SP=0.98333]. Merujuk kepada jadual min (jadual 5.19), purata tahap kefahaman guru-guru perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan guru-guru lelaki.

xi. Terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Pengamalan bagi kumpulan lelaki [Min=1.7126, SP=0.66312] dan perempuan[Min=2.2941, SP=0.81353]. Merujuk kepada jadual min (jadual 5.20), purata tahap pengamalan guru-guru perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan guru-guru lelaki.

xii. Terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Kefahaman bagi kumpulan umur 21-25 tahun [Min=4.2468, SP=.35623], umur 26-30 tahun [Min=4.0089, SP=.45597], umur 31-35 tahun [Min=3.6718, SP=.71473], umur 36-40 tahun [Min=3.8759, SP=.66898], umur 41-45 tahun [Min=4.1032, SP=.63302], umur 46-50 tahun [Min=4.0190, SP=.32214] dan umur 51-55 tahun [Min=3.5000, SP=.23474]. Merujuk kepada jadual min (jadual 5.21), purata tahap kefahaman guru-guru berumur 21-25 tahun adalah paling tinggi berbanding guru-guru yang berumur selain 21-25 tahun.

xiii. Terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Pengamalan bagi kumpulan umur 21-25 tahun [Min=3.7136, SP=.28026], umur 26-30 tahun [Min=3.6417, SP=.58166], umur 31-35 tahun [Min=3.3661, SP=.67700], umur 36-40 tahun [Min=3.1039, SP=.82768], umur 41-45 tahun [Min=3.4361, SP=.59685],

Universiti Malaya

umur 46-50 tahun [Min=3.2117, SP=.51036] dan umur 51-55 tahun [Min=2.8750, SP=1.12283]. Merujuk kepada jadual min (jadual 5.22), purata tahap pengamalan guru-guru berumur 21-25 tahun adalah paling tinggi berbanding guru-guru yang berumur selain 21-25 tahun.

xiv. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Kefahaman bagi kumpulan tahap pendidikan diploma [Min=3.5714, SP=.66815], tahap pendidikan Ijazah sarjana Muda [Min=3.8921, SP=.63533] dan tahap pendidikan Ijazah Sarjana [Min=4.0077, SP=.49481], Merujuk kepada jadual min (jadual 5.23), purata tahap kefahaman guru-guru yang mendapat tahap pendidikan peringkat Ijazah Sarjana adalah paling tinggi berbanding guru-guru berada di tahap pendidikan diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

xv. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Pengamalan bagi kumpulan tahap pendidikan diploma [Min=3.4824, SP=1.01642], tahap pendidikan Ijazah sarjana Muda [Min=3.3371, SP=.70049] dan tahap pendidikan Ijazah Sarjana [Min=3.2838, SP=.57627], Merujuk kepada jadual min (jadual 5.24), purata tahap kefahaman guru-guru yang mendapat tahap pendidikan peringkat Ijazah Sarjana adalah paling tinggi berbanding guru-guru berada di tahap pendidikan diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

xvi. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Kefahaman bagi kumpulan usuluddin [Min=2.7000, SP=1.01519], syariah [Min=2.6322, SP=1.03559], Bahasa Arab [Min=3.0263, SP=1.17374], Pengajian Islam [Min=2.8214, SP=1.03156], Dakwah Dan Pengurusan Islam [Min=3.0000, SP=.00000], Perbandingan Agama [Min=2.0000, SP=1.06904], Quran Sunnah

Universiti Malaya

[Min=3.0000, SP=.00000], Pengajian Ilmu Wahyu Dan Warisan Islam [Min=3.0000, SP=.00000] dan Sejarah Dan Tamadun Islam [Min=2.5385, SP=.51887].

xvii. Terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik didalam nilai min bagi pembolehubah Tahap Pengamalan bagi kumpulan usuluddin [Min=1.9200, SP=.63374], syariah [Min=2.2529, SP=.96711], Bahasa Arab [Min=1.6842, SP=.66191], Pengajian Islam [Min=2.1786, SP=.67949], Dakwah Dan Pengurusan Islam [Min=4.0000, SP=.00000], Perbandingan Agama [Min=2.0000, SP=.00000], Quran Sunnah [Min=3.0000, SP=.00000], Pengajian Ilmu Wahyu Dan Warisan Islam [Min=2.0000, SP=.00000] dan Sejarah Dan Tamadun Islam [Min=2.1538, SP=.89872].

## 5.2 Perbincangan Hasil Kajian

Berikut adalah perbincangan berkaitan hasil kajian yang diperolehi menerusi analisis data yang telah dijalankan.

a. Tahap kefahaman dan pengamalan guru-guru pendidikan Islam di daerah Pasir Gudang, Johor berkaitan hadith-hadith fadilat adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Kesemua tujuh item yang dinyatakan di dalam borang soal selidik berkaitan kefahaman tentang hdis-hadith fadilat, skor minnya adalah melebihi 3.0 (sederhana tinggi) dan dua item daripadanya adalah melebihi 4.0 (tinggi). Dua item yang mempunyai skor min tinggi ialah item "Saya mengetahui status kualiti setiap hadith fadilat yang saya amalkan (B5)" dan item "Hadith-hadith fadilat yang palsu tidak boleh disandarkan kepada Rasulullah SAW (B6)". Ini bermaksud, mereka mempunyai kefahaman yang sangat baik berkaitan hadith-hadith fadilat dari sudut kefahaman terhadap pengamalan hadith-hadith dan larangan menisbahkan hadith palsu kepada Rasulullah SAW.

Universiti Malaya

b. Namun begitu, walaupun mereka mempunyai kefahaman yang agak baik secara keseluruhannya, pengamalan mereka terhadap hadith-hadith fadilat yang berstatus *da'if jiddan* (bersangatan lemah), *mawdu'* (palsu) dan *la asl lah* (tiada asal baginya) juga adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa ramai daripada kalangan guru-guru pendidikan Islam ini yang mengamalkan hadith-hadith fadilat yang berstatus sedemikian. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan hadith-hadith fadilat yang masyhur yang telah tersebar dalam kalangan masyarakat Islam di Johor khususnya telah pun menjadi pegangan dan sumber rujukan bagi amalan-amalan yang berkaitan. Sikap mengambil mudah[1930] dengan menerima semua hadith yang diketahui dan mengamalkannya tanpa meneliti dan mengambil pandangan ulama-ulama hadith terhadap statusnya adalah antara faktor kepada pengamalan hadith-hadith fadilat yang berstatus *da'if jiddan* (sangat lemah), *mawdu'* (palsu) dan *la asl lah* (tiada asal baginya).

c. Kajian ini juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dari sudut kefahaman dan pengamalan berkaitan hadith-hadith fadilat dalam kalangan guru-guru lelaki dan perempuan. Begitu juga terdapat perbezaan yang signifikan dari sudut kefahaman dan pengamalan akibat perbezaan umur. Manakala perbezaan tahap pendidikan guru-guru ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dari sudut kefahaman dan pengamalan. Perbezaan pengkhususan ijazah pertama pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari sudut kefahaman akan tetapi terdapat perbezaan yang signifikan dari sudut pengamalannya.

d. Ramai daripada kalangan guru-guru pendidikan Islam di daerah Pasir Gudang, Johor mengamalkan hadith-hadith fadilat yang statusnya adalah *da'if jiddan* (bersangatan lemah), *mawdu'* (palsu) dan *la asl lah* (tiada asal baginya). Jikalau guru-guru pendidikan Islam pun tidak mampu mengenalpasti status hadith-hadith

---

[1930] Faisal Ahmad Shah, "Penyebaran Hadith Palsu Dalam Mediamassa Dan Media Sosial:Realiti Dan Cabaran", *HADITH: Jurnal Ilmiah Berwasit Tahun keenam,*no 11 (2016)*,* 21.

Universiti Malaya

fadilat yang tersebar di kalangan mereka, apatah lagi masyarakat Islam yang bukan berlatarbelakangkan pendidikan agama Islam. Sudah pasti, mereka lebih terdedah mengamalkan sesuatu amalan yang bersumberkan hadith-hadith yang statusnya adalah *da'if jiddan* (bersangatan lemah), *mawdu'* (palsu) dan *la asl lah* (tiada asal baginya). Selain guru-guru pendidikan Islam, terdapat juga golongan ulama, ustaz selebriti, imam, ustaz media sosial dan seumpamanya yang makin berani mengajar dan menyampaikan ilmu kepada masyarakat dengan sewenang-wenang menggunakan hadith palsu mahupun hadith yang lemah dalam menyampaikan hujah dan ilmu mereka[1931]. Ini juga menunjukkan bahawa golongan ini juga terdedah dengan kelemahan di dalam bidang hadith sehinggakan mereka mengambil hadith palsu di dalam penyampaian ilmu mereka. Sedar atau tidak, hadith yang telah tersebar meluas itu hakikatnya adalah hadith rekaan atau palsu. Disebabkan ianya diungkapkan oleh individu bergelar ustaz atau ustazah sejak sekian lama, penipuan yang dibuat menggunakan nama Rasulullah SAW itu dilihat semakin sinonim dengan penerimaan masyarakat di negara ini[1932]. Faktor malas dalam mencari dan menuntut ilmu[1933] juga adalah penyebab kepada tersebarnya hadith palsu dan lemah sehinggakan hadith-hadith ini telah sebati dengan masyarakat Islam.

e. Adalah menjadi tanggungjawab ahli-ahli ilmu yang berkeahlian dan mempunyai kepakaran di dalam bidang hadith untuk menyebarkan kebenaran dalam kalangan masyarakat Islam agar amalan-amalan mereka adalah selari dengan kebenaran dan

Universiti Malaya

---

1931 Fathul Bari Mat Jahya, "Mudarat Penyebaran Hadith Palsu, Lemah", laman sesawang *Sinar Harian*, diakses pada 17 Jun 2018, http://www.sinarharian.com.my/rencana/mudarat-penyebaran-hadith-lemah-palsu-1.325096

1932 Mohd Shah Che Ahmad, "Hadith Palsu Punca Syirik", laman sesawang *Utusan,* diakses pada 17 Jun 2018, http://www.utusan.com.my/rencana/agama/hadith-palsu-punca-syirik-1.217538

1933 Fathul Bari Mat Jahya, "Mudarat Penyebaran Hadith Palsu, Lemah", laman sesawang *Sinar Harian*, diakses pada 17 Jun 2018, http://www.sinarharian.com.my/rencana/mudarat-penyebaran-hadith-lemah-palsu-1.325096

bersumberkan hadith-hadith yang dapat dipastikan sumber dan statusnya. Antara usaha-usaha yang boleh dilakukan ialah :

i. Menyebarkan kepada orang ramai berkaitan hadith-hadith yang sahih daripada Rasulullah SAW berserta terjemahannya kerana kebanyakan orang ramai buta hadith disebabkan buku-buku yang berkenaan kebanyakannya adalah di dalam bahasa Arab.

ii. Menyebarkan kepada orang ramai risalah-risalah mengenai hadith-hadith palsu dan bahayanya kepada iman dan Islam.

iii. Mengadakan majlis-majlis penerangan dan memuatkan di dalam teks khutbah-khutbah Jumaat yang khusus mengenai keburukan-keburukan hadith palsu dan lemah dari semasa ke semasa.

iv. Mengadakan kursus-kursus kepada guru-guru agama, imam-imam, pendakwah atau guru takmir mengenai selok-belok hadith dengan memberikan penekanan khusus kepada hadith-hadith lemah, palsu dan yang seumpama dengannya.

v. Memastikan kandungan teks khutbah Jumaat yang dibacakan pada setiap hari Jumaat oleh para khatib atau imam adalah bebas daripada hadith-hadith palsu dan tersangat lemah.

vi. Memastikan buku-buku atau kitab-kitab yang dijadikan rujukan dan sumber pembelajaran di sekolah-sekolah, pondok-pondok, masjid-masjid, surau-surau dan sebagainya adalah bersih daripada hadith-hadith palsu dan tersangat lemah.

vii. Mewujudkan enakmen undang-undang yang menghukum golongan yang menyebarkan hadith-hadith palsu samada penyampaian secara lisan ataupun bertulis.

Universiti Malaya

## 5.3 Cadangan Dan Saranan

Hasil daripada kesimpulan yang telah dibuat, pengkaji ingin memberikan beberapa cadangan seperti berikut :

a. Setiap penulis atau pun individu yang berminat dan mempunyai kecenderungan untuk menghasilkan hasil-hasil tulisan khususnya yang berkaitan dengan keagamaan, mereka perlulah mengetahui dam memahami dengan baik berkaitan sumber-sumber yang digunakan khususnya sumber hadith-hadith Rasulullah SAW. Jikalau mereka tidak dapat memahami dengan baik, seeloknya mereka mendalami dahulu dengan mencari ilmu-ilmu tersebut samada mempelajarinya melalui kelas-kelas formal atau bertanya dengan individu yang pakar di dalam bidang tersebut atau sebagainya.
b. Bagi penerbit hasil-hasil tulisan yang hendak diterbitkan seharusnya meletakkan syarat kepada penulis agar mereka menyatakan sumber hadith dan hukumnya sekiranya terdapat penggunaan hadith-hadith Rasulullah SAW. di dalam hasil-hasil tulisan tersebut. Syarat ini adalah penting agar golongan pembaca dapat mengetahui status setiap hadith dan sumbernya.
c. Golongan ilmuwan Islam yang berkeahlian dan pakar serta mengetahui dengan mendalam berkaitan ilmu-ilmu hadith perlulah menyumbang keilmuan mereka kepada masyarakat dengan menghasilkan karya-karya penulisan di dalam bidang hadith serta berusaha menyampaikan ilmu-ilmu tersebut melalui medium ceramah dan sebagainya agar masyarakat akan lebih faham berkaitan hadith-hadith Rasulullah SAW terutamanya hadith-hadith berkaitan amalan-amalan tertentu atau kelebihan-kelebihan tertentu yang masyhur di kalangan masyarakat. Kebanyakan hadith-hadith yang masyhur di kalangan masyarakat Islam ini adalah diragui statusnya yang memerlukan penjelasan dan huraian agar

Universiti Malaya

mereka dapat memahami seterusnya mengamalkan hanya hadith-hadith yang diketahui status hukumnya.

d. Pihak JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) dan semua badan yang berkepentingan di dalam menjaga kelangsungan agama Islam di Malaysia perlulah mewujudkan satu badan pemantau yang bertanggungjawab untuk memastikan setiap hadith Rasulullah SAW. yang dikeluarkan oleh sesiapa sahaja samada melalui tulisan atau pun ucapan diteliti dan melalui proses penyaringan yang khas. Ini adalah bagi memastikan hadith-hadith Rasulullah SAW tidak digunakan secara sesuka hati tanpa mengetahui status hukumnya agar hadith-hadith yang statusnya da'if jiddan atau pun mawdu' tidak disebarkan kepada masyarakat secara meluas.

e. Golongan guru-guru pendidikan Islam sekolah rendah perlulah mempunyai kesedaran untuk menambahkan nilai-nilai keilmuan di dalam diri mereka dengan mempelajari ilmu-ilmu Islam secara berterusan khususnya berkaitan hadith. Ilmu-ilmu tersebut boleh diperolehi samada mendatangi kuliah-kuliah ilmu, membaca hasil-hasil tulisan ilmiah dan sebagainya. Tidaklah cukup hanya dengan ilmu sedia ada kerana cabaran seorang pendidik seumpama guru-guru pendidikan Islam ini semakin mencabar.

f. Kajian-kajian takhrij hadith perlulah dilakukan dengan sebanyak mungkin oleh mereka yang pakar dan berkeahlian untuk melakukannya. Ini kerana, kedapatan banyak buku-buku atau pun kitab-kitab agama yang digunakan oleh masyarakat Islam adalah buku-buku yang mana sumber dan status hukum hadith-hadith Rasulullah SAW yang tertulis di dalam buku-buku tersebut tidak dinyatakan dengan jelas. Moga-moga dengan kajian-kajian takhrij tersebut, masyarakat Islam akan dapat mengetahui status hukum sesuatu hadith dan mereka hanya akan mengamalkan hadith-hadith yang dibenarkan sahaja seperti hadith sahih,

Universiti Malaya

hasan dan da'if (tertakluk kepada syarat-syarat tertentu). Mereka juga akan menolak hadith-hadith yang berstatus da'if jiddan dan mawdu'. Mudah-mudahan dengan usaha sedemikian akan membantu melahirkan generasi umat Islam yang celik hadith dan menyuburkan hadith-hadith yang sahih dan hasan serta memadamkan hadith-hadith mawdu' daripada amalan masyarakat Islam.

Universiti Malaya

**BIBLI0GRAFI**


**RUJUKAN AL-QUR'AN**

Mohamah Nor Bin Mansor dan Dato' Syeikh, *Al-Quran Tajwid dan Terjemahannya Beserta Asbabun Nuzul, Hadith sahih Dan Indeks Tematik*, Selangor : Humaira Bookstore Enterprise, t.t.

Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam al-Mufahras Li Alfāẓ al-Qur'ān al-Karīm*, Bayrūt : Dār al-Ma'rifah, 2002.

**RUJUKAN KAMUS**

Aliy al-Qāsimī *et.al.*, *Al-Mu'jam al-'Arabiy al-Asāsiy li al-Nāṭiqīn bi al-'Arabiyyah Wa Muta'allimīh,*. t.t.p : al-Munaẓẓamah al-Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1999.

Ibn Manẓūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad Bin Makram, *Lisān al-Arab*, Bayrūt : Dār Ṣadr, t.t.

Ibrāhīm Anīs, *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, t.t.p, t.p, t.t.

Ibrāhīm Muṣṭafā, Aḥmad Ḥasan al-Ziyāt dan Ḥāmid 'Abd al-Qadīr dan Muḥammad Alīy al-Najjār, *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*, Turki : Cagri Yayinlari, t.t.

**RUJUKAN BAHASA MELAYU**

Abdul Shukur, *Rahsia & Khasiat Bismillah*, Selangor : Jasmin Enterprise, 2009

Abu Nur Muizuddin, *Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu : Fadhilat Dan Rahsia*. Selangor : Jasmin Enterprise, 2009.

Abu Ubaidah Yusuf Bin Mukhtar Bin Munthothir As Sidawi, *Koreksi Hadits-Hadits Dha'if Populer*, Bogor : Media Tarbiyah, 2010.

Chua Yan Piaw, *Kaedah Pengkajian*, ed. ke-3, Selangor, Malaysia : McGraw-Hill Education, 2014.

Drs Utang Ranuwijaya, *'Ilmu Hadith*, Jakarta : Penerbit Gaya Media Pratama, 1996.

Fadzli Nuruddin Mohammad, *13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan*, Selangor : Pustaka Ilmuwan, 2010.

Faisal Ahmad Shah, *Pengajian Hadith Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010.


Universiti Malaya

Faisal Ahmad Shah, *Takhrij Hadith : Teknik Tepat Pencarian Hadith Dan Penentuan Hukum*, Kuala Lumpur : Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2016.

Faisal Ahmad Shah, *Takhrij Hadith Di Nusantara*, Kuala Lumpur : Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011.

Fauzi Deraman, *Pengajian Hadith Di Nusantara*, Kuala Lumpur : Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011.

Haris Abd Wahab & Siti Hajar Abu Bakar Ah, ed., *Kaedah Pengkajian Kerja Sosial Pengalaman Di Lapangan,* Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2016.

Ismail Kamus, *Rahsia Al-Fatihah*, Kuala Lumpur : Darul Nu'man, 2009.

Mahmud Saedon A. Othman, *Al-Sunnah Kedudukan dan Peranannya di Dalam Syari'at Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

Mohd Awang Idris, Haslina Muhammad & R Zirwatul Aida R Ibrahim, *Metodologi Pengkajian Sains Sosial*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2018.

Mokhtar Ismail, *Kaedah Pengkajian Kuantitatif Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2011.

Muhammad Mustafa Azami, *Kajian Metodologi Dan Penulisan Hadith,* terj. Engku Ibrahim Engku Ismail, Selangor : Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989.

O.K. Rahmat, *Sumber Dan Prinsip Hukum Islām,* Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 1988.

Said Bin Che Ros, *Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW*, Selangor : Pustaka Haji Abdul Majid, 2009.

**RUJUKAN BAHASA ARAB**

'Abd Bin Ḥumayd, *al-Muntakhab Min Musnad 'Abd Bin Ḥumayd*, tahqiq Muṣṭafā Bin al-'Adwiy, Bayrūt : Dār al-Balansiyah, 2002.

Abī al-Sa'ūd, al-Imām Muḥammad Bin Muḥammad al-'Āmadiy, *Tafsīr Abī al-Sa'ūd al-Musammā Irsyād al-'Aql al-Salīm Ilā Mazāyā al-Qur'ān al-Karīm*, Bayrūt : Dār Iḥyā al-Turāth al-'Arabiy, t.t.

Abī al-Syaykh al-Aṣbahānī, Abī Muḥammad 'AbduLlāh Bin Muḥammad Bin Ja'far Bin Ḥayyān, *Kitāb al-'Azmah*, tahqiq Riḍā' Allāh Bin Muḥammad Idrīs al-Mubārakfūrī, Riyāḍ : Dār al-'Āṣimah, t.t.

Universiti Malaya

Abū al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-'Aẓīm Ābādī, *'Awn al-Ma'būd Syarḥ Sunan Abī Dāwūd*, tahqiq 'Abd al-Raḥmān Muḥammad 'Uthmān, Madīnah : Maktabah al-Salafiyyah, 1969.

Abū Dāwūd, Sulaymān al-Asy'ath al-Sajastānī, *Sunan Abī Dāwūd*, tahqiq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1424H.

Abū 'Ubayd al-Qāsim Bin Salām, *Faḍā'il al-Qur'ān Wa Ma'alimuh Wa Ādābuh*, tahqiq Aḥmad Bin 'Abd al-Wāḥid al-Khayyāṭī, t.t.p : t.p, t.t.

Abū Yu'lā, al-Qāḍī Abī al-Ḥusayn Muḥammad Bin Abī Yu'lā, *Ṭabaqāt al-Ḥanābilah*, tahqiq Dr. 'Abd al-Raḥmān Bin Sulaymān al-'Uthaymin, Sa'ūdī : al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah, 1999.

Aḥmad Bin 'Alī al-Muthnī al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*, tahqiq Ḥusayn Sālim Asad, Bayrūt : Dār al-Ma'mūn, 1986.

Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ḥanbal, *al-Musnad*, tahqiq Ḥamzah Aḥmad al-Zayn, Qāhirah : Dār al-Ḥadīth, 1995.

Al-'Ajlūnī, al-Mufassir al-Muḥaddith Ismā'īl Bin Muḥammad, *Kasyf al-Khafā' Wa Muzīl al-Ilbās 'Ammā Isytahar Min al-Aḥādīth 'Alā Alsinah al-Nās*, tahqiq al-Syaykh Yūsuf Bin Maḥmūd al-Ḥāj Aḥmad, t.t.p : Maktabah al-'Ilm al-Ḥadīth, t.t.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah Wa Syay' Min Fiqhihā Wa Fawā'idihā,* Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1995.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah Wa Ātharuhā al-Sayyi' Fī al-Ummah,* Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1996.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Nasā'ī,* Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1998.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī,* Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 2000.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Irwā' al-Ghalīl Fī Takhrīj Aḥādīth Manār al-Sabīl*, Bayrūt : al-Maktab al-Islāmiy, 1979.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuhu*, ayrūt : al-Maktab al-Islamiy, 1988.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī*,* *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1997.

Universiti Malaya

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ḍa'īf Sunan Ibn Mājah*, Riyad : Maktabah al-Ma'arif, 1997.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan Abī Dāwūd*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1998.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī*, Ḍa'īf al-Targhīb Wa al-Tarhīb*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 2000.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī*, Ṣaḥīḥ al-Targhīb Wa al-Tarhīb*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 2000.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ḍa'īf Sunan al-Tirmidhī*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 2000.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 2000.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Saghīr Wa Ziyādatuhu*, Bayrūt : al-Maktab al-Islamiy, t.t.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 2000.

Al-Ālūsī, al-'Allāmah Abī al-Faḍl Syihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Ālūsī al-Baghdādiy, *Ruḥ al-Ma'ānī Fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm Wa al-Sab' al-Mathānī*, Bayrūt : Dār Iḥyā al-Turath al-'Arabiy, t.t.

Al-Aṣfahānī, al-Ḥāfiẓ Abū Nu'aym Aḥmad Bin 'AbduLlāh, *Ḥilyah al-Awliyā' Wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā',* Bayrūt : Dār al-Fikr, 1996.

Al-Baghāwī, al-Imām Muḥy al-Sunnah Abī Muḥammad al-Ḥusayn Bin Mas'ūd, *Tafsīr al-Baghāwī : Ma'ālim al-Tanzīl*, tahqiq Muḥammad 'AbduLlāh al-Namīr, 'Uthmān Jumu'ah Khamiriyyah dan Sulaymān Muslim al-Harsy, Riyāḍ : Dār Ṭayyibah, 1412H.

Al-Baqā'ī, Burhān al-Dīn Abī al-Ḥasan Ibrāhīm Bin 'Umar, *Maṣā'id al-Naẓar Lil'isyrāf 'Alā Maqāṣid al-Suwar*, tahqiq Dr. 'Abd al-Samī' Muḥammad Aḥmad Hasanayn, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1987.

Al-Bayḍāwī, Nāṣir al-Dīn Abī al-Khayr 'AbduLlāh Bin 'Umar Bin Muḥammad al-Syīrāzī al-Syāfi'ī, *Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta'wīl al-Ma'rūf Bi al-Tafsīr al-Bayḍāwī*, Bayrūt : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiy, t.t.

Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad Bin al-Ḥusayn, *al-Jāmi' Li Syu'ab al-Īmān*, tahqiq Dr. 'Abd al-'Aliy 'Abd al-Ḥamīd, Riyāḍ : Maktabah al-Rusyd, 2003.

Universiti Malaya

Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad Bin al-Ḥusayn Bin 'Alī, *al-Sunan al-Kubrā*, tahqiq Muḥammad 'Abd al-Qadīr 'Aṭā, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.

Al-Bazzār, al-Ḥāfiẓ al-Imām Abī Bakr Aḥmad Bin 'Amrū Bin 'Abd al-Khāliq al-'Atkiy, *Al-Baḥr al-Zakhkhār al-Ma'rūf Bi al-Musnad al-Bazzār*, tahqiq Dr. Maḥfūẓ al-Raḥmān Zayn Allāh, Madīnah : Maktabah al-'Ulūm Wa al-Ḥikam, 1994.

Al-Bukhārī, Abī 'AbdiLāh Muḥammad bin Ismā'īl, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,* Qāhirah : al-Maktabah al-Salafiyyah, 1400H.

Al-Dārimī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Abū Muḥammad 'AbduLlāh Bin 'Abd al-Raḥmān Bin al-Faḍl Bahram, *Musnad al-Dārimī*, tahqiq Ḥusayn Sālim Asad al-Dāranī, Riyāḍ : Dār al-Mughniy, 2000.

Al-Dāruquṭnī, al-Ḥāfiẓ al-Kabīr 'Alī Bin 'Umar, *Sunan al-Dāruquṭnī*, tahqiq Syu'ayb al-Arnā'ūṭ, Bayrūt ; Muassasah al-Risālah, 2004.

Al-Daylamī, al-Ḥāfiẓ Syīrawayh Bin Syahradar Syīrawayh al-Daylamī, *Kitāb Firdaus al-Akhbār*, tahqiq Fawwāz Aḥmad al-Zamirlī dan Muḥammad al-Mu'taṣim Billah al-Baghdādiy, Bayrūt : Dār al-Kitāb al-'Arabiy, 1987.

Al-Dhahabī, Abū 'Abdillāh Syams al-Dīn Muḥammad al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, tahqiq Syu'ayb al-Arnā'ūṭ, Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 1982.

Al-Dhahabī, Abū 'AbdiLlāh Syams al-Dīn Muḥammad al-Dhahabī, *Mīzān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl,* tahqiq al-Syaykh 'Aliy Muḥammad Mu'awwad, al-Syaykh 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd dan al-Ustādh al-Duqtūr 'Abd al-Fattāḥ Abū Sunnah, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995.

Al-Dhahabī, Abū 'AbdiLlāh Syams al-Dīn Muḥammad al-Dhahabī, *Kitāb al-Kabā'ir,* Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001.

Al-Dhahabī, Abū 'AbdiLlāh Syams al-Dīn Muḥammad al-Dhahabī, *Tadhkirah al-Ḥuffāẓ*, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

Al-Fārisī, Muḥammad bin Muḥammad bin 'Aliy al-Fārisī, *Jawāhir al-'Uṣūl Fī 'Ilm Ḥadīth al-Rasūl*, tahqiq Abū al-Ma'ālī al-Qāḍī Athar al-Mubārakfūrī, India : Al-Dār al-Salafiyyah, t.t.

Al-Ghazālī, al-Imām Abū Ḥāmid Muḥammad Bin Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn Wa Ma'ahu al-Mughnī 'An Ḥaml al-Asfār Fī al-Asfār Fī Takhrīj Mā Fī al-Iḥyā' Min al-Akhbār*, Bayrūt : Dār Ibn Ḥazm, 2005.

Al-Ḥākim al-Naysābūrī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī 'AbdiLlāh al-Ḥākim al-Naysābūrī, *al - Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥīḥayn,* Qāhirah : Dār al-Ḥaramayn, 1987.



Universiti Malaya

Al-Haythamī, al-Ḥāfiẓ Nūr al-Dīn 'Aliy Bin Abī Bakr, *Mawārid al-Ẓam'ān Ilā Zawā'id Ibn Ḥibbān*, tahqiq Ḥusayn Sālim Asad al-Dāranī dan 'Abduh 'Aliy al-Kawsyik, Bayrūt : Dār al-Thaqāfah al-'Arabiyyah, 1990.

Al-Haythamī, al-Ḥāfiẓ Nūr al-Dīn 'Aliy Bin Abī Bakr, *Bughyah al-Rā'id Fī Taḥqīq Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, tahqiq 'AbduLlāh Muḥammad al-Darwisyh, Bayrūt : Dār al-Fikr, 1994.

Al-Haythamī, al-Ḥāfiẓ Nūr al-Dīn 'Aliy Bin Abī Bakr, *Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, tahqiq Hisām al-Dīn al-Qudsiy, Bayrūt : Dār al-Kitāb al-'Arabiy, t.t.

Al-Hindī, al-'Allāmah 'Alā' al-Dīn 'Alī al-Muttaqī Bin Hisām al-Dīn al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af'āl*, Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 1985.

'Alī Bin Balbān al-Fārisī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*, tahqiq Syu'ayb al-Arnā'ūṭ, Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 1993.

'Alī Ḥasan 'Alī al-Ḥalabī, *Mawsū'ah al-Aḥādīth Wa al-Āthār al-Ḍa'īfah Wa al-Mawḍū'ah*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1999.

Al-'Irāqī, al-Ḥāfiẓ Abī al-Faḍl Zayn al-Dīn 'Abd al-Raḥīm Bin al-Ḥusayn al-'Irāqī, al-*Mughnī 'An Ḥaml al-Asfār Fī al-Asfār Fī Takhrīj Mā Fī al-Iḥyā' Min al-Akhbār*, Riyāḍ : Maktabah Ṭabariyyah, 1995.

Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *al-Jāmi' Li Akhlāq al-Rāwī Wa Adab al-Sāmi'*, tahqiq Dr. Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1983.

Al-Khaṭīb al-Baghdādī, al-Ḥāfiẓ Abū Bakr Aḥmad Bin 'Alī Bin Thābit, *Tārīkh Madīnah al-Salām*, tahqiq Dr. Basysyār 'Awwād Ma'rūf, Bayrūt : Dār al-Gharb al-Islāmiy, 2001.

Al-Khillāl, al-Ḥāfiẓ Abī Muḥammad al-Ḥasan Bin Muḥammad, *Min Faḍā'il Sūrah al-Ikhlāṣ Wamā Liqāri'ihā*, tahqiq Muḥammad Bin Rizq Bin Ṭarhūnī, Damanhūr : Maktabah Līnah, 1412H.

Al-Khillāl, al-Ḥasan Bin Muḥammad, *al-Majālis al-'Asyarah : al-Amālī*, tahqiq Majdī al-Fatḥī al-Sayyid, t.t.p : Dār al-Ṣaḥābah Li al-Turāth Bi Ṭanṭā, 1990.

Al-Khūbawī, 'Uthmān Bin Ḥasan Bin Aḥmad al-Syākir, *Durrah al-Nāṣiḥīn Fī al-Wa'ẓ Wa al-Irsyād*, t.t.p : Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

Al-Kinānī, Abū al-Ḥasan 'Alī Bin Muḥammad Bin 'Irāq, *Tanzīh al-Syarī'ah al-Marfū'ah 'An al-Aḥādīth al-Syanī'ah al-Mawḍū'ah*, tahqiq 'Abd al-Wahhāb 'Abd al-Laṭīf dan 'AbduLlāh Muḥammad al-Ṣiddīq, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1981.

Universiti Malaya

Al-Majlisī, al-Syaykh Muḥammad Bāqir, *Biḥar al-Anwār al-Jāmi'ah Li Durar Akhbār al-A'immah al-Athar*, t.t.p : Muassasah Iḥyā' al-Kutub al-Islamiyah, t.t.

Al-Maqdisī, al-'Allāmah al-Ḥāfiẓ Abū al-Faḍl Muḥammad Bin Ṭāhir Ibn Aḥmad, *Kitāb Tadhkirah al-Mawḍū'at*, tahqiq Muḥammad Amīn al-Khanjiy al-Kutubiy, Miṣr : Maṭba'ah al-Sa'ādah, 1323H.

Al-Marwazī, al-Imām Muḥammad Bin Naṣr, *Kitāb Ta'ẓīm Qadr al-Ṣalah,* tahqiq Dr. 'Abd al-Raḥmān Bin 'Abd al-Jabbār, t.t.p : t.p, 1406H.

Al-Mizzī, al-Ḥāfiẓ al-Mutqin Jamāl al-Dīn Abī al-Hujjāj Yūsuf, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, tahqiq Basysyār 'Awwād Ma'rūf, Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 1983.

Al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abī al-Hujjāj Yūsuf, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, tahqiq Dr. Basysyār 'Awwād Ma'rūf, Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 1992.

Al-Munāwī, 'Abd al-Ra'ūf al-Munāwī, *Fayḍ al-Qadīr Syarḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, Bayrūt : Dar al-Ma'rifah, 1972.

Al-Munāwī, Zayn al-Dīn Bin 'Abd al-Ra'ūf, *al-Fatḥ al-Samāwī Bi Takhrīj Aḥādīth Tafsīr al-Qāḍī al-Bayḍāwī*, tahqiq Aḥmad Mujtabā Nadhīr Bin 'Ālim al-Salafī, Riyāḍ : Dār al-'Āṣimah, 1409H.

Al-Mundhirī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Zakiy al-Dīn 'Abd al-'Aẓīm Bin 'Abd al-Qawiy, *al-Targhīb Wa al-Tarhīb Fī al-Ḥadīth al-Syarīf*, tahqiq Muṣṭafā Muḥammad 'Ammārah, Bayrūt : Dār Iḥyā al-Turath al-'Arabiy, 1968.

Al-Nasā'ī, Abī 'Abd al-Raḥmān Aḥmad Bin Syu'ayb Bin 'Alī, *al-Sunan al-Kubrā*, tahqiq Ḥasan 'Abd al-Mun'im al-Syālibī, Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 2001.

Al-Nasā'ī, Abī 'Abd al-Raḥmān Aḥmad Bin Syu'ayb Bin 'Alī, *Sunan al-Nasā'ī*, tahqiq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, t.t.

Al-Nawāwī, al-Imām Abī Zakariyā Muḥy al-Dīn Bin Syaraf, *al-Majmū' Syarḥ al-Muhazzāb Li al-Syīrāzī*, tahqiq Muḥammad Najīb al-Muṭ'ī, Jaddah : Maktabah al-Irsyād, t.t.

Al-Nawāwī, al-Imām Abī Zakariyā Yaḥyā Bin Syaraf al-Nawāwī al-Dimasyq, *Kitāb al-Adhkār Wa Bi Dhaylihi Tuḥfah al-Abrār Bi Nukat al-Adhkār*, tahqiq Basyīr Muḥammad 'Uyūn, Bayrūt : Maktabah Dār al-Bayān, 1993.

Al-Naysābūrī, al-'Allāmah Niẓām al-Dīn al-Ḥasan Bin Muḥammad Bin Ḥusayn, *Tafsīr Gharā'ib al-Qur'ān Wa Raghā'ib al-Furqān*, tahqiq al-Syaykh Zakariyā 'Umayrāt, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996.

Universiti Malaya

Al-Qāsim Bin Salām, *Faḍā'il al-Qur'ān Wa Ma'alimih Wa Adabih*, tahqiq Aḥmad Bin 'Abd al-Wāḥid al-Khayyāṭī, t.t.p : t.p, 1995.

Al-Qāsimī, Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *Qawā'id al-Taḥdīth Min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth,* Bayrūt : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1979.

Al-Qurṭubī, Abī 'AbdiLlah Muḥammad Bin Aḥmad Bin Abū Bakr, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, tahqiq Dr. 'AbduLlāh Bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī, Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 2006.

Al-Rāzī, Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn Ibn al-'Allāmah Ḍiyā' al-Dīn 'Umar, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, Bayrūt : Dar al-Fikr, 1981.

Al-Ṣaghānī, Abū al-Faḍā'il al-Ḥasan Bin Muḥammad Bin al-Ḥasan al-Qurasyī, *Mawḍū'at al-Ṣaghānī*, tahqiq Najm 'Abd al-Raḥmān Khalaf, t.t.p : t.p, 1980.

Al-Sakhāwī, al-'Allāmah Muḥammad 'Abd al-Raḥmān, *al-Maqāṣid al-Ḥasanah Fī Bayān Kathīr Min al-Aḥādīth al-Musytaharah 'Alā al-Alsinah*, tahqiq Muḥammad 'Uthmān al-Khusyat, Bayrūt : Dar al-Kitab al-'Arabiy, 1985.

Al-Samarqandī, Abū al-Layth Naṣr Bin Muḥammad al-Ḥanafī, *Tanbīh al-Ghāfilīn*, tahqiq al-Sayyid al-'Arabiy, Mansurah : Maktabah al-'Iman, 1994.

Al-Ṣan'āniy, al-Ḥāfiẓ al-Kabīr Abī Bakr 'Abd al-Razzāq Bin Hammām, *al-Muṣannaf,* tahqiq al-Syaykh al-Muḥaddith Ḥabīb al-Raḥmān al-A'ẓamiy, t.t.p : t.p, t.t.

Al-Sayyid Muḥammad Haqqī al-Nāzilī, *Khazīnah al-Asrār*, Bayrūt : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993.

Al-Suyūṭī, al-Imām Jalāl al-Dīn, *Jam' al-Jawāmi' al-Ma'rūf Bi al-Jāmi' al-Kabīr*, Miṣr : Dār al-Sa'ādah, 2005.

Al-Suyūtī, al-Imām Jalal al-Dīn Abū al-Fadl 'Abd al-Raḥmān al-Suyūtī, *Tadrīb al-Rāwī Fī Syarḥ Taqrīb al-Nawāwī*, tahqiq 'Urfān al-'Asysya Ḥassūnah, Bayrūt : Dar al-Fikr, 2000.

Al-Suyūtī, al-Imām Jalal al-Dīn al-Suyūṭī, *al-Itqān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, tahqiq Syu'ayb al-Arnā'ūṭ, Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 2008.

Al-Suyūtī, al-Imām Jalal al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *Tuḥfah al-Abrār Bi Nukat al-Adhkār,* tahqiq Muḥy al-Dīn Mastu, Madīnah : Maktabah Dar al-Turath, 1987.

Al-Suyūtī, al-Imām Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *Jāmi' al-Aḥādīth al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Zawā'iduhu Wa al-Jāmi' al-Kabīr*, Bayrūt : Maktabah al-Fikr, 1994.

Universiti Malaya

Al-Suyūtī, al-Imām Jalal al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *Tadrīb al-Rāwī Fī Syarḥ Taqrīb al-Nawāwī*, tahqiq Abū 'Abd al-Raḥmān Ṣalāh Bin Muḥammad Bin 'Uwayḍah, Bayrūt : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996.

Al-Suyūtī, al-Imām Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *al-Durr al-Manthūr Fī al-Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, tahqiq Dr. 'AbduLlāh Bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī, Qāhirah : Markaz Hijr Li al-Buḥūth Wa al-Dirāsāt al-'Arabiyyah Wa al-Islāmiyah, 2003.

Al-Suyūtī, al-Imām Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *al-Ziyādāt 'Alā al-Mawḍū'at Wa Yusammā Dhayl al-La'ālī' al-Maṣnū'ah*, tahqiq Rāmiz Khālid Ḥāj Ḥasan, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 2010.

Al-Suyūtī, al-Imām Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *al-Durar al-Muntathirah Fī al-Aḥādīth al-Musytaharah*, tahqiq Dr. Muḥammad Luṭfī al-Sibagh, Sa'ūdī : al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah, t.t.

Al-Suyūtī, al-Imām Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Raḥmān, *Al-La'ālī' al-Maṣnū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah,* Bayrūt : Dar al-Ma'rifah, t.t.

Al-Syarbīnī, Muḥammad Bin Aḥmad al-Khaṭīb al-Syarbīnī, *al-Sirāj al-Munīr Fī al-I'ānah 'Alā Ma'rifah Ba'ḍ Kalām Rabbinā al-Ḥakīm al-Khabīr*, t.t.p : t.p, t.t.

Al-Syawkānī, Muḥammad Bin 'Alī Bin Muḥammad, *Fatḥ al-Qadīr*, tahqiq Dr 'Abd al-Raḥmān 'Umayrah, t.t.p : t.p, t.t.

Al-Syawkānī, Syaykh al-Islām al-Imām Muḥammad Bin 'Alī, *al-Fawā'id al-Majmū'ah Fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, tahqiq 'Abd al-Raḥmān Bin Yaḥyā al-Mu'allimi al-Yamānī, Bayrūt : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995.

Al-Ṭabarī, al-Imām Abī Ja'far Muḥammad Bin Jarīr, *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āyi al-Qur'ān al-Ma'rūf Bi al-Tafsīr al-Ṭabarī*, tahqiq Maḥmūd Syākir, Bayrūt : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiy, 2001.

Al-Ṭabrānī, Abū al-Qāsim Sulaymān Bin Aḥmad, *al-Mu'jam al-Ṣaghīr*, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983.

Al-Ṭabrānī, Abū al-Qāsim Sulaymān Bin Aḥmad, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, tahqiq Abū Mu'ādh Ṭāriq 'Iwād Allāh dan Abū al-Faḍl 'Abd al-Muḥsin Bin Ibrāhīm, Miṣr : Dār al-Ḥaramayn, 1995.

Al-Ṭabrānī, Abū al-Qāsim Sulaymān Bin Aḥmad, *al-Mu'jam al-Kabīr*, tahqiq Ḥamdi Bin 'Abd al-Ḥamīd al-Salafī, Qāhirah : Maktabah Ibn Taymiyyah, 1995.

Al-Tahawi, Abī Ja'far Aḥmad Bin Muḥammad Bin Salamah al-Tahawi, *Syarh Musykil al-Athar*, tahqiq Syu'ayb al-Arna'ut, Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 1994.

Universiti Malaya

Al-Ṭaḥāwī, al-Imām Abī Ja'far Aḥmad Bin Muḥammad Bin Salamah Bin 'Abd al-Mālik Ibn Salamah al-Azdī, *Syarḥ Ma'ānī al-Āthār*, tahqiq Muḥammad Zahri al-Najjār dan Muḥammad Sayyid Jād al-Ḥaq, Bayrūt : 'Ālam al-Kutub, 1994.

Al-Ṭarbulūsī, Muḥammad Bin Khalīl al-Qāwuqjī, *al-Lu'lū' al-Marṣū' Fīmā Lā Aṣla lahu Aw Bi Aṣlih Mawḍū'*, tahqiq Fawwāz Aḥmad al-Zamirlī, Bayrūt : Dar al-Basyā'ir al-Islāmiyyah, 1994.

Al-Ṭayālusī, Sulaymān Bin Dāwūd Bin al-Jārūd, *Musnad Abī Dāwūd al-Ṭayālusī*, Dr. Muḥammad Bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkiy, t.t.p : Dār Hijr, 1999.

Al-Tha'labiy, al-Imām al-'Ālim Abī Isḥāq Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ibrāhīm, *al-Kasyf Wa al-Bayān Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Ma'rūf Bi Tafsīr al-Tha'labiy*, al-Syaykh Sayyid Kasrāwī Ḥasan, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

Al-Tibrīzī, Muḥammad Bin 'AbduLlāh al-Khaṭīb, *Misykāt al-Maṣābīh*, tahqiq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Bayrūt : al-Maktab al-Islamiy, 1979.

Al-Tirmidhī, al-Ḥāfiẓ Muḥammad Bin 'Īsā Bin Sawrah, *Sunan al-Tirmidhī,* tahqiq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, t.t.

Al-'Uqaylī, Abī Ja'far Muḥammad Bin 'Amrū Bin Mūsā Bin Ḥammād, *Kitāb al-Ḍu'afā'*, tahqiq Dr. Māzin Bin Muḥammad al-Sarsāwiy, t.t.p. : Maktabah Dār Ibn 'Abbās, t.t.

Al-Wāḥidī, Abū al-Ḥasan 'Alī Bin Aḥmad al-Wāḥidī al-Naysābūrī, *al-Wasīṭ Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Majīd*, tahqiq al-Syaykh 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd, al-Syaykh 'Alī Muḥammad Mu'awwad, Dr. Aḥmad Muḥammad Sayrah, Dr. Aḥmad 'Abd al-Ghaniy al-Jamāl dan Dr. 'Abd al-Raḥmān 'Uways, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994.

Al-Zarkasyī, al-Imām Badr al-Dīn Muḥammad Bin 'AduLlāh, *al-Burhān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, tahqiq Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm, Qāhirah : Maktabah Dār al-Turāth, t.t.

Bakr Bin 'AbduLlāh Abū Zayd, *al-Taḥdīth Bimā Qīla Lā Yaṣihh Fīh al-Ḥadīth*, Riyāḍ : Dār al-Hijrah, 1991.

Burhān al-Dīn al-Halabiy, *al-Kasyf al-Ḥathīth 'An Man Rumiya Bi Waḍ' al-Ḥadīth*, tahqiq Ṣubḥī al-Samirrā'ī, Bayrūt : Maktabah al-Nahḍah al-'Arabiyyah, 1987.

Hammām ‘Abd al-Raḥīm Sa’īd, *Al-Tamhīd Fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Jordan: Dār al-Furqān, 2000.

Universiti Malaya

Ibn Abī al-'Izz, al-'Ālim al-Qāḍī 'Alī Bin 'Alī Bin Muḥammad Bin Abī al-'Izz al-Dimasyq, *Syarḥ al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah*, tahqiq Dr. 'AbduLlāh Bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkiy dan Syu'ayb al-Arnā'ūṭ, Bayrūt : al-Muassasah al-Risālah, 1990.

Ibn Abī Ḥātim, al-Imām al-Ḥāfiẓ 'Abd al-Raḥmān Bin Muḥammad Bin Idrīs al-Rāzī, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, tahqiq As'ad Muḥammad al-Ṭayyib, Riyāḍ : Maktabah Nazzar Muṣṭafa al-Bāz, 1997.

Ibn Abī Syaybah, Abū Bakr 'AbduLlāh Bin Muḥammad Bin Ibrāhīm, *al-Muṣannaf*, tahqiq Ḥamad Bin 'AbduLlāh a dan Muḥammad Bin Ibrāhīm, Riyāḍ : Maktabah al-Rusyd, 2004.

Ibn al-Athīr al-Jazarī, al-Imām Maj al-Dīn Abī al-Sa'ādāt al-Mubārak Bin Muḥammad, *Jāmi' al-Uṣūl Fī Aḥādīth al-Rasūl*, tahqiq 'Abd al-Qadīr al-Arnā'ūṭ, t.t.p : t.p, 1971.

Ibn al-Ḍurays, Abī 'AbdiLlah Muḥammad Bin Ayyūb Ibn Ḍurays, *Faḍā'il al-Qur'ān*, tahqiq 'Urwah Badīr, Dimasyq : Dār al-Fikr, 1987.

Ibn al-Jawzī al-Qurasyiy, Abī al-Farj 'Abd al-Raḥmān Bin 'Alī, *al-Mawḍū'āt*, tahqiq 'Abd al-Raḥmān Muḥammad 'Uthmān, Madīnah : al-Maktabah al-Salafiyyah, 1966.

Ibn al-Jawzī, Abī al-Farj 'Abd al-Raḥmān Bin 'Alī Ibn al-Jawzī al-Taymiyy al-Qurasyiy, *al-'Ilal al-Mutanāhiyah Fī al-Aḥādīth al-Wāhiyah*, tahqiq al-Syaykh Khalīl al-Mays, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983.

Ibn al-Jawzī, Jamāl a-Dīn Abī al-Farj 'Abd al-Raḥmān Bin 'Alī Bin Muḥammad, *al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn,* tahqiq Abū al-Fidā' 'AbduLlāh al-Qāḍī, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986.

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, al-Imām Syams al-Dīn Abī 'AbdiLlah Muḥammad Bin Abī Bakr al-Ḥanbalī al-Dimasyq, *al-Manār al-Munīf Fī al-Ṣaḥīḥ Wa al-Ḍa'īf*, tahqiq 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, t.t.p : t.p, 1970.

Ibn al-Sunnī, al-Ḥāfiẓ Abū Bakr Aḥmad Bin Muḥammad al-Dīnūriy, *Kitāb 'Amal al-Yawm Wa al-Laylah*, tahqiq Basyīr Muḥammad 'Uyūn, t.t.p : Maktabah Dār al-Bayān, 1987.

Ibn 'Aqīlah al-Makkiy, *Al-Ziyādah Wa al-Iḥsān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, t.t.p : Markaz al-Buḥūth Wa al-Dirāsāt, 2006.

Ibn 'Asākir, Abū al-Qāsim 'Alī Bin al-Ḥasan Ibn Hibah Allāh Bin 'Abd Allāh al-Syāfi'ī, *Tārīkh Madīnah Dimasyq*, tahqiq Muḥibb al-Dīn Abī Sa'īd 'Umar, Bayrūt : Dār al-Fikr, 1998.

Universiti Malaya

Ibn 'Aṭiyyah al-Andalūsiy, Abū Muḥammad 'Abd al-Ḥaq Bin Ghālib Bin 'Aṭiyyah al-Andalūsī,, *al-Muḥarrar al-Wajīz Fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*, tahqiq 'Abd al-Salām 'Abd al-Syāfī Muḥammad, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001.

Ibn Basyrān, 'Abd al-Mālik Bin Muḥammad Bin 'AbduLlāh, *al-Amālī*, Riyāḍ : Dār al-Waṭan, 1997.

Ibn Basyrān, 'Abd al-Mālik Bin Muḥammad Bin 'AbduLlāh, *al-Amālī*, tahqiq Aḥmad Bin Sulaymān, Riyad : Dar al-Watan, 1999.

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Lisān al-Mīzān*, Bayrūt : Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyah, 2002.

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Natā'ij al-Afkār Fī Takhrīj Aḥādīth al-Adhkār*, tahqiq Ḥamdī 'Abd al-Majīd al-Salafī, Bayrūt : Dār Ibn Kathīr, t.t.

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, tahqiq Abū al-Asybal Ṣaghīr Aḥmad Syaghīf al-Bākistānī, t.t.p : Dār al-'Āṣimah, t.t.

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Abū al-Faḍl Syihāb al-Dīn Aḥmad Bin 'Aliy Ibn Muḥammad Bin Ḥajar, *Talkhīṣ al-Ḥabīr Fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*, Makkah : Muassasah al-Qurṭubah, 1995.

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad Bin 'Alī, *Fatḥ al-Bārī*, tahqiq al-'Abd al-Qadīr Syaybah al-Ḥamd, t.t.p : t.p, 2001.

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad Bin 'Alī, *Bulūgh al-Marām Min Adillah al-Aḥkām*, tahqiq Dr. Māhir Yāsīn al-Fahl, Riyāḍ : Dār al-Qabs, 2014.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl Bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, tahqiq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad, Muḥammad al-Sayyid Rasyād, Muḥammad Faḍl al-'Ajmawī, 'Alī Aḥmad 'Abd al-Bāqī dan Ḥassan 'Abbās Quṭb, Qāhirah : al-Fārūq al-Ḥadīthah, 2000.

Ibn Khuzaymah, al-Imām Abū Bakr Muḥammad Bin Isḥāq Bin Khuzaymah al-Salmiyy al-Naysābūriy, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, tahqiq Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-A'ẓamiy, Bayrūt : al-Maktab al-Islāmiy, 1980.

Ibn Mājah, Abī 'AbdiLlāh Muḥammad Bin Yazid al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, tahqiq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, t.t.

Ibn Syāhīn, al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī Ḥafs 'Umar Bin Aḥmad Bin 'Uthmān, *al-Targhīb Fī Faḍā'il al-A'māl Wa Thawāb Dhālik*, tahqiq Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā'īl, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004.

Universiti Malaya

Khaldūn al-Ahdab, *Asbāb Ikhtilāf al-Muḥaddithīn, Dirāsah Naqdiyyah Muqāranah Ḥawl Asbāb al-Ikhtilāf Fī Qabūl al-Aḥādīth Wa Raddihā*, Riyāḍ : al-Dār al-Sa'ūdiyyah, 1985.

Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1996.

Muḥammad 'Abd al-'Azīz al-Halawiy, *Al-Nafīs Fī al-Tamyīz Bayn al-Ṣaḥīḥ Wa al-Ḍa'īf Wa Syarḥ Muṣṭalah al-Ḥadīth*, t.t.p : Maktabah al-I'tiṣām, t.t.

Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādiy, *'Ulūm al-Ḥadīth Aṣiluhā Wa Mu'āsiruhā*, Selangor: Dar al-Syakir, 2003.

Muḥammad Abū al-Layth, *Takhrīj al-Ḥadīth Nasy'atuhu Wa Manhajiyyatuhu*, Selangor : Dar al-Syakir, 2003.

Muḥammad 'Ajjāj al-Khaṭīb, *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*, Qāhirah : Umm al-Qurā, 1988.

Muḥammad al-Huwaydī, *Khaṣā'iṣ Wa Asrār Wa Tafsīr BismiLlāh al-Raḥmān al-Raḥīm*, t.t.p : Dār al-Mahajjah al-Bayḍā', 2007.

Muḥammad Bin Muḥammmad Abū Syahbah, *al-Wasīṭ Fī 'Ulūm Wa Muṣṭalah al-Ḥadīth*, t.t.p : t.p, t.t.

Mullā 'Alī al-Qārī, al-'Allāmah Nūr al-Dīn 'Alī Bin Muḥammad Bin Sulṭān, *Al-Asrār al-Marfū'ah Fī al-Akhbār al-Mawḍū'ah*, tahqiq Muḥammad al-Sibbāgh, Bayrūt : Muassasah al-Risālah, 1971.

Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qusyayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bayrūt : Dār Ibn Ḥazm, t.t.

Muslim, al-Imām Abī al-Ḥusayn Muslim Bin al-Ḥajjāj al-Qusyayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bayrūt : Dār al-Ta'ṣīl, 2014.

Muslim, al-Imām Abī al-Ḥusayn Muslim Bin al-Ḥajjāj al-Qusyayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, tahqiq Ṣidqī Jamīl al-'Aṭar, Bayrūt : Dar al-Fikr, 2003.

Muslim, al-Imām Abī al-Ḥusayn Muslim Bin al-Hajjaj al-Qusyayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, tahqiq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, Bayrūt : Dār Iḥyā al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991.

Nāṣir Bin Sa'ūd Bin 'AbduLlāh, *al-Aḥādīth Wa al-Āthār allati ḥakama 'alayhā al-Imām al-Nawāwī Fī Kutubihi,* Riyad : Dar Atlas, 1999.

Nawāwī al-Bantānī, Muḥammad Nawāwī Ibn 'Umar, *Tanqīḥ al-Qawl al-Ḥathīth*, t.t.p: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.

Universiti Malaya

Nur al-Din 'Itr, *Manhaj al-Naqd Fi 'Ulum al-Hadith*, Bayrut : Dar al-Fikr al-Mu'asir, 1997.

Al-Sayyid Abū al-Ma'āṭī al-Nūrī, *Al-Jāmi' Fī al-Jarḥ Wa al-Ta'dīl*, Bayrūt : 'Ālam al-Kutub, 1992.

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, tahqiq Aḥmad Syāghif al-Bākistānī, t.t.p: Dār al-'Āṣimah, t.t.

**RUJUKAN JURNAL**

Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid, "Drs. Abdul Ghani Azmi Bin Idris : Tinjauan Terhadap Sumbangan Dan Penulisan Beliau Dalam Majalah Pengasuh Mengenai Ilmu Hadith", *Jurnal Usuluddin*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, bil. 25, 2007.

Faisal Ahmad Shah, "Penyebaran Hadith Palsu Dalam Mediamassa Dan Media Sosial:Realiti Dan Cabaran", *HADITH: Jurnal Ilmiah Berwasit Tahun keenam,* Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, bil. 11, 2016.

Faizuri bin Abdul Latif, "Tradisi Penulisan Hadith Dalam Karya 'Ulama' Melayu : Kajian Terhadap Kitab 'Aqidah al-Najin", *Jurnal Usuluddin*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, bil. 30, 2009.

Jawiah Dakir, " Hadith Masyhur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij Dan Analisis", *Jurnal Usuluddin*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, bil. 29, 2009.

Mohd Nor Adli bin Osman, "Riwayat-Riwayat Perawi Berdusta Dan Dituduh Berdusta Dalam Periwayatan Hadith", *Journal of Hadith Studies,* Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, bil 1, 2019.

Mohammad Fattah, "Memahami Sunnah Rasulullah S.A.W. Menerusi Gabungan Metodologi Takhrij Hadith & Mukhtalif Hadith", *Jurnal Hadhari*, Selangor: Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia, bil 1, 2013.

Muhammad Arif Yahya, " Sumbangan Ahl Al-Hadith Dan Peranannya Dalam Membangun Ketamadunan Islam", *Journal of Hadith Studies,* Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, bil 1, 2016.

Muhammad Faiz Fathi Asmori, Mohd Arif Nazri & Haziyah Hussin, "Hadith-Hadith Dalam Buku Motivasi Di Malaysia (Kajian Sanad Dan Matan)", *AL-BANJARI*, bil. 16, 2017.

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, "Penghujahan Rasional Gah: Satu Analisis", *HADITH: International Reviewed Academic Journal* 6, bil 12, 2016.

Universiti Malaya

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, " Peranan dan Sumbangan Mahmud Yunus (m. 1983) dalam Ilmu Mustalah al-Hadith di Alam Melayu", *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah,* Selangor: Kolej Universiti Islam Selangor, bil 1, 2018.

Nirwana Sudirman, " Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu", *Jurnal Melayu*, Selangor: Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia, bil 15, 2016.

Roshimah Shamsudin, " Hadith Daif: Analisis Terhadap Amalan-Amalan Kerohanian Terpilih Masyarakat Melayu", *HADITH: International Refereed Academic Journal In Islamic Studies*, Selangor: Kolej Universiti Islam Selangor, bil 16, 2018.

Dr. Muhamad Hapizi bin Sulaiman, " Hadith Palsu Dan Dhaif: Pengertian Dan Kesan", *Jurnal Penyelidikan Islam,* Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, bil 27, 2015.

Dr. Syed Abdul Majid Ghouri, "Fabrication Of The Prophet's Pbuh Tradition: A Study On History And Consolidation And A Brief Display Of The Most Important Books Authored In Fabricated Hadith", *Journal of Hadith Studies,* Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, bil 12, 2016.

**RUJUKAN TESIS DAN DISERTASI**

Abdul Azis Bin Awang Kechik , "Hadith-Hadith Dalam Bughyah al-Tullab Karangan Syaykh Daud al-Fatani (Jilid Dua) : Takhrij Dan Analisis", Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009.

Amran Bin Abdul Halim , "Konsep Bidaah Menurut Hadith-hadith al-Kutub al-Tis'ah : Kajian Persepsi Dalam Kalangan Ahli Akademik Di IPTA Malaysia", Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan al-Qur'an Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014.

Badaruddin Haba, "Kajian Hadith Dalam Kitab Tafsir Marah Labid Karya Syaykh Nawawi al-Bantani : Tumpuan Kepada Surah al-Baqarah", Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012.

Mohamad Yusri Yubhi Bin Md Yusoff, "Kefahaman Dan Pengamalan Solat Berdasarkan Sunnah Rasulullah : Satu Kajian Di Kalangan Masyarakat Islam Singapura", Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2008.

Mohamed Bazri Che Harun, "Hadith-Hadith Dalam Karya Syeikh 'Abd. Qadir al-Mandili : Takhrij Dan Analisis", Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012.

Universiti Malaya

Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri, "Hadith-hadith Muamalat Maliyyah Dalam Kitab-kitab Jawi Terpilih : Takhrij Dan Analisis", Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan al-Qur'an Dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010.

Wan Aminurrashid Bin Wan Abd Hamid, "Hadith-Hadith Dalam Kitab Sayr al-Salikin Karangan Syaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani : Satu Kajian Dalam Bab Solat", Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010.

**RUJUKAN LAMAN WEB**

"Introduction to Cronbach's Alpha", laman sesawang *mattchoward.com* diakses pada 3 Februari 2018, https://mattchoward.com/introduction-to-cronbachs-alpha/

Bicara Rasul, http://www.bicararasul.com/. 21 Mac 2017

Dewan Bahasa Dan Pustaka, http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=analisis. 13 Oktober 2014.

Dr. Matt C. Howard, "Introduction to Cronbach's Alpha", https://mattchoward.com/introduction-to-cronbachs-alpha/ bertarikh 3.2.2018

EKamus dewan Bahasa Dan Pustaka, http://ekamus.dbp.gov.my/Search.aspx?spec=true&type=1&cari=kefahaman. 23 Mac 2017

Fathul Bari Mat Jahya, "Mudarat Penyebaran Hadith Palsu, Lemah", laman sesawang *Sinar Harian*, diakses pada 17 Jun 2018, http://www.sinarharian.com.my/rencana/mudarat-penyebaran-hadith-lemah-palsu-1.325096

http://mppkpkemaman.files.wordpress.com/2012/04/metodologi_pengkajiankualitatif.pdf bertarikh 20 september 2014.

http://www.scribd.com/doc/123113429/Perbezaan-Kajian-Kuantitatif-dan-Kualitatif bertarikh 20 september 2014.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, http://www.islam.gov.my/e-hadith. 21 Mac 2017

Kamarul Azmi Jasmi, " Kesahan Dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif", http://eprints.utm.my/41093/1/KamarulAzmiJasmi2012_Kesahan%26KebolehpercayaanKajianKualitatif.pdf bertarikh 3.2.2018

Mohamed Najib Abdul Ghafar, " Kaitan Antara Kepimpinan Kerja Berpasukan Pengetua Dengan Kepuasan Kerja Ketua Panitia di Daerah Kluang" http://eprints.utm.my/12154/1/JEM-2011-1-006.pdf bertarikh 3.2.2018

Universiti Malaya

Mohamed Najib Abdul Ghafar, " Kaitan Antara Kepimpinan Kerja Berpasukan Pengetua Dengan Kepuasan Kerja Ketua Panitia di Daerah Kluang", laman sesawang *eprints.utm.my*, diakses pada 3 Februari 2018 http://eprints.utm.my/12154/1/JEM-2011-1-006.pdf

Mohd Azrin Bin Johari, "Kajian Terhadap Kefahaman Hadith Kalangan Ahli Jemaah Masjid Dan Surau Di Shah Alam, Selangor", laman sesawang *The Online Journal of Islamic Education,* diakses pada 3 Jun 2018, http://ojie.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/download/5252/3050/

Mohd Shah Che Ahmad, "Hadith Palsu Punca Syirik", laman sesawang *Utusan,* diakses pada 17 Jun 2018, http://www.utusan.com.my/rencana/agama/hadith-palsu-punca-syirik-1.217538

Ashriq Fahmy Ahmad, "Bahana Hadith Palsu", laman sesawang *Utusan*, diakses pada 18 Ogos 2019, https://www.utusan.com.my/rencana/utama/bahana-hadith-palsu-1.633814

Mohd Husni Mohd Noor, "Hadith palsu ancam kestabilan negara", laman sesawang *Berita Harian*, diakses pada 18 Ogos 2019, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/389035/hadith-palsu-ancam-kestabilan-negara

Semak Hadith,. iakses 21 Mac 2017, http://semakhadith.com/

SIGIR, diakses 21 Mac 2017, http://sigir.uitm.edu.my/webhadith/

Universiti Malaya